

SIRI PENGAJIAN SEJARAH

SEJARAH SOSIAL MASYARAKAT MALAYSIA

AZMAH ABDUL MANAF

RECEIVED
JAN 11 2011
KUALA LUMPUR
MALAYSIAN LIBRARY



UTUSAN PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN BHD

Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
No. 1 & 3, Jalan 3/91A
Taman Shamelin Perkasa, Cheras
56100 Kuala Lumpur
Tel: 03-9856577
Fax: 03-9846554/9875763
e-mel: enquiry@upnd.com.my
laman web: www.upnd.com.my

© Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
Terbitan Pertama 2001

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hak cipta terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Azmah Abdul Manaf

Sejarah sosial masyarakat Malaysia / Azmah Abdul Manaf.

Bibliografi: ms. 366

ISBN 967-61-1234-8

1. Malaysia--Social conditions--History. 2. Malaysia--Social life and customs. 3. Malaysia--History. I. Judul.
959.5

APB 01054094

NASKAH PEMELIHARAAN

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Dicetak oleh
LOHPRINT SDN. BHD.

No. 5 Jalan SR 3/6,
Taman Serdang Raya,
43300 Seri Kembangan,
Selangor Darul Ehsan.

30 MAR 2002

m
959.5
A2m

Prakata

Bismillahir Rahmanir Rahim

PUJI dan puja hanya untuk Allah, Tuhan seru sekalian alam, kerana dengan izin limpah kurnia dan rahmat-Nya, buku ini dapat diterbitkan juga setelah sekian lama hasrat untuk menerbitkannya tertangguh.

Buku ini sebenarnya berasal daripada modul pembelajaran yang dibekalkan kepada para pelajar pendidikan Jarak Jauh USM yang mengikuti kursus JMS 412: Sejarah Sosial Malaysia Moden. Kursus ini mula diperkenalkan pada tahun 1994. Bagi tujuan penerbitan, modul berkenaan telah diubahsuai daripada bentuk modul kepada bentuk teks. Malah susunan topik dan isi kandungannya juga sudah diubahsuai. Namun begitu sebagai hasil penulisan sulung yang diterbitkan, buku ini memang banyak kelemahannya, sama ada dari segi isi kandungannya mahupun perbincangannya. Namun hasrat untuk menghasilkan tulisan yang menyentuh aspek-aspek sosial masyarakat Malaysia yang boleh dikatakan ketandusan itu maka dengan segala kelemahannya ia diterbitkan juga. Oleh yang demikian, teguran dan kritikan adalah dialu-alukan dan akan dijadikan panduan ke arah menghasilkan tulisan yang lebih mantap lagi.

Terbitnya buku ini adalah hasil daripada dorongan demi dorongan yang diberikan oleh bekas pensyarah saya yang kini merupakan rakan sejawat iaitu Dr. Abdul Rahman Hj. Abdullah. Tanpa dorongan beliau tidak mungkin buku ini diterbitkan. Yang demikian penghargaan yang tidak terhingga saya tujukan kepada

beliau. Penghargaan juga saya tujukan kepada rakan-rakan dalam bahagian sejarah yang lain iaitu Dr. Hj. Ahmad Jelani Halimi dan Dr. Hj. Md. Isa Othman yang turut menggalakkan saya menerbitkan buku ini. Kepada rakan-rakan sejawat yang lain yang sentiasa memberikan semangat diucapkan terima kasih. Kepada bekas pelajar saya, sumbangan dan buah fikiran mereka banyak memberi manfaat kepada buku ini. Penghargaan diberikan kepada sesiapa juga yang terlibat dalam penulisan buku ini yang tidak dapat disebutkan namanya di sini.

Akhir sekali ucapan penghargaan saya tujukan kepada suami dan anak yang dikasihi. Pengertian suami tentang masa yang perlu ditumpukan dalam proses penerbitan buku ini amat disanjung tinggi. Sesungguhnya tanpa sokongan dan dorongan serta pertolongan daripada pelbagai pihak, buku ini tidak akan menjadi kenyataan. Semoga buku ini akan memberi manfaat sedikit sebanyak kepada khalayak di samping menambahkan koleksi penerbitan buku-buku sejarah negara ini.

AZMAH ABDUL MANAF

Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang.

Mei 2001

Senarai Kependekan

ABIM	-	Angkatan Belia Islam Malaysia
API	-	Angkatan Pemuda Insaf
AWAS	-	Angkatan Wanita Sedar
CCM	-	<i>Council Churches of Malaysia</i>
CFM	-	<i>Christian Federation of Malaysia</i>
CIAM	-	<i>Central Indian Association of Malaya</i>
CUEPACS	-	<i>Congress of Union of Employees in the Public and Civil Service</i>
DKA	-	Darah Keturunan Arab
DKK	-	Darah Keturunan Keling
GPMS	-	Gabungan Pelajar-Pelajar Melayu Semenanjung
ISA	-	<i>Internal Security Act</i>
KCA	-	<i>Kadazan Cultural Association</i>
KMS	-	Kesatuan Melayu Singapura
KMM	-	Kesatuan Melayu Muda
LMS	-	<i>London Missionary Society</i>
MAYC	-	<i>Malayan Association of Youth Club</i>
MCC	-	Malayan Christian Council

MIC	-	Malayan/Malaysian Indian Congress
MBM	-	Majlis Belia Malaysia
MCS	-	Malayan Civil Service
MTUC	-	Malaysian Trades Union Congress
NGO	-	Non Government Organization
OIC	-	Organizations of Islamic Conference
PAS	-	Parti Islam Se-Malaysia
PASPAM	-	Persatuan Sahabat Pena Se-Malaya
PEMIAT	-	Persatuan Mahasiswa Asia Tenggara
PERKIM	-	Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia
PKM	-	Parti Komunis Malaya
PKMM	-	Parti Kebangsaan Melayu Malaya
PKPIM	-	Persatuan Pelajar-Pelajar Islam Malaysia
PMFTU	-	Pan Malayan Federations of Trades Union
PMGLU	-	Pan Malayan General Labour Union
RTM	-	Radio Televisyen Malaysia
SITC	-	Sultan Idris Teachers College
UMNO	-	United Malays National Organization
USIA	-	United Sabah Islamic Assosiation
YMIA	-	Young Mens Indian Association
YMCA	-	Young Men Christian Association
YWCA	-	Young Women Christian Association

Senarai Peta

- 2.1 Tanah Melayu: Sungai-Sungai Utama
- 2.2 Perkembangan Pembinaan Jalan Raya pada Tahun 1939
- 2.3 Rangkaian Jalan Raya di Sarawak pada Tahun 1964
- 2.4 Jalan-jalan Kereta Api pada Peringkat Pertama
- 2.5 Jalan-jalan Kereta Api pada Peringkat Kedua
- 2.6 Jalan-jalan Kereta Api pada Peringkat Ketiga
- 2.7 Rangkaian Jalan Raya dan Jalan Kereta Api di Sabah pada Tahun 1960
- 2.8 Rangkaian Sistem Pengangkutan di Semenanjung Malaysia pada Tahun 1973

Senarai Jadual

- 2.1 Bandar-bandar Penting di Tanah Melayu pada Tahun 1947
- 3.1 Taburan Pekerjaan Terpilih di Kalangan Orang Melayu dan Cina di Negeri-negeri Selat pada Tahun 1921
- 12.1 Akhbar-Akhbar Berbahasa Inggeris yang diterbitkan pada Abad Ke-19
- 12.2 Akhbar-Akhbar Melayu pada Abad Ke-19
- 12.3 Akhbar dan Majalah Bercorak Agama pada Abad Ke-19
- 12.4 Akhbar-Akhbar Melayu Terpilih Sebelum Perang
- 12.5 Akhbar dan Majalah Bercorak Agama pada Abad Ke-20

Pendahuluan

SEHINGGA kini, tidak ada sebuah karya sejarah sosial untuk Malaysia secara khusus sama ada pada zaman tradisional mahupun moden. Namun demikian, tidak dinafikan akan wujudnya penulisan-penulisan sejarah Malaysia yang boleh diklasifikasikan sebagai aspek-aspek daripada cabang sejarah sosial. Barangkali buku seperti *The Underside of Malaysian History* oleh Peter J. Rimmer & Lisa M Allen (ed), *Malay Society* oleh Khoo Kay Kim dan *Malay Society in the Late Nineteenth Century* oleh J.M. Gullick boleh disifatkan sebagai karya-karya sejarah sosial Malaysia biarpun bidang cakupannya agak terhad, kepada membicarakan satu-satu aspek sahaja. Misalnya buku *The Underside of Malaysian History* menumpukan perhatian kepada sekelompok masyarakat yang tidak mendapat perhatian sebelum ini dalam penulisan sejarah yang ada iaitu kelompok masyarakat bawahan yang miskin dan bekerja dalam industri yang tidak dianggap penting oleh kebanyakan orang. Contohnya kehidupan penarik beca, fenomena pelacuran dan kehidupan buruh-buruh ladang. Sementara J.M.Gullick pula membincangkan tentang masyarakat Melayu yang mula mengalami perubahan pada abad ke-19. Sebelum itu Khoo Kay Kim pernah mengusahakan sebuah buku tentang masyarakat Melayu daripada pelbagai aspek sosial yang diambil daripada kajian pelajar-pelajarnya.

Selain daripada buku-buku di atas banyak buku telah diterbitkan yang berkaitan dengan budaya hidup masyarakat Melayu yang juga

merupakan cabang daripada aspek sosial. Kebanyakan buku itu berkisar kepada unsur-unsur budaya popular yang wujud dalam masyarakat Melayu. Antara yang boleh disebutkan di sini ialah dari segi kepercayaan lama seperti yang terkandung dalam buku *Malay Magic* karya W.W. Skeat, Mohd. Taib Osman berjudul *Malay Folk Beliefs*, Endicott bertajuk *An Analysis of Malay Magic* dan tulisan Frank Swettenham bertajuk *Malay Sketches*. Tulisan-tulisan yang membincangkan tentang kebudayaan Melayu juga banyak. Antara yang boleh disebutkan di sini ialah tulisan Mohd. Taib Osman berjudul *Bunga Rampai Kebudayaan Melayu*, Richard Winstedt bertajuk *The Malays – A Cultural History* dan Ismail Hamid dengan bukunya, *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Berdasarkan tajuk-tajuk buku ini ia terhad kepada hanya membincangkan tentang masyarakat Melayu zaman tradisi. Jadi ia tidak menggambarkan masyarakat Malaysia yang kini sudah jauh berubah, berubah bukan sahaja dari segi budaya hidup bahkan juga dari segi struktur masyarakatnya yang kini berbilang kaum, agama dan budaya.

Tulisan tentang masyarakat yang dahulunya dikenali dengan nama kaum imigran juga ada tetapi tidak begitu banyak. Antara yang boleh disebutkan di sini ialah tulisan S. Arasaratnam bertajuk, *Indians in Malaya and Singapore*, W. L. Blythe bertajuk *Historical Sketch of Chinese Labour in Malaya*, V. Purcell dengan bukunya *The Chinese in Malaya*, K. S. Sandhu dengan tulisannya *Indians in Malaya* dan tulisan oleh J. Rabindra Daniel bertajuk *Indian Christians in Peninsular Malaysia*. Sekali lagi tulisan-tulisan ini terhad hanya kepada membincangkan tentang kaum dan aspek-aspek tertentu sahaja. Walaupun begitu memang tidak dapat dinafikan bahawa ada antara tulisan-tulisan mereka membincangkan aspek lain yang terangkum dalam bidang sosial.

Tidaklah dapat dinafikan bahawa sejarah sosial masyarakat tanpa mengira kaum dan agama di Malaysia adalah sesuatu yang menarik untuk dibincangkan. Sebagai sebuah negara yang pernah dijajah oleh beberapa kuasa besar Eropah maka sudah tentulah rentak sejarah kehidupan negara ini berubah mengikut dasar dan ketentuan pemerintah dan tentunya ia memberi kesan sosial yang tidak sedikit ke atas masyarakatnya. Satu perkara yang menarik tentang perkara

ini ialah walaupun pihak Portugis dan Belanda memerintah Melaka sekitar lebih daripada seratus tahun tetapi kesan yang dialami oleh negeri tersebut tidak begitu ketara sama ada dari segi perkembangan infrastruktur mahupun unsur-unsur moden yang lain. Sebaliknya kerajaan Inggeris yang memerintah negeri-negeri Melayu tidak sampai seratus tahun (bermula pada peristiwa Perjanjian Pangkor 1874), telah banyak membawa perubahan sama ada perubahan politik, ekonomi mahupun sosial masyarakat Tanah Melayu. Barangkali adalah keterlaluan untuk meletakkan pihak Inggeris pada taraf tertinggi untuk menerangkan keadaan ini. Tambahan pula tujuan mereka tiada lain selain daripada keuntungan pada pihak mereka. Kemungkinan tidak dapat ditolak bahawa terdapat unsur-unsur lain yang membantu perubahan ini menjadi dengan lebih cepat tambahan pula dunia pada ketika itu telah melangkah ke era pemodenan.

Dari segi ruang lingkup, bidang sosial memang luas. Erti perkataan sosial itu sudah cukup memperlihatkan keluasan cakupan itu. Dalam kamus *Dwibahasa*, sosial yang diambil daripada perkataan Inggeris *social* bermaksud aktiviti atau kegiatan manusia dalam masyarakat. Jelas, segala aktiviti atau kegiatan manusia termasuk dalam bidang sosial. Walau bagaimanapun untuk membincangkan keseluruhan kegiatan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan agama ini dalam satu buku, ia adalah sesuatu yang sukar untuk dilaksanakan. Untuk hanya menumpukan perbincangan kepada tajuk-tajuk tertentu sahaja, seperti yang terkandung dalam dua buah kajian yang telah disebutkan tadi, dirasakan bahawa cakupannya menjadi terlalu sempit. Jadi sebagai jalan tengah, buku ini akan membincangkan aspek-aspek sosial yang dianggap penting dalam sejarah masyarakat Malaysia. Boleh dikatakan ini adalah satu percubaan untuk menghasilkan sebuah buku sejarah sosial untuk masyarakat Malaysia.

Keseluruhan perbincangan dalam buku ini adalah berkenaan dengan sejarah masyarakat. Oleh yang demikian semua aspek yang berkaitan dengan masyarakat Malaysia akan dibincangkan termasuklah berkenaan sejarah pembentukan masyarakat Malaysia, komposisi kaum, kemajuan infrastruktur dan juga corak serta

aktiviti hidup mereka. Oleh kerana tajuk buku ini adalah Malaysia, maka cakupan perbincangan termasuklah Sabah dan Sarawak. Sebolehnya yang mungkin, setiap aspek yang dibincangkan akan juga menyentuh kedua-dua negeri tersebut. Namun begitu jika tiada apa-apa maklumat atau rujukan tentang topik-topik berkenaan maka perbincangan akan hanya terbatas kepada negeri-negeri di Semenanjung sahaja. Perkara ini memang tidak wajar tetapi tidak dapat dielakkan.

Untuk memudahkan pemahaman, buku ini dibahagikan kepada empat bahagian berasaskan tema-tema tertentu. Tema pertama ialah berkenaan dengan sejarah pembentukan dan perkembangan masyarakat Malaysia. Tema ini yang dibahagikan kepada empat bab dianggap penting kerana pokok perbincangan ialah tentang masyarakat dan setiap masyarakat mempunyai sejarah asal usulnya terutama masyarakat Malaysia yang berbilang kaum ini. Sesuai dengan tema maka bab pertama akan berkisar kepada hal-ehwal kependudukan masyarakat Malaysia itu sendiri sejak zaman awal hinggalah kepada perubahan-perubahan yang dialaminya yang memberi kesan yang tidak sedikit kepada struktur masyarakatnya. Jumlah penduduk, taburan dan pekerjaan mereka juga tidak ketinggalan akan dibincangkan. Sehubungan dengan itu aktiviti migrasi menjadi tumpuan kerana aktiviti ini terlalu dominan di negeri-negeri Melayu dari sejak zaman awal hinggalah ke abad 18 dan 19.

Berkait rapat dengan kependudukan ialah perkembangan infrastruktur yang turut membantu mencorakkan pola dan taburannya. Maka ia akan mengisi perbincangan dalam bab kedua. Perkembangan infrastruktur yang menjadi tumpuan ialah pada pembinaan jalan raya dan jalan kereta api di samping telekomunikasi yang tidak kurang pentingnya dalam urusan kehidupan masyarakat terutamanya yang berkaitan dengan aktiviti ekonomi. Berkaitan dengan perkembangan infrastruktur yang diusahakan sama ada oleh kerajaan Inggeris atau orang perseorangan mahupun syarikat-syarikat swasta ialah perkembangan bandar. Didapati banyak bandar-bandar baru dibuka sama ada untuk keperluan ekonomi mahupun pentadbiran.

Bab ketiga khusus membincangkan tentang masyarakat Melayu, masyarakat yang diiktiraf sebagai penduduk peribumi Tanah Melayu. Perbincangan akan berkisar kepada reaksi masyarakat Melayu apabila berhadapan dengan era zaman moden yang serba mencabar dan berhadapan pula dengan saingan daripada masyarakat imigran. Sememangnya masyarakat Melayu mengalami perubahan, kesan daripada perkembangan semasa sama ada dari sudut perubahan yang boleh dianggap positif mahupun sebaliknya. Pengekalan unsur tradisi turut menjadi sebahagian daripada perbincangan. Struktur dan susun lapis masyarakat Melayu pada zaman tradisi akan dibincangkan sebagai latar belakang untuk memudahkan pemahaman terhadap perubahan dan pengekalan yang berlaku dalam struktur dan susun lapis masyarakat itu sendiri. Salah satu aspek yang diberi perhatian ialah pada kemunculan kelas menengah Melayu atau disebut juga sebagai elit pentadbir Melayu (*Malay administrative elite*). Masalah ketinggalan masyarakat Melayu dalam mengejar kemajuan hidup dan bersaing dengan kaum imigran dalam segala lapangan akan menjadi subtopik dalam bab ini kerana ia adalah satu perkara yang memang sedia diketahui umum dan sering dibincangkan dari segi sebab-sebabnya.

Bab terakhir dalam bahagian ini memberikan tumpuan kepada corak hidup masyarakat imigran terutamanya orang Cina dan India. Pemilihan mereka bukan sekadar kerana ramainya bilangan mereka berbanding kaum lain tetapi juga kerana peranan besar yang telah dimainkan dalam sejarah pembangunan politik, ekonomi dan sosial Malaysia. Aspek penghijrahan menjadi perkara pertama yang akan dibincangkan, diikuti dengan pola kependudukan dan jenis pekerjaan. Corak hidup masyarakat imigran serta masalah-masalah yang timbul akibat kehadiran mereka juga akan dibincangkan misalnya tentang gejala-gejala sosial seperti kongsi-kongsi gelap dan masalah pelacuran yang berleluasa di kalangan mereka.

Bahagian kedua buku ini yang mengandungi tiga bab bertemakan agama dan kepercayaan yang dianut oleh masyarakat Malaysia. Setiap individu dan masyarakat mempunyai agama dan kepercayaan mereka sendiri sebagai panduan hidup, kerana itulah tema ini menjadi penting dan ia juga mencerminkan struktur masyarakat

Malaysia yang mempunyai pelbagai corak dan budaya hidup. Agama dan kepercayaan dominan sahaja yang menjadi perbincangan dalam bahagian ini iaitu agama Islam, Kristian, Hindu dan Buddha. Bab kelima akan membincangkan tentang agama Islam, agama rasmi Malaysia, agama anutan masyarakat Melayu dan sebahagian daripada masyarakat bukan Melayu. Dalam konteks agama Islam, buku ini tidak akan membincangkan tentang sejarah kedatangan Islam ke Malaysia dan sejarah penerimaan agama Islam oleh masyarakat Melayu kerana ia telah banyak dibincangkan secara khusus oleh buku-buku lain. Sebaliknya tumpuan perbincangan adalah pada arus kebangkitan Islam yang telah melanda Malaysia dan ditunjangi oleh gerakan-gerakan dakwah sejak dekad 1960-an hingga 1980-an. Oleh yang demikian, perbincangan akan difokuskan kepada pertubuhan-pertubuhan Islam utama yang muncul dan menonjol dari segi peranan mereka dalam gerakan dakwah Islam ini. Empat pertubuhan yang menjadi pilihan ialah ABIM, Perkim, Jemaah Tabligh dan Arkam. Jatuh bangun pertubuhan-pertubuhan ini dalam menghadapi cabaran terhadap kebangkitan Islam akan menjadi fokus perbincangan.

Bab keenam akan berkisar kepada agama Kristian. Tumpuan perbincangan dalam bab ini agak berlainan jika dibandingkan dengan agama Islam iaitu ia bercorak agak umum. Agama Kristian menjadi tumpuan selepas Islam bukan kerana ia menjadi agama terbesar selepas Islam tetapi kerana aktiviti penyebarannya yang tidak putus-putus sejak ia sampai di bumi Melayu ini beratus-ratus tahun dahulu berbanding agama Hindu dan Buddha. Sejarah dan perkembangan agama Kristian daripada pelbagai mazhab sejak ia mula sampai hingga ke tahun-tahun 1980-an menjadi fokus perbincangan di samping aktiviti penyebarannya di kalangan penduduk tempatan. Bab ketujuh iaitu yang terakhir dalam tema ini ialah berkenaan sejarah dan perkembangan agama Hindu dan Buddha yang menjadi anutan sebahagian besar masyarakat India dan Cina. Kedua-dua agama ini dibincangkan dalam satu bab kerana sejarah kedatangannya yang boleh dikatakan serentak sama ada pada zaman awal mahupun pada zaman moden.

Bahagian yang seterusnya bertemakan sistem adat dan perundangan yang mewarnai sistem hidup masyarakat Malaysia. Adat

dan perundangan satu elemen yang penting dalam kehidupan bermasyarakat untuk memastikan sesuatu masyarakat itu dapat hidup dengan aman dan harmoni. Tanpa adat dan perundangan, sesuatu masyarakat itu pincang dan kucar-kacir hidupnya. Dalam konteks masyarakat Malaysia, pengetahuan tentang sejarah awal adat dan perundangan serta perkembangannya akan dapat menerangkan kepada kita tentang corak hidup masyarakat sebelum ini dan dapat meninjau sejauh mana kepintaran mereka mengendalikan hidup sebagai sebuah masyarakat yang bertamadun. Tiga aspek utama menjadi tumpuan dalam bahagian ini yang dipecahkan kepada bab-bab tertentu. Bab kelapan yang merupakan aspek pertama dalam bahagian ini menyentuh berkenaan sejarah adat dan perundangan masyarakat Melayu dan juga kaum bumiputera Sabah dan Sarawak. Aspek ini akan ditinjau sejarahnya sejak zaman awal membawa kepada zaman moden. Jenis-jenis adat dan perundangan yang diamalkan iaitu Adat Temenggung dan Adat Perpatih di negeri-negeri Melayu akan dibincangkan dari sudut beberapa aspek yang penting seperti dalam hal-ehwal kekeluargaan dan sistem pewarisan harta

Bab berikutnya khusus membincangkan tentang sistem perundangan yang diamalkan oleh masyarakat Melayu sejak mereka menerima Islam. Penekanan utama ialah pada persoalan sejauh mana sistem perundangan Islam diamalkan dalam kehidupan seharian dan dalam hal-ehwal yang berkaitan dengan perundangan. Beberapa undang-undang Melayu akan dibincangkan secara khusus untuk memenuhi persoalan tersebut seperti *Undang-undang Melaka* dan *Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan* dari Perak. Bab terakhir dalam bahagian ini iaitu bab kesepuluh pula akan meninjau tentang kemunculan undang-undang Inggeris yang datang seiring dengan hadirnya mereka di bumi Melayu ini. Sejauh mana kehadirannya menggugat keutuhan sistem perundangan Melayu yang disulami dengan pengaruh perundangan Islam akan ditinjau. Sistem perundangan yang membabitkan kaum imigran tidak dibincangkan kerana apabila mereka menetap di negeri-negeri Melayu pilihan mereka, mereka tertakluk kepada undang-undang Inggeris yang telah pun menjadi penaung kepada negeri-negeri berkenaan.

Bahagian yang terakhir sekali dalam buku ini ialah bertemakan aktiviti sosial masyarakat Malaysia yang menjadi saham kepada wujudnya kesedaran sosial dalam masyarakat. Kesedaran sosial yang dimaksudkan ini berkaitan dengan kesedaran sesuatu masyarakat itu tentang nasib bangsa dan masalah-masalah yang mereka hadapi dan bersama-sama pula berusaha untuk mengatasinya. Dalam konteks masyarakat Malaysia, kesedaran sosial ini berkaitan dengan kesedaran setiap kaum tentang kebajikan kaum masing-masing dalam soal-soal seperti pendidikan dan ekonomi yang menjadi tunjang dalam kejayaan hidup. Sebahagian daripada aktiviti sosial masyarakat Malaysia sudah pun dibincangkan sama ada secara langsung ataupun tidak dalam bab-bab yang lepas. Oleh yang demikian bahagian ini akan memberikan tumpuan kepada aktiviti-aktiviti yang dianggap penting dan menonjol. Tiga aktiviti yang diberi perhatian iaitu aktiviti yang berkaitan dengan aktiviti mencari ilmu pengetahuan iaitu pendidikan, perkembangan media cetak dan aktiviti berpersatuan.

Bab yang kesebelas memberikan tumpuan kepada sejarah kependidikan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum ini. Bab ini agak panjang kerana ia akan membincangkan segala hal-ehwal yang berkaitan dengan pendidikan masyarakat Malaysia sejak zaman awal hingga ke zaman moden. Ini adalah kerana pendidikan adalah satu aspek yang sangat penting dalam menentukan jatuh bangun sesuatu masyarakat. Perbincangan bermula dengan perkembangan sistem pendidikan tradisional masyarakat Melayu yang bersendikan agama Islam iaitu sistem pengajian pondok dan madrasah serta sekolah rakyat. Ini kemudian diikuti dengan perkembangan sistem pendidikan moden yang diperkenalkan oleh kerajaan penjajah serta sistem pendidikan yang diamalkan oleh masyarakat imigran. Oleh kerana isu pendidikan merupakan satu isu yang penting dalam masyarakat berbilang kaum seperti di Malaysia ini, maka satu perbincangan khusus akan diadakan berkaitan dengan falsafah pendidikan negara ke arah mewujudkan integrasi nasional. Perbincangan ini adalah berdasarkan kepada cadangan-cadangan pendidikan yang dikeluarkan oleh jawatankuasa-jawatankuasa yang dilantik oleh kerajaan menjelang kemerdekaan negara.

Aktiviti dalam hal-ehwal media cetak akan dibincangkan dalam bab kedua belas. Ia merangkumi perbincangan tentang sejarah awal kemunculan akhbar dan majalah di kalangan masyarakat tanpa mengira kaum dan bahasa serta perkembangannya sehingga abad ke-20. Perbincangan ini akan berkisar kepada berbagai-bagai aspek yang bersesuaian dengan fungsi media cetak sebagai alat memupuk kesedaran masyarakat tentang kebajikan mereka pada waktu-waktu itu. Sambutan masyarakat terhadap kemunculan media cetak juga akan dibincangkan kerana ia dapat memberi gambaran tentang pengaruh sesuatu akhbar dan majalah di kalangan masyarakat, di samping dapat menentukan jatuh bangun sesuatu penerbitan itu. Berkaitan dengan itu akan turut dibincangkan isu-isu atau topik-topik hangat yang mendapat perhatian media cetak dalam satu-satu masa yang bukan berkenaan politik.

Bab yang terakhir sekali akan membincangkan tentang keterlibatan masyarakat dalam persatuan-persatuan sosial sejak zaman awal. Perbincangan ini tidak terbatas kepada satu-satu jenis persatuan sahaja. Sebaliknya sama ada ia bersifat kebudayaan mahupun kebajikan selagi ia mempunyai ciri-ciri persatuan ia tetap penting untuk dibincangkan. Pentingnya aktiviti berpersatuan ini kerana ia merupakan satu perkara yang berkaitan dengan mewujudkan perpaduan antara mereka yang terlibat. Oleh yang demikian bab ini akan mengenal pasti jenis-jenis persatuan yang muncul, aktiviti dan sambutan masyarakat terhadapnya dan tentunya signifikannya di kalangan masyarakat. Namun, oleh kerana kekurangan bahan, sejarah dan aktiviti berpersatuan di kalangan masyarakat Melayu khususnya tidak banyak yang dapat diperkatakan.

Isi

<i>Prakata</i>	iii
<i>Senarai Kependekan</i>	v
<i>Senarai Peta</i>	vii
<i>Snarai Jadual</i>	viii
<i>Pendahuluan</i>	ix

Bahagian Pertama

Bab 1	Sejarah Kependudukan	1
	Struktur Masyarakat Malaysia Sebelum	
	Abad ke-18	5
	Aktiviti Migrasi Luar	8
	Migrasi dari China	9
	Migrasi dari India	12
	Migrasi dari Tempat-tempat Lain	14
	Kesan-kesan Migrasi	16
Bab 2	Perkembangan Infrastruktur	24
	Sistem Perhubungan dan Pengangkutan	
	Zaman Tradisi	25

	Pembinaan Jalan-jalan Raya	27
	Pembinaan Jalan Kereta Api	34
	Perkembangan Sistem Telekomunikasi	42
	Perkembangan Bandar dan Luar Bandar	45
<i>Bab 3</i>	Masyarakat Melayu: Tradisi dan Perubahan	54
	Struktur Masyarakat Melayu Tradisi	55
	Masyarakat Melayu Abad ke-19 dan 20	60
	Kemunculan Kelas Menengah Melayu	63
	Keadaan Hidup Masyarakat Melayu Abad ke-20	68
	Pengekalan Unsur Tradisi	76
<i>Bab 4</i>	Masyarakat Imigran Sebelum Perang Dunia Kedua	79
	Latar Belakang Penghijrahan Masyarakat Imigran	80
	Sistem Penghijrahan	84
	Corak Hidup Masyarakat Imigran	88
	Masalah-masalah Sosial Masyarakat Imigran	96

Bahagian Kedua

<i>Bab 5</i>	Islam di Malaysia: Perkembangan Gerakan Dakwah	103
	Latar Belakang Gerakan Islam di Malaysia	105
	Perkembangan Gerakan Dakwah 1970-an	108
	Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)	111
	Perkim (Pertubuhan Kebajikan Islam Se-Malaysia)	116
	Jemaah Tabligh	119
	Darul Arqam	124

Bab 6	Gerakan Persatuan-persatuan Pengembang Agama Kristian	131
	Latar Belakang Sejarah Kedatangan Agama Kristian di Malaysia	132
	Pembinaan Gereja	140
	Aktiviti Persatuan Pengembang-pengembang Agama Kristian	143
	Agama Kristian dan Orang Melayu	148
Bab 7	Kedatangan dan Perkembangan Agama Hindu-Buddha	156
	Latar Belakang Kedatangan Agama Hindu-Buddha ke Negeri-negeri Melayu	157
	Perkembangan Gerakan Agama Hindu di Negeri-negeri Melayu	164
	Aktiviti Keagamaan	168
	Perkembangan Agama Buddha	170
	Aktiviti Keagamaan	175

Bahagian Ketiga

Bab 8	Sistem Adat dan Perundangan Melayu Lama	181
	Latar Belakang Sejarah Adat dan Perundangan Orang Asli dan Orang Melayu	183
	Adat Temenggung	187
	Adat Perpatih	191
	Hukum Adat di Sabah dan Sarawak	198
	Sistem Perundangan Melayu Lama	202
Bab 9	Sistem Perundangan Islam: Pengaruh dan Implimentasi	210
	Undang-undang Islam dan Pengaruhnya dalam Hukum Adat Melayu Lama	213

	Pengaruh Undang-undang Islam dalam Sistem Perundangan Melayu Lama	216
	Hukum Kanun Melaka	217
	Hukum Kanun Pahang	222
	Undang-undang Kedah	224
	Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak	226
	Kedudukan Undang-undang Islam Sejak Campur Tangan Inggeris	229
Bab 10	Undang-undang Inggeris: Kedatangan dan Pelaksanaannya	233
	Pengenalan dan Pelaksanaan Undang-undang Portugis dan Belanda di Melaka	234
	Sejarah Pengenalan Undang-undang Inggeris di Negeri-negeri Melayu	238
	Pelaksanaan Undang-undang Inggeris di Negeri-negeri Melayu	245
	Sistem Perundangan Inggeris di Sabah dan Sarawak	250

Bahagian Keempat


Bab 11	Pendidikan Masyarakat Malaysia: Zaman Awal dan Perkembangannya Hingga ke Zaman Moden	257
	Latar Belakang Sistem Pendidikan Zaman Awal	258
	Sistem Pengajian Pondok	260
	Penubuhan Madrasah dan Perkembangannya	266
	Sekolah Rakyat	270
	Sistem Pendidikan Zaman Awal di Sarawak dan Sabah	273

Sejarah Ringkas Pengenalan Sistem Pendidikan Moden	274
Sekolah Melayu dan Perkembangannya	277
Vernakular Cina dan Perkembangannya	288
Vernakular Tamil dan Perkembangannya	293
Sekolah Inggeris	296
Penubuhan Maktab Perguruan	301
Pendidikan di Malaysia: Satu Perbincangan	304
Bab 12 Perkembangan Media Cetak Sejak Abad ke-19	312
Sejarah Awal Kemunculan Akhbar dan Majalah pada Abad ke-19	313
Perkembangan Persuratkhabaran Abad ke-20	321
Perkembangan Akhbar dan Majalah Melayu Bercorak Umum	321
Perkembangan Akhbar dan Majalah Melayu Bercorak Agama	324
Akhbar dan Majalah Inggeris Abad ke-20	326
Akhbar dan Majalah Berbahasa Cina dan Tamil	329
Perkembangan Media Cetak di Sabah dan Sarawak	330
Isu-isu Sosial Penting Abad ke-20 dalam Media Cetak	331
Perkembangan Media Cetak Selepas Perang	337
Bab 13 Aktiviti Berpersatuan: Sejarah Awal dan Perkembangan	342
Sejarah Awal Aktiviti Berpersatuan dan Kemunculan Akta Pertubuhan	344
Aktiviti Berpersatuan Abad ke-20	351

Pergerakan Belia	352
Persatuan Wanita	357
Persatuan-persatuan Lain	361
<i>Bibliografi</i>	370
<i>Biodata</i>	379

Bahagian Pertama

SEJARAH
PEMBENTUKAN DAN
PERKEMBANGAN
MASYARAKAT
MALAYSIA



Bab 1

Sejarah Kependudukan

MALAYSIA pada hari ini didiami oleh pelbagai bangsa, kaum dan etnik, dari Perlis sampailah ke Sabah. Dengan sifat kepelbagaian kaum dan bangsa inilah maka wujud pula kepelbagaian budaya, bahasa, agama dan adat resam. Corak masyarakat Malaysia seperti ini berlaku akibat perubahan masa dan suasana, seperti mana yang berlaku terhadap perubahan struktur politiknya. Suatu waktu dahulu terutama sebelum abad-abad ke-18 dan 19, masyarakat Malaysia (dahulu dikenali sebagai Tanah Melayu) tidak begini coraknya. Sebaliknya boleh dikatakan bahawa Semenanjung Tanah Melayu pada masa lampau hanya didiami oleh orang Melayu dan Orang Asli bersama sebilangan kecil kaum atau bangsa lain.

Aktiviti migrasi merupakan aktiviti biasa dalam sesebuah masyarakat bagi memenuhi keperluan hidup mereka. Ia terjadi di mana-mana sahaja dan ia berlaku sama ada secara dalaman iaitu dari satu kampung ke satu kampung yang lain atau luaran yang melibatkan dari sebuah negara ke negara yang lain. Istimewanya di Tanah Melayu, aktiviti migrasi luaran ini adalah anasir utama yang bertanggungjawab mengubah keseluruhan wajah masyarakat Tanah Melayu di samping memberi kesan yang tidak sedikit terhadap pelbagai aspek kehidupan masyarakatnya yang berkekalan hingga sekarang. Justeru itu aktiviti migrasi merupakan mauduk utama dalam bab ini

Sejarah asal usul petempatan atau kependudukan di Semenanjung dan Sabah serta Sarawak tidak banyak diketahui kerana tiada bukti-bukti nyata yang ditinggalkan seperti kata Leonard & Barbara Andaya bahawa teknologi tentang petempatan manusia di rantau ini masih bersifat tekaan dan hipotesis sahaja.¹ Bagaimanapun ramai sarjana terutamanya ahli arkeologi tidak putus-putus menjalankan kajian bagi mencari bukti tentang petempatan dan tamadun manusia zaman dahulu.² Namun begitu bab ini tidak berhasrat untuk membincangkan tentang hal itu, sebaliknya sekadar ingin membincangkan tentang latar belakang sejarah kependudukan Malaysia. Dalam hal ini banyak teori yang telah dikemukakan dan di sini teori atau cadangan oleh T. G. Mc Gee akan dibincangkan. Dalam rencananya bertajuk "*Population: A Preliminary Analysis*"; T. G. Mc Gee mencadangkan lima peringkat petempatan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak sejak beribu-ribu tahun dahulu hingga ke tahun-tahun 1940-an.³ Petempatan terawal berlaku beribu-ribu tahun Sebelum Masihi apabila orang Melayu daripada sebelah selatan benua Asia berhijrah beramai-ramai ke Semenanjung dan juga ke Kepulauan Borneo. Kedatangan mereka ini secara tidak langsung telah menyebabkan penduduk peribumi (Orang Asli) ketika itu berpindah ke kawasan pedalaman dari kawasan-kawasan pantai. Maka tidak hairanlah jika pihak yang menganggap penghijrahan beramai-ramai orang Melayu ini sebagai satu tindakan menjajah negeri-negeri Melayu daripada Orang Asli.⁴ Ini adalah kerana kedatangan mereka telah mengubah struktur kependudukan di situ apabila orang peribumi mendiami kawasan-kawasan pedalaman (hutan dan bukit bukau) sementara orang Melayu mendiami kawasan-kawasan pantai dan kuala-kuala sungai.

Berdasarkan teori ini orang Melayu adalah kaum yang berhijrah juga cuma bezanya dengan kaum lain. Orang Melayu telah datang dan tinggal menetap di kepulauan Melayu ini sejak beribu-ribu tahun dahulu. Pendeknya orang Melayu menjadi penghuni tertua selepas orang peribumi di negara ini. Sehingga hari ini orang Melayu dikelompokkan sebagai penduduk asal atau peribumi Tanah Melayu khususnya, dan mereka punya identiti yang tersendiri, berbeza dengan Orang Asli dan kaum lain yang dikenali sebagai penduduk

peribumi atau bumiputera. Maka tidak hairanlah jika orang Melayu sering mendakwa bahawa mereka adalah penduduk asal negara ini, walaupun ada pihak yang mempertikaikannya berdasarkan sejarah. Di Kepulauan Borneo, pendatang yang dinamakan sebagai Melayu-proto ini dikatakan sebagai asal usul kepada kaum Murut dan Dusun yang menghuni Sabah terutamanya.⁵

Peringkat atau proses petempatan penduduk yang kedua ialah ketika berkembangnya kerajaan-kerajaan Melayu-Hindu, kedatangan Islam ke Nusantara dan perhubungan awal dengan kuasa-kuasa Eropah (Portugis dan Belanda) serta dengan orang Cina.⁶ Anggaran masa bagi zaman ini ialah pada abad-abad awal selepas Masihi hingga abad ke-16, satu jangka masa yang panjang kerana yang berhijrah itu bukan dalam kelompok yang ramai. Pada waktu ini mereka yang berhijrah ke negeri-negeri Melayu ialah orang Melayu Sumatera terutama yang berketurunan Minangkabau. Mereka kebanyakannya berhijrah ke negeri Melaka yang makmur di bawah pemerintahan kerajaan Kesultanan Melayu Melaka. Pada waktu yang sama sejumlah kecil orang Cina dan India telah datang dan tinggal menetap di Melaka. Berlaku perkahwinan campur di kalangan kaum pendatang ini dengan penduduk tempatan bahkan hal ini terjadi bukan terbatas di kalangan rakyat biasa tetapi juga berlaku di peringkat pemerintah apabila Puteri Hang Li Po dari China berkahwin dengan Sultan Mansur Syah.⁷ Hasil daripada perkahwinan campur dan asimilasi budaya dan cara hidup mereka dengan kebudayaan dan adat resam tempatan, maka lahirlah keturunan Baba dan Nyonya. Keturunan itu masih wujud hingga sekarang terutamanya di Melaka dan Pulau Pinang. Pada peringkat ini terdapat juga sebilangan kecil orang India dan Cina di Sarawak dan Sabah.⁸

Fasa ketiga berkait rapat dengan kedatangan Inggeris ke negeri-negeri Melayu, Sabah dan Sarawak pada abad-abad ke-18 dan 19. Mengikut T.G. Mc Gee, fasa inilah yang telah begitu banyak mengubah atau bertanggungjawab mewujudkan struktur masyarakat majmuk yang ada sekarang. Kepentingan fasa ini terletak kepada dua perkara utama. Pertamanya ialah banjiriran pendatang Cina, India dan Indonesia yang datang secara beramai-ramai yang

mencipta masyarakat majmuk Malaysia. Perkara kedua ialah berkaitan dengan kadar kelahiran dan kematian di kalangan kaum pendatang. Bagi pendatang Cina dan India bilangan mereka memang ramai dan terus bertambah tahun demi tahun tetapi kebanyakannya terdiri daripada buruh-buruh lelaki maka kadar kelahiran di kalangan mereka adalah rendah. Berbanding buruh Indonesia yang berhijrah dengan keluarga, maka kadar kelahiran di kalangan mereka lebih tinggi.

Seperkara lagi, cara penghijrahan dan pola pendudukan mereka tidak menggalakkan berlakunya percampuran antara masyarakat pendatang dengan penduduk tempatan. Keadaan ini menyebabkan kurangnya kemungkinan wujudnya etnik campuran melalui perkahwinan, sama ada di kalangan sesama pendatang ataupun antara pendatang dengan penduduk tempatan. Oleh yang demikian, sifat majmuk masyarakat tetap terpelihara. Sementara itu di Sarawak, dengan sikap kerajaan Brooke yang tidak menggalakkan kemasukan beramai-ramai pendatang asing ke negeri berkenaan dan dasar melindungi kedudukan masyarakat peribumi negeri itu menyebabkan struktur masyarakatnya tidak terganggu ketika itu walaupun hadirnya masyarakat pendatang.

Jika fasa pertama, kedua dan ketiga tidak diberikan tarikh yang tepat, bagi fasa keempat pula telah dikatakan berlaku dalam tempoh antara tahun 1918 hingga 1947. Ketika ini penghijrahan mulai perlahan dan bilangannya turut jatuh. Namun begitu oleh kerana kebanyakan yang datang itu buruh-buruh perempuan maka kadar kelahiran di kalangan mereka telah meningkat dan dalam masa yang sama kadar kematian menurun lantaran keadaan kesihatan yang bertambah baik. Dengan keadaan ini masyarakat pendatang bertambah bilangannya melalui proses biologi. Bagaimanapun, kadar pertumbuhan ini terganggu apabila Jepun menakluk Tanah Melayu pada tahun-tahun 1940-an. Kadar kelahiran jatuh sementara kadar kematian meningkat. Sementara itu di Sabah, walaupun negeri itu turut didatangi oleh kaum pendatang tetapi kadar pertumbuhan penduduknya tidak setinggi di negeri-negeri Melayu kerana dalam masa yang sama kadar kematian adalah tinggi di kalangan penduduk peribumi.

Fasa kelima iaitu fasa yang terkemudian ialah pada tahun-tahun selepas tahun 1947. Sekiranya pada tahun-tahun sebelum 1947 bilangan penduduk di Tanah Melayu terus meningkat, sebaliknya pula dalam masa sepuluh tahun iaitu antara 1947-1957, kadar pertambahan penduduk buat pertama kalinya menurun. Jika dulu negeri-negeri Melayu adalah tumpuan pendatang tetapi pada tempoh ini ramai antara pendatang telah meninggalkan Tanah Melayu sama ada berhijrah ke negara jiran Singapura ataupun ke tempat-tempat lain. Dianggarkan seramai 141 100 orang berhijrah ke Singapura dan sejumlah 110 000 orang berhijrah ke tempat lain. Fenomena ini boleh dikaitkan dengan suasana politik yang tidak stabil apabila Darurat diisytiharkan pada tahun 1948 berikutan serangan daripada Parti Komunis Malaya (PKM). Ramai daripada kaum pendatang Cina terpaksa meninggalkan Tanah Melayu berikutan ketegangan tersebut. Sementara itu keadaan sebaliknya pula berlaku di Sabah dan Sarawak. Kadar pertumbuhan penduduk bertambah berikutan kenaikan kadar kelahiran dan kejatuhan kadar kematian penduduknya. Ini boleh dikaitkan dengan dasar kerajaan Inggeris yang berjaya mengawal keadaan kesihatan. Di Sabah, kadar pertumbuhan ini dibantu oleh aktiviti penghijrahan daripada Indonesia.

STRUKTUR MASYARAKAT MALAYSIA SEBELUM ABAD KE-18

Sebelum abad ke-18 dan 19 Orang Asli, orang Melayu dan kaum bumiputera Sabah dan Sarawak menjadi penduduk majoriti. Orang luar yang berhijrah tetap ada tetapi selain daripada jumlahnya yang tidak ramai, telah berlaku asimilasi budaya antara yang berhijrah itu dengan cara hidup penduduk tempatan. Selain daripada itu terdapat juga kaum pendatang dari Sumatera, Indonesia. Tetapi oleh kerana pendatang ini adalah daripada rumpun bangsa yang sama, maka corak masyarakat Tanah Melayu pada ketika itu tidak terjejas dengan kehadiran kaum pendatang ini. Biarpun dari segi sifatnya tidak majmuk tetapi penduduk Tanah Melayu ketika itu terdiri daripada pelbagai suku kaum yang berbeza terutama di Sabah dan Sarawak. Orang Asli terdiri daripada beberapa jenis antaranya,

Semang, Jakun, Sakai, Negrito dan Orang Laut. Mereka hidup terpisah dalam kelompok masing-masing. Sementara itu di Sabah, penduduk peribuminya terdiri daripada kaum Kadazan/Dusun, Murut, Bajau, Brunei, Illanus dan Kedayan. Kaum Kadazan/Dusun dan Murut merupakan kaum terbesar. Di Sarawak pula, penduduknya terdiri daripada orang Iban atau Dayak Laut, Bidayuh atau Dayak Darat, Kayan, Kenyah, Kelabit, Kedayan, Bisaya dan Melanau.⁹ Kedua-dua Dayak Laut dan Dayak Darat jumlahnya melebihi kaum lain.

Dari segi corak pekerjaan penduduk Malaysia ketika itu, tidak banyak yang diketahui. Orang Asli yang tinggal di kawasan pedalaman hidup berpindah-randah dengan menjalankan pekerjaan seperti memburu binatang, membelah hutan untuk mendapatkan hasil-hasil hutan yang berguna seperti rotan, damar dan kayu-kayu wangi. Selain daripada itu ada juga yang menanam padi huma dan tumbuh-tumbuhan lain untuk dimakan. Orang Laut biasanya menjadi nelayan. Bagi orang Melayu, kebanyakan daripada mereka bercucuk tanam seperti bersawah padi, menanam pokok buah-buahan dan sayur-sayuran. Mereka yang tinggal di kawasan pantai pula menjadikan laut sebagai sumber rezeki. Tidak kurang juga yang masuk ke hutan untuk berburu ataupun mengutip hasil hutan. Berlainan dengan Orang Asli, orang Melayu cenderung untuk hidup pada satu-satu tempat sahaja.

Pada ketika Melaka masyhur sebagai pusat perdagangan, maka ramai yang menceburkan diri dalam lapangan perdagangan dan perniagaan. Orang Melayu umpamanya menjadi orang tengah yang memasarkan hasil-hasil hutan yang berharga termasuk rempah ratus dengan para pedagang asing yang majoritinya adalah orang India dan Arab serta sejumlah kecil orang Cina. Pada abad-abad ini aktiviti perlombongan tertumpu kepada perlombongan besi dan emas. Bijih timah juga dilombong tetapi tidaklah sehebat emas. Kemakmuran Tanah Melayu ketika itu dari segi perdagangan dan perlombongan begitu terserlah dan terkenal sehinggakan Semenanjung Tanah Melayu diberi gelaran Semenanjung Emas oleh pedagang-pedagang dari India terutamanya.

Struktur masyarakat Orang Asli agak mudah. Orang Asli ini dibahagikan kepada beberapa puak dan dipimpin oleh seorang

ketua. Mereka hidup bermasyarakat berdasarkan adat dan peraturan yang telah ditetapkan. Sementara itu, susun lapis masyarakat Melayu terbahagi kepada dua bahagian yang jelas iaitu golongan yang memerintah dan golongan yang diperintah. Namun begitu pembahagian itu boleh diperincikan sebagai sultan, kelas hierarki yang tertinggi, kelas bangsawan, kelas pembesar, rakyat biasa dan hamba. Pembahagian seperti ini secara tidak langsung melibatkan pembahagian jenis pekerjaan. Kelas bangsawan terdiri daripada kaum keluarga diraja. Dari segi pekerjaan, mereka adalah golongan pentadbir yang terdekat dengan sultan di samping para pembesar negeri. Pembesar-pembesar negeri pula kebanyakannya bekerja sebagai pembesar daerah yang mengawal keadaan dan juga memungut cukai daripada rakyat. Tetapi ada juga antara mereka yang bekerja sebagai peniaga.

Hidup rakyat biasa pada umumnya sederhana sahaja malah ada yang miskin, kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Ini adalah kerana secara umumnya mereka bekerja atau bertani setakat untuk memenuhi keperluan diri dan keluarga sahaja serta untuk membayar cukai kepada pihak pemerintah. Dalam masa yang sama mereka terikat dengan sistem kerah yang diwajibkan pada waktu-waktu tertentu oleh pihak istana. Sistem ini memaksa rakyat meninggalkan pekerjaan mereka untuk bekerja bagi pihak istana tanpa sebarang ganjaran. Situasi ini sebenarnya adalah suatu keadaan yang lumrah bagi kebanyakan masyarakat di negara-negara lain di Asia Tenggara sebelum kedatangan penjajah pada abad ke-18 dan 19. Lapisan yang paling bawah sekali ialah golongan hamba, yang terikat dengan tuan masing-masing yang kebanyakannya pembesar-pembesar Melayu.

Struktur masyarakat Tanah Melayu seperti ini tidak kekal lama. Memasuki abad ke-18 ia sudah mula berubah wajah sedikit demi sedikit seiring dengan perkembangan yang berlaku baik dari segi politik mahupun ekonomi dan sekali lagi ingin disebutkan di sini bahawa fenomena ini bukan sahaja berlaku di Malaysia tetapi juga di sebahagian besar negara-negara Asia Tenggara. Namun begitu perubahan dalam struktur masyarakat yang berlaku di Malaysia lebih ketara berbanding dengan negara-negara yang lain. Fenomena

migrasi dari luar yang berlaku akibat faktor penarik yang ada di bumi ini mahupun akibat faktor penolak di negara asal masing-masing yang bertanggungjawab mencernakan perubahan yang berkekalan sehingga ke hari ini.

AKTIVITI MIGRASI LUAR

Menjelang akhir abad ke-18 dan awal abad ke-19 aktiviti penghijrahan begitu mendadak dengan bilangan yang ramai dan tidak putus-putus sehingga awal abad ke-20. Keadaan ini boleh dikaitkan dengan kedatangan Inggeris ke negeri-negeri Melayu sejak pengambilan Pulau Pinang pada tahun 1786, diikuti Singapura pada tahun 1819, Melaka pada tahun 1824, Perak pada tahun 1874 dan negeri-negeri Melayu yang lain pada tahun-tahun berikutnya. Menjadi dasar kuasa-kuasa Eropah mencari kekayaan apabila datang ke timur dan Tanah Melayu yang kaya dengan hasil buminya menjadi tumpuan pihak Inggeris. Atas dasar inilah mereka telah berusaha untuk meningkatkan kegiatan perlombongan bijih timah terutamanya dan menjalankan sistem pertanian komersial. Untuk memenuhi tujuan itu, maka lebih banyak lombong-lombong bijih timah diusahakan dan penanaman sistem perladangan diperkenalkan untuk tanaman kontan seperti lada hitam, tebu, kopi dan lebih-lebih lagi getah apabila didapati bahawa ia boleh hidup subur di negara ini. Permintaan yang tinggi terhadap getah untuk menghasilkan pelbagai jenis barang seperti tayar, kasut, penebat barangan elektrik di Eropah dan Amerika Syarikat¹⁰ telah menggalakkan kerajaan Inggeris mengusahakan penanaman getah secara besar-besaran.

Untuk menjayakan kegiatan-kegiatan ekonomi ini, tenaga buruh yang ramai dan murah sangat diperlukan. Atas dasar untuk tidak mahu mengganggu-gugat struktur masyarakat Melayu yang sedia ada dan yang dikatakan tidak berminat bekerja sebagai buruh di lombong-lombong mahupun di ladang-ladang getah, maka sebagai jalan keluar untuk menampung keperluan tenaga buruh ini ialah dengan mengimport tenaga buruh dari luar. Bertepatan pula dengan waktu dan ketikanya, buruh-buruh luar mudah untuk dicari terutamanya daripada negara China dan India serta Indonesia.

Buruh-buruh Cina telah ditempatkan di lombong-lombong bijih timah manakala buruh-buruh India ditempatkan di ladang-ladang getah dan ladang-ladang lain. Bermula dari era inilah maka Tanah Melayu mula dibanjiri dengan kaum pendatang. Imigran Cina mendahului imigran India apabila mereka mula datang ke negeri-negeri Melayu sejak awal abad ke-19 manakala buruh-buruh India pula hanya mula datang pada akhir abad yang sama. Tanpa mengira risiko yang terpaksa dihadapi pada kemudian hari kelak, kerajaan Inggeris tidak pernah menghalang kemasukan buruh-buruh ini biarpun bilangannya mencecah ribuan orang dalam satu-satu masa.

MIGRASI DARI CHINA

Keluar daripada kemiskinan hidup yang penuh penderitaan di tanah air mereka¹¹ adalah pendorong kepada orang Cina berhijrah keluar termasuk ke negeri-negeri Melayu. Kemiskinan dan penderitaan hidup yang dimaksudkan itu berkaitan dengan suasana kehidupan di negara China. Ketidakstabilan ekonomi dan politik ditambah pula dengan tercetusnya pemberontakan Taiping pada tahun 1857 di kawasan tengah dan selatan China menjadi faktor penolak di samping masalah penduduk yang berlebihan di kawasan selatan. Keadaan ini mewujudkan masalah pengangguran yang tinggi dan juga masalah kebuluran. Kawasan yang paling ramai penduduknya berhijrah ialah dari daerah Kwantung, Fukien dan Kwangsi. Dalam masa yang sama, wujud faktor yang menarik mereka untuk berhijrah apabila peluang-peluang pekerjaan terbuka luas di negeri-negeri Melayu.

Masyarakat Cina terbahagi kepada pelbagai puak berdasarkan bahasa atau dialek pertuturan mereka. Kalau ditinjau dari segi pola penghijrahan berdasarkan kelompok bahasa atau dialeknya, didapati bahawa pendatang-pendatang itu terdiri daripada kelompok bahasa Teochew dan Kantonis yang berasal dari Kwantung, Hokkien dari Fukien, mereka yang bertutur dalam dialek Hakka berasal dari daerah pergunungan Kwantung, Kwangsi serta Fukien dan kelompok dialek Hainanis dari Pulau Hainan. Negeri yang menjadi tumpuan utama mereka ialah Negeri-Negeri Selat (Pulau Pinang, Singapura dan Melaka) dan kemudian ke negeri-negeri Melayu yang

lain. Di negeri-negeri Melayu tumpuan mereka ialah di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Johor (negeri-negeri di Pantai Barat). Di Sabah dan Sarawak, tumpuan mereka ialah di kawasan-kawasan bandar seperti di daerah Sandakan dan Tawau serta di Kuching dan Miri. Daripada keseluruhan jumlah pendatang Cina, lebih kurang 60% tinggal di Tanah Melayu, 27% di Singapura dan 13% di wilayah Borneo.¹² Dari segi pola kependudukan mengikut bahasa didapati bahawa orang Cina daripada kelompok bahasa Teochow lebih bertumpu ke negeri Kedah dan Pulau Pinang, sementara Hokkien pula tertumpu di kawasan-kawasan bandar di Negeri-Negeri Selat. Kelompok bahasa Hakka dan Kantonis lebih banyak berhijrah ke wilayah Borneo terutama di Sabah.

Kemasukan buruh-buruh Cina ke negeri-negeri Melayu ini melalui beberapa cara yang dikenal pasti dan lazimnya diusahakan oleh orang tengah iaitu orang Cina sendiri yang telah lama menetap di sini. Sistem tiket kredit sangat popular dan kebanyakan buruh-buruh Cina diambil melalui sistem ini walaupun ia melibatkan unsur-unsur yang tidak sihat dan mendatangkan kesengsaraan kepada buruh-buruh Cina berkenaan. Sistem ini kemudiannya digantikan dengan sistem pengambilan personel oleh majikan yang memerlukan pekerja itu sendiri dan sistem pengambilan rumah kongsi apabila kerajaan Inggeris mula prihatin dalam hal-chwal merekrutkan buruh-buruh Cina ini. Di Sabah pula pihak Chartered Company pernah mengambil beberapa langkah untuk menggalakkan kemasukan orang Cina ke Sabah. Antaranya dengan menawarkan sejumlah wang dan sebidang tanah kepada yang berminat. Di samping itu mereka pernah menawarkan tambang perjalanan percuma kepada bakal-bakal buruh ini melalui *Basel Mission* mereka. Boleh dikatakan sistem pengambilan buruh Cina di Sabah lebih baik berbanding di negeri-negeri Melayu.

Bilangan buruh-buruh Cina yang berhijrah memang ramai dan sentiasa bertambah dari masa kemasa, namun angka yang tepat sukar untuk ditentukan. Namun begitu adalah dianggarkan bahawa dalam masa dua tahun iaitu daripada tahun 1899 hingga 1900 tidak kurang daripada 100 000 orang dewasa Cina telah tiba di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu sahaja, tidak termasuk negeri-negeri lain.

Kesan daripada kehadiran mereka ini begitu dirasakan apabila pada 1901 didapati bahawa 65 peratus daripada keseluruhan penduduk negeri Selangor adalah kaum pendatang Cina ini.¹³ Secara tidak langsung ia telah menenggelamkan penduduk Melayu sebagai penduduk majoriti.

Jika ditinjau pula dari segi pola pekerjaan, didapati bahawa yang lebih ramai terlibat dalam sektor perlombongan ialah orang Hakka dan Kantonis yang terlibat juga dengan kerja-kerja kemahiran tangan. Orang Hokkien dan Teochew pula lebih banyak terlibat dalam sektor pertanian, pekedai kecil dan pendayung perahu.¹⁴ Jelas bahawa pola kependudukan masyarakat Cina pada ketika itu adalah berdasarkan dialek bahasa dan jenis pekerjaan. Dengan kata lain, perpaduan di kalangan sesama mereka agak kurang lebih-lah lagi mereka pernah terlibat dalam pergaduhan sesama sendiri atas kepentingan kekayaan dan sumber pendapatan. Misalnya pada tahun 1869 tercetus satu pergaduhan berdarah antara kumpulan yang dikenali sebagai Ka Yin Chiu dengan kumpulan Kui Chin kerana berebutkan kawasan perlombongan bijih timah di Perak. Sungguhpun kedua-dua kumpulan yang terlibat ini adalah daripada orang Hakka,¹⁵ tetapi mungkin datangnya daripada daerah yang berlainan.

Walaupun umum mengetahui bahawa tumpuan buruh-buruh Cina ini adalah pada sektor perlombongan, namun mereka juga terlibat dalam sektor-sektor lain seperti perladangan, pertanian, kemahiran tangan, perniagaan, penarik-penarik beca dan lain-lain lagi. Dari segi jumlah atau bilangan mereka, dianggarkan bahawa pada tahun 1907, pekerja-pekerja lombong Cina di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu meningkat kepada angka 231 368 berbanding 186 337 pada tahun 1903. Sementara itu dalam sektor perladangan pula pada tahun 1907, sejumlah 5348 buruh Cina terlibat dan meningkat ke angka 12 402 dua tahun kemudiannya.¹⁶ Dalam bidang pertanian terdapat seramai 49 504 orang Cina pada tahun 1921 di Negeri-Negeri Selat. Orang Cina yang bekerja sebagai penarik beca pula seramai 22 985 orang pada tahun yang sama.¹⁷

Di Sabah dan Sarawak, sejajar dengan kenyataan bahawa perkembangan ekonominya yang agak sederhana, aktiviti penghijrahan

berlaku juga tetapi tidak seperti di negeri-negeri Melayu. Walau bagaimanapun tidak dapat dinafikan bahawa terdapat juga aktiviti pengimportan buruh-buruh Cina pada separuh akhir abad ke-19 misalnya oleh syarikat-syarikat tembakau yang beroperasi di Sabah dan juga oleh Chartered Company sendiri di Sabah.¹⁸ Dikatakan bahawa terdapat lebih kurang seribu orang Cina tinggal di Bahagian Pertama Sarawak dan juga di Papar Sabah.¹⁹ Jumlah ini terus meningkat tahun demi tahun. Misalnya pada tahun 1901 bilangan penduduk Cina berjumlah 12 282 orang meningkat menjadi 39 356 orang dua puluh tahun berikutnya. Selain daripada bekerja di ladang-ladang tembakau dan teh, orang Cina juga bekerja sebagai pedagang dan peniaga. Walaupun Sabah ditadbir oleh kerajaan Inggeris selepas Perang Dunia Kedua tetapi ia tidak mengganggu aktiviti migrasi dari China ini.

MIGRASI DARI INDIA

Kelompok kedua terbesar pendatang ke Tanah Melayu ialah dari negara India. Kebanyakan mereka berasal dari India Selatan iaitu dari Negapatam dan Madras. Suasana di negara itu yang dilanda masalah kemiskinan dan kebuluran mendorong ramai orang India berhijrah ke negara-negara lain termasuk Tanah Melayu. Faktor ini seakan sama dengan faktor yang mendorong pendatang-pendatang dari negeri China ke Tanah Melayu. Di samping itu faktor penarik yang sedia ada di negeri-negeri Melayu menambah minat mereka untuk berhijrah. Berlainan dengan pendatang-pendatang Cina, pendatang-pendatang India tidak dipisahkan kepada beberapa kelompok berdasarkan bahasa atau dialek. Sebaliknya mereka dipisahkan oleh daerah yang berlainan dan oleh sistem kasta yang diamalkan. Bagaimanapun, pemisahan ini tidak terlalu ketara berbanding dengan buruh-buruh Cina.

Buruh-buruh India ini datang sejak daripada pembukaan Pulau Pinang oleh Inggeris. Pada waktu itu bilangan mereka masih kecil. Setelah Inggeris menguasai negeri-negeri Melayu barulah jumlahnya bertambah. Sebelum ladang-ladang getah diusahakan secara besar-besaran, orang India yang berhijrah ini ditempatkan di ladang-ladang tebu di Seberang Perai, di utara Perak dan ladang kopi di Selangor.

Sehingga tahun 1890 jumlah buruh India tidaklah begitu ramai berbanding buruh Cina. Malahan ketika kejatuhan harga kopi menjelang abad ke-20, ramai pendatang India balik ke negara asal mereka.

Bagaimanapun, perkembangan pesat dalam perusahaan getah memaksa pihak-pihak tertentu termasuk kerajaan Inggeris mengatur pelbagai cara untuk menarik buruh-buruh dari India supaya datang bekerja di ladang-ladang getah berkenaan. Antara usaha mereka ialah dengan menubuhkan Tabung Imigran India (*Tamil Immigration Fund*). India yang ketika itu juga berada di bawah jajahan kerajaan Inggeris memudahkan urusan pengambilan buruh-buruh berkenaan. Berikutan daripada usaha-usaha itu, sehingga tahun 1906, dianggarkan seramai 95 000 buruh India telah berjaya dibawa masuk ke negeri-negeri Melayu. Daripada jumlah itu seramai 43 824 orang telah ditempatkan di ladang-ladang getah di seluruh semenanjung pada tahun 1904 dan bilangan itu meningkat kepada 55 132 pada tahun 1909.²⁰ Selebihnya bekerja di sektor-sektor pembinaan seperti pembinaan landasan kereta api dan buruh-buruh am. Pada tahun 1921 dianggarkan seramai 8000 orang India telah bekerja sebagai buruh-buruh kereta api.²¹ Di Sabah, buruh-buruh India kebanyakannya bekerja dalam pasukan keselamatan sementara di Sarawak pula mereka bekerja di lombong-lombong emas di Sambas dan Bau.

Cara pengambilan buruh-buruh India agak berlainan daripada buruh-buruh Cina dan ia lebih sistematik. Sistem buruh kontrak merupakan cara pengambilan yang pertama sekali digunakan. Ia melibatkan majikan secara langsung dalam usaha mencari buruh melalui wakilnya yang dihantar ke India. Sistem Kangany menggantikan sistem buruh kontrak apabila ia diharamkan pada tahun 1910 kerana melibatkan penganiayaan terhadap buruh-buruh berkenaan. Selain daripada itu terdapat juga buruh-buruh bebas yang lebih bernasib baik kerana boleh memilih pekerjaan yang diingini. Di Sabah pula, pihak Chartered Company sekali lagi memainkan peranan dengan melantik ejen-ejennya di negeri berkenaan untuk merekrut buruh-buruh India.

Walaupun jumlah buruh India yang dibawa masuk ke negeri-negeri Melayu memang ramai, tetapi mereka yang menetap agak

kurang berbanding dengan buruh Cina. Ini adalah disebabkan oleh beberapa perkara. Salah satunya ialah sebab kesihatan. Jika dibandingkan dengan pendatang Cina, kadar kematian pendatang India adalah tinggi. Contohnya pada tahun 1908 sejumlah 5419 orang telah mati akibat pelbagai penyakit. Keadaan ini barangkali boleh dikaitkan dengan keadaan kehidupan mereka yang tidak teratur di ladang-ladang yang baru dibuka dan kemudahan kesihatan yang buruk. Barangkali kerana sebab yang sama yang telah mendorong ramai daripada mereka meninggalkan negeri ini. Misalnya pada tahun 1908 seramai lebih kurang 12 000 orang telah meninggalkan Tanah Melayu daripada 38 801 yang datang pada tahun berkenaan.²²

MIGRASI DARI TEMPAT-TEMPAT LAIN

Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak menjadi tumpuan bukan hanya di kalangan pendatang dari negara China dan India tetapi juga berjaya menarik minat pendatang dari tempat lain termasuk Ceylon dan Indonesia. Bagaimanapun, berbanding dengan imigran Cina dan India, bilangan mereka adalah jauh lebih rendah. Di negeri-negeri Melayu kebanyakan pendatang Indonesia datang dari Jawa dan Sumatera sementara di Sabah dan Sarawak mereka datang dari Jawa, Kalimantan (Banjarmasin), Celebes dan Timor, tidak ketinggalan daripada Sulawesi. Dari segi suku kaumnya, ramai pendatang terdiri daripada orang Jawa, Bugis, Minang dan Banjar. Jika dibandingkan dari segi jumlah, di negeri-negeri Melayu bilangan pendatang Indonesia ini lebih kecil berbanding imigran Cina dan India, tetapi di Sabah dan Sarawak jumlah mereka lebih besar. Keadaan ini terjadi kerana kurangnya pendatang-pendatang Cina dan India yang berhijrah ke kedua-dua negeri tersebut. Tambahan pula Sabah dan Sarawak lebih dekat dengan Kalimantan, Celebes dan Sulawesi berbanding Tanah Melayu.

Faktor kedudukan yang dekat bukanlah faktor utama yang mendorong pendatang Indonesia berhijrah ke Tanah Melayu pada abad ke-18 dan 19. Sebaliknya, banyak sebab yang boleh diambil kira. Antaranya ialah akibat kepadatan penduduk yang terlalu tinggi khususnya di Pulau Jawa dan di Madura.²³ Tekanan pemerintahan kolonial Belanda yang memang terkenal dengan sikap keras mereka

terhadap penduduk tempatan juga mendorong orang Indonesia ini untuk berhijrah ke tempat lain. Di samping itu melarikan diri akibat daripada penglibatan dalam politik juga boleh menjadi faktor selain sebab-sebab persendirian lain. Malaysia adalah jiran terdekat dan mempunyai banyak peluang ekonomi maka sesuai sebagai petempatan baru mereka.

Kedatangan mereka adalah melalui usaha persendirian mahupun melalui syarikat pengambilan pekerja khususnya bagi pendatang dari pulau Jawa.²⁴ Mereka yang datang sendiri bebas untuk bekerja dalam sektor yang mereka sukai, manakala yang datang melalui syarikat berkenaan, mereka ditempatkan di negeri-negeri yang memerlukan. Secara umumnya di negeri-negeri Melayu, kebanyakan buruh-buruh Indonesia ini bekerja di sektor-sektor perladangan sama ada ladang tebu mahupun getah. Dianggarkan bahawa pada tahun 1909 sejumlah 6170 orang Jawa bekerja di ladang-ladang di seluruh Negeri-Negeri Melayu Bersekutu terutama di Selangor. Di Sabah, buruh ini yang umumnya orang Bugis kebanyakannya bekerja sebagai buruh ladang. Dianggarkan pada tahun 1921 terdapat seramai 11 223 buruh Indonesia bekerja di ladang-ladang di Sabah.²⁵ Ini merupakan satu jumlah yang besar, malah lebih tinggi daripada di semenanjung.

Pendatang dari Ceylon kebanyakannya terdiri daripada kaum Sinhalese. Mereka datang dari kawasan pantai selatan negara tersebut.²⁶ Mereka datang dengan jumlah yang agak ramai sejak akhir abad ke-19 dan berterusan hingga ke abad berikutnya terutamanya selepas Ceylon dikuasai oleh kerajaan British. Berbanding dengan pendatang lain, desakan ekonomi bukanlah merupakan faktor utama yang menyebabkan orang Sinhalese ini berhijrah. Sebaliknya mereka berhijrah atas tujuan mencari rezeki yang lebih baik daripada yang mereka peroleh di negara mereka sendiri.²⁷ Kerana itulah kebanyakan daripada mereka yang datang itu masih muda dan datang secara persendirian, tidak melalui ejen atau syarikat pengambilan pekerja. Dari segi jenis pekerjaan, tumpuan mereka adalah pada pekerjaan yang melibatkan kereta api di samping menjadi peniaga barang-barang kemas. Tumpuan mereka adalah di bandar-bandar besar seperti di Kuala Lumpur, Ipoh,

Taiping, Pulau Pinang dan Melaka. Di Sabah dan Sarawak, boleh dikatakan mereka tiada.

KESAN-KESAN MIGRASI

Fenomena migrasi ini telah mendatangkan kesan yang tidak sedikit ke atas negara Malaysia terutamanya pada pola dan struktur masyarakatnya. Antara kesan yang timbul ialah dari segi pertambahan penduduk yang bertambah secara mendadak menjadikan penghuni negeri-negeri Melayu, Sabah dan Sarawak bertambah ramai akibat kedatangan kaum pendatang secara beramai-ramai dan berterusan dalam jangka waktu yang singkat. Sebelum ini penduduk tetap negeri-negeri Melayu, Sabah dan Sarawak walaupun bertambah setiap tahun tetapi dengan kadar yang kecil. Pertambahan penduduk ini boleh dilihat misalnya dalam jangka masa sepuluh tahun antara 1891 hingga 1901 didapati bahawa kadar pertumbuhan penduduk peribumi di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu hanya naik 34.9 peratus berbanding orang Cina yang meningkat sebanyak 83.4 peratus dan orang India sebanyak 188.8 peratus.

Pola atau taburan kependudukan mengikut kawasan dan negeri juga menerima kesan akibat fenomena ini. Dengan kedatangan kaum imigran ini lahirlah satu bentuk baru dari segi taburan kependudukannya apabila terdapat kawasan atau negeri yang menjadi tumpuan atau padat jumlah penduduknya terutamanya negeri-negeri di sebelah pantai Barat. Dalam masa yang sama terdapat kawasan atau negeri yang tetap dengan keadaan asalnya seperti di negeri sebelah pantai timur. Ini menunjukkan keadaan ketidakseimbangan bilangan penduduk antara Pantai Barat dengan Pantai Timur. Ini juga berkaitan dengan kawasan luar bandar dan juga bandar. Taburan penduduk berdasarkan kaum juga ketara. Orang Melayu tertumpu di kawasan-kawasan luar bandar manakala kaum pendatang pula di kawasan-kawasan bandar, pusat-pusat perlombongan dan ladang-ladang. Pola sebegini rupa memang jauh berbeza daripada corak masyarakat Tanah Melayu sebelum kedatangan kaum imigran ini.

Satu lagi kesan yang nyata akibat migrasi luar ini ialah dari segi sifat kepelbagaian kaum yang mendiami Tanah Melayu. Tanah

Melayu yang sebelum ini hanya didiami oleh kaum bumiputera yang boleh dikatakan dari satu rumpun bangsa, kini telah menjadi tempat kediaman orang Cina, India, Sinhalese dan orang Eurasia yang masing-masing mengamalkan pelbagai budaya dan adat resam serta agama. Maka lahirlah masyarakat majmuk di Malaysia. Dengan kehadiran kaum pendatang, masyarakat Melayu bukan lagi merupakan penduduk majoriti. Bahkan kini orang Melayu hanya merupakan sebahagian daripada penduduk Malaysia, malah dari segi peratusannya tidak sampai 50 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk.

Terdapat pembahagian atau garisan pemisah yang jelas antara kaum dalam aspek kependudukan dan pekerjaan. Boleh dikatakan tidak banyak perubahan yang berlaku pada pola kependudukan dan pekerjaan orang Melayu dan juga Orang Asli bahkan mereka sebenarnya semakin terpinggir. Namun masih ada orang Melayu yang tinggal di kawasan bandar biarpun jumlahnya begitu kecil jika dibandingkan dengan kaum lain. Ramai daripada mereka ialah keturunan peranakan sama ada peranakan Arab mahupun peranakan India yang cenderung menjalankan perniagaan. Di samping mereka ialah orang Melayu daripada kelas atasan yang bekerja dalam bidang pentadbiran dan pendidikan.

Orang Cina pula tinggal di kawasan-kawasan berdekatan lombong-lombong bijih timah yang akhirnya berkembang menjadi bandar. Tidak hairanlah jika kita dapati bahawa di kawasan-kawasan bandar penduduk majoritinya adalah orang Cina. Pendeknya, mereka tinggal di kawasan-kawasan yang berpotensi untuk berkembang maju berdasarkan prestasi ekonomi kawasan tersebut. Contoh terbaik ialah Kuala Lumpur. Asalnya dahulu adalah salah satu pusat melombong bijih timah tetapi kini ia telah pesat berkembang sebagai pusat pentadbiran yang penting dan bandar yang maju. Majoriti penduduk Kuala Lumpur adalah orang Cina. Sementara mereka yang terlibat dengan sektor perladangan pula akan tinggal di kawasan ladang berkenaan yang mendorong pembukaan penempatan baru. Ringkasnya, orang Cina tertumpu kepada negeri-negeri sebelah Pantai Barat kerana lombong-lombong bijih timah dan ladang-ladang kebanyakannya tertumpu di negeri-negeri

tersebut. Ini menjadikan bilangan penduduk Cina negeri-negeri di Pantai Timur (Kelantan, Terengganu dan Pahang) boleh dikatakan tiada langsung. Hanya pada akhir-akhir ini mereka mula mendiami negeri-negeri tersebut, itu pun dengan jumlah yang kecil sahaja.

Bagi orang India pula, pola kependudukan mereka tertumpu ke kawasan-kawasan estet dan ladang, tempat mereka bekerja iaitu di negeri-negeri Pantai Barat juga. Secara tidak langsung lebih banyak kawasan telah diterokai dan didiami. Justeru kerana potensi ekonominya, kawasan-kawasan ini kemudiannya berkembang menjadi kawasan kediaman yang mempunyai pelbagai kemudahan asas. Ini akhirnya melahirkan bandar-bandar baru yang terus berkembang memenuhi keperluan penduduknya. Walaupun bilangan orang India yang berhijrah ke negeri-negeri Melayu ramai, tetapi akhirnya bilangan mereka merosot kerana ramai yang pulang semula ke negara asal mereka seperti yang telah disebutkan sebelum ini. Orang India tidak seperti orang Cina yang majoritinya mengambil keputusan untuk terus tinggal menetap di negara ini. Kerana itulah bilangan orang India tidak dapat menyamai bilangan orang Cina dan juga orang Melayu.

Di Sabah dan Sarawak, oleh kerana jumlah kaum imigran lebih kurang jika dibandingkan dengan di Semenanjung, maka secara tidak langsung ia tidak begitu banyak menjejaskan corak atau taburan kependudukan di kedua-dua negeri terbabit. Begitu juga dari segi komposisi kaum. Penduduk peribumi masih mengatasi bilangan kaum pendatang. Dari segi taburannya, kaum pendatang ini lebih tertumpu ke kawasan-kawasan bandar yang memang terdapat peluang-peluang ekonomi yang lebih baik daripada kawasan-kawasan pedalaman. Jumlah pendatang Cina lebih ramai jika dibandingkan dengan pendatang India tetapi mungkin sama atau lebih sedikit daripada pendatang Indonesia di Sabah. Sementara di Sarawak pula, jumlah pendatang Cina hanya meningkat selepas penyerahan negeri itu kepada kerajaan Inggeris selepas Perang Dunia Kedua. Bagaimanapun, ia tidak mampu menarik ramai pendatang untuk berhijrah kerana potensi ekonominya yang tidak begitu menyerlah.

Berdasarkan kepada taburan kependudukan masyarakat Malaysia didapati bahawa hubungan sosial antara sesama mereka terutama pada peringkat awal pembentukan masyarakat majmuk, sangatlah terbatas dan tidak begitu baik. Lantaran keterpisahan dari segi kawasan kediaman, pekerjaan dan sistem pendidikan, maka hubungan sosial sesama mereka tidak dapat dipupuk, malah pernah tercetus beberapa rusuhan kaum dalam sejarah negara ini. Barangkali sikap ini timbul kerana masing-masing kaum belum dapat menerima hakikat bahawa mereka telah tinggal dalam satu negara dan sama-sama telah membangunkan ekonomi negara ini, justeru itu mempunyai hak untuk hidup dan berkongsi kekayaan bersama-sama. Bagi orang Melayu, pada peringkat awal kebanjiran kaum pendatang ini, mereka mengambil sikap tidak kisah. Malah ada pembesar-pembesar Melayu yang bekerjasama rapat dengan tauke-tauke atau kapitan-kapitan Cina untuk mengusahakan lombong-lombong bijih milik mereka. Pembesar-pembesar ini tidak berasa ragu untuk mengambil buruh-buruh Cina untuk bekerja dengan mereka. Keadaan ini boleh digambarkan melalui hubungan baik dan kerjasama yang terjalin antara Raja Jumaat dengan Saudagar Chee Yam Chuan dari Melaka yang sama-sama mengusahakan lombong bijih di Lukut Selangor. Begitu juga halnya dengan Temenggung Ibrahim Johor yang menggalakkan orang Cina meneroka tanah untuk tanaman lada hitam dan gambir.²⁸

Adalah dipercayai bahawa kemungkinan besar orang Melayu mengambil sikap begitu kerana mereka menganggap bahawa kaum pendatang ini tidak akan tinggal kekal di negara ini. Mereka hanya datang dan bermastautin dalam jangka waktu tertentu untuk mencari kekayaan dan kemudian akan pulang ke negara asal masing-masing. Anggapan ini timbul kerana kebanyakan pendatang-pendatang itu datang bersendirian dan tidak berkeluarga. Dan sememangnya pada peringkat awal kebanjiran kaum pendatang ini, mereka akan pulang ke negara asal masing-masing setelah berjaya mengumpulkan wang. Kaum pendatang ini juga didapati tidak mengambil kisah tentang hal-ehwal pentadbiran dan politik negeri-negeri Melayu. Jadi, tiada apa yang perlu dirunsingkan dan orang Melayu rasakan tidak perlu untuk duduk bersama dan bercampur

gaul dengan kaum pendatang ini. Walau bagaimanapun sikap tidak ambil kisah orang Melayu ini telah mula berubah pada tahun-tahun 1920-an. Perubahan sikap ini bersabit dengan perubahan sikap kaum pendatang terhadap negara ini, terutama di kalangan mereka yang telah tinggal lama di sini, atau yang memang telah dilahirkan di negara ini dan memperoleh kerakyatan British (*British subject*) serta berpendidikan Inggeris.

Golongan pendatang ini telah mula menyuarakan pelbagai tuntutan sebagai penduduk tetap negeri-negeri Melayu termasuk hak dalam politik. Mereka secara terbuka menyatakan hasrat untuk terus tinggal kekal di negara ini dan tidak akan pulang ke negara asal masing-masing dengan menjanjikan ketaatsetiaan yang tidak berbelah bagi yang akan ditumpukan kepada negara ini. Barangkali kaum pendatang ini telah mula rasa selesa dengan suasana kehidupan di negara ini dan merasakan telah banyak mencurahkan khidmat bakti untuk kerajaan negara ini. Oleh yang demikian mereka tidak patut dilayan seperti masyarakat pendatang. Bermula dari saat ini orang Melayu mula peka dengan kehadiran kaum pendatang. Mereka ternyata bimbang dengan tuntutan-tuntutan yang disuarakan oleh kaum pendatang ini. Mereka merasakan bahawa tuntutan-tuntutan itu adalah sesuatu yang tidak wajar untuk dipenuhi oleh kerajaan Inggeris. Orang Melayu berpendidikan yang tinggal di bandar-bandar yang mula-mula terasa bahang tuntutan-tuntutan tersebut. Sebagai tindak balas mereka turut sama menyatakan secara terbuka tentangan-tentangan mereka terhadap tuntutan-tuntutan berkenaan dengan alasan bahawa kaum pendatang bukanlah penduduk asal negara ini. Dari sini muncullah penggunaan perkataan masyarakat bumiputera untuk membezakan antara masyarakat Melayu dengan kaum lain. Bagi masyarakat Melayu cukuplah kejayaan kaum pendatang ini mengumpulkan kekayaan daripada hasil bumi ini dan tidak perlu meminta hak-hak lain terutama hak politik. Orang Melayu mula sangsi terhadap kedudukan mereka sebagai penduduk bumiputera bahkan mereka berasa tergugat, tambahan pula mereka sendiri sedar bahawa dari segi kemajuan ekonomi dan pendidikan mereka jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan kaum imigran ini.

Fenomena pertikaian dan hubungan yang tidak begitu baik ini berterusan sehingga Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Orang Melayu tidak ada pilihan lain selain daripada menerima hakikat bahawa kerajaan Inggeris telah memenuhi tuntutan-tuntutan kaum pendatang ini apabila Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948 dilaksanakan. Orang Melayu hanya dapat mengetatkan sedikit sahaja syarat-syarat pada tuntutan-tuntutan berkenaan. Barangkali kerajaan Inggeris tidak dapat menafikan peranan penting kaum pendatang ini terhadap pembangunan ekonomi negara yang secara tidak langsung memberi keuntungan kepada mereka (kerajaan Inggeris). Maka wajarlah tuntutan-tuntutan mereka dipenuhi.

Dengan kemerdekaan Tanah Melayu yang mengakui hak-hak penduduk bukan Melayu secara undang-undang melalui Perlembagaan Malaysia, maka lahirlah satu bentuk masyarakat baru bagi Malaysia yang begitu berbeza dengan suasana dan coraknya pada suatu waktu yang lampau dan kini hanya tinggal sebagai sejarah. Bagaimanapun itu tidak bermakna bahawa masing-masing kaum benar-benar telah dapat menerima hakikat tersebut dan menghormati hak-hak yang telah ditetapkan dalam perlembagaan. Ini terbukti apabila tercetusnya beberapa peristiwa perbalahan kaum yang membawa kepada terjadinya rusuhan terutamanya antara orang Melayu dengan orang Cina akibat tidak puas hati dengan kedudukan masing-masing sama ada dalam bidang politik mahupun ekonomi. Namun begitu hubungan ini sentiasa cuba diperbaiki dari semasa ke semasa demi kepentingan dan keamanan negara.

Nota Hujung

1. B. W. Andaya & E.Y. Andaya, 1983. *Sejarah Malaysia*. (Petaling Jaya, Mac-Millan), hlm. 10.
2. Seperti kajian yang telah dilakukan oleh Prof. Zuraina Majid daripada Universiti Sains Malaysia di Kota Tampan, Kedah tidak lama dahulu.
3. T. G. Mc Gee, 1965. "Population: A Preliminary Analysis", *Malaysia: A Survey* (London, Frederick A Preager), hlm. 69-72.
4. Isabella Bird, 1992. *The Golden Chersonese* (Singapore, Oxford University

Press). hlm. 12-13. Bagaimanapun, Isabella lebih melihat kepada aktiviti orang Melayu daripada Sumatera di Negeri Sembilan.

5. Lee Yong Leng, 1965. *North Borneo* (Singapore, Eastern University). hlm. 16.
6. T. G. Mc Gee, *op. cit.*, hlm. 69.
7. W.G. Shellabear, 1991. *Sejarah Melayu*, Petaling Jaya, Fajar Bakti. hlm. 96.
8. Lee Yong Leng, *op. cit.*, hlm. 17.
9. James P. Ongkili, 1985. *Nation-Building in Malaysia 1946-1974* (Singapore, Oxford University Press), hlm. 4.
10. Mohd. Amin bin Hassan, 1992, 'Asas Perkembangan Ekonomi Tanah Melayu: Bijih Timah dan Getah', *Malaysia : Warisan dan Perkembangan* (Kuala Lumpur, DBP), hlm. 154.
11. B. W. Andaya & L.Y. Andaya, *op. cit.*, hlm. 159.
12. T. G. McGee, *op. cit.*, hlm. 77.
13. W.L. Blythe, 1953. *Historical Sketch of Chinese Labour in Malaya*. Malayan Branch Royal Asiatic Society, hlm. 3.
14. B. W. Andaya & L.Y. Andaya, *op. cit.*, hlm. 163.
15. W.L. Blythe, *op. cit.*, hlm. 2.
16. Chai Hon Chan, 1967. *The Development of British Malaya 1896-1909* (Kuala Lumpur, Oxford University Press), hlm. 100 & 122.
17. Tham Seong Chee, 1977. *Malays and Modernization* (Singapore, Singapore University Press). Hlm. 4 & 47.
18. Lee Yong Leng, *op. cit.*, hlm. 48.
19. *Ibid.*
20. Chai Hon Chan, *op. cit.*
21. Amarjit Kaur, 1990. 'Working on the Railway: Indian Workers in Malaya 1880-1957'. *The Underside of Malaysian History* (Singapore, Singapore University Press), hlm. 106.
22. Chai Hon Chan, *op. cit.*, hlm. 49.
23. Khazim Mohd. Tamrin, 1987. *Orang Jawa di Selangor; Penghijrahan dan Penempatan 1880-1940* (Kuala Lumpur, DBP), hlm. 30.
24. *Ibid.*, hlm. 71.
25. Lee Yong Leng, *op. cit.*, hlm. 49.

26. S.N. Arseculeratne, 1991. *Sinhalese Immigrants in Malaysia and Singapore 1860-1990* (Colombo, K.V.G. De Silva & Sons Ltd.), hlm. 8.
27. *Ibid.*, hlm. 10.
28. B. W. Andaya & L.Y. Andaya, *op. cit.*, hlm. 161.

Bab 2

Perkembangan Infrastruktur

SESUNGGUHNYA perkembangan infrastruktur yang meliputi sistem perhubungan atau komunikasi dan sistem pengangkutan serta perkembangan bandar dan luar bandar ini mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan sosioekonomi penduduk Malaysia. Ini adalah kerana kepentingan ekonomi lazimnya mempengaruhi corak kependudukan dan juga boleh mencerna sistem perhubungan sesuatu kawasan. Sistem pengangkutan yang melibatkan pembinaan jalan-jalan kereta api dan jalan-jalan raya mula berkembang di Malaysia sejak kurun ke-18 bagi memenuhi keperluan ekonomi yang semakin meningkat. Kedua-dua jenis pengangkutan ini agak asing kepada orang Melayu kerana mereka sebelum ini lebih cenderung menggunakan sungai iaitu alat pengangkutan air sebagai alat perhubungan mereka. Walau bagaimanapun kedua-dua jenis pengangkutan darat itu tadi akhirnya telah menjadi alat perhubungan yang sangat penting mengatasi sistem pengangkutan tradisi. Dari segi sistem perhubungan atau komunikasi pula, sistem telegraf dan pos yang tidak kurang pentingnya serta telah diberi perhatian oleh orang Inggeris untuk memenuhi kepentingan pentadbiran dan ekonomi mereka.

Berikutan daripada perkembangan sistem perhubungan dan pengangkutan ini, ia secara tidak langsung telah mempengaruhi fenomena perkembangan bandar dan luar bandar serta mewujudkan pula bandar-bandar baru dan kawasan-kawasan luar bandar yang

lain yang menjadi tumpuan masyarakat Malaysia. Perkembangan dalam infrastruktur ini secara tidak langsung memberi kesan penting dalam mencorakkan pola dan taburan kependudukan masyarakat Malaysia di samping menerapkan unsur-unsur pemodenan bagi Malaysia. Bagaimanapun kesan ini berbeza antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak.

SISTEM PERHUBUNGAN DAN PENGANGKUTAN ZAMAN TRADISI

Sejak beratus-ratus tahun dahulu, sungai menjadi alat perhubungan yang utama di negeri-negeri Melayu, Sabah dan Sarawak. Negeri-negeri yang mempunyai banyak sungai menjadikan pengangkutan air lebih penting daripada pengangkutan menggunakan jalan darat. Kepentingan sungai memang tidak dapat dinafikan lagi menteloh pula kita dapati, sebelum abad ke-19, kawasan petempatan utama penduduk ialah di kawasan-kawasan yang berhampiran kuala-kuala sungai. Contohnya bandar Kuantan di Pahang didirikan berhampiran Sungai Kuantan, bandar Diraja Pekan terletak berhampiran Sungai Pahang, Kuala Kangsar berhampiran Sungai Perak, Kota Tinggi berhampiran dengan Sungai Johor, bandar Kuching terletak berhampiran Sungai Sarawak, Kinabatangan berhampiran Sungai Kinabatangan begitu juga dengan bandar-bandar yang lain. Petempatan dan pembukaan bandar-bandar berhampiran sungai ini adalah untuk memudahkan perhubungan di antara satu bandar/kawasan petempatan dengan bandar/kawasan petempatan yang lain. Kebanyakan mereka menggunakan sampan sebagai alat pengangkutan. Cara ini digunakan untuk semua tujuan, khususnya tujuan perdagangan.

Faktor topografi dan alam sekitar telah mencorakkan sistem pengangkutan sebelum abad ke-19. Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak begitu kaya dengan sungai. Jalan darat sangat kurang digunakan berbanding jalan sungai. Ini adalah berikutan dengan beberapa masalah yang berkaitan dengan bentuk muka bumi negeri-negeri berkenaan. Sebelum abad ke-19 kebanyakan kawasan hutan belum diterokai lagi kerana kekayaan hasil buminya belum dijumpai lagi. Oleh yang demikian kawasan hutannya tebal. Dengan ketebalan

hutan itu, sukarlah ia untuk diterokai bagi digunakan sebagai jalan pengangkutan. Jika ada pun jalan yang diterokai ialah jalan-jalan denai kecil yang digunakan oleh peneroka hutan untuk mencari hasil-hasil hutan.

Selain daripada masalah ketebalan hutan, bentuk muka buminya yang berbukit bukau serta dipenuhi dengan paya telah menghadkan penggunaan jalan darat sebagai alat perhubungan. Tambahan pula, penggunaan jalan darat akan mengambil masa yang lama kerana seseorang itu terpaksa berjalan kaki ketika menggunakannya lantaran jalan-jalannya yang sempit dan tiada kenderaan yang boleh digunakan. Kalau ada pun cumalah gajah. Biasanya orang kaya sahajalah yang mampu menggunakan gajah sebagai kenderaan mereka. Berbanding dengan penggunaan sungai, seseorang itu hanya perlukan tenaga untuk mendayung sampan. Perjalanan menggunakan jalan darat yang jauh, sukar serta mengambil masa yang lama didapati tidak menguntungkan. Seperkara lagi, penggunaan jalan darat ini mempunyai keupayaan membawa barangan yang sangat terhad berbanding penggunaan sampan. Kalaupun gajah digunakan, keupayaan gajah membawa muatan sangat terhad dari segi ruang maka sebab itulah penggunaan jalan darat sebagai alat perhubungan tidak begitu digemari oleh penduduk di negeri-negeri berkenaan sebelum pertengahan abad ke-19. Keadaan ini benar-benar mempengaruhi corak pengangkutan pada zaman silam lebih-lebih lagi teknologi untuk membina jalan darat belum diperkenalkan di negeri-negeri ini dan kalau ada pun perbelanjaannya sangat tinggi. Oleh yang demikian, sistem pengangkutan air yang lebih murah dan mudah menjadi pilihan.


Sistem pengangkutan tradisi yang tertumpu kepada penggunaan sungai sebagai alat pengangkutan juga mempunyai banyak kekurangan yang boleh menghalang kepada kegiatan ekonomi yang lebih rancak dan menyeluruh. Selain daripada terlalu bergantung kepada kedudukannya yang semula jadi, jumlah muatan yang mampu dibawa dalam satu-satu trip pengangkutan yang menggunakan sampan juga merupakan satu kelemahan sistem pengangkutan ini. Biasanya jumlah muatannya terhad mengikut saiz sampan, lantaran itu ia tidak begitu ekonomik bagi pengangkutan yang

melibatkan barangan yang banyak. Masa yang agak lama diambil untuk sesuatu perjalanan juga adalah satu kelemahan pengangkutan air ini.

Bukan semua kawasan yang mempunyai sungai berpotensi sebagai sumber ekonomi malahan didapati bahawa banyak kawasan yang berpotensi dari segi ekonomi tidak mempunyai sungai. Oleh yang demikian tidaklah dapat kawasan-kawasan tersebut dimajukan jika tidak mencari alternatif lain. Fenomena ini dapat kita lihat apabila sistem pengangkutan yang lebih baik terpaksa diperkenalkan setelah kawasan-kawasan yang berpotensi untuk dimajukan dalam aktiviti ekonomi komersial telah diterokai. Malahan dengan adanya sistem pengangkutan yang baik ini maka lebih banyak kawasan dapat diterokai menjadikan sistem pengangkutan ini sebagai satu saham terbesar dalam perkara tersebut. Jika pun faktor-faktor lain dapat diatasi misalnya tenaga buruh tetapi tanpa sistem pengangkutan yang efisien, aktiviti ekonomi yang rancak dan menyeluruh tidak dapat dilaksanakan.

PEMBINAAN JALAN-JALAN RAYA

Memasuki pertengahan abad ke-19, negeri-negeri Melayu mula dikunjungi oleh pedagang-pedagang Eropah dan Cina secara beramai-ramai apabila terjumpanya hasil bumi yang sungguh berpotensi untuk dimajukan iaitu bijih timah. Lombong bijih timah banyak ditemui di daerah Larut dan Kinta di Perak dan Lembah Kelang di Selangor. Justeru dengan penemuan berharga ini, mereka yang berminat untuk mengusahakannya berhadapan dengan masalah pengangkutan untuk membawa keluar hasil-hasil lombong. Oleh yang demikian mereka terpaksa mengeluarkan wang untuk membina jalan-jalan darat yang menghubungkan antara kawasan perlombongan dengan kilang-kilang untuk diproses dan seterusnya dihantar ke pelabuhan untuk dieksport. Pada peringkat ini iaitu pada pertengahan abad ke-19, jalan-jalan darat yang dibina adalah merupakan jalan-jalan kecil atau denai untuk laluan pedati atau kereta lembu. Pada tahap ini kelihatan bahawa pihak yang berusaha untuk memajukan sistem pengangkutan jalan darat ini ialah mereka yang berkepentingan dalam perusahaan perlombongan sama ada



Peta 2.1: Tanah Melayu: Sungai-sungai Utama.

tauke-tauke lombong mahupun pembesar-pembesar Melayu yang turut terlibat misalnya Sultan Selangor, Sultan Abdul Samad telah membelanjakan wangnya sendiri untuk membuat jalan di Ulu Langat Selangor.¹ Ini menunjukkan bahawa kepentingan jalan darat sudah mula dirasai.)

(Apabila pihak Inggeris datang dan secara rasminya mentadbir negeri Perak pada tahun 1874, mereka juga melihat akan pentingnya sistem pengangkutan di Perak untuk kemajuan industri perlombongan. Sebagai permulaan pihak British mengambil inisiatif untuk membersihkan sungai-sungai utama di Perak bersama anak-anak sungainya untuk mempertingkatkan lagi penggunaan sungai sebagai alat pengangkutan. Walau bagaimanapun dalam masa yang sama jalan-jalan darat turut dibina biarpun dalam keadaan yang sederhana. Bahkan kerajaan Inggeris telah menubuhkan Jabatan Kerja Awam yang salah satu fungsinya ialah untuk membina jalan-jalan darat. Pada peringkat permulaan, jalan-jalan darat yang dibina adalah jalan denai yang menggunakan batu kerikil dan yang tidak berkerikil.²)

Perkembangan pembinaan jalan-jalan darat bermula di negeri Perak dan Selangor. Ini bertepatan dengan penemuan sumber galian yang berharga dan serentak pula dengan campur tangan pihak Inggeris di negeri-negeri itu. Di Perak, daerah awal yang terlibat ialah Larut dan Kinta. Sehingga ke tahun 1874, telah terbina sepanjang tiga belas batu jalan denai di daerah Larut sahaja.³ Menjelang tahun-tahun yang berikutnya, kawasan-kawasan sekitar Larut juga telah dibina jalan-jalan darat untuk menghubungkan Larut dengan kawasan-kawasan berhampiran. Antaranya ialah dengan Taiping, Krian, Kemunting dan kemudian terus ke pelabuhan Pulau Pinang atas tujuan pengeksportan hasil-hasil lombong berkenaan. Sementara itu di Selangor, pembinaan jalan-jalan daratnya agak perlahan walaupun ia diperlukan kerana kos yang agak tinggi yang terpaksa ditanggung untuk membina jalan-jalan tersebut. Ini adalah kerana kedudukan lombong-lombong bijih timah berkenaan agak jauh ke pedalaman. Bagaimanapun, menjelang tahun 1880 telah ada jalan darat yang menghubungkan antara Damansara hingga ke Kuala Lumpur yang dilanjutkan ke Pelabuhan

Kelang. Tidak lama kemudian jalan-jalan darat itu ditingkatkan tarafnya kepada jalan raya utama apabila kepentingan Kuala Lumpur sebagai pusat pentadbiran ditingkatkan.⁴

(Sejak dari akhir abad ke-19 pembinaan jalan darat rancak dijalankan terutama di negeri-negeri sebelah pantai barat seperti Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Johor. Hasilnya, menjelang tahun 1906 terdapat lebih kurang 1600 batu jalan denai berkerikil dan 270 batu jalan yang tidak berkerikil yang telah siap dibina di negeri-negeri sebelah pantai barat berkenaan.⁵ Schubungan dengan pertambahan dari segi bilangan dan jarak jalan darat yang dibina, kenderaan-kenderaan baru turut diperkenalkan tetapi bukanlah kenderaan bermotor. Kenderaan-kenderaan tersebut termasuklah kereta kuda dan beca yang ditarik oleh manusia. Secara tidak langsung ia memperkenalkan satu lagi jenis pekerjaan buruh kasar. Kebanyakan yang menjadi penarik kepada beca-beca ini ialah orang Cina. Penggunaan beca-beca seperti ini terhad penggunaannya di kawasan-kawasan bandar sahaja. Namun, memasuki abad ke-20 kenderaan jenis ini menjadi semakin penting sebelum kenderaan bermotor diperkenalkan. Walau bagaimanapun, penggunaan kereta lembu masih menjadi kenderaan utama. Kemudian apabila kenderaan bermotor mula diperkenalkan di negeri-negeri Melayu pada tahun 1902, pembinaannya bertambah rancak dan jalan-jalan denai yang sedia ada diturap untuk disesuaikan dengan kenderaan bermotor.)

Menjelang tahun 1911 terdapat banyak jalan utama yang dibina untuk menghubungkan bandar-bandar besar dengan bandar-bandar kecil, kawasan-kawasan sumber ekonomi dan pelabuhan-pelabuhan utama. Ia dibina dari utara pantai barat Butterworth (Pulau Pinang) hingga ke Johor Bahru. (Bagaimanapun, kerancangan pembinaan jalan-jalan darat tidak turut dirasai di negeri-negeri di pantai timur, sebaliknya ia berlaku sangat perlahan. Ini terjadi bukan kerana negeri-negeri terbabit tidak diperintah oleh orang Inggeris tetapi kerana sumber ekonominya yang jauh berkurangan berbanding di negeri-negeri pantai barat. Sehingga ke tahun 1915, tidak ada satu rangkaian jalan raya di negeri Kelantan dan Terengganu. Perhubungan di antara negeri-negeri di pantai barat dengan negeri-negeri

di pantai timur hanya melalui sebatang jalan raya dari Kuala Selangor ke Kuala Lipis dan seterusnya ke Kuantan yang disiapkan pada tahun 1915. Hanya selepas meletusnya pemberontakan menentang Inggeris di kedua-dua negeri Kelantan (1915) dan Terengganu (1928), barulah kerajaan Inggeris memulakan pembinaan jalan raya untuk membantu memperkemaskan jentera pentadbiran.⁶ Pembinaan jalan-jalan raya ini terus berkembang. Sebelum pendudukan Jepun, boleh dikatakan seluruh negeri-negeri Melayu telah dihubungkan dengan jalan-jalan utama termasuklah di negeri-negeri pantai timur. Pada tahun 1955 sepanjang 250 batu jalan raya telah dibina menghubungkan Kota Bharu dengan Johor Bahru.⁷ Peta 2.2 menunjukkan perkembangan pembinaan jalan-jalan raya di Tanah Melayu pada tahun 1939.



Peta 2.2: Perkembangan Pembinaan Jalan-jalan Raya pada tahun 1939.

Bagi Sabah dan Sarawak pula, perkembangan pembinaan jalan darat juga bermula dengan kedatangan orang asing yang berminat untuk mengusahakan tanah-tanah di negeri-negeri itu. Di Sabah, perkembangannya agak lebih cepat berbanding Sarawak kerana pihak pentadbiran North Borneo Chartered Company tiada pilihan lain selain daripada berbuat demikian demi untuk memenuhi kepentingan ekonomi mereka. Kebanyakan jalan darat yang dibina di Sabah menghubungkan bandar-bandar yang telah sedia ada di sebelah pantai barat. Bagaimanapun berbanding negeri-negeri Melayu, pembinaan jalan raya di Sabah lebih lewat. Sehingga awal abad ke-20, hanya antara Tenom dengan Keningau, Tawau dengan Apas dan Jesselton (Kota Kinabalu) dengan Kota Belud yang mempunyai jalan darat.⁸ Kawasan-kawasan ini menjadi tumpuan kerana banyak tanah di sepanjang jalan tersebut yang telah diterokai untuk aktiviti pertanian komersial. Didapati bahawa kawasan pantai barat dan kawasan tengah lebih maju dan terlibat dengan pembinaan lebih banyak jalan darat ini. Pada tahun 1960 sejauh 240 batu jalan raya pelbagai jenis telah dibina di Sabah.⁹ Keadaan ini menyebabkan hubungan di antara satu bandar dengan bandar yang lain tidak terjalin dengan baik. Memandangkan betapa terhadnya jalan raya yang ada berbanding keluasan negeri itu sendiri dan pentingnya ia dalam pembangunan negeri, maka selepas merdeka, kerajaan negeri telah memperuntukkan sejumlah besar wangnya untuk membina lebih banyak jalan raya berturap. Hasilnya pada 1986 sepanjang 6721 kilometer jalan raya telah dibina di seluruh negeri itu.¹⁰

Di Sarawak, perkembangan pembinaan jalan rayanya sangat perlahan. Walaupun dunia telah memasuki abad ke-20 dan negeri-negeri yang lain telah mula diperkenalkan dengan penggunaan jalan raya yang lebih baik dan berturap tetapi di Sarawak, keadaannya tidak banyak berubah, kalau ada pun hanyalah jalan-jalan biasa yang tidak berturap di Kuching dan Miri serta kawasan berhampiran dengannya. Pada tahun 1928 telah dikemukakan cadangan untuk membina jalan raya utama dari Kuching ke Simanggang. Walau bagaimanapun apabila meletusnya Perang Dunia Kedua jalan itu hanya siap sepanjang 40 batu sahaja iaitu hanya sampai ke Serian.¹¹ Masa yang diambil begitu lama iaitu lebih kurang sebelas tahun

untuk membina jalan raya sejauh 40 batu. Ini membayangkan betapa sukarnya untuk membina jalan darat di Sarawak. Tidak hairanlah kalau didapati bahawa sehingga tahun 1953 hanya terdapat sepanjang 95 batu jalan berturap batu dan 115 batu jalan biasa yang tidak berturap.¹² Bagaimanapun, pembinaan jalan raya ini diteruskan dan bertambah rancak apabila Sarawak merdeka dalam gabungan Malaysia. Khusus untuk memajukan lagi pembinaan ini maka kerajaan telah memperuntukkan sejumlah wang yang banyak dalam Rancangan Pembangunan Sarawak. Peta 2.3 menunjukkan perkembangan pembinaan jalan raya di Sarawak pada tahun 1964.¹³



Peta 2.3: Rangkaian jalan raya di Sarawak pada 1964.

Perlahannya kegiatan pembinaan jalan darat ini bersabit dengan faktor iklim yang kaya dengan hujan lebat dan faktor alam semula jadi Sarawak yang berbukit bukau dan berpayau. Di samping itu sikap para pemerintahnya yang terdahulu tidak begitu mengambil berat tentang hal-hal yang berkaitan dengan infrastruktur di Sarawak atas alasan mahu memelihara keadaan semula jadi alam sekitarnya.

Walaupun kemudiannya pihak Inggeris ingin memajukan sistem pengangkutan ini tetapi kosnya yang terlalu mahal telah sedikit sebanyak membantutkan hasrat itu.

PEMBINAAN JALAN KERETA API

Satu lagi alat pengangkutan yang tidak kurang pentingnya ialah jalan kereta api. Ini adalah satu jenis pengangkutan yang baru bagi negeri-negeri Melayu dan pengenalannya sekali lagi boleh dihubungkan dengan kedatangan orang Eropah ke negeri ini. Seperti juga pembinaan jalan darat yang berhubung rapat dengan kegiatan ekonomi seperti melombong bijih timah, begitu jugalah halnya dengan pembinaan jalan kereta api. Malah perkaitan ini begitu jelas apabila jalan kereta api awal yang dibina adalah di kawasan perlombongan dan dihubungkan terus dengan pelabuhan. Barangkali pembinaan jalan kereta api yang secara tidak langsung berhubung dengan penggunaan kereta api dirasakan penting kerana keupayaannya membawa muatan yang tinggi berbanding kenderaan lain. Di samping itu kos pembinaan dan penggunaannya lebih murah.

Terdapat tiga fasa atau peringkat dalam sejarah pembinaan jalan kereta api di Semenanjung.¹⁴ Peringkat pertama ialah antara tahun 1885 hingga 1896; lebih kurang dalam masa sebelas tahun. Dalam jangka masa ini, beberapa batang jalan kereta api yang pendek-pendek telah dibina khusus untuk memenuhi keperluan perlombongan, maka ia dibina di kawasan-kawasan yang berdekatan dengan lombong. Jalan kereta api ini dibina di negeri-negeri sebelah pantai barat Semenanjung, menghubungkan kawasan berkenaan dengan pelabuhan yang berdekatan. Jalan kereta api terawal yang dibina dalam fasa ini ialah Taiping ke Sungai Larut sejauh 8 batu dan terus ke Port Weld yang dibina pada tahun 1885, diikuti jalan kereta api Kuala Lumpur ke Sungai Kelang (Bukit Kuda) setahun kemudian dan dilanjutkan ke Kelang melalui jambatan Connought pada tahun 1890. Jalan kereta api yang dibina ini sejauh lebih kurang 20 batu.¹⁵ Pada tahun 1891/92 dibina pula jalan kereta api dari Seremban ke Port Dickson dan akhirnya dari Tapah ke Teluk Anson pada tahun 1893. Selain daripada jalan yang telah disebutkan ini

ada lagi jalan kereta api pendek-pendek yang dibina menghubungkan Kuala Lumpur dengan kawasan perlombongan di Rawang, Kuala Kubu dan Sungai Besi di Selangor antara tahun 1888 hingga 1895. Peta 2.4 menunjukkan jalan kereta api yang dibina pada peringkat pertama ini.



Peta 2.4: Jalan-jalan Kereta Api pada Peringkat Pertama.

Dari segi kos pembinaannya, kesemua jalan kereta api tersebut kecuali jalan kereta api Seremban ke Port Dickson, ditanggung oleh kerajaan Inggeris sama ada melalui wang yang dikumpulkan daripada cukai-cukai yang dipungut atau melalui pinjaman yang dibuat daripada Negeri-Negeri Selat.¹⁶ Mereka yang terlibat dalam pembinaan ini ialah jurutera Inggeris dan tenaga terlatih yang dibawa dari Ceylon dan Benggal di samping buruh-buruh tempatan. Jalan kereta api Seremban ke Port Dickson dibina oleh Sungai Ujung Company, sebuah syarikat swasta.

Peringkat kedua pembinaan pula ialah antara tahun 1877 hingga 1909. Pada peringkat ini, jalan kereta api yang dibina lebih condong ke arah menghubungkan di antara bahagian utara Semenanjung dengan bahagian selatan. Proses pembinaannya berkait rapat dengan pembentukan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu yang terdiri daripada empat buah negeri iaitu Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Ia dibentuk pada tahun 1896. Dengan wujudnya unit politik sebegini, maka mudahlah dibina jalan kereta api yang boleh menghubungkan negeri-negeri terbabit kerana ia ditadbir oleh pihak yang sama. Tambahan pula, negeri-negeri berkenaan terletak berhampiran atau bersebelahan. Hasil usaha kerajaan British, menjelang tahun 1903 satu rangkaian jalan kereta api telah dapat dibina antara Perai di Seberang Perai hingga ke Seremban dan terus ke Port Dickson, Negeri Sembilan. Dari sini ia terus dibina hingga ke Melaka pada tahun 1905 dan Gemas pada tahun 1906. Sementara itu jalan kereta api Kuala Lumpur telah dipanjangkan hingga ke Port Swettenham pada tahun 1899. Akhirnya pada tahun 1909, rangkaian jalan kereta api dapat dibina terus ke bandar Johor Bahru dan Singapura atas persetujuan kerajaan Johor. Adalah diingatkan di sini bahawa negeri Johor pada waktu itu masih merupakan negeri yang bebas dan belum dinaungi oleh kerajaan Inggeris. Barangkali atas dasar kepentingan ekonomi dan hubungan luar maka kerajaan Johor bukan sahaja sanggup membenarkan jalan kereta api dibina melalui negerinya bahkan membiayai pula kos pembinaan tersebut.


Paten atau corak pembinaan jalan kereta api pada peringkat kedua ini memperlihatkan kecenderungan untuk memperluaskan penggunaan sistem pengangkutan ini bukan sekadar atas kepentingan industri perlombongan semata-mata tetapi untuk kepentingan pentadbiran juga. Perkembangan sektor perladangan getah juga banyak mempengaruhi dasar kerajaan Inggeris dalam pembinaan jalan kereta api ini. Di sepanjang jalan kereta api tersebut telah ditanam dengan pokok-pokok getah secara besar-besaran dan dengan adanya jalan kereta api ini akan memudahkan hasilnya diangkut ke pelabuhan dan seterusnya dieksport ke luar negeri. Kesungguhan kerajaan British dalam memajukan sistem pengangkutan ini terserlah apabila pada tahun 1908 mereka telah meng-

ambil alih pengurusan jalan kereta api dari Seremban ke Port Dickson daripada Syarikat Sungai Ujung. Peta 2.5 menunjukkan perkembangan pembinaannya itu.



Peta 2.5: Jalan kereta api pada peringkat kedua.

Peringkat ketiga yang merupakan peringkat terakhir berlaku dalam tempoh masa antara tahun 1910 hingga 1931. Dalam tempoh ini pembinaan jalan kereta api meliputi juga negeri-negeri lain selain daripada Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Negeri yang dimaksudkan itu ialah Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis dan Johor. Jalan kereta api di Perai diteruskan ke utara hingga ke Padang Besar di Perlis dan kemudian terus ke Thailand. Jalan kereta api di Gemas pula dipanjangkan hingga ke Tumpat, Kelantan melalui Kuala Lipis, Pahang dan terus ke Sungai Golok, Siam di sebelah utara pantai timur. Dengan demikian boleh dikatakan bahawa setiap negeri di




Peta 2.6: Jalan kereta api pada peringkat ketiga.

Semenanjung telah dihubungkan dengan jalan kereta api, meliputi timur dan barat, utara dan selatan. Dari Perai hingga ke Singapura jalan kereta api yang dibina adalah sepanjang 580 batu, manakala dari Gemas ke Tumpat, Kelantan sepanjang 327 batu. Dengan pembinaan jalan kereta api sepanjang itu, telah dibina pula sebanyak 213 stesen kereta api menjelang tahun 1935. Penggunaan kereta api bertambah meluas daripada alat pengangkutan muatan barangan kepada alat perhubungan manusia.


Sejarah pembinaan jalan kereta api di Sabah bermula pada tahun 1900 apabila jalan kereta api pertama dibina menghubungkan Beaufort dengan Jesselton dan diteruskan pembinaannya sehingga ke Tenom pada tahun 1905, sepanjang 116 batu.¹⁷ Pembinaan ini secara tidak langsung telah membantu kegiatan pembukaan ladang-ladang getah kerana ia telah mula diperkenalkan pada tahun-tahun

tersebut. Sama seperti fenomena pembinaan jalan raya, pembinaan jalan kereta api juga tertumpu di kawasan pantai barat Sabah berbanding di tempat-tempat lain. Barangkali ini bersabit dengan kepadatan penduduknya dan aktiviti ekonomi yang lebih giat di kawasan berkenaan. Di Sarawak, sehingga negeri itu mencapai kemerdekaan bersama-sama Malaysia, tidak ada catatan tentang pembinaan jalan kereta api di negeri itu. Adalah sukar untuk menerangkan mengapa situasi ini boleh berlaku. Barangkali para pentadbir negeri itu tidak melihat kepentingan jalan kereta api untuk negeri berkenaan atau mungkin juga bentuk muka buminya yang tidak sesuai.



Peta 2.7: Rangkaian jalan raya dan jalan kereta api di Sabah pada tahun 1960.

Selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaannya, kerajaan yang memerintah begitu menitikberatkan soal pembangunan dan perkembangan sistem pengangkutan terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar. Sehingga tahun 1973 boleh dikatakan setiap kawasan dan daerah telah dihubungi oleh jalan darat. Peta 2.8 jelas



Peta 2.8: Rangkaian sistem pengangkutan di Semenanjung Malaysia pada tahun 1973.

menunjukkan rangkaian sistem pengangkutan pada tahun 1973 di Semenanjung. Tidak boleh dinafikan bahawa pembinaan rangkaian sistem pengangkutan ini telah banyak membantu memakmurkan sosioekonomi Malaysia.

Setiap sesuatu perkembangan yang berlaku lazimnya akan memberi kesan ke atas perkara lain. Dalam aspek perkembangan sistem pengangkutan darat ini ia memberi kesan atau impak ke atas kegiatan sosioekonomi penduduk di negeri-negeri Melayu. Kesan ini pula berbeza jika dibandingkan dengan penduduk-penduduk di Sabah.¹⁸ Perbezaan ini berkait rapat dengan latar belakang kegiatan ekonomi tempatan dan tumpuan pembinaan jalan pengangkutan ini. Hakikat tumpuan pembinaan jalan pengangkutan di kawasan-kawasan utama ekonomi komersial di negeri-negeri Melayu telah menyisihkan ke tepi peluang penduduk Melayu untuk turut sama menikmati hasil kemudahan pengangkutan tersebut.

Hakikat ini bukan sahaja berpunca daripada tumpuan kediaman yang berasingan tetapi juga berpunca daripada tumpuan aktiviti penduduk tempatan yang tidak meliputi atau dilalui oleh jalan-jalan pengangkutan ini. Sebagai contohnya, sawah-sawah padi yang dikerjakan oleh orang Melayu rata-ratanya terletak di negeri-negeri sebelah utara (Kedah dan Perlis) dan pantai timur Semenanjung. Sedangkan aktiviti pembinaan sistem pengangkutan tertumpu di kawasan tengah, utara dan selatan. Hanya memasuki dekad 1920-an barulah pembinaan jalan pengangkutan ini mencecah kawasan-kawasan tersebut. Akibatnya selain daripada mengehadkan manfaatnya kepada kaum bumiputera dari segi kegunaannya, ia juga telah mewujudkan satu garisan etnik yang nyata dan berkekalan hingga sekarang. Pembukaan lombong-lombong bijih timah dan ladang-ladang getah yang baru sedikit sebanyak membantu membentuk garisan etnik itu kerana ia terletak di luar kawasan petempatan kaum bumiputera.

Walau bagaimanapun, situasi ini berbeza sedikit di Sabah lantaran corak pembinaan jalan pengangkutannya yang agak berbeza daripada di negeri-negeri Melayu. Pembinaan jalan pengangkutannya melalui kawasan tanaman getah dan padi. Ini secara tidak langsung dapat menjalinkan hubungan antara kaum bumiputera

dengan kaum imigran. Ini juga membolehkan kaum bumiputera sama-sama bergiat dalam lapangan pertanian komersial ini. Sebab itulah mengikut Lee Yong Leng tidak wujud satu garisan etnik yang melampau di Sabah seperti yang wujud di Semenanjung Tanah Melayu.¹⁹ Di Sarawak kesannya sukar digambarkan lantaran aktiviti pembinaan jalan-jalan pengangkutan ini terlalu lewat dan perlahan. Namun begitu apa yang pastinya pada peringkat awal, aktiviti pembinaan jalan-jalan bandar ini tertumpu di kawasan-kawasan bandar iaitu bandar Kucing terutamanya. Jadi barangkali boleh dikatakan bahawa situasinya sama seperti di negeri-negeri Melayu.

PERKEMBANGAN SISTEM TELEKOMUNIKASI

Sejarah perkembangan sistem telekomunikasi di negara ini berlaku seiring dengan keperluan pentadbiran dan perniagaan. Jika dibandingkan antara kedua-dua keperluan ini, keperluan perniagaan mendahului keperluan pentadbiran. (Aktiviti perniagaan oleh syarikat-syarikat Inggeris telah bermula sejak pertengahan abad ke-19 dengan terjumpanya longgokan bijih timah yang banyak terutama di Perak dan Selangor.) Atas keperluan perniagaan inilah syarikat-syarikat berkenaan telah memasang talian telekomunikasi khususnya talian telegraf untuk menghubungkan antara daerah-daerah atau bandar berkenaan dengan pusat-pusat perniagaan mereka di England.) Sementara itu keperluan pentadbiran bermula hanya pada akhir abad ke-19.

Berdasarkan kepada situasi yang telah disebutkan itu maka kita dapati sejarah pembinaan sistem telekomunikasi di negara ini telah dirintis oleh syarikat-syarikat perniagaan Inggeris. Kebanyakan syarikat-syarikat ini berpusat di Negeri-Negeri Selat terutamanya Singapura. Pada peringkat awal, talian telekomunikasi yang dipasang adalah bercorak hubungan antarabangsa dan lazimnya ia menghubungkan antara negara-negara Eropah dengan sama ada Singapura atau Pulau Pinang. Bukan tidak ada cadangan atau usaha untuk memasang talian telegraf untuk menghubungkan antara negeri-negeri Melayu oleh syarikat-syarikat Inggeris tetapi seringkali cadangan-cadangan tersebut terbengkalai begitu sahaja. Sebagai

contohnya pada tahun 1866 telah ada cadangan untuk memasang talian telegraf antara Rangoon dan Singapura yang melibatkan negeri-negeri Melayu.²⁰ Tetapi cadangan ini tidak dapat dilaksanakan. Pada tahun 1872 sekali lagi ada cadangan untuk menjalankan projek yang sama oleh syarikat perniagaan yang lain.²¹ Seperti cadangan yang pertama, cadangan ini juga tidak dapat dilaksanakan. Tidaklah diketahui dengan jelas sebab-musabab kegagalan tersebut. Barangkali perbelanjaan pemasangannya yang tinggi dan masa yang lama yang perlu diambil merupakan sebab-sebab yang boleh dikemukakan. Ataupun barangkali juga atas perkiraan keuntungan yang bakal diperoleh terutamanya yang melibatkan negeri-negeri Melayu. Kerana itulah tumpuan pemasangan talian ini lebih kepada Pulau Pinang dan Singapura yang berfungsi sebagai pusat perkembangan ekonomi ketika itu.

Maklumat tentang pemasangan talian telekomunikasi tempatan tidak sebanyak maklumat tentang sistem pengangkutan darat. Sejarah pemasangan talian telegraf yang pertama di Malaysia masih samar. Walau bagaimanapun pada tahun 1886 telah ada talian telegraf yang dipasang dan ia menghubungkan Kuala Lumpur dengan Melaka.²² Apabila tertubuhnya Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1895, pemasangan talian kabel telegraf mula berjalan dengan rancak. Sehingga tahun 1904 sepanjang 2000 batu talian kabel elektrik telah dipasang di negeri-negeri berkenaan.²³ Keperluan pentadbiran dalam negeri-negeri terbabit memaksa kerajaan memasang kemudahan talian kabel berkenaan.

(Seiring dengan berkembangnya sistem telekomunikasi yang membabitkan telegraf ini ialah perkhidmatan pos) Perkhidmatan ini telah bermula di Kuala Lumpur sejak tahun 1880 lagi.²⁴ Berkenaan perkhidmatan ini di negeri-negeri lain tidaklah dapat dikesan. (Namun kemungkinan tidak dapat ditolak bahawa perkhidmatan ini telah bermula sejak campur tangan Inggeris pada tahun 1874 memandangkan kepentingan dari segi komunikasi.) Sehingga tahun 1904 dikatakan bahawa perkhidmatan pos telah mengendalikan sehingga 10 juta naskhah surat.²⁵ Dari tahun ke tahun, perkhidmatannya mula berkembang dan meliputi keseluruhan negeri-negeri Melayu. Jelasnya di sini (pemasangan talian

telegraf dan perkhidmatan pos lebih cepat berkembang untuk memenuhi keperluan pentadbiran Inggeris di negeri-negeri berkenaan.) Talian kabel dan perkhidmatan pos seperti ini dipercayai telah juga dipasang di Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu yang lain kerana di negeri-negeri tersebut juga terdapat kepentingan Inggeris apabila dilantik seorang penasihat di negeri-negeri itu. Sejak dari itu pemasangan kabel-kabel telegraf dan perkhidmatan pos terus dilakukan dari semasa ke semasa mengikut keperluan. (Sehingga tahun 1954 boleh dikatakan hampir semua negeri-negeri Melayu telah dipasang dengan talian telegraf. Ini menunjukkan betapa pentingnya talian telegraf sebagai salah satu alat komunikasi atau perhubungan yang cekap dan cepat, di samping perkhidmatan pos.)

(Perkembangan sistem telekomunikasi di Sabah dan Sarawak lebih terkemudian berbanding Semenanjung. Hanya selepas Perang Dunia Kedua barulah Sarawak misalnya diperkenalkan dengan penggunaan telefon selepas terpasangnya talian kabel telegraf.) Sehingga tahun 1949 terdapat lapan belas telefon di Sarawak, enam di Kuching, empat di Bahagian Keempat dan empat lagi di Bahagian Kelima.²⁶ Selain daripada itu, sistem telegraf Sarawak bergantung kepada radio telegraf. (Perkembangan yang tidak memberangsangkan ini berkait rapat dengan bentuk muka bumi yang berbukit bukau dan dipenuhi dengan hutan rimba.) Oleh yang demikian, pemasangan talian kabel telegraf akan mengambil masa dan menelan belanja yang besar. Bagaimanapun kerana kepentingannya, penggunaan telefon terus diperluaskan di seluruh Sarawak di samping perkhidmatan pos yang menjadi semakin penting dalam perhubungan.

(Di Sabah, memang ada usaha untuk memasang talian telegraf oleh Chartered Company seawal tahun 1894 untuk menghubungkan Labuan dengan Sandakan dan seterusnya ke London.²⁷ Namun demikian, dengan pelbagai masalah yang dihadapi termasuk berkaitan dengan pentadbiran dan kesukaran-kesukaran dalam pembinaan, hanya pada April 1897, talian itu siap dipasang. Bagaimanapun oleh kerana pemasangan itu menelan belanja yang besar, maka tiada talian lain yang dipasang sehingga memasuki abad ke-

20) Perhubungan diadakan menerusi penggunaan radio yang mula digunakan pada tahun 1914,²⁸ di samping penggunaan perkhidmatan pos.

PERKEMBANGAN BANDAR DAN LUAR BANDAR

Tulisan-tulisan atau kajian berkenaan perkembangan bandar dan khususnya luar bandar agak berkurangan, barangkali kerana kekurangan bahan atau dokumen tentangnya seperti yang pernah dikatakan oleh Hamzah Sendut.²⁹ Walau bagaimanapun didapati dalam tulisan-tulisan tentang perkembangan bandar dan luar bandar di Malaysia yang sedia ada, kebanyakan penulisnya menghubungkan antara pertumbuhan dan perkembangan bandar dengan dua perkara utama. Pertamanya ialah aktiviti penghijrahan beramai-ramai kaum imigran dan keduanya akibat perkembangan ekonomi dalam sektor perlombongan dan perladangan. Antara tulisan-tulisan berkenaan ialah tulisan oleh Hamzah Sendut bertajuk "Urbanization" dalam *Malaysia : A Survey*, M. Ginsburg, *Malaya*, dan Saw Swee Hock bertajuk "Urbanization in West Malaysia, 1911-70", dalam *Towards A Modern Asia*. Perkara ini menggambarkan kepada kita betapa besarnya peranan yang dimainkan oleh kaum pendatang ini secara sedar atau tidak tanpa mengira sama ada mereka itu orang Inggeris yang melaburkan modal mereka dalam sektor perlombongan dan perladangan ataupun orang Cina dan India yang bertindak sebagai buruh, dalam perkembangan perbandaran bagi negeri-negeri Melayu, Sabah dan Sarawak.

Bersabit dengan dua perkara yang dikatakan menjadi tonggak kepada perkembangan bandar, maka dapatlah dikatakan bahawa perkembangan bandar secara pesat telah bermula pada kira-kira pertengahan abad ke-19. Sebelum tempoh itu perkembangan bandar berlaku pada kadar yang terlalu perlahan, dan pertumbuhannya pula tidaklah begitu pesat. Perkembangan bandar yang berlaku pada pertengahan abad ke-19 itu melibatkan perkembangan bandar-bandar yang sedia ada baik dari segi saiz atau jumlah penduduknya, keluasan kawasan petempatannya mahupun dari segi rancaknya aktiviti ekonomi dan pentadbiran. Ia juga melibatkan pertumbuhan atau kemunculan petempatan-petempatan baru yang menjadi asas

kepada kelahiran bandar baru. Biasanya ia tertumpu kepada kawasan-kawasan yang kaya dengan sumber ekonomi seperti bijih timah, getah dan tebu.

Satu perkara yang agak menarik telah diutarakan oleh Hamzah Sendut dalam tulisannya berhubung dengan perkembangan bandar. Menurut beliau apabila muncul sesebuah bandar baru yang lebih aktif dan berfungsi sebagai pusat ekonomi atau pelabuhan, ia akan mengambil alih peranan dan kepentingan bandar yang telah sedia ada. Malah ada yang menenggelamkan kepentingan terus peranan dan populariti bandar-bandar sedia ada walaupun tidak meleyapkannya sama sekali. Sebagai contoh, kemunculan bandar Georgetown di Pulau Pinang yang juga berfungsi sebagai pelabuhan telah menenggelamkan kepentingan bandar dan pelabuhan Melaka yang telah wujud sejak beratus tahun dahulu. Apabila muncul pula bandar dan pelabuhan Singapura, kepentingan bandar Georgetown dan pelabuhan Swettenham merosot sedikit. Begitu juga di Pulau Borneo, apabila kepentingan bandar di Brunei menurun sebagai pelabuhan utama kepulauan tersebut dengan kemunculan bandar dan pelabuhan Jesselton (Kota Kinabalu) dan Labuan.³⁰

Bagaimanapun, ada juga bandar-bandar yang telah sedia ada berubah fungsi dan peranannya dengan kemunculan bandar-bandar baru. Hal ini ketara pada bandar-bandar yang menjadi pusat pentadbiran pada zaman sebelum kedatangan Inggeris. Bandar-bandar yang dahulunya menjadi pusat pentadbiran kini hanya menjadi Bandar Diraja dan tidak lagi penting sebagai pusat pentadbiran apabila kerajaan Inggeris membuka bandar-bandar pentadbiran yang baru. Contoh yang boleh diambil ialah seperti Kuala Kangsar yang berubah peranannya kepada Bandar Diraja sahaja manakala pusat pentadbiran terletak di Ipoh, begitu juga di Pahang apabila Pekan menjadi Bandar Diraja manakala bandar Kuantan menjadi pusat pentadbiran. Namun begitu perubahan peranan ini tidak berlaku secara mendadak tetapi secara beransur-ansur mengikut perkembangan zaman.

Untuk menentukan taraf sesebuah kawasan petempatan itu sama ada ia berada pada taraf bandar besar, bandar kecil atau luar bandar,

kriteria atau pengukuran penentuannya berbeza mengikut pelbagai perspektif. Namun begitu kriteria utama yang diambil kira ialah bilangan penduduknya, diikuti dengan saiz atau keluasan kawasan dan tentunya berdasarkan aktiviti ekonominya serta tahap pembangunan infrastrukturnya. Di Malaysia, ketiga-tiga kriteria itu juga menjadi penentu biarpun bilangan atau purata penduduknya berbeza mengikut negeri. Ini bergantung kepada fenomena kependudukan dan perkembangan ekonomi yang dialami. Sebagai contoh, negeri-negeri di sebelah pantai barat yang lebih ramai bilangan penduduknya dan banyak pula kawasan petempatannya memerlukan bilangan atau purata penduduk yang lebih tinggi berbanding negeri-negeri di sebelah pantai timur yang kita ketahui kepadatan penduduknya kurang. Maksudnya di sini bilangan penduduk di sesuatu kawasan bandar di sebelah pantai barat mungkin lebih tinggi berbanding dengan bilangan penduduk di kawasan bandar di sebelah pantai timur. Begitu juga antara negeri-negeri di Malaysia Barat dengan negeri-negeri Sabah dan Sarawak. Ini semuanya berpunca daripada latar belakang sejarah dan juga faktor sosio-ekonominya.

Telah disebutkan pada awal bahagian ini tadi bahawa (pertumbuhan dan perkembangan bandar dan luar bandar pada abad ke-19 banyak bergantung kepada aktiviti penghijrahan dan potensi ekonomi sesebuah kawasan itu. Implikasi daripada pernyataan ini kita dapati bahawa sebahagian besar bandar-bandar baru yang muncul adalah tertumpu kepada kawasan yang berdekatan dengan lombong bijih timah) seperti bandar Taiping dan Teluk Anson (Teluk Intan) di Perak, bandar Kelang di Selangor, di ladang-ladang tebu seperti Butterworth di Seberang Perai; di ladang-ladang getah seperti Ipoh, Kuala Kangsar di Perak dan lain-lain lagi. Dua elemen ini dibantu pula elemen yang lain seperti perkembangan sistem pengangkutan, kemudahan-kemudahan asas dan tempat tinggal yang lebih teratur dan selesa, pembinaan kilang-kilang yang berkaitan dan seterusnya pembinaan pusat-pusat pentadbiran. Daripada sebuah kawasan petempatan yang biasa, lama-kelamaan ia menjadi bandar. (Situasi ini kita boleh perhatikan pada perkembangan yang dialami oleh Kuala Lumpur. Kuala Lumpur

bermula dengan kawasan perlombongan bijih timah di sekitarnya dan dikerjakan oleh orang Cina dengan kerjasama beberapa kerabat diraja Selangor. Walaupun menjelang abad ke-19 perusahaan perlombongan di Kuala Lumpur semakin merosot tetapi kepentingan Kuala Lumpur semakin meningkat sebagai laluan pengangkutan dari Lembah Kelang ke Pelabuhan Port Swettenham. Apabila Kuala Lumpur diserahkan kekuasaannya kepada Kapitan Yap Ah Loy, Kuala Lumpur terus berkembang sebagai kawasan petempatan kaum imigran dan terus dibangunkan sebagai kawasan pentadbiran dengan pelbagai kelengkapan asas. Hinggalah kini Kuala Lumpur muncul sebagai bandar raya yang terbesar dan terpenting di Malaysia yang juga merupakan ibu kota bagi negara ini.

(Manifestasi daripada keadaan ini, kita dapati bahawa majoriti penduduk yang tinggal di kawasan-kawasan bandar sama ada bandar besar atau kecil ialah kaum pendatang iaitu orang Cina dan India serta orang Inggeris/Eropah. Kekecualian adalah pada bandar-bandar di negeri-negeri di sebelah pantai timur yang majoritinya ialah orang Melayu.) Sehingga tahun 1947 daripada sejumlah lima belas buah bandar raya dan bandar, tiga belas daripadanya mempunyai penduduk majoriti orang Cina. Contohnya di Kuala Lumpur daripada jumlah penduduknya seramai 175 961 orang, 66.4 peratus daripadanya ialah orang Cina, 18.0 peratus orang India sementara hanya 11 peratus sahaja orang Melayu.³¹ Begitu juga di Alor Setar, Kedah, daripada seramai 32 424 penduduknya, 47.8 peratus adalah orang Cina manakala orang Melayu 36.6 peratus dan orang India 13.9 peratus.³² Fenomena yang serupa wujud di bandar-bandar lain seperti Ipoh, Taiping, Johor Bahru, Seremban, Kelang, Bandar Maharani Muar, Teluk Anson dan lain-lain kecuali di bandar Kota Bharu dan Kuala Terengganu. Tidak ada bandar yang mempunyai peratusan penduduk berbilang kaum yang seimbang.

Berdasarkan Jadual 2.1, didapati bahawa kebanyakan bandar-bandar utama di negeri-negeri Melayu, majoriti penduduknya ialah kaum imigran terutama orang Cina. Di bandar-bandar besar yang jumlah penduduknya tinggi seperti di Georgetown Pulau Pinang,

Kuala Lumpur, dan Ipoh peratusan penduduk Cina sangat tinggi berbanding orang India dan orang Melayu. Sementara di bandar kecil yang bilangan penduduknya juga kecil, walaupun majoritinya tetap penduduk Cina tetapi peratusannya (kecuali bandar

Jadual 2.1: Bandar-bandar penting di Tanah Melayu pada tahun 1947.

Nama Bandar	Jumlah Penduduk	Peratus Penduduk Mengikut Kaum		
		Melayu	Cina	India
Georgetown	189 068	10.3	73.0	13.9
Kuala Lumpur	175 961	11.0	66.4	18.0
Ipoh	80 894	7.5	70.0	18.2
Melaka	54 507	12.6	74.5	7.7
Taiping	41 361	13.6	61.8	24.0
Johor Bahru	38 826	36.4	41.0	12.9
Seremban	35 274	8.6	65.0	17.6
Kelang	33 506	15.2	60.5	18.0
Alor Setar	32 424	36.6	47.8	13.9
Bandar Maharani	32 228	29.3	58.5	6.5
K. Terengganu	27 004	81.6	15.6	2.0
B. Penggaram	26 506	20.4	66.5	5.9
Teluk Anson	23 055	63.6	30.3	4.3
Kota Bharu	22 765	63.6	30.3	4.3
Butterworth	21 255	30.3	46.0	21.2

* Melayu di sini termasuk Melayu Bugis, Aceh, Jawa dan lain-lain (daripada rumpun Melayu Nusantara)

Sumber: N. Ginsburg, *Malaya*, halaman 87. Jadual di atas telah diubahsuai dari jadual asal.

Seremban) tidaklah tinggi meninggalkan penduduk daripada kaum lain. Kekurangan bilangan penduduk Melayu di kawasan-kawasan bandar boleh dijelaskan melalui beberapa perspektif. Faktor sifat semula jadi atau keperibadian masyarakat Melayu itu sendiri yang menghalang perpindahan dari kawasan luar bandar ke bandar boleh diambil kira. Di samping itu juga kurangnya dorongan daripada pihak luar akibat daripada dasar-dasar pemerintahan kerajaan kolonial boleh menjelaskan mengapa perhatian orang Melayu ke kawasan-kawasan bandar sangat tipis.

Dalam situasi banjirir kaum imigran yang memenuhi kawasan-kawasan yang telah sedia dibuka atau kawasan-kawasan yang baru dibuka, orang Melayu lantaran rasa tidak betah atau berasa selesa untuk tinggal bersama dan bergaul dengan kaum imigran telah mendorong mereka berhijrah ke kawasan-kawasan yang lebih jauh ke pedalaman. Aktiviti ini menimbulkan dua implikasi. Pertama, ia secara tidak langsung menyebabkan lebih banyak kawasan luar bandar dibuka dan kebanyakannya kawasan yang sesuai untuk dijalankan aktiviti pertanian mahupun perikanan. Kedua, kawasan-kawasan atau bandar-bandar yang dahulunya diduduki oleh majoriti orang Melayu telah berubah wajah dengan penghijrahan mereka ke kawasan-kawasan luar bandar. Kekosongan yang mereka tinggalkan diambil tempat oleh kaum imigran. Situasi ini tepat untuk menggambarkan keadaan di bandar Alor Setar, Kedah. Kini, bandar yang suatu ketika dulu dikuasai (dari segi bilangan penduduk) oleh orang Melayu, penduduk majoritinya ialah orang Cina dan jika dicampur jumlah penduduk Cina dan India mereka adalah hampir 70% daripada jumlah keseluruhannya.

Fenomena ini berterusan berlaku terutama dalam tempoh sebelum Perang Dunia Kedua. Orang Melayu hanya menjadi penduduk majoriti di kawasan-kawasan atau bandar-bandar yang tidak atau kurang menarik minat kaum pendatang untuk mendiaminya. Ini terjadi di bandar-bandar seperti Kota Bharu, Kelantan, Kuala Terengganu dan Dungun di Terengganu yang terletak di negeri-negeri sebelah pantai timur. Jelas terserlah di sini ialah sifat masyarakat Melayu yang lebih suka tinggal dalam kelompok kaum mereka sahaja, dan oleh kerana kebanyakan bandar berkenaan

hanya diduduki oleh orang Melayu maka ramai yang datang atau terus tinggal di kawasan berkenaan.

Di Sarawak, perkembangan bandar bermula di kawasan-kawasan yang mempunyai aktiviti ekonomi dan dapat menarik ramai penduduk. Di setiap bahagian negeri itu (yang mengandungi tujuh bahagian) mempunyai sekurang-kurangnya satu bandar. Dari segi komposisi kaum, orang Cina menguasai dua per tiga dan orang Melayu satu per lima daripada jumlah keseluruhan penduduk bandar.³³ Boleh dikatakan bahawa hampir di semua bandar orang Cina menjadi majoriti kecuali di Bintulu yang dikuasai oleh penduduk peribumi dan Lutong yang terdapat ramai orang Melayu.³⁴ Ini bermakna bahawa hal-ehwal perkembangan bandar di Sarawak hampir serupa dengan yang berlaku di Semenanjung. Di Sabah, pembukaan bandar-bandar baru adalah berkaitan dengan keperluan pentadbiran di samping akibat perkembangan ekonomi juga. Antara bandar yang baru dibuka ialah bandar Gaya, Lahad Datu, Sandakan dan Kudat yang suatu ketika dahulu menjadi pusat pentadbiran Chartered Company sebelum berpindah ke Sandakan dan kemudiannya ke Jesselton atau Kota Kinabalu. Bandar-bandar baru ini kebanyakannya diduduki oleh masyarakat Cina yang dibawa khusus untuk meneroka peluang-peluang ekonomi yang terdapat di situ. Sementara di kawasan pedalaman masih setia dihuni oleh kaum bumiputera. Ringkasnya situasi perkembangan bandar di Sabah tidak ada bezanya dengan di Semenanjung.

Nota Hujung

1. Amarjit Kaur, 1984. "An Historical Study of Transport in Malaya", *Historia* (Kuala Lumpur, Persatuan Sejarah Malaysia), hlm. 246.
2. J. Kennedy, 1970. *A History of Malaya*. (London, MacMillan), hlm. 197.
3. Amarjit Kaur, *op.cit.*, hlm. 247.
4. *Ibid.*
5. J. Kennedy, *op.cit.*, hlm. 198.
6. Amarjit Kaur, *op.cit.*, hlm. 259.

7. M. Ginsburg, 1958. *Malaya* (Seattle, University of Washington Press). Hlm. 104.
8. Lee Yong Leng, 1965. *North Borneo (Sabah)*, Singapore, Donald Moore hlm. 71.
9. *Ibid.*
10. Pang Teck Wai, 1989. "Economic Growth and Development in Sabah", *Sabah 25 Years Later 1963-1988*. (Kota Kinabalu, Institute for Development Studies (Sabah)), hlm. 100.
11. James C. Jackson, 1976. *Sarawak* (Kuala Lumpur, DBP), hlm. 191.
12. *Ibid.*
13. *Ibid.*, hlm. 192.
14. Amarjit Kaur, *op.cit.*, hlm. 241-276.
15. D.G.E.Hall, 1987. *Sejarah Asia Tenggara* (Kuala Lumpur: DBP). hlm. 695
16. J. Kennedy, *op.cit.*, hlm. 199.
17. Lee Yong Leng, *op.cit.*, hlm. 29.
18. *Ibid.*, hlm. 30.
19. *Ibid.*
20. Khoo Kay Kim, 1984. *Negeri-negeri Melayu Pantai Barat 1850 - 1873* (Petaling Jaya, Fajar Bakti), hlm. 111.
21. *Ibid.*, hlm. 113.
22. J.M. Gullick, 1988. *Kuala Lumpur 1880-1895* (Petaling Jaya, Pelanduk Publications, hlm. 98.
23. D.G.E.Hall, *op. cit.*, hlm. 695.
24. J.M. Gullick. *op.cit.*, hlm.101.
25. D.G.E. Hall, *op.cit.*
26. James C. Jackson, *op. cit.*, hlm. 234.
27. K.G. Tregonning, 1967. *A History of Modern Sabah*. (Kuala Lumpur, University of Malaya Press). hlm. 34.
28. *Ibid.*, hlm. 70.
29. Hamzah Sendut, 1964. "Urbanization", *Malaysia: A Survey*. (London Frederick A. Praeger). Hlm. 82.

30. *Ibid.*, hlm. 83
31. N. Ginsburg, *op. cit.*, hlm. 87.
32. *Ibid.*
33. James, C. Jackson, *op. cit.*, hlm. 65.
34. *Ibid.*, hlm. 65-66.

Bab 3

Masyarakat Melayu: Tradisi dan Perubahan

MASYARAKAT Melayu yang diiktiraf sebagai penduduk peribumi negara ini telah mengalami kesan yang tidak sedikit akibat perkembangan masa dan persekitarannya. Pelbagai kesan yang boleh disifatkan sebagai kesan yang tidak memberangsangkan itu terutama dalam kemajuan sosioekonomi mereka telah menimbulkan perbincangan hangat di kalangan sarjana pelbagai bidang terutamanya dalam bidang antropologi dan sosiologi mahupun dalam bidang sejarah. Perbincangan ini berkisar terutamanya kepada persoalan mengapa masyarakat Melayu selaku penduduk peribumi menerima kesan yang dinilai sebagai negatif dan gagal untuk mengambil manfaat daripada perkembangan sosioekonomi yang berlaku di negara sendiri. Sesungguhnya perbincangan yang dihasilkan memang menarik dan terungkaplah pelbagai tanggapan dan andaian. Apa pun alasan yang diberi namun memang kita tidak dapat menafikan hakikat bahawa kehidupan masyarakat Melayu tidak banyak berubah dari aspek kemajuan sosioekonominya. Walau bagaimanapun tidak boleh pula disangkal bahawa masyarakat Melayu terkena juga tempias akibat perubahan masa dan persekitaran yang mampu mengubah struktur atau susun lapis masyarakatnya.

STRUKTUR MASYARAKAT MELAYU TRADISI

Secara umumnya atau secara mudahnya, struktur masyarakat Melayu hanya terdiri daripada dua golongan atau kelas. Golongan pertama ialah kelas pemerintah yang dikenali juga sebagai golongan aristokrat dan golongan kedua ialah kelas yang diperintah iaitu rakyat biasa. Gambaran ini adalah sesuatu yang biasa bagi menerangkan tentang struktur masyarakat Melayu. Struktur ini lumrah bukan sahaja di Tanah Melayu tetapi juga di kalangan masyarakat peribumi di negara-negara lain di Asia Tenggara. Walau bagaimanapun, terdapat sarjana seperti Zainal Abidin Wahid¹ yang mencadangkan bahawa struktur atau susun lapis masyarakat Melayu ada tiga peringkat. Satu lagi golongan yang beliau cadangkan ialah golongan pertengahan (*middle class*). Golongan ini berada di tengah-tengah antara golongan pemerintah dengan golongan yang diperintah. Bagaimanapun cadangan Zainal Abidin Wahid ini kurang diterima oleh sarjana-sarjana lain yang ternyata lebih cenderung kepada pembahagian yang telah disebutkan di atas tadi.

Walaupun susun lapis masyarakat Melayu tradisi dibahagikan kepada dua kelompok secara jelas tetapi dalam setiap kelompok itu terdapat lagi beberapa lapisan atau pengelompokan lain. Bagi kelas pemerintah, pengelompokan itu adalah berasaskan kepada kedudukan politik dan jawatan yang mereka sandang.² Sultan ialah kelas yang paling tinggi sebagai pemerintah utama diikuti dengan kerabat diraja iaitu mereka yang berasal daripada keturunan raja (keluarga diraja). Mereka ini mempunyai kedudukan istimewa dan ada kalanya diberi jawatan penting dalam kerajaan seperti bendahara dan temenggung. Di bawah golongan kerabat diraja ialah golongan pemerintah yang bukan daripada keturunan raja iaitu pembesar dan penghulu. Mereka ini mempunyai tugas atau fungsi dalam pentadbiran sama ada sebagai penasihat raja ataupun pembesar daerah. Ada kalanya sultan membenarkan pembesar daerah berkuasa penuh di daerah-daerah berkenaan seperti di Selangor.

Dalam kelas rakyat biasa, mereka juga mempunyai susun lapis tetapi tidak berasaskan kedudukan politik, sebaliknya ia berasaskan kepada faktor ekonomi dan sosial. Dalam struktur masyarakat bawahan, wujud golongan hamba. Rakyat biasa berada pada ke-

dudukan tertinggi di atas golongan hamba. Golongan hamba ini pula terdiri daripada dua jenis iaitu hamba abdi dan hamba berhutang. Hamba abdi ialah golongan yang dijadikan hamba secara mutlak oleh seseorang dan boleh dijual beli. Hamba abdi boleh didapati melalui beberapa cara seperti daripada tawaran perang, lanun, pesalah-pesalah jenayah berat dan secara sukarela atas alasan untuk mencari tempat bergantung hidup daripada golongan pemerintah yang kaya. Hamba berhutang pula ialah orang yang pernah berhutang dengan seseorang dan gagal untuk melunaskan kembali hutang-hutangnya. Oleh itu, sebagai satu cara untuk menjelaskan hutang-hutang tersebut seseorang itu mestilah berkhidmat dengan si pemiutang sehinggalah langsi segala hutang-hutangnya.

Terdapat perbezaan antara hamba abdi dengan hamba berhutang. Selain daripada asal usul kewujudannya, ia juga berbeza dari banyak segi. Hamba abdi tidak mendapat pengiktirafan dalam masyarakat, sebaliknya hamba berhutang mendapat pengiktirafan kerana asalnya ialah daripada rakyat biasa. Peluang untuk merdeka bagi hamba abdi sangat tipis dan hanya boleh bebas jika dimerdekakan oleh tuannya. Sebaliknya bagi hamba berhutang ia akan bebas selepas langsi segala hutang-hutangnya. Ini bermakna hamba berhutang tidak boleh dijual beli secara tidak langsung. Ini menunjukkan bahawa kedudukan hamba berhutang lebih baik jika dibandingkan dengan hamba abdi. Ini adalah kerana hamba berhutang pada asalnya ialah orang yang merdeka tetapi terpaksa menjadi hamba apabila hutangnya tidak dapat dilangsaikan. Mereka boleh merdeka apabila hutang telah berjaya dilangsaikan. Sementara hamba abdi selama-lamanya menjadi hamba kecuali dimerdekakan oleh tuan mereka.

Kelas pemerintah dari segi bilangannya lebih kecil berbanding rakyat biasa. Dari segi mobiliti sosial atau kemungkinan berlaku perpindahan status daripada kelas bawahan kepada kelas pemerintah memang sesuatu yang jarang berlaku. Seandainya ia berlaku, biasanya melalui proses perkahwinan, tetapi perkahwinan seperti ini juga jarang sekali berlaku kerana golongan pemerintah begitu prihatin dengan status dan darjat mereka yang tinggi itu. Seme-

mangnya terdapat banyak aspek yang mencipta jurang pemisah antara kedua-dua kelas itu. Boleh dikatakan dalam setiap aspek kehidupan, mereka berbeza. Paling ketara dalam aspek politik dan ekonomi. Dalam aspek politik misalnya, kuasa politik menjadi hak mutlak golongan pemerintah. Tiada peluang bagi rakyat biasa untuk turut serta dalam urusan pentadbiran negeri apatah lagi untuk menjadi sultan. Yang jelasnya, golongan atasan adalah pemerintah yang menjalankan kuasa manakala rakyat adalah golongan yang diperintah dan yang dijalankan kuasa ke atas mereka. Rakyat biasa dituntut agar sentiasa taat dan setia kepada golongan pemerintah ini terutamanya kepada sultan melalui konsep daulat dan derhaka yang begitu digeruni oleh rakyat ketika itu.

Dari aspek ekonomi pula, keadaannya memang jauh berbeza, bukan sahaja dari segi sumber-sumbernya tetapi juga dari segi nilai atau jumlah pendapatan yang diterima. Bertepatan dengan kedudukan tertinggi yang dimilikinya, sultan mempunyai sumber ekonomi yang banyak. Baginda memperoleh pendapatan daripada cukai-cukai tanah, ternakan, tanaman, perdagangan, ufti daripada jajahan takluknya, hadiah daripada pedagang luar dan dalam serta sumber-sumber lain lagi. Kerabat diraja dan pembesar pula mendapat kekayaan daripada sumber yang kurang sedikit daripada sultan, misalnya daripada hasil cukai lalu lintas di sungai-sungai (tol) dan hasil daripada tanah-tanah pertanian yang mereka miliki. Bagi mereka yang memiliki tanah-tanah pertanian, mereka tidak perlu mengeluarkan belanja untuk mengupah orang mengerjakannya, sebaliknya pula dalam sistem kerah yang wujud dalam masyarakat Melayu, mereka boleh memerintahkan rakyat biasa mengerjakan tanah-tanah mereka secara percuma.

Dalam bidang perdagangan yang dimonopoli oleh sultan-sultan, ia meliputi semua hasil dalam negeri dan jajahan takluk baginda jika ada. Hasilnya boleh dipungut dalam dua sistem. Pertamanya melalui sistem pajak apabila seseorang itu diberi kuasa menjalankan perdagangan barangan tertentu dan dia mesti membayar sejumlah wang kepada wakil sultan yang memajakkan tanah berkenaan. Keduanya pajakan monopoli. Sultan biasanya mendapat hak monopoli dalam sesuatu jenis barangan dan lazimnya ia diserahkan

kepada sesuatu golongan atau seseorang untuk menguruskannya. Orang ini perlu bayar sejumlah wang, biasanya lebih besar jumlahnya kepada sultan atau wakilnya.³

Bagi golongan yang diperintah pula, mereka menampung kehidupan dengan bekerja sebagai petani, nelayan, bertukang dan juga berdagang. Hasil pendapatan mereka biasanya setakat memenuhi keperluan asas untuk hidup dan untuk membayar cukai-cukai yang dikenakan ke atas mereka. Dengan kata lain, ekonomi masyarakat Melayu bawahan bercorak sara diri. Mereka tidak melihat kepentingan untuk mendapatkan hasil yang lebih daripada sekadar mencukupi. Keadaan ini barangkali dipengaruhi oleh beberapa faktor atau keadaan. Keluasan tanah yang terhad yang mereka miliki merupakan salah satu faktor. Biasanya tanah yang dimiliki tidak luas jadi bagaimana untuk mendapatkan hasil yang banyak. Faktor ini dibantu pula dengan tenaga kerja yang kurang atau terhad kerana biasanya tenaga kerja yang digunakan untuk mengerjakan tanah terdiri daripada kaum keluarga mereka sahaja.⁴

Dalam keadaan begini, keupayaan mereka dihadkan lagi dengan kerahan tenaga yang disalurkan kepada kepentingan golongan pemerintah melalui sistem kerah, seperti yang telah disebutkan tadi. Apabila berhadapan dengan situasi ini, biasanya kerja-kerja yang dikerah ke atas mereka lebih diutamakan sama ada untuk kepentingan awam mahupun kepentingan peribadi golongan pemerintah berkenaan. Rakyat diperintahkan untuk mendahulukan khidmat kepada golongan atasan. Fenomena ini boleh digambarkan dengan pepatah lama "Kerja raja dijunjung, kerja sendiri dikelek". Hamba abdi dan hamba berhutang pula terikat dengan tuan mereka masing-masing, dan mereka bergantung hidup kepada tuan mereka.

Daripada keadaan yang didedahkan itu, terpancar satu corak penindasan yang barangkali tidak disedari oleh golongan pemerintah terhadap golongan yang diperintah. Keadilan sosial tidak terlaksana. Suasana sekitar memang tidak menggalakkan golongan bawahan mencari sumber pendapatan yang lebih, hanya setakat cukup untuk menampung keperluan asas keluarga untuk hidup. Corak ekonomi seperti ini berkekalan sehingga abad ke-20 terutama di kawasan-kawasan terpencil yang tidak disentuh oleh arus

pemodenan. Perbezaan dalam aspek dan ekonomi ini mencipta jurang pemisahan dari segi corak hidup antara kedua-dua golongan ini. Pergaulan terbatas antara sesama golongan sahaja. Jika pun wujud hubungan antara kedua-dua golongan ini ia berdasarkan kepada pemerintah atau tuan dengan yang diperintah atau anak buah, tidak lebih daripada itu.

Masyarakat Melayu bawahan yang tinggal di kampung-kampung biasanya diketuai oleh seorang penghulu atau ketua kampung. Peranan ketua kampung ini sangat besar dalam menangani pelbagai aspek di kampungnya, lebih-lebih lagi mereka ialah orang perantara antara golongan pemerintah dengan yang diperintah. Biasanya penghululah yang mengutip cukai, menjaga keamanan dan keharmonian kampung dan mengarahkan anak-anak buahnya melaksanakan kerja-kerja yang diperintahkan oleh golongan atasan. Penghulu boleh datang daripada rakyat biasa dan jawatan yang dipegangnya akan diperturunkan kepada waris-warisnya. Hubungan antara penghulu dengan anak buah selalunya baik. Ini penting untuk memastikan anak buahnya tidak berpindah ke tempat lain kerana jika ini berlaku sedikit sebanyak ia akan menjejaskan pendapatan penghulu berkenaan. Walau bagaimanapun apabila tercetusnya perang saudara dalam perebutan takhta negeri, penduduk kawasan berkenaan akan berpindah mencari perlindungan baru.

Wujudnya susun lapis dan hubungan antara pembesar dan anak buahnya dalam struktur masyarakat Melayu tradisi menyebabkan ramai sarjana terutama sarjana-sarjana barat telah menyamakan sistem masyarakat tradisi dengan sistem feudal masyarakat Eropah. Ini adalah kerana sarjana barat ini sudah biasa dengan fenomena sistem feudal Eropah dan mendapati ada ciri-cirinya yang terdapat pada struktur dan susun lapis masyarakat Melayu. Antara ciri-ciri itu ialah wujudnya sistem politik yang mempunyai hierarki, pengagihan kuasa pusat (sultan) kepada pembesar-pembesar negeri, pemerasan dan penindasan pembesar-pembesar negeri dan daerah ke atas rakyat bawahan melalui pengenaan pelbagai cukai dan sistem kerah dan juga dengan wujudnya hubungan seperti *patron-client* antara para petani iaitu rakyat dengan pembesar-pembesar mereka.

Antara sarjana dan penulis barat yang berpendapat demikian ialah T.J. Newbold dalam bukunya *A Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca*, J.F. McNair dalam bukunya *Perak and the Malays* dan Isabella Bird dalam *The Golden Chersonese*.

Walau bagaimanapun terdapat sarjana-sarjana tempatan yang menolak anggapan bahawa struktur dan susun lapis masyarakat Melayu menepati sistem feodal masyarakat Eropah. Walaupun sarjana-sarjana ini seperti Syed Hussain al-Attas, Muhd. Yusof Ibrahim dan Cheah Boon Kheng tidak menolak sepenuhnya tanggapan itu tetapi mereka berpendapat bahawa hanya pada ciri-ciri tertentu sahaja yang menampakkan persamaan antara sistem feodal Eropah dengan struktur dan susun lapis masyarakat Melayu. Cheah Boon Kheng misalnya dalam tulisan beliau bertajuk *Feudalisme Melayu, Ciri-ciri dan Pensejarahannya*³ telah mengupas tentang konsep feudalisme ini dalam sistem kerajaan dan masyarakat Melayu. Beliau lebih bersetuju sekiranya konsep feudalisme yang berasal daripada Eropah ini hanya ketara dalam aspek politik sahaja dan tidak pada masyarakatnya.

MASYARAKAT MELAYU ABAD KE-19 DAN 20

Abad ke-19 seringkali digunakan oleh ramai sarjana sebagai kayu pengukur kepada perubahan yang berlaku pada masyarakat Melayu. Dengan kata lain, abad ke-19 terutama pada dekad-dekad pertengahannya menjadi garis pemisah antara masyarakat Melayu tradisi dengan masyarakat Melayu yang telah mula berubah ke arah pemodenan sesuai dengan suasana dunia ketika itu. Antara sarjana dan penulis yang menekankan kepentingan abad ke-19 sebagai titik mula perubahan pada masyarakat Melayu (sekadar menyebut beberapa nama) ialah J.M. Gullick dalam bukunya, *Malay Society in the Late Nineteenth Century, The Beginnings of Change*, W.R. Roff dalam *The Origins of Malay Nationalism*, Khoo Kay Kim; *Malay Society, Transformation & Democratisation* dan Yap Beng Liang dalam artikelnya "Stratifikasi Sosial dan Masyarakat Melayu".

Soalnya di sini, mengapa abad ke-19 dan bukan pada abad-abad yang lebih awal dari itu ataupun pada abad selepasnya iaitu abad

ke-20? Barangkali kerana pada abad tersebut pihak Inggeris mula datang dan menguasai negeri-negeri Melayu satu demi satu hingga abad ke-20. Dengan berlatarbelakangkan suasana dan budaya yang berbeza, orang Inggeris telah melaksanakan beberapa peraturan dan sistem politik yang berbeza daripada yang sedia ada. Barangkali itulah sebabnya mengapa sarjana-sarjana berkenaan memilih abad ke-19 sebagai satu garis pemisah antara tradisi dan perubahan, bukan setakat dalam aspek politik tetapi juga dalam aspek lain walaupun mereka tidak menyatakannya secara langsung. Barangkali juga kerana kehadiran secara beramai-ramai kaum pendatang dan ia menjadi cabaran baru kepada masyarakat Melayu.

Walaupun bagaimanapun, dari segi kesan jangka pendek, struktur dan susun lapis masyarakat Melayu dan corak hidup tidak banyak berubah dengan kedatangan Inggeris. Golongan raja dan kaum kerabatnya masih kekal begitu juga dengan pembesar-pembesar Melayu yang lain apatah lagi rakyat bawahan. Kalau ada yang berubah pun ialah dari segi kekuasaan dan hubungan antara golongan pemerintah dengan yang diperintah. Secara prinsipnya rakyat bukan lagi berada di bawah kekuasaan dan pemerintahan golongan pemerintah. Ini adalah kerana raja dan pembesar-pembesarnya tidak boleh lagi memungut cukai daripada rakyat dan tidak boleh lagi melaksanakan sistem kerah ke atas rakyat. Malah mereka tidak boleh lagi memiliki hamba. Dengan keadaan ini sedikit sebanyak corak hidup rakyat berubah daripada sebelumnya dan golongan hamba tidak lagi wujud. Rakyat tidak lagi tertekan dengan sistem kerah. Bagaimanapun mereka tetap diwajibkan membayar cukai kepada pegawai-pegawai yang dilantik oleh kerajaan Inggeris. Ada kalanya cukai-cukai yang dikenakan lebih banyak jenisnya berbanding sebelumnya sehingga menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat. Keadaan ini terbukti di Terengganu hingga membangkitkan penentangan daripada para petani pada tahun 1928. Kerajaan Inggeris menggantikan sistem politik tradisi dengan sistem birokrasi dalam menjalankan urusan pentadbiran mereka pada peringkat negeri, daerah dan mukim. Ini telah menghapuskan sistem pemerintahan dan corak organisasi tradisi.

Pola pekerjaan masyarakat Melayu juga tidak banyak berubah walaupun perkembangan sektor ekonomi begitu pesat berlaku

melibatkan pembukaan lebih banyak lombong bijih timah dan ladang kopi, tebu dan kemudiannya getah. Masyarakat Melayu tidak terlibat secara langsung dalam hal ini biarpun sebagai buruh biasa. Ini berikutan daripada tindakan pihak-pihak yang terbabit mengimport buruh dari luar. Fenomena ini telah pun dibincangkan dalam dua bab yang lepas jadi tidak perlulah diulang sekali lagi di sini. Yang ingin ditekankan di sini ialah ketidakterlibatan orang Melayu dalam perkembangan ekonomi yang rancak ini. Sama ada mereka tidak diberi peluang atau mereka yang tidak mahu merebut peluang. Namun barangkali fenomena ini boleh dikaitkan dengan gambaran negatif pihak Inggeris terhadap peribadi orang Melayu, misalnya Frank Swettenham pernah menilai orang Melayu jati sebagai;

benar-benar berani ... hidupnya banyak membazir, suka meminjam duit tetapi lambat membayarnya semula ... Dia selalu menyebut perumpamaan ... tidak pernah minum benda yang memabukkan, dan jarang-jarang menghisap candu ... Dia ahli sukan semula jadi ... bangga dengan negeri dan bangsanya, menghormati adat resam dulu kala serta mengagumi kekuasaan yang ditubuhkan ... Dia juga seorang pelajar dalam cara meniru tetapi malas benar, menganggap waktu itu tidak begitu penting.⁶

Gambaran terhadap orang Melayu ini berbeza dengan penilaian pihak Inggeris terhadap orang bukan Melayu yang disifatkan sebagai memiliki ketekunan yang tinggi yang menjadi punca mereka mencuburkan diri dalam bidang perburuhan.⁷

Yang penting nya, ekonomi masyarakat Melayu ketika itu masih lagi bersifat ekonomi sara diri. Fenomena ini tepat bagi menggambarkan keadaan hidup masyarakat Melayu bawahan di kawasan-kawasan luar bandar. Bagi masyarakat Melayu yang tinggal berdekatan kawasan bandar terdapat juga sebilangan kecil yang bekerja dalam bidang pekerjaan yang baru. Oleh yang demikian boleh dikatakan tidak muncul kelas buruh di kalangan masyarakat Melayu seperti mana yang berlaku di negara-negara lain di Asia

Tenggara. Bagi golongan atasan pula terdapat sedikit perubahan dalam hidup mereka dengan pengenalan sistem birokrasi dalam pentadbiran apabila ramai daripada mereka terlibat secara langsung. Walau bagaimanapun perubahan ini bukanlah perubahan yang berlaku serta-merta sebaliknya mengambil masa yang lama.

KEMUNCULAN KELAS MENENGAH MELAYU

Ketika kita membincangkan tentang struktur dan susun lapis masyarakat Melayu tradisi tiada disebutkan adanya kelas atau golongan menengah walaupun ada sarjana yang menyifatkan penghulu-penghulu kampung sebagai tergolong dalam kelas menengah iaitu antara golongan atasan dengan golongan bawahan.⁸ Bagaimanapun sejak Inggeris datang dan mentadbir negeri-negeri Melayu, telah muncul satu kelas baru secara jelas dalam susun lapis masyarakat Melayu. Kemunculan kelas yang diberi nama kelas menengah ataupun kelas elit pentadbir Melayu nampaknya telah dipersetujui oleh ramai sarjana dan penulis yang mengkaji tentang struktur dan susun lapis masyarakat Melayu sebelum dan selepas penjajahan Inggeris. Boleh dikatakan bahawa kemunculan kelas ini adalah kesan jangka panjang akibat dasar-dasar Inggeris dalam sistem pentadbiran di negeri-negeri Melayu. Ia dikatakan kesan jangka panjang kerana kemunculannya bukanlah dalam jangka waktu yang terdekat selepas kedatangan Inggeris. Dari segi tarikh yang tepat memang sukar untuk ditentukan tetapi boleh dikatakan ia muncul secara jelas sejak suku pertama abad ke-20.

Secara mudahnya, kelas menengah ialah kelas yang terletak di tengah-tengah susun lapis masyarakat, antara golongan atasan (pemerintah) dengan golongan bawahan (yang diperintah). Pengelompokan kelas ini diukur dari segi punca pendapatan yang dinikmati dan juga latar belakang pendidikan yang diterima bukan lagi berdasarkan darjat keturunan atau pangkat. Ukuran dari segi punca pendapatan adalah sesuatu yang biasa sebelum ini bagi menentukan kelasnya dalam masyarakat, tetapi berdasarkan pendidikan yang diterima adalah merupakan satu ukuran yang baru, dan ia tepat digunakan sebagai ukuran pengelasan kelas menengah

ini. Kemunculan kelas menengah ini mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan sistem birokrasi yang diperkenalkan oleh kerajaan Inggeris. Ramai sarjana menghubungkan antara kewujudan Perkhidmatan Awam Malaya (*Malayan Civil Service*) dengan kemunculan kelas menengah ini. Antara mereka ialah W.R. Roff yang merujuk golongan ini sebagai golongan elit pentadbir (*Administrative Elite*),⁹ Nordin Selat¹⁰ dan Yab Beng Liang.¹¹

Pada peringkat awal pelaksanaan sistem birokrasi dalam pentadbiran, jawatan-jawatan yang diwujudkan disandang oleh pegawai-pegawai Inggeris sendiri dengan alasan bahawa mereka memang lebih layak kerana telah biasa dengan sistem itu, sedangkan bagi masyarakat Melayu, sistem itu adalah satu sistem yang baru dan berbeza daripada sistem pentadbiran tradisi yang diamalkan sebelum itu. Jadi, mereka tidak berkebolehan dan perlu menjalani latihan terlebih dahulu untuk membolehkan orang Melayu menjawab jawatan-jawatan tersebut, dan ini memerlukan masa.

Mengikut W.R. Roff, kerajaan Inggeris pada mulanya tidak mempunyai keyakinan terhadap kebolehan orang Melayu dalam pentadbiran tetapi setelah berlakunya peristiwa pembunuhan J.W.W. Birch yang menggambarkan ketidakpuasan hati pembesar-pembesar Melayu yang berasa dilupakan, kerajaan Inggeris telah mengambil keputusan untuk melibatkan mereka dalam pentadbiran.¹² Bagaimanapun oleh kerana mereka iaitu golongan aristokrat Melayu tidak begitu berkebolehan dalam sistem baru ini, jadi mereka perlu dilatih terlebih dahulu. Namun begitu kerajaan Inggeris mengambil masa begitu lama untuk menubuhkan sebuah institusi pendidikan untuk melatih golongan ini. Kerana itulah hanya pada awal abad ke-20 barulah terdapat segolongan generasi muda daripada kelas aristokrat Melayu yang benar-benar terdidik dengan pendidikan barat dan terlatih untuk dilantik menjadi pegawai-pegawai birokrat di pelbagai jabatan.

Golongan aristokrat yang disifatkan sebagai orang Melayu keturunan orang "baik-baik" ini diberi peluang belajar dalam sebuah maktab khas untuk mereka iaitu Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK). Lulusan maktab ini akan diserap untuk bertugas dalam Perkhidmatan Awam Malaya (MCS). Antara lulusan maktab tersebut

yang pertama ialah Raja Chulan. Penubuhan Maktab Melayu Kuala Kangsar pada tahun 1905 ini bukan sahaja bertujuan untuk memenuhi jawatan-jawatan dalam perkhidmatan kerajaan tetapi juga untuk mewujudkan atau membentuk sebuah masyarakat Melayu moden.¹³ Bermula dari sinilah wujudnya kelas menengah di kalangan masyarakat Melayu. Mereka ini tinggal di kawasan bandar yang merupakan pusat pentadbiran. Bertepatan dengan hasrat untuk membentuk sebuah masyarakat Melayu moden, maka golongan kelas menengah ini telah diperkenalkan dengan corak dan gaya hidup moden kelas menengah di Eropah melalui pegawai-pegawai tadbir Inggeris yang bertugas di negeri-negeri Melayu.

Menurut Nordin Selat, kelas menengah ini memilih untuk mengikut cara hidup orang barat bukan sahaja kerana mereka telah didedahkan dengan cara hidup begitu tetapi juga kerana imej dan prestij.¹⁴ Dengan mengikut gaya hidup seperti ini, imej dan prestij mereka di kalangan masyarakat tempatan akan menjadi tinggi, lantaran kemewahan hidup yang mereka rasai. Golongan ini biasanya memiliki rumah dan kereta besar, mempunyai orang gaji, seringkali bercuti di bukit-bukit peranginan, menghargai karya-karya barat, memakai pakaian barat (kot dan tali leher) dan lain-lain lagi. Pendeknya, gaya hidup golongan ini memang berbeza pada waktu itu dengan corak hidup masyarakat Melayu yang lain sama ada daripada golongan atasan ataupun bawahan. Dengan sifatnya sebagai kelompok yang baru muncul ditambah pula dengan gaya hidup yang berbeza, golongan kelas menengah ini seolah-olah terpinggir daripada masyarakat Melayu dari segi kedudukan sosial mereka dalam masyarakat. Mereka ini dari segi rupa memang orang Melayu tetapi tidak dari segi gaya hidup. Dalam masa yang sama, mereka tidak boleh dikelompokkan dalam masyarakat Inggeris walaupun tidak berbeza dari segi gaya hidup. Oleh yang demikian mereka membentuk komuniti mereka sendiri yang agak terasing. Walau bagaimanapun, kedudukan mereka senantiasa dipandang tinggi oleh orang Melayu kerana jawatan yang disandang.¹⁵

Dari segi hubungan antara kelas menengah ini dengan kedua-dua kelas yang lain, menampakkan perbezaan. Menurut Khasnor Johan, jika dilihat daripada beberapa perspektif, harus akan wujud

konflik antara kelas menengah dengan elit tradisional Melayu.¹⁶ Perkara utama yang boleh menimbulkan konflik ialah berkaitan dengan cabaran dari segi kepimpinan dalam masyarakat Melayu. Kemunculan kelas menengah ini boleh dilihat sebagai pencabar kepada kepimpinan elit tradisional Melayu yang telah dipegang secara adat. Banyak kelebihan yang dimiliki oleh kelas menengah berbanding elit tradisional Melayu. Antaranya dari segi pendidikan, rapatnya hubungan mereka dengan kerajaan Inggeris dan penghormatan tinggi yang diperoleh daripada masyarakat bawahan. Namun, konflik ini tidak timbul sama sekali. Sebaliknya mereka dapat bekerjasama baik atas sebab tali kekeluargaan dan asal usul kelas yang sama. Ini memang tidak boleh dinafikan kerana ramai daripada pegawai Melayu ini berasal daripada keluarga aristokrat Melayu. Oleh yang demikian, mereka dapat bekerjasama antara satu sama lain untuk kepentingan mereka sendiri sama ada dari segi sosial, ekonomi mahupun politik.

Hubungan kelas ini dengan masyarakat bawahan hanyalah wujud berasaskan urusan rasmi semata-mata.¹⁷ Perbezaan kelas menyumbang kepada perkara ini. Tugas kelas pentadbir ini sebagai pegawai pengutip cukai dan penguatkuasa undang-undang memaksa mereka berhubung dengan rakyat biasa dan ada kalanya mereka terpaksa tinggal di kampung sehari-hari untuk menyelesaikan tugas mereka. Meskipun keadaan ini boleh mewujudkan hubungan yang baik antara mereka dengan masyarakat kampung tetapi ia tidak berlaku. Walaupun ada yang mendakwa bahawa golongan ini berusaha untuk mendekati rakyat tetapi ternyata hubungan mereka terhadap setakat itu sahaja, walaupun ada pegawai-pegawai Melayu tersebut berasal daripada golongan bawahan seperti Ishak Haji Muhammad. Menurut Nordin Selat pegawai-pegawai Melayu seperti ini mengalami konflik dalam diri mereka antara perjuangan untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat bawahan dengan keselesaan hidup yang sedang mereka kecapi.¹⁸ Orang seperti Ishak Haji Muhammad akhirnya menceburkan diri dalam perjuangan politik.

Daripada asal bilangannya yang kecil, kelas menengah ini kemudian bertambah besar jumlahnya dari tahun ke tahun. Sungguhpun ramai sarjana yang bersetuju berhubung dengan

kemunculan kelas menengah ini, tetapi mereka juga bersetuju bahawa kewujudan mereka di tengah-tengah masyarakat Melayu hanya ketara pada beberapa tahun sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaannya. Jadi ini bermakna jumlah sebenar orang Melayu yang terlibat dalam pentadbiran terlalu kecil semasa Inggeris memerintah negara ini. Misalnya dalam tahun 1922 hanya terdapat seorang sahaja pegawai pentadbir Melayu. Bilangan ini kemudian meningkat kepada 21 orang pada tahun 1938. Setahun sebelum Tanah Melayu merdeka baharulah jumlahnya meningkat sedikit hingga mencapai ke angka 106 orang.¹⁹ Walaupun demikian keadaan ini, kemunculan golongan kelas menengah ini penting dari segi kesan jangka panjang akibat daripada kedatangan dan dasar-dasar yang telah direalisasikan oleh kerajaan Inggeris di negeri-negeri Melayu, yang mengubah sedikit sebanyak struktur dan susun lapis masyarakatnya. Jadi dengan munculnya kelas baru ini, struktur dan susun lapis masyarakat mempunyai tiga kelas, iaitu kelas atasan, kelas menengah dan kelas bawahan. Yab Beng Liang membahagikan setiap kelas menengah dan kelas bawahan kepada dua bahagian, iaitu kelas menengah tinggi dan kelas menengah rendah, serta kelas bawahan tinggi dan kelas bawahan rendah.²⁰ Pembahagian ini beliau lakukan berdasarkan jenis pekerjaan.

Kalau kita lihat dari segi kesan kemunculan kelas ini dari segi struktur dan susun lapis masyarakat Melayu, memang ia memberi kesan yang besar. Ini adalah kerana kehadiran kelompok ini telah mengubah struktur dan susun lapis masyarakat Melayu. Namun begitu, dari segi kemajuan hidup dalam pelbagai bidang, ia tidak begitu memberi kesan yang besar terutama di kalangan masyarakat bawahan. Dari segi diri mereka sendiri, boleh dikatakan bahawa mereka boleh dikelompokkan kepada orang yang serba baik corak kehidupannya. Mereka berpendidikan, menyandang jawatan yang tinggi dalam pentadbiran dan berpendapatan lebih lumayan. Walau bagaimanapun, oleh kerana bilangan mereka kecil daripada keseluruhan masyarakat Melayu, ia tidak begitu menyumbang ke arah peningkatan kemajuan hidup masyarakat Melayu secara menyeluruh. Tambahan pula hubungan mereka dan sumbangan yang boleh mereka berikan kepada masyarakat Melayu bawahan terlalu

kecil. Jadi dalam keadaan ini, kesan kewujudan kelas menengah dalam struktur dan susun lapis masyarakat Melayu dari segi kemajuan hidup dalam pelbagai bidang adalah terlalu sedikit.

KEADAAN HIDUP MASYARAKAT MELAYU ABAD KE-20

Satu fenomena yang ketara muncul pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 ialah masalah keadaan hidup masyarakat Melayu bawahan yang ketinggalan berbanding kaum lain dalam pelbagai lapangan hidup. Keadaan kehidupan masyarakat Melayu yang dialaminya ini bukan sekadar dari segi kedudukan ekonomi tetapi juga dari segi daya usaha, peluang-peluang ekonomi dan pendidikan yang membuatkan mereka rata-ratanya kelihatan miskin. Masalah ini lebih ketara di kalangan masyarakat Melayu yang tinggal di kawasan-kawasan luar bandar. Satu persoalan yang timbul di sini mengapa masalah ini boleh timbul dan mengapa pula ia muncul pada waktu-waktu itu? Apakah ini bermakna bahawa sebelum waktu-waktu berkenaan masyarakat Melayu tidak menghadapi masalah dan kemiskinan? Sedangkan kita tahu bahawa selama ini mereka menjalankan pekerjaan pada taraf cukup hidup sahaja dan terpaksa membayar cukai-cukai tertentu kepada golongan pemerintah. Inilah antara beberapa persoalan yang timbul apabila membincangkan tentang masalah kemunduran dan kemiskinan masyarakat Melayu pada abad-abad tersebut berbanding kaum lain. Jawapan kepada persoalan tersebut berkait rapat dengan keadaan semasa yang muncul pada ketika itu terutamanya akibat perkembangan ekonomi yang pesat, kemajuan infrastruktur dan dasar-dasar pentadbiran Inggeris.

Seperti yang telah disebutkan dalam bab-bab yang lalu, abad ke-19 dan 20, menyaksikan keterlibatan negeri-negeri Melayu dalam arus dunia moden melalui kepesatan aktiviti ekonomi dan pembinaan infrastruktur. Sama ada secara kebetulan atau memang dirancang, keterlibatan masyarakat Melayu dalam perkara-perkara tersebut terlalu kurang, malah boleh dikatakan tiada langsung. Sebaliknya seperti yang kita ketahui dan disebut-sebut

selalu sebelum ini, kaum pendatang yang lebih bernasib baik kerana dapat menikmati hasil daripada kepesatan pembangunan tersebut. Dengan keadaan demikian, kehidupan kaum pendatang ini tanpa mengira sama ada mereka yang menceburkan diri dalam aktiviti tersebut sebagai pelabur mahupun sebagai buruh, adalah lebih baik kerana upah yang mereka peroleh lebih tinggi jika dibandingkan dengan pendapatan para petani atau nelayan Melayu. Ini adalah kerana ekonomi perlombongan dan perladangan yang diusahakan itu atas tujuan komersial/eksport yang membawa pulangan yang tinggi.

Fenomena ini merupakan satu perkara baru bagi masyarakat Melayu. Sebelum ini mereka tidak bersaing dalam mencari kekayaan hidup lantaran corak hidup mereka yang begitu sederhana, maksudnya di sini suasana kehidupan mereka tidak menggalakkan mereka untuk bekerja lebih keras lagi. Oleh yang demikian, jika dibuat perbandingan antara jumlah pendapatan sara hidup masyarakat Melayu dengan masyarakat pendatang, sudah tentu kelihatan tidak seimbang malah masyarakat Melayu akan terkebelakang. Namun itu tidak bermakna bahawa orang Melayu bertambah miskin sebaliknya kehidupan mereka tidak berubah. Ini bermaksud bahawa masalah kemunduran dan kelemahan masyarakat Melayu yang sering ditimbulkan itu sebenarnya lebih bersifat subjektif, ia hanya menonjol jika dibuat perbandingan dengan masyarakat pendatang, sebaliknya ia bukan menjadi isu besar sebelum kedatangan kaum imigran ini. Oleh yang demikian agak janggal kalau digunakan perkataan mundur untuk menggambarkan keadaan masyarakat Melayu ketika itu. Perkataan yang dirasakan lebih sesuai ialah ketinggalan daripada persaingan untuk kemajuan diri seiring dengan perkembangan masa.

Walaupun tanggapan di atas tadi boleh diterima tetapi seharusnya perkara ini tidak timbul kerana masyarakat Melayu boleh merebut peluang yang baru muncul ini seiring dengan hilangnya unsur-unsur yang tidak menggalakkan mereka untuk mencari kekayaan seperti sistem kerah. Tetapi ini tidak berlaku. Mengapa ini terjadi? Adakah kerana sikap masyarakat Melayu yang sememangnya selalu berasa puas dengan apa yang mereka peroleh atau kerana ada sebab-sebab

lain. Ada yang berpendapat bahawa dasar-dasar kerajaan Inggeris memberi sumbangan besar kepada wujudnya fenomena ini. Ia benar jika kita merujuk kepada dasar Inggeris yang mahu mengutamakan kebajikan dan 'memajukan' orang Melayu dalam rangka masyarakat Melayu yang tradisional.²¹ Sebab itulah kita dapati bahawa kerajaan Inggeris mengamalkan dasar mengimport buruh-buruh dari China dan India untuk bekerja di lombong-lombong dan ladang-ladang yang dibuka dan tidak melibatkan orang Melayu. Barangkali kerajaan Inggeris mahu mengelak daripada terciptanya kelas buruh dalam masyarakat Melayu yang hanya akan menimbulkan masalah kepada mereka di kemudian hari kelak seperti yang berlaku di tanah-tanah jajahan mereka yang lain. Di sinilah letaknya nasib malang masyarakat Melayu kerana di negara-negara lain di Asia Tenggara yang juga dijajah oleh kuasa-kuasa Eropah termasuk Inggeris, masyarakat peribuminya tidak disekat untuk mengambil bahagian dalam sistem pertanian komersial yang diperkenalkan.

Satu lagi aspek yang boleh dikaitkan dengan masalah ini ialah perkembangan infrastruktur yang berlaku. Antara perkara yang perlu difikirkan ialah dari segi kawasan yang terlibat dengan aktiviti pembinaan jalan pengangkutan dan kawasan yang berpotensi untuk berkembang sebagai sebuah bandar. Lokasi atau kawasan yang terlibat dengan kedua-dua jenis perkembangan ini adakah melibatkan kawasan-kawasan pendudukan orang Melayu? Sejauh yang pernah dibincangkan, sistem pengangkutan hanya melibatkan kawasan yang berpotensi dalam ekonomi yang kebanyakannya merupakan kawasan yang baru dibuka yang bukan tumpuan tempat tinggal masyarakat Melayu. Harus diingat bahawa kemudahan-kemudahan asas seperti sistem pengangkutan yang baik boleh membantu ke arah aktiviti yang pesat dalam pelbagai aspek hidup.

Setakat ini nampaknya seolah-olah faktor luaran yang lebih banyak menyumbang ke arah kelesuan masyarakat Melayu untuk mempertingkatkan punca pendapatan yang diterima melalui peluang-peluang yang ada dan seterusnya bersaing dalam lapangan hidup yang lain untuk kesejahteraan dan kejayaan hidup mereka juga. Bagaimana pula dengan faktor dalaman? Iaitu faktor yang berpunca daripada diri masyarakat Melayu itu sendiri. Tidakkah ia

juga memainkan peranan yang penting? Ada banyak soalan yang boleh ditimbulkan kepada masyarakat Melayu berhubung masalah ini. Adakah masyarakat Melayu malas untuk berusaha dan berpuas hati dengan apa yang mereka nikmati selama ini. Adakah masyarakat Melayu tidak peka dengan keadaan sekeliling yang telah banyak berubah, lalu mengambil masa yang lama untuk merebut peluang yang terbuka. Tidak kurang juga yang meletakkan punca situasi ini kepada golongan pemerintah Melayu yang dituduh hanya mementingkan diri sendiri dan tidak langsung mengambil berat dalam hal-ehwal rakyat bawahan lantaran keselesaan hidup yang mereka nikmati. Ada juga pihak yang mengaitkan fenomena ini dengan amalan agama Islam yang disalah tafsir dan adat lama yang disifatkan sebagai hanya membuatkan orang Melayu terus layu.²²

Jika diteliti persoalan dan punca-punca yang diberikan itu, sebahagiannya mungkin benar jika dibuat kajian tentangnya. Misalnya tuduhan yang dilemparkan kepada golongan pemerintah/pembesar-pembesar Melayu, sarjana seperti Roff tidak menolak kemungkinan itu. Tindakan Long Jaafar mengimpot ribuan buruh Cina untuk bekerja di lombong bijih timah yang beliau jumpai di Larut, Perak pada tahun 1848 dan tidak mengambil orang Melayu sebagai pekerja boleh menjadikan tuduhan itu sebagai ada asasnya. Begitu juga dengan kaitan fenomena tersebut dengan amalan agama dan adat yang beku, dipersetujui oleh para reformis Islam yang sering memperkatakan tentang masalah kemunduran masyarakat Melayu pada awal abad ke-20. Orang Melayu ketika itu tidak melihat bahawa kemajuan dunia sebagai satu perkara yang harus direbut sebaliknya mereka berpegang kepada konsep qadak dan qadar yang mengelirukan. Berkenaan persoalan bahawa orang Melayu malas dan tidak peka dengan perubahan sekeliling, kita boleh kaitkan hal ini dengan suasana dan corak kehidupan masyarakat Melayu tradisi yang telah dilalui sejak beratus-ratus tahun dahulu, lebih-lebih lagi bagi mereka yang tinggal di kawasan-kawasan pedalaman di mana sistem perhubungan tidak begitu baik. Bagaimanapun Syed Hussin al-Attas sangat tidak bersetuju dengan tuduhan orang Melayu malas sebaliknya menganggap tuduhan itu sebagai satu mitos.

Jika diterima pandangan bahawa masyarakat Melayu mundur dan tinggal di belakang kaum lain dalam segala lapangan, maka bolehlah kita katakan bahawa masalah ini timbul adalah akibat atau kesan daripada perubahan-perubahan yang telah berlaku pada abad-abad ke-19 dan 20. Kesan ini boleh disifatkan sebagai satu kesan negatif yang tidak seharusnya berlaku. Namun itulah hakikat yang tidak dapat ditolak begitu sahaja. Walaupun banyak peluang pekerjaan terbuka di depan mata khususnya di kawasan bandar tetapi penyertaan masyarakat Melayu terlalu kurang meskipun tidak boleh dikatakan tiada langsung. Fenomena ini lebih ketara dalam bidang-bidang pekerjaan yang baru muncul dan begitu asing bagi masyarakat Melayu. Di Negeri-Negeri Selat sendiri yang telah lama berada di bawah pemerintahan Inggeris secara langsung juga menyaksikan perkembangan yang sedemikian rupa, lebih-lebih lagi dalam bidang pekerjaan profesional. Contohnya sehingga tahun 1921, hanya 13 568 orang Melayu yang terlibat dalam bidang pengangkutan dan komunikasi berbanding dengan orang Cina seramai 46 267. Dalam bidang pekerjaan seperti pembuat barangan kulit, operator, penarik beca, majikan dan pengurus sehingga tahun 1921 langsung tidak melibatkan orang Melayu, kesemuanya dikuasai oleh orang Cina. Jadual 3.1 boleh memberi gambaran kepada kita tentang keterlibatan orang Melayu dalam pelbagai jenis pekerjaan.

Sebaliknya pula masyarakat pendatang, orang Cina khususnya melibatkan diri secara aktif dalam bidang pekerjaan yang sebelum ini menjadi nadi dan punca pendapatan sebahagian besar masyarakat Melayu iaitu sebagai nelayan dan petani. Sehingga tahun 1921 seramai 5459 orang Cina yang menjadi nelayan berbanding 10 054 orang Melayu di Negeri-Negeri Selat. Begitu juga dalam bidang pertanian, seramai 48 504 orang Cina yang terlibat berbanding seramai 57 829 orang Melayu. Walaupun dari segi angka orang Melayu tetap mengatasi bilangan pekerja Cina namun angka yang sebegitu rupa menunjukkan kesungguhan orang Cina untuk memecah monopoli orang Melayu dalam kedua-dua jenis pekerjaan itu. Keadaan ini memang jauh berbeza jika dibandingkan dengan orang Melayu yang enggan melibatkan diri dalam bentuk-bentuk

Jadual 3.1: Taburan pekerjaan terpilih di kalangan orang Melayu dan Cina di Negeri-Negeri Selat 1921.

Kelas Pekerjaan	Cina		Melayu	
	Lelaki	Per.	Lelaki	Per.
Nelayan	5337	122	10 054	221
Pengusaha tanaman	45 936	3568	35 992	21 837
Pelombong dan pekerja kuari	1368	-	235	-
Pekerja industri bukan logam	93	4	-	-
Pembuat batu bata dan tembikar	1206	-	119	-
Pembuat cat dan minyak	156	-	50	50
Pekerja logam tidak bernilai	8193	-	837	-
Pekerja logam bernilai tinggi dan saduran	2945	24	211	-
Pekerja dan jurugegas elektrik	147	-	235	-
Pembuat jam	402	-	15	-
Pembuat barangan kulit	823	-	-	-
Tukang jahit	6021	1600	620	366
Pembekal (makanan, minuman, tembakau)	4308	48	854	324
Pembuat perabot	15 000	141	1119	616
Pencetak dan jurugambar	761	1	131	109

SEJARAH SOSIAL MASYARAKAT MALAYSIA

Kelas Pekerjaan	Cina		Melayu	
	Lelaki	Per.	Lelaki	Per.
Pembina bangunan, pelapis batu bata, pemotong batu dan kontraktor	3951	187	570	59
Pelukis dan penghias	1504	-	16	11
Pekerja barangan lain	29	-	43	1640
Pekerja campuran atau yang tidak dapat ditentukan barangannya	74	-	-	-
Pekerja pengangkutan dan komunikasi	46 264	3	13 504	4
Perniagaan dan kewangan (tidak termasuk pekerja perkeranian)	51 198	1620	3766	670
Pentadbiran awam dan pertahanan	2531	5	4171	-
Pekerja profesional (tidak termasuk pekerja perkeranian)	2735	440	1257	206
Hiburan dan sukan	1229	459	226	75
Pekerja hotel dan kelab	21 780	11 546	1409	1408
Kerani dan pembuat pelan	11 456	63	581	-
Pekerja gudang, penyimpan stor, pembungkus	643	-	159	-
Pemandu kenderaan bukan enjin	387	-	162	-

Kelas Pekerjaan	Cina		Melayu	
	Lelaki	Per.	Lelaki	Per.
Penenun kain	405	4	296	298
Pekerja yang tidak dapat ditentukan pekerjaannya	22 368	-	3652	192
Pekerja lain-lain kategori	77 753	14 701	49 404	97 275
Jumlah	337 006	161 541	129 064	126 289

Sumber: Dipetik daripada buku Tham Seong Chee, 1977. *Malays and Modernization*, Singapore: Singapore University Press, hlm. 45-46.

pekerjaan yang baru lagi berpotensi untuk maju. Pada dasarnya, penglibatan orang Melayu dalam jenis-jenis pekerjaan yang disenaraikan terlalu kecil jumlahnya jika dibandingkan dengan orang Cina. Daripada tiga puluh jenis pekerjaan yang disenaraikan hanya dalam empat jenis pekerjaan sahaja bilangan orang Melayu melebihi bilangan orang Cina iaitu dalam jenis pekerjaan nelayan, pentadbiran awam dan pertahanan, buruh dan jurugegas elektrik. Jika diperhatikan jadual berkenaan, bagi kerja-kerja yang memerlukan kemahiran tangan, ia tidak dapat menarik ramai orang Melayu menyertainya, barangkali selain daripada tidak berkebolehan, mereka juga tidak berminat. Contohnya bekerja sebagai tukang jahit, pekerja Cina lelaki dan perempuan berjumlah 7621 orang berbanding orang Melayu lelaki dan perempuan hanya 986 orang. Pekerjaan yang memerlukan kemahiran teknikal juga begitu.

Perbezaan angka paling ketara dalam bidang perniagaan dan kewangan. Orang Melayu yang terlibat hanya seramai 4436 sahaja berbanding 52 818 orang Cina lelaki dan perempuan.²³ Tidak hairanlah daripada angka-angka itu, mengapa orang Cina dikatakan menguasai satu bidang pekerjaan yang sangat menguntungkan di negeri-negeri Melayu ini. Keterlibatan orang Melayu yang begitu kecil membayangkan bahawa mereka tidak berkebolehan dalam bidang perniagaan. Maka jika kita kaitkan perangkaan dalam jadual tersebut dengan kemiskinan dan kemunduran orang Melayu,

memang perangkaan itu menunjukkan contoh yang baik. Bidang pekerjaan yang memberi pulangan yang besar dikuasai oleh orang Cina manakala orang Melayu hanya terlibat dalam bidang-bidang pekerjaan yang kecil sahaja pendapatannya. Jika ini boleh dibuat sebagai satu perbandingan, tentulah dari segi taraf dan kemajuan hidup, orang Melayu jauh tertinggal di belakang. Oleh yang demikian keadaannya, tidak hairanlah jika orang Cina mampu mengubah nasib hidup mereka yang miskin dan melarat sewaktu mula-mula tiba di negeri-negeri Melayu hingga berjaya menguasai sebahagian besar ekonomi negeri ini. Berbanding dengan orang Melayu, nasib mereka tidak banyak berubah malah tertinggal di belakang dalam mengejar kemajuan hidup terutama dalam aspek ekonomi.

PENGEKALAN UNSUR TRADISI

Kedatangan Inggeris memang banyak membawa perubahan di negeri-negeri Melayu. Walau bagaimanapun, atas dasar untuk mengekalkan struktur dalam kekuasaan Melayu dan susunan masyarakatnya, maka sudah pasti ada unsur-unsur tradisi dalam masyarakat Melayu yang dikekalkan. Dari segi kekuasaan politik, memanglah pada dasarnya masih di tangan orang Melayu apabila sultan masih kekal di atas takhta walaupun kuasa mereka sebenarnya telah dikikis habis melalui seorang residen Inggeris. Dari segi susun lapis masyarakat Melayu dan peranannya juga tiada apa-apa perubahan, cuma muncul kelas pertengahan dalam masyarakat Melayu. Namun, kehadiran kelas ini tidak banyak mengubah keadaan yang lain. Peranan golongan pemerintah kekal apabila mereka diberi keutamaan dalam hal-ehwal pentadbiran negeri-negeri Melayu yang dikuasainya. Rakyat biasa seperti dahulu juga tidak mempunyai peluang untuk turut sama berperanan. Jika ada pun, ia berlaku selepas suku abad pertama abad ke-20 dan itu pun pada jawatan-jawatan yang rendah seperti kerani dan budak pejabat. Oleh yang demikian golongan aristokrat tetap dapat menikmati kedudukan yang lebih baik sementara masyarakat Melayu bawahan tetap berada di takuk lama.

Masyarakat Melayu majoritinya tetap tinggal di kawasan-kawasan pedalaman yang tidak disentuh oleh arus pembangunan. Khoo Kay

Kim menegaskan bahawa kehadiran Inggeris tiada membawa apa-apa erti dari segi pembangunan kawasan pedalaman dan pembukaan bandar-bandar baru di kawasan kediaman orang Melayu.²⁴ Sehubungan dengan itu juga masyarakat Melayu tidak menerima khidmat sokongan untuk membantu mereka mengubah corak hidup mereka. Contohnya walaupun mereka diberi peluang dalam pendidikan melalui sekolah-sekolah Melayu yang didirikan tetapi mata pelajaran yang diajar hanyalah bertujuan mengisi keperluan biasa murid-murid Melayu yang akan menjadi pembawa kereta lembu, penanam padi, nelayan dan lain-lain²⁵ yang lebih baik prestasinya berbanding ibu bapa mereka. Dalam keadaan seperti ini bagaimanalah masyarakat Melayu boleh berubah. Untuk memasuki sekolah-sekolah Inggeris, mereka tidak mampu selain daripada kedudukannya yang jauh daripada tempat kediaman. Maka tidak hairanlah jika masyarakat Melayu terus tertinggal di belakang dan tidak mampu bersaing dengan masyarakat pendatang yang lebih berpeluang kerana disediakan dengan pelbagai kemudahan hidup. Kesan daripada keadaan ini sedikit sebanyak telah membentuk struktur masyarakat Malaysia pada hari ini.

Oleh yang demikian, dalam banyak hal corak hidup sosial masyarakat Melayu tidak mengalami apa-apa perubahan ke arah yang lebih baik. Cuma satu perkara yang boleh disebutkan di sini sebagai perubahan yang baik ialah hilangnya atau lenyapnya institusi perhambaan yang menjadi amalan dalam masyarakat Melayu secara turun-temurun. Dalam perkara lain tidak dapat dikesan perubahan yang berlaku.

Nota Hujung

1. Lihat artikel beliau bertajuk. "Power and Authority in the Melaka Sultanate: The traditional view" dalam *Melaka*. Jil. 1. 1983.
2. Yab Beng Liang, 1989. "Stratifikasi Sosial dan Masyarakat Melayu", *Masyarakat Melayu: Struktur, Organisasi dan Manifestasi*. Kuala Lumpur: DBP, hlm. 74-75.
3. Amarjit Kaur, 1991. "Semenanjung Tanah Melayu abad ke-19: Satu Tinjauan Ekonomi", *Masyarakat Melayu Abad ke 19*. (Kuala Lumpur: DBP), hlm. 4.

4. *Ibid.*, hlm. 9.
5. Tulisan ini merupakan syarahan pelantikan Profesor beliau pada 10 Ogos 1991 yang dikeluarkan oleh Universiti Sains Malaysia.
6. Frank Swettenham, 1984. *Malay Sketches* (Singapore, Graham Brash (Pte)Ltd.), hlm. 2-3.
7. B. W. Andaya & L. Y. Andaya, 1983. *Sejarah Malaysia* (Kuala Lumpur, Macmillan Publishers), hlm. 204.
8. J.M. Gullick, 1987. *Malay Society in the Late Nineteenth Century*. (Singapore: Oxford University Press), hlm. 76-77.
9. Lihat bukunya bertajuk *The Origins of Malay Nationalism*, edisi kedua, hlm. 100-112.
10. Lihat bukunya, *Renungan* hlm. 53-59.
11. Lihat rencananya, Yab Beng Lian, *op. cit.* hlm. 82-84.
12. W.R. Roff, *op. cit.*, hlm. 14.
13. *Ibid.*, hlm. 100.
14. Nordin Selat, *op. cit.* hlm. 55.
15. Khasnor Johan, 1984. *The Emergence of the Modern Malay Administrative Elite*. East-Asian Historical Monographs. Singapore: Oxford University Press, hlm. 184.
16. *Ibid.*, hlm. 169-176.
17. *Ibid.*, hlm. 176
18. Nordin Selat, *op. cit.*, hlm. 58
19. *Ibid.*, hlm. 55.
20. Yab Beng Liang, *op. cit.*, 84-85.
21. W.R. Roff, *op. cit.*, hlm. 12
22. Ini adalah antara tuduhan yang dilemparkan oleh golongan reformis Islam pada awal abad ke-20.
23. Angka-angka ini didapati dari buku Tham Seong Chee, 1977. *Malays and Modernization*. (Singapore, Singapore University Press), hlm. 44.
24. Khoo Kay Kim, "Malay Society 1914-1920s," *JSEAS*, vol. 5, No. 2 (March 1974), hlm. 182.
25. W.R. Roff, *op.cit.*, hlm. 26.

Bab 4

Masyarakat Imigran Sebelum Perang Dunia Kedua

KITA sudah kenal siapa masyarakat imigran. Masyarakat imigran yang dimaksudkan di sini ialah orang Cina dan India sahaja. Pemilihan mereka bukan sahaja kerana ramainya bilangan mereka berbanding kaum lain, tetapi juga kerana peranan besar yang telah mereka mainkan dalam sejarah pembangunan politik, ekonomi dan sosial Malaysia. Di samping itu, imigran lain seperti dari Indonesia misalnya, dari segi keturunan dan budaya hidupnya lebih dekat dengan orang Melayu berbanding kaum Cina dan India. Manakala bagi masyarakat Cina dan India, mereka berbeza dengan orang Melayu dari segi gaya hidup, kepercayaan dan kebudayaan. Apa pun, pemilihan kedua-dua kaum itu lebih tepat untuk membayangkan struktur masyarakat Malaysia pada masa kini meskipun masa kini mereka tidak lagi digelar kaum imigran setelah menjadi rakyat negara ini secara rasmi sejak tahun 1948.

Kehadiran masyarakat imigran ini bukan sekadar mengubah wajah masyarakat Tanah Melayu khasnya tetapi juga telah menyumbang kepada banyak perkara dalam aspek sosial dan ekonomi. Dalam aspek ekonomi, umum telah biasa dengan sumbangan mereka ke arah perkembangannya yang memberangsangkan sehingga mampu menjadikan Tanah Melayu sebagai pengeluar utama bijih timah dan getah dunia untuk beberapa lama. Dalam aspek

sosial pula tidak sedikit kesan atau sumbangan mereka tanpa mengira sama ada ia berbentuk positif mahupun negatif. Berbentuk positif apabila kehadiran mereka dapat menggerakkan aktiviti berpersatuan di kalangan masyarakat Melayu dan yang paling penting menyedarkan segelintir orang Melayu tentang nasib mereka di bumi sendiri berbanding dengan kaum imigran. Namun, masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat imigran menimbulkan gejala negatif seperti, masalah pelacuran, ketagihan candu, samsu dan kegiatan kongsi gelap.

LATAR BELAKANG PENGHIJRAHAN MASYARAKAT IMIGRAN

Secara umumnya ramai penulis mengaitkan masalah ekonomi, politik dan pertambahan penduduk yang berlebihan di China dan India yang telah mendorong ramai penduduk daripada kedua-dua negara berkenaan berhijrah ke negeri-negeri Melayu, Sabah dan Sarawak. Masalah ekonomi dikaitkan dengan ketidakupayaan negara terbabit menyediakan peluang-peluang pekerjaan untuk penduduknya ditambah pula dengan masalah bencana alam yang menjejaskan hasil-hasil pertanian, manakala masalah politik pula sering dikaitkan dengan keadaan yang tidak aman dan penuh pergolakan. Masalah pertambahan penduduk yang berlebihan dan tidak dapat dikawal tambah menyulitkan lagi keadaan. Victor Purcell dalam bukunya bertajuk *The Chinese in Malaya*, tidak menafikan kebenaran pendapat di atas, begitu juga dengan Kernial Singh Sandhu dalam bukunya bertajuk *Indians in Malaya*. Bagaimanapun terdapat sedikit keraguan bagi Victor Purcell berkenaan dengan besarnya peranan ketiga-tiga faktor berkenaan. Keraguan ini timbul apabila beliau menegaskan bahawa ramai imigran Cina di negeri-negeri Melayu khususnya, datang dari daerah-daerah di selatan China iaitu dari daerah Kwantung dan Fukien, sedangkan di kedua-dua daerah berkenaan masalah-masalah yang telah disebutkan tadi tidak begitu menonjol. Menurut beliau, kegiatan ekonomi di bahagian selatan China lebih baik berbanding bahagian utara yang memang sering menghadapi kekurangan makanan, bencana alam seperti banjir dan pertambahan penduduk yang tidak terkawal.¹

Victor Purcell melihat bahawa kegiatan perniagaan ataupun perdagangan yang telah terjalin sejak sekian lama dahulu antara negeri-negeri Melayu dengan Kwantung dan Fukien, sebagai satu faktor penting penghijrahan orang Cina itu. Dengan berlatar-belakangkan kegiatan pelayaran yang kerap, maka tidaklah sukar bagi orang Cina yang berminat untuk berhijrah ke negeri-negeri Melayu kerana mereka telah tahu suasana persekitarannya melalui pedagang-pedagang yang pernah singgah di negeri-negeri berkenaan. Sebab itulah didapati bahawa ramai daripada pendatang Cina berasal daripada kedua-dua daerah tersebut. Fenomena ini dibantu pula oleh masalah-masalah yang telah disebutkan pada awal perbincangan ini tadi. Jadi, daripada jumlah pendatang yang kecil, meningkat kepada bilangan yang lebih besar pada abad ke-18, 19 dan awal abad ke-20. Lebih-lebih lagi apabila negeri-negeri Melayu, Sabah dan juga Sarawak memang memerlukan tenaga buruh yang ramai dan murah akibat peningkatan kegiatan ekonomi secara mendadak. Tambahan pula polisi kerajaan yang memerintah China tidak menghalang rakyatnya daripada meninggalkan negara mereka, sebaliknya masih tetap mengiktiraf mereka yang berhijrah itu sebagai rakyatnya. Sekurang-kurangnya pemerintah negara berkenaan dapat mengurangkan kadar pengangguran malahan dapat mengaut keuntungan apabila rakyatnya kembali dengan membawa hasil yang lumayan.

Perubahan politik dan ekonomi yang berlaku di India yang dimaksudkan oleh Kernial Singh Sandhu² adalah berkaitan dengan kedatangan penjajah British ke negara itu yang membawa bersama-sama mereka dasar-dasar baru untuk dilaksanakan sejak pertengahan abad ke-19. Perubahan-perubahan yang hanya membawa akibat buruk atau memberi kesan negatif kepada sebahagian besar penduduk India inilah yang telah menyebabkan mereka berhijrah. Dalam bidang ekonomi, bertepatan dengan berlakunya revolusi industri di barat, kerajaan Inggeris telah menggunakan tanah jajahan mereka termasuk India untuk menyediakan bahan-bahan mentah untuk industri mereka. Ini membuatkan mereka menguasai sumber ekonomi India yang tidak seberapa itu, dan seterusnya menyebabkan

peluang ekonomi bagi penduduk tempatan terhad dan dihadkan. Misalnya dalam industri perkapalan yang merupakan satu industri yang penting di India telah dikuasai oleh orang Inggeris. Begitu juga dalam bidang pertanian. Perubahan-perubahan yang dibawa telah mewujudkan tuan-tuan tanah yang bersikap menindas terhadap penyewa-penyewanya untuk mendapatkan untung yang tinggi. Dalam konteks ini petani-petani menjadi semakin menderita kerana mereka dikenakan cukai setinggi 80 peratus terhadap hasil keluaran.³ Dalam keadaan seperti ini tentulah hasil yang didapati oleh petani-petani tidak setanding dengan usaha, maka kadar kemiskinan meningkat malahan berlaku kebuluran lebih-lebih lagi jika berlaku bencana alam seperti banjir dan kemarau.

Satu lagi faktor penting yang mendorong orang India berhijrah keluar ialah bersabit dengan amalan sistem kasta.⁴ Seperti yang kita sedia maklum, sistem kasta mempunyai banyak larangan terutama kepada mereka yang tergolong dalam kasta terendah. Mengikut Rabindra Daniel golongan kasta terendah ini sering dizalimi dan dianiaya serta disekat peluang mereka untuk hidup dalam keadaan yang lebih baik. Anak-anak mereka tidak mendapat peluang untuk belajar, maka sudah tentu peluang mereka untuk mendapat pekerjaan yang lebih baik tertutup. Oleh yang demikian, sebagai satu pelarian kepada sistem yang tidak menguntungkan itu, lebih baik mereka berhijrah ke tempat lain yang tidak mengamalkan sistem seperti itu. Sebab itulah didapati bahawa majoriti yang berhijrah ke negeri-negeri Melayu adalah terdiri daripada mereka yang berkasta rendah.

Dalam pada masyarakat India sengsara untuk hidup; ekonomi Tanah Melayu yang juga dikuasai oleh kerajaan Inggeris bertambah meningkat. Peningkatan ini memerlukan ramai tenaga buruh. Keperluan ini dapat dikesan oleh orang India melalui pedagang-pedagang India yang sering berulang-alik ke Tanah Melayu sejak lama dahulu. Oleh yang demikian, keadaan ini telah menjadi pendorong kepada orang India yang miskin dan tidak mempunyai pekerjaan untuk berhijrah beramai-ramai ke negeri-negeri Melayu untuk bekerja sebagai buruh di ladang-ladang getah terutamanya.

Kerajaan Inggeris tidak menghalang banjiriran ini malah seperti mana sikap mereka terhadap pendatang-pendatang Cina maka begitulah juga terhadap pendatang-pendatang India. Malah mereka sendiri telah berusaha untuk mengambil lebih ramai buruh-buruh India berikutan pembukaan lebih banyak ladang-ladang getah di seluruh negeri Melayu.

Bukan semua para pendatang daripada kedua-dua negara berkenaan tinggal kekal di negeri-negeri Melayu. Ramai daripada mereka mengambil keputusan untuk sama ada kembali semula ke negara asal masing-masing ataupun berhijrah ke negara lain. Penghijrahan semula atau kepulangan kembali mereka ini atas berbagai-bagai sebab. Sebab yang paling utama ialah apabila berlakunya kemelesetan ekonomi dunia yang juga menjejaskan ekonomi Tanah Melayu pada dekad 1920-an. Kejatuhan ekonomi ini menyebabkan peluang pekerjaan menjadi kurang malah ramai yang telah diberhentikan terutamanya apabila harga getah mengalami kejatuhan yang teruk. Jadi ramailah yang menganggur. Apabila tiada pilihan lagi, mereka meninggalkan Tanah Melayu. Sebagai contoh, antara tahun 1925 hingga 1930 seramai 117 722 orang buruh India pulang ke negara asal sementara 404 745 lagi berhijrah ke tempat-tempat lain.⁵ Jumlah keseluruhan orang India yang meninggalkan Tanah Melayu dalam tempoh itu ialah seramai 522 467 orang, iaitu satu jumlah yang besar.

Bagi orang Cina pula antara tahun 1921 hingga 1930 seramai 1 172 375 telah meninggalkan Tanah Melayu.⁶ Ini bermakna bahawa pada tahun-tahun berkenaan bilangan kaum pendatang berkurangan, dan bilangan yang datang juga jauh merosot. Tambahan pula kerajaan Inggeris sendiri telah mengenakan sekatan imigresen untuk membendung kemasukan buruh-buruh baru pada zaman kemelesetan itu.⁷ Walau bagaimanapun, penghijrahan keluar ini tidak menjejaskan bilangan mereka di Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak kerana tidak kurang juga daripada mereka yang tinggal terus menetap di negeri-negeri Melayu dan pertambahan terus berlaku menerusi proses biologi. Kemudian apabila prestasi ekonomi semakin pulih pada tahun-tahun pertengahan 1930-an bilangan mereka yang datang meningkat semula.

SISTEM PENGHIJRAHAN

Keperluan mendesak terhadap tenaga buruh akibat prestasi ekonomi Tanah Melayu yang sentiasa meningkat naik mendorong pihak-pihak tertentu, terutamanya mereka yang mempunyai hubungan dengan tuan-tuan punya ladang atau lombong untuk mengimport seberapa ramai buruh dari luar. Oleh kerana bilangan tenaga buruh yang diperlukan ini ramai, maka mereka yang bertanggungjawab tadi terpaksa menggunakan beberapa cara yang dapat menjamin bekalan buruh yang mencukupi tambahan pula kebanyakan orang India dan Cina yang hendak dibawa ke negeri-negeri Melayu tidak mampu mengeluarkan wang sendiri untuk membiayai tambang perjalanan akibat kemiskinan mereka. Jadi, ejen atau orang tengah inilah yang akan membayar bagi pihak mereka dengan syarat-syarat tertentu. Oleh yang demikian bagi orang Cina dan India yang benar-benar ingin mencuba nasib di negara orang, mereka terpaksa memilih cara ini. Walau bagaimanapun bagi mereka yang berkemampuan, mereka akan mengeluarkan wang sendiri untuk berhijrah. Lazimnya mereka yang datang dengan wang sendiri mengalami nasib yang lebih baik berbanding mereka yang datang melalui sistem yang telah disebutkan tadi dari sudut kebebasan dan kesejahteraan hidup mereka di rantau orang.

Wujudnya kepelbagaian cara atau sistem dalam proses pengambilan pendatang-pendatang ini berasaskan jenis pendatang, tahun dan undang-undang atau akta-akta yang dikeluarkan oleh kerajaan Inggeris tentangnya. Terdapat beberapa cara atau sistem pengambilan buruh ini. Cara pengambilan buruh India dengan buruh-buruh Cina agak berbeza. Sistem kredit tiket merupakan sistem terawal bagi membawa masuk pendatang Cina. Di bawah sistem ini, orang tengah yang dikenali sebagai broker kuli (*coolie-brokers*) bertanggungjawab mencari bakal-bakal buruh dari China dan membayar tambang perjalanan pendatang ini. Mengikut W.L. Blythe, oleh kerana matlamat utama broker ini adalah untuk mencapai keuntungan yang besar; lebih ramai buruh yang mereka dapat lebih lumayan komisen yang akan diperoleh daripada bakal majikan, maka mereka sanggup melakukan apa saja cara untuk mendapatkan buruh ini.⁸ Antara caranya ialah dengan memujuk petani-petani Cina

untuk berhijrah dengan menceritakan hal yang baik-baik dan keuntungan-keuntungan yang bakal mereka peroleh sekiranya bersetuju untuk berhijrah ke Tanah Melayu. Cara lain ialah dengan cuba memerangkap orang Cina untuk berhutang dengan menggalakkan mereka berjudi.⁹ Apabila orang Cina ini terperangkap dengan hutang yang tidak dapat dilunaskan dengan segera, maka mereka dipaksa berhijrah ke Tanah Melayu untuk bekerja supaya mampu membayar balik hutang tersebut.

Apabila tiba di pelabuhan Singapura, pendatang Cina itu akan ditawarkan kepada majikan yang memerlukan sama ada di Singapura sendiri ataupun di negeri-negeri Melayu untuk bekerja. Majikan yang ingin mengambil buruh berkenaan terpaksa membayar sejumlah wang kepada broker tersebut sebagai upah dan tambang perjalanan buruh-buruh berkenaan. Pendatang-pendatang yang diambil bekerja itu terpaksa pula membayar balik wang tambang perjalanan tersebut kepada majikan masing-masing melalui potongan gaji dan mereka terikat dengan majikan tersebut untuk beberapa lama. Nampaknya sistem ini merupakan satu sistem yang teratur walaupun ia mungkin melibatkan penipuan pada peringkat awal.

Bagaimanapun, buruh-buruh Cina yang sama ada memilih cara ini dengan sukarela atau terpaksa, telah menanggung berbagai-bagai penderitaan dari peringkat awal perjalanan sehinggalah sesudah menjadi buruh. W.L. Blythe berpendapat bahawa kegiatan membawa masuk pendatang yang dinamakan *Sinkheh* ini tidak ubah seperti memperniagakan binatang, malahan pendatang-pendatang ini telah dilayan seperti haiwan semasa dalam pelayaran yang penuh sesak kerana bilangannya yang terlalu ramai dan menggunakan kapal yang kecil. Akibatnya ramai yang mati dalam pelayaran yang mengambil masa sehari-hari kerana diserang penyakit. Oleh kerana sistem pengambilan ini melibatkan penganiayaan terhadap buruh-buruh Cina, kerajaan Inggeris sentiasa melakukan pemantauan untuk memperbaikinya.¹⁰ Akhirnya sistem ini diharamkan pada Jun 1914.

Satu lagi sistem yang diamalkan ialah sistem kontraktor. Sistem ini diamalkan kebanyakannya oleh majikan Eropah yang tidak gemar dengan sistem kredit tiket. Sistem ini berkait rapat dengan

sistem rumah kecil atau disebut juga sebagai rumah kongsi. Oleh yang demikian sistem ini juga dikenali sebagai sistem rumah kongsi. Buruh-buruh dalam sistem ini dikawal oleh beberapa orang kontraktor Cina yang merupakan tuan rumah kongsi berkenaan dan mereka tidak dibenarkan meninggalkan rumah kecil yang menjadi tempat kediaman mereka sebelum diambil bekerja oleh mana-mana majikan. Seperti biasa buruh-buruh ini tidak mendapat layanan yang sewajarnya.

Sistem lain ialah sistem sewa. Sistem ini diusahakan oleh pedagang Cina di Negeri-Negeri Selat. Dalam sistem ini ada jangka masa tertentu apabila mana buruh-buruh berkenaan terikat untuk bekerja dengan majikan masing-masing. Selain itu terdapat juga sistem yang melibatkan *kheh-tau* atau ketua. *Kheh-tau* ini berusaha mendapatkan tenaga buruh dan mengawal mereka. Seperti dalam sistem terdahulu, dalam sistem ini, buruh-buruh juga terikat dengan majikan melalui *kheh-tau* ini. Akibatnya berlakulah penindasan yang berterusan terhadap buruh-buruh ini. Boleh dikatakan sistem ini menyamai sistem kredit tiket. Nasib imigran yang datang melalui sistem seperti ini juga selalunya tidak memuaskan berbanding dengan imigran yang datang secara sendiri dan tidak melalui saluran atau sistem yang telah disebutkan tadi. Buruh bebas ini sebaliknya boleh memilih bidang pekerjaan dan majikannya sendiri. Namun bilangan mereka kecil.

Bagi buruh India pula, terdapat juga beberapa sistem. Sistem pengambilan terawal yang diamalkan dikenali sebagai sistem *indenture* atau sistem buruh kontrak. Sistem ini bukan saja melibatkan buruh yang diambil atau dihantar untuk bekerja di Tanah Melayu tetapi juga untuk wilayah-wilayah jajahan Inggeris yang lain. Tetapi mengikut Kernial Singh Sandhu, sistem *indenture* yang dilaksanakan di Tanah Melayu adalah lebih baik berbanding di tempat lain dari segi layanan terhadap buruh.¹¹ Barangkali ini berkaitan dengan bantuan yang dihulurkan oleh Jawatankuasa Imigresen India yang menguruskan satu tabung khas yang dikenali sebagai *Indian Immigration Fund*. Tabung ini diwujudkan semata-mata untuk menguruskan pengambilan masuk buruh India. Walau bagaimanapun, dalam sistem *indenture* ini buruh-buruh masih terikat dengan majikan masing-masing.

Sistem *indenture* ini tidak jauh bezanya dengan sistem lain yang pernah disebutkan sebelum ini (ketika membincangkan tentang pengambilan buruh Cina). Akan terdapat ejen-ejen tertentu yang mencari bakal-bakal buruh, dikumpulkan di pelabuhan-pelabuhan tertentu dan apabila tiba masanya mereka dibawa belayar ke destinasi-destinasi tertentu. Segala perbelanjaan pelayaran ditanggung oleh pemilik kapal. Pemilik kapal itu kemudiannya akan menyerahkan buruh-buruh ini kepada majikan-majikan yang memerlukan dengan bayaran tertentu. Sekali lagi buruh-buruh ini seolah-olah diperdagangkan. Sistem *indenture* ini akhirnya dihapuskan pada tahun 1910 kerana didakwa melibatkan penindasan terhadap buruh-buruh India.

Satu lagi kaedah pengambilan buruh-buruh India iaitu yang dikendalikan oleh sistem kangani. Dalam sistem ini seorang kangani yang bekerja dengan seseorang majikan akan berusaha untuk merekrut atau mengambil buruh-buruh lain yang dikenal pasti mampu bekerja untuk bekerja di ladang-ladang majikannya. Buruh-buruh ini diawasi oleh kangani-kangani ini. Buruh-buruh dalam sistem ini dilihat sebagai buruh yang bebas kerana tidak terikat dengan pemeriksaan dan kawalan kerajaan, tidak seperti dalam sistem *indenture*. Walau bagaimanapun, bagi buruh-buruh India, mereka tetap tidak terlepas daripada unsur-unsur penindasan dalam sistem ini. Sungguhpun kebajikan hidup mereka di ladang-ladang tempat mereka bekerja menjadi tanggungjawab para kangani tetapi mereka akan menderita jika kangani-kangani tersebut tidak mengambil kisah tentang itu. Tambah menyulitkan lagi apabila gaji untuk buruh-buruh berkenaan diserahkan kepada para kangani oleh majikan untuk diagih-agihkan kepada buruh berkenaan. Kesempatan ini digunakan oleh kangani-kangani tertentu mengaut keuntungan dengan membuat pelbagai pemotongan daripada gaji para pekerja. Akhirnya gaji atau upah yang diterima berkurangan dan tidak setimpal dengan keringat yang dicurahkan. Meskipun terdapat kepincangan-kepincangan seperti ini, sistem kangani berkekalan hingga sebelum meletusnya Perang Dunia Kedua.

Secara umumnya boleh dikatakan bahawa terdapat beberapa persamaan atau ciri khusus dalam memperkatakan tentang sistem

pengambilan buruh India dan Cina ini di Tanah Melayu khususnya. Pertamanya wujud orang tengah yang memainkan peranan penting, yang berbeza cuma dari segi nama atau gelaran orang tengah tersebut. Keduanya unsur penindasan sama ada oleh para majikan atau orang tengah ke atas buruh-buruh berkenaan. Penindasan wujud dalam soal kerahan tenaga, kebajikan para buruh yang tidak diendahkan dan gaji atau upah yang kecil. Persamaan yang ketiga ialah dari segi keterikatan buruh dengan para majikan. Hanya buruh bebas yang datang dengan perbelanjaan sendiri sahaja yang tidak terikat dengan majikan untuk satu jangka waktu yang ditetapkan. Dengan apa yang telah dibincangkan di atas tadi nyatalah corak kehidupan para pendatang asing ini tidaklah mudah pada peringkat awal penghijrahan mereka. Di Sabah nasib mereka terutamanya buruh-buruh Cina lebih baik kerana pihak *Chartered Company* sendiri memainkan peranan membawa masuk buruh-buruh berkenaan dengan pelbagai tawaran yang menarik seperti tambang percuma dan pemberian sebidang tanah.

CORAK HIDUP MASYARAKAT IMIGRAN

Corak hidup masyarakat imigran di Tanah Melayu boleh dibahagikan kepada dua corak berdasarkan jangka waktu kedatangan mereka. Bagi mereka yang datang lebih awal (sebelum abad ke-19) ke Negeri-Negeri Selat khususnya dan menjalankan perniagaan sendiri, corak hidup mereka berbeza malah kehidupan mereka lebih baik berbanding dengan kaum mereka yang datang lebih lewat dan datang semata-mata untuk bekerja sebagai buruh. Perbezaan corak kehidupan seperti ini boleh dilihat pada masyarakat imigran yang tinggal di Negeri-Negeri Selat dengan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Tidak Bersekutu. Masyarakat imigran yang datang awal dan tinggal di Negeri-Negeri Selat dan sebilangan kecil dari negeri-negeri lain mampu hidup lebih baik, mampu memberi pendidikan Inggeris kepada anak-anak mereka. Mereka juga mampu membentuk masyarakat mereka sendiri. Pendek kata mereka dapat menyesuaikan diri dengan suasana kehidupan baru mereka malah turut mengambil tahu tentang perkara-perkara yang berlaku.

Barangkali kerana mereka sudah boleh menganggap bahawa mereka adalah sebahagian daripada penduduk negeri-negeri Melayu ini.

Berlainan halnya dengan buruh-buruh kontrak yang direkrutkan dengan pelbagai sistem pengambilan. Pada peringkat awal kehidupan mereka di negeri-negeri Melayu, memang sukar. Berhadapan dengan tekanan demi tekanan daripada orang tengah dan para majikan mereka sendiri, mereka tidak ada pilihan lain selain daripada menumpukan perhatian pada alam pekerjaan mereka sahaja dan tidak begitu menghiraukan keadaan sekitar petempatan mereka. Ini pula ditambah lagi dengan penindasan-penindasan yang mereka alami akibat kerenah orang tengah dan majikan. Boleh dikatakan bahawa buruh-buruh imigran ini hidup menderita dengan hal-ehwal kebajikan mereka tidak begitu diendahkan. Hanya setelah kerajaan Inggeris mengeluarkan undang-undang demi undang-undang¹² yang berkaitan dengan buruh untuk mengelakkan daripada berlakunya penindasan yang berleluasa di kalangan buruh, barulah terdapat sedikit sebanyak perubahan pada corak kehidupan masyarakat pendatang ini.

Satu perkara yang nyata dalam corak hidup atau amalan kehidupan sehari-hari masyarakat buruh ini sehingga ke tahun-tahun 1930-an ialah, mereka masih lagi berkiblatkan atau menumpukan taat setia kepada negara asal masing-masing. Mereka tidak seperti kaum kerabat mereka yang datang jauh lebih awal iaitu pada abad-abad ke-14 dan 15 Masihi apabila kumpulan itu telah mengasimilasikan budaya hidup mereka dengan budaya hidup orang tempatan. Fenomena ini boleh dijelaskan oleh beberapa perkara. Pertamanya ialah bersangkutan dengan corak kedatangan mereka. Oleh kerana bilangan yang berhijrah dalam satu-satu masa itu ramai, jadi mereka dapat mewujudkan komuniti mereka sendiri dan tidak perlu bergantung kepada masyarakat tempatan dalam apa-apa hal. Oleh yang demikian mereka tidak bercampur dengan masyarakat tempatan.

Tekanan oleh para majikan dan kangani bagi buruh India juga tambah memisahkan mereka daripada penduduk tempatan. Walau apa pun sebabnya, keadaan ini telah mewujudkan satu kelompok masyarakat imigran yang terasing walaupun bertaburan di serata

Semenanjung. Ini ketara bagi masyarakat India yang hidup berkumpul di ladang-ladang getah dan masyarakat Cina di kawasan-kawasan lombong dan bandar-bandar. Jadi, hubungan masyarakat imigran dengan masyarakat tempatan begitu terbatas sekali dan mereka dapat terus mengamalkan budaya hidup seperti di negara asal masing-masing. Keadaan ini juga berpunca daripada niat buruh-buruh berkenaan yang barangkali tidak mahu menetap secara terus di negeri-negeri Melayu. Mereka hanya datang untuk mengumpulkan kekayaan dan kemudian pulang ke pangkuan keluarga mereka.

Boleh dikatakan bahawa dalam semua aspek kehidupan, masyarakat imigran ini bercirikan atau berkiblat ke negara asal masing-masing. Amalan kehidupan mereka sehari-hari seperti cara berpakaian, makanan yang dimakan, bahasa pertuturan, amalan beragama dan kesenian adalah perkara-perkara yang memang tidak dinafikan mesti akan mengikut budaya mereka sendiri. Mereka tidak sedikit pun mengamalkan corak hidup masyarakat tempatan. Begitu juga dalam perkara-perkara penting yang lain seperti dalam aktiviti berpolitik, pendidikan untuk anak-anak dan aktiviti sosial antara sesama mereka, pengaruh negara asal begitu ketara sekali. Dalam hal ini aktiviti masyarakat Cina lebih menonjol berbanding masyarakat India. Oleh yang demikian corak hidup yang berkenaan senang untuk dikesan terutama oleh kerajaan Inggeris terutama dalam perkara-perkara yang dikategorikan sebagai negatif.

Dalam amalan kehidupan sehari-hari, kaum imigran ini berpakaian seperti pakaian tradisi mereka. Bagi kaum perempuan Cina mereka memakai pakaian yang dikenali sebagai ceongsam manakala bagi kaum perempuan India mereka memakai sari. Bahasa pertuturan yang digunakan adalah mengikut dielek asal masing-masing seperti bahasa Hokkien, Kantonis dan Mandarin bagi kaum Cina manakala bahasa Telugu, Tamil dan Malayalam bagi masyarakat India. Makanan yang dimakan sudah semestinyalah makanan kebiasaan mereka seperti di negara asal masing-masing. Orang Cina makan menggunakan sepit manakala orang India menggunakan tangan seperti orang Melayu. Dalam hal keagamaan, akan dibincangkan dalam bab yang akan datang.

Dalam aktiviti berpolitik, kesetiaan kedua-dua kaum imigran ini ditumpahkan kepada negara asal masing-masing. Walaupun mereka berada jauh di perantauan dan sibuk bekerja, namun mereka tetap berminat untuk mengikuti pergolakan politik atau apa-apa yang berlaku berkaitan dengan politik di negara asal mereka. Sebaliknya pula mereka tidak mahu ambil tahu tentang keadaan politik atau apa-apa yang berlaku di negeri-negeri Melayu. Barangkali sikap ini berpunca daripada tanggapan mereka bahawa Tanah Melayu bukanlah negara mereka, jadi mereka tidak perlu tahu pergolakan yang berlaku. Sikap berkecuali ini berkekalan sehingga meletusnya Perang Dunia Kedua.

Kecenderungan masyarakat imigran ini pada pergolakan politik di negara asal masing-masing ketara dalam tindak balas mereka terhadap apa yang berlaku. Bagi masyarakat India misalnya, lawatan pemimpin-pemimpin dari India seperti Pandit Nehru dan Subash Chandra Bose; yang sedang berusaha untuk mendapatkan kemerdekaan daripada kerajaan Inggeris, ke Tanah Melayu telah diberi sambutan hangat lebih-lebih lagi memang lawatan-lawatan itu bertujuan untuk mendapatkan sokongan daripada masyarakat India di Tanah Melayu. Semasa Perang Dunia Kedua ramai daripada mereka kembali ke India dan menyertai angkatan tentera kebangsaan India untuk menentang Inggeris.¹³ Ini semua boleh dijadikan bukti bahawa masyarakat India khususnya di Tanah Melayu menumpukan perhatian hanya pada pergolakan politik di India saja. Walaupun mereka menubuhkan *Central Indian Association of Malaya* (C.I.A.M) atas tujuan untuk menjaga kebajikan masyarakat India di Tanah Melayu, tetapi pertubuhan ini tidak dapat memisahkan diri daripada gelombang politik yang berlaku di tanah air mereka. Namun, tidak dapat disangkal juga akan wujudnya segelintir masyarakat India yang lebih berminat untuk memperjuangkan kebajikan hidup mereka di negeri-negeri Melayu, terutama mereka yang telah dilahirkan di Negeri-Negeri Selat dan merasakan bahawa hidup mereka lebih baik berbanding negara asal mereka. Golongan seperti ini pernah menuntut beberapa hak daripada kerajaan Inggeris, satu daripadanya ialah menuntut perwakilan kaum mereka dalam Majlis Mesyuarat Negeri yang melambangkan

niat mereka untuk melibatkan diri dalam politik Tanah Melayu. Bagaimanapun sehingga perang meletus, tuntutan-tuntutan ini tidak dipenuhi oleh Inggeris.

Tidak jauh berbeza dengan masyarakat India, aktiviti politik masyarakat Cina juga bersumberkan pergolakan politik di negara asal mereka. Jika pemimpin politik India berjaya mendapatkan sokongan daripada masyarakat India Tanah Melayu untuk menentang Inggeris, pemimpin politik demokrasi China pula berjaya menubuhkan cawangan parti politiknya di negeri-negeri Melayu untuk menumbangkan kerajaan Manchu. Malah Dr. Sun Yat Sen pemimpin demokrasi terulung China telah datang ke negeri-negeri Melayu atas tujuan berkenaan.¹⁴ Sambutan daripada masyarakat Cina Tanah Melayu memang baik, jika tidak cawangan-cawangan parti politik berkenaan tidak dapat ditubuhkan di sini. Keadaan ini berterusan sehinggalah tertubuhnya Parti Kuomintang di China. Cawangan-cawangan parti itu ditubuhkan di Tanah Melayu walaupun mendapat tekanan daripada kerajaan Inggeris. Antara aktiviti mereka ialah mengutip wang daripada masyarakat Cina untuk menampung perbelanjaan parti dan menjalankan propaganda politik di negara mereka. Oleh kerana parti ini bersikap anti-British, mereka juga menunjukkan sikap yang sedemikian di Tanah Melayu tetapi ini tidaklah bermakna bahawa mereka juga mahu mengusir Inggeris daripada Tanah Melayu.

Sikap pemimpin politik di negara asal masing-masing terhadap rakyat tanah air mereka di seberang laut memainkan peranan penting yang membentuk sikap masyarakat imigran menjadi sedemikian rupa. Pemimpin-pemimpin politik ini masih menganggap bahawa masyarakat India dan Cina di Tanah Melayu adalah sebahagian daripada mereka. Jadi mereka ini (masyarakat India dan Cina di Tanah Melayu) mesti dilibatkan sama dalam pergolakan-pergolakan politik yang berlaku di negara asal masing-masing. Sikap kerajaan Inggeris juga turut menyumbang ke arah menyemarakkan lagi situasi itu. Kerajaan Inggeris tidak begitu mepedulikan aktiviti seperti ini sehingga didapati parti Kuomintang telah diresapi dengan pengaruh komunis dan bersikap anti-British yang boleh menggugat kedudukan mereka di Tanah Melayu.

Dalam aspek pendidikan, sikap masyarakat Cina lebih ketara berorientasikan ke negara asal berbanding masyarakat India. Kebebasan yang telah diberikan oleh kerajaan Inggeris telah memberi peluang kepada masyarakat Cina untuk memberikan pendidikan kepada anak-anak mereka yang mirip kepada sistem pendidikan negara China sendiri. Mereka yang mementingkan pendidikan untuk anak-anak sanggup mengeluarkan belanja untuk mendirikan sekolah. Malah mereka sanggup mengeluarkan wang untuk mengimport guru-guru dari negara China bersama dengan buku-buku teks sekolah yang dikeluarkan di sana untuk diajar kepada anak-anak mereka. Kurikulum yang diajar di sekolah anjuran mereka juga berasaskan kurikulum sekolah-sekolah di negara tersebut. Sekolah malam juga ditubuhkan untuk memberi pendidikan kepada generasi yang lebih tua. Dengan situasi seperti ini maka tidak hairanlah mengapa generasi kedua masyarakat Cina di Tanah Melayu masih berorientasikan negara ibunda mereka. Ini adalah kerana mereka telah disogokkan dengan pelbagai mata pelajaran yang berkisar tentang negara tersebut.

Perkara ini terjadi bukanlah kerana tiada sistem pendidikan lain yang boleh mereka sertai. Malah kerajaan Inggeris telah menyediakan sekolah Inggeris di serata pelosok Tanah Melayu walaupun tidak mengambil inisiatif untuk mewujudkan sekolah vernakular Cina. Namun demikian sebahagian besar masyarakat Cina kecuali yang telah tinggal lama di Negeri-Negeri Selat khususnya, tidak berminat dengan pendidikan Inggeris kerana merasakan bahawa mereka orang Cina jadi eloklah pendidikan yang diterima juga pendidikan Cina. Sebab itulah kita dapati bagi mereka yang belajar di sekolah-sekolah Inggeris (terutama yang tinggal di Negeri-Negeri Selat) lebih bersikap terbuka dan lebih sedar tentang kedudukan mereka di Tanah Melayu dan tidak begitu berminat pada hal-ehwal politik China, berbanding dengan mereka yang mendapat pendidikan yang bersumberkan negara tersebut. Seorang tokoh pemimpin Cina yang boleh disebutkan di sini sebagai contoh ialah Tun Tan Cheng Lock yang tinggal di Negeri-Negeri Selat dan berpendidikan Inggeris yang kemudiannya menjadi pemimpin terkemuka masyarakat Cina.

Bagaimanapun, menyedari hakikat bahawa terdapat banyak implikasi buruk yang bakal timbul akibat sistem pendidikan Cina yang sedemikian rupa; yang mula menyebarkan ideologi komunis di kalangan pelajar-pelajarnya terutama dalam kelas-kelas malam, pada tahun 1920 kerajaan Inggeris telah bertindak menjalankan dasar mengawal sistem pendidikan untuk kaum Cina. Kerajaan Inggeris dapati murid-murid yang dikeluarkan melalui sistem pendidikan tersebut ekstrem dari segi ideologi seperti guru-guru mereka dan tidak mempunyai perasaan tanggungjawab atau kewajipan ke atas negeri yang mereka tinggal sekarang.¹⁵ Oleh yang demikian dengan mengawalinya kerajaan Inggeris berharap dapat menghindarkan daripada munculnya ekstremis-ekstremis Cina yang condong ke kiri. Serentak dengan itu kerajaan Inggeris memperkenalkan skim bantuan kewangan untuk sekolah-sekolah Cina.¹⁶ Jadi, dengan dasar baru kerajaan Inggeris ini, maka terdapatlah sedikit sebanyak perubahan pada sistem pendidikan Cina dari segi kurikulum dan guru-gurunya.

Suasana pendidikan dan sikap masyarakat India agak berbeza dengan masyarakat Cina. Masyarakat India tidak perlu berusaha untuk menyediakan kemudahan pendidikan untuk anak-anak mereka kerana di kawasan-kawasan estet atau ladang tempat tinggal mereka telah disediakan sekolah untuk anak-anak mereka dengan bahasa pengantarnya sama ada bahasa Tamil, Malayalam atau Telugu.¹⁷ Sebelum ini telah disebutkan bahawa terdapatnya pengawasan daripada kerajaan Inggeris terhadap buruh-buruh India, jadi pengawasan ini termasuklah dalam soal-soal pendidikan kerana ia merupakan salah satu daripada kebajikan buruh-buruh India yang mesti dilaksanakan oleh para majikan mereka. Bagaimanapun dari segi guru, kurikulum yang diajar dan buku-buku teks yang digunakan masih bersumberkan negara asal mereka. Terdapat para kangani yang dipertanggungjawabkan dalam hal seperti ini bertindak mengimport guru-guru dari India atau mereka sendiri yang bertindak sebagai guru. Jadi, masyarakat India berkenaan hanya didedahkan dengan sistem pendidikan India saja. Tidak timbul sebarang masalah kepada kerajaan Inggeris dalam hal ini. Oleh yang demikian, kerajaan Inggeris tidak mengambil apa-apa

inisiatif untuk membuka sekolah-sekolah Inggeris di estet-estet tambahan pula kosnya yang tinggi. Hanya mereka yang tinggal di kawasan-kawasan bandar sahaja dan berkemampuan pula yang menghantar anak-anak mereka ke sekolah Inggeris.

Satu contoh lagi kehidupan sosial masyarakat Cina yang berorientasikan negara China yang begitu menonjol sekali ialah kewujudan kumpulan kongsi-kongsi gelap yang merupakan satu perkara biasa di negara berkenaan. Dengan kedatangan buruh-buruh Cina secara beramai-ramai pada abad ke-19, kongsi-kongsi gelap mula wujud di negeri-negeri Melayu terutama di Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Kewujudan kongsi gelap di negara China pada asalnya berkaitan dengan keagamaan dan kebajikan satu-satu puak. Bagaimanapun di Tanah Melayu fungsinya berubah menjadi pertubuhan yang bersifat jenayah. Kongsi-kongsi gelap yang ditubuhkan di Negeri-Negeri Melayu berfungsi untuk menjaga kepentingan golongan tertentu daripada gangguan dan ancaman golongan yang lain. Awal tahun 1799 telah muncul beberapa buah pertubuhan seperti ini di Pulau Pinang.¹⁸ Boleh dikatakan setiap kumpulan masyarakat Cina mempunyai kongsi gelap masing-masing. Ada antara kongsi-kongsi gelap ini bergabung untuk membentuk sebuah kongsi gelap yang kuat dan digeruni.

Sampai satu ketika kongsi-kongsi gelap ini mampu berperang atau bergaduh sesama mereka demi untuk menjaga kepentingan masing-masing. Contoh terkenal ialah peristiwa pergaduhan antara kumpulan *Ghee Hin* dengan *Hai San* di Larut, Perak pada tahun 1867 dan ia berpunca daripada perebutan tanah lombong. Semakin hari semakin banyak kumpulan seumpama ini ditubuhkan terutama di kawasan-kawasan petempatan orang Cina. Sampai kepada satu peringkat, kumpulan-kumpulan kongsi gelap ini menjadi satu ancaman terhadap keselamatan dan keamanan akibat perbuatan jenayah mereka dan menimbulkan satu masalah sosial di kalangan masyarakat Cina yang turut dirasai oleh masyarakat tempatan. Ini memaksa kerajaan Inggeris memperkenalkan pelbagai jenis akta dan undang-undang untuk membendung kegiatan kongsi-kongsi gelap ini.

MASALAH-MASALAH SOSIAL MASYARAKAT IMIGRAN

Selain daripada kegiatan kongsi-kongsi gelap yang boleh disifatkan sebagai masalah sosial yang timbul di kalangan masyarakat Cina, terdapat masalah-masalah sosial lain yang timbul. Victor Purcell dalam kajiannya terhadap kehidupan masyarakat Cina di Semenanjung mendapati bahawa corak atau rupa bentuk aktiviti penghijrahan buruh-buruh imigran Cina yang kebanyakannya orang lelaki, telah mencetuskan satu masalah sosial dalam masyarakat Cina. Masalah sosial yang berkaitan dengan kurangnya orang perempuan Cina yang diambil untuk bekerja di Semenanjung ialah kegiatan pelacuran yang agak berleluasa.¹⁰ Terdapat pihak-pihak tertentu yang menggunakan situasi ini untuk mengaut keuntungan dengan menyediakan pelacur-pelacur yang terdiri daripada perempuan Cina yang didatangkan khas untuk tujuan itu. Pelacur-pelacur daripada kelas atasan untuk peniaga-peniaga Cina yang belum berkahwin atau isterinya ditinggalkan di negara China manakala pelacur kelas bawahan untuk buruh-buruh biasa.

Biasanya, pelacur-pelacur ini dibawa masuk daripada negara China oleh ejen-ejen tertentu yang khusus mengendalikan hal-hal seumpama ini, termasuklah ahli kongsi-kongsi gelap tertentu. Bukan semua perempuan yang terlibat dalam aktiviti ini suka dan rela dengan kerja yang mereka lakukan. Ada antara mereka yang menderita akibat perlakuan ejen-ejen terbabit. Umumnya, sebahagian besar daripada pendapatan para pelacur ini akan diserahkan kepada ejen-ejen berkenaan. Terdapat juga perempuan-perempuan yang bekerja sebagai pelayan di kelab-kelab malam menjadi pelacur sampingan.

Fenomena pelacuran ini dilihat oleh pihak-pihak yang tertentu sebagai suatu perkara yang harus dikawal bagi mengelakkan lebih ramai perempuan-perempuan Cina menjadi mangsa. Oleh itu langkah-langkah tertentu harus diambil untuk membendungnya. Salah satu caranya ialah dengan menggalakkan pengambilan buruh-buruh perempuan Cina yang membolehkan isteri kepada buruh-buruh berkenaan datang bersama suami mereka ataupun perempuan bujang yang boleh dijadikan isteri. Bagaimanapun keselamatan yang

tidak terjamin bagi perempuan semasa di pelabuhan telah memaksa Jabatan Perlindungan Orang Cinaewartakan undang-undang untuk melindungi wanita dan gadis.²⁰ Setiap wanita dan gadis yang sampai di pelabuhan-pelabuhan utama dikawal dan diberi perlindungan agar tidak tertipu dengan ejen-ejen pelacuran tersebut. Walaupun berbagai-bagai cara dilakukan oleh kerajaan Inggeris untuk mengawal kegiatan pelacuran yang berleluasa ini, namun ia tidak mencapai kejayaan yang memberangsangkan sehinggalah tercetusnya Perang Dunia Kedua.

Bagi masyarakat India pula, masalah pelacuran juga ketara kerana buruh-buruh lelakinya lebih ramai berbanding buruh wanita. Buruh-buruh ini pula kebanyakannya datang bersendirian. Keadaan ini bukan saja melibatkan masalah pelacuran malah Arasaratnam menegaskan situasi ini juga telah menimbulkan masalah keluarga yang lain yang berkisar kepada kecurangan isteri.²¹ Masalah-masalah seperti ini disadari oleh pihak-pihak yang berkenaan dan mereka telah berusaha untuk mengatasinya dengan menambah bilangan pengambilan buruh-buruh wanita. Apabila imbalan jantina ini mula dicapai pada tahun-tahun 1930-an, masalah ini tidak begitu menonjol lagi di kalangan masyarakat India biarpun tidak dapat dibasmi sama sekali.

Selain daripada masalah pelacuran, masyarakat imigran ini juga berhadapan dengan masalah ketagihan. Masyarakat Cina dengan masalah ketagihan candu manakala masyarakat India pula dengan todinya. Kedua-dua jenis ketagihan ini juga berasal dari negara asal mereka. Ramai di kalangan orang Cina gemar menghisap candu. Hasil daripada pemerhatian kerajaan Inggeris, mereka yang gemar menghisap candu adalah mereka yang berkemampuan terutamanya mereka yang lahir di Negeri-Negeri Selat.²² Walaupun masalah penghisapan candu ini tidak menimbulkan masalah sosial yang lain tetapi ia menjejaskan kesihatan dan menggalakkan aktiviti penyeludupan candu kerana candu tidak dibenarkan dibawa masuk ke Tanah Melayu. Bagaimanapun ada antara mereka yang telah menanam pokok popi yang mengeluarkan candu apabila diproses. Kerajaan Inggeris terpaksa membuat pelbagai usaha untuk mengawal kegiatan penjualan candu ini dengan mengeluarkan pelbagai undang-undang dan peraturan.

Todi adalah sejenis minuman yang memabukkan.²³ Kebanyakan daripada buruh-buruh India di ladang-ladang getah minum minuman itu yang mudah didapati dan murah pula harganya. Kerajaan pada peringkat awal tidak melihat apa-apa masalah yang timbul berkaitan dengan fenomena ini, malah mengeluarkan lesen kepada pihak-pihak tertentu untuk menjualnya. Bagaimanapun akibat penyediaannya yang tidak teliti dan aktiviti peminuman yang tidak terkawal ia telah menimbulkan berbagai-bagai masalah. Di samping masalah perlakuan yang di luar kawalan akal fikiran, masalah kesihatan juga timbul apabila berlaku keracunan, cirit-birit dan kematian kepada peminum-peminumnya. Keadaan ini menyebabkan Persatuan Peladang-Peladang Malaysia (*Planters Association of Malaysia* – PAM) mendesak agar kerajaan mengawal penjualan todi di kalangan buruh-buruh India bagi mengelakkan kejadian-kejadian yang tidak diingini itu berlaku.

Masalah-masalah sosial yang timbul di kalangan masyarakat imigran, kita dapati bahawa ia lebih berpunca daripada corak atau sistem pengambilan mereka ke negeri-negeri Melayu dan berkait rapat juga dengan amalan atau cara hidup mereka di negara asal masing-masing. Asas-asas ini juga yang telah menyebabkan ramai di kalangan mereka yang terlibat dengan kegiatan komunis dan kumpulan berhaluan kiri. Bukan itu sahaja, corak kehidupan masyarakat imigran yang berdasarkan pengelompokan kaum ini telah menimbulkan masalah integrasi kaum yang akhirnya memberi kesan pada jangka masa panjang.

Nota Hujung

1. Victor Purcell, 1967. *The Chinese in Malaya*. (Kuala Lumpur, Oxford University Press), hlm. 1 - 12.
2. Kernial Singh Sandhu, 1969. *Indians in Malaya*. (London, Cambridge University Press), hlm. 32 - 43.
3. *Ibid.*, hlm. 37.
4. J. Rabindra Daniel, 1992. *Indians Christians in Peninsular Malaysia*. (Kuala Lumpur, Tamil Annual Conference (TAC), Methodist Church), hlm. 41.

5. *Ibid.*, hlm. 316.
6. Victor Purcell, *op. cit.*, hlm. 205.
7. Mohd. Amin bin Hassan, 1992. "Asas Perkembangan Ekonomi Tanah Melayu: Kemasukan Buruh dan Perkembangan Sistem Pengangkutan dan Perhubungan", Malaysia: *Warisan dan Perkembangan*. (Kuala Lumpur, DBP), hlm. 159.
8. W.L. Blythe, 1953. *Historical Sketch of Chinese Labour in Malaya*. Malayan Branch, Royal Asiatic Society, hlm. 5.
9. *Ibid.*
10. Mohd. Amin bin Hassan, *op. cit.*
11. Kernial Singh Sandhu, *op. cit.*, hlm. 76
12. Untuk perbincangan lanjut tentang undang-undang ini lihat tulisan W.L. Blythe, *op. cit.*
13. Kernial Singh Sandhu, *op. cit.*, hlm. 301.
14. Victor Purcell, *op. cit.*, hlm. 210.
15. *Ibid.*, hlm. 229.
16. *Ibid.*
17. Kernial Singh Sandhu, *op. cit.*, hlm. 260.
18. Victor Purcell, *op. cit.*, hlm. 156.
19. *Ibid.*, hlm. 175.
20. *Ibid.*, hlm. 177.
21. S. Arasaratnam, 1970. *Indians in Malaysia and Singapore*. (Bombay: Oxford University Press), hlm. 67.
22. Victor Purcell, *op. cit.*, hlm. 186.
23. S. Arasaratnam, *op. cit.*, hlm. 69.



Bahagian Kedua

AKTIVITI KEAGAMAAN MASYARAKAT MALAYSIA



Bab 5

Islam di Malaysia: Perkembangan Gerakan Dakwah

ISLAM bukanlah agama tertua di Malaysia tetapi sejak abad ke-15 Masihi Islam menjadi agama utama apabila boleh dikatakan bahawa seluruh masyarakat Melayu menganut agama ini. Sejak itu Islam menjadi sinonim dengan orang Melayu. Boleh dikatakan tiada orang Melayu yang tidak Islam. Malah kerajaan Melayu Melaka pernah menjadi pusat perkembangan Islam pada zaman kegemilangannya. Sejajar dengan hakikat itu, maka seluruh yang melibatkan kehidupan masyarakat Melayu bersendikan agama Islam. Biarpun begitu pengaruh kepercayaan animisme, agama Hindu-Buddha yang dipegang oleh orang Melayu sebelum Islam masih tebal di kalangan masyarakat Melayu dalam banyak perkara bahkan telah berlaku proses sinkretisme antara agama dan kepercayaan itu dengan Islam yang melahirkan unsur-unsur khurafat dan bidaah yang berleluasa yang menjadi sebab kepada kejumudan dan kebekuan mereka mengikut ahli-ahli reformis Islam.

Namun begitu ada perkara lain yang ingin ditekankan di sini iaitu bermula dari saat masyarakat Melayu menerima Islam maka apa saja gelombang yang dialami oleh dunia Islam akan turut dialami oleh masyarakat Islam di negeri-negeri Melayu. Ini termasuklah dengan gerakan dakwah Islamiah yang mengalami pasang surutnya. Sebagai contohnya, jika pada abad-abad ke-18 dan 19 dunia

Islam mengalami kelesuan dan kejumudan, ia dikejutkan dengan bangkitnya gerakan Islah pada akhir abad ke-19 membawa pada awal abad ke-20. Kemudian gerakan itu seolah-olahnya nampak perlahan dan tidak bermaya apabila berhadapan dengan kerenah dunia moden dan politik kemerdekaan khususnya di negara-negara yang berada di bawah kuasa penjajah. Tambahan pula, kebanyakan daripada negara yang mempunyai bilangan penduduk beragama Islamnya majoriti berada di bawah jajahan takluk kuasa Eropah. Di Malaysia sendiri, gerakan Islah yang muncul pada awal abad ke-20, seakan-akan lenyap apabila negara berada di ambang kemerdekaan mulai dekad 40-an dan 50-an walaupun wujud sebuah parti politik yang mengaku bahawa perjuangan mereka berasaskan Islam. Kelesuan pergerakan ini begitu ketara pada dekad 60-an.

Sejak pertengahan dekad 70-an, dunia Islam kembali ke era kebangkitannya semula. Dunia Islam secara amnya mula memperkatakan dan memperjuangkan tentang Islam. Ini boleh dibuktikan dengan adanya suara-suara lantang daripada pelbagai pihak sama ada daripada pertubuhan atau orang perseorangan yang menyeru umat Islam ke arah pengamalan Islam seluruhnya di kalangan umat Islam yang dilihatnya telah lama mengabaikan amalan-amalan agama, sebaliknya pula mereka tidak segan silu melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh agama. Umat Islam juga menjadi begitu sensitif terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan Islam. Kesedaran yang bermula dengan amalan hidup sehari-hari ini akhirnya menuju ke arah perjuangan untuk menubuhkan sebuah negara Islam dengan tertubuhnya parti-parti politik yang menggunakan Islam sebagai landasan perjuangan mereka. Kebangkitan ini lebih ketara apabila muncul beberapa organisasi dakwah Islam yang baru dan serentak dengan itu organisasi yang sedia ada bangkit semula bergiat secara aktif dalam kegiatan dakwah khususnya.

Kebangkitan seperti ini juga tidak terkecuali melanda Malaysia. Kebangkitan ini dapat dilihat dengan jelas melalui perubahan yang berlaku dalam corak hidup sehari-hari masyarakat Islam. Sebagai contoh, masyarakat Islam didapati mulai peka pada amalan-amalan wajib yang dipertanggungjawabkan ke atas mereka. Ini termasuklah dalam hal-hal yang berkaitan dengan soal amal ibadah, pakaian dan

makan minum. Tetapi yang lebih penting yang ingin dibangkitkan di sini ialah munculnya beberapa buah pertubuhan Islam yang menjalankan aktiviti dakwah sebagai tujuan pokok penubuhannya. Pertubuhan Islam yang ditubuhkan ini termasuklah hasil usaha agensi kerajaan mahupun usaha persendirian orang perseorangan yang begitu prihatin dengan keadaan umat Islam di negara ini. Contoh yang boleh diambil ialah ABIM dan PERKIM iaitu dua buah pertubuhan yang bergerak secara berorganisasi serta pergerakan Jemaah Tabligh dan al-Arqam, kumpulan yang mirip kepada gerakan tariqat yang tumbuh bagaikan cendawan selepas hujan oleh sekumpulan orang atau orang perseorangan.

LATAR BELAKANG GERAKAN ISLAM DI MALAYSIA

Pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 dunia Islam dilanda dengan kebangkitan yang digerakkan oleh gerakan Islah atau dikenali juga sebagai gerakan reformis. Ia berpusat di Timur Tengah iaitu di Arab Saudi dan juga di Mesir. Bagaimanapun pergerakan yang bermatlamat untuk menghapuskan amalan-amalan khurafat dan bidaah dalam kehidupan umat Islam ini kemudiannya tersebar ke tempat-tempat lain dan akhirnya mewujudkan juga pergerakan seumpamanya di tempat-tempat berkenaan. Antara pergerakan seperti ini yang boleh disebutkan ialah gerakan *Wahabbi* yang berpusat di Arab Saudi, *Ikhwanul Muslimin* di Mesir, *Jamaati Islami* di Pakistan dan gerakan *Muhammadiyah* di Indonesia (sekadar menyebut beberapa nama gerakan). Asas perjuangan pergerakan-pergerakan ini ialah kepada pemurnian kembali Islam dengan hanya merujuk kepada al-Quran dan as-Sunnah daripada unsur-unsur khurafat yang membawa kepada kebekuan dan kejumudan umat Islam seperti yang telah disebutkan tadi.

Malaysia, seperti negara Islam yang lain tidak sunyi daripada menerima arus perkembangan yang berlaku di tempat lain. Malaysia yang dahulunya dikenali sebagai Tanah Melayu juga tidak terkecuali daripada gerakan ini. Biarpun tidak wujud sesuatu organisasi khusus dalam gerakan ini seperti di tempat-tempat lain tetapi telah muncul segolongan masyarakat Islam yang bersungguh-sungguh

memperjuangkan hal yang sama di bumi ini. Kebanyakan mereka adalah bekas penuntut ilmu agama yang pernah bermas-tautin bertahun-tahun lamanya di tanah Arab dan juga Mesir untuk menimba ilmu. Mereka yang terkena tempiasan angin Islah ini tertarik dengannya malah turut sama berjuang dan apabila kembali ke tanah air, mereka tidak berdiam diri. Barangkali apabila mereka kembali ke Tanah Melayu dan mendapati masyarakat Islamnya juga mengamalkan unsur-unsur khurafat dan bidaah yang bertentangan dengan Islam, maka mereka merasakan bahawa mereka juga patut berbuat sesuatu untuk menangani masalah ini. Fenomena ini tidak asing lagi bagi kita, dalam erti kata bahawa kita semua tahu tentang sejarah dan perjuangan golongan Islah Islam ini yang lebih dikenali sebagai Kaum Muda dengan tokoh-tokoh seperti Syeikh Tahir Jalaluddin, Haji Abbas Taha, Syed Salim al-Kalali, Abdullah al-Maghribi dan Syed Syeikh al-Hadi.

Secara umumnya kebangkitan gerakan Islam pada waktu itu wujud dalam tiga bentuk atau aliran yang biasa disebut aliran tradisionalis, modenis dan reformis.¹ Pembahagian serupa ini dibuat berdasarkan kepada metode perjuangan dan aliran pemikiran yang dipegang, bukan berdasarkan kepada ajaran yang berbeza. Aliran tradisionalis memilih jalan yang lebih ortodoks ketika berdakwah iaitu membentuk perkumpulan tariqat. Aliran pemikiran mereka lebih kepada aliran tasawuf. Pada dasarnya mereka menolak kemajuan sains dan pemodenan kerana menganggap banyak unsur-unsurnya yang bercanggah dengan akidah dan amalan Islam. Satu perkara yang nyata tentang sikap mereka ialah kuatnya pegangan mereka terhadap pendapat atau fatwa ulama mazhab muktabar sehingga mereka tidak menggalakkan ijtihad lagi. Barangkali mereka tidak begitu yakin dengan keupayaan orang Islam sekarang untuk berijtihad kerana untuk berijtihad seseorang itu perlu mempunyai ilmu agama yang mantap, perlu menguasai al-Quran dan al-hadith. Antara contoh mereka yang boleh digolongkan dalam aliran tradisionalis ini ialah Tokku Paloh dan Tok Kenali bahkan al-Arqam itu sendiri. Gerakan berasaskan tariqat yang wujud di merata-rata tempat di seluruh Semenanjung ini juga boleh dikategorikan kepada aliran tradisionalis.

Sementara itu, aliran modenis pula lebih cenderung kepada melihat pemodenan dunia dan perkembangan sains sebagai jalan untuk menuju kepada kemakmuran dunia Islam. Ini memang agak bertentangan sama sekali dengan aliran tradisional. Aliran ini beranggapan bahawa faktor utama yang menyebabkan umat Islam lesu dan tertinggal jauh ke belakang berbanding dengan penganut agama lain ialah kerana penolakan mereka kepada kemajuan sains dan pemodenan. Oleh yang demikian, menurut mereka umat Islam mestilah mengubah sikap dan menerima kemajuan sains sebagai salah satu unsur penting dalam kehidupan mereka. Sehubungan dengan pendirian seperti ini, aliran modenis menggunakan cara-cara yang lebih moden dalam perjuangan mereka. Seseengah penulis berpendapat bahawa ada kalanya tokoh-tokoh modenis ini terlalu memuja keduniaan sehingga tidak melihat percanggahan yang timbul antara konsep ilmu itu dengan akidah dan hukum-hakam Islam. Antara tokoh yang boleh digolongkan dalam aliran ini ialah Syed Syeikh al-Hadi.

Aliran reformis pula menumpukan perhatian kepada pemurnian kembali ajaran Islam daripada unsur-unsur luar yang telah menjejaskan keaslian agama itu sama ada unsur daripada kepercayaan dan agama lain ataupun daripada unsur sains yang bertentangan. Bagi seseengah pendapat, aliran reformis adalah aliran pertengahan antara aliran tradisional dengan aliran modenis² kerana mereka tidak menolak konsep atau dakwah secara ortodoks dan dalam masa yang sama juga mereka tidak menolak kemajuan sains moden di kalangan umat Islam, kerana mereka beranggapan bahawa sains yang tidak bertentangan dengan akidah tidak sepatutnya ditolak oleh umat Islam. Mereka juga memandang baik cara hidup sederhana yang kebanyakannya diamalkan oleh golongan tradisional, cuma mereka tidak bersetuju dengan penolakan golongan ini kepada kemajuan sains. Yang penting bagi mereka ialah kemaslahatan dan kemajuan umat Islam atas landasan akidah yang betul. Dalam sejarah tanah air, golongan Islah Islam yang lahir pada awal abad ke-20 ialah contoh yang mewakili aliran ini dengan tokoh yang tidak asing lagi, Syeikh Tahir Jalaluddin.

Walaupun aliran dan kaedah ketiga-tiga aliran ini berbeza tetapi asas perjuangan mereka tetap satu iaitu untuk kemajuan dan

kemaslahatan umat Islam serta ingin melihat umat Islam kembali mengamalkan Islam seperti mana yang dituntut oleh agama. Satu perkara yang ingin disentuh di sini ialah berhubung dengan organisasi. Pada zaman penjajah, kecuali aliran tradisional yang biasanya berasaskan kepada kumpulan tariqat, aliran-aliran lain tidak mempunyai organisasi yang tertentu. Mereka bergerak secara persendirian walaupun dalam kelompok mereka sendiri. Barangkali pada zaman penjajahan, penubuhan sesebuah organisasi khususnya yang berkaitan dengan Islam akan hanya mengundang kecurigaan daripada pihak penjajah dan pentadbir tradisional, jadi perkumpulan ini tidak berusaha untuk menubuhkan organisasi bagi menjalankan kegiatan dakwah mereka. Bagaimanapun ini hanyalah satu andaian umum sahaja. Dalam keadaan begitu aktiviti mereka tetap berjalan dan berkembang terutamanya melalui mata pena.

Perkembangan gerakan ini dipengaruhi oleh keadaan sekitar. Memasuki dekad 20-an apabila masyarakat sekeliling mula membicarakan tentang keadaan sosioekonomi masyarakat Melayu, maka golongan ini juga turut sama tetapi masih tetap berlandaskan Islam. Ketika Tanah Melayu mulai dilanda dengan bahang untuk memperjuangkan kemerdekaan, maka gerakan ini turut berjuang ke arah yang sama dengan matlamat yang lebih besar iaitu untuk menubuhkan sebuah negara Islam melalui sebuah parti politik iaitu Hizbul Muslimin. Walau bagaimanapun, cita-cita mereka tidak kesampaian setelah menerima tekanan daripada pelbagai pihak terutama kerajaan British. Sampai di sini perjuangan kelompok ini seakan-akan tenggelam bersama tenggelamnya fenomena gerakan Islam yang lain.

PERKEMBANGAN GERAKAN DAKWAH 1970-AN

Pada dekad 1960-an terutama pada tahun-tahun akhirnya, bibit-bibit kebangkitan gerakan Islam telah kelihatan semula di Malaysia khususnya tetapi ia tidak begitu ketara atau barangkali juga kerana Malaysia yang baru merdeka terlalu sibuk dengan urusan pembangunan negara hingga bibit kebangkitan ini tidak begitu dirasai. Bagaimanapun itu bukanlah satu persoalan penting yang perlu

dibincangkan di sini. Yang jelasnya, bibit kebangkitan itu telah mulai menguntum pada dekad 70-an dan seterusnya berbunga pada dekad berikutnya sehingga tidak ada sesiapa pun yang dapat menafikan tentang kebangkitan itu. Jadi bolehlah juga dikatakan bahawa gerakan Islam tidak lenyap begitu sahaja pada dekad 50-an, malah ia terus wujud pada tahun-tahun 60-an cuma gerakan itu tidak sehebat sebelumnya. Ia hanya ketara pada dekad-dekad berikutnya apabila ia mula mendapat sambutan dan perhatian daripada segenap lapisan masyarakat Islam.

Kebangkitan gerakan dakwah yang begitu ketara pada dekad 80-an ini telah menggamit beberapa orang sarjana daripada pelbagai lapangan untuk membuat kajian terhadap fenomena ini. Antara yang boleh disebutkan di sini ialah Judith Nagata dengan kajian yang bertajuk *Reflowering of Malaysian Islam*, Hussain Mutalib dengan dua buah kajiannya iaitu *Islam and Ethnicity in Malay Politics* dan *Islam in Malaysia: From Revivalism to Islamic State*, Chandra Muzaffar dengan bukunya bertajuk *Islamic Resurgence in Malaysia* dan Zainah Anwar dengan bukunya *Islamic Revivalism in Malaysia*. Kesemua kajian yang diterbitkan pada tahun 1980-an dan 1990-an ini memperkatakan tentang fenomena kebangkitan Islam dan gerakan dakwah di Malaysia biarpun perkataan yang digunakan berbeza-beza mengikut penilaian masing-masing (*reflowering*, *resurgence* dan *revivalism*) tetapi ia mempunyai konotasi yang sama.

Walaupun sebelum ini telah muncul gerakan Islam di negara ini tetapi gerakan itu agak tidak tersusun dan tidak diwakili oleh organisasi tertentu seperti mana yang telah disebutkan sebelum ini. Keadaan ini berlainan sekali dengan kebangkitan semula Islam pada waktu terkemudian. Ia bukan sahaja meluas di kalangan umat Islam tetapi juga telah berjaya menterjemahkannya dalam bentuk pertubuhan atau organisasi yang lebih tersusun dan terancang. Lebih daripada itu, ada pertubuhan yang didirikan itu atas daya usaha kerajaan yang memerintah bukan sekadar atas usaha sekumpulan orang atau orang perseorangan sahaja. Oleh yang demikian adalah agak janggal bagi kita untuk membincangkan tentang kebangkitan gerakan dakwah di Malaysia tanpa merujuk kepada pertubuhan-pertubuhan yang dimaksudkan itu. Walaupun pertubuhan-per-

tubuhan ini berbeza daripada segi nama dan matlamat, tetapi yang nyatanya, mereka mahu menegakkan Islam sebagai satu *ad-din*, satu cara hidup yang menyeluruh berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah untuk diamalkan oleh umat Islam seluruhnya.

Mengikut Chandra Muzaffar, kebangkitan semula Islam merujuk kepada usaha menegakkan semula nilai-nilai, amalan-amalan, institusi-institusi dan undang-undang Islam, dan tegasnya Islam seluruhnya, dalam hidup umat Islam serata dunia berpandukan al-Quran dan as-Sunnah.³ Jika kita berpegang kepada maksud ini, ini bermakna bahawa di Malaysia memang telah kelihatan usaha-usaha sedemikian. Chandra Muzaffar yang mengkaji fenomena kebangkitan Islam ini dari sudut sosiologi melihat perubahan cara hidup sehari-hari yang ketara di kalangan umat Islam sebagai tanda kebangkitan itu. Antaranya ialah cara berpakaian wanita Muslim yang nampaknya lebih ke arah menutup aurat, pergaulan antara lelaki dan perempuan yang dikawal, keprihatinan tentang halal haram makanan, lebih taat dalam amal ibadat yang diwajibkan, banyaknya rancangan-rancangan bercorak agama yang disusun sama ada oleh pihak berkuasa mahupun oleh persatuan-persatuan sosial yang wujud dan penerbitan buku-buku agama.⁴ Kesemua ini menggambarkan perubahan sikap umat Islam terhadap agama anutan mereka sendiri.

Sebenarnya, jika diteliti kepada kajian-kajian lain, mereka juga tidak dapat menolak hakikat wujudnya tanda-tanda kebangkitan seperti yang dibincangkan oleh Chandra Muzaffar itu. Malah andainya kita sendiri cenderung kepada membincangkan tentang fenomena kebangkitan Islam di negara ini juga tidak dapat tidak kita akan menyentuh tentang perkara-perkara berkenaan. Bagaimanapun ada juga sarjana yang melihat lebih jauh lagi dari itu. Contohnya Judith Nagata, sarjana terawal yang membincangkan tentang perkara ini dan Hussain Mutalib. Mereka juga merujuk kepada dasar-dasar kerajaan yang memerintah yang dilihatnya condong ke arah Islam dengan usaha untuk menyerap nilai-nilai atau unsur-unsur Islam dalam pentadbiran. Ini jelas menurut Hussain Mutalib melalui penggubalan undang-undang bagi menghukum orang Islam yang melanggar perintah agama seperti minum

arak di khalayak ramai, tidak berpuasa pada bulan Ramadan selain daripada menggunakan media elektronik (RTM) sebagai alat untuk menyebarkan syiar Islam.⁵ Usaha-usaha yang boleh disifatkan sebagai sesuatu yang baru ini memperlihatkan keprihatinan kerajaan terhadap sensitiviti masyarakat Islam terhadap agama rasmi negara ini.

Zainah Anwar memperluaskan skop kajian terhadap fenomena kebangkitan Islam ini dengan memfokuskan perbincangannya kepada aktiviti dakwah di kalangan penuntut universiti. Beliau berbuat begitu atas andaian bahawa kumpulan penuntut universiti inilah yang lebih aktif dalam kegiatan dakwah mereka. Bahkan boleh dikatakan bahawa bermula daripada pelajar-pelajar inilah kebangkitan semula Islam menyerlah dan seterusnya mereka menjadi tulang belakang kepada gerakan dakwah yang kemudiannya meluas di kalangan masyarakat Islam yang lain.⁶ Zainah berpendapat demikian barangkali berdasarkan bukti-bukti yang ada yang menunjukkan bahawa pergerakan-pergerakan dakwah yang wujud dan aktif bergerak seperti ABIM diusahakan oleh golongan pelajar universiti.

Kajian-kajian seperti yang disebutkan tadi sebenarnya telah menambakkukuhkan lagi hakikat kebangkitan gerakan Islam di negara ini. Dengan itu kita boleh ambil kesimpulan bahawa kebangkitan gerakan Islam atau sesetengahnya menyebut sebagai gerakan dakwah Islam telah menular ke segenap lapisan masyarakat dan ia tidak lagi hanya terhad di kalangan kelompok atau kumpulan tertentu sahaja. Malah pada zaman kebangkitan ini, apa-apa sahaja isu yang berkaitan dengan Islam akan mendapat perhatian daripada masyarakat.

ANGKATAN BELIA ISLAM MALAYSIA (ABIM)

Penubuhan beberapa buah organisasi Islam yang tersusun menambahsuburkan lagi kemeriahan kebangkitan gerakan Islam di Malaysia. Penubuhan ini juga menggambarkan kepada kita tentang keinginan segelintir masyarakat Islam untuk memperjuangkan Islam secara lebih teratur dan kemas malah lebih efisien lagi. Angkatan Belia Islam Malaysia atau lebih dikenali dengan nama singkatannya

ABIM ialah antara pertubuhan Islam yang ditubuhkan sekitar tahun 1960-an. Namun ia bukanlah organisasi terawal kerana sebelum itu telah ada organisasi Islam lain seperti PERKIM (Pertubuhan Kebajikan Islam Se-Malaysia) yang ditubuhkan pada awal dekad yang sama.

ABIM ditubuhkan pada tahun 1969. Dua tahun kemudian organisasi itu didaftarkan. Dari segi latar belakang sejarah penubuhannya, ia dikatakan bermula dengan sebuah persatuan pelajar yang dikenali sebagai Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Islam Malaysia atau kependekannya PKPIM (*National Muslim Students' Association of Malaysia*).⁷ Persatuan yang ditubuhkan pada tahun 1961 ini diusahakan oleh sekumpulan pelajar Islam daripada beberapa buah kolej. Ia mula aktif setelah negara menghadapi pelbagai masalah yang berhubung kait dengan masalah politik orang Melayu seperti peristiwa 13 Mei 1969. Judith Nagata berpendapat bahawa persatuan ini mencontohi pertubuhan Islam terkenal di Mesir iaitu Ikhwanul Muslimin.⁸ PKPIM mempunyai hubungan dengan pertubuhan-pertubuhan Islam dari negara luar seperti London (*Islamic Representative Council*), Mesir, Singapura, Indonesia (Himpunan Mahasiswa Islam Indonesia) dan Australia (*Muslim Students Associations*). PKPIM juga menjadi ahli dalam Persatuan Mahasiswa Asia Tenggara (PEMIAT).⁹ Dari segi aktiviti, PKPIM menunjukkan minat pada perkembangan semasa yang berlaku sama ada dalam atau luar negeri, malah mereka mengambil bahagian yang aktif. Misalnya dalam soal bahasa kebangsaan yang hangat diperkatakan pada akhir dekad 1960-an, membuat bantahan terhadap layanan kerajaan Thailand terhadap masyarakat Islam di selatan negara itu dan soal peperangan di Vietnam. Jelas di sini bahawa pertubuhan ini mula tertarik untuk menceburkan diri dalam soal politik.

Kerana keaktifannya barangkali, PKPIM telah berjaya menarik minat pelajar-pelajar universiti untuk turut sama bergiat dalam pertubuhan itu. Tambahan pula PKPIM memang bergiat cergas untuk menambah bilangan ahli mereka yang khas di kalangan pelajar Islam. Dengan penglibatan pelajar-pelajar universiti, persatuan ini bertambah aktif dan berani. Namun, ini tidak bermakna

bahawa PKPIM hanya bergiat dalam perkara-perkara yang sedemikian sahaja. Sebaliknya mereka tetap menjalankan kegiatan yang menyentuh secara langsung masyarakat Islam. Antara aktiviti mereka ialah mengadakan program-program tertentu yang mengajak masyarakat Islam ke arah pengamalan Islam yang lebih menyeluruh, seperti rajin mendekati masjid. Pendeknya, PKPIM merupakan sebuah persatuan pelajar Islam yang sangat aktif pada dekad 60-an itu.

Apabila pemimpin PKPIM ketika itu (Fuad Hassan) sedar tentang keaktifan mereka dalam hal-hal politik semasa, dan menyedari tentang kedudukan persatuan mereka serta keahlian mereka yang melibatkan pelajar-pelajar universiti yang memang aktif dalam soal politik negara khususnya, PKPIM telah mengambil keputusan untuk mewujudkan satu badan tetap dengan keahlian yang terhad tetapi mempunyai objektif yang sama iaitu untuk memperjuangkan soal-soal politik di samping hal-hal lain.¹⁰ Badan ini dirasakan perlu memandangkan matlamat asal PKPIM bukanlah dalam hal-hal yang seperti itu. Keputusan inilah yang telah membawa kepada penubuhan ABIM. Ini bermakna bukanlah ABIM ini asalnya PKPIM tetapi lahir daripada persatuan berkenaan. Walaupun ABIM telah dilancarkan tetapi PKPIM tetap wujud dan tetap memainkan peranan penting dalam masyarakat Islam. Nampaknya golongan belia dan pelajar yang mendahului yang lain sebagai tenaga penggerak dalam hal-hal kebangkitan Islam di negara ini.

ABIM ditubuhkan atas beberapa sebab. Pertamanya untuk menyebarkan Islam sebagai satu *ad-din* di kalangan masyarakat Islam. Keduanya untuk memperjuangkan hak-hak kemanusiaan dan ketiganya untuk cuba menyelesaikan isu-isu pembinaan negara bangsa¹¹ dengan memberi tumpuan kepada nasib orang Melayu dalam arus pemodenan ini. Dengan tertubuhnya ABIM, pergerakan dakwah Islam semakin rancak berjalan dalam bentuk organisasinya yang lebih tersusun dan melibatkan lebih ramai pihak. Jika PKPIM hanya terbuka kepada pelajar-pelajar sahaja tetapi keahlian ABIM terbuka kepada segenap lapisan masyarakat yang cenderung ke arah pergerakan Islam. Setahun selepas ABIM didaftarkan dikatakan bahawa keahliannya mencapai ke angka 40 000 orang. Golongan

kelas menengah dikatakan yang paling ramai menganggotai pertubuhan ini.¹² Dengan keahlian yang begitu ramai, maka mudahlah bagi ABIM menjalankan jentera dakwahnya melalui cawangan yang ditubuhkan di seluruh negara. Bilangan keahlian yang tinggi ini juga menggambarkan kepada kita bahawa ABIM mendapat sambutan yang menggalakkan dan pada waktu itu memang ramai yang berminat dengan pergerakan Islam.

Dari segi organisasinya, ABIM dipimpin oleh seorang presiden yang dikawal oleh majlis syura yang bertanggungjawab membuat keputusan atas sesuatu perkara. Di bawah presiden ada timbalan presiden diikuti dengan ahli majlis syura. Untuk memastikan kegiatan mereka meliputi kesemua perkara penting dalam kehidupan ini, ABIM menubuhkan banyak seksyen/bahagian yang mengendalikan beberapa urusan. Antara yang utama ialah seksyen pendidikan dengan wujudnya institusi pendidikan mereka sendiri yang diberi nama Yayasan Anda, bahagian penerbitan yang menerbitkan majalah rasminya *Risalah* dan bahagian hal-ehwal wanita. Melalui bahagian-bahagian inilah jentera dakwah memainkan peranan masing-masing.

Sebagai sebuah pertubuhan yang dianggotai oleh mereka yang berpendidikan sama ada pendidikan bercorak Islam mahupun sekular, ABIM begitu menonjol sekali melalui gerakan dakwah yang aktif. Keaktifannya lebih ketara ketika ABIM berada di bawah kepimpinan seorang pelajar universiti bernama Anwar Ibrahim (sekarang Datuk Seri) dalam tempoh 1972 hingga 1982. Walaupun beliau seorang yang mempunyai latar belakang pendidikan sekular, tetapi beliau amat cenderung ke arah pergerakan Islam. Kepimpinan beliau menjadikan ABIM semakin terkenal. Populariti beliau sebagai pemimpin ABIM menyebabkan nama beliau menjadi sinonim dengan pertubuhan itu. Di bawahnya, ABIM bergerak aktif dan sering terlibat dengan soal politik negara, malah pemimpin itu pernah ditahan di bawah akta ISA kerana keterlibatan beliau dalam satu demonstrasi pelajar di Universiti Malaya pada tahun 1973 yang berkaitan dengan masalah kemiskinan di Baling, Kedah. Ada sarjana yang mensifatkan Anwar Ibrahim sebagai seorang pejuang Islam dari satu segi dan juga seorang pejuang bangsa Melayu yang radikal¹³ kerana keprihatinan beliau terhadap keadaan masyarakat Melayu bawahan terutamanya.

Boleh dikatakan bahawa ABIM adalah pengkritik utama kerajaan dalam aspek sosial, ekonomi dan politik. Antara isu yang dibangkitkan ABIM ialah berkenaan dengan perkara-perkara yang disifatkannya sebagai bertentangan dengan Islam seperti gejala rasuah, program pembangunan yang hanya menguntungkan sesuatu pihak sahaja, jurang pendapatan yang luas antara golongan kaya dengan yang miskin, masalah penagihan dadah, pengaruh hiburan dari barat¹⁴ dan lain-lain. Perkara-perkara ini kalau kita lihat lebih banyak menyentuh dasar kerajaan yang melibatkan rakyat bawahan. Walau bagaimanapun, sesuai dengan sifatnya sebagai sebuah pertubuhan yang boleh dianggap elit kerana kebanyakan ahlinya berpendidikan tinggi, ABIM tidak ketinggalan membincangkan atau mengkritik konsep dan dasar kerajaan pada peringkat tinggi seperti pengamalan konsep sekularisme dan perjuangan memperkembangkan nasionalisme Melayu yang khusus dilemparkan kepada parti terbesar Melayu —UMNO dan pelaksanaan undang-undang ISA. Pada waktu itu ABIM seolah-olah berperanan sebagai parti pembangkang, malah lantanganya ABIM menentang dasar-dasar kerajaan membuatkan parti PAS (Parti Islam Se-Malaysia) telah bekerjasama dengan pertubuhan itu. Kerjasama itu telah membuatkan perjuangan ABIM lebih menjurus ke arah politik biarpun aktiviti dakwahnya berjalan terus.

Dalam kemuncak perjuangannya, ABIM mengejutkan khalayak umum apabila Presidennya Anwar Ibrahim mengambil keputusan keluar daripada pertubuhan itu untuk menceburkan diri dalam arena politik. Lebih mengejutkan lagi apabila beliau memasuki UMNO, iaitu sebuah parti yang selalu menjadi sasaran kritikan beliau sebelum ini. Seterusnya beliau bertanding dalam pilihan raya yang diadakan pada tahun 1983 di bawah panji-panji UMNO dan bukannya PAS, sekutu ABIM sebelum ini. Banyak pihak yang mempertikaikan keputusan Anwar terutama daripada kepimpinan PAS. Memang menimbulkan persoalan hingga sekarang berkenaan sebab utama Anwar mengambil keputusan meninggalkan ABIM dan menyertai UMNO. Adakah keputusan itu bersifat peribadi atau sebagai satu strategi ABIM untuk menguasai politik. Apa pun keadaannya, ABIM seperti kehilangan taring dengan pemergian

Anwar. Walaupun beliau digantikan dengan tokoh yang tidak kurang hebatnya iaitu Siddiq Fadhil, namun ia tidak mampu mengembalikan kegemilangan ABIM. Malah beberapa ahlinya yang lantang bersuara dan aktif mengambil keputusan keluar daripada pertubuhan itu lalu menganggotai parti PAS. Antaranya ialah Hj. Abdul Hadi Awang. Sekutunya PAS juga tidak berminat untuk menjalin kerjasama erat dengan ABIM selepas itu. Demikianlah besarnya pengaruh Anwar ke atas ABIM. Namun, itu tidaklah bermakna gerakan ABIM terus lumpuh dengan ketiadaan Anwar, ia tetap berjalan seperti biasa tetapi tidak serancak sebelumnya.

PERKIM (PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM SEMALAYSIA)

Telah disebutkan sebelum ini bahawa PERKIM ialah organisasi Islam yang terawal sekali ditubuhkan iaitu pada tahun 1960. PERKIM wujud atas daya usaha empat orang tokoh iaitu Tunku Abdul Rahman (Perdana Menteri Malaysia ketika itu), Tan Sri S.O.K. Ubaidullah seorang India Muslim, Haji Ibrahim Ma seorang Cina Muslim dan Tan Sri Mubin Sheppard seorang Eropah Muslim. Di sinilah letaknya keistimewaan PERKIM kerana ia berjaya menggabungkan tokoh-tokoh yang berlainan kaum tetapi satu agama. Melihatkan kepada pengasas dan nama pertubuhan ini, kita boleh membuat andaian bahawa pertubuhan ini berfungsi untuk menjaga kebajikan orang Islam terutama saudara baru. Sememangnya matlamat utama PERKIM ialah untuk menyebarkan Islam dan bergiat dalam soal sosial dan kebajikan orang Islam di seluruh negara.⁴⁵ Tumpuan sebaran agama Islam ini ialah kepada yang bukan Islam. Aktiviti ini membezakan sedikit antara PERKIM dengan pergerakan Islam yang lain yang lebih menumpukan perhatian mereka kepada pengamalan Islam yang menyeluruh di kalangan umat Islam sendiri. Walau bagaimanapun tidak boleh dinafikan bahawa pertubuhan atau pergerakan dakwah lain tetap berusaha untuk mendakwahkan Islam di kalangan bukan Islam.

Dari segi aktivitinya, didapati bahawa gerakan PERKIM hanya menonjol pada tahun 1975 satu tempoh yang lama setelah ia ditubuhkan. Tidaklah diketahui dengan tepat mengapa itu yang

terjadi. Namun begitu boleh diandaikan bahawa ini terjadi kerana pengerusi pertamanya (Tunku Abdul Rahman) terlalu sibuk dengan jawatan beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia. Apabila beliau meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri pada tahun 1970, beliau dilantik pula menjadi Setiausaha Agung pertubuhan OIC (*Organization of Islamic Conference*) yang berpusat di Jeddah. Hanya selepas beliau tidak lagi menjadi Setiausaha Agung pertubuhan itu pada tahun 1975 barulah PERKIM nampak mula bergerak.

Selain daripada Pengerusi, PERKIM mempunyai barisan kepimpinan yang dinamakan Jawatankuasa Pusat yang dianggotai oleh 17 orang ahli. Selain daripada itu, ia juga mempunyai 4 orang ahli Majlis Penasihat Islam (*Islamic Advisory Council*) yang dianggotai oleh mereka yang mempunyai latar belakang pendidikan Islam dan boleh dikatakan pakar dalam hal-ehwal Islam. Mereka berfungsi sebagai penasihat kepada PERKIM.¹⁶ Sesuai dengan matlamat PERKIM ditubuhkan, badan ini mempunyai dua komponen utama iaitu bahagian dakwah dengan bahagian pelajaran dan kebajikan. Bahagian dakwah ini diuruskan melalui dua institusi iaitu Balai Islam dan Institut Dakwah. Bahagian ini khusus mengendalikan soal dakwah termasuk melatih bakal-bakal pendakwah. Bahagian pelajaran dan kebajikan pula khusus memberi bimbingan dan mendalami pelajaran agama serta menjaga kebajikan mereka yang baru memeluk agama Islam. Dengan lain perkataan, sesiapa sahaja yang memeluk agama Islam melalui PERKIM, secara automatik mereka menjadi ahli pertubuhan itu bagi membolehkan pertubuhan itu menjaga kebajikan saudara baru ini serta memperkenalkan Islam dengan lebih baik kepada mereka bagi mengelakkan mereka kembali kepada agama asal masing-masing.

Seperti ABIM, PERKIM juga menggunakan media cetak sebagai wadah untuk memuatkan berita-berita tentang pertubuhan itu dan aktiviti-aktiviti yang dilakukan di samping untuk berdakwah. Bertepatan dengan sifatnya yang dianggotai oleh pelbagai kaum, PERKIM menerbitkan majalah yang dianggap sebagai lidah rasmi pertubuhan itu dalam tiga bahasa. *Suara Perkim* dalam bahasa Melayu, *Nur Islam* dalam bahasa Cina dan *Islamic Herald* dalam bahasa Inggeris. Penerbitan majalah bulanan ini dikendalikan oleh

bahagian kebajikan yang juga mengendalikan soal-soal lain seperti kewangan, pengambilan keluarga angkat untuk saudara-saudara Islam baru dan juga mengendalikan klinik.

Boleh dikatakan bahawa matlamat PERKIM untuk menarik ramai orang bukan Islam memilih Islam sebagai agama anutan mereka telah berjaya dicapai. Walau bagaimanapun pencapaian itu lebih terserlah di kalangan penduduk di Sabah dan Sarawak yang majoritinya bukan Islam. Kejayaan ini boleh diukur daripada bilangan yang berjaya diislamkan. Dianggarkan bahawa dalam masa 20 tahun selepas penubuhannya lebih kurang 160 000 orang telah berjaya diislamkan. Lebih separuh daripada bilangan itu ialah penduduk Sabah. Sebagaimana yang kita ketahui, penduduk Sabah ramai sama ada yang menganut agama Kristian ataupun tidak menganut apa-apa agama. Dicatatkan bahawa ramainya penduduk Sabah memeluk Islam adalah atas usaha gigih Ketua Menteriinya Tun Datu Mustapha Datu Harun melalui pertubuhan *United Sabah Islamic Association* (USIA) yang mempunyai hubungan rapat dengan PERKIM. Fenomena penukaran kepada agama Islam oleh penduduk Sabah yang melibatkan beberapa orang pemimpin tertinggi negeri itu seperti Donald Stephen (Tun Fuad) dan Ghani Gilong ini telah menimbulkan kegusaran di kalangan ahli-ahli politik bukan Islam yang lain di negeri itu. Ini menggambarkan kepada kita betapa seriusnya aktiviti dakwah PERKIM melalui USIA di Sabah khususnya. Boleh dikatakan inilah kejayaan terbesar yang telah dicapai oleh PERKIM.

Walaupun bagaimanapun, khususnya di Sabah bilangan penganut baru yang ramai ini telah menimbulkan keraguan bagi sesetengah pihak. Bayangkan dilaporkan bahawa setiap hari bilangan yang menganut agama Islam mencapai hingga ke angka 5000 orang.¹⁷ Satu angka yang menakjubkan. Mereka yang meragui kebenaran keadaan ini mendakwa bahawa sebenarnya bilangan yang ramai itu bukan meliputi penduduk Sabah yang asli sebaliknya ada pihak-pihak tertentu yang mempunyai muslihat politik telah membawa beribu-ribu penduduk Islam Filipina datang dan menetap di negeri itu. Mereka inilah yang dianggap sebagai penduduk Sabah yang menukar agama mereka. Tidaklah dapat dipastikan sejauh manakah

kebenaran dakwaan ini. Apa pun, perlu disebutkan di sini bahawa penduduk Sabah yang majoritinya kaum Kadazan tidak mudah menukar agama bahkan salah satu identiti mereka ialah sama ada beragama Kristian atau animisme. Oleh yang demikian dakwaan 5000 orang menukar agama mereka ke agama Islam setiap hari adalah sesuatu yang sukar untuk diterima jika berpandukan kepada sikap penduduk negeri itu. Mereka yang menukar agama memang ada termasuk tokoh-tokoh politik yang telah disebutkan tadi tetapi dari segi bilangannya sahaja yang menimbulkan persoalan.

Jika kita tinjau pula perangkaan kaum lain yang berjaya diislamkan oleh PERKIM, sehingga tahun 1981, seramai 587 penganut baru telah diislamkan, satu angka yang jauh lebih kecil jika dibandingkan dengan kes di Sabah. 319 orang daripada jumlah itu ialah orang Cina dan 130 orang India.¹⁸ Biarpun nampak kecil jika dibandingkan dengan angka di Sabah dan Sarawak, tetapi angka ini bolehlah dibanggakan juga memandangkan usaha untuk mengajak kaum lain menganut agama Islam bukanlah sesuatu yang mudah, tambahan pula ada tanggapan pada sesetengah pihak bahawa masuk Islam bermakna masuk Melayu. Masuk Melayu bermakna akan menjadi Melayu dengan mengamalkan adat dan budaya hidup orang Melayu. Tanggapan salah ini menjadikan kaum lain tidak mudah mendekati Islam, mereka bimbang terpaksa meninggalkan budaya hidup mereka yang asal setelah menjadi Islam kelak.

JEMAAH TABLIGH

Tidak seperti ABIM dan PERKIM yang bersifat tempatan kerana mula asal wujudnya memang di negara ini, jemaah Tabligh ialah sebuah pertubuhan luar yang membuka cawangannya di Malaysia dalam usaha memperkembangkan jentera dakwahnya. Jemaah Tabligh ialah sebuah pertubuhan dakwah yang berpusat di New Delhi, India yang diasaskan oleh seorang alim bernama Raizul Muballighim Allama Maulana Ilyas al-Kandahlawi pada tahun 1925.¹⁹ Jemaah Tabligh ini sebenarnya berpunca daripada usaha beliau mengumpulkan beberapa orang kenalan dan anak muridnya untuk pergi ke satu-satu tempat untuk bertabligh iaitu mengajak orang Islam menghayati dan mengamalkan ajaran Islam kerana

beliau dapati masyarakat Islam ketika itu tidak menunjukkan minat untuk mendalami ajaran Islam sebaliknya lalai daripada mengamalkan ajaran itu dalam kehidupan mereka. Sejak dari itulah jemaah Tabligh dikenali sebagai sebuah pertubuhan dakwah apabila gerakan bertabligh dilakukan secara serius.

Kewujudan jemaah Tabligh di Malaysia mempunyai ceritanya yang tersendiri dan mengambil masa yang lama untuk bertapak kukuh dan seterusnya mencari dan mengumpulkan pengikut. Barangkali jarak kedudukan yang jauh di antara India dengan Malaysia menjadi satu faktor kepada lamanya masa yang diambil oleh jemaah untuk bertapak kukuh selain daripada terhadnya pengaruh jemaah ini di kalangan masyarakat Islam di negara ini ketika ia mula sampai. Jemaah Tabligh mula dibawa ke negara ini dipercayai pada awal dekad 50-an oleh seorang pengikutnya yang bernama Maulana Abdul Malik Madani.²⁰ Di Kuala Lumpur beliau telah berjaya menerangkan tentang gerakan jemaah Tabligh ini di kalangan beberapa orang tokoh India Muslim, kenalan beliau barangkali. Antara mereka termasuklah Dato' Daud, Ahmad Merican, T.K.S. Abdul Majeed dan S.O.K. Ubaidullah serta Imam Masjid India iaitu Mohammad Syed.²¹ Maulana Abdul Malik menggunakan Masjid India sebagai pusat penerangan dan kegiatan tabligh mereka. Jadi kita memang boleh andaikan bahawa buat permulaan, jemaah Tabligh hanya didedahkan di kalangan orang India Muslim sahaja. Masalah komunikasi barangkali menjadi penghalang utama kepada orang Islam lain, khususnya orang Melayu untuk mengenali gerakan ini. Kita pun sedia maklum bahawa orang India Muslim di negara ini hanya bergaul di kalangan mereka sahaja sehingga mereka membangunkan masjid mereka sendiri. Kerana itulah masjid mereka terkenal dengan gelaran Masjid India. Orang Melayu biasanya jarang datang ke masjid mereka.

Walaupun nampaknya gerakan jemaah Tabligh ini sudah boleh dikatakan wujud di Malaysia tetapi pergerakannya tidak dapat berjalan lancar kerana menghadapi masalah kepimpinan. Ini misalnya berlaku apabila Mohammad Syed yang menggantikan Maulana Abdul Malik Madani yang balik ke India juga telah kembali ke India, maka pergerakan itu tidak mempunyai pemimpin. Keadaan

ini telah membantutkan aktiviti mereka. Walaupun ada wakil jemaah yang didatangkan dari India tetapi ia tidak mampu menggerakkan pergerakan itu kerana kedatangan mereka hanya sebentar sahaja. Keadaan ini berterusan sehingga tahun 1967. Jadi bolehlah dikatakan bahwa pada peringkat awalnya, selain daripada keahlian yang terbatas di kalangan India Muslim sahaja, gerakan dakwah ini tidak begitu mantap dan aktif kerana tidak mempunyai pemimpin yang tetap untuk menjalankan program agama (*ta'lim*) dan dakwah. Walau bagaimanapun, ia mula berjalan lancar apabila seorang India Muslim yang berpengaruh di kalangan jemaah di Masjid India itu iaitu Mira Hussain memberikan kesanggupannya untuk menjadi tenaga penggerak utama kepada aktiviti dakwah mereka dengan kerjasama daripada beberapa orang ahli yang lain.²²

Daripada pusatnya di Masjid India, Kuala Lumpur, gerakan jemaah Tabligh ini diperkembangkan pula ke Pulau Pinang selain Singapura. Di Pulau Pinang memang kita sedia maklum terdapat ramai India Muslim, jadi sambutanannya agak menggalakkan daripada masyarakat berkenaan. Setakat ini diketahui bahawa hanya di dua tempat itu sahaja jemaah Tabligh dapat bertapak. Tetapi ini tidak bermakna bahawa di tempat lain jemaah Tabligh tidak pernah sampai. Dipercayai pendakwah-pendakwah gerakan itu pernah bertabligh di negeri-negeri lain cuma tidak dapat diketahui dengan jelas, adakah ia dapat bertapak atau sekadar pergi berdakwah sahaja. Perkara ini memang sukar untuk dijelaskan kerana pergerakan ini berjalan secara senyap dan berlegar di kalangan individu tertentu sahaja.

Memasuki dekad 70-an, baharulah jemaah Tabligh sampai ke pengetahuan orang Melayu. Era ini bermula apabila beberapa orang pemimpin jemaah mempelawa Ustaz Ashaari (pemimpin Darul Arqam) dan beberapa orang lagi pengikut al-Arqam untuk sama-sama bertabligh dengan mereka di Singapura. Barangkali ini adalah satu strategi yang digunakan oleh jemaah Tabligh untuk menarik orang Melayu menyertai mereka kerana di kalangan mereka sendiri memang tiada pendakwah berbangsa Melayu. Mereka memilih pemimpin dan pengikut al-Arqam kerana hubungan mereka yang agak rapat dan juga kerana strategi dan penekanan dakwah kedua-

dua gerakan itu tidak jauh berbeza. Atas usaha ini beberapa orang Melayu dapat ditarik untuk menjadi pengikut pergerakan ini. Keadaan ini berterusan sehingga ramai di kalangan pelajar universiti juga tertarik sama. Fenomena ini barangkali terjadi akibat arus kebangkitan dan minat masyarakat Islam ke arah Islam telah meningkat. Bilangan masjid yang menjadi pusat gerakan ini juga bertambah dan tidak terhad hanya kepada Masjid India sahaja. Dikatakan bahawa pada tahun 1977 terdapat 20 buah masjid di Kuala Lumpur sahaja yang menjadi pusat gerakan jemaah Tabligh ini.²³

Matlamat utama jemaah Tabligh adalah untuk mengajak, menyeru ke arah kebaikan di kalangan orang Islam. Secara tidak langsung dapat kita fahami bahawa dakwah gerakan ini hanyalah ditumpukan kepada masyarakat Islam sahaja khususnya yang didapati telah mengabaikan perintah dan suruhan Allah. Untuk mencapai matlamat ini, para pendakwah akan berjalan dari satu tempat ke satu tempat pada masa-masa yang telah ditetapkan. Itulah wadah utama dakwah mereka. Mereka tidak menggunakan media cetak seperti gerakan dakwah yang lain. Pendekatan bertemu secara berdepan barangkali mengikut jemaah ini lebih efektif berbanding menggunakan media perantaraan. Inilah yang membuat gerakan ini dikategorikan sebagai sebuah gerakan berbentuk tradisional kerana tidak menggunakan teknologi moden dalam gerakan dakwah mereka. Tambahan pula kita dapati rata-rata daripada para pengikutnya mengamalkan corak hidup yang sederhana. Jika mereka keluar berdakwah, mereka hanya tidur di masjid atau surau dan mereka memasak makanan mereka sendiri walaupun mereka sebenarnya mampu untuk menginap di hotel atau makan di kedai-kedai makanan. Tidak sedikit daripada ahlinya yang berpendapatan tinggi sama ada bekerja sendiri mahupun bekerja dengan kerajaan, lebih-lebih lagi pada akhir dekad 70-an dan awal dekad 80-an, gerakan ini telah berjaya menarik minat pelajar-pelajar universiti untuk menyertainya.

Dari segi sifatnya, Chandra Muzaffar mengatakan bahawa jemaah Tabligh ini adalah sebuah pertubuhan dakwah yang tidak formal,

strukturnya longgar dan tidak ada teras yang nyata; operasinya tidak berdasarkan organisasi.²⁴ Beliau berpendapat demikian kerana sikap jemaah ini sendiri yang sederhana dan tidak mempunyai organisasi yang jelas seperti ABIM dan PERKIM. Keadaan ini terjadi boleh disandarkan pada hakikat bahawa kumpulan ini hanyalah merupakan cawangan daripada gerakan yang berpusat di India dan terhadapnya aktiviti yang dijalankan. Walau bagaimana keadaannya, kumpulan dakwah ini tetap mempunyai pemimpinnya sendiri untuk menggerakkan setiap aktiviti mereka dengan kawalan atau arahan dari pusat. Sesekali pemimpin besar mereka akan datang meninjau perjalanan jemaah ini di kawasan-kawasan terpilih. Mereka juga sebenarnya setiap tahun mengadakan perhimpunan besar yang mempertemukan pemimpin-pemimpin tertinggi di kalangan mereka, lazimnya diadakan di India.

Jemaah Tabligh tidak dinafikan telah menyumbangkan jasa yang tidak sedikit kepada kebangkitan Islam di Malaysia. Dari hari ke hari, bilangan pengikutnya bertambah dan mula menarik minat golongan profesional. Dengan penyertaan golongan profesional ini, membuatkan gerakan jemaah Tabligh terus mantap baik dari segi kedudukan dan pengaruhnya mahupun kewangannya sehingga ia mampu membina sebuah masjid sendiri tanpa bantuan dari luar. Kejayaan yang memberangsangkan ini telah menimbulkan kecurigaan di kalangan pihak-pihak tertentu. Kalau dahulu tidak ada pihak yang menghiraukan pergerakan jemaah Tabligh ini tetapi ia mula mendapat perhatian, malah ada pihak yang menganggap jemaah Tabligh ini sebagai satu gerakan yang mengamalkan ajaran yang menyeleweng daripada ajaran Islam. Sebagai contohnya negeri Melaka pernah mengeluarkan fatwa yang mengharamkan gerakan itu lantaran kecurigaan mereka terhadap amalan agama pergerakan berkenaan. Ini merupakan satu perkara yang malang bagi gerakan ini. Bagaimanapun, perkara ini tidak membantutkan usaha dakwah mereka meskipun dua orang pendakwah mereka telah mati ditembak ketika berdakwah di Filipina. Demikianlah antara cabaran yang terpaksa dihadapi oleh gerakan dakwah Islam.

DARUL ARQAM

Suasana kebangkitan Islam di Malaysia telah disemarakkan lagi dengan munculnya beberapa gerakan agama selain daripada jemaah Tabligh. Salah satunya yang menonjol dan bergiat cergas ialah jemaah Darul Arqam, sebuah pergerakan agama yang bersifat tempatan dan sememangnya lahir di negara ini. Jemaah yang tidak asing lagi di kalangan masyarakat Islam di Malaysia ini wujud atas daya usaha seorang yang bernama Ustaz Ashaari Muhammad, seorang individu yang memang gemar untuk menceburkan diri dalam gerakan Islam. Sebelum beliau menubuhkan jemaah ini beliau telah mengikuti beberapa buah pergerakan Islam seperti PAS (1958-1965), Jamiyah Dakwatul Islamiyah (1968) dan gerakan tabligh itu sendiri. Ternyata beliau tidak mendapat kepuasan dalam gerakan yang disertainya lalu bertindak membentuk gerakan dakwah Islamnya sendiri.

Sejarah jemaah Darul Arqam bermula dengan penubuhan sebuah halaqah, iaitu sebuah perkumpulan pengajian fardu ain yang diketuai oleh Ustaz Ashaari sendiri di Kampung Datuk Keramat. Kumpulan ini pada mulanya dinamakan sebagai jemaah Rumah Putih kerana tempat perkumpulannya ialah di sebuah rumah yang berwarna putih. Nama ini kekal untuk jangka masa tiga tahun (sekitar tahun 1973) apabila kemudiannya ditukar kepada nama Darul Arqam, sempena nama sahabat Nabi Muhammad yang menjadikan rumahnya sebagai tempat orang Islam berkumpul pada peringkat awal penyebarannya. Idea ini datang daripada Ustaz Zakaria Ansari.²⁵ Pada ketika itu pusat gerakan al-Arqam itu terletak di sebuah perkampungan di Sungai Pencala, Selangor. Sejak itu al-Arqam terus wujud dan bergerak cergas dalam lapangan dakwah, apabila dari hari ke hari bilangan ahlinya terus meningkat hingga mampu mewujudkan sebuah perkampungan yang tersendiri. Ahli-ahlinya terdiri daripada segenap lapisan masyarakat, daripada kelas tertinggi, pegawai kerajaan hingga kepada penduduk kampung. Ketokohan Ustaz Ashaari sebagai seorang pendakwah menjadi daya penarik yang kuat untuk menarik minat masyarakat luar menyertai kumpulan dakwah ini.

Seperti juga kumpulan tabligh, sasaran utama dakwah al-Arqam ialah masyarakat Islam sendiri dengan matlamat untuk merealisasikan ajaran Islam berasaskan kepada perkara-perkara berikut:

- (a) Iman kepada Allah dan rasul-Nya.
- (b) Perteguhkan ikatan persaudaraan Islam.
- (c) Keperluan ahli keluarga, terapkan prinsip-prinsip Islam di kalangan anak-anak mereka.
- (d) Berjaya dalam ekonomi.
- (e) Percaya kepada kedatangan Imam Mahdi.
- (f) Sedar tentang kehidupan yang sementara dan tanggungjawab yang dipikul serta amalan-amalan yang dibawa selepas mati.

Sifatnya yang tradisional terserlah dalam beberapa perkara. Antaranya ialah pada cara mereka berpakaian dan yang paling menonjol ialah pada kepercayaan gerakan ini kepada kedatangan Imam Mahdi. Sebenarnya gerakan al-Arqam ini bertunjangkan kepada sebuah gerakan tariqat yang dinamakan Tariqat Muhammadiyah. Tariqat ini diasaskan oleh Syeikh Muhammad Suhaimi Abdullah yang berasal dari Jawa dan kemudian berhijrah ke Kelang Selangor. Kerana itulah jemaah Darul Arqam mempunyai unsur-unsur gerakan tariqat yang ketara dengan amalan-amalan zikirnya. Bagaimanapun, unsur-unsur inilah yang telah membawa kepada kejatuhan gerakan ini yang mampu bertahan sehingga dekad 90-an apabila ia diharamkan pada tahun 1994 atas alasan telah terkeluar akidahnya daripada Islam.

Walaupun sifatnya tradisional tetapi kesanggupannya menerima idea pembaharuan seiring dengan perkembangan zaman, membuatkan gerakan ini kelihatan sofistikated dan ini yang membezakannya dengan gerakan bercorak tradisional yang lain. Ini disokong pula dengan keupayaan mereka membentuk satu gerakan yang berorganisasi seperti ABIM dan PERKIM. Dari segi organisasinya, Darul Arqam diketuai oleh seorang pemimpin yang digelar Syeikhul Arqam iaitu Ustaz Ashaari sendiri. Sejak perkumpulan itu di-

tubuhkan sehinggalah pengharamannya, Ustaz Ashaari ialah pemimpin tertinggi. Di kalangan para pengikutnya, beliau dipanggil Abuya, seolah-olah bapa kepada mereka semua. Ustaz Ashaari dibantu oleh sebuah Majlis Syura yang terdiri daripada beberapa orang yang rapat dengannya dan mempunyai latar belakang pendidikan agama yang tinggi termasuk lepasan al-Azhar, Mesir. Seperti juga ABIM, al-Arqam mempunyai beberapa seksyen atau bahagian yang bertanggungjawab memainkan peranan dalam bidang masing-masing. Antara yang penting ialah bahagian pendidikan yang berusaha menubuhkan sekolah-sekolah sendiri untuk memberikan pendidikan kepada anak-anak ahli. Dengan kata lain, anak-anak ahli tidak bersekolah di sekolah kerajaan. Al-Arqam juga mempunyai bahagian penerangan yang bertanggungjawab menerbitkan bahan media sama ada media cetak yang terdiri daripada risalah, majalah dan buku mahupun media elektronik seperti kaset dan video kaset. Selain daripada itu gerakan ini mempunyai bahagian kesihatan, kebajikan, hal-ehwal wanita dan ekonomi yang menjalankan aktiviti perniagaan dan industri makanan.

Kumpulan ini menjalankan dakwah dalam pelbagai cara. Selain daripada berdakwah secara tidak langsung iaitu melalui bahan perantara seperti media cetak dan media elektronik, ceramah-ceramah agama sering diadakan. Gerakan secara individu juga merupakan cara yang selalu digunakan sehingga dapat menarik lebih ramai orang Islam menyertai mereka. Komitmen yang ditunjukkan oleh setiap ahli pada gerakan ini terutamanya kepada pemimpin mereka sangatlah tinggi. Malah ada orang luar yang mensifatkan ahli-ahli gerakan ini terlalu taksub dengan pemimpin tertinggi mereka itu hinggalah setiap kata-kata yang beliau lafaskan dikatakan mengandungi maksud dan hikmah tertentu. Begitupun, bilangan ahli al-Arqam terus meningkat dan telah menular di kalangan pelajar-pelajar universiti. Bilangan yang ramai ini menyebabkan beberapa pusat gerakan telah ditubuhkan di serata tempat seperti di Wan Tepus, Kedah dan di Batu Hampar, Perak. Pada akhir dekad 80-an dan awal 90-an, gerakan ini cuba meluaskan pengaruhnya di negara luar seperti di Thailand, Singapura dan Indonesia.

Salah satu daripada kejayaan terbesar gerakan Arqam ini selain daripada berdakwah ke jalan Allah ialah dalam bidang ekonomi. Dengan keazaman untuk mengeluarkan barang makanan yang halal, gerakan ini telah menjadi pengeluar bahan-bahan makanan mentah yang sebelum ini dikuasai oleh masyarakat Cina seperti kicap, mi, tauhu dan sos. Sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat Islam yang mula prihatin dengan makanan yang bersih dan halal telah memperkembangkan lagi industri makanan oleh jemaah ini sehingga mereka mampu membina kilang memproses bahan makanan. Ini satu kejayaan yang begitu menakjubkan bagi masyarakat luar. Mereka juga berjaya membuka beberapa rangkaian kedai runcit untuk memasarkan secara langsung keluaran mereka. Sesungguhnya, sumbangan gerakan ini dalam bidang ekonomi sangatlah besar dan tidak boleh dinafikan.

Walaupun banyak kejayaan telah dicapai oleh gerakan dakwah ini, tetapi ia tidak lepas daripada masalah yang melanda terutama masalah dalamannya yang berkaitan dengan ajaran tariqat Muhammadiyah itu dan kepimpinan Ustaz Ashaari. Masalah ini boleh dikatakan agak serius kerana ia membabitkan pengunduran dan penyingkiran beberapa orang kanan Ustaz Ashaari sendiri termasuk generasi pertamanya. Masalah dalaman terawal ditimbulkan oleh Ustaz Zakaria Ansari sendiri (1970) yang berkaitan dengan kepimpinan Ustaz Ashaari sehingga Ustaz Zakaria mengambil keputusan keluar daripada jemaah itu. Masalah kedua yang agak besar juga timbul sembilan tahun kemudiannya juga atas sebab yang sama. Kali ini ia melibatkan tujuh orang ahli yang kesemuanya memegang jawatan penting. Orang yang paling lantang menentang Ustaz Ashaari ialah Ustaz Akhbar Anang. Ustaz Ashaari menangani masalah ini dengan menyingkirkan ketujuh-tujuh orang itu daripada pertubuhan berkenaan. Dengan itu krisis dalaman jemaah berkenaan nampaknya seperti telah berakhir. Namun begitu hakikatnya tidak.

Tujuh tahun selepas peristiwa penentangan kumpulan Akhbar Anang, krisis meletus lagi (1986). Kali ini melibatkan timbalan Syeikhul Arqam iaitu Ustaz Mokhtar Yaakob. Penentangan ini juga berpunca daripada pegangan Ustaz Ashaari pada tariqat Muham-

madiyyah, khususnya pada keyakinan bahawa Syeikh Suhaimi Abdullah pengasas tariqat ini yang telah meninggal dunia pada tahun 1923 ialah Imam Mahdi yang ditunggu-tunggu. Ustaz Mokhtar Yaakob berpendapat keyakinan ini boleh merosakkan akidah kerana menganggap Syeikh Suhaimi sebagai tidak mati tetapi telah ghaib dan akan kembali. Sebaliknya Ustaz Ashaari yang mengakui berpegang kepada keyakinan itu menolak pendapat bekas timbalannya itu. Krisis kali ini agak hebat sehingga diketahui umum dan melibatkan masa yang lama. Malahan penentangan Ustaz Mokhtar yang mempunyai ramai pengikut ini telah memaksa Ustaz Ashaari memindahkan pusat gerakannya dari Sungai Pencala ke sebuah kampung di Temerloh, Pahang, tetapi kembali semula dua tahun kemudiannya setelah Ustaz Mohktar meninggal dunia. Untuk beberapa waktu selepas itu gerakan Arqam berjalan seperti biasa.

Jika kita perhatikan, krisis-krisis dalaman yang berlaku dalam jemaah yang boleh dianggap sebagai cabaran kepada jemaah itu tidak mampu untuk menggugat keutuhan jemaah Darul Arqam pimpinan Ustaz Ashaari yang mempunyai pengaruh besar di kalangan para pengikutnya. Ia tetap wujud dan terus berkembang hingga mampu memiliki harta yang banyak. Namun, apabila wujud kecurigaan di kalangan orang luar terhadap ajaran dan pegangan kumpulan ini terutamanya daripada pihak kerajaan sendiri, ia benar-benar telah menggugat keutuhan kumpulan itu. Pusat Islam curiga dengan ajarannya yang melibatkan akidah manakala pihak kerajaan curiga dengan pergerakan itu yang seolah-olah ada motif politik. Akibat tekanan daripada kedua-dua pihak ini sehingga ia diharamkan pada tahun 1994, Ustaz Ashaari tiada pilihan lain selain daripada mengalah dan membuat pengakuan secara terbuka tentang kesilapan-kesilapan yang telah beliau lakukan berhubung dengan amalan dan pegangan pada tariqat Muhammadiyyah. Ramai daripada pemimpin-pemimpin kanannya telah ditangkap. Akibatnya, gerakan Darul Arqam terus lumpuh dan tinggal dalam sejarah. Segala usaha untuk memulihkan kembali gerakan itu akan menghadapi tindakan tegas daripada kerajaan.

Biarpun ada antara pertubuhan dan gerakan dakwah Islam di Malaysia kurang menyerlah atau tinggal sejarah tetapi kebangkitan

Islam di negara ini tidak lumpuh malah berjalan terus. Kesedaran masyarakat Islam untuk terus mengamalkan Islam sebagai satu cara hidup terus berbunga biarpun berhadapan dengan gejala maksiat yang tidak kurang hebatnya terutamanya di kalangan remaja yang memperlihatkan masalah keruntuhan akhlak yang membimbangkan. Usaha-usaha untuk menangani masalah ini terus dilakukan sama ada oleh pihak kerajaan mahupun pertubuhan Islam yang masih ada.

Nota Hujung

1. Abdul Rahman Hj. Abdullah, 1987. *Pemikiran Islam Masa Kini* (Kuala Lumpur, DBP), hlm. vi.
2. *Ibid*, hlm. 317.
3. Chandra Muzaffar, 1988. *Kebangkitan Semula Islam di Malaysia* (Petaling Jaya, Fajar Bakti), hlm. 2.
4. *Ibid*, hlm. 3-6.
5. Hussin Mutalib, 1993. *Islam in Malaysia : From Revivalism to Islamic State* (Singapore, Singapore University Press), hlm. x.
6. Zainah Anwar, 1987. *Islamic Revivalism in Malaysia* (Petaling jaya, Pelanduk Publications), hlm. 2.
7. Judith Nagata, 1984. *The Reflowering of Malaysian Islam* (Vancouver, University of British Columbia Press), hlm. 87.
8. *Ibid*, hlm. 59.
9. Hussin Mutalib, 1990. *Islam and Ethnicity in Malay Politics* (Singapore, Oxford University Press), hlm. 60-61.
10. Judith Nagata, *op. cit.*, hlm. 60-61.
11. Hussin Mutalib, *op. cit.*, hlm. 75.
12. Chandra Muzaffar, *op. cit.*, hlm. 58.
13. Hussin Mutalib, *op. cit.*
14. Chandra Muzaffar, *op. cit.*, hlm. 59-60.
15. Hussin Mutalib, *op. cit.*, hlm. 89.

16. *Ibid.*, hlm. 90.
17. *Ibid.*, hlm. 91.
18. *Ibid.*, hlm. 92.
19. Judith Nagata, *op. cit.*, hlm. 116.
20. Abdul Rahman Hj. Abdullah, 1992. *Gerakan Tradisional Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur, Penerbitan Kintan, hlm. 3
21. *Ibid.*
22. *Ibid.*, hlm. 4.
23. *Ibid.*, hlm. 7.
24. Chandra Muzaffar, *op. cit.*, hlm. 53.
25. Abdul Rahman Abdullah, *op. cit.*, hlm. 71.

Bab 6

Gerakan Persatuan-persatuan Pengembang Agama Kristian

SEBENARNYA penganut agama Buddha dan Hindu jauh lebih ramai bilangannya daripada penganut agama Kristian, malahan dari segi peratusannya, agama Kristian hanya mempunyai dua peratus penganut daripada jumlah keseluruhan penduduk Malaysia pada tahun 1980. Namun begitu aktiviti penyebarannya begitu menonjol sejak ia mula sampai ke negara ini beratus-ratus tahun dahulu sehingga ke hari ini berbanding agama lain. Gerakan penyebaran agama itu tidak putus-putus sebaliknya sentiasa ada kesinambungannya.

Agama Kristian mempunyai badan pengembang agama mereka yang khusus dan berfungsi hanya untuk menjalankan aktiviti dakwah di kalangan bukan Kristian. Malahan untuk menyokong aktiviti ini, masyarakat Kristian mempunyai sebuah badan besar yang mengendalikan soal penyebaran agama ini dengan mendapat sokongan moral dan material daripada kerajaan masing-masing seperti *London Missionary Society* yang berpusat di London dan *Foreign Missionary of Paris* yang berpengkalan di Paris. Sokongan daripada kerajaan yang memerintah kepada badan-badan ini terserlah dalam sejarah ketibaan dan penyebaran agama Kristian di negeri-negeri Melayu yang akan dibincangkan nanti.

Seperti agama Islam dan barangkali juga agama lain, agama Kristian mempunyai aliran-aliran mereka sendiri (*denomi-national*

atau sect) dan setiap aliran itu mempunyai badan dakwah mereka sendiri. Dua aliran atau boleh juga disebut sebagai mazhab yang besar dalam agama Kristian ialah aliran Roman Khatolik dan Protestan. Perbezaan antara dua aliran ini boleh dilihat pada gereja-gereja yang dibina. Biasanya gereja-gereja yang dibina berdasarkan aliran yang berbeza akan menggunakan nama yang ada kaitan dengan aliran mereka. Di bawah aliran ini terdapat lagi beberapa pecahan aliran kecil yang lain. Roman Khatolik mempunyai empat aliran kecil iaitu *Dominican, Franciscan, Jesuit* dan *Secular Clergy*. Protestan pula mempunyai banyak aliran kecil. Kebanyakan mazhab kecil yang bukan Roman Katolik dikelompokkan di bawah Protestan walaupun aliran-aliran itu tidak begitu menyetujuinya. Aliran-aliran yang dikelompokkan di bawah Protestan itu ialah *Methodist, Anglican, Mar Thoma, Syrian Orthodox, Baptist, Lutheran, Evangelical Lutheran, Basel Church, Salvation Army, Seventh Day Adventist, Chinese Christian Church* dan *English Presbyterian*. Antara aliran-aliran ini, aliran *Mar Thoma, Syrian Orthodox*, sebahagian daripada *Anglican* dan *Diocese of Kuching* (Sarawak) tidak bersetuju dengan pengelompokan mereka di bawah Protestan.¹ Mereka mendakwa bahawa mereka adalah aliran yang bebas dan tersendiri.

Dalam sejarah pertapakan agama Kristian di Malaysia, boleh dikatakan bahawa hampir kesemua aliran ini berjaya bertapak dengan kukuh. Walau bagaimanapun tidak semua aliran ini berjaya menjalankan aktiviti penyebaran agama mereka dengan baik di Malaysia khususnya di kalangan masyarakat Melayu sebelum dan sesudah merdeka. Ini adalah kerana ia bergantung kepada dasar pihak pemerintah ketika itu, terutamanya pada zaman kolonial Portugis, Belanda dan Inggeris biarpun kesemua kuasa ini beragama Kristian.

LATAR BELAKANG SEJARAH KEDATANGAN AGAMA KRISTIAN DI MALAYSIA

Agama-agama yang menjadi anutan penduduk Malaysia hari ini datangnya dari luar. Ia mula sampai ke negara ini apabila penganut agama-agama berkenaan datang singgah sama ada untuk berniaga atau memang dengan tujuan untuk memperkenalkan agama ber-

kenaan di kalangan penduduk tempatan. Bagi agama Kristian ia datang serentak dengan permulaan kedatangan kuasa kolonial Barat ke negara ini. Kesemua kuasa kolonial Barat adalah penganut kepada agama ini maka dengan kedatangan mereka, mereka telah membawa bersama agama berkenaan. Pernyataan ini bersesuaian dengan tiga tujuan utama penjajahan mereka ke atas bumi Nusantara amnya dan Malaysia khususnya iaitu '*God, Gold and Glory*'. Biarpun tujuan ekonomi (*gold*) adalah merupakan tujuan utama tetapi matlamat untuk menyebarkan agama Kristian (*God*) tetap dilaksanakan. Matlamat ini terserlah ketika angkatan tentera Portugis yang diketuai oleh Alfonso de Albuquerque menakluk kerajaan Melaka pada tahun 1511 turut disertai oleh lapan orang paderi Kristian daripada beberapa aliran Roman Khatolik.² Lebih meyakinkan lagi apabila Alfonso de Albuquerque sendiri mengambil inisiatif untuk mendirikan sebuah gereja di tanah jajahan barunya itu. Sejak dari itu Melaka terus dikunjungi oleh paderi-paderi besar agama Kristian termasuklah St. Francis Xavier, seorang paderi yang popular atas tujuan untuk meninjau perkembangan agama Kristian di rantau ini.

Oleh kerana terdapat perbezaan aliran yang dianuti oleh kuasa-kuasa kolonial yang pernah datang ke dunia sebelah sini, maka sejarah pertapakan agama Kristian di bawah aliran yang berbeza adalah mengikut aliran yang dianuti oleh kuasa kolonial berkenaan. Sehubungan dengan itu, bersabit dengan aliran Roman Khatolik yang dianut oleh kerajaan Portugis maka aliran itulah yang terlebih dahulu sampai ke Tanah Melayu dan diikuti dengan aliran Protestan apabila penjajah Belanda pula menakluk Melaka pada tahun 1641. Aliran Protestan bertambah mantap apabila penjajah Inggeris meneruskan kesinambungan era penjajah di negeri-negeri Melayu. Dan sejak itu jugalah agama Kristian mula disebarkan.

Roman Katolik

Seperti yang telah disebutkan di atas tadi, aliran Roman Khatolik merupakan aliran yang terawal sampai di Melaka melalui angkatan tentera Portugis di Melaka pada tahun 1511 apabila lapan orang paderi daripada aliran *Franciscans*, *Dominican* dan paderi bebas atau

disebut juga sebagai *secular priest* menyertai mereka. Paderi daripada aliran *Franciscans* yang paling ramai iaitu 6 orang.³ Perlu disebutkan di sini bahawa pada masa itu era Perang Salib antara dunia Islam dengan dunia Eropah masih belum berakhir. Maka tidak hairanlah angkatan perang Portugis itu turut disertai oleh paderi kerana mereka ingin memperluaskan pengaruh agama mereka juga. Tambahan pula dikatakan bahawa angkatan perang Alfonso de Albuquerque itu berkibar di bawah bendera *Military Crusading Order of Christ* (Angkatan Tentera Perang Salib).⁴ Jika kita lihat sepintas lalu tentang perkara ini bukan sesuatu yang ganjil kerana kerajaan yang ingin ditakluki oleh tentera Portugis ini ialah sebuah kerajaan Islam iaitu kerajaan Melaka. Maka bagi kita jelas bahawa matlamat angkatan tentera Portugis ini bukan setakat bermotifkan ekonomi sebaliknya motif agama juga sangat kuat.

Motif agama semakin jelas kelihatan apabila kerajaan Portugis yang mentadbir Melaka ketika itu memang menggalakkan pengembangan agama Kristian di kalangan masyarakat tempatan. Malahan Alfonso de Albuquerque sendiri telah membina sebuah gereja pada tahun itu juga sebelum beliau balik ke Goa, India. Lapan orang paderi yang mengiringi beliau tidak kembali semula sebaliknya ditugaskan menjaga gereja pertama itu di samping menguruskan hal-hwal askar Portugis yang tinggal di Melaka.⁵ Dengan galakan dan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan, penyebaran agama Kristian berjalan lancar sehingga ada di kalangan bukan Kristian yang menukar agama kepada agama itu. Mereka ini kebanyakannya terdiri daripada penganut agama Hindu dan golongan hamba.⁶ Bagaimanapun bilangannya tidaklah terlalu besar.

Aktiviti penyebaran agama Kristian di Melaka terus disemarakkan lagi dengan kunjungan beberapa orang paderi terkemuka dari Portugal. Contohnya Paderi Alfonso Martinez telah datang sejak tahun 1515 atas permintaan Gabenor Melaka kepada Raja Portugal ketika itu⁷ dan St. Francis Xavier pada tahun 1545. Kedatangan mereka telah diiringi dengan pembukaan beberapa buah hospital, gereja dan sekolah *missionary*. Ini bertepatan dengan strategi mereka untuk berkecimpung dalam arena kebajikan dengan tujuan memberi perhatian kepada golongan yang miskin dan kurang upaya. Paderi-paderi ini telah menghabiskan masa mereka bertahun-tahun di

Melaka atas urusan keagamaan mereka. Selain daripada itu juga kerajaan Portugis telah menjadikan Melaka adalah satu-satunya jajahan takluknya di Asia Tenggara pada masa itu. Di samping itu Melaka juga menjadi tempat persinggahan paderi-paderi dalam perjalanan mereka meneruskan usaha penyebaran ke tempat-tempat lain.

Semasa penguasaan Portugis selama lebih kurang 130 tahun di Melaka, sebanyak 19 buah gereja telah berjaya dibina dan terdapat seramai lebih daripada 20 000 orang penganut agama Kristian yang terdiri daripada orang Portugis, Eropah dan lain-lain kaum.⁸ Pembinaan sebanyak 19 buah gereja ini merupakan satu perkara yang agak memberangsangkan kerana Melaka ialah sebuah negeri yang kecil. Ini membuktikan komitmen yang tinggi yang ditunjukkan oleh kerajaan Portugis terhadap perkembangan agama Kristian di negeri itu sehingga membolehkan Melaka menjadi sebuah Diocese di bahagian Timur yang mentadbir masyarakat Kristian di Burma, Siam, Kepulauan Melayu seperti Solor, Timur, Ambonia, Moro dan Molukus.⁹ Jumlah sebenar penduduk tempatan tanpa mengira kaum yang menukar agama kepada agama Kristian ini tidak dapat diketahui dengan jelas meskipun dilaporkan ada yang berbuat demikian termasuk perempuan-perempuan Melayu yang berkahwin dengan orang Portugis ini.

Keteguhan dan kegiatan pengembangan agama Kristian di bawah aliran Roman Katolik ini tergugat malah ditekan apabila Melaka jatuh ke tangan Belanda pada tahun 1641. Ini adalah kerana tiga perkara, pertama kerana kerajaan Belanda berpegang kepada aliran Protestan, kedua kerana sikap kerajaan Belanda yang tidak menggalakkan penyebaran agama Kristian kerana ia lebih menekankan soal keuntungan ekonomi dan yang ketiganya kerana permusuhan antara kerajaan Belanda dengan kerajaan Portugis. Oleh yang demikian buat beberapa ketika gerakan penyebaran agama Roman Katolik di Melaka terbantut. Bagaimanapun, pergerakan yang terbantut itu bernafas kembali apabila kerajaan Belanda mula berlembut dalam soal ini bermula pada tahun 1703. Ini ekoran daripada terjalinnya hubungan baik antara kerajaan Belanda dengan kerajaan Portugis di Eropah. Bersesuaian dengan sikap kerajaan

Belanda ini maka boleh dikatakan bahawa walaupun agama Kristian aliran Protestan berjaya bertapak di Melaka tetapi ia tidak dapat berkembang pesat seperti aliran Katolik semasa zaman Portugis dahulu.

Apabila Inggeris dapat bertapak di Pulau Pinang pada tahun 1786, gerakan penyebaran agama Kristian Roman Katolik berjalan dengan lebih giat kerana kerajaan Inggeris berpegang pada aliran berkenaan. Ini memberi peluang yang seluas-luasnya kepada agama itu tersebar ke negeri-negeri lain. Dan peluang ini datang apabila kerajaan Inggeris meneruskan penguasaan mereka ke atas negeri-negeri Melayu yang lain melalui dasar campur tangan mereka sejak tahun 1874. Bagaimanapun perkembangan aliran Katolik tidak mendapat sekatan langsung daripada kerajaan Inggeris bahkan mereka membenarkan paderi-paderi dari Perancis menjalankan kegiatan agama mereka di Kedah dan Pulau Pinang termasuk membina pusat latihan paderi-paderi Asia untuk tujuan penyebaran.¹⁰

Di Malaysia Timur, usaha-usaha penyebaran agama Kristian aliran Katolik bermula sejak abad ke-12 Masihi lagi, namun kejayaan pertapakannya hanya berlaku pada abad ke-15 Masihi oleh sekumpulan paderi dari Itali. Bagaimanapun hanya pada tahun 1855 barulah terdapat beberapa orang penduduk tempatan yang berjaya dikristiankan di Pulau Labuan.¹¹ Bermula di Labuan, agama ini kemudiannya dikembangkan di daerah-daerah lain di Sabah seperti di Papar (1881), Sandakan (1833), Bundu Kuala Penyu (1884), Putatan dan Penampang (1885), Tambunan (1887), Kota Kinabalu (1903), Tawau (1920), Keningau (1938) dan Kudat (1900).¹² Sayangnya diingatkan bahawa usaha penyebaran ini bertambah lancar setelah Sabah dikuasai oleh *North Borneo Chartered Company*. Usaha-usaha penyebaran ini mendapat pulangan yang setimpal apabila ramai daripada penduduk tempatan berjaya dikristiankan terutama daripada kaum Kadazan. Kerana itulah sehingga ke hari ini didapati bahawa 27.21% penduduk Sabah adalah penganut agama Kristian.¹³

Daerah Kuching di Sarawak merupakan tapak pertama gerakan Roman Katolik apabila sekumpulan paderi daripada Mill Hill England yang memainkan peranan penting dalam usaha penyebaran

di Sabah. Mereka tiba di bandar itu pada Julai 1881. Dari tempat itu, ia dikembangkan ke tempat-tempat lain. Bagaimanapun, aliran ini bukanlah merupakan aliran yang terawal dapat bertapak di bumi itu kerana aliran Protestan daripada gereja *Anglican* telah terlebih dahulu sampai di daerah itu. Ini bukanlah sesuatu yang menghairankan kerana keluarga Brooke yang memerintah Sarawak adalah orang Inggeris yang berpegang kepada aliran berkenaan. Bagaimanapun usaha-usaha untuk memperkenalkan dan seterusnya menyebarkan agama Kristian aliran Katolik tidak mendapat halangan daripada pemerintah Sarawak itu. Hasilnya pada tahun 1887 sebuah gereja dapat dibina di Kanowit. Seterusnya agama ini disebarkan di daerah-daerah lain seperti Kapit (1882), Mukah (1899)¹⁴ dan lain-lain. Sambutan daripada penduduk tempatan memang menggalakkan kerana sebahagian besar daripada mereka masih tidak menganut apa-apa agama.

Protestan

Aliran Protestan dipercayai mula bertapak di Tanah Melayu umumnya dan Melaka khususnya bersama penjajah Belanda yang menakluk Melaka pada tahun 1641. Walau bagaimanapun, aktiviti penyebarannya tidak sehebat gerakan Roman Katolik kerana ia tidak mendapat sokongan daripada kerajaan Belanda yang hanya mementingkan keperluan ekonomi mereka sahaja dan barangkali juga mereka tidak dapat melihat kepentingan penyebaran agama di tanah jajahan barunya itu. Sebaliknya mereka mengambil sikap menekan pergerakan agama ini seperti yang terjadi pada gerakan agama Roman Katolik. Oleh kerana itu tiada catatan dibuat tentang pergerakan dan penyebaran agama ini di Melaka, termasuk jenis aliran yang mula-mula sekali dapat bertapak. Justeru itulah apabila disingkap tentang sejarah pertapakan agama Kristian aliran Protestan ini, biasanya ia dikatakan bermula ketika Francis Light membuka Pulau Pinang pada tahun 1786 dengan aliran *Anglican* mereka. Bagaimanapun, adalah dipercayai bahawa aliran Protestan ini dapat bertapak sedikit sebanyak di Melaka atas usaha mubaligh persendirian. Tambahan pula ada catatan yang mengatakan bahawa sebuah gereja *Presbyterian* telah dibina di Melaka pada tahun

1753 oleh kerajaan Belanda sendiri untuk penganut-penganutnya.¹⁵ Berdasarkan catatan ini, bermakna bahawa *Anglican* bukanlah aliran Protestan yang pertama dapat bertapak di Tanah Melayu tetapi *Presbyterian*. Barangkali menjadi dasar kerajaan Belanda pada masa itu yang hanya membenarkan aliran *Presbyterian* sahaja aktif bergerak dan menjalankan aktiviti penyebaran mereka dengan kadar yang perlahan dan terkawal.

Ketika dasar kerajaan Belanda terhadap aktiviti pengembangan agama Kristian tanpa mengira aliran ini mula lembut, nampaklah sedikit perubahan. Pada ketika itu Melaka mulai dikunjungi oleh ramai mubaligh Kristian. Antara mubaligh terpenting yang telah memainkan peranan yang besar dalam menyebarkan agama ini ialah Dr. William Milne suami isteri. Mereka datang dari London ke Melaka pada tahun 1814. Mereka suami isteri giat menjalankan aktiviti penyebaran agama dengan aliran *Presbyterian*. Walau bagaimanapun ketika itu Kristian Protestan dengan gereja *Anglican* telah dapat bertapak kukuh di Pulau Pinang hasil usaha pertubuhan *Foreign Missionary of Paris* yang diketuai oleh Paderi Garnault.¹⁶ Pada tahun 1787 beliau berjaya membina sebuah gereja kecil yang diberi nama gereja *Assumption*.¹⁷ Sementara itu gereja *Presbyterian* dapat juga bertapak di Pulau Pinang pada tahun 1851 apabila *London Missionary Society* (LMS) menghantar seorang mubalighnya iaitu Charles Moir. Sementara itu di Malaysia Timur, aliran *Anglican* dapat bertapak lebih awal iaitu mulai tahun 1848 di Kuching Sarawak, manakala di Sabah pula pada tahun 1882 di daerah Sandakan.

Sejak pengambilan Pulau Pinang, agama Kristian tanpa mengira aliran mempunyai peluang yang luas untuk disebar. Ini adalah kerana, walaupun kerajaan Inggeris berpegang kepada aliran Protestan tetapi sikapnya yang tidak menekan aliran yang berlainan memberi peluang kepada aliran-aliran lain untuk berkembang dengan baik di negeri-negeri yang dikuasai mereka. Ia menyaksikan kemunculan satu demi satu aliran Kristian Protestan di negeri-negeri Melayu bermula di Pulau Pinang. Selepas *Presbyterian* dan *Anglican*, Kristian *Brethren* pula mengambil tempat apabila John Chapman dari Bristol England datang ke Pulau Pinang pada tahun 1860 atas tujuan keagamaan.¹⁸ Keterbukaan kerajaan Inggeris terhadap usaha

menyebarkan agama Kristian ini mendorong mubaligh dari Jerman yang berpegang pada aliran *Evangelical Lutheran* pula datang ke Tanah Melayu bermula pada tahun 1877¹⁹ untuk memperkenalkan ajaran mereka kepada penduduk tempatan mahupun di kalangan kaum lain. Aliran *Methodist* mengikut jejak aliran yang lainnya pada tahun 1885 yang bermula di Singapura dengan kedatangan Charles Philips.²⁰ Bagaimanapun ada disebutkan bahawa William F. Oldham adalah orang yang bertanggungjawab membawa aliran *Methodist* ke Pulau Pinang pada tahun 1891.²¹

Tarikh tepat pertapakan aliran *Mar Thoma* di negeri-negeri Melayu tidak dapat ditentukan dengan tepat kerana ia dipercayai sampai ke sini melalui penghijrahan penganut agama berkenaan dan bukan diutuskan khas untuk menyebarkan agama mereka seperti aliran yang lain. Walau bagaimanapun ia dipercayai telah datang pada awal abad ke-20 apabila sejumlah orang Malayalese dari India²² berhijrah ke sini untuk mencari pekerjaan. Kemudian barulah mereka mengambil inisiatif menjalankan kegiatan penyebaran mereka di negeri-negeri tempat mereka bermastautin. Aliran berikutnya ialah *Baptist*. Ia dikatakan mula sampai pada tahun 1930 dan daerah pertapakan pertamanya ialah di Alor Setar, Kedah. Kedatangan aliran ini adalah berikutan penghijrahan orang Cina yang berpegang pada aliran ini dari daerah Canton dan Swatow ke negeri-negeri Melayu.²³ Walaupun penghijrahan orang Cina sudah lama berlaku tetapi agama ini datang bersama generasi penghijrah yang datang kemudian yang telah menganut agama ini di negara asal mereka. Bagaimanapun perkembangan penyebaran aliran ini di negeri-negeri Melayu berjalan atas usaha *Southern Baptist Convention* yang berpangkalan di Amerika Syarikat.

Aliran *Lutheran* sampai ke negeri-negeri Melayu juga melalui orang Cina yang berhijrah. Namun begitu ia agak berbeza dengan *Baptist* kerana yang berhijrah itu memang golongan mubaligh. Oleh yang demikian jelas kepada kita tentang misi penyebaran mereka setelah mereka bermastautin di sini. Aliran ini sampai lebih kurang pada dekad 1950.²⁴ Golongan mubaligh ini berhijrah setelah komunis menguasai negara berkenaan pada tahun 1949. Pada dekad 1960-an pula aliran *Evangelical* dapat bertapak di Malaysia setelah

terlebih dahulu bertapak di Singapura. Di Malaysia, ia bermula di negeri Melaka.²⁵ Setelah dapat bertapak dengan kukuh, aliran-aliran ini kemudiannya membentuk kerjasama antara sesama mereka bagi menjayakan misi penyebaran agama mereka. Ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat perbezaan dalam beberapa prinsip tetapi itu tidak menghalang mereka bekerjasama.

Jika kita analisis corak pertapakan agama Kristian ini, kita dapati bahawa hanya aliran-aliran dalam Roman Katolik sahaja yang sampai secara serentak di Melaka manakala aliran-aliran Protestan dan yang lain-lain sampai satu demi satu. Kebanyakan aliran ini datang melalui misi untuk menyebarkan ajaran agama yang diutus khas oleh badan mubaligh masing-masing kecuali satu dua aliran yang disebarkan secara tidak langsung oleh penganutnya yang berhijrah ke sini. Bermula dari satu negeri maka ia disebarkan ke tempat-tempat lain sehinggalah juga ke Sabah dan Sarawak. Para mubaligh yang datang menyebarkan agama itu pula bukan datang hanya dari satu negara sahaja iaitu negara yang menguasai negeri-negeri Melayu tetapi datang dari pelbagai negara seperti Perancis, Jerman Itali, dan China.

PEMBINAAN GEREJA

Seperti yang telah disebutkan sebelum ini bahawa kebanyakan daripada agama Kristian sampai melalui badan-badan *missionary*. Maka tentulah usaha mereka tidak hanya setakat memperkenalkan sahaja sebaliknya mereka cuba menarik masyarakat tempatan menganut agama yang dibawanya itu di samping memberi khidmat keagamaan kepada penganut-penganut yang sedia ada. Oleh kerana gereja adalah merupakan satu institusi keagamaan yang penting bagi penganut-penganut agama Kristian seperti mana masjid bagi orang Islam, kuil bagi orang Hindu dan tokong bagi orang Buddha, maka institusi itulah yang terlebih dahulu dibina apabila mereka sampai di tempat baru ini. Malahan tinjauan sejarah pertapakan dan perkembangan agama ini juga biasanya diukur melalui gereja-gereja yang dibina mengikut aliran dan bilangannya di sesuatu tempat.

Melaka dan Pulau Pinang ialah negeri-negeri Melayu yang pertama mempunyai gereja kerana negeri-negeri itulah yang pertama menjadi tapak kemunculan dan kegiatan oleh kebanyakan aliran berkenaan. Dengan sokongan daripada pihak pemerintah, gereja pertama di Melaka didirikan seawal tahun 1511, iaitu tarikh penaklukan negeri itu oleh Portugis. Gereja pertama di Pulau Pinang pula dibina pada tahun 1787 dan di Singapura pada tahun 1826. Di negeri-negeri Melayu yang lain gereja-gereja mula dibina apabila para pengembang agama berkenaan sampai dan memulakan aktiviti mereka. Itu pun apabila British memulakan campur tangan mereka di negeri-negeri berkenaan. Bermula daripada sini, bilangan gereja terus meningkat dari semasa ke semasa seiring dengan pertambahan bilangan penganut dan perkembangan agama ini yang menjangkau ke tempat-tempat lain. Apabila Portugis kalah kepada Belanda pada tahun 1641 terdapat 19 buah gereja Roman Katolik di Melaka. Namun begitu kesemuanya kecuali gereja St. Paul telah dimusnahkan atau diambil alih untuk kegunaan lain²⁶ oleh pihak Belanda yang terkenal dengan sikap memusuhi aliran yang berlainan dengan aliran pegangan mereka.

Oleh kerana perkembangan agama Kristian di Tanah Melayu mengikut perkembangan aliran-aliran yang berbeza maka pembinaan gerejanya juga adalah berdasarkan kepada perkembangan aliran berkenaan. Gereja pertama yang dibina di Pulau Pinang dan Singapura adalah daripada aliran Protestan *Anglican*. Di negeri-negeri Melayu tidak pula dapat dipastikan gereja daripada aliran apa yang pertama dibina. Namun, ada sumber yang menyebut bahawa pada tahun 1887 sebuah gereja separuh batu dan separuh kayu telah dibina di Taiping dan juga di Seremban, Negeri Sembilan pada 1893 oleh aliran *Anglican* ini.²⁷ Di negeri Johor pula, aliran Roman Katolik telah berjaya membina sebuah gereja pada tahun 1883.²⁸ Bagi aliran *Methodist* pula, pembinaan gereja bermula pada tahun 1889 dan terus bertambah menjadi 24 buah pada tahun 1909 dan bertambah lagi menjadi 84 buah pada tahun 1934. Angka ini adalah angka untuk seluruh Tanah Melayu dan Singapura.²⁹ Pertambahan bilangan gereja ini juga menggambarkan pertambahan bilangan penganutnya. Hingga 1934 bilangan penganut aliran

Methodist di Singapura dan Tanah Melayu mencapai ke angka 12 124 orang.

Sekadar memberikan beberapa contoh untuk memperlihatkan perkembangan gerakan penyebaran agama ini dan pertambahan bilangan gereja, bagi aliran *Baptist* yang sampai agak lewat ke negeri-negeri Melayu telah juga berjaya membina beberapa buah gereja di samping menambah bilangan pengikut mereka. Dikatakan bahawa aliran yang mula sampai pada tahun 1930-an ini, menjelang tahun 1955 bilangan gerejanya telah mencapai kepada 54 buah dengan 3513 orang penganutnya.³⁰ Bilangan ini terus meningkat dan meningkat. Atas kegigihan para mubaligh dan penganutnya, boleh dikatakan bahawa di setiap negeri, gereja telah berjaya dibina kecuali di negeri-negeri sebelah pantai Timur kerana bilangan penganutnya yang terlalu kecil. Perkara ini boleh difahami kerana majoriti penduduk di negeri-negeri berkenaan ialah orang Melayu yang beragama Islam sedangkan biasanya yang menganut agama Kristian ini terdiri daripada kaum lain.

Pada peringkat permulaan, semua gereja yang dibina dikendalikan oleh paderi-paderi yang didatangkan dari luar oleh badan-badan agama itu yang juga berpusat di luar negara. Misalnya bagi aliran *Anglican*, gereja-gereja dikendalikan oleh *Bishop of Culcutta* sejak tahun 1814.³¹ Namun begitu apabila bilangan penganut agama Kristian daripada kalangan orang tempatan (Cina atau India) telah meningkat maka pengendalian gereja-gereja berkenaan telah diserahkan kepada penduduk tempatan yang layak dan mencapai taraf paderi. Sebagai contohnya, aliran *Anglican* melantik seorang penganut Cina untuk mengendalikan gerejanya pada tahun 1958 apabila seorang penganut Cina dilantik sebagai penolong paderi di Kuala Lumpur.

Lantaran banyaknya gereja yang berjaya dibina maka masyarakat Kristian memikirkan perlu untuk menubuhkan sebuah pertubuhan yang dianggotai oleh gereja-gereja yang ada tanpa mengira aliran. Selain daripada bertujuan untuk menyelaraskan pentadbiran dan aktiviti mereka, dipercayai juga bahawa motif penubuhan ini bersangkutan dengan usaha untuk mengatasi masalah persaingan antara gereja-gereja berlainan aliran ini. Sejarah mencatatkan bahawa pada peringkat awal kedatangan mereka, aliran-aliran yang

berbeza ini sering bertelingkah dan bermusuh antara satu sama lain sehingga melibatkan pembakaran risalah-risalah agama yang diedarkan paderi aliran *Anglican* oleh pihak Roman Katolik.³² Permusuhan secara terbuka lebih ketara liberal dengan idea-idea pembaharuan.

Usaha penubuhan berjaya direalisasikan pada tahun 1948 apabila *Malayan Christian Council* (MCC) ditubuhkan di Singapura. MCC ini kemudian ditukar namanya kepada *Council of Churches of Malaya and Singapore*, sesuai dengan perkembangan politik semasa. kemudian sekali lagi namanya ditukar kepada *Council Churches of Malaysia* (CCM) pada tahun 1965 yang memfokuskan kegiatannya hanya kepada gereja-gereja di Malaysia sahaja. Walau bagaimanapun setakat tahun itu tujuan penyatuan gereja-gereja berkenaan tidak tercapai kerana gereja Roman Katolik dan *Evangelical* tidak menganggotai CCM.³³ Hanya pada tahun 1986 barulah hasrat penyatuan itu tercapai apabila terbentuknya *Christian Federation of Malaysia* (CFM). Pertubuhan ini melambangkan kekuatan jentera pentadbiran masyarakat Kristian di Malaysia, biarpun hanya terdiri daripada 2.14% daripada keseluruhan penduduk Malaysia setakat ini.

AKTIVITI PERSATUAN PENGEMBANG- PENGEMBANG AGAMA KRISTIAN

Pada peringkat awal, aktiviti badan-badan *missionary* ini terhad di kalangan para penganut mereka sahaja. Para paderi hanya memberikan kuliah agama secara formal di gereja setiap Ahad. Ini adalah untuk memastikan penganut-penganut agama ini tidak meninggalkan amalan-amalan agama mereka lebih-lebih lagi ketika mereka di rantau orang. Walau bagaimanapun, perkara yang ditakuti ini berlaku juga di kalangan penganut agama Kristian di Melaka ketika itu. St. Francis Xavier juga terkejut dengan keadaan itu apabila dia mendapati bahawa:

...preaching was neglected, and the teaching of Christian doctrine had lapse completely into oblivion. ...many of the New Christians who had come from Portugal leved again openly as Jews or Mohammedans. Most of the

*Malayan wives ... retained their ... superstitions or their worship of pagan divinities ... Very rarely did they come to church.... Their husband gave a bad example and stayed away from Mass and Sermons.*³⁴

Untuk menangani masalah inilah agaknya yang membuatkan pihak gereja di Melaka menjemput mubaligh-mubaligh yang terkenal dan berwibawa seperti St. Francis Xavier menetap di Melaka untuk jangka masa tertentu untuk berdakwah. Dalam keadaan ini jugalah barangkali yang menyebabkan mereka tidak menjalankan aktiviti dakwah di kalangan yang bukan Kristian. Walau bagaimanapun, atas dasar untuk mengembangkan lagi agama mereka, badan-badan ini tetap juga berazam untuk memperkenalkan agama mereka kepada penduduk tempatan dan seterusnya menarik mereka menjadi penganut agama berkenaan.

Apabila kedudukan mereka telah bertambah kukuh, mereka mula menjalankan aktiviti untuk menarik minat penduduk tempatan terhadap agama mereka. Pertubuhan yang begitu aktif menjalankan aktiviti penyebaran agama Kristian ini ialah *London Missionary Society*. Mereka telah melantik mubaligh-mubaligh tertentu untuk kaum tertentu, misalnya G.H. Thompson ditugaskan menarik orang Melayu. Sementara di kalangan kaum Cina dan India, mereka melantik mubaligh-mubaligh daripada kaum itu sendiri. Antara kaedah yang mereka gunakan ialah dengan cara melawat rumah-rumah penduduk tempatan untuk menyampaikan ajaran mereka secara terus sama ada melalui nyanyian, bacaan kitab atau dengan cara mengajar huruf-huruf rumi.³⁵ Walau bagaimanapun cara ini telah mendapat tentangan khususnya daripada masyarakat Islam yang tidak gemarkan perbuatan seperti itu. Oleh kerana itulah barangkali sebagai satu strategi baru, pengembang-pengembang agama Kristian ini tidak terus menemui penduduk tempatan untuk menyebarkan agama mereka, sebaliknya mereka menggunakan pendekatan yang bersifat mendekati orang awam tempatan melalui kerja-kerja kebajikan. Strategi ini bertepatan dengan matlamat mereka iaitu *necessity of seeking to save those who were lost in sin and misery at home*.³⁶

Tugas ini telah membawa mereka kepada kerja-kerja kebajikan seperti berkhidmat di hospital-hospital dan di rumah kebajikan seperti rumah anak-anak yatim, bahkan juga di penjara-penjara. Strategi ini digunakan sebagai satu cara bukan sahaja untuk menarik minat orang ramai kepada agama anutan mereka tetapi juga untuk menghilangkan keraguan orang awam tempatan jika mereka terus datang dan menyampaikan agama mereka. Ini adalah kerana kebanyakan orang tempatan ketika itu sudah mempunyai agama sendiri sama ada Islam, Buddha atau Hindu. Jadi, sementara mereka berkhidmat, mereka cuba menarik orang ramai kepada kebaikan dan kelebihan agama Kristian melalui contoh yang mereka sendiri tunjukkan. Sebagai contohnya St. Francis Xavier pernah tinggal di hospital Melaka untuk melawat pesakit, mendengar permasalahan mereka dan seterusnya memberi mereka semangat untuk terus hidup. Dengan perkataan lain para mubaligh ini akan turun padang untuk memastikan agama mereka berkembang di kalangan penduduk tempatan.

Untuk tujuan itu juga badan-badan *missionary* Kristian ini tanpa mengira aliran telah mengambil inisiatif untuk membina hospital, rumah anak-anak yatim dan rumah kanak-kanak cacat di tempat-tempat yang memerlukan. Contohnya Roman Katolik telah membina rumah kebajikan *St. Xavier's Orphanage* di Pulau Pinang pada tahun 1830-an dan *St. Francis Orphanage* di Melaka pada tahun 1914.³⁷ Membina rumah-rumah berkenaan tidak mendatangkan masalah kepada badan-badan berkenaan kerana mereka mempunyai sumber kewangan yang cukup. Dengan ini mereka boleh terus menyampaikan ajaran agama berkenaan di kalangan pesakit yang datang dan juga anak-anak yatim serta orang cacat yang mendiami tempat berkenaan. Strategi penyebaran ini memang berkesan kerana dikatakan bahawa terdapat ramai pesakit yang berjaya diyakini untuk menganut agama Kristian. Umpamanya sehingga tahun 1897 terdapat seramai 245 orang India berjaya di-kristiankan dan 215 orang daripadanya ialah pesakit yang terlantar sakit menunggu maut. Begitu juga dikatakan bahawa akibat sering mendatangi pesakit di sebuah hospital di Taiping, seorang paderi Ignacy Mutto telah berjaya mengkristiankan seramai 136 pesakit yang berada

dalam keadaan serius. Kedatangan ke penjara juga telah berjaya mengkristiankan dua orang banduan yang akan dihukum gantung.³⁸ Begitulah hebatnya kegiatan dakwah badan-badan agama Kristian ini dan boleh dikatakan bahawa strategi yang digunakan berjaya menambah bilangan penganut agama berkenaan.

Sistem pendidikan yang tidak begitu mantap di negeri-negeri Melayu ketika itu turut memberi peluang kepada badan-badan *missionary* ini untuk mendirikan sekolah-sekolah *missionary*. Bahkan didapati bahawa penubuhan sekolah mubaligh ini adalah antara yang pertama dilakukan oleh badan-badan agama tersebut. Dikatakan bahawa sekatan yang dihadapi oleh badan pengembang-pengembang agama Kristian daripada pihak kerajaan Inggeris inilah yang telah menyebabkan mereka menubuhkan sekolah-sekolah ini sebagai satu cara mendekati penduduk tempatan³⁹ selain daripada sekolah tradisional Melayu seperti sekolah pondok. Tujuan pembinaannya juga dikatakan untuk memberi pendidikan kepada anak-anak penganut agama mereka kerana ketika itu tiada sistem pendidikan yang baik di negeri-negeri Melayu mengikut pandangan mereka. Usaha mereka ini pula tidak mendapat bantahan daripada pihak kerajaan yang memerintah kerana segala pembiayaan adalah di-tanggung oleh badan *missionary* berkenaan. Dengan itu lahirlah sekolah-sekolah *missionary* yang boleh kita kenali melalui nama-nama seperti *Penang Free School*, *Raffles Institution*, *Methodist School*, *Convent School* dan *St. Joseph School*.

Bilangan sekolah seperti ini memang banyak dan wujud hingga ke hari ini dengan pengubahsuaian sedikit mengikut rentak pemerintahan. Melalui sekolah-sekolah ini juga dipercayai agama Kristian disampaikan secara tidak langsung melalui perhimpunan setiap pagi sebelum masuk kelas. Walau bagaimanapun dikatakan bahawa pihak sekolah tidak memaksa pelajar yang bukan Kristian daripada mengikuti kelas agama yang diadakan setiap hari. Berjaya atau tidaknya gerakan penyebaran agama Kristian melalui institusi pendidikan ini sukar diukur, kerana pelajar-pelajar beragama Kristian memang belajar di sini. Namun, tidak dinafikan ramai pelajar yang bukan Kristian turut belajar di sekolah-sekolah ini. Bagi pelajar-pelajar Melayu, memang mereka menjauhkan diri

daripada sekolah ini atas arahan ibu bapa mereka kerana takut mereka akan masuk Kristian selepas belajar di sekolah ini.

Selain daripada menceburkan diri dalam lapangan kebajikan dan pendidikan, strategi lain turut dijalankan seperti menterjemahkan *Bible* kepada pelbagai bahasa seperti bahasa Cina, Tamil dan bahasa Melayu untuk memudahkan kaum-kaum ini mendalami kitab berkenaan. Penterjemahan kitab berkenaan dalam bahasa Melayu dikatakan telah ditugaskan kepada Munsyi Abdullah seorang penulis terkenal pada zaman Raffles dahulu.⁴⁰ Risalah-risalah agama ini banyak dicetak dan disebarkan di kawasan sasaran misalnya di Pulau Pinang telah disebarkan sejumlah 43 900 buah buku dan risalah antara 1810 hingga 1836.⁴¹ Di samping itu, buku-buku dan majalah agama berkenaan juga diterbitkan dalam pelbagai bahasa untuk tujuan penyebaran. Misalnya pada tahun 1848 telah diterbitkan majalah berbahasa Melayu berjudul *Taman Pungatawan* di Singapura diikuti dengan *Cermin Mata* pada tahun 1858 juga di Singapura. Sejauh mana kesan penerbitan bahan-bahan seperti ini memang sukar untuk diukur, lebih-lebih lagi hayat bahan ini terlalu singkat, hanya setahun dua sahaja.

Jika kita melihat dari segi kegigihan para mubaligh Kristian ini untuk menambah bilangan pengikutnya, memang tidak dapat dinafikan dari segi kejayaan mereka. Bilangan ini bertambah bukan sahaja melalui pertukaran agama tetapi juga melalui perkahwinan campur antara orang Eropah dengan penduduk tempatan. Penduduk tempatan yang dimaksudkan di sini ialah orang Cina dan India. Dikatakan bahawa menjelang akhir abad ke-16 terdapat seramai 7400 penganut agama Kristian di Melaka berbanding sekitar 300 orang ketika pertengahan abad itu.⁴² Kebanyakan daripada mereka ialah orang India dan Cina. Di Pulau Pinang, pertambahan bilangan penganutnya lebih ketara. Daripada pembukaannya pada tahun 1786 hingga tahun 1827 penganut agama itu telah mencapai ke angka 1200 orang. Dilaporkan bahawa pada tahun 1890 bilangan penganut Kristian aliran Roman Katolik sahaja telah mencecah 18 000 orang di seluruh Tanah Melayu dan ia meningkat dengan cepat menjadi 24 000 pada tahun 1908.⁴³ Adalah dipercayai bahawa sebilangan besar penganut agama Kristian ini terdiri daripada orang

India dan Cina yang berhijrah, sama ada yang memang menganut agama itu sejak dari negara asal mahupun yang telah menukar agama.

Di Sabah dan Sarawak, aktiviti pengkristianan ini juga berlaku dengan aktifnya di kalangan penduduk tempatan. Tanpa apa-apa sekatan, badan-badan agama Kristian ini bebas untuk menjalankan aktiviti penyebaran mereka. Tambahan pula tiada agama rasmi di kedua-dua negeri ini. Di Sabah, penduduk daripada kaum Kadazan /Dusun didapati paling ramai menganut agama ini berbanding kaum lain. Sehingga agama ini menduduki tempat kedua dari segi peratusan jumlah penganutnya selepas Islam pada tahun 1970.⁴⁴ Manakala di Sarawak pula kejayaannya tidak begitu memberangsangkan seperti yang berlaku di Sabah. Walaupun jumlahnya ramai tetapi peratusannya hanya mencapai ke angka 19 peratus pada tahun 1970. Bagaimanapun ia meningkat 10 peratus pada tahun 1980.

AGAMA KRISTIAN DAN ORANG MELAYU

Telah disebutkan tadi bahawa kebanyakan yang bertukar agama itu ialah orang Cina dan India. Usaha untuk mengkristiankan penduduk tempatan terutamanya orang Melayu tidak begitu berjaya. Maksudnya di sini masih ada orang Melayu yang menukar agama kepada agama Kristian tetapi bilangannya amat kecil. Mengikut catatan yang pernah dibuat, sejak zaman Portugis di Melaka lagi telah ada orang Islam yang menukar agama. Mereka termasuklah Bendahara Melaka yang berkhidmat dengan kerajaan Portugis sejak tahun 1573. Dia kemudiannya dilantik sebagai ketua angkatan *Military Order of Christ*.⁴⁵ Begitulah hebatnya bendahara yang tidak disebutkan namanya itu. Barangkali pelantikan beliau adalah sebagai satu usaha untuk menarik minat orang Melayu kepada agama ini kerana mereka telah mulai sedar bahawa sambutan orang Melayu terhadap agama Kristian amat dingin kecuali bagi perempuan Melayu yang berkahwin dengan orang Portugis yang bilangannya juga tidak ramai. Kedinginan sambutan daripada penduduk Islam ini boleh dikaitkan dengan sikap kasar dan keras kerajaan Portugis dalam melayani mereka.

Kedinginan sambutan daripada orang Melayu ini berlarutan sehingga ke zaman penjajahan kerajaan Inggeris. Malahan usaha untuk menarik orang Melayu terbatas gerakannya apabila Perjanjian Pangkor dan seumpamanya ditandatangani antara Raja-raja Melayu dengan pihak Inggeris, kerana telah disyaratkan agar orang Inggeris tidak mencampuri urusan adat dan agama Islam masyarakat Melayu dan ia diletakkan di bawah jagaan raja-raja Melayu. Malahan kerajaan Inggeris pernah mengingatkan badan-badan mubaligh ini agar berhati-hati dalam aktiviti penyebaran di kalangan penduduk tempatan kerana tidak boleh sewenang-wenangnya berbuat demikian. Keterbatasan ini terbukti apabila seorang paderi bernama J. Moore dalam usaha untuk menarik orang Melayu kepada agama Kristian telah menyerapkan budaya hidup Melayu dalam dirinya termasuk cara berpakaian. Bagaimanapun pegawai Inggeris di tempat berkenaan telah memerintahkan beliau berhenti daripada berbuat demikian.⁴⁶ Penjualan *bible* juga dilarang kepada orang Melayu.

Bersangkutan dengan hal ini boleh dikatakan bahawa bukan hanya sekatan pemerintah sahaja yang menyebabkan keadaan ini tetapi sikap orang Melayu itu sendiri yang menjauhkan diri daripada agama berkenaan. Sikap ini terserlah apabila ibu bapa Melayu tidak mahu menghantar anak-anak mereka belajar bukan sahaja di sekolah-sekolah yang dikendalikan oleh badan *missionary* agama Kristian ini tetapi juga ke sekolah-sekolah Inggeris yang dikendalikan oleh kerajaan Inggeris dengan alasan mereka tidak mahu anak mereka terpengaruh dan seterusnya memeluk agama Kristian. Apatah lagi pemimpin-pemimpin agama ketika itu menentang habis-habisan kemasukan anak-anak Melayu ke sekolah-sekolah bukan Melayu lebih-lebih lagi sekolah mubaligh.⁴⁷

Bukan tidak ada usaha yang dijalankan oleh badan-badan *missionary* agama ini untuk menarik orang Melayu. Malah mereka telah menggunakan strategi tertentu yang khusus untuk orang Melayu. Sebagai contoh, seorang paderi daripada aliran Protestan *Anglican*, McDougall telah membuka sebuah sekolah khusus untuk pelajar-pelajar Melayu di Kuching. Ada juga paderi yang berusaha menterjemahkan buku-buku yang berkaitan dengan agama Kristian

ke dalam bahasa Melayu. Malahan mereka pernah menerbitkan majalah dalam bahasa Melayu berkenaan dengan agama itu seperti majalah *Bustan Ariffin* yang diterbitkan di Melaka pada tahun 1821. Paling menarik ialah usaha yang dilakukan oleh paderi Ferguson-Davie di Melaka. Beliau telah menjalankan aktiviti penyebaran ini melalui perkhidmatan perubatan. Dia telah membuka beberapa buah pusat kesihatan di kawasan-kawasan yang penduduknya ramai orang Melayu. Bukan itu sahaja malah para doktor telah membuat lawatan ke kawasan-kawasan kampung untuk memberikan perkhidmatan perubatan.⁴⁸ Perkhidmatan ini ingin diperluaskan ke seluruh negeri Melaka tetapi malangnya masalah kewangan membantutkan rancangan berkenaan. Bagaimanapun tiada catatan dibuat berhubung pengkristianan orang Melayu hasil daripada perkhidmatan-perkhidmatan berkenaan. Cuma dikatakan bahawa penyebaran melalui perkhidmatan perubatan itu telah gagal. Kegagalan ini membawa kepada perbincangan antara paderi-paderi daripada pelbagai aliran dalam Protestan tentang usaha-usaha untuk mengkristiankan orang Melayu. Perbincangan itu juga menemui jalan buntu. Ini membayangkan kepada kita bahawa tiada orang Melayu yang berjaya dikristiankan melalui misi berkenaan.

Keadaan ini menimbulkan persoalan tentang mengapa orang Melayu tidak dapat ditarik untuk menganut agama ini. Pelbagai andaian boleh dibuat untuk menerangkan keadaan ini.

Perang Salib antara tentera kerajaan Islam dengan tentera kerajaan Kristian yang telah lama berlaku di Eropah boleh dijadikan sebagai salah satu sebab mengapa orang Melayu yang rata-ratanya penganut agama Islam menjauhkan diri daripada agama Kristian. Berita tentang peperangan ini telah tersebar hingga ke dunia sebelah sini. Oleh yang demikian orang Islam di Tanah Melayu telah sedia menganggap bahawa orang Kristian adalah musuh Islam biarpun mereka tidak terlibat secara langsung dengan perang yang berlaku. Tambahan pula mereka melihat setiap kuasa barat yang datang yang juga beragama Kristian cuba pula untuk menguasai mereka. Sebab itulah mereka begitu berhati-hati terhadap apa-apa jua perkara yang dikaitkan dengan Kristian termasuk menolak bantuan berupakan kebajikan seperti perkhidmatan perubatan dan pendidikan.

Satu lagi perkara yang boleh memberikan jawapan kepada persoalan tentang kedinginan sambutan orang Melayu terhadap agama Kristian ialah permintaan daripada raja-raja Melayu kepada kerajaan Inggeris agar tidak campur tangan dalam hal-ehwal agama Islam dan adat istiadat Melayu. Dengan perkataan lain urusan yang berkaitan dengan agama Islam tidak boleh disentuh oleh kerajaan Inggeris. Sedikit sebanyak masyarakat Melayu terselamat daripada kempen dan propaganda para mubaligh Kristian melalui perjanjian berkenaan. Nampaknya para sultan sendiri sangat prihatin dalam soal ini walaupun ramai daripada mereka tertarik dengan gaya hidup pegawai-pegawai Inggeris yang beragama Kristian ini. Memang tiada seorang pun raja atau sultan Melayu yang memeluk agama Kristian dan ini menjadi salah satu sebab mengapa masyarakat Melayu juga tidak berbuat demikian. Ini ada kaitan dengan soal ketaatsetiaan orang Melayu terhadap sultan atau raja mereka. Jika kita perhatikan dalam sejarah terdahulu, ketika agama Hindu-Buddha disebarkan di Nusantara, ramai rajanya yang memeluk agama ini dan diikuti oleh rakyatnya. Begitu juga halnya apabila Islam datang. Pertukaran beramai-ramai orang Melayu daripada agama Hindu-Buddha kepada agama Islam adalah kerana mengikut jejak langkah raja atau sultan mereka yang memeluk agama itu selain daripada kejayaan para pendakwah Arab memenangi hati orang Melayu.

Peranan yang dimainkan oleh golongan agama yang begitu prihatin dengan aktiviti badan-badan pengembang agama Kristian ini tidak boleh diketepikan begitu sahaja dalam menjelaskan tentang kegagalan agama kristian menarik orang Melayu. Golongan agama yang terdiri daripada mereka yang mendapat pendidikan dari Tanah Arab cuba mengingatkan orang Melayu tentang aktiviti para mubaligh berkenaan melalui pelbagai cara, antaranya melalui tulisan-tulisan dalam akhbar atau majalah yang mula terbit sejak awal abad ke-20 dan melalui pengajaran agama di pondok-pondok yang didirikan untuk menyaingi sekolah-sekolah mubaligh. Masyarakat Melayu yang lazimnya menghormati pemimpin-pemimpin agama dan tuk-tuk guru ditegur agar tidak terjerumus ke lembah kehidupan moden yang menghampirkan mereka kepada agama Kristian itu. Adalah dipercayai teguran-teguran ini mem-

punyai saham yang besar yang membataskan masyarakat Melayu dengan agama Kristian.

Kekecewaan para mubaligh ini memang terserlah. Biarpun mereka mampu membina gereja yang banyak di negeri-negeri Melayu, berjaya menubuhkan persatuan di kalangan gereja-gereja pelbagai aliran, tetapi mereka gagal dengan orang Melayu. Sehingga mereka pernah berkata;

*'... If there is any obstacle to evangelisation of the Malays it must be in their religion of Islam It is well known that the present moment there are practically no Malays convert to Christianity in the Peninsula.'*⁴⁹

Islam adalah penghalang utama kepada usaha mereka. Ini bukanlah sesuatu yang memeranjatkan kerana bagi masyarakat Melayu yang telah lama dalam agama Islam, dan Islam dianuti secara turun-temurun, menukar agama kepada agama lain bererti meninggalkan kaum dan adatnya kerana bangsa Melayu begitu sinonim dengan Islam. Sehingga jelas dalam perlembagaan dicatatkan antara ciri-ciri mereka yang dikategorikan sebagai bangsa Melayu ialah yang beragama Islam (perkara 160 (2)).

Biarpun begitu, satu hakikat yang perlu diakui tentang sikap badan-badan agama Kristian ini, mereka tidak pernah berputus asa, malah terus men-cuba dan mencuba. Hasilnya, telah ada orang Melayu yang menukar agama mereka kepada agama ini. Buktinya melalui banci penduduk yang dibuat pada tahun 1980⁵⁰ menunjukkan terdapat seramai 4766 orang Melayu beragama Kristian. Tidaklah dapat dipastikan bilangan ini termasuk daripada kaum Asli ataupun tidak. Tetapi yang pastinya telah ada orang Melayu yang menukar agama. Biarpun jumlah ini kecil berbanding enam juta yang beragama Islam tetapi ia menunjukkan bahawa aktiviti badan agama Kristian itu membuahkan hasil juga walaupun jumlahnya terlalu kecil berbanding penganut agama Kristian daripada kaum Cina seramai 120 231 dan India seramai 82 061. Angka di atas tadi juga menunjukkan bahawa pertukaran agama di kalangan masyarakat Melayu telah lama berlaku, cuma tidak dapat

dipastikan dengan tepat dari segi tarikhnya. Barangkali angka itu terus meningkat hingga sekarang memandangkan pelbagai usaha yang telah dan sedang dijalankan.

Nota Hujung

1. John R. Fleming, "Singapore Malaysia and Brunei, the Church in a Melting pot", in *Christ and Crisis in Southeast Asia*. (1968) New York, Friendship Press, hlm. 84.
2. John Roxborough, "The Roman Catholic Church", in *Christianity in Malaysia*. (1992) Petaling Jaya, Pelanduk Publications. Hlm., 3.
3. Ghazali Basri, 1992. *Christian Mission and Islamic Da'wah in Malaysia*. (Kuala Lumpur, Nurin Enterprise). hlm. 11.
4. *Ibid.*, hlm. 2.
5. Ismail Abdul Rahman, 2000. *Gerakan Gereja Katolik di Malaysia*. (Bangi, Penerbit UKM). hlm. 15.
6. Ghazali Basri, *Christian Mission and Islamic Da'wah in Malaysia*. hlm. 3
7. Ismail Abdul Rahman, *op. cit.*
8. Ghazali Basri, *Christian Mission and Islamic Da'wah in Malaysia*.
9. Ismail Abdul Rahman, *op. cit.*, hlm. 18.
10. *Ibid.*, hlm. 22.
11. *Ibid.*, hlm. 26.
12. *Ibid.*, hlm. 27-35.
13. Ghazali Basri, 1999. *Gerakan Kristian*. (Bangi, Penerbit UKM). hlm. 11.
14. Ismail Abdul Rahman, *op. cit.*, hlm. 40.
15. John Roxborough, "The Presbyterian Church" in *Christianity in Malaysia, A Denominational History* (1992). Petaling Jaya, Pelanduk Publications. hlm. 79.
16. Nabir Hj. Abdullah, "Imperialisme Budaya: Peranan Mubaligh Kristian di Tanah Melayu dan Singapura Sebelum Merdeka", *Kolonialisme di Malaysia dan Negara-negara Lain*. 1990 (Petaling Jaya, Fajar Bakti). hlm. 112-113.
17. *Ibid.* hlm. 113.

18. Lee Kam Hing, "The Christian Brethren", in *Christianity in Malaysia*. (1992), Petaling Jaya, Pelanduk Publications. hlm. 107.
19. Julius Paul, "The evangelical Lutheran Church in Malaysia and Singapore," in *Christianity in Malaysia*. (1992), Petaling Jaya, Pelanduk Publications. Hlm. 200.
20. Hwa Yung & Robert Hunt, "The Methodist Church" in *Christianity in Malaysia*. (1992), Petaling Jaya, Pelanduk Publications. hlm. 148.
21. Ghazali Basri, *Christian Mission and Islamic Da'wah in Malaysia*, hlm. 15.
22. Vergis George, "The Mar Thoma Church", in *Christianity in Malaysia*. (1992). Petaling Jaya, Pelanduk Publications. Hlm. 221.
23. Hwang Wei-Tjang, "The Baptist Church in West Malaysia", in *Christianity in Malaysia*, Ibid., hlm. 243-244.
24. Gideon Chang, "The Lutheran Church of Malaysia and Singapore", in *Christianity in Malaysia*, *ibid.*, hlm. 251.
25. Loh Soon Choy, "Evangelical Free Churh" in *Christianity in Malaysia*, *Ibid.*, hlm. 260.
26. John Roxborough, *op. cit.*, hlm. 7.
27. Michael S Northcott, "Two Hundred Years of Anglican Mission", in *Christianity in Malaysia*, hlm. 41- 46.
28. John Roxborough, *op. cit.*, hlm. 15.
29. Hwa Yung & Robert Hunt, *op. cit.*, hlm. 143.
30. Hwang Wei-Tjang, *op. cit.*, hlm. 245.
31. Ghazali Basri, *Christian Mission and Islamic Da'wah in Malaysia*, hlm. 15.
32. Nabir Hj. Abdullah, *op. cit.* hlm. 120.
33. Ghazali Basri, *Gerakan Kristian* hlm. 17.
34. John Roxborough, *op. cit.*, hlm. 5.
35. Nabir Hj. Abdullah, *op. cit.* hlm. 122.
36. Ghazali Basri, *Christian Mission and Islamic Da'wah in Malaysia*, hlm. 14.

37. Nabir Hj. Abdullah, *op. cit.*, hlm. 124.
38. John Roxborough, *op. cit.*, hlm. 15.
39. Nabir Hj. Abdullah, *op. cit.*, hlm. 114.
40. Ghazali Basri, *Gerakan Kristian*, hlm. 12.
41. Nabir Hj. Abdullah, *op. cit.*, hlm. 123.
42. John Roxborough, *op. cit.*, hlm. 4-7.
43. Ismail Abdul Rahman, *op. cit.*, hlm. 23.
44. J. Rabindra Daniel, 1992. *Indian Christians in Peninsular Malaysia* (Tamil Annual Conference, Methodist Church, Malaysia). hlm. 62.
45. John Roxborough, *op. cit.*, hlm. 7.
46. Ghazali Basri, *Gerakan Kristian*, hlm. 14.
47. Nabir Hj. Abdullah, *op. cit.*, hlm. 138.
48. Michael S. Northcott, *op. cit.*, hlm. 49.
49. Dipetik oleh Ghazali Basri, *Gerakan Kristian*, hlm. 15.
50. J. Rabindra Daniel, *op. cit.*, hlm. 61.

Bab 7

Kedatangan dan Perkembangan Agama Hindu-Buddha

SEJARAH kedatangan dan perkembangan agama Hindu-Buddha di Malaysia merupakan satu perkara yang menarik untuk dilihat kembali. Ini adalah kerana peredaran zaman telah mengubah keadaan kedua-dua agama itu di negara ini. Pada zaman awal dahulu, kedua-dua agama ini menjadi agama yang dominan di kalangan masyarakat Melayu daripada lapisan atasan sehinggalah golongan bawahannya. Ini bermakna kedua-dua agama itu yang datang tidak jauh berbeza dari segi waktu ke negeri-negeri Melayu pernah menjadi agama yang dominan. Namun begitu kini situasinya telah berubah, agama Hindu pada hari ini tidak lagi menjadi agama yang dominan, malahan kedudukannya merosot ke tangga ke-4 dari segi peratusan penganutnya di Semenanjung Malaysia selepas agama Islam, Buddha dan Konfucius. Pada waktu ini kebanyakan daripada penganutnya ialah orang India, sedikit daripada kaum Cina, dan lain-lain kaum.

Agama Buddha yang pada asalnya tidak jauh berbeza daripada agama Hindu pula kini dianuti oleh majoriti orang Cina selain daripada orang Siam dan Sinhalese. Agama ini menjadi agama yang kedua dominan di Semenanjung memandangkan jumlah kaum Cina yang ramai. Kerana itulah juga bilangan penganut agama Konfucius/Taoist mengatasi bilangan penganut Hindu. Berbanding agama

Hindu yang tidak banyak berubah dari segi doktrinnya, agama Buddha sebaliknya mengalami perubahan yang agak ketara setelah mengalami pengubahsuaian akibat perpindahannya dari bumi India ke negara China. Sebenarnya, perubahan-perubahan yang berlaku ini boleh difahami menerusi peristiwa sejarah yang berlaku sejak zaman awal hingga ke zaman moden ini yang bakal dibincangkan dalam bab ini.

Wujudnya mazhab atau aliran pemikiran yang berbeza dalam satu agama tidak hanya terbatas dalam agama Islam dan Kristian sahaja tetapi ia juga wujud dalam agama Hindu dan Buddha. Bagaimanapun, pembahagian mazhab dalam kedua-dua agama itu agak terkawal berbanding dalam agama Kristian sebagaimana yang telah dibincangkan dalam bab yang lepas. Dalam agama Buddha, mazhab yang dominan adalah mazhab *Mahayana*, *Hinayana* yang dikenali juga sebagai *Theravada* dan *Tantrayana*. Manakala dalam agama Hindu, mazhab-mazhabnya tidak begitu jelas. Namun begitu yang paling berpengaruh di Nusantara ini ialah mazhab *Siva-Sidhanta*. Asas kepada pembahagian mazhab-mazhab ini juga tidak diketahui dengan jelas.

LATAR BELAKANG KEDATANGAN AGAMA HINDU-BUDDHA KE NEGERI-NEGERI MELAYU

Dari segi latar belakang sejarah kedatangan agama Hindu dan Buddha ke Tanah Melayu, ia boleh dibahagikan kepada dua zaman, iaitu zaman awal dan zaman moden. Zaman awal yang dimaksudkan di sini ialah pada awal kurun selepas Masihi sehingga abad ke-14 Masihi iaitu selepas kedatangan Islam. Zaman moden pula bermula dari abad ke-18 Masihi. Pembahagian ini dilakukan berdasarkan suasana kedatangan kedua-dua agama itu berbeza mengikut zaman dan perubahan-perubahan yang dialami oleh kedua-dua agama berkenaan. Boleh dikatakan bahawa tiada kesinambungan sejarah berkaitan dengan kedatangan kedua-dua agama itu sejak zaman awal membawa kepada zaman moden. Ini adalah kerana pada abad-abad ke-15 Masihi hingga 17 Masihi boleh dikatakan tiada perkembangan yang berlaku pada kedua-dua agama ini di negeri-negeri Melayu.

Memang diakui dalam sejarah, kedatangan agama Hindu/Buddha ke negeri-negeri Melayu mendahului agama-agama lain. Ini sesuai dengan sejarah kelahiran kedua-dua agama itu sendiri yang sudah lama bertapak di negara asalnya iaitu India. Untuk menentukan agama mana antara kedua-duanya yang lebih dahulu bertapak di Nusantara agak sukar walaupun dari segi sejarahnya agama Hindu wujud terlebih dahulu dan agama Buddha lahir dari agama Hindu itu sendiri. Namun begitu oleh kerana kedua-duanya berasal dari tempat yang sama maka seringkali sejarah tentang kedatangannya ke Nusantara dibincangkan secara serentak, tambahan pula tidak banyak perbezaan antara kedua-dua agama berkenaan pada peringkat permulaan kelahirannya.

Banyak teori yang telah dikemukakan oleh para sarjana tentang sejarah kedatangan kedua-dua agama itu ke Nusantara amnya dari segi tarikh kedatangannya, agama yang terlebih dahulu sampai dan mereka yang bertanggungjawab menyebarkannya. Didapati ada ramai sarjana yang menegaskan bahawa agama Buddhahlah¹ yang terlebih dahulu sampai ke Nusantara berbanding agama Hindu iaitu semasa India diperintah oleh Dinasti Maurya (330-180 S.M).² Maharaja Asoka yang terkenal itu dikatakan telah mengirimi mubaligh-mubaligh Buddha khusus untuk menyebarkan agama ini di dunia sebelah sini. Berkenaan dengan agama Hindu pula, ia dikatakan sampai agak lewat sedikit dan dibawa oleh golongan pedagang India yang dikenali sebagai golongan Vaisya dalam kasta India.³ Jadi, tidak hairanlah andainya sejarah kedatangan agama Hindu-Buddha ke Semenanjung seringkali dikaitkan dengan hubungan perdagangan yang sedia terjalin sejak lama antara Semenanjung Tanah Melayu dengan benua India. Hubungan perdagangan ini dipercayai telah terjalin sejak kurun ke-2 Masihi lagi. Oleh yang demikian adalah dipercayai bahawa bermula dengan hubungan inilah agama Hindu-Buddha disebarkan di kalangan penduduk negeri-negeri Melayu.

Namun begitu, tarikh tepat penerimaan agama Hindu-Buddha di kalangan penduduk Tanah Melayu sukar ditentukan. Walaupun agama Hindu-Buddha telah cuba disebarkan sejak lama tetapi penerimaannya di kalangan penduduk tempatan menimbulkan

tanda tanya. Bagaimanapun, adalah dipercayai bahawa atas kebijaksanaan mubaligh-mubaligh berkenaan menawan hati pemerintah-pemerintah kerajaan yang sedia ada, agama berkenaan mudah diterima oleh masyarakat Nusantara amnya dan Tanah Melayu khususnya yang terkenal dengan sifatnya mentaati raja-raja mereka. Hakikat penerimaan ini boleh dibuktikan dengan penemuan pada tinggalan-tinggalan sejarah atau artifak yang mempunyai pengaruh Hindu-Buddha yang besar pada zaman-zaman awal seperti prasasti, istana, patung-patung dan kuil-kuil. Sebagai contohnya, telah ditemui serpihan prasasti India dan patung-patung Hindu-Buddha di Kedah dan Seberang Perai yang tercatat kurun ke-4 Masihi.⁴ Ini bermakna sebelum kurun itu lagi masyarakat di Kedah dan Seberang Perai telah menganut agama berkenaan.

Masyarakat Nusantara amnya dan Tanah Melayu khasnya yang tidak menganut apa-apa agama melainkan mengamalkan kepercayaan peribumi seperti animisme dan dinamisme, menyambut baik kedatangan agama Hindu-Buddha ini. Mentelah pula terdapat banyak unsur kepercayaan nenek moyang mereka yang tidak berbeza dengan agama yang baru datang ini. Sambutan bertambah hebat apabila pemerintah kerajaan-kerajaan besar ketika itu turut menganut agama baru ini. Pengaruh yang besar ini boleh digambarkan dengan terdirinya beberapa buah kerajaan-kerajaan Hindu-Buddha yang besar sejak abad pertama Masihi lagi sama ada di Tanah Besar Asia Tenggara mahupun di kepulauannya. Antara yang boleh disebut di sini ialah seperti kerajaan Funan (1 Masihi-6 Masihi), kerajaan Angkor (10 Masihi-15 Masihi) di Tanah Besar, kerajaan Srivijaya (7 Masihi-13 Masihi), kerajaan Mataram (7 Masihi-10 Masihi), kerajaan Majapahit (1293-1528) di kepulauan Indonesia, kerajaan Gangga Negara (5 Masihi-10 Masihi) dan kerajaan Langkasuka (2 Masihi-14 Masihi) di Semenanjung Tanah Melayu (sekadar menyebut beberapa nama kerajaan).

Kerajaan-kerajaan besar inilah yang telah membina prasasti, patung-patung dan kuil-kuil sebagai tempat peribadatan. Bahkan istana-istana mereka juga mempunyai pengaruh seni bina kedua-dua agama itu. Sebagai contohnya, raja-raja kerajaan Mataram banyak membina candi-candi seperti Candi Borobudur yang terkenal

kerana kehebatan seni binanya itu, Candi Kalasan, Candi Mendut dan sebagainya. Pemerintah-pemerintah mereka juga terkenal sebagai orang yang kuat berpegang kepada ajaran agama, malahan kerajaan Srivijaya telah menjadi pusat penyebaran agama Buddha yang penting di Nusantara pada ketika itu.

Berdasarkan catatan-catatan sejarah didapati bahawa pengaruh agama Buddha lebih dominan di Asia Tenggara berbanding agama Hindu. Keadaan ini boleh dibuktikan lagi dengan kajian yang menunjukkan bahawa agama Buddha daripada pelbagai mazhab telah dianut secara meluas oleh penduduk Asia Tenggara ketika itu. Sebagai contohnya, didapati bahawa agama Buddha *Mahayana* bertapak kukuh dalam kerajaan Srivijaya. Begitu juga dalam kerajaan Langkasuka. Selain daripada itu agama Buddha *Hinayana* atau mazhab *Theravada* cukup berpengaruh di Tanah Besar sementara mazhab *Tantrayana* pula bertapak kukuh di Pulau Jawa. Sementara itu bagi agama Hindu pula, mazhab yang mula-mula sampai di Nusantara ialah mazhab *Siva-Sidhanta*. Selain daripada itu tidak dijumpai apa-apa catatan berkenaan mazhab-mazhab lain daripada agama Hindu yang bertapak di Nusantara amnya dan negeri-negeri Melayu khasnya. Di tanah besar Asia Tenggara pula agama Hindu dan Buddha saling bersaing untuk mendapatkan pengaruh. Ternyata agama Hindu tidak mendapat sambutan sebagaimana agama Buddha.

Walaupun agama Hindu berjaya menghapuskan pengaruh agama Buddha di bumi kelahirannya, tetapi prestasi agama itu di luar tidak begitu memberangsangkan berbanding agama Buddha yang dapat bertapak kukuh di negara China. Hakikat ini nampaknya terpaksa diterima kerana kita dapati juga bahawa pegangan penduduk Nusantara kepada agama Hindu sebagai agama anutan boleh dikatakan lenyap apabila Islam datang tetapi hal ini tidak terjadi kepada agama Buddha khususnya di kawasan tanah besar seperti di Thailand, Burma dan Kemboja.⁵ Bukan agama Islam tidak pernah cuba disebarkan di negeri-negeri ini tetapi kekuatan pengaruh agama Buddha menghalang Islam daripada diterima ramai ataupun barangkali juga kerana tiada raja daripada kerajaan-kerajaan besar di tanah besar yang berminat untuk menganut agama Islam.

Dari segi cara penyebaran kedua-dua agama ini dilakukan, ia berlaku secara langsung dan tidak langsung. Secara tidak langsung yang dimaksudkan ialah melalui pedagang-pedagang India yang datang berdagang dan sambil itu memperkenalkan agama berkenaan kepada penduduk Nusantara. Sementara itu penyebaran secara langsung pula ialah apabila golongan mubaligh kedua-dua agama itu sendiri yang mengambil inisiatif datang ke dunia sebelah sini untuk menyebarkan agama mereka. Kebanyakan yang datang untuk menyebarkan agama ini ialah daripada golongan *Brahmin* (kasta tertinggi) yang berusaha mendekati golongan istana untuk menarik mereka menganut agama-agama baru ini. Ada juga golongan istana yang telah tertarik hati dengan agama baru ini telah menghantar utusan ke negara asal agama ini untuk meminta dihantarkan lebih ramai golongan *Brahmin* supaya dapat menerangkan dengan lebih menyeluruh berkenaan agama yang dibawa. Peristiwa ini pernah berlaku dalam kes penyebaran agama Hindu *Siva-Sidhanta* di Pulau Jawa.⁶ Boleh dikatakan bahawa kebanyakan golongan istana memilih untuk menganut agama baru ini tambahan pula kedua-dua agama Hindu dan Buddha ini telah mengangkat golongan istana (pemerintah) ke darjat yang lebih tinggi dengan unsur-unsur seperti kesaktian dan penjelmaan dewa-dewa dalam tubuh masing-masing terutamanya raja. Bagi rakyat biasa pula, mereka yang terkenal dengan konsep ketaatsetiaan yang tinggi akan akur dengan keputusan golongan istana dan selalunya mereka akan turut menganut agama yang menjadi pilihan pemerintah mereka. Inilah yang menyebabkan kedua-dua agama Hindu dan Buddha mendapat sambutan baik di Asia Tenggara.

Walau bagaimanapun, apabila agama Islam datang ke Nusantara pada abad-abad ke-12 dan 13 Masihi, agama itu mula mendapat sambutan daripada segenap lapisan masyarakat setempat. Biarpun agama Islam ini tidak dianuti secara serentak beramai-ramai tetapi kemudiannya ia berjaya membuatkan seluruh masyarakat Nusantara meninggalkan agama Hindu-Buddha. Kerana itulah sejarah keagamaan penduduk Nusantara juga berubah dan perubahan ini merupakan satu perubahan yang besar. Perubahan ini boleh disabitkan dengan keputusan golongan istana yang tertarik dengan

ajaran Islam hingga berjaya mendirikan beberapa buah kerajaan Islam seperti kerajaan Kesultanan Melaka, kerajaan Demak dan kerajaan Aceh. Sebagai rakyat biasa, masyarakat bawahan mengikut sahaja keputusan golongan pemerintah. Sayugia disebutkan di sini bahawa walaupun majoriti masyarakat Nusantara meninggalkan agama Hindu-Buddha tetapi terdapat banyak unsur dan pengaruh dalam kedua-dua agama berkenaan yang dikekalkan dan seterusnya diamalkan dalam kehidupan sehari-hari.

Demikianlah berakhirnya sejarah penganutan agama Hindu-Buddha pada zaman awal di kalangan masyarakat Nusantara. Buat beberapa lama agama Hindu dan khususnya Buddha boleh dikatakan lenyap dari bumi Melayu kecuali di kalangan masyarakat India yang masih menetap di negeri-negeri Melayu. Bagaimanapun apabila dunia memasuki zaman moden khususnya di negeri-negeri Melayu, kedua-dua agama itu muncul kembali tetapi muncul dalam wajah dan situasi yang berbeza. Berbeza di sini dalam beberapa perkara. Pertamanya berkaitan dengan negara asalnya. Kedua, berkaitan dengan cara agama itu sampai dan ketiganya berkaitan dengan penganutnya. Perbezaan yang terakhir sekali berkaitan dengan mazhab-mazhabnya. Berkaitan dengan negara asal, kalau sebelum ini kedua-dua agama berkenaan datang dari India tetapi kini hanya agama Hindu sahaja yang berasal dari negara tersebut. Agama Buddha datang terus dari negara China. Seperti yang pernah disebutkan sebelum ini agama Buddha yang berasal dari negara India telah berjaya dilenyapkan dari bumi itu oleh penganut-penganut agama Hindu yang tidak suka dengan perkembangan pesat yang dialami oleh agama berkenaan. Bagaimanapun agama Buddha berjaya mendapat tempat di negara China sehingga majoriti penduduk negara itu menganut agama berkenaan.

Pada zaman moden ini kedua-dua agama itu kembali wujud di Tanah Melayu secara tidak langsung apabila penganutnya dari India dan China datang berhijrah beramai-ramai ke negeri-negeri Melayu untuk bekerja. Agama Hindu tetap dibawa oleh orang India/Tamil tetapi bagi agama Buddha pula, ia dibawa oleh orang Cina. Perbezaan ketara jika dibandingkan dengan situasi pada zaman awal, agama yang dibawa itu telah cuba disebarkan di kalangan penduduk

tempatan manakala pada zaman moden pula, kedua-dua agama ini pula tidak cuba disebar di kalangan penduduk tempatan khususnya orang Melayu. Agama-agama itu wujud dan berkembang di Tanah Melayu kerana hadirnya penganut-penganut mereka yang asal dan bukan kerana berlaku pertukaran agama di kalangan penduduk tempatan.

Masa yang beredar memberi perubahan kepada kedua-dua agama itu apatah lagi bagi agama Buddha. Sejak agama ini diterima oleh penduduk China, mereka telah mengubahsuaikan doktrinnya dengan kepercayaan nenek moyang mahupun dengan agama yang telah mereka anuti sebelum ini. Oleh yang demikian mazhab-mazhab agama Buddha yang bertapak di negeri-negeri Melayu pada zaman moden ini juga berbeza jika dibandingkan dengan zaman silam. Oleh yang demikian boleh dikatakan bahawa dalam banyak perkara sejarah kedatangan agama Buddha ketara berbeza jika dibandingkan dengan agama Hindu pada zaman moden ini.

Dari segi tempoh masa kedatangan kedua-dua agama ini, ia datang serentak dengan penghijrahan beramai-ramai kaum imigran ke negeri-negeri Melayu khususnya Negeri-Negeri Selat. Terutamanya Pulau Pinang, kerana Pulau Pinang merupakan negeri pertama yang membuka banyak peluang pekerjaan setelah Inggeris bertapak di pulau itu. Jadi secara tidak langsung Pulau Pinang ialah negeri pertama pertapakkan semula agama Hindu dan Buddha. Apabila peluang pekerjaan bertambah banyak dengan penemuan dan pembukaan lombong-lombong bijih timah di Perak khususnya maka agama Buddha yang menjadi anutan sebahagian besar orang Cina dapat bertapak dengan kukuh di negeri itu. Ini berlaku sejak pertengahan abad ke-19. Dalam masa yang sama agama Konfucius/Taoist juga dapat bertapak bersama kedatangan imigran Cina ini. Manakala bagi agama Hindu pula pertapakkan secara besar-besaran berlaku selepas itu iaitu pada kira-kira akhir abad ke-19 apabila orang India diambil bekerja di ladang-ladang getah yang banyak dibuka dan apabila pembinaan infrastruktur bermula.

Setakat ini, agama Hindu dan Buddha hanya dianut oleh golongan yang berhijrah ini dan tiada apa-apa maklumat yang didapati berkaitan dengan penyebaran agama-agama ini di kalangan

penduduk tempatan. Keadaan ini dapat difahami dengan kedudukan golongan berkenaan yang datang untuk bekerja mencari nafkah dan ingin lari daripada kesengsaraan hidup di negara asal masing-masing. Oleh yang demikian mereka tiada masa untuk menjalankan aktiviti lain termasuk menyebarkan agama anutan mereka. Tambahan pula kebanyakan daripada mereka dikerah tenaga untuk bekerja di sektor-sektor berkenaan sepanjang waktu. Memang tiada ditemui catatan tentang kedatangan para mubaligh daripada kedua-dua agama ini atas tujuan untuk menyebarkan agama berkenaan. Bagaimanapun fenomena ini tidak lama kerana apabila kedudukan golongan imigran ini sudah kukuh, mereka juga menjalankan usaha membina institusi keagamaan seperti kuil dan tokong untuk mereka menjalankan aktiviti-aktiviti keagamaan dan secara tidak langsung cuba menyebarkan ajaran agama mereka kepada orang lain.

PERKEMBANGAN GERAKAN AGAMA HINDU DI NEGERI-NEGERI MELAYU

Pada awal pendudukan mereka, buruh-buruh India yang tinggal di ladang-ladang getah cuba mewujudkan suasana seperti di kampung halaman mereka dengan membina kuil-kuil biarpun kecil dan sederhana sahaja binaannya. Ini bersesuaian dengan pesanan nenek moyang mereka yang mengingatkan supaya tidak tinggal di kawasan yang tidak ada kuil.⁷ Kebanyakan buruh-buruh India ini terdiri daripada kasta yang rendah, kuat beragama dan datang dari India Selatan. Oleh yang demikian, kuil-kuil yang dibina adalah untuk memperingati Dewa Amman iaitu Dewi India Selatan yang terkenal selain daripada Dewa Muniandy dan Aiyandar.⁸ Kuil seperti ini yang pertama kali dibina ialah di Pulau Pinang pada tahun 1801 di Queen Street yang dikenali sebagai Kuil Mahamariamman. Askar-askar upahan yang berasal dari Bengal juga tidak ketinggalan membina sebuah kuil yang menyerupai kuil Kali Culcutta yang terkenal di India bertempat di Jalan Dato' Keramat pada tahun yang sama.⁹ Di sini bermulalah aktiviti pembinaan kuil-kuil yang besar dan penting di kalangan penganut Hindu di negeri-negeri Melayu.

Selain daripada itu terdapat juga segelintir orang India daripada kelas pertengahan yang bekerja dalam sektor lain di kawasan bandar. Mereka ini didapati tidak begitu memberatkan soal agama. Hakikat ini diperoleh berdasarkan kepada sikap mereka yang agak lambat untuk berusaha membina kuil-kuil di kawasan tempat tinggal mereka. Barangkali kerana bilangan mereka yang kecil. Bagaimanapun apabila lebih ramai golongan menengah berhijrah ke negara ini maka atas sikap mereka yang ingin memelihara kebudayaan dan agama mereka, institusi-institusi agama dapat didirikan dengan lebih baik dan teratur. Ini menjadikan lebih banyak kuil dibina. Bertepatan pula dengan peredaran masa yang menyaksikan banyak petempatan baru dibuka berikutan pertambahan penduduk yang ketara akibat penghijrahan yang berterusan, maka semakin banyaklah bilangan kuil di negeri-negeri Melayu ini.

Boleh dikatakan di setiap petempatan mereka sama ada di ladang-ladang getah atau di kawasan bandar yang ramai penduduknya, tempat beribadat akan dibina. Jenis kuil yang dibina bergantung kepada dewa atau dewi pilihan mereka dan mengikut kemampuan kewangan mereka. Antara jenis kuil yang terkenal yang selalu dibina ialah kuil Mariamman, Sivan, Perumal dan Kaliamman. Di kawasan ladang, biasanya kuil yang dibina ialah kuil Muniandy manakala di kawasan bandar pula kuilnya ialah kuil Mahamariamman.¹⁰ Kuil-kuil ini dibina sama ada atas daya usaha orang ramai ataupun sekelompok orang daripada kasta tertentu biasanya daripada kasta *Chettyar* yang diketahui mempunyai sumber kewangan yang baik dan orang Tamil Ceylon. Kos pembinaan kuil yang dibina oleh orang ramai biasanya ditanggung oleh mereka yang mempunyai pendapatan yang baik seperti golongan profesional dan mereka yang terlibat dengan perniagaan. Manakala yang dibina oleh golongan kasta tertentu ditanggung oleh mereka sendiri.

Kuil-kuil yang dibina perlu diuruskan oleh pengurus kuil yang dikenali sebagai *panchayats*.¹¹ Oleh itu dari segi pengurusan kuil-kuil ini, ia bergantung kepada siapa yang membinanya dan kawasan binaannya. Kuil-kuil yang dibina oleh orang ramai di kawasan bandar diuruskan oleh sekumpulan *panchayats* yang dilantik, biasanya di kalangan orang yang rajin beribadat. Bagi kuil yang

dibina oleh kasta tertentu pula, ia diuruskan oleh kasta itu sendiri dan kaum keluarga mereka. Manakala di kawasan ladang, kuil dijaga oleh para kangany dan sekumpulan pekerja pejabat yang beragama Hindu. Pekerja buruh tidak dibenarkan sama sekali menjadi *panchayats*. Ini bersesuaian dengan kedudukan mereka sebagai buruh sepenuh masa, jika mereka diberi peluang menjadi *panchayats* maka sudah tentu tenaga mereka tidak dapat dikerah untuk bekerja. Tambahan pula tugas para *panchayats* ini sangat banyak, meliputi soal kebersihan kuil, penyediaan untuk upacara pengibadatan, perayaan-perayaan tertentu dan soal-soal yang berkaitan dengan kewangan kuil. Sebab itulah *panchayats* yang hendak dipilih mestilah terdiri daripada orang yang boleh meluangkan masanya untuk aktiviti kuil dan boleh dipercayai bagi memastikan penjagaan dan perjalanan kuil lancar.

Kuil-kuil yang dibina terdiri daripada dua jenis yang berkaitan dengan tarafnya dalam agama Hindu. Kuil yang bertaraf tinggi dikenali sebagai kuil agamic.¹² Kuil jenis ini biasanya dibina di kawasan bandar oleh kasta tertentu. Kebanyakan daripada kuil-kuil agamic ini dibina untuk memperingati Dewa Murugan atau Dewa Subramanya iaitu dewa bagi kasta *Chettiar* dan Dewa Mariamman. Satu lagi jenis kuil ialah kuil bukan agamic. Kuil jenis ini banyak dibina di kawasan-kawasan kampung. Kuilnya sederhana sahaja binaannya dan biasanya dibina berhampiran dengan kawasan-kawasan tertentu seperti anak bukit, bawah pokok besar atau kawasan berbatu besar iaitu kawasan-kawasan yang dipercayai mempunyai semangat kedewaan. Tidak hairanlah kalau kita dapati bahawa banyak kuil dibina di kawasan-kawasan seperti itu di negara ini di samping kuil-kuil besar dan cantik di kawasan-kawasan bandar. Didapati bahawa kuil-kuil yang dibina dan diuruskan oleh kasta *Chettiar* dan Tamil Ceylon cenderung untuk mengangkat taraf kuil mereka ke tahap yang lebih tinggi iaitu ke taraf kuil agamic. Tidaklah pula diketahui apakah cara yang mereka gunakan untuk mengangkat taraf kuil mereka itu ke tahap yang lebih tinggi.

Oleh kerana Negeri-Negeri Selat menjadi tumpuan utama penghijrah daripada India maka banyaklah kuil-kuil yang terdapat di serata tempat negeri itu. Oleh kerana Negeri-Negeri Selat ialah

negeri taklukan Inggeris maka mereka rasakan perlu digubal satu undang-undang untuk mengawal pergerakan dan aktiviti kuil-kuil berkenaan. Oleh kerana dalam masa yang sama masjid-masjid juga banyak dibina oleh masyarakat Islam yang dirasakan oleh kerajaan Inggeris perlu juga pengawasan maka telah diwujudkan satu lembaga atau badan untuk mengawasi pergerakan dan aktiviti kedua-dua institusi agama itu. Badan yang dikenali sebagai *Muhammadden and Hindu Endowment Board* berfungsi antaranya untuk melantik *panchayats* bagi kuil-kuil tertentu dan memberi bantuan kewangan kepada institusi berkenaan untuk menjalankan aktiviti masing-masing terutama yang melibatkan perayaan-perayaan tertentu.¹³ Di sini kita dapati bahawa pengurusan kuil telah mendapat perhatian daripada pihak kerajaan.

Di negeri-negeri Melayu yang lain, pengurusan kuil masih diurus secara persendirian. Kerajaan Inggeris barangkali kerana tertakluk kepada tarafnya sebagai penaung sahaja di negeri-negeri Melayu tidak memberi perhatian terhadap pengurusan kuil yang banyak dibina itu. Oleh kerana tiap-tiap kuil diurus oleh pengurus masing-masing maka terdapat ketidakselarasan pengurusan antara kuil-kuil yang ada. Keadaan ini sebenarnya boleh menimbulkan ketidakcekapan dan lebih buruk lagi menimbulkan persengketaan antara penganut agama berkenaan. Kejadian ini pernah terjadi pada Kuil Mariamman di Kuala Lumpur yang menyaksikan perebutan yang berlaku antara waris kuil tersebut dengan sekumpulan sami yang dikenali sebagai *urar*. Mereka berebut dari segi hak untuk menguruskan kuil berkenaan yang sebelum ini diabaikan oleh waris kuil berkenaan. Biarpun ada pihak cuba meminta kerajaan Inggeris campur tangan dalam persengketaan yang berlaku dalam tahun 1930-an itu, tetapi kerajaan Inggeris tidak berminat. Tidakkah diketahui apakah penyelesaian yang telah dicapai dalam perebutan itu.

Sehingga 1950-an barulah pengurusan kuil-kuil di negeri-negeri Melayu dapat diselaraskan. Itu pun bukan dengan daya usaha kerajaan Inggeris sebaliknya dengan usaha beberapa buah persatuan keagamaan yang mengambil berat tentang pengurusan kuil-kuil yang ada itu. Akhirnya setelah diadakan satu persidangan dengan

persatuan-persatuan agama Hindu seluruh Tanah Melayu, pada tahun 1954 sebuah badan yang diberi nama *Hindu Council of Malaya* telah berjaya ditubuhkan.¹⁴ Badan ini bertanggungjawab ke atas semua aktiviti yang berkaitan dengan agama Hindu termasuk pengurusan kuil yang ada dalam Persekutuan Tanah Melayu. Sehingga dekad 1960-an terdapat hampir 200 buah kuil Hindu di seluruh negara. Angka ini boleh memberi gambaran kepada kita tentang perkembangan pesat yang dialami oleh agama ini.

Walau bagaimanapun, dari segi bilangan penganutnya, angka yang tepat sukar ditentukan kerana bukan semua orang India menganut agama Hindu. Aktiviti penyebaran agama ini di kalangan masyarakat lain juga tidak dapat dikesan. Barangkali tiada aktiviti seumpama itu dibuat kerana mengikut kepercayaan mereka, seseorang manusia itu menjadi penganut agama Hindu secara semula jadi, maksudnya mereka memang dilahirkan sebagai seorang penganut agama Hindu.¹⁵ Orang lain tidak boleh menjadi penganut agama Hindu. Dalam kata lain agama Hindu itu hanya untuk orang India sahaja tidak seperti agama Buddha yang lebih bersifat terbuka bagi membolehkan orang lain menganut agama berkenaan. Sejauh mana kepercayaan ini diamalkan di negeri-negeri Melayu tidaklah dapat diukur. Bagaimanapun situasi itu telah berubah apabila didapati agama Hindu juga dianuti oleh sebilangan kecil orang Cina dan Melayu. Banci tahun 1980 menunjukkan bahawa terdapat seramai 4154 orang Cina menganut agama ini diikuti seramai 552 orang Melayu dan 828 kaum lain.¹⁶ Angka-angka ini menunjukkan kepada kita bahawa ada usaha untuk menarik orang lain kepada agama ini.

AKTIVITI KEAGAMAAN

Seperti agama-agama lain yang mempunyai pusat ibadat mereka yang juga menjadi pusat segala aktiviti keagamaan, kuil-kuil Hindu juga tidak ketinggalan memainkan peranan penting dalam soal itu. Kuil-kuil menjadi tempat penganut-penganutnya belajar perkara-perkara yang berkaitan dengan agama Hindu seperti kebudayaannya yang berasaskan kepada budaya Tamil. Antara perkara yang boleh dipelajari di sini ialah berkaitan dengan kesusasteraan Hindu-Tam

dan falsafah Hinduisme yang berasal daripada mazhab *Saiva Siddhanta*. Dari segi adat dan amalan hidup masyarakat India di negeri-negeri Melayu ini, didapati bahawa adat dan amalan *Dravidian India* popular di kalangan mereka.

Agama Hindu terkenal dengan sistem kastanya. Mereka yang tergolong dalam kasta terendah iaitu kasta *untouchables* dilarang sama sekali memasuki kuil-kuil bertaraf tinggi iaitu kuil-kuil agamic di samping larangan-larangan lain. Bagi penganut agama Hindu di Tanah Melayu, pada peringkat awalnya sistem kasta kuat diamatkan terutama di kalangan mereka yang berkasta tinggi seperti golongan *Brahmin* dan *Chettiar*. Walau bagaimanapun amalan itu menjadi semakin hari semakin luntur terutama yang bersangkutan dengan penggunaan kuil. Sebagai contohnya, Kuil Mahamarimman, kuil bertaraf tinggi di Pulau Pinang, mulai 1935 telah membatalkan larangan kasta terendah daripada memasuki kuil mereka.¹⁷ Sebaliknya golongan itu dibenarkan masuk dan melakukan ibadat dalam kuil berkenaan. Tindakan berkenaan kemudiannya diikuti oleh kuil-kuil agamic yang lain. Mengikut Arasaratnam, kelonggaran pada amalan sistem kasta ini berikutan ketiadaan golongan *Brahmin* yang ortodoks yang sangat mementingkan sistem kasta itu. Menjadi amalan mereka untuk melantik golongan daripada kasta tertinggi sebagai ketua kuil, jadi oleh kerana bilangan golongan *Brahmin* terlalu sedikit lalu jawatan ketua kuil dilantik daripada kasta tertinggi yang terdapat di kalangan mereka. Perkara ini pun bukanlah sesuatu yang menghairankan kerana rata-ratanya penganut agama Hindu di Tanah Melayu terdiri daripada kasta rendah. Sehingga hari ini boleh dikatakan amalan sistem kasta telah terhapus terus di kalangan penganut agama Hindu.

Seperti agama-agama lain, agama Hindu juga mempunyai perayaan-perayaan besar. Antara perayaan-perayaan besar yang disambut selain daripada Pesta Cahaya (*Deepavali*), ialah perayaan *Thai Poosam* (Thaipusam) dan *Thai Ponggal*, satu perayaan yang popular di ladang-ladang. Selain daripada itu terdapat juga perayaan-perayaan tertentu yang hanya dirayakan oleh kuil-kuil tertentu sahaja misalnya perayaan *Mariamman Thirwilla* yang disambut di kuil-kuil di kawasan estet sahaja, perayaan *Chittirai Paruvam* yang

hanya dirayakan oleh kuil Thandayuthapani di Teluk Intan, *Navarathiri* yang dirayakan di Kuala Lumpur dan Singapura¹⁸ dan lain-lain lagi. Perayaan-perayaan seperti ini boleh dikatakan bersifat tempatan termasuk perayaan Tahun Baru Hindu. Dalam banyak-banyak kuil yang dibina terdapat kuil-kuil yang memainkan peranan utama dalam perayaan-perayaan tertentu. Ini ketara ketika perayaan *Thai Poosam* (Thaipusam) apabila kuil di Batu Caves Selangor menjadi pusatnya. Di Pulau Pinang perayaan ini juga disambut secara besar-besaran selama tiga hari. Dalam perayaan-perayaan seperti ini ketua kuil memainkan peranan yang sangat besar. Tanpa mereka sesuatu perayaan itu tidak dapat diadakan. Dalam perayaan-perayaan ini juga boleh dikatakan seluruh penganut Hindu mengambil bahagian.

PERKEMBANGAN AGAMA BUDDHA

Apabila membincangkan tentang agama Buddha yang mempunyai kaitan rapat dengan orang Cina maka tidak dapat tidak akan tersentuh juga tentang perkembangan agama Konfucius/Taoist kerana agama itu memang berasal dari negara tersebut dan ramai imigran Cina yang masih menganut agama itu. Daripada banci penduduk tahun 1980, bilangan penganut agama ini mencecah hingga satu juta lebih, lebih separuh daripada keseluruhan kaum Cina. Tambahan pula, bagi agama Buddha itu sendiri ia telah mengalami sinkretisme dengan beberapa unsur daripada kedua-dua agama berkenaan. Bagaimanapun pokok perbincangan ialah tentang perkembangan agama Buddha dan perkembangan agama Konfucius/Taoist akan disentuh secara tidak langsung.

Agama Buddha yang berubah pusat perkembangannya dari India kepada China pernah cuba disebar di kalangan penduduk negeri-negeri Melayu pada kurun ke-13 Masihi oleh sekumpulan sami dari negara tersebut. Namun dari segi kejayaan yang dicapai dalam misi berkenaan tidak dapat diketahui dengan jelas. Barangkali pada waktu itu agama Buddha masih ada di negeri-negeri Melayu melalui peniaga-peniaga Cina yang datang ke Melaka dan menetap di situ. Walau bagaimanapun agama Buddha menjadi dominan apabila

buruh-buruh Cina diimport secara beramai-ramai untuk bekerja di Negeri-Negeri Selat mahupun di negeri-negeri Melayu yang lain. Bagaimanapun perlu dinyatakan di sini bahawa bukan imigran Cina sahaja yang menganut agama Buddha tetapi juga imigran Sinhalese dari Ceylon.

Agama Buddha yang telah mengalami pengubahsuaian dengan kepercayaan-kepercayaan yang dianut oleh orang Cina sebelum ini seperti kepercayaan Taoist, telah sekali lagi mengalami perkara yang sama apabila sampai di negeri-negeri Melayu, kali ini dikatakan berkaitan dengan unsur keramat yang diambil daripada kepercayaan Islam.¹⁹ Pengubahsuaian agama Buddha dengan kepercayaan atau agama Taoist berlaku dalam perkara dewa dewi yang disembah manakala yang dikatakan pengambilan unsur keramat daripada Islam berkaitan dengan tempat-tempat yang dianggap mulia atau keramat yang perlu dijaga dan dipuja. Sebenarnya, unsur keramat seperti yang difahami oleh Victor Purcell ini lebih mirip kepada kepercayaan animisme orang Melayu dahulu yang kemudian diserapkan ke dalam agama Hindu seperti yang telah disebutkan sebelum ini. Hakikatnya, konsep karamah (bukan keramat) yang ada dalam Islam berbeza daripada yang difahami oleh Purcell.

Oleh kerana Pulau Pinang menjadi tumpuan imigran Cina khususnya pada peringkat awal maka perkembangan agama Buddha berpusat di negeri itu selain daripada Singapura. Oleh yang demikian, sejarah pembinaan tempat ibadat agama itu yang biasa digelar tokong bermula di negeri itu juga. Tokong-tokong ini dibina oleh sekumpulan individu yang merasakan perlunya ada tempat beribadat untuk mereka dan mereka sendiri yang membiayai kos pembinaannya di samping hal-hal yang berkaitan dengan pengurusanannya. Boleh dikatakan pada peringkat awalnya, tokong-tokong yang dibina itu dimiliki oleh individu atau sekumpulan orang tertentu. Tokong pertama yang dipercayai dibina ialah tokong *K'ik Lok Se (Extreme Happiness)*, sebuah tokong yang besar dan terkenal di Ayer Itam, Pulau Pinang. Bagaimanapun ada yang berpendapat bahawa kaum Sinhalese yang telah membina tokong yang pertama di negeri-negeri Melayu bagi agama Buddha di Taiping, Perak pada tahun 1892 hasil usaha seorang Sinhalese yang bernama

A. A. Geris de Alwis.²⁰ Tokong itu diberi nama Tokong *Bodhi Langka Ram*. Namun begitu sesuai dengan tumpuan petempatan imigran Cina, Pulau Pinang mempunyai banyak tokong yang dibina oleh buruh-buruh berkenaan sebagai tempat untuk mereka beribadat dan menjalankan aktiviti-aktiviti keagamaan. Apabila negeri-negeri Melayu yang lain turut dibanjiri oleh imigran Cina ini maka pembinaan tokong-tokong Buddha juga bermula, menjadikan negeri-negeri Melayu dipenuhi dengan tokong-tokong selain dari-pada masjid dan kuil-kuil Hindu.

Tidak jauh berbeza dengan agama Hindu, tokong-tokong Buddha yang dibina adalah mengikut jenis dewa yang disembah. Oleh kerana mazhab *Mahayana* dominan di kalangan imigran Cina maka dewa dewi utama dalam mazhab itulah yang popular dan kebanyakan tokong yang dibina adalah untuk memperingati dewa dewi berkenaan. Dewa dewi yang popular khususnya di Pulau Pinang ialah Dewi Kwan Yin dan Dewi Kwan Ti. Dewi Kwan Yin yang nama sebenarnya Kwan Shih Yin ini kalau dibandingkan dengan dewi agama Taoist ialah seperti Dewi T'ien Hou Sheng Mu iaitu Ratu Syurga dan kalau dibandingkan dengan agama Kristian, Dewi Kwan Yin ini seperti *Virgin Mary*.²¹ Dewi Kwan Yin ini dikatakan dewi yang mampu mendengar keluhan dan tangisan pengikut-pengikutnya dan bersedia untuk memenuhi harapan mereka (*Goddess of Mercy*). Di Pulau Pinang terdapat tiga buah kuil yang dibina khusus untuk beliau dan yang paling terkenal ialah tokong *Goddess of Mercy* di Pitts Street sehingga tokong-tokong yang dibina khusus untuk memperingati beliau di negeri-negeri lain mencontohi tokong ini.²² Patung beliau juga terdapat boleh dikatakan di kesemua tokong yang ada walaupun tokong itu dibina untuk memperingati dewa lain. Begitulah popularnya Dewi Kwan Yin ini. Dewi Kwan Ti atau dikenali juga sebagai Dewi Kwan Yu ini adalah dewa perang. Banyak juga tokong yang dibina untuk memperingati dewa ini, contohnya di Melaka dan di Pulau Pinang.

Berlainan dengan negeri Kelantan didapati bahawa mazhab *Theravada* lebih dominan di kalangan penganut agama Buddha di negeri itu. Ini adalah berikutan daripada hampirnya negeri itu dengan negara Thailand yang menganut agama Buddha mazhab

berkenaan. Orang Siam yang mendiami Kelantan berjaya mempengaruhi penganut Buddha di negeri itu dengan mazhab anutan mereka. Bagaimanapun, oleh kerana rapatnya hubungan antara masyarakat Siam dengan masyarakat Cina yang tidak ramai bilangannya itu banyak tokong-tokong Buddha milik masyarakat Siam yang dibiayai oleh masyarakat Cina. Oleh yang demikian maka sedikit sebanyak amalan agama mazhab *Theravada* itu menerima pengaruh mazhab *Mahayana* yang popular di kalangan masyarakat Cina.²³ Ini dapat dibuktikan dengan adanya patung-patung dewa dewi yang memang tidak ada dalam mazhab *Theravada* bahkan tidak pernah wujud dalam kepercayaan masyarakat Siam di Thailand seperti patung Dewi Kwan Yin. Ini boleh kita fahami kerana dua perkara. Pertamanya berkaitan dengan sejarah pertapakan agama Buddha di Thailand yang telah berlaku sejak zaman awal dahulu iaitu datangnya memang terus dari India. Pengamalan agama itu kemudiannya berterusan hingga ke zaman moden ini. Kedua wujudnya Dewi Kwan Yin dalam mazhab *Mahayana* adalah hasil daripada pengubahsuaian agama Buddha dengan kepercayaan Taoist yang diamalkan oleh orang Cina di China sebelum ini. Boleh dikatakan bahawa agama Buddha mazhab *Theravada* yang diamalkan di Thailand masih dalam bentuk rupanya yang asli, kalau ada pun ia cuma diubahsuai dengan kepercayaan tempatan sahaja.

Mazhab *Theravada* bukan hanya diamalkan oleh masyarakat Siam dan Cina di negeri Kelantan sahaja tetapi juga terdapat di negeri-negeri lain menerusi kaum Sinhalese dari Ceylon. Menerusi kaum ini banyak tokong-tokong Buddha daripada mazhab ini didirikan di seluruh negeri yang menjadi tumpuan kaum ini iaitu di Perak, Pulau Pinang, Melaka, Kuala Lumpur dan Selangor. Pembinaan tokong Buddha mereka bermula di Perak dan diikuti Kuala Lumpur dengan bantuan daripada kerajaan Inggeris iaitu di Jalan Brickfields pada tahun 1895. Boleh dikatakan bahawa masyarakat Sinhalese ini sangat peka dalam hal-ehwal keagamaan mereka. Atas daya usaha mereka, telah berjaya ditubuhkan sebuah persatuan agama Buddha di Selangor dengan nama *The Sasana Abhiwurdhi Wardhana Society* pada tahun 1894 dengan tujuan untuk menguruskan segala hal yang berkaitan dengan tokong-tokong yang ada²⁴ seperti mencari sami-

sami untuk mengurus dan mengetuai satu-satu tokong dan memastikan setiap perayaan yang disambut dapat berjalan dengan lancar terutamanya perayaan hari Wesak. Pada peringkat awal mereka mengimport sami-sami terus dari Ceylon sebelum wujudnya di kalangan mereka sendiri yang layak menjadi sami. Akhirnya atas daya usaha mereka satu persatuan Buddhist telah ditubuhkan pada tahun 1957.

Satu perkara menarik yang boleh disebutkan di sini ialah yang berkaitan dengan wujudnya tokong-tokong Buddha berasaskan kaum yang mendirikanannya. Ada tokong yang didirikan oleh masyarakat Cina, ada yang didirikan oleh masyarakat Siam khususnya di Kelantan dan ada yang didirikan oleh masyarakat Sinhalese. Kebanyakan tokong-tokong yang dibina ini adalah untuk memenuhi keperluan masyarakat yang mendirikanannya, namun begitu keadaan ini tidak menghalang wujudnya kerjasama antara mereka dalam hal-ehwal keagamaan mereka seperti yang pernah disebutkan sebelum ini. Di Pulau Pinang antara contoh tokong yang didirikan oleh kaum Sinhalese ialah yang terletak di Jalan Kampar yang didirikan pada tahun 1914. Tokong ini kemudian diperbesar dan diwujudkan sebuah dewan untuk belajar agama dan bahasa Inggeris dengan bantuan kaum lain.²⁵

Oleh kerana bukan semua imigran Cina yang datang itu beragama Buddha maka terdapat juga tokong-tokong yang dibina berdasarkan ajaran Taoist dan Konfucius. Antara tokong yang terkenal ialah di Jalan Perak yang memperingati *Toh Peh Kong*, pahlawan China yang terkenal. Walaupun ada perbezaan antara tokong agama Buddha dengan tokong agama Konfucius/Taoist ini tetapi perbezaan itu agak sukar dikesan oleh orang luar. Namun begitu perbezaan utama yang boleh dikesan antara tokong-tokong itu ialah dari segi nama dewa dewi yang diperingati. Satu perkara yang menarik berkenaan dewa dewi daripada agama dan kepercayaan ini ialah ia ada kaitan dengan raja-raja China zaman silam. Contohnya penyembahan terhadap *Wang Yeh* yang merupakan seorang maharaja China daripada Dinasti Ming bernama *Yung Le* yang mempunyai kuasa luar biasa.²⁶ Tokong-tokong daripada agama dan kepercayaan inilah yang biasanya dikaitkan dengan pertubuhan

kongsi gelap yang pada asalnya bertujuan menjaga kebajikan ahli-ahli mereka tetapi akhirnya terlibat dengan kejadian jenayah.

Walaupun tidak banyak yang diketahui berkenaan dengan aktiviti penyebaran agama ini di kalangan bukan Buddha, seperti cara mereka menyebarkan agama berkenaan dan siapa yang bertanggungjawab dalam hal ini, tetapi dipercayai bahawa ia tetap berjalan. Hal ini boleh dibuktikan dengan bertambahnya bilangan penganut agama ini saban tahun bersama bertambahnya bilangan tokong yang dibina. Berdasarkan banci penduduk tahun 1980, didapati bahawa di kalangan penganut agama Buddha terdapat juga kaum lain selain daripada Cina. Dicapatkan bahawa terdapat seramai 31 671 orang daripada kaum-kaum lain menganut agama ini, 6766 kaum India dan seramai 746 orang Melayu. Bilangan ini dipercayai terus meningkat. Begitu juga halnya dengan agama Konfucius/Taoist yang berjaya menarik minat penganut daripada kaum lain termasuk orang Melayu seramai 456 orang dan India seramai 1451 orang pada tahun 1980.

AKTIVITI KEAGAMAAN

Setiap tokong yang dibina diketuai oleh seorang sami yang dipanggil Ketua Besar Sami Buddha yang dikenali sebagai *sangha* di samping beberapa orang sami biasa. Biasanya mereka yang menjadi sami adalah terdiri daripada suku kaum yang bertanggungjawab membina tokong berkenaan. Sami-sami Buddha ini memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan beragama penganut-penganutnya, bermula daripada upacara perkahwinan mahupun pengebumian. Dalam hal ini wujudnya perbezaan pada amalan mereka berdasarkan kepada mazhab yang dianuti dan juga kepada mereka yang bertanggungjawab terhadap tokong-tokong berkenaan. Sekiranya tokong itu didiri dan diuruskan oleh kaum Cina maka amalan mereka menurut seperti yang terkandung dalam mazhab *Mahayana* dicampur pula dengan amalan masyarakat Cina, manakala bagi tokong yang didirikan oleh masyarakat Siam yang bermazhab *Theravada* maka sudah tentulah pengaruh Siam lebih dominan dalam upacara-upacara berkenaan. Begitu juga pada tokong yang didirikan oleh kaum Sinhalese, mereka masih berpegang kepada

budaya hidup orang Ceylon. Malah pada peringkat awal, tokong-tokong mereka dikendalikan oleh sami-sami yang didatangkan khas dari negeri itu. Dalam urusan sembahyang harian, penganut agama Buddha tidak perlu ke tokong kerana mereka boleh melakukannya di rumah masing-masing kerana boleh dikatakan semuanya mempunyai tokong kecil.

Sami-sami ini juga bertanggungjawab mengajar hal-hal keagamaan kepada para penganutnya khusus bagi tokong-tokong yang mempunyai kemudahan kelas untuk belajar agama. Peranan sami-sami ini lebih terserlah dalam perayaan-perayaan keagamaan. Menyentuh tentang perayaan-perayaan keagamaan yang disambut, ia ditentukan mengikut kalender masing-masing. Oleh yang demikian wujud perbezaan tarikh pada sambutan hari perayaan mereka kecuali pada perayaan Hari Wesak yang telah ditentukan pada bulan Mei setiap tahun dan menjadi cuti umum untuk seluruh negara. Antara perayaan-perayaan yang disambut ialah Perayaan Sembahyang Hantu (*Seven Moon Festival* atau disebut juga sebagai *Feast of the Hungry Ghost*) yang disambut pada hari keempat belas bulan ketujuh kalendar Cina. Perayaan ini disambut oleh masyarakat Cina dan juga masyarakat Siam di Kelantan tetapi pada tarikh dan nama yang berlainan.²⁷ Namun begitu kerana dominannya pengaruh masyarakat Siam maka masyarakat Cina di negeri Kelantan merayakan perayaan ini mengikut kalendar Siam.

Di samping perayaan-perayaan yang disebutkan tadi, banyak lagi perayaan yang disambut oleh masyarakat Buddha, sesetengahnya terhad mengikut mazhab. Misalnya dalam mazhab *Theravada*, terdapat perayaan-perayaan seperti perayaan *Songkran* dan *Kathin*. Dalam perayaan-perayaan seperti ini, semua penganut agama Buddha mengambil bahagian tetapi oleh kerana ia diraikan di tokong-tokong, maka mereka terpaksa datang ke tokong-tokong berkenaan. Kadangkala penganut-penganut agama ini diminta menyediakan makanan untuk sami-sami yang tinggal di tokong-tokong berkenaan sebelum memulakan sesuatu upacara seperti dalam perayaan *Kathin*.

Hubungan antara penganut-penganut agama Buddha yang berlainan mazhab ini boleh dikatakan sentiasa baik dan tidak

menimbulkan apa-apa masalah. Hubungan baik ini boleh digambarkan melalui kerjasama yang terjalin antara penganut mazhab *Mahayana* dengan pengikut *Theravada* di negeri Kelantan biarpun berlainan bangsa. Satu perkara lagi, walaupun agama Buddha berasal dari India yang kuat mengamalkan sistem kasta dan pada peringkat awalnya agama ini juga mengamalkan sistem itu, tetapi ia tidak lagi diamalkan oleh penganut agama Buddha di negeri-negeri Melayu seperti yang terjadi dalam masyarakat Hindu di negara ini.

Nota Hujung

1. Lihat perbincangan mengenainya dalam buku D.G.E. Hall, 1987. *Sejarah Asia Tenggara* (Kuala Lumpur, DBP), hlm. 27.
2. Abdul Rahman Hj. Abdullah, 1989: *Islam Dalam Sejarah Asia Tenggara Tradisional* (Kuala Lumpur, Penerbitan Pena), hlm. 19.
3. *Ibid.*, hlm. 20.
4. Barbara Watson Andaya & Leonard Andaya, 1983. *Sejarah Malaysia* (Petaling Jaya, Macmillan Publisher). Hlm. 18.
5. D.G.E. Hall, *op.cit.*, hlm. 15.
6. *Ibid.*
7. S. Arasaratnam, 1970. *Indians in Malaysia and Singapore* (Kuala Lumpur, Oxford University Press), hlm. 162.
8. K. Ramanathan, 1995. "Hindu Religion in an Islamic State: The Case of Malaysia" (Disertasi Kedoktoran, USM), hlm. 75.
9. *Ibid.*
10. *Ibid.*, hlm. 76.
11. S. Arasaratnam, *op. cit.*, hlm. 163.
12. K. Ramanathan, *op. cit.*
13. S. Arasaratnam, *op. cit.* hlm. 163-164.
14. *Ibid.*, hlm. 166
15. Abdul Rahman Hj. Abdullah, *op. cit.*, hlm. 25.
16. J. Rabindra Daniel, 1992. *Indians Christians in Peninsular Malaysia*. (Kuala Lumpur, Tamil Annual Conference, Methodist Church). Hlm. 61.

17. S. Arasaratnam, *op. cit.*, hlm. 168.
18. *Ibid.*, hlm. 170.
19. Victor Purcell, 1967. *The Chinese in Malaya* (Kuala Lumpur, Oxford University Press), hlm. 130.
20. S.N. Arseculeratne, 1991. *Sinhalese Immigrants in Malaysia and Singapore 1860-1990* (Colombo, K.V.G. De Silva & Sons Ltd.), hlm. 151.
21. Victor Purcell, *op.cit.*, hlm. 120.
22. *Ibid.*, hlm. 141.
23. Mohammed Yusoff Ismail, 1993. *Buddhism and Ethnicity: Social Organization of a Buddhist Temple in Kelantan* (Singapore, Institute of Southeast Asian Studies), hlm. 7.
24. S.N. Arseculeratne, *op. cit.*, hlm. 152.
25. *Ibid.*, hlm. 153.
26. Victor Purcell, *op. cit.*, hlm. 124.
27. Mohammed Yusoff Ismail, *op. cit.*, hlm. 91-92.

Bahagian Ketiga

SISTEM ADAT
DAN PERUNDANGAN
MASYARAKAT
MALAYSIA

Bab 8

Sistem Adat dan Perundangan Melayu Lama

KEHIDUPAN manusia di dunia ini tidak akan sempurna tanpa undang-undang atau hukum-hakam yang mengatur hidup mereka. Tanpa undang-undang dan peraturan, hidup manusia secara bermasyarakat akan menjadi kucar-kacir dan tidak menentu. Maka kerana itulah diyakini bahawa setiap masyarakat manusia mempunyai undang-undang dan peraturan hidup mereka sendiri. Biarpun ketara kepentingannya tetapi berbanding dengan aspek-aspek seperti politik dan ekonomi, sejarah perundangan sesuatu masyarakat itu agak tidak mendapat perhatian daripada para pengkaji sejarah. Hal ini tambah ketara apabila menyentuh tentang sejarah awal perundangan sesuatu masyarakat itu. Tidaklah dapat diterangkan dengan jelas mengapa perkara ini boleh terjadi. Kekurangan bahan akibat undang-undang dan adat yang tidak dikanunkan atau dicatatkan barangkali menjadi salah satu faktor utama yang menjadi penghalang kepada pengkajian sejarah adat dan perundangan ini. Walau bagaimanapun, ia tidak seharusnya menjadi satu alasan untuk kita melupakan sejarah perundangan masyarakat Malaysia khususnya. Pengetahuan tentang sejarah awal perundangan dan adat masyarakat Malaysia serta perkembangannya akan dapat menerangkan kepada kita tentang corak kehidupan masyarakat sebelum kita. Dengannya juga kita akan dapat meninjau

sejauh mana kepintaran masyarakat terdahulu mengendalikan hidup mereka sebagai sebuah masyarakat yang bertamadun.

Sememangnya terdapat beberapa sistem adat dan perundangan yang pernah muncul dalam sejarah masyarakat Melayu zaman silam khususnya selepas kedatangan Islam. Adat yang begitu dikenali oleh masyarakat Melayu yang tidak dapat tidak perlu disebutkan di sini ialah Adat Perpatih dan Adat Temenggung. Sementara sistem perundangannya pula ialah seperti Hukum Kanun Melaka atau lebih dikenali sebagai Undang-undang Melaka, Undang-undang Pahang, Undang-undang Kedah dan Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak. Undang-undang yang disebutkan ini merupakan undang-undang yang terpenting dan dikanunkan.

Adat, satu istilah yang diambil daripada perkataan Arab kalau mengikut makna yang biasa kita pakai pada hari ini bererti kebiasaan. *Kamus Dewan* memberi maksud kepada adat ini ialah peraturan yang sudah diamalkan turun-temurun (sejak dahulu kala) dalam sesuatu masyarakat (sehingga merupakan hukum dan peraturan yang harus dipatuhi). Oleh yang demikian, adat bukanlah merupakan satu perkara yang penting bagi generasi masa kini apatah lagi apabila adat sering dikaitkan dengan perkara-perkara lapuk dan ketinggalan zaman. Namun begitu dalam konteks bab ini adat yang kita maksudkan adalah adat yang dimengertikan oleh masyarakat Melayu zaman silam iaitu satu sistem hidup yang menyeluruh, yang termasuk sistem sosial, kepercayaan dan perundangan. Dengan maknanya yang lebih luas ini, adat dapat disamakan dengan kebudayaan dan bukan bermaksud adat istiadat dan upacara sahaja.¹

Adat Temenggung dan Adat Perpatih merupakan satu sistem adat dan undang-undang yang luas cakupannya. Ia bukan sekadar menggariskan undang-undang yang mencakupi hal-ehwal keseluruhan kehidupan masyarakat yang mengamalkannya. Boleh dikatakan bahawa kedua-dua adat itu merupakan satu sistem hidup yang lengkap lagi teratur. Manakala sistem perundangan seperti Undang-undang Melaka dan Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak merupakan undang-undang yang termaktub dan dilaksanakan oleh pihak pemerintah yang berkenaan. Biasanya ia berkaitan dengan sistem pentadbiran dan hukum-hakam yang wajib

dipatuhi oleh rakyatnya. Ini termasuklah perihal perlakuan-perlakuan salah yang lengkap dengan hukuman yang bakal dijatuhkan kepada pesalah. Ia dirangka berdasarkan sistem adat yang disebutkan sebelum ini.

LATAR BELAKANG SEJARAH ADAT DAN PERUNDANGAN ORANG ASLI DAN ORANG MELAYU

Tidak banyak yang diketahui tentang adat dan undang-undang masyarakat Orang Asli iaitu penduduk terawal Tanah Melayu sebelum kedatangan orang Melayu dari benua sebelah utara. Masyarakat Orang Asli yang terdiri daripada orang Negrito, Senoi, Jakun, Semang dan Melayu-Proto dipercayai mempunyai sistem adat dan perundangan mereka sendiri kerana mereka juga hidup bermasyarakat seperti kaum lain. Bagi orang Negrito misalnya, mereka diketuai oleh seorang ketua yang mempunyai kuasa penuh ke atas anak buahnya. Biasanya seorang ketua itu adalah mereka yang tertua sekali dalam masyarakat berkenaan dan juga bertindak sebagai bomoh atau pawang. Untuk menjamin keamanan, masyarakat Negrito telah menggariskan beberapa peraturan atau undang-undang bagi menegah perlakuan tidak baik seperti mencuri, menipu, membunuh dan melarikan isteri orang.² Mereka yang didapati melakukan perbuatan-perbuatan seperti itu akan dihukum mengikut hukuman yang telah ditetapkan. Hak menghukum terletak pada tangan ketua mereka. Antara hukuman yang kerap dikenakan ke atas pesalah ialah hukuman denda ataupun dihukum rotan. Jelaslah kepada kita walaupun masyarakat Negrito ini merupakan masyarakat primitif tetapi mereka masih mampu merangka undang-undang mereka sendiri untuk kesejahteraan hidup mereka.

Masyarakat Senoi yang dikatakan lebih tersusun berbanding Negrito juga diketuai oleh seorang ketua. Ketua mereka dinamakan penghulu dan jawatan ini diwarisi secara turun-temurun. Kuasanya juga besar ke atas anak buahnya. Bagaimanapun, penghulu mereka tidak mempunyai kuasa mutlak dalam menentukan hukuman yang hendak dijatuhkan kepada pesalah-pesalah yang melakukan

kesalahan yang besar seperti membunuh, mencuri dan kesalahan yang melibatkan perempuan. Sebaliknya seluruh anggota masyarakat berkenaan akan bersidang untuk membincangkan kes. Situasi ini mirip kepada fenomena perbicaraan mahkamah pada zaman sekarang. Dari segi hukuman yang dijatuhkan, ia boleh dalam bentuk denda dan boleh juga dalam bentuk hukum balas ia misalnya dalam kes pembunuhan, pesalah boleh dihukum bunuh dengan senjata yang sama yang digunakan untuk membunuh mangsa.³ Selain daripada itu, masyarakat Senoi ini juga mempunyai undang-undang atau peraturan yang berkaitan dengan tanah. Walaupun tiada istilah tanah milik persendirian tetapi tanah-tanah yang diusahakan tertakluk kepada undang-undang yang telah ditetapkan. Barangkali inilah sebabnya mengapa kehidupan masyarakat Orang Asli Senoi dikatakan lebih tersusun.

Jika masyarakat Orang Asli Senoi dikatakan sebuah masyarakat yang lebih baik daripada orang Negrito, masyarakat Melayu-Polinesia pula dianggap lebih baik dan tersusun struktur masyarakatnya berbanding kedua-dua suku kaum tadi. Sistem pentadbiran masyarakat Senoi diketuai oleh seorang batin dan dibantu oleh empat orang kakitangan dan kirinya. Dari segi peraturan dan undang-undang setiap kelompok masyarakat Melayu-Proto mengamalkan sistem persendirian. Misalnya dalam undang-undang yang berkaitan dengan pembunuhan, bagi sesetengah kelompok masyarakat mereka mengenakan denda kepada pesalah manakala bagi sesetengah masyarakat yang lain pula mereka akan menjatuhkan hukuman bunuh kepada mereka yang melakukan pembunuhan. Ada juga yang mengenakan hukuman sula, dijemur di tengah panas atau dilakukannya perjalanan ke atas mereka yang melakukan kesalahan seperti berzina, mencuri. Menurut Ahmad Ibrahim & Ahilemah Jones, hukum adat seperti itu menggambarkan bahawa terdapatnya pengaruh undang-undang Hindu dan Islam dalam sistem perundangan masyarakat Orang Asli Melayu-Proto ini.⁴ Pengaruh undang-undang Islam digambarkan dalam hukuman bunuh balas, manakala hukuman barangkali terbit daripada pengaruh Hindu.

Bagi masyarakat Melayu pula, sebelum kedatangan agama Buddha dan Islam, mereka juga mempunyai sistem perundangan

mereka sendiri yang dibawa dari tempat asal mereka. Ia dikenali dengan nama Adat Melayu Polinesia. Namun begitu tidak banyak yang boleh kita perkatakan tentang sejarah sistem perundangan mereka pada masa itu. Tetapi bukanlah sesuatu yang mustahil bahawa sistem adat dan perundangan mereka itu sama kalau tidak lebih baik pun daripada sistem adat dan perundangan masyarakat Orang Asli. Memang menjadi satu masalah untuk mengkaji tentang undang-undang adat Melayu zaman silam kerana undang-undang tersebut tidak dicatatkan apalagi dikanunkan sebagai satu undang-undang. Kebanyakan daripada undang-undang adat itu hanya diketahui oleh golongan pemimpin dan disampaikan kepada penggantinya melalui lisan sahaja. Boleh dikatakan bahawa rakyat biasa sendiri tidak mempunyai pengetahuan tentang sistem itu, melainkan tentang adat yang berkaitan dengan mereka sahaja. Yang lain-lainnya, terserah penuh kepada para pemimpin mereka kerana merekalah yang berkuasa sepenuhnya dalam hal-ehwal seperti itu. Apabila agama Hindu-Buddha datang dan kemudiannya diikuti oleh agama Islam, sistem undang-undang adat Melayu yang sedia ada menerima pengaruh adat dan perundangan kedua-dua agama tersebut. Oleh yang demikian kita boleh dikatakan kabur dengan sejarah undang-undang adat Melayu asal yang dihasilkan oleh masyarakat Melayu sendiri.

Apabila terdirinya sebuah kerajaan Melayu pertama di Tanah Melayu melalui kerajaan Kesultanan Melaka pada awal abad ke-15 Masihi, maka barulah ada catatan tentang sistem perundangannya. Undang-undang Melayu pertama yang dicatatkan itu dinamakan Undang-undang Melaka di samping Undang-undang Laut Melaka yang khusus berkaitan dengan undang-undang perairan. Hukum Kanun Melaka atau Undang-undang Melaka ini dikatakan ditulis pada zaman pemerintahan Sultan Muzaffar Shah dengan tujuan memastikan bahawa pelaksanaan undang-undang di Melaka akan menjadi lebih teratur dan tetap.⁵ Kedua-dua undang-undang berkenaan mempunyai pengaruh perundangan negara jiran bukan sahaja kerana raja pertamanya berasal daripada tempat itu (Parameswara) tetapi juga kerana undang-undang itu dikatakan berasal daripada adat Temenggung iaitu satu sistem adat dan undang-undang yang

dicipta oleh seorang pembesar Minangkabau yang bernama Sutan Maharajo Basa dengan gelaran Datuk Katamanggung. Adat Temenggung itu diambil sempena nama penciptanya. Undang-undang yang kuat pengaruh Hindu-Buddhanya ini menerima pula pengaruh undang-undang Islam. Jadi bolehlah dikatakan bahawa Undang-undang Melaka mempunyai tiga unsur utama iaitu undang-undang adat Melayunya yang asli, pengaruh perundangan Hindu-Buddha dan pengaruh perundangan Islam.

Selain daripada Adat Temenggung, orang Melayu khususnya di Negeri Sembilan dan sebahagian kecil daerah di Melaka iaitu di daerah Naning dan Alor Gajah mengamalkan satu lagi sistem adat dan perundangan iaitu yang dikenali sebagai Adat Perpatih. Adat ini juga bukan berasal dari bumi Tanah Melayu. Adat ini juga berasal dari Minangkabau, Sumatera. Ia dicipta dan disusun oleh saudara seibu kepada Datuk Katamanggung iaitu Sutan Balun dengan gelaran Datuk Perpatih Nan Sabatang. Adat Perpatih ini sampai ke Negeri Sembilan dan beberapa daerah di Melaka melalui orang Minangkabau yang datang dan menetap di situ. Bermula dari situ Adat Perpatih terus diamalkan oleh masyarakat tempatan Negeri Sembilan apabila berlaku perkahwinan campur antara mereka dengan orang Minangkabau yang datang. Berbanding Adat Temenggung, Adat Perpatih hanya diamalkan oleh sebahagian kecil sahaja masyarakat Melayu. Ini berlaku barangkali kerana tumpuan orang Minangkabau ini hanya di kawasan itu sahaja, atau barangkali juga kerana di tempat lain Adat Temenggung telah lama bertapak dan sukar untuk digugat. Namun begitu, pengaruh adat ini agak kuat bahkan sehingga ke hari ini pun, masih ada masyarakat Melayu Negeri Sembilan yang mengamalkan adat ini sepenuhnya. Biarpun adat ini dicipta daripada keluarga yang sama tetapi kedua-dua adat ini sangat berbeza isi kandungannya.

Dari segi adat, kita telah jelas bahawa semua negeri kecuali Negeri Sembilan, mengamalkan Adat Temenggung. Dari segi undang-undang pula didapati bahawa boleh dikatakan bahawa setiap negeri telah merangka undang-undangnya sendiri terutama selepas kejatuhan kerajaan Melaka. Negeri Pahang mempunyai undang-undangnya sendiri iaitu Hukum Kanun Pahang yang ditulis pada

zaman pemerintahan Sultan Abd al-Ghafur Muhaiyuddin Shah (1592-1614).⁶ Begitu juga dengan negeri Perak, mereka telah mempunyai undang-undang sendiri yang dikenali sebagai Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak yang digunakan sejak tahun 1584 pada zaman pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin. Undang-undang yang dikatakan dibawa oleh seorang yang bernama Syed Hassan⁷ ini mempunyai pengaruh kuat Undang-undang Melaka. Negeri lain yang turut mempunyai undang-undang mereka sendiri termasuklah Kedah dan Johor.

ADAT TEMENGGUNG

Adat Temenggung dipercayai adat yang terawal diperkenalkan kepada dunia Melayu. Adat Temenggung dikatakan dibawa ke Tanah Melayu khususnya Melaka dari Palembang meskipun ia berasal dari Minangkabau Sumatera. Ini bukanlah satu perkara yang menghairankan kita kerana boleh jadi orang Melayu Palembang memang mengamalkan adat ini yang disebarkan oleh orang Minangkabau yang berhijrah ke daerah itu. Adat ini tidak dikenali sebagai adat Temenggung di Palembang, sebaliknya ia lebih dikenali sebagai adat Melayu sahaja atau juga dipanggil Adat Kampung, Adat Mukim dan Adat Ketua.⁸ Adat ini mempunyai pengaruh agama Hindu-Buddha yang kuat. Apabila agama Islam disebarkan bersama hukum-hakamnya, adat Melayu atau Adat Temenggung ini juga turut menerima pengaruhnya. Dikatakan bahawa pengaruh hukum Islam yang berasaskan undang-undang syariat Islam lebih ketara berbanding pengaruh Hindu-Buddha. Pengambilan kedua-dua pengaruh undang-undang itu telah memantapkan lagi budaya dan sistem undang-undang adat masyarakat Melayu ketika itu.

Walaupun Adat Temenggung ini bukan berasal dari negeri-negeri Melayu atau salah sebuah daripadanya tetapi boleh dikatakan bahawa adat yang diamalkan oleh negeri-negeri berkenaan tidak seratus peratus tulen seperti Adat Temenggung yang asal yang dibawa dari seberang. Dipercayai bahawa adat itu telah mengalami pengubahsuaian untuk disesuaikan dengan suasana, cita rasa dan adat Melayu yang telah sedia diamalkan oleh masyarakat Melayu

ketika itu. Bagaimanapun sukar untuk ditentukan perbezaan itu kerana kita perlu arif tentang Adat Temenggung yang asli.

Bermula dari Melaka, Adat Temenggung ini kemudiannya disebarkan ke tempat-tempat lain. Penguasaan raja-raja Melaka ke atas negeri-negeri Melayu yang lain memudahkan penyebaran dan pengamalan Adat Temenggung ini di kalangan masyarakat Melayu di negeri-negeri berkenaan. Ia bukan sahaja terbukti melalui undang-undang adat yang diamalkan oleh mereka sehari-hari tetapi juga melalui penggubalan dan pelaksanaan undang-undang negeri masing-masing. Didapati bahawa negeri-negeri seperti Kedah, Perak, Johor, Kelantan dan Pahang telah merangka undang-undang negeri masing-masing berasaskan kepada Adat Temenggung ini seperti yang dilakukan sendiri oleh kerajaan Melaka ketika menggubal Hukum Kanun Melaka.

Barangkali jika dibandingkan dengan adat Melayu sebelum ini Adat Temenggung adalah satu adat yang lebih lengkap kerana ia merangkumi keseluruhan aspek dalam kehidupan manusia. Apabila kita memperkatakan tentang Adat Temenggung ini, terdapat dua elemen penting yang utama yang sering diperbincangkan iaitu sistem kekeluargaan dan hal-hal yang berkaitan dengannya seperti sistem politik dan pentadbiran. Bab ini juga akan menumpukan kepada dua hal tersebut dengan penekanan yang lebih kepada sistem kekeluargaan kerana ia menyentuh masyarakat bawahan secara menyeluruh. Ini tidak pula bermakna bahawa perkara lain tidak penting, ia tetap penting tetapi tidak sepenting sistem kekeluargaan ini kerana daripada sistem kekeluargaan inilah yang membentuk sebuah masyarakat yang lebih besar. Dalam sistem kekeluargaan ini pula terdapat dua aspek utama yang menjadi perhatian iaitu hal-ehwal yang berkaitan dengan perkahwinan (termasuk perceraian) dan sistem pembahagian harta.

Sebenarnya dalam kedua-dua aspek inilah pengaruh hukum syarak (mazhab Syafie) lebih terserlah. Dalam hukum perkahwinan Adat Temenggung mengamalkan sistem perkahwinan yang dikenali sebagai sistem perkahwinan endogami¹⁹ yang memang selari dengan hukum syarak. Perkahwinan hanya boleh dilangsungkan antara pasangan yang tidak melanggar hukum seperti dari segi agama

anutan, agama mestilah sama iaitu Islam; pertalian darah, pasangan mestilah tidak ada pertalian darah; pertalian perkahwinan, pasangan bukanlah ada pertalian perkahwinan dengan orang lain; saudara sesusuan, pasangan bukan daripada saudara sesusuan; dilarang berkahwin dengan dua perempuan yang bersaudara dan perempuan yang telah diceraikan dengan talak tiga kecuali setelah ia berkahwin lain dan diceraikan pula oleh suaminya yang terkemudian. Jadi jelas di sini bahawa syarat-syarat perkahwinan ini telah diambil terus daripada hukum perkahwinan Islam. Tidak perlulah dihairankan perkara ini kerana rata-rata orang Melayu telah memeluk agama Islam. Satu hal yang penting di sini, meskipun syarat perkahwinan dan pernikahan berlandaskan hukum syarak, tetapi dari segi adat istiadat dan upacara perkahwinan, masih terdapat unsur daripada adat Melayu dan adat Hindu seperti upacara menepung tawar dan berinai dalam majlis persandingan. Dalam soal perceraian, hukum hakamnya juga diambil daripada hukum-hakam Islam.

Dalam sistem pewarisan harta, Adat Temenggung mengamalkan sistem pewarisan yang bercorak individual (perseorangan) iaitu apabila seseorang itu meninggal dunia, harta peninggalan beliau dibahagi-bahagikan pemilikannya di kalangan ahli waris.¹⁰ Ternyata sistem ini juga menampakkan pengaruh hukum Islam kerana dalam hukum pewarisan harta Islam, waris kepada yang meninggal berhak mendapat harta peninggalan mengikut kadar yang telah ditetapkan secara umum. Namun begitu dari segi kadar peratusan harta yang bakal diagih-agihkan itu tidak semestinya diikuti oleh masyarakat Melayu kerana Adat Temenggung mempunyai alasan-alasan mereka untuk menetapkan peratusan yang diperuntukkan kepada waris. Misalnya, hukum adat Melayu menetapkan bahawa seseorang balu harus mendapat lebih daripada satu per empat atau satu per lapan yang telah ditetapkan oleh hukum syarak.¹¹ Ini kerana orang Melayu berpendapat bahawa kadar itu terlalu kecil dan tidak mencukupi untuk seorang balu menyara hidupnya lebih-lebih lagi jika si mati meninggalkan anak yang ramai. Jadi jelaslah kepada kita di sini bahawa walaupun sistem pewarisan harta dalam adat Melayu/Temenggung mendapat pengaruh besar daripada hukum Islam tetapi pada tempat-tempat tertentu hukum adat Melayu lebih diutamakan.

Satu lagi perkara yang menarik berkenaan dengan sistem pembahagian harta masyarakat Melayu ialah wujudnya istilah atau konsep harta sepencarian iaitu harta yang diperoleh oleh pasangan suami isteri. Menurut Abdullah Siddik dalam bukunya *Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia*, konsep atau peraturan tentang harta sepencarian ini tidak ada dalam hukum syarak, sebaliknya ia hanya diatur dalam hukum Adat Temenggung. Dalam kes ini jika berlaku perceraian antara pasangan suami isteri terbabit, hukum adat menetapkan bahawa harta sepencarian itu mesti dibahagi dua antara suami dan isteri. Jika berlaku kematian, isteri berhak mendapat satu bahagian khas daripada harta suaminya itu. Bagaimanapun, masalah timbul dalam menentukan maksud harta sepencarian itu. Secara umumnya terdapat dua keadaan yang sering diamalkan berkenaan dengan harta sepencarian ini. Jika si suami mengerjakan tanah dengan dibantu oleh isteri maka harta itu mesti dibahagi dua, tetapi jika si suami bekerja sendiri tanpa bantuan isteri, isteri hanya berhak mendapat satu per tiga sahaja. Namun ada yang berpendapat jika begitu keadaannya, si isteri tidak berhak mendapat apa-apa bahagian¹² kerana dikatakan itu adalah hasil usaha si suami semata-mata.

Jika menyentuh soal politik dan pentadbiran, Adat Temenggung meletakkan sistem autokrasi sebagai sistem pilihan. Raja atau sultan yang memerintah diberi kuasa penuh untuk menjalankan pentadbiran dan melaksanakan undang-undang yang termaktub. Kemutlakan kuasa raja atau sultan terserlah dengan wujudnya konsep daulat dan derhaka. Dalam konsep ini rakyat tidak boleh mempersoalkan setiap keputusan raja atau sultan dalam apa jua hal. Tampuk pemerintahan dikuasai oleh golongan diraja secara warisan daripada jawatan sultan membawa kepada jawatan-jawatan pentadbiran penting yang lain seperti bendahara dan temenggung. Dalam erti kata yang lain, rakyat bawahan tidak akan mempunyai peluang untuk menceburkan diri dalam hal-ehwal pentadbiran negeri. Oleh kerana kebanyakan negeri Melayu mengamalkan Adat Temenggung ini, kita dapati setiap negeri melaksanakan sistem pemerintahan beraja mutlak. Bagaimanapun, Melaka negeri terulung yang mengamalkan sistem ini gagal mempertahankannya selepas ditakluki oleh Portugis pada tahun 1511.

ADAT PERPATIH

Sejarah kedatangan Adat Perpatih ke Tanah Melayu amnya dan Negeri Sembilan khususnya, tidak dapat ditentukan dengan tepat masanya. Walaupun dikatakan bahawa orang Minangkabau telah mula sampai ke Negeri Sembilan pada abad ke-9 Masihi lagi tetapi ketika itu Adat Perpatih masih belum wujud di kalangan mereka. Hanya pada abad ke-14 Masihi apabila berlakunya penghijrahan beramai-ramai orang Minangkabau ke negeri itu, barulah Adat Perpatih dibawa bersama kerana pada ketika itu adat tersebut telah pun menjadi amalan masyarakat Minangkabau. Oleh yang demikian besar kemungkinan Adat Perpatih telah muncul di Negeri Sembilan antara abad kesepuluh hingga abad keempat belas.

Sebagaimana yang berlaku pada Adat Temenggung, Adat Perpatih yang diamalkan oleh masyarakat Minangkabau di Negeri Sembilan itu dikatakan tidak tulen seperti adat yang sebenarnya. Ini berlaku kerana kaum pendatang itu tidak mahu membuang sepenuhnya adat penduduk tempatan yang terdiri daripada orang Jakun atau dikenali juga sebagai orang Biduanda. Ini adalah juga untuk menghormati mereka sebagai penduduk tempatan. Jadi orang Minang ini telah menyesuaikan sedikit sebanyak Adat Perpatih yang asal supaya penduduk tempatan dapat menerimanya.¹³ Dengan kata lain, telah berlaku tolak ansur antara adat mendatang dengan adat tempatan. Aspek utama yang mengalami pengubahsuaian itu ialah dari segi sistem kemasyarakatannya. Perkahwinan campur antara orang Minang dengan penduduk tempatan sendiri boleh dijadikan contoh tolak ansur antara Adat Perpatih dengan adat tempatan kerana perkahwinan itu telah melanggar pantang larang Adat Perpatih. Sejauh mana pengubahsuaian ini mengubah wajah Adat Perpatih yang asal tidak diketahui tetapi adalah diyakini bahawa ia tidak melibatkan perubahan yang ketara.

Walaupun umum menganggap bahawa Adat Perpatih berbeza dengan Adat Temenggung tetapi bagi Norhalim Haji Ibrahim, sebenarnya ia tidak banyak berbeza.¹⁴ Walau apa pun, kita dapati bahawa wujud perbezaan antara Adat Perpatih ini dengan Adat Temenggung terutama yang berkaitan dengan sistem kekeluargaan yang melibatkan perkahwinan dan pewarisan harta. Adat Perpatih

juga seperti Adat Temenggung yang lengkap dan teratur untuk kehidupan sebuah masyarakat. Berbanding Adat Temenggung, Adat Perpatih ini boleh dikatakan satu sistem adat yang lain daripada yang lain. Kelainannya terserlah pada konsep kekeluargaan yang mengutamakan nasab atau keturunan sebelah ibu, bukan bapa seperti yang terdapat dalam Adat Temenggung dan juga yang ditetapkan dalam hukum Islam. Falsafahnya berteraskan kepada kenyataan bahawa kaum ibulah yang melahirkan anak-anak mereka dan kaum ibulah juga yang memainkan peranan penting dalam menentukan atau membentuk perwatakan anak-anak mereka. Dengan itu kaum ibu perlu dihormati terutamanya oleh kaum lelaki bukannya didiskriminasikan. Jika berlaku perlakuan yang tidak bermoral ke atas kaum ibu oleh seseorang, ia dianggap telah melakukan satu kesalahan besar.

Uniknya Adat Perpatih ini juga kelihatan pada wujudnya banyak perbilangan adat yang menggambarkan adat dan perundangan mereka. Sebagai contoh, dipetik di sini satu perbilangan adat yang menyatakan tentang keistimewaan ibu:¹⁵

Bundo kanduang, limpapeh rumah nan gadang;
umbun puro pagangan kunci,
hiyasan di dalam kampueng,
sumarak dalam nagari,
nan gadang basa batuah,
kok hiduik tampek banasa (bernazar),
kok mati tampek baniat,
kok undang-undang ka Madinah,
ka payuang panji ke surago (syurga).

Dari segi struktur masyarakatnya, Adat Perpatih mengamalkan sistem kesukuan. Ini bermaksud, setiap individu dalam masyarakat Adat Perpatih mempunyai sukunya sendiri yang berbeza dengan suku-suku yang lain berdasarkan ikatan kekeluargaan. Sejajar dengan falsafahnya yang mengutamakan kaum ibu maka sistem kesukuan ini adalah berasaskan kepada darah keturunan daripada sebelah nenek perempuan. Maksudnya di sini, setiap satu suku berpunca daripada satu keturunan daripada sebelah perempuan. Ia

kemudian berkembang menjadi satu suku yang besar hingga jauh kekerabatannya dari segi pertalian darah. Seseorang anak akan dikelompokkan dalam suku ibunya. Dengan perkataan lain, keahlian setiap suku adalah terdiri daripada anak-anak dan juga melalui perkahwinan. Seseorang itu juga boleh menjadi ahli keluarga sesuatu suku melalui sistem anak angkat yang dipanggil *kadim*.

Dalam keadaan seperti ini, terdapat banyak suku dalam satu-satu masyarakat Adat Perpatih. Setiap suku ada nama-nama tertentu. Menurut sejarah awal adat Minangkabau ini, jumlah suku yang asal hanya empat iaitu Koto, Piliang, Bodi dan Caniago.¹⁶ Jumlahnya terus bercambah dari semasa ke semasa. Di Negeri Sembilan khususnya, jumlah suku yang asal ada dua belas. Suku-suku itu ialah suku Biduanda, Batu Hampar, Paya Kumbuh (Pekumbuh), Mungkal, Tiga Nenek, Sri Melenggang (Semelenggang), Sri Lemak (Selemak), Batu Belang, Tanah Datar (Tedatar), Anak Melaka, Anak Aceh dan Tiga Batu. Suku Biduanda mengambil sempena nama keturunan sebelah perempuan orang tempatan yang dikenali dengan nama Biduanda.

Setiap suku boleh dikelompokkan kepada kelompok yang lebih kecil yang dipanggil *perut* iaitu satu kelompok kekeluargaan yang berasal daripada satu keturunan moyang perempuan yang sama. Biasanya sesuatu *perut* itu meliputi keluarga sehingga lima generasi.¹⁷ Setiap *perut* akan diketuai oleh seseorang yang dikenali sebagai Buapak. *Perut* ini juga boleh dikelompokkan pula pada kelompok yang lebih kecil yang dipanggil *ruang* iaitu kelompok kekeluargaan yang berasal daripada nenek yang sama. Ketua mereka dikenali sebagai Besar atau Tua. Kelompok *ruang* ini pula mengandungi beberapa rumpun. Rumpun pula adalah satu kelompok kekeluargaan yang besar juga sekurang-kurangnya mengandungi tiga generasi. Ketuanya bergelar *Kadim* atau *Tua*. Dalam erti kata yang lain, beberapa rumpun membentuk *ruang*, beberapa *ruang* membentuk *perut* dan beberapa *perut* membentuk suku iaitu satu organisasi masyarakat yang terbesar dalam Adat Perpatih. Setiap suku diketuai oleh seorang yang bergelar *Lembaga*.

Ada banyak perkara yang menarik tentang sistem kesukuan ini. Antaranya ialah yang berkaitan dengan perkahwinan. Terdapat

pantang larang yang mesti dipatuhi oleh masyarakat Adat Perpatih antaranya, Adat Perpatih melarang perkahwinan dalam satu suku yang sama walaupun antara mereka tidak mempunyai pertalian darah. Perkahwinan ini dilarang atas alasan-alasan berikut:¹⁸

- (a) mengaburkan pertalian darah seseorang atau garis keturunan mengikut ibu.
- (b) dapat membiakkan pertentangan antara suku dalam sesebuah negeri atau negeri lainnya;
- (c) menghancurkan sistem pemerintahan dalam sesebuah negeri; dan
- (d) menjadikan sesuatu suku itu kuat dan tidak memerlukan suku lain.

Dengan larangan ini, perkahwinan hanya boleh berlaku dengan orang dari suku luar sahaja walaupun pasangan itu mempunyai pertalian darah seperti saudara sepupu. Sistem perkahwinan yang dikenali sebagai sistem eksogami ini membenarkan sepupu iaitu anak kepada saudara perempuan berkahwin dengan anak daripada saudara lelaki kerana mereka adalah daripada suku yang berlainan. Ini adalah kerana seperti yang telah disebutkan sebelum ini, pengelompokan suku seseorang itu adalah berasaskan suku ibunya. Jadi jika saudara perempuan dari satu keluarga suku Biduanda kahwin dengan seorang laki-laki daripada suku Munggal misalnya, anaknya adalah suku Biduanda. Jika saudara lelakinya berkahwin dengan perempuan dari suku Munggal maka anak mereka adalah suku Munggal. Oleh kerana mereka berlainan suku maka tiada apa-apa halangan untuk pasangan berkenaan berkahwin. Dalam istilah Adat Perpatih, perkahwinan seperti ini disebut juga sebagai perkahwinan semenda. Perkahwinan seperti ini memang digalakkan kerana ia akan merapatkan hubungan antara suku-suku berkenaan. Secara tidak langsung, ini juga membawa maksud bahawa saudara sepupu daripada saudara perempuan tidak boleh berkahwin dan larangan ini berlanjutan sehingga lima generasi.¹⁹ Sayugia disebutkan di sini bahawa walaupun si suami berkahwin dengan perempuan dari suku lain beliau tetap mempunyai hubungan erat

dengan sukunya yang asal. Jika berlaku perceraian, dia dijemput pulang ke pangkuan sukunya.²⁰

Apabila ada pantang larang dari segi perkahwinan maka semestinya telah ditetapkan hukuman bagi pasangan yang melanggar adat dan larangan tersebut. Hukuman pada perkahwinan yang disifatkan sebagai satu perlakuan sumbang ialah sama ada dibunuh atau dibuang negeri.²¹ Hukuman bunuh serta dirampas harta benda pasangan terbabit dijatuhkan jika yang terlibat itu adalah antara suku itu dengan sekadim iaitu anak angkat yang dimasukkan ke dalam suku berkenaan yakni bukan secara keturunan nasab ibu. Jika pasangan tersebut memang daripada kelompok suku yang sama, mereka hanya dibuang daerah sahaja kerana dirasakan mereka tidak layak untuk hidup dalam kelompok suku berkenaan. Mereka juga tidak dibenarkan tinggal dengan suku yang lain. Begitulah kerasnya hukuman yang telah ditetapkan untuk mereka yang melanggar adat dan pantang larang Adat Perpatih.

Satu lagi perkara yang menarik berkenaan dengan sistem kesukuan ini ialah adanya konsep membalas dendam. Setiap anggota suku diwajibkan membalas dendam jika sesuatu telah diperlakukan ke atas salah seorang daripada anggota suku mereka. Adat membalas dendam ini diwajibkan biarpun ia melibatkan perkelahian antara satu suku dengan satu suku yang lain. Adat ini bersandarkan kepada perbilangan; "*Sahino samalu, sasanang; barek samo dipikua, ringan samo dijinjiang*". Adat ini menggambarkan kepada kita betapa eratnya hubungan antara sesama mereka dalam satu suku dan juga menggambarkan betapa kehormatan sesuatu suku itu perlu dijaga dan ia menjadi tanggungjawab bersama. Dalam kes-kes seperti ini hukum Islam tidak mendapat tempat.

Keutamaan perempuan dalam Adat Perpatih semakin terserlah dalam sistem perkahwinan dan pewarisan harta pusaka. Dalam kehidupan berumah tangga, petempatan mereka biasanya berdekatan atau dalam kawasan tempat tinggal keluarga isteri. Dasar adat ini dikenali dengan nama *uksorilokal* atau *matrilokal*. Adat ini diamalkan atas alasan untuk mengukuhkan suku berkenaan dan bersendikan perbilangan yang berbunyi:

Sigai mencari anau,
 anau tatap sigai baranjak,
 datang dek bajampuik,
 poi jo baanta,
 Ayam putieh tabang siang,
 basuluah matohari,
 bagalanggan mato rang banyak.

Terdapat empat jenis harta dalam sistem pewarisan harta mengikut Adat Perpatih iaitu harta pusaka, harta pembawaan, harta dapatan dan harta carian. Harta pusaka ialah harta yang berbentuk hartanah dan rumah kediaman. Harta pusaka yang dimiliki secara turun-temurun ialah milik perempuan untuk selama-lamanya dan tidak boleh diwariskan kepada kaum lelaki. Lama-kelamaan harta ini menjadi harta milik sesuatu perut atau suku yang dimiliki secara kolektif. Harta ini juga tidak dibenarkan dijual atau digadaikan kecuali dengan syarat-syarat tertentu dan hanya dijual atau digadai di kalangan sesama perut atau suku. Harta pembawaan pula ialah harta milik lelaki yang dimilikinya sebelum dia berumah tangga. Manakala harta dapatan pula ialah harta yang dimiliki oleh kaum perempuan sebelum dia berkahwin.²² Sementara harta carian ialah harta yang dimiliki oleh suami isteri semasa mereka bersama.

Jika berlaku perceraian (cerai hidup), pembahagian harta hanya akan melibatkan harta pembawaan, dapatan dan carian sahaja.²³ Harta carian akan dibahagi dua, harta dapatan menjadi milik isteri dan harta pembawaan akan menjadi milik suami. Pembahagian harta-harta ini agak kompleks jika ia melibatkan kematian. Bagi harta carian, jika suami meninggal, isteri akan diberi kuasa untuk menjaganya. Jika sebaliknya, pihak yang hidup akan menjaga sehingga sampai masa ia dibahagikan kepada anak-anak. Bagi harta dapatan pula, jika isteri meninggal ia akan diwariskan kepada anak perempuan. Harta pembawaan lebih kompleks keadaannya kerana ketika perkahwinan harta tersebut akan diisytiharkan kepada kelompok isteri dan jika isteri meninggal, maka si suami harus membuat permohonan pemulangan harta tersebut pada hari kenduri "meratus hari" dan lelaki itu akan pulang ke pangkuan sukunya.

Jika si suami pula yang meninggal dunia, waris lelaki yang berhak memilikinya.

Berkaitan dengan sistem politik dan pentadbiran, Negeri Sembilan melalui pengalaman yang agak berbeza dengan negeri-negeri lain di Semenanjung. Dalam sejarah pernah dicatatkan bahawa ketika kerajaan Kesultanan Melaka teguh berdiri, Negeri Sembilan menghalakan taat setia mereka kepada kerajaan tersebut.

Apabila Melaka jatuh dan terdiri pula kerajaan Kesultanan Melayu Johor, Negeri Sembilan menghalakan taat setia kepada negeri Johor. Hanya apabila berlaku kekacauan politik di Johor akibat campur tangan orang Bugis, masyarakat Minang di Negeri Sembilan mula mencari raja di negeri asal mereka iaitu Minangkabau. Akhirnya pada tahun 1773 Negeri Sembilan mempunyai rajanya sendiri iaitu Raja Melewar dari Minangkabau yang diberi gelaran Yamtuan. Ketika ini perbilangan yang berbunyi "bertali ke Siak, beraja ke Johor, bertuan ke Minangkabau" tidak lagi digunakan kerana mereka telah pun mempunyai raja daripada tanah asal mereka sendiri.

Walaupun Yamtuan merupakan pemerintah tertinggi tetapi kuasa eksekutif politik tidak diberikan kepada baginda. Sebaliknya kuasa itu diberikan kepada seorang raja yang bertindak sebagai hakim atau perantara yang mempunyai kuasa penuh dalam hal-hwal adat.²⁴ Di bawah raja ini terdapat penghulu yang berkuasa ke atas sesuatu luak, lembaga yang berkuasa ke atas sesuatu suku dan buapak yang berkuasa ke atas anak buahnya. Struktur pentadbiran ini sesuai dengan perbilangan adat yang menyebutkan bahawa:

Alam beraja,
Luak berpenghulu,
Suku berlembaga,
Anak buah berbuapak.

Sesuai dengan sifatnya yang mengamalkan Adat Perpatih, daerah-daerah di Negeri Sembilan yang mengamalkan adat ini dinamakan Luak yang bermaksud daerah beradat.²⁵ Luak ini pula terbahagi kepada dua kelompok iaitu Luak Berundang atau Luak Adat Utama dan Luak Tanah Mengandung. Luak Berundang terdiri daripada

empat buah daerah iaitu Sungai Ujong, Rembau, Jelevu dan Johol. Setiap luak ini ditadbir oleh seorang yang bernama Undang dengan gelaran khas masing-masing. Undang bagi Luak Sungai Ujong bergelar Datuk Kelana Putra, Luak Rembau bergelar Datuk Lela Maharaja/Datuk Sedia Raja, Luak Jelevu bergelar Datuk Mendika Menteri Akhirulzaman Sultan Jelevu dan Luak Johol pula bergelar Datuk Johan Pahlawan Lela Perkasa Setiawan. Sementara itu Luak Tanah Mengandung pula terdiri daripada Luak Inas, Ulu Muar, Gunung Pasir, Terachi; kesemuanya dalam daerah Kuala Pilah dan Luak Jempol di daerah Jempol. Setiap luak ini dipimpin oleh seorang penghulu yang juga mempunyai gelaran khas masing-masing. Luak Inas penghulunya bergelar Datuk Johan Pahlawan Lela Perkasa Walat Kuala Dioh, Gunung Pasir bergelar Datuk Orang Kaya Mempasir Setiawan, Terachi bergelar Datuk Anjah Pahlawan Orang Kaya Terachi Lela Setiawan, Ulu Muar bergelar Datuk Setia Maharaja Lela Pahlawan dan penghulu Luak Jempol bergelar Datuk Lela Putera Setiawan. Selain daripada luak-luak yang telah disebutkan tadi ada luak-luak lain iaitu Luak Tampin, Luak Linggi dan Luak Naning.

HUKUM ADAT DI SABAH DAN SARAWAK

Masyarakat Sabah dan Sarawak kita ketahui lebih heterogenous sifatnya berbanding di Semenanjung. Secara tidak langsung adat dan perundangan yang diamalkan juga berbeza-beza mengikut kaum. Oleh yang demikian untuk membincangkannya satu per satu secara terperinci adalah sesuatu yang sukar kerana selain masalah sumbernya yang terhad, ia juga agak mustahil untuk dibincangkan dalam satu bab. Sebagai jalan keluar, sistem adat dan perundangan di kedua-dua negeri itu akan dibincangkan secara ringkas sahaja dengan menyentuh soal-soal yang penting di kalangan kaum yang dominan sahaja. Kaum yang dianggap dominan di Sarawak ialah Iban atau disebut juga sebagai Dayak Laut sementara di Sabah ialah Kadazan/Dusun. Dominannya kedua-dua suku kaum ini bukan sekadar dari segi bilangan mereka yang ramai tetapi juga kerana sistem adat dan perundangan mereka yang lebih lengkap berbanding suku kaum lain.

Masyarakat Iban di Sarawak dan Dusun di Sabah mempunyai sistem adat dan perundangan mereka sendiri yang meliputi hal-hal seperti struktur masyarakatnya, corak pentadbiran, sistem perkahwinan, pewarisan harta dan undang-undang tanah. Masyarakat Iban di Sarawak biasanya tinggal di rumah-rumah panjang yang mempunyai beberapa buah bilik untuk setiap keluarga. Bagi masyarakat Dayak Darat bilik ini dikenali dengan nama lawang. Sebuah rumah panjang atau lebih merupakan satu kelompok keluarga besar yang dipanggil *menoa* bagi masyarakat Iban dan *kampung* bagi Dayak Darat. Keluasan satu-satu *menoa* atau *kampung* itu meliputi kawasan sejauh setengah hari perjalanan kaki. Setiap satu kelompok *menoa* atau *kampung* ini mempunyai seorang ketua yang dikenali sebagai *Tuai Rumah* bagi satu *menoa* dan *Orang Kaya* bagi satu *kampung*. Biasanya *Tuai Rumah* dipilih daripada mereka yang tertua sekali manakala *Orang Kaya* daripada kalangan yang berkebolehan dan bijaksana.²⁶ Mereka ini merupakan penguasa yang memastikan adat resam, hukum adat dan hak setiap ahli atau disebut juga sebagai peserta berjalan dengan baik. Hak setiap ahli ini termasuklah hak untuk mencari rezeki yang biasanya melibatkan pekerjaan seperti memburu, memungut hasil hutan dan membuka tanah untuk pertanian.

Sistem dan undang-undang perkahwinan masyarakat Iban dan Dayak Darat di Sarawak agak mudah dan tidak mempunyai pantang larang yang banyak. Mereka boleh berkahwin dengan sesiapa sahaja yang mereka suka asalkan bukan daripada kaum keluarga terdekat. Adat perkahwinan mereka juga tidak jauh berbeza dengan adat perkahwinan masyarakat Melayu yang didahului dengan upacara peminangan atau pertunangan dan diikuti dengan istiadat perkahwinan. Cuma yang berbezanya di sini dari segi tempoh pertunangan yang memang telah ditetapkan oleh adat iaitu selama setahun dan bukan atas persetujuan kedua-dua belah pihak. Hal-ehwal perceraian juga terdapat dalam sistem perkahwinan masyarakat Iban atau Dayak Laut ini. Jika perceraian merupakan satu perkara yang tidak dapat dielakkan, ia akan dilakukan oleh ketua adat dengan mengikut peraturan yang telah ditetapkan. Perceraian ini akan melibatkan pembahagian harta antara suami dan isteri. Dalam hal

ini terdapat dua jenis harta yang terlibat dengan pembahagian akibat perceraian dalam masyarakat Iban atau Dayak Laut. Harta itu pertama ialah harta individu yang dibawa dalam perkahwinan dan keduanya ialah harta yang diperoleh semasa perkahwinan. Mengikut adat mereka, jika perceraian berlaku atas muafakat kedua-dua belah pihak, maka harta perseorangan itu akan kembali menjadi miliknya manakala harta dalam kategori kedua itu dibahagi sama rata. Namun jika perceraian itu berlaku tanpa muafakat maka pihak yang mahukan perceraian akan didenda walaupun harta-harta berkenaan akan tetap dibahagikan kepadanya.

Sistem pewarisan harta di kalangan masyarakat Iban atau Dayak Laut tidak jauh berbeza daripada sistem pewarisan harta yang biasa. Sistemnya berasaskan kepada sistem pewarisan individu dengan maksud bahawa harta peninggalan si mati akan diwariskan kepada ahli-ahli warisnya yang tinggal. Namun begitu perbezaan tetap ada iaitu pada ahli-ahli warisnya. Sekiranya si mati meninggalkan anak yang masih hidup maka hanya anaknya sahaja yang berhak mewarisi harta peninggalan si mati walaupun si mati mempunyai cucu atau cicit. Dalam hal ini anak-anak itu akan mendapat bahagian yang sama rata tanpa mengira jantina. Ini melambangkan anak sebagai keturunan utama dalam apa yang disebutkan sebagai garis pokok keutamaan dalam menentukan waris. Berikut adalah kelompok waris mengikut garis keutamaan ini:²⁷

1. Kelompok pertama: anak-anak si pewaris dan keturunan seterusnya.
2. Kelompok kedua: orang tua si pewaris, iaitu ayah dan ibunya.
3. Kelompok ketiga: saudara-saudara si pewaris (lelaki ataupun perempuan).
4. Kelompok keempat: kemanakan daripada si pewaris.
5. Kelompok kelima: saudara-saudara tiri.

Dari segi pewarisan harta, setiap kelompok berhak mendapatkannya jika kelompok teratas punah atau tiada.

Bagi masyarakat suku kaum Dusun atau Kadazan yang dikatakan daripada suku bangsa Dayak juga di Sabah, mereka hidup dalam

satu kelompok di sebuah rumah panjang atau sekumpulan rumah yang diketuai oleh seorang ketua. Mereka ini biasanya terdiri daripada keluarga-keluarga yang berasal daripada satu rumpun yang disebut oleh suku kaum tersebut sebagai Sen AKA gun. Mereka ini pula mempunyai seorang pemimpin yang lebih tinggi kedudukannya yang dipilih daripada kalangan mereka sendiri dan jawatan itu bukan hak turun-temurun sesuatu keluarga. Ketua Sen AKA gun ini merupakan pemimpin yang penting dalam hal-ehwal adat istiadat sesuatu upacara dan orang yang berhak mengadakan sebarang pergaduhan atau pertengkaran yang berlaku di kalangan anak buahnya. Setiap anggota Sen AKA gun mempunyai hak yang sama ke atas harta yang mereka miliki seperti tanah, pokok-pokok, dan barang-barang tertentu. Dalam erti kata yang lain, tiada istilah harta milik peribadi atau persendirian. Perkara ini tidak jauh berbeza keadaannya dengan suku kaum Iban atau Dayak Laut di Sarawak.

Berkaitan dengan undang-undang tanah masyarakat Dusun, ia juga tidak jauh berbeza dengan undang-undang masyarakat Iban atau Dayak Laut kerana mereka juga adalah daripada suku bangsa itu. Walaupun pada asasnya tiada istilah tanah milik peribadi, tetapi bagi mereka yang mula-mula sekali meneroka sesuatu tanah untuk pertanian misalnya, beliau diiktiraf sebagai pemilik utama tanah tersebut. Namun jika beliau berpindah ke tempat lain, tanah tersebut menjadi milik bersama penduduk kampung berkenaan. Undang-undang berkaitan dengan tanah ini kemudiannya berubah mengikut keadaan. Hak milik tanah persendirian dibenarkan dan pemiliknya bebas untuk berbuat apa sahaja ke atas tanahnya iaitu sama ada mahu dikerjakan sendiri, disewakan ataupun dijual.

Jika dalam undang-undang tanah mereka tidak banyak berbeza tetapi dalam undang-undang perkahwinan, terdapat sedikit perbezaan iaitu dari segi orang yang dibolehkan untuk berkahwin. Dalam masyarakat Dusun, mereka hanya boleh berkahwin dengan pasangan daripada kelompok Sen AKA gun yang sama juga iaitu perkahwinan endogami. Jika pantang larang ini dilanggar, nescaya ini akan membawa kepada keadaan ketidakseimbangan dalam masyarakat mereka dan ia hanya boleh dipulihkan melalui upacara adat tertentu. Perceraian adalah satu fenomena yang diterima oleh

suku kaum Dusun dan hanya boleh berlaku setelah tiada jalan penyelesaian untuk menyelamatkan perkahwinan berkenaan. Biasanya dalam hal ini, ketua mereka akan turut campur tangan.

Seterusnya dalam sistem pewarisan harta, tidak banyak yang boleh diperkatakan kerana sistemnya tidak jauh berbeza dengan sistem yang diamalkan dalam masyarakat Iban. Bagaimanapun dalam sistem suku kaum Dusun, waris lelaki mendapat bahagian yang lebih berbanding perempuan. Manakala jika si mati tidak mempunyai zuriat maka harta beliau akan menjadi hak milik saudara lelakinya. Saudara perempuannya hanya akan dapat bahagian jika si mati tiada saudara lelaki. Sebenarnya, walaupun dikatakan bahawa sistem pewarisan mereka tidak banyak berbeza tetapi dari segi amalannya, ia agak berlainan mengikut tempat.

SISTEM PERUNDANGAN MELAYU LAMA

Undang-undang Melayu pertama yang dikanunkan adalah Undang-undang Melaka atau disebut juga sebagai Hukum Kanun Melaka di samping Undang-undang Laut Melaka. Ia dipercayai ditulis oleh seorang pembesar Melaka walaupun tidak diketahui dengan tepat siapa orangnya. Undang-undang Melaka ini merupakan satu undang-undang yang terawal dan paling lengkap pernah dicatatkan dalam sejarah Melayu. Maka tidak hairanlah jika undang-undang itu menjadi tumpuan kajian dalam hal-ehwal perundangan masyarakat Melayu. Wujudnya undang-undang ini membuktikan bahawa masyarakat Melayu khususnya di kalangan golongan atasan mampu merangka undang-undang mereka sendiri untuk memastikan kerajaan dan rakyatnya dapat hidup dengan aman dan damai. Kemampuan ini lebih terserlah apabila undang-undang itu mempunyai tiga unsur utama iaitu undang-undang adat, undang-undang Hindu dan juga undang-undang Islam.

Secara umum, Undang-undang Melaka mengandungi pelbagai perkara perundangan yang penting seperti struktur pentadbiran dan tanggungjawab para pembesar negeri, peraturan-peraturan dalam istana, hukum jenayah dan awam serta hal-hal yang membabitkan soal milik tanah. Boleh dikatakan bahawa ia adalah satu perundangan yang lengkap pada zamannya. Bagaimanapun, jika kita

bandingkan dengan sistem perundangan sekarang, Undang-undang Melaka itu bukanlah satu undang-undang yang begitu tersusun dalam erti kata bahawa ia bercampur aduk antara perlembagaan negeri dengan undang-undang jenayah dan awam.²⁸ Perkara ini terjadi barangkali kerana penulis undang-undang ini menulis berdasarkan ingatan beliau sahaja. Walau bagaimanapun Undang-undang Melaka ini mempunyai fasal-fasalnya yang tertentu yang memisahkan antara satu perkara dengan perkara yang lain.

Didapati bahawa Undang-undang Melaka ini mempunyai sebanyak 44 fasal. Setiap fasal ini membicarakan perkara yang berbeza, misalnya fasal satu berkenaan dengan 'adat majlis segala raja-raja dan pakaian segala raja-raja dan segala larangan raja-raja itu'. Fasal yang keempat pula berkenaan dengan hukum negeri dan anak sungai dan dusun yang takluk pada negeri itu, sementara fasal yang ketujuh belas pula berkenaan dengan hukum orang mengambil upah membunuh orang atau menampar orang atau memalukan orang.²⁹ Setiap fasal ini pula mempunyai pecahan-pecahan kecil yang lain. Pecahan ini ada yang sedikit, hanya dua pecahan sahaja seperti dalam fasal yang ketujuh belas. Ada juga yang banyak pecahannya sehingga lapan pecahan seperti fasal yang keempat puluh empat iaitu fasal yang menyatakan tentang undang-undang negeri. Ini semua bergantung kepada perkara yang diperkatakan itu. Boleh dikatakan juga bahawa fasal-fasal yang terkandung dalam Undang-undang Melaka agak terperinci sehingga kepada perkara-perkara yang boleh dianggap kecil pun dimuatkan di dalamnya. Contoh yang boleh diambil di sini ialah berkaitan dengan perbuatan memaki orang lain (Fasal 8.3), perbuatan menampar orang lain sama ada sesama orang merdeka atau sesama hamba abdi (Fasal 8.2) dan perbuatan meminjam barang atau peralatan orang lain (Fasal 15.8).

Undang-undang yang berkaitan dengan struktur pentadbiran, terkandung dalam bahagian pengenalan undang-undang ini. Ia menyatakan tentang tugas-tugas yang dipikul oleh tiga jawatan penting kerajaan iaitu bendahara, temenggung dan syahbandar. Mengikut Undang-undang Melaka:³⁰

Adapun hukum yang diserahkan kepada bendahara itu, seperti hukum orang yang berjabatan dan segala tuan-tuan dan segala sida-sida dan segala anak orang besar-besar.

Adapun hukum yang diserahkan kepada temenggung itu barang yang dihukumkan di dalam negeri seperti tafahus-menafahus dan seperti tangkap-menangkap orang yang jahat di dalam negeri itu.

Adapun hukum yang diserahkan kepada syahbandar itu ya'itu menghukumkan segala dagang dan anak yatim dan segala yang teraniaya dan adat segala jung dan baluk dan barang sebagainya.

Pantang larang yang dikenakan kepada rakyat jelata yang bersangkutan dengan raja-raja juga digariskan dengan jelas dalam undang-undang ini. Contohnya pada fasal yang pertama yang menyebutkan bahawa:

Ketahuilah olehmu bahawa tiada harus memakai seperti kekuningan dan kepada segala orang besar-besar sekalipun, jikalau tiada dengan anugraha raja-raja, maka ia itu dibunuh hukumnya. Dan demikian lagi tiada dapat memakai kain yang nipis berbayang-bayang seperti khasa (h) pada balai raja-raja atau pada pagar raja-raja itu melainkan dengan kurnia titah raja atau di luar boleh dipakai. Jikalau lain daripada itu niscaya dicarikkan atau ditolakkan hukumnya....

Berkenaan dengan hukum jenayah pula, diperturunkan di sini contoh tentang perbuatan membunuh orang iaitu yang disebutkan dalam fasal yang kelima:

5.1 Fasal yang kelima pada menyatakan orang membunuh dengan tiada setahu raja-raja atau orang besar-besar. Jikalau dibunuhnya dengan tiada dosanya sekalipun, dibunuh pula ia pada hukum Allah, maka adil namanya.

Berdasarkan kepada contoh yang diberi di atas tadi jelas bahawa Undang-undang Melaka menggunakan hukum syariah Islam sebagai hukuman kepada kesalahan membunuh orang lain. Walau bagaimanapun, hukuman pada kesalahan ini mempunyai banyak jenis hukumannya, bergantung kepada siapa orang yang dibunuh dan bergantung pula kepada keputusan yang diambil oleh pihak yang berkuasa menjalankan hukuman. Ia dihuraikan dalam fasal kelima ceraian dua hingga empat.

Negeri Pahang merupakan negeri Melayu kedua yang merangka undang-undangnya sendiri yang dikenali sebagai Undang-undang Pahang. Undang-undang ini dirangka semasa pemerintahan Sultan Abdul Ghafur Muhiyuddin Shah (1592-1614). Dari tarikh ini dapat kita katakan bahawa selepas kejatuhan kerajaan Melayu Melaka, kerajaan negeri Pahang merasakan mereka perlu ada undang-undang sendiri. Sama seperti Undang-undang Melaka, Undang-undang Pahang ini juga menampakkan pengaruh agama Hindu, undang-undang Islam di samping undang-undang adat¹¹ yang barangkali menjadi sendi utamanya. Seperkara lagi, pengaruh Undang-undang Melaka memang jelas kelihatan dalam undang-undang ini. Ini barangkali bersabit dengan hakikat bahawa Undang-undang Melaka ialah undang-undang tertua yang ada yang boleh dijadikan rujukan mentelah pula suasana masyarakat serta struktur pentadbiran tidak jauh berbeza malah Pahang pernah menjadi sebahagian daripada jajahan takluk Melaka. Pengaruh Undang-undang Melaka ini bukan sekadar pada isi kandungannya sahaja tetapi juga pada strukturnya atau pembahagiannya. Ia mempunyai tiga bahagian utama iaitu undang-undang yang berkaitan dengan pentadbiran, undang-undang jenayah dan undang-undang awam (bukan jenayah). Bagaimanapun masih terdapat perbezaan antara kedua-dua undang-undang berkenaan. Perbezaannya jelas kelihatan kepada ketaranya pengaruh undang-undang Islam terutama pada bahagian jenayah dalam Undang-undang Pahang. Undang-undang ini juga dikatakan lebih kemas pada bahagian hukuman yang dikenakan ke atas hamba berbanding Undang-undang Melaka.

Berdasarkan catatan sejarah, negeri Melayu ketiga yang mempunyai undang-undangnya sendiri ialah negeri Kedah. Namun

begitu dari segi strukturnya, ia tidak disusun seperti Undang-undang Melaka dan Pahang dalam erti kata bahawa setiap bahagian Undang-undang Kedah yang mengandungi empat bahagian itu tidak digubal secara serentak, malah tarikh penggubalan setiap bahagian jauh berbeza seperti namanya juga. Undang-undang pelabuhan (bahagian pertama) digubal pada tahun 1650 Hijrah, manakala undang-undang tembera (bahagian kedua) digubal pada tahun 1667. Hukum Kanun Dato' Star digubal iaitu bahagian ketiga tidak diketahui tarikh penggubalannya sementara bahagian keempat iaitu undang-undang 1784 digubal pada tahun itu. Menimbulkan juga persoalan tentang sejarah penulisan Undang-undang Kedah yang tidak tersusun ini. Barangkali boleh dikatakan bahawa setiap bahagian undang-undang itu dirangka berasingan dan tidak disifatkan sebagai satu undang-undang yang lengkap. Hanya para pengkaji sahaja yang meletakkan kesemua bahagian itu sebagai Undang-undang Kedah kerana ia saling melengkap.

Jika kita lihat pada isi kandungan setiap bahagian, walaupun pada umumnya boleh dikatakan bahawa setiap bahagian itu mengandungi perkara yang berbeza tetapi berlaku juga pertindihan seperti dalam perkara peraturan dalam istana raja. Ia terkandung dalam kedua-dua Hukum Kanun Dato' Star dan juga dalam Undang-undang 1784. Nama Undang-undang 1784 itu sendiri agak begitu umum dan merangkumi berbagai-bagai perkara di dalamnya. Umumnya isi kandungan Undang-undang 1784 boleh dilihat pada kenyataan bahawa sebanyak dua puluh tiga fasalnya diambil daripada Undang-undang Melaka yang terdiri daripada perkara-perkara seperti perkahwinan, zina, perdagangan dan undang-undang laut. Secara tidak langsung ia menggambarkan bahawa undang-undang ini juga tidak dapat memisahkan diri daripada pengaruh Undang-undang Melaka. Selain pertindihan itu, di bawah setiap bahagian undang-undang berkenaan, isi kandungannya tidak hanya khusus kepada satu-satu perkara sahaja. Misalnya di bawah Undang-undang Tembera,³² ia menggariskan hukuman untuk perbuatan jenayah dan juga perkara-perkara yang melibatkan pelanggaran pada hukum agama misalnya, memuja pokok, tidak pergi sembahyang Jumaat, tidak mahu membayar zakat dan fitrah

serta peraturan tentang cukai binatang ternakan. Walau bagaimanapun, barangkali kita boleh klasifikasikan undang-undang ini sebagai undang-undang jenayah dan awam.

Satu lagi undang-undang yang ingin dibincangkan di sini ialah Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak. Jika Undang-undang Melaka dan undang-undang yang lain dikatakan undang-undang yang memang digubal oleh orang Melayu, undang-undang Perak ini pula katanya dibawa dari Hadramaut oleh Sayid Husain (Hassan?) al-Faradz.³³ Ini bermakna bahawa Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan ini bukanlah undang-undang asli dari Perak. Bagaimanapun ia dipercayai telah diterjemah dan diubahsuai terlebih dahulu sebelum dilaksanakan supaya undang-undang tersebut sesuai dengan keadaan masyarakat Melayu. Andaian ini boleh dibuktikan dengan adanya pengaruh Undang-undang Melaka dan Undang-undang Minangkabau serta hukum adat dalam undang-undang yang pada asasnya bersandar kepada undang-undang Islam itu. Ini bukanlah satu fenomena yang menghairankan bagi masyarakat Melayu yang memang terkenal dengan sikapnya yang suka melakukan kompromi antara unsur luar dengan budaya tempatan.

Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan ini tidak mempunyai bahagian terasing seperti Undang-undang Kedah. Ia mencontohi Undang-undang Melaka yang mempunyai fasal bagi membicarakan peraturan dan undang-undang yang berbeza. Namun ia juga tidak mempunyai bahagian-bahagian tertentu yang membicarakan perkara yang berbeza. Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan mengandungi sebanyak sembilan puluh sembilan fasal, sesuai dengan namanya. Isinya juga tidak jauh berbeza seperti isi kandungan Undang-undang Melaka yang merangkumi semua perkara yang penting dalam sebuah kehidupan bermasyarakat dan berkerajaan malah dikatakan lebih terperinci lagi. Misal yang boleh diambil ialah dari segi jawatan pentadbiran dan peraturan dalam kerajaan. Ia bukan sekadar menggariskan jawatan-jawatan yang penting dalam kerajaan tetapi juga jawatan-jawatan yang boleh dianggap kecil bagi kita untuk dimuatkan dalam satu undang-undang yang boleh dianggap sebagai perlembagaan negeri iaitu jawatan pawang dan bidan. Bagaimanapun, barangkali kedua-dua

jawatan itu dianggap penting ketika itu di negeri Perak khususnya. Perkara lain yang turut dimuatkan dalam undang-undang ini termasuklah tentang pertanian dan penternakan selain daripada undang-undang keluarga.

Kemunculan undang-undang di empat buah negeri itu telah merangsang negeri-negeri yang lain untuk merangka undang-undang mereka sendiri. Dengan itu muncullah Undang-undang Johor yang digubal pada tahun 1789 diikuti oleh negeri Kelantan dan Perlis. Sejauh mana terikutnya undang-undang ini dengan undang-undang yang sedia ada sukar untuk ditentukan kerana ia digubal pada zaman yang terkemudian. Bagaimanapun penulisan undang-undang ini dipercayai bertujuan untuk memperkemarkan lagi sistem pentadbiran dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Nota Hujung

1. Norhalim Hj. Ibrahim, 1993. *Adat Perpatih, Perbezaan dan Persamaannya dengan Adat Temenggung* (Petaling Jaya, Fajar Bakti), hlm. 4.
2. Ahmad Ibrahim & Ahilemah Joned, 1987. *The Malaysian Legal System* (Kuala Lumpur, DBP), hlm. 13
3. *Ibid.*
4. *Ibid.*, hlm. 15.
5. Abdul Kadir Hj. Muhammad, 1996. *Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur, DBP). Hlm. 5.
6. *Ibid.*, hlm. 14.
7. R. J. Wilkinson, 1909. *Papers on Malay Subjects: Law, Part 11* (Kuala Lumpur, Federations Malay State), hlm. 1.
8. Ismail Hamid, 1988. *Masyarakat dan Budaya Melayu* (Kuala Lumpur, DBP). hlm. 111.
9. Abdullah Siddik, 1975. *Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia* (Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya), hlm. 161.
10. *Ibid.*, hlm. 175.

11. *Ibid.*, hlm. 177.
12. *Ibid.*, hlm. 171.
13. Norhalim Hj. Ibrahim, *op. cit.* hlm. 95.
14. *Ibid.* hlm. 133.
15. *Ibid.* hlm. 46.
16. *Ibid.* hlm. 47.
17. *Ibid.* hlm. 99.
18. *Ibid.* hlm. 49 - 50.
19. M. B. Hooker, 1972. *Adat Laws in Modern Malaya* (Kuala Lumpur, Oxford University Press), hlm. 19.
20. Abdullah Siddik, *op. cit.* hlm. 134.
21. M. B. Hooker, *op. cit.*
22. Ismail Hamid, 1988. *Masyarakat dan Budaya Melayu* (Kuala Lumpur, DBP), hlm. 106 -108.
23. Norhalim Hj. Ibrahim, *op. cit.*, hlm. 110-112.
24. *Ibid.*, hlm. 120.
25. Pada masa sekarang bukan semua daerah dalam Negeri Sembilan yang mengamalkan Adat Perpatih. Sebahagian besar daerah Port Dickson dan daerah Lukut misalnya tidak mengamalkan adat tersebut. Tidakkah dipastikan mengapa hal ini boleh terjadi.
26. Abdullah Siddik, *op. cit.*, hlm. 55.
27. *Ibid.*, hlm. 92.
28. Ismail Hamid, *op. cit.*, hlm. 124-125.
29. Liaw Yock Fang, 1976. *Undang-undang Melaka*. (The Haque, Martinus Nijhoff), hlm. 64-98.
30. *Ibid.*, hlm. 62-64.
31. Ismail Hamid, *op. cit.*, hlm. 126.
32. *Ibid.*, hlm. 127-128.
33. *Ibid.*, hlm. 128. R. J. Wilkinson mencatatkan namanya sebagai Sayid Hassan.

Bab 9

Sistem Perundangan Islam: Pengaruh dan Implimentasi

UNDANG-UNDANG Islam disebutkan sebagai salah satu daripada unsur terpenting yang kuat pengaruhnya dalam sistem adat dan perundangan masyarakat Melayu sejak agama itu datang dan menjadi agama anutan sebahagian besar penduduk Nusantara. Undang-undang Islam boleh dikatakan sebagai pelengkap kepada undang-undang yang sedia ada. Sejauh mana pengaruh undang-undang Islam ke atas undang-undang yang sedia ada akan hanya terjawab apabila kita membincangkan undang-undang berkenaan. Dalam bab yang lepas apabila dibincangkan tentang sistem adat dan perundangan Melayu, hanya disebutkan secara tidak langsung tentang pengaruh perundangan Islam yang ada dalam hukum adat dan perundangan masyarakat Melayu itu. Kerana itulah ia akan dibentangkan secara lebih terperinci dalam bab ini supaya gambaran pengaruh yang disebutkan itu lebih jelas kepada kita.

Islam satu agama yang lengkap dan sering disebutkan sebagai satu *ad-din*, datang ke Nusantara amnya dan Tanah Melayu khasnya bukan sahaja membawa mesej bahawa Allah adalah Tuhan yang berhak disembah tetapi juga datang dengan undang-undang dan peraturan hidup yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, oleh kerana terdapat perbezaan tafsiran antara ulama-ulama fikah berkenaan dengan beberapa perkara yang berkaitan dengan undang-

undang maka wujudlah mazhab dalam Islam. Wujudnya mazhab-mazhab Hanbali, Maliki, Hanafi dan Syafie itu mewujudkan pula pengikut-pengikut mereka yang tersendiri. Mazhab-mazhab yang tidak bermusuhan antara satu sama lain ini kemudian tersebar ke serata dunia apabila dakwah Islam disampaikan dan ia ditentukan oleh mazhab yang dipegang oleh para pendakwah berkenaan.

Secara umumnya boleh dikatakan bahawa undang-undang Islam sampai ke negeri-negeri Melayu serentak bersama datangnya agama itu sendiri. Namun untuk menentukan tarikh atau abad yang tepat menimbulkan perselisihan pendapat antara sarjana yang membuat kajian tentang sejarah kedatangan Islam ke dunia sebelah sini. Walau bagaimanapun dikatakan bahawa sejak abad ke-7 Masihi lagi Islam telah sampai ke Nusantara. Ia ditandai dengan kewujudan kerajaan-kerajaan kecil Arab-Islam seperti kerajaan Ta-shih.¹ Bagaimanapun tidaklah diketahui dengan jelas sama ada Islam ketika itu telah disebarkan secara meluas di kalangan penduduk tempatan atau tidak, kerana kerajaan kecil itu dikenali sebagai perkampungan Arab-Islam yang memberi gambaran bahawa masyarakatnya adalah masyarakat Arab beragama Islam. Bukti penerimaan secara beramai-ramai penduduk Nusantara terhadap Islam hanya dapat dikesan pada abad ke-13 Masihi dan 14 Masihi. Jadi, bolehlah dikatakan bahawa Islam telah sampai seawal abad ke 7 Masihi tetapi sehingga abad ke-13 Masihi barulah ia disebarkan secara meluas dan diterima pula secara beramai-ramai di kalangan penduduk tempatan.

Di negeri-negeri Melayu, dikatakan bahawa sebelum kerajaan Kesultanan Melayu Melaka wujud lagi, telah ada penduduk Semenanjung menerima Islam. Ini dibuktikan dengan penemuan Batu Bersurat di Kuala Berang Terengganu bertarikh 1303 Masihi. Pada batu tersebut tertulis berkenaan hukum syarak dan nasihat tentang Islam. Penemuan ini boleh dijadikan sandaran tentang hadirnya sekelompok masyarakat Islam di kawasan terbabit. Bermula daripada tarikh itulah dipercayai masyarakat Melayu yang sebelumnya menganut kepercayaan animisme dan agama Hindu-Buddha memeluk agama Islam. Bukan itu sahaja, penemuan Batu Bersurat itu jelas menunjukkan bahawa sistem perundangan Islam telah pun sampai dan diamalkan di kalangan masyarakat Islam berkenaan

walaupun ia tidak mencakupi keseluruhan sistem perundangan yang terdapat dalam Islam.

Berdasarkan teori-teori yang telah dikemukakan berkaitan dengan penyebaran Islam di negeri-negeri Melayu, masyarakat Melayu telah diperkenalkan dengan sistem perundangan Islam yang berpegang kepada Mazhab Syafie sama ada oleh pedagang dan pendakwah dari daerah Gujerat, pantai Coromandel dan Malabar Selatan India² ataupun oleh pedagang dan pendakwah dari negara Arab, Mesir dan Parsi (Iran).³ Sejak itu boleh dikatakan bahawa semua aspek penting dalam ajaran Islam telah disampaikan kepada masyarakat Melayu. Daripada konsep tauhid yang mengesakan satu Tuhan yakni Allah, masyarakat Melayu juga diajar membaca al-Quran dan ilmu-ilmu fardu ain yang lain. Ilmu fardu ain yang dimaksudkan itu termasuklah ilmu usuluddin, ilmu fiqh (fikah) dan ilmu tasawuf. Pengajaran kepada ilmu-ilmu ini berasaskan kepada kitab-kitab tertentu yang ditulis oleh ulama terkenal. Untuk ilmu fiqh misalnya, mereka merujuk kepada kitab *Minhaj al-Talibin* karangan Imam al-Nawawi. Melalui kitab ini dan kitab-kitab yang lain juga masyarakat Melayu diajar tentang hukum-hukum dan perundangan Islam sehingga ada di kalangan mereka yang mampu mengarang kitab-kitab fiqh seperti ini di kemudian hari. Selaras dengan itu adalah dipercayai bahawa masyarakat Melayu rata-ratanya telah mengamalkan hukum-hukum Islam yang meliputi semua perkara daripada soal-soal seperti perkahwinan, perceraian, pewarisan harta hinggalah kepada undang-undang berurus niaga dan undang-undang jenayah.

Dengan penerimaan Islam sebagai agama maka berlakulah pertembungan kepercayaan dan budaya hidup antara Islam yang terkenal dengan sifatnya sebagai sebuah agama yang lengkap peraturan hidupnya, dengan amalan dan kepercayaan hidup penduduk tempatan yang berdasarkan kepada campuran kepercayaan animisme dengan agama Hindu-Buddha. Kerana itulah kalau mahu diandaikan bahawa semua peraturan dan hukum Islam itu di-amalkan secara menyeluruh dan bertepatan dengan hukum dan peraturan Islam yang sebenarnya di kalangan penganut-penganut baru ini, ia adalah satu tanggapan yang tidak tepat. Ini adalah kerana

telah dibuktikan bahawa masih terdapat unsur-unsur dan kepercayaan-kepercayaan malah peraturan-peraturan tradisi yang masih terus diamalkan setelah diubahsuai dengan Islam walaupun ada antaranya yang masih bertentangan dengan Islam. Malah boleh dikatakan ia masih diamalkan sampai sekarang oleh segelintir masyarakat Melayu. Sebenarnya, perkara ini telah terjadi pada agama Hindu-Buddha yang datang lebih awal ke negeri-negeri Melayu ini apabila penduduk tempatan membuat pengubahsuaian di sana sini untuk diselaraskan dengan corak hidup dan kepercayaan animisme yang sedang mereka amalkan.

UNDANG-UNDANG ISLAM DAN PENGARUHNYA DALAM HUKUM ADAT MELAYU LAMA

Tiga perkara iaitu tentang hal-ehwal perkahwinan, kekeluargaan dan pewarisan harta, menjadi tumpuan perbincangan untuk melihat sejauh mana terdapatnya pengaruh undang-undang Islam ke atasnya, sama seperti yang dibincangkan dalam bab yang lepas. Tiga perkara ini memang menyentuh secara langsung masyarakat bawahan. Perbincangan ini bukan terhad kepada pengaruhnya semata-mata tetapi juga kepada implimentasinya. Ini adalah kerana tidak dapat dinafikan bahawa dari segi implimentasinya tidak semua hukum dan perundangan Islam yang digariskan itu diimplimentkan dalam pelaksanaannya sebaliknya hukum adat yang lebih diutamakan.

Dalam sistem dan undang-undang perkahwinan, didapati hukum syarak mempunyai pengaruh yang sangat besar malahan ia dicatatkan dalam Hukum Kanun Melaka misalnya. Boleh dikatakan bahawa semua hukum dan peraturan yang Islam tentukan telah diterima dan diamalkan oleh masyarakat Melayu. Misalnya dalam syarat-syarat bagi pasangan yang boleh berkahwin. Begitu juga dalam syarat pernikahan yang menetapkan adanya wali bagi pengantin perempuan, hadirnya empat orang saksi ketika upacara ijab dan kabul diadakan dan pemberian mahar atau mas kahwin kepada pengantin perempuan. Syarat-syarat penting itu semua direalisasikan oleh masyarakat Melayu dalam satu-satu perkahwinan. Begitu juga dengan adat pinang-meminang. Namun begitu dalam adat perkah-

winan, masih banyak unsur atau adat Melayu lama yang dikekalkan misalnya adat mengandam pengantin, majlis berinai, menepung tawar pengantin dan majlis bersanding selain daripada majlis kenduri yang memang digalakkan oleh Islam.

Penjelasan di atas adalah tepat menggambarkan penerimaan hukum-hukum Islam dalam hal-ehwal perkahwinan bagi masyarakat Melayu yang mengamalkan Adat Temenggung. Bagi mereka yang mengamalkan Adat Perpatih, mereka tidak meninggalkan adat dan peraturan yang telah ditetapkan oleh adat mereka. Sebaliknya, mereka hanya mengambil hukum-hukum yang sesuai dan yang mesti dilaksanakan untuk memastikan kesahan satu-satu perkahwinan seperti syarat-syarat dan majlis pernikahan. Bagaimanapun, masyarakat Adat Perpatih tetap dengan pendirian mereka untuk tidak membenarkan perkahwinan dalam satu suku walaupun Islam tidak melarang perkahwinan seperti itu. Ini merupakan satu bukti kukuh yang menunjukkan hukum adat lebih diutamakan daripada hukum yang telah ditetapkan oleh Islam walaupun perbilangan adat mereka ada menyebutkan:

*Adat bersendi hukum
Hukum bersendi Kitabullah
Kuat adat, tak gaduh hukum
Kuat hukum, tak gaduh adat
Ibu adat muafakat.*

Pertentangan hukum seperti ini bukanlah yang pertama berlaku antara hukum dan Adat Perpatih dengan hukum syarak tetapi ia juga timbul dalam perkara lain.

Bersabit dengan hukum perkahwinan ialah perceraian. Berhubung dengan kes perceraian dan rujuk, masyarakat Melayu sama ada yang mengamalkan Adat Perpatih ataupun Adat Temenggung menerima pakai hukum cerai dan talak yang telah ditentukan oleh syarak. Walau bagaimanapun terdapat kesilapfahaman masyarakat berkaitan dengan syarat untuk rujuk kembali bagi pasangan yang telah bercerai dengan talak tiga. Islam menetapkan syarat bahawa mereka hanya boleh rujuk kembali jika sekiranya bekas isterinya telah diceraikan oleh suaminya yang terkemudian. Selagi bekas

isterinya itu tidak berkahwin dengan lelaki lain dan kemudian berlaku pula perceraian antara mereka, selagi itulah bekas suami terdahulu tidak boleh rujuk kembali. Perceraian itu pula haruslah berlaku dalam keadaan biasa dan bukan atas paksaan. Sebaliknya dalam amalan masyarakat Melayu, timbul istilah "Cina buta" iaitu orang yang diupah oleh bekas suami supaya berkahwin dengan bekas isterinya dan kemudian menceraikan semula untuk membolehkan mereka rujuk semula. Bahkan disyaratkan pula kepada lelaki yang diupah itu agar tidak menyentuh bekas isterinya itu. Ternyata konsep "Cina buta" seperti ini tiada dalam Islam. Dalam Adat Perpatih pula, mereka mempunyai adat tertentu yang mesti dilalui oleh pasangan yang ingin bercerai. Dalam majlis itu pasangan terbabit akan menjelaskan kepada kaum keluarga masing-masing tentang kekusutan yang melanda rumah tangga mereka sehingga mereka mengambil keputusan untuk bercerai. Adat ini tidak bertentangan dengan hukum syarak bahkan adalah sesuatu yang baik untuk dilakukan.

Berkaitan dengan perceraian ini pula ialah pembahagian harta perkahwinan. Islam mewajibkan si suami memberi nafkah kepada anak-anaknya walaupun si anak tinggal dengan bekas isterinya. Dalam pada itu bekas isterinya berhak mendapat harta-harta tertentu selepas berlakunya perceraian. Bagi masyarakat Melayu yang mengamalkan Adat Temenggung, harta yang perlu diagihkan kepada bekas isteri ialah harta sepencarian iaitu harta yang diperoleh semasa perkahwinan. Seperti yang pernah disebutkan dalam bab yang lepas, konsep harta sepencarian ini tidak ada dalam Islam. Yang ada ialah harta syarikat. Ini bermakna hukum adat sekali lagi memainkan peranan utama dalam hal ini. Perkara ini lebih ketara bagi masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih.

Dalam sistem pewarisan harta, Islam memberikan garis panduan yang jelas dan terperinci dalam hukum yang dikenali sebagai hukum faraid. Setiap waris yang ditinggalkan telah ditetapkan peratusan harta yang akan mereka miliki dengan mengambil kira siapa yang meninggal itu. Sebagai contohnya jika seorang bapa meninggal dunia, dan meninggalkan balu serta beberapa orang anak lelaki dan perempuan, Islam menetapkan anak lelaki mendapat sebahagian

besar harta berbanding ibu dan saudara perempuannya. Dalam hal ini, Adat Temenggung mengambil hukum Islam sebagai landasan. Bagaimanapun, dalam hal-hal tertentu, hukum adat digunakan, misalnya dalam kes isteri yang kematian suami, jika menurut hukum Islam isteri akan hanya mendapat satu per empat atau satu per lapan bahagian sahaja, tetapi biasanya hukum adat akan memberikan mereka lebih daripada itu seperti mana yang diterangkan dalam bab yang lepas.

Jika dalam Adat Temenggung, sistem pewarisan Islam menjadi landasan tetapi tidak begitu halnya dengan Adat Perpatih. Sistem pewarisan harta yang mengutamakan anak perempuan masih dikekalkan walaupun Islam telah menetapkan hukum-hukumnya. Nasab keturunan yang berdasarkan kaum ibu juga bertentangan dengan yang telah ditetapkan oleh Islam. Terlihat di sini betapa terhadnya pengaruh hukum Islam dalam masyarakat Adat Perpatih walaupun mereka mengakui bahawa adat mereka bersendikan hukum Islam. Namun, dari segi implimentasinya tidak seperti yang diungkapkan.

PENGARUH UNDANG-UNDANG ISLAM DALAM SISTEM PERUNDANGAN MELAYU LAMA

Undang-undang Islam bukan sekadar menampakkan pengaruhnya dalam hukum adat Melayu lama sahaja tetapi ia juga mempunyai pengaruh dalam sistem perundangan Melayu lama terutama dalam hal-ehwal jenayah. Sistem perundangan Melayu lama yang dimaksudkan itu ialah Hukum Kanun Melaka, Hukum Kanun Pahang, Undang-undang Kedah dan Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak. Bagaimanapun untuk mengukur sejauh mana pengaruh perundangan Islam dalam kedua-dua undang-undang itu perlulah dibuat kajian dan penelitian ke atas undang-undang berkenaan. Penelitian bukan sekadar pengaruh yang digambarkan melalui catatan yang dibuat tetapi juga dari segi pelaksanaan terhadap hukuman yang digariskan untuk memberi gambaran sebenar terhadap pelaksanaan undang-undang Islam di negeri-negeri Melayu.

HUKUM KANUN MELAKA

Sarjana-sarjana yang membuat kajian terhadap Hukum Kanun Melaka ini rata-ratanya berpendapat bahawa pengaruh undang-undang Islam memang ketara dalam undang-undang ini. Muhammad Yusuf Hashim umpamanya menegaskan bahawa undang-undang Islam mencakupi lebih daripada satu per empat daripada peruntukan undang-undang tempatan berhubung dengan undang-undang perkahwinan.⁴ Selain daripada itu, undang-undang Islam juga terdapat dalam undang-undang jualan dan prosedurnya serta dalam undang-undang jenayah. Bagaimanapun, didapati bahawa undang-undang Islam yang ada dalam Undang-undang Melaka itu tidak seragam bentuknya. Maksudnya di sini ada ketikanya undang-undang itu hanya merujuk kepada undang-undang Islam sahaja, tetapi pada fasal yang lain diletakkan undang-undang Islam dengan hukum adat sekali.

Dalam undang-undang perkahwinan, seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, undang-undang Islam memang diterima pakai. Ini boleh dilihat dalam Fasal 25.1 yang berkaitan dengan wali, Fasal 25.2 tentang ijab dan kabul, Fasal 26 tentang saksi pernikahan, Fasal 27 tentang kontrak perkahwinan, Fasal 28.1 tentang talak, Fasal 28.2 tentang wanita-wanita yang boleh dikahwini dan Fasal 28.3 tentang hamba-hamba yang boleh dikahwini. Sebagai contoh, di sini dipetik Fasal 26 iaitu tentang saksi pernikahan:

Fasal yang kedua puluh enam pada menyatakan hukum syaksi pada nikah. Adapun sekurang-kurang syaksi pada kahwin itu empat orang, tetapi jikalau tiada empat, dua orang pun padalah. Jikalau kurang daripada dua orang, maka iaitu zina(h), tiada sah nikahnya itu. Adapun orang yang boleh menjadi syaksi itu orang yang salih dan laki-laki yang 'adal lagi akil mursyid dengan merdehika. Jikalau tiada salih atau abdi atau perempuan, tiadalah sah syaksinya itu melainkan atas dua jalan jua: suatu syaksi haid, kedua syaksi akan hamil tiada lagi lain daripada itu. Adapun akan kahwin itu tiada harus bersyaksi kepada abdi atau orang yang fasik atau perem-

*puan atas kaul azhar, adapun artinya pada ma'na nyata.
Itulah syaksi hukumnya'.⁵*

Dalam bab berkenaan urusan jual beli dan prosedurnya pula, undang-undang Islam diterima pakai dalam enam fasal, iaitu Fasal 29 berkenaan timbang dan ukur, Fasal 30 tentang penjualan dan riba, Fasal 31 tentang penjualan tanah, Fasal 31 cerai 2 dan 3 berkenaan jual beli barang yang rosak, Fasal 32 dan cerai-ceraian tentang kebangkrapan dan soal pinjaman, Fasal 33 cerai 1 dan 2 tentang modal dan usaha sama dan Fasal 34 cerai 1 dan 2 tentang pegangan amanah.⁶ Contoh yang diambil di sini ialah Fasal 30:

Fasal yang ketiga puluh pada menyatakan hukum orang yang berniaga itu dan haram atas segala yang mengambil riba. Adapun hukum berniaga itu tiada sah berniaga melainkan daripada akil; tiada sah berniaga itu bagi orang yang gila dan tiada sah berniaga dengan kanak-kanak yang belum baligh, dan tiada sah berniaga dengan orang yang mabuk arak dan tuak dan tiada sah berniaga dengan dia sekalian itu kerana orang yang mabuk arak dan tuak tiada tentu harga yang dijualnya atau benda yang dijual itu.⁷

Di samping menyatakan tentang urusan jual beli dengan orang mabuk, fasal yang ketiga puluh ini juga menghuraikan tentang pengharaman riba. Jelas di sini tertera pengaruh perundangan Islam yang mengharuskan urusan berjual beli hanya dengan orang yang waras sahaja dan mengharamkan riba.

Tentang undang-undang jenayah pula, Undang-undang Melaka tidak mengambil banyak undang-undang Islam. Hanya terdapat lima fasal sahaja yang memasukkan undang-undang Islam dalam undang-undang itu. Fasal-fasal itu ialah Fasal 36 yang berkaitan dengan rukun-rukun murtad, Fasal 39 tentang pembunuhan, Fasal 40 tentang perzinaan, Fasal 41 tentang rukun-rukun mencera dan memaki orang dan Fasal 42 tentang perbuatan meminum minuman keras. Sebagai contoh, di sini dipetik Fasal 42 iaitu tentang perbuatan meminum minuman keras.

Fasal yang keempat puluh dua pada menyatakan hukum orang yang minum arak dan tuak. Barang siapa yang minum arak dan tuak atau minum barang minuman yang memabukkan: jikalau merdehika empat puluh kali palu didera akan dia; jikalau abdi dua puluh kali deranya. Bermula dihadkan dua perkara, suatu dengan ikrar, suatu dengan dua orang syaksi laki-laki. Tiada dihadkan dengan dicitum bau tuak mulutnya ya'ni tiada dihukum padanya.⁸

Fasal di atas ini memang menepati hukum Islam bagi mereka yang minum minuman keras malah ia diperincikan sehingga sebegitu rupa.

Contoh-contoh yang diberikan setakat ini memperlihatkan pengaruh Islam yang ketara apabila perkara-perkara yang disebutkan itu serta hukuman yang disabitkan berdasarkan hukum-hakam Islam. Bagaimanapun pada sesetengah perkara hukum adat disebutkan di samping hukum Islam. Sebagai contoh untuk memperlihatkan kedua-dua jenis undang-undang dikanunkan dalam Undang-undang Melaka dipetik undang-undang berkaitan dengan perbuatan mencuri di kalangan hamba iaitu pada Fasal 7 ceraian 2:

Adapun jikalau ia mencuri, maka tertangkap lalu dibunuhnya, maka kenalah denda akan dia setengah harganya, dan setengah akan menterianya dan setengah akan tuannya, kerana taksirnya tiada dengan setahu menteri. Adapun pada hukum Allah orang yang mencuri itu tiada harus dibunuh, melainkan dipotong tangannya.⁹

Hukum bunuh dan denda yang dikenakan itu melambangkan hukum adat, manakala hukum Islam jelas dinyatakan sekali. Menjadi persoalan di sini tentang penulisan kedua-dua jenis undang-undang ini dalam fasal ini. Adakah ia bertujuan memberi pilihan kepada pihak yang berkuasa untuk memilih hukuman yang bersesuaian atau sekadar memberitahu tentang hukum Islam yang ditetapkan dalam kes berkenaan.

Dalam Undang-undang Melaka terdapat juga hukuman bagi sesuatu kesalahan yang dinyatakan bahawa ia adalah undang-

undang Islam tetapi yang sebenarnya bukan. Contoh yang boleh diambil tentang kesilapan itu ialah pada Fasal 14 cerai 2:

Adapun jikalau menuduh orang mengambil isteri orang, maka menang yang dituduh itu, dibunuh orang yang menuduh itu, kerana hukum mengambil isteri orang itu mati hukumnya. Jikalau tiada dibunuh, didenda sepuluh tahlil sepaha. Di dalam pada itu melainkan syafa'at segala hakim juga; kerana hukumnya itu mati. Adapun kepada hukum Allah tiada demikian, hanya disuruhkan hakim bersumpah atau bertaubat daripada perbuatan itu. Demikianlah hukum Allah.¹⁰

Menuduh yang digunakan dalam fasal ini boleh disamakan dengan menfitnah. Dalam sistem perundangan Islam, orang yang membuat fitnah atau menuduh orang lain berbuat jahat, mereka akan dihukum sebat,¹¹ bukan sekadar bersumpah atau bertaubat seperti yang dinyatakan dalam fasal berkenaan. Lebih daripada itu dalam fasal yang sama cerai pertama, penulis undang-undang ini cuba mencampuradukkan antara hukuman yang diambil daripada sumber Hindu dengan Islam. Diperturunkan fasal berkenaan supaya lebih jelas:

Fasal yang keempat belas pada menyatakan hukum orang tuduh-menuduh dan sangkal-menyangkal. Adapun seorang itu menuduh dan seorang itu bersangkal, maka ditanyai oleh hakim. Jikalau ia mau berlawan, diperlawan; itu pun jikalau tiada syaksi berdiri. Jikalau ada syaksi dua orang atau seorang, dihukumkan oleh hakim atas sebarang adat kanun. Adapun pada hukum Allah sekadar disuruh bersumpah menjabat mimbar juga pun padalah. Adapun pada hukum kanun, disuruh ia berlawan berselam air atau bercelur minyak atau timah. Maka disurat: "Wa'llahu khalakum wa ma ta'maluna. Ilahi, bi barakat Jabra'il wa Mika'il wa Israfil wa Izrail, Kau tunjukkan kiranya benar salah si anu dengan si anu itu". Maka dibubuh kawah atau kual. Maka dengan sekali celup tangannya juga. Barangsiapa alah, maka dihukum-

lah atas hukuman negeri atau dusun, jikalau besar salahnya patut dibunuh, maka dibunuh akan dia. Jikalau tiada besar salahnya, didenda akan dia mana patut dendanya; jikalau yang patut dima'afkan, dima'afkan oleh hakim.

Hukum yang dikatakan diambil daripada sumber Hindu¹² adalah berkaitan dengan perbuatan berselam air atau bercelur minyak atau timah untuk membuktikan kebenaran. Percampuran dengan hukum Islam ketara dengan tulisan ayat al-Quran pada kawah atau kuai yang digunakan untuk acara tersebut.

Demikianlah sedikit sebanyak perkara yang berhubung dengan pengaruh undang-undang Islam dalam Undang-undang Melaka bersama beberapa contoh. Kita dapati undang-undang Islam hanya dominan dalam hal-chwal perkahwinan sahaja, manakala dalam hal-hal lain, hukum adat negeri yang bersalut dengan pengaruh Hindu masih digunakan secara meluas terutama yang berkaitan dengan sistem pentadbiran dan undang-undang negeri. Seperkara lagi, walaupun undang-undang Islam digunakan dalam Undang-undang Melaka dalam hal-hal yang disebutkan tadi, tetapi dari segi implimentasinya tidaklah menyeluruh, dalam erti kata bahawa ada golongan yang terlepas daripada hukuman. Contoh yang boleh diambil di sini ialah tentang peristiwa pembunuhan anak Bendahara Tun Besar oleh Raja Muhammad, anak Sultan Mahmud (Sultan Melaka) tanpa sebab yang munasabah.¹³ Dalam kes itu Tengku Ahmad tidak dibunuh sebaliknya hanya dibuang negeri ke Pahang. Ini menunjukkan bahawa keluarga diraja mempunyai kekebalan dari segi perundangan.

Lebih penting daripada itu sultan yang memerintah yang mempunyai kuasa mutlak dalam semua perkara termasuk hal-chwal perundangan mempunyai kuasa yang tidak terbatas dalam menjatuhkan hukuman kepada sesiapa yang disyaki bersalah atau menderhaka. Kes yang boleh diambil sebagai contoh ialah kes pembunuhan keluarga bendahara Tun Mutahir pada zaman pemerintahan Sultan Mahmud Syah yang dilakukan tanpa perbicaraan terlebih dahulu.¹⁴ Apa pun ia menggambarkan hakikat bahawa dari

segi implimentasinya, undang-undang Islam akan tetap diketepikan biarpun ia jelas termaktub dalam kanun.

HUKUM KANUN PAHANG

Jika menurut catatan sejarah, sistem perundangan kedua yang ditulis selepas Hukum Kanun Melaka ialah Undang-undang Pahang yang ditulis pada masa pemerintahan Sultan Abd al-Ghafur Muhiyuddin Shah yang memerintah antara tahun 1592 hingga tahun 1614. Undang-undang ini dikatakan merupakan lanjutan atau peman-tapan daripada undang-undang terawal itu. Berbanding Hukum Kanun Melaka, Undang-undang Pahang lebih banyak mengambil undang-undang Islam malah dikatakan bahawa hampir separuh daripadanya adalah undang-undang Islam.¹⁵ Dikatakan bahawa undang-undang yang mengandungi 93 fasal itu telah menterjemah sebahagian daripada undang-undang Islam Mazhab Syafie yang terkandung dalam Fasal 24 hingga 68. Fasal-fasal itu membicarakan tentang hukum berjual beli, berhutang, menyewa harta, wakaf harta dan hukum jenayah.

Bersandarkan kepada pernyataan tersebut, maka bolehlah di-katakan bahawa undang-undang Islam lebih besar pengaruhnya dalam Hukum Kanun Pahang berbanding Hukum Kanun Melaka. Abdul Kadir Hj. Muhammad berpendapat bahawa keadaan ini berlaku kerana Hukum Kanun Melaka telah ditulis sebelum ke-datangan Islam lagi manakala Undang-undang Pahang ditulis sesudah Islam mantap di bumi Melayu ini.¹⁶ Bagaimanapun, pengaruh undang-undang Hindu dan adat tempatan masih tetap wujud dalam undang-undang berkenaan sebagaimana undang-undang Melayu yang lain. Pengaruh agama Hindu dan kepercayaan tempatan yang telah lama sebatl dalam hidup masyarakat Melayu memang sukar untuk dikikis.

Sekadar sebagai satu contoh untuk memperlihatkan pengaruh hukum Islam yang terkandung dalam Hukum Kanun Pahang, dipetik di sini Fasal 46 yang mencatatkan tentang hukuman yang berkaitan dengan perbuatan membunuh yang diperjelaskan dengan agak terperinci:¹⁷

Bab peri hukum apa-bila sa-orang 'akil baligh membunuh sa-orang Islam, di-sahaja-nya di-bunuh-nya itu, laki-laki atau perempuan, kechil atau besar, maka yang membunuh itu di-bunuh. Bermula tiada harus Islam di-bunuh oleh (membunuh) kafir. Bermula tiada harus merdeheka di-bunuh oleh membunuh hamba orang. Bermula tiada harus bapa di-bunuh oleh membunuh anak-nya. Bermula (tiada A) di-kisaskan antara hamba Islam dan merdeheka kafir. Demi bermula, jika Yahudi membunuh Nasrani atau kafir Majusi, maka atas di-bunuh tiada di-tahani bunoh-nya, jika ia masok Islam pun. Bermula apa-bila sa-orang membunuh jama'at, di-bunuh yang dahulu di-bunuh-nya; jika segala yang kemudian di-bunuh-nya itu, denda kapada dia. Bermula jika yang membunuh tiada ketahuan pertama yang di-bunuh-nya¹⁸ Bermula pada tempat di-kisaskan pada anggota; apa-bila tiada di-kisaskan pada nyawa, tiada di-kisaskan pada anggota-nya. Bermula membunuh dan menentukan dan mengharamkan di-bunuh seperti itu, jika mati dengan itu; jika tiada mati dengan itu, di-bunuh-nya dengan senjata. Bermula jika sa-orang memenggal kedua tangan sa-orang orang, maka mati ia dengan penggal itu, maka keluarga yang terbunuh itu, jika hendak dia, di-bunuh-nya; jika tiada, di-penggal-nya tangan-nya kedua; jika hendak ia ampun-nya dengan denda atau di-ampuni-nya tiada dengan denda, dapat, hukum-nya.

Begitulah terperinci undang-undang yang berkaitan dengan perbuatan membunuh yang termasuk dalam hukum kisas mengikut perundangan Islam. Boleh dikatakan setiap keadaan pembunuhan yang berlaku digariskan hukuman yang mesti dijalankan. Berbeza dengan Hukum Kanun Melaka, Hukum Kanun Pahang ini tidak mencatatkan hukuman bunuh mengikut hukum adat.

Bagaimanapun, dalam perkara yang berkaitan dengan perbuatan zina, Hukum Kanun Pahang mencatatkan dua hukum yang berbeza.

Fasal 49 jelas mengikut hukum Islam manakala pada Fasal 7, hukumannya lebih kepada hukum adat. Pada Fasal 49 Hukum Kanun Pahang menjelaskan tentang hukuman terhadap orang yang berzina sama ada mereka yang telah berkahwin atau belum dengan saksi-saksi seperti mana yang termaktub dalam hukum Islam. Manakala pada Fasal 7 pula ia menggariskan hukuman kepada perlakuan zina dalam tiga keadaan iaitu antara pasangan yang sama-sama *harr* (merdeka), sama-sama hamba dan seorang *harr* manakala pasangannya hamba. Tiap keadaan yang berbeza membawa kepada hukuman yang berbeza juga.¹⁹

Pengaruh sistem perundangan Islam dalam Hukum Kanun Pahang memang tidak boleh dinafikan lagi. Jika dalam Hukum Kanun Melaka pengaruh itu agak samar-samar tetapi tidak dalam Hukum Kanun Pahang. Diperturunkan di sini satu lagi contoh yang menunjukkan pengaruh hukum Islam dalam urusan berjual beli yang terkandung dalam pada Fasal 31:²⁰

Peri pada menyatakan hukum berjual, tiada dapat daripada yang menjualkan itu; kata-nya, "Ku-jualkan engkau": kata yang membeli, "Ku terima-lah jua", tiada syarat razi yang dijualkan atas-nya, bahawa harus utang-nya yang thabit atas-nya; seperti lepas yang menjualkan, jikalau mati yang dijualkan atau lari atau mungkir. Tiada harus jual perak dengan emas: tiada harus yang tunai dengan berjanji.

UNDANG-UNDANG KEDAH

Pengaruh Islam dalam Undang-undang Kedah begitu terhad sekali. Malah Hamid Jusuh menyatakan bahawa pengaruh Islam tidaklah begitu jelas dan ia didapati hanya menyentuh pada perkara-perkara yang melibatkan amalan-amalan agama sahaja.²¹ Walaupun Undang-undang Kedah mempunyai empat bahagian, tetapi hanya Undang-undang Tembera Dato Seri Paduka Tuan sahaja yang menyentuh sedikit berkaitan dengan amalan agama dan hukuman yang perlu dijatuhkan kepada yang melanggar perintah agama. Daripada enam belas fasal yang terkandung dalam undang-undang tersebut hanya tiga fasal sahaja yang menyentuh tentang Islam iaitu tentang perkara-

perkara yang dilarang dalam agama seperti berjudi, minum arak, mencuri dan perkara-perkara yang berkaitan dengan kewajipan yang mesti ditunaikan seperti sembahyang lima waktu, sembahyang Jumaat, puasa dan membayar zakat.

Diperturunkan di sini fasal pertama dalam Undang-undang Tembera' Dato Seri Paduka Tuan yang berkaitan dengan larangan melakukan perkara-perkara yang ditegah oleh Islam dan hukuman yang akan dijatuhkan:²²

Yang pertama kami nyatakan undang-undang; barang siapa menchuri atau menyamun atau menyabong atau makan madat atau main judi bertaroh-tarohan atau menyembah kayu-kayuan atau menyembah batu dan minum arak dan tuak atau mengasi dan yang kilang atau makan ganja dan berbuat dia, maka kerja sakalian itu di-larangkan Allah subhanahu wa taala dan Rasul-nya : maka barang siapa ada perkerjaan yang demikian itu, derhaka ka-pada Allah dan Rasul-nya: maka hendak-lah segerakan oleh segala yang berkerja tobatkan, supaya di-ampuni Allah taala dosa-nya dan memohonkan ampun ka-bawah Duli Baginda yang maha mulia. Telah diampuni kerja yang telah lalu itu, maka di-kerjakan-nya pula kerja yang di-larang Allah taala dan Rasul-nya itu kemudian dari-pada tobat itu, maka hendaklah segala orang yang tua-tua berkampong beri tahu kweng atau panglima: maka apa-bila ketahui oleh kweng atau panglima hendak-lah tangkap dengan tikam-nya hantarkan ka-negeri segala yang derhaka itu. Apa-bila orang tua berkampong tiada memberi tahu kweng, ditaazirkan orang kampong itu, kerana ia sa-jahat dengan orang jahat: apa-bila diketahui oleh kweng tiada di-tangkap itu, kerana taksir-lah atas kweng, selalu ia membenarkan orang yang derhaka pada Allah dan Rasul-nya dan ka-pada Raja-nya.

Oleh yang demikian, berbanding dengan Hukum Kanun Melaka dan Hukum Kanun Pahang, Undang-undang Kedah tidak meng-

ambil hukum Islam dalam banyak aspek kehidupan. Sebaliknya ia lebih banyak berkiblat kepada undang-undang adat Melayu terutamanya yang berkaitan dengan hal-ehwal politik dan pentadbiran. Undang-undang Islam hanya direalisasikan untuk rakyat sahaja.

UNDANG-UNDANG SEMBILAN PULUH SEMBILAN PERAK

Tidak banyak beza seperti Undang-undang Melaka, Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak juga dikatakan mempunyai pengaruh undang-undang Islam yang ketara. Sarjana-sarjana yang membuat kajian ke atas undang-undang ini sepakat berpendapat sedemikian. Antara mereka ialah R.O. Winstedt, Liaw Yock Fang dan Ismail Hamid. Bagaimanapun dikatakan bahawa pengaruh itu hanya ketara dalam undang-undang perkahwinan dan perceraian, manakala dalam undang-undang lain seperti undang-undang jenayah, hukum adat yang bercampur baur dengan pengaruh Hindu menjadi rujukan. Sejauh mana ketaranya pengaruh undang-undang Islam dalam undang-undang berkenaan akan dilihat dalam perbincangan selanjutnya.

Apabila dikatakan bahawa pengaruh undang-undang Islam ketara dalam undang-undang perkahwinan dan perceraian, maka tidak perlulah diperjelaskan lagi di sini kerana sudah tentulah ia tidak jauh berbeza seperti yang terkandung dalam Hukum Kanun Melaka. Bagaimanapun terdapat sedikit keganjilan dalam undang-undang ini ketika memperihalkan tentang pasangan yang baru bernikah, pasangan itu tidak dibenarkan bersama selama lebih kurang 40 hari atas alasan untuk menjaga iman masing-masing.²³ Ternyata Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak ini sebenarnya banyak perbezaan jika dibandingkan dengan undang-undang Melayu yang lain.

Dalam undang-undang jenayah pula, tidak ada satu perbuatan jenayah pun yang menggunakan hukum Islam dicatatkan. Sebaliknya ia lebih banyak merujuk kepada budi bicara dan akal manusia sahaja di samping hukum adat. Sebagai contoh, dipetik di sini Fasal 4 yang menyebutkan tentang hukum membunuh:

Apakah hukuman seorang kafir membunuh orang Islam?, menteri itu menjawab, orang kafir itu tidak boleh dibunuh; sekiranya dia dijatuhi hukuman bunuh, maka tidak ada peluang untuk dia memeluk Islam. Keluarga si mati hanya mendapat bayaran wang daripada kaum kerabat pembunuh. Sekiranya orang kafir dibunuh oleh orang Islam, maka pembunuh itu akan dihukum mati, tetapi dia boleh membuat tawaran pembayaran kepada keluarga si mati (undang-undang menetapkan pembayaran sepuluh tahlil emas) dan dia akan dibebaskan.²⁴

Dalam satu lagi fasal yang juga menyatakan tentang hukum membunuh tetapi yang hanya melibatkan orang Islam sahaja, hukuman yang dikenakan juga memperlihatkan bahawa undang-undang itu tidak merujuk kepada undang-undang Islam. Sebaliknya pula tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa hukuman yang dikenakan itu lebih cenderung kepada mengenakan denda sahaja. Dipetik di sini Fasal 23 sebagai satu lagi contoh:

Undang-undang membunuh sama-sama Islam, maka titah Raja Naruan Adil, "Apakah Hukumnya?" maka sembah menteri, "Ya Tuanku, jika dibunuh orang Islam sama orang Islam tiada boleh dibunuh ia jika dibunuh jadi dibelakan binasalah keduanya, jadi mati kafir yang membunuh; yang boleh dihukum kena diat empat tahlil dua paha emas sekurang-kurangnya dua dirham, disedekah supaya lepas se-tahlil se-paha emas."²⁵

Jika diperhatikan kepada kedua-dua fasal yang dipetik di atas, hukuman yang dijatuhkan bagi si pembunuh, jauh menyimpang daripada yang telah ditetapkan dalam undang-undang Islam. Boleh dikatakan tidak ada langsung pengaruh undang-undang Islam dalam kedua-dua fasal itu. Lebih daripada itu, ia langsung tidak menyebut tentang undang-undang yang telah ditetapkan oleh Islam seperti yang termaktub dalam Hukum Kanun Melaka. Walaupun ia barangkali hanya disebutkan dan tidak dilaksanakan tetapi se-

kurang-kurangnya, dengan menyebutkan hukuman berdasarkan undang-undang Islam, rakyat Melaka tahu serba sedikit tentang undang-undang Islam. Daripada kedua-dua contoh itu juga kita dapati hukuman denda wang dalam bentuk emas menjadi hukuman utama dalam undang-undang Perak ini. Hakikat ini lebih jelas dilihat dalam satu lagi Fasal 6 iaitu yang berkenaan hukuman bagi pesalah yang mengambil isteri orang:

Undang-undang orang mengambil perempuan orang apa hukunya?" Maka sembah menteri, "Dibuang daripada mukim itu, jika tiada dibuang didenda se paha tiga tahlil emas; perempuan itu didera di pintu masjid dichukor akan dia tetapi jika lalu mengadakan denda, lepaslah dia."²⁶

Berdasarkan kepada contoh-contoh petikan daripada undang-undang berkenaan, didapati bahawa hukuman yang dikenakan atas kesalahan-kesalahan jenayah sangat ringan. Selain daripada denda sebagai alternatif kepada hukuman yang telah ditetapkan terdapat juga hukuman lain yang ringan seperti diperintahkan bernikah bagi mereka yang telah melakukan penzinaan seperti mana yang termaktub dalam Fasal 50. Hukuman paling keras ialah hukuman dicukur seperti yang tertera dalam petikan di atas.

Jika dibuat perbandingan antara Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Pahang dengan Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak ini, kita boleh katakan bahawa kedua-dua hukum itu lebih banyak merujuk kepada undang-undang Islam daripada Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak. Satu perkara lagi yang boleh disebutkan di sini ialah pernyataan bahawa Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak ini telah menerima pengaruh daripada Hukum Kanun Melaka. Pernyataan ini agak meragukan jika dilihat pada undang-undang ini. Barangkali pernyataan ini hanya benar untuk undang-undang yang berkaitan dengan pentadbiran dan keluarga sahaja. Jika begitu keadaannya, tidak tepatlah jika dikatakan bahawa Hukum Kanun Melaka banyak mempengaruhi Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak. Sebaliknya, memang undang-undang itu datangnya dari luar dan

telah mengalami pengubahsuaian dengan undang-undang adat tempatan.

KEDUDUKAN UNDANG-UNDANG ISLAM SEJAK CAMPUR TANGAN INGGERIS

Walaupun undang-undang Islam bukan merupakan undang-undang tunggal yang digunakan dalam sistem perundangan Melayu lama tetapi pengaruhnya memang tidak dapat dinafikan. Sultan dan pembesar-pembesar Melayu ketika itu tidak mengetepikan undang-undang Islam walaupun mereka nampaknya lebih mengutamakan undang-undang adat. Malah dalam Undang-undang Pahang seperti yang telah dibincangkan sebelum ini menunjukkan bahawa undang-undang Islam memainkan peranan yang penting dalam sistem perundangan negeri itu. Namun, perkembangan yang agak membe-rangsangkan ini terganggu apabila Inggeris datang dan mula campur tangan dalam hal-ehwal politik negeri-negeri Melayu. Walaupun tidak ada dokumen atau kenyataan khusus yang menunjukkan bahawa kerajaan Inggeris akan membuang undang-undang Islam yang diamalkan sebelum ini, tetapi dengan termeterainya Perjanjian Pangkor pada 1874, dengan sendirinya undang-undang Islam tidak berfungsi lagi. Ini terbukti melalui pernyataan yang berbunyi:

Bahawa Sultan menerima dan menyediakan tempat tinggal yang bersesuaian kepada pegawai Inggeris yang dikenali sebagai residen yang ditauliahkan untuk mengendalikn mahkamah baginda. Segala khidmat nasihat dan tindakan hendaklah dirujuk kepada residen kecuali hal-hal yang berhubung dengan agama dan adat istiadat orang Melayu.²⁷

Dengan pernyataan ini, semua perkara yang ingin dilakukan adalah atas nasihat daripada residen kecuali hal-hal yang berhubung dengan agama dan adat istiadat orang Melayu. Ini memberikan makna bahawa sistem perundangan yang sedia diguna pakai akan ditinggalkan kerana sudah tentu residen Inggeris akan merujuk kepada sistem perundangan Inggeris ketika mengendalikan

mahkamah sultan kecuali dalam perkara-perkara yang disebutkan tadi. Secara tidak langsung ini memberi erti juga bahawa undang-undang Islam dan hukum adat hanya akan digunakan dalam hal-hal yang berkaitan dengannya secara langsung seperti dalam aspek perkahwinan dan perceraian, pembahagian harta pusaka dan dalam aspek amalan agama dan adat tempatan. Nasib yang diterima oleh undang-undang Islam khususnya ini bukan setakat di Perak sahaja tetapi juga meluas di negeri-negeri Melayu yang lain yang turut menerima residen Inggeris sebagai penasihat dalam hal-ehwal pentadbiran negeri. Walaupun dikatakan bahawa undang-undang Islam masih diguna pakai tetapi fungsi dan skopnya sangat terbatas.

Kita dapati sejak kerajaan Inggeris campur tangan secara rasmi di negeri-negeri Melayu, semakin hari ruang lingkup sistem perundangan Islam semakin mengecil apabila mereka memperkenalkan akta-akta baru yang merujuk kepada undang-undang mereka kepada perkara-perkara yang dahulunya hanya tertakluk kepada undang-undang Islam dan hukum adat serta berada di bawah kawalan sultan-sultan. Ini terbukti dengan pengenalan Ordinan Perkahwinan Mohammedan 1880 yang melibatkan pendaftaran dan perceraian dan hal-hal yang berkaitan dengannya. Nampaknya hanya enam tahun selepas campur tangan, kerajaan Inggeris telah memulakan langkah untuk mengawal semua perkara termasuk dalam soal-soal agama dan adat resam yang dahulunya diletakkan di bawah kawalan sultan-sultan Melayu. Pengenalan ordinan itu kemudiannya diikuti dengan ordinan-ordinan yang lain dan dilaksanakan di setiap negeri yang dinaunginya.

Satu perkara yang tidak dapat dinafikan dalam hakikat sejarah yang telah terjadi ialah bahawa sejak kedatangan Inggeris, undang-undang Islam terus terpinggir hinggalah sekarang. Sebaliknya pula, sistem perundangan Inggeris yang diperkenalkan secara berperingkat-peringkat telah digunakan secara meluas dalam semua perkara di setiap negeri. Tiada apa yang dapat dilakukan oleh sultan-sultan dan pembesar-pembesar Melayu untuk menangani masalah keterpinggiran ini kerana dominannya kuasa pihak Inggeris yang diwakili oleh residen-residen mereka. Situasi ini berterusan walaupun negara telah mencapai kemerdekaan. Barangkali suasana

masyarakat yang telah jauh berubah menyukarkan usaha untuk merealisasikan undang-undang Islam.

Nota Hujung

1. Abdul Rahman Abdullah, 1985. *Asia Tenggara Tradisional: Politik dan Kebudayaan* (Kuala Lumpur, Teks Publishing), hlm. 63.
2. Antara sarjana yang berpendapat demikian ialah D.G.E. Hall, Bernard H.M. Vlekke, Abdul Hadi Hj. Hassan, T.W. Arnold, P.E. Josselin dan Brian Harisson.
3. Antara sarjana yang mengemukakan teori ini ialah Syed Mohammad Naquib al-Attas, John Crawford, Keyzers, Niemann dan de Hollander.
4. Hamid Jusoh, 1992. *Kedudukan Undang-undang Islam dalam Perlembagaan Malaysia* (Kuala Lumpur, DBP), hlm. 4.
5. Liaw Yock Fang, 1976. *Undang-Undang Melaka* (The Haque), hlm. 128.
6. Hamid Jusoh, *op. cit.*, hlm. 5-6.
7. Liaw Yock Fang, *op. cit.*, hlm. 134.
8. *Ibid.*, hlm. 162.
9. *Ibid.*, hlm. 74.
10. *Ibid.*, hlm. 88.
11. Al-Quran, *Surah an-Nuur* ayat 4.
12. Abu Hassan Sham & Mariyam Salim, 1995. *Sastera Undang-undang* (Kuala Lumpur, DBP). Hlm. 21-23.
13. W.G. Shellabear, 1991, *Sejarah Melayu*, Petaling Jaya, Fajar Bakti, hlm. 110-111.
14. *Ibid.*, hlm. 195.
15. Abdul Kadir Hj. Muhammad, 1996. *Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur, DBP), hlm. 16.
16. *Ibid.*
17. John E. Kempe & R. O. Winstedt, 1947. *A Malay Legal Digest*, (The Malayan Branch of the Royal Asiatic Society). Hlm. 48-49.
18. Perkataan ini tidak dapat dipastikan.
19. John E. Kempe & R. O. Winstedt, *op.cit.* hlm. 33-34.

20. *Ibid.* hlm. 43.
21. Hamid Jusoh, *op. cit.*, hlm. 12.
22. R. O. Winstedt, 1928. *Kedah Laws*, (The Malayan Branch of the Royal Asiatic Society). Hlm. 27.
23. R.J. Wilkinson, 1908. *Papers on Malay Subjects, Law : Part II The Ninety Nine Law of Perak* (ed. J. Rigby) (Kuala Lumpur, Federated Malay States), hlm. 77.
24. Hamid Jusoh, *op. cit.* hlm. 20.
25. R.J. Wilkinson, 1909. *Papers on Malay Subjects, Law : Part II* (Kuala Lumpur, Federated Malay States), hlm. 64.
26. R.J. Wilkinson, *The Ninety Nine Law of Perak*, hlm. 88.
27. Dipetik dari Hamid Jusoh, *op. cit.*, hlm. 19.

Bab 10

Undang-undang Inggeris: Kedatangan dan Pelaksanaannya

SELEPAS undang-undang Islam, undang-undang Inggeris merupakan satu lagi sistem perundangan yang sangat dominan di negeri-negeri Melayu sama ada dari segi pengaruh mahupun dari segi pelaksanaannya sejak ia mula diperkenalkan, hinggalah sekarang. Nampaknya negeri-negeri Melayu ini tidak putus-putus menerima pengaruh luar termasuklah dalam hal-ehwal perundangan. Kalau sebelum ini masyarakat Melayu mengamalkan Adat Temenggung dan Perpatih yang datang dari negara jiran, kemudian diikuti pula dengan sistem perundangan Islam, maka selepas itu datang pula sistem perundangan Inggeris dari Eropah. Namun begitu didapati bahawa masyarakat dan pemerintah Melayu menerima baik sistem perundangan yang telah disebutkan itu kecuali undang-undang Inggeris.

Penerimaan dan pelaksanaan undang-undang Inggeris di negeri-negeri Melayu boleh disifatkan sebagai kuasa mereka ke atas negeri-negeri Melayu dan pada hakikatnya masyarakat dan pemerintah Melayu tidak menerima undang-undang ini dengan rela hati. Pernyataan ini boleh disandarkan dengan peristiwa tercetusnya beberapa penentangan atau pemberontakan yang berlaku di kalangan pembesar dan rakyat akibat penguatkuasaan undang-undang Inggeris di tempat mereka. Contoh yang boleh diambil ialah

pemberontakan yang dilancarkan oleh Tok Janggut di Pasir Puteh Kelantan pada tahun 1915 dan pemberontakan oleh Haji Abdul Rahman Limbong di Kuala Terengganu pada tahun 1928. Pemberontakan-pemberontakan ini berlaku akibat percubaan kerajaan Inggeris mahu melaksanakan undang-undang tanah dan kutipan cukai yang baru yang berlawanan dengan undang-undang yang sedia diamalkan.

Undang-undang Inggeris bukanlah undang-undang Eropah pertama yang diperkenalkan di negeri-negeri Melayu. Sebelum itu, Melaka telah diperkenalkan dengan undang-undang Portugis dan Belanda ketika negeri itu berada di bawah taklukan kedua-dua kuasa tersebut. Walau bagaimanapun kesan undang-undang Portugis dan Belanda ini tidaklah sehebat kesan yang ditinggalkan oleh undang-undang Inggeris ini walaupun usia pemerintahan kerajaan Inggeris di negeri-negeri Melayu umumnya tidak mencapai seratus tahun berbanding tempoh penguasaan Portugis dan Belanda ke atas Melaka. Wilayah kekuasaan yang kecil dan sikap mementingkan keuntungan ekonomi semata-mata oleh kerajaan Portugis dan Belanda barangkali boleh menjelaskan tentang keadaan ini walaupun Melaka itu sebenarnya adalah taklukan mereka. Berbanding dengan Inggeris, walaupun negeri-negeri Melayu adalah bertaraf negeri naungan mereka sahaja kecuali Negeri-Negeri Selat tetapi sikap mereka dalam memperluaskan kuasa dalam segenap perkara telah meninggalkan kesan yang mendalam termasuklah dalam aspek perundangan sehingga berjaya mengubah wajah sistem perundangannya kepada seperti yang ada pada hari ini.

PENGENALAN DAN PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG PORTUGIS DAN BELANDA DI MELAKA

Apabila Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1511, maka secara tidak langsung semua perkara mengalami perubahan, termasuklah sistem perundangannya. Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka yang dilaksanakan sebelum ini tidak berfungsi lagi. Kerajaan Portugis yang memerintah Melaka ketika itu menggunakan sistem per-

undangan mereka terutama dalam hal-ehwal pentadbiran, sivil dan jenayah iaitu perkara-perkara yang penting dan perlu kawalan secara langsung daripada mereka. Undang-undang sivil tertakluk di bawah kawalan seorang ketua keadilan yang dikenali sebagai *ovidor* manakala undang-undang jenayah pula terletak di bawah kawalan *magistrate*. Bagaimanapun, *ovidor* mempunyai kuasa ke atas kedua-dua undang-undang berkenaan termasuk berkenaan sebarang rayuan pada hukuman yang telah dijatuhkan oleh *magistrate*. Dalam kes-kes tertentu ia dirujuk terus kepada gabenor iaitu pemerintah tertinggi.¹

Dari segi pentadbiran pula, Melaka kini ditadbir oleh seorang gabenor yang dibantu oleh beberapa orang pegawai yang bertanggungjawab dalam satu-satu aspek. Sistem pentadbiran mengikut acuan mereka sendiri. Kerajaan Portugis mengekalkan jawatan bendahara dan temenggung. Namun begitu fungsi bendahara dan temenggung itu berlainan sama sekali jika dibandingkan dengan fungsi bendahara dan temenggung pada zaman kerajaan Kesultanan Melaka. Bendahara pada zaman kerajaan Kesultanan Melaka merupakan orang yang paling hampir dengan sultan dan boleh dikatakan lebih berkuasa dalam urusan pentadbiran berbanding sultan sendiri. Manakala bendahara pada zaman Portugis pula bertanggungjawab terhadap hal-ehwal luar iaitu mengawasi hubungan antara Melaka dengan kerajaan-kerajaan di Asia yang lain. Temenggung pada zaman Kesultanan Melaka bertanggungjawab terhadap hal-ehwal keselamatan kerajaan Melaka atau dengan kata lain mengawasi hal-ehwal pertahanan. Namun begitu pada zaman Portugis fungsinya jauh berbeza. Temenggung dikehendaki mengawasi penduduk di daerah Naning dan Linggi iaitu dua daerah yang terletak agak jauh daripada pusat pentadbiran iaitu bandar Melaka. Sehubungan dengan itu temenggung bertanggungjawab ke atas penguatkuasaan undang-undang sivil dan jenayah di kedua-dua daerah berkenaan.

Kerajaan Portugis mengekalkan kedua-dua jawatan tersebut dan tidak jawatan-jawatan yang lain barangkali kerana mahu mengambil hati rakyat Melaka supaya mereka tidak merasakan perubahan yang berlaku terlalu mendadak dan menyeluruh. Barangkali juga atas

kepentingan politik dan perdagangan mereka sendiri. Apabila mereka mempertanggungjawabkan hal-ehwal hubungan Melaka dengan kerajaan-kerajaan di Asia kepada bendahara, terpancarlah niat mereka. Kebanyakan kerajaan di Asia menghormati Melaka sebagai sebuah kerajaan Melayu yang agung dan mempunyai pelabuhan yang baik. Sebelum Portugis menguasai Melaka, bendaharalah juga yang selalu berhubung dengan kerajaan-kerajaan luar. Jadi untuk meneruskan kesinambungan ini maka jawatan bendahara dikekalkan. Tambahan pula pihak Portugis barangkali khuatir kerajaan-kerajaan di Asia khususnya kerajaan Melayu di kepulauan Melayu tidak mahu berurusan dengan Melaka jika pegawai Portugis yang mengendalikannya.

Berkenaan dengan jawatan temenggung pula, barangkali ini adalah berdasarkan kepada perbezaan amalan dan adat penduduk di kedua-dua daerah berkenaan berbanding di daerah lain di samping kedudukannya yang agak jauh. Kita sedia maklum bahawa penduduk di daerah Naning dan Linggi mengamalkan Adat Perpatih sementara di tempat-tempat lain di Melaka mengamalkan Adat Temenggung. Kerana itulah dikhaskan seorang pembesar Melayu untuk mengawasi penduduk di kedua-dua daerah itu bagi memastikan penguatkuasaan undang-undang Portugis dapat berjalan dengan lancar.

Walaupun kerajaan Portugis memperkenalkan dan melaksanakan undang-undang mereka sendiri di Melaka tetapi mereka bersikap agak fleksibel terhadap masyarakat dan undang-undang tempatan. Sikap ini kelihatan apabila mereka membenarkan masyarakat Melayu untuk terus mengamalkan adat dan undang-undang tempatan. Dikatakan bahawa undang-undang yang mereka perkenalkan itu hanya dikuatkuasakan ke atas orang Portugis sahaja manakala bagi masyarakat lain yang bukan Kristian, sistem keadilannya diserahkan kepada ketua masyarakat masing-masing untuk memutuskanannya.² Ini bermakna bahawa bukan masyarakat Melayu sahaja yang dibenarkan mengamalkan adat dan undang-undang mereka sendiri. Dalam hal ini sudah tentulah ketua masyarakat berkenaan akan merujuk kepada sistem perundangan mereka sendiri. Ternyata kerajaan Portugis tidak mahu mengganggu sistem

dan struktur masyarakat Melaka yang ditaklukinya. Keadaan ini berterusan sehingga Melaka jatuh ke tangan Belanda pada tahun 1641.

Sistem pentadbiran kerajaan Belanda tidak jauh berbeza daripada yang diamalkan oleh Portugis. Melaka tetap ditadbir oleh seorang gabenor dengan bantuan beberapa orang pegawainya. Bagaimanapun jawatan bendahara dan temenggung tidak dikekalkan. Dalam hal-ehwal perundangan, kerajaan Belanda menubuhkan sebuah majlis khas untuk mengendalikan soal keadilan dan diberi nama Majlis Keadilan. Sistem perundangan ini adalah berdasarkan kepada sistem perundangan yang dikeluarkan oleh kerajaan Belanda di Holland dan di Betawi. Berdasarkan sikap kerajaan Belanda yang membiarkan rakyat tempatan di Betawi mengamalkan adat perundangan mereka sendiri maka Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Jones mengandaikan bahawa kerajaan Belanda mengambil sikap yang sama terhadap masyarakat di Melaka.³ Ini bermakna bahawa hanya rakyat Belanda sahaja yang tertakluk pada undang-undang mereka. Sekali lagi masyarakat tempatan bernasib baik kerana terlepas daripada undang-undang pihak penjajah.

Satu perkara menarik yang boleh dicatatkan di sini yang berkaitan dengan undang-undang Belanda iaitu undang-undang yang berhubung dengan hukuman yang dijatuhkan ke atas pelaku jenayah. Pernah dicatatkan bahawa dalam satu peristiwa, telah berlaku pembunuhan ke atas penumpang dan anak-anak kapal sebuah kapal dari Kedah oleh sekumpulan anak kapal milik orang Belanda. Sebagai hukuman, mereka yang kesemuanya didapati bersalah, telah dipotong tangan mereka sebelum dipatahkan pinggang ketika mereka diikat di tiang salib. Kemudian mereka dibunuh.⁴ Hukuman yang dikenakan ini boleh disifatkan sebagai satu hukuman yang berat dan kejam oleh bangsa yang sering dilaung-laungkan sebagai bangsa yang bertamadun.

Secara keseluruhannya, bolehlah dikatakan bahawa walaupun Portugis dan Belanda menguasai Melaka dalam tempoh yang agak lama; lebih daripada seratus tahun, tetapi dalam banyak segi mereka tidak meninggalkan banyak kesan ke atas penduduk Melaka khususnya. Ini termasuklah dari segi adat dan budaya hidup mereka

selain daripada sistem pentadbiran. Kedua-dua kuasa Eropah ini hanya mementingkan soal keuntungan dalam perdagangan. Mereka menakluk Melaka hanya kerana negeri itu memiliki pelabuhan yang baik dan strategik kedudukannya. Dalam soal lain mereka nampaknya tidak begitu ambil peduli, terutama dalam hal-hal yang berkaitan dengan masyarakat yang mendiami negeri itu. Mereka pulangkan urusan kehidupan masyarakat itu kepada sistem hidup masing-masing.

Namun begitu sejauh mana kebebasan yang diberi kepada masyarakat Melayu untuk melaksanakan sistem adat dan perundangan yang sedia sama ada ia merangkumi semua perkara termasuk perkara-perkara yang bersabit dengan kesalahan jenayah, sukar untuk ditentukan. Besar kemungkinan bahawa kebebasan hanya terbatas dalam perkara-perkara yang bersangkutan dengan agama dan budaya hidup sehari-hari dan tidak kepada perkara-perkara lebih besar seperti jenayah dan sivil. Pernyataan ini sesuai seperti yang ditegaskan oleh M.B. Hooker bahawa Islam, iaitu sistem hidup dan perundangan yang dominan sebelum ini telah terhapus takrifannya yang berkaitan dengan kerajaan dan kuasa apabila Melaka jatuh ke tangan Portugis.⁵

SEJARAH PENGENALAN UNDANG-UNDANG INGGERIS DI NEGERI-NEGERI MELAYU

Jika mengikut catatan sejarah, undang-undang Inggeris telah diperkenalkan dan terus dilaksanakan di negeri-negeri Melayu pada tahun 1826 apabila Negeri-Negeri Selat ditubuhkan yang mengandungi Pulau Pinang, Melaka dan Singapura. Pernyataan ini sudah tentu menimbulkan satu persoalan kerana kita tahu bahawa Inggeris telah mendarat dan mentadbir Pulau Pinang sejak tahun 1786 lagi. Kalaupun itu tidak mahu diambil kira kerana dikatakan bahawa pada masa pendudukan awal mereka, Pulau Pinang dikatakan tidak mempunyai penduduk; walaupun perkara ini boleh dipersoalkan lagi, tetapi mereka juga telah menduduki Singapura lebih awal dari tarikh 1826 iaitu pada tahun 1819, begitu juga di Melaka (1824). Adalah dipercayai bahawa pelaksanaan undang-undang Inggeris

sebenarnya lebih awal daripada tarikh yang disebutkan itu, cuma ia barangkali tidak menyeluruh dalam erti kata melibatkan keseluruhan rakyat jajahannya.

Pelaksanaan sistem perundangan Inggeris di Pulau Pinang agak kabur terutama pada tahun-tahun awal pendudukan mereka di pulau *Prince of Wales* itu. Walaupun telah dikesan bahawa terdapat hakim dan mahkamah untuk mengendalikan kes-kes sivil dan jenayah tetapi Ahmad Ibrahim; seorang sarjana undang-undang yang tidak asing lagi berpendapat bahawa itu tidak bermakna bahawa sistem perundangan Inggeris telah dilaksanakan. Ini kerana menurut beliau ia tidak berasaskan kepada sistem perundangan Inggeris yang sebenarnya walaupun terdapat hakim dan mahkamah.⁶ Barangkali pendapat beliau ini tidak dapat ditolak kerana dikatakan juga bahawa setiap kaum yang tinggal di Pulau Pinang ditadbir mengikut sistem perundangan atau hukum adat dan agama masing-masing apabila pulau itu mula dibanjiri penduduk pelbagai bangsa dan kaum. Dalam keadaan begini, sudah tentulah pelaksanaan undang-undang Inggeris tidak dapat dilakukan secara menyeluruh walaupun ia telah mula dilaksanakan oleh pemerintah kerana ia hanya efektif di kalangan orang Inggeris sahaja. Lantaran itu ia lebih dilihat sebagai undang-undang persendirian (*personel law*) sahaja.⁷

Boleh dikatakan bahawa sistem perundangan di Pulau Pinang sehingga tahun 1807 agak kelam-kabut dan tidak tersusun. Keadaan ini menimbulkan kesukaran kepada pentadbir Pulau Pinang untuk mentadbir pulau itu dengan lancar. Tambahan pula masyarakat Pulau Pinang sudah bersifat majmuk dengan kehadiran orang Melayu, Cina dan India di samping orang Inggeris sendiri. Atas kesedaran tentang itulah maka pada tahun 1807 satu sistem perundangan yang lebih teratur telah diperkenalkan di Pulau Pinang melalui satu undang-undang yang dikenali sebagai Piagam Keadilan (*Charter of Justice*). Piagam Keadilan ini merujuk terus kepada undang-undang yang diamalkan di Britain ketika itu. Dengan pengenalan dan pelaksanaan Piagam Keadilan itu, maka buat pertama kalinya undang-undang Inggeris telah diperkenalkan di negeri-negeri Melayu secara rasmi.⁸ Namun, ia hanya berkuatkuasa di pulau itu sahaja. Bermula pada tahun itu seluruh penduduk pulau

berkenaan tertakluk kepada sistem perundangan Inggeris terutama dalam hal-hal sivil dan jenayah. Bagaimanapun, sistem pentadbiran pada peringkat yang lebih kecil masih merujuk kepada hukum adat dan agama kaum masing-masing terutamanya dalam soal diri dan keagamaan.

Kita sedia maklum dengan latar belakang sejarah pengambilan Singapura oleh Inggeris melalui Stamford Raffles pada tahun 1819 daripada keluarga diraja Johor. Sehubungan dengan itu Stamford Raffles sebagai pentadbir pulau itu terikat dengan beberapa perjanjian dengan keluarga diraja berkenaan. Oleh yang demikian Raffles tidak mempunyai kebebasan yang mencukupi untuk menadbir Singapura mengikut sistem pentadbiran dan perundangan Inggeris khususnya yang menyentuh penduduk tempatan. Ini bermakna bahawa penduduk Melayu Singapura masih diberi kebebasan untuk mengamalkan hukum adat dan perundangan mereka sendiri selagi ia tidak bercanggah dengan akal, keadilan atau perikemanusiaan.⁹ Ini termasuklah dalam soal-soal seperti hal-hwal perkahwinan, pewarisan dan soal-soal agama. Dalam hal-hal lain terutama kes-kes sivil dan jenayah, mereka tetap tertakluk kepada undang-undang Inggeris yang turut dikuatkuasakan di kalangan masyarakat Inggeris di pulau itu. Dalam hal ini dikatakan bahawa Raffles menggunakan sistem perundangan yang berlandaskan budi bicaranya sendiri. Untuk melicinkan perjalanan sistem perundangan berkenaan, Raffles telah melantik beberapa orang majistret. Adalah dipercayai bahawa sistem perundangan itu juga berasaskan kepada undang-undang Inggeris, cuma ia tidak diberi nama khas dan juga tidak dilaksanakan secara rasmi seperti di Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun, Raffles tidak berpuas hati dengan keadaan itu. Beliau merasakan bahawa Singapura perlu mempunyai satu sistem perundangan yang lebih teratur dan efektif ke atas semua orang yang menduduki pulau itu tanpa mengira kaum dan agama seperti yang dilaksanakan di Pulau Pinang. Sehubungan dengan itu beliau terus berusaha untuk memenuhi hasratnya itu dengan pelbagai cara. Salah satu caranya ialah dengan melantik beberapa orang majistret seperti yang disebutkan tadi. Biarpun Raffles sering

mengajukan permohonan kepada kerajaan Inggeris untuk melaksanakan satu sistem perundangan yang lebih baik, tetapi sehingga 1826, tidak banyak perubahan yang dapat dilakukan di pulau itu. Hanya setelah Negeri-Negeri Selat ditubuhkan pada tahun itu barulah sistem perundangan yang lebih teratur dilaksanakan di Singapura iaitu satu sistem perundangan yang diseragamkan di semua tanah jajahan Inggeris termasuk Melaka.

Pada tahun 1795 Inggeris menguasai Melaka apabila kerajaan Belanda menyerahkan negeri itu buat sementara akibat perang di Eropah. Dengan statusnya sebagai pentadbir sementara, kerajaan Inggeris tidak dapat membuat apa-apa perubahan dalam soal pentadbiran khususnya termasuk dalam aspek perundangan. Mereka hanya meneruskan sistem yang telah sedia dilaksanakan oleh kerajaan Belanda sebelum ini. Maka secara tidak langsung kita faham bahawa sistem perundangan Inggeris dengan sendirinya tidak diperkenalkan di negeri Melaka pada waktu itu. Hanya setelah perjanjian Inggeris-Belanda ditandatangani pada tahun 1824 yang membawa kepada penyerahan secara rasmi Melaka kepada Inggeris barulah kerajaan Inggeris mempunyai ruang untuk memperkenalkan dan seterusnya melaksanakan sistem perundangan mereka.

Sebelum tahun 1826, iaitu sebaik sahaja penyerahan Melaka dilakukan, kerajaan Inggeris memang telah merancang untuk membentuk satu sistem perundangan yang lebih teratur dengan merujuk kepada undang-undang Inggeris seperti yang dilaksanakan di Pulau Pinang dan Singapura. Namun begitu ia tidak dapat dilaksanakan sehinggalah Negeri-Negeri Selat dibentuk. Barangkali ketika mereka sedang merancangkan perkara tersebut, telah timbul idea untuk menggabungkan Pulau Pinang, Singapura dan Melaka dalam satu gabungan yang dikenali sebagai Negeri-Negeri Selat atas tujuan untuk melicinkan perjalanan pentadbiran dan menjimatkan kos. Dengan cadangan itu sudah tentulah kerajaan Inggeris turut merangka satu sistem perundangan yang sama untuk dilaksanakan di ketiga-tiga buah negeri itu. Maka kerana itulah barangkali undang-undang yang dirancang untuk Melaka itu tidak dilaksanakan sehinggalah tahun 1826.

Oleh yang demikian, jelaslah bahawa sebenarnya undang-undang Inggeris telah diperkenalkan di negeri-negeri Melayu lebih awal dari tahun 1826 iaitu apabila Piagam Keadilan dilaksanakan di Pulau Pinang sejak tahun 1807 lagi, hampir dua puluh tahun lebih awal daripada tarikh yang dinyatakan itu. Walaupun hanya di Pulau Pinang sahaja undang-undang Inggeris diperkenalkan dan seterusnya dilaksanakan tetapi yang lebih penting di sini ialah dari segi tarikh mula ia diperkenalkan di negeri-negeri Melayu. Biarpun Pulau Pinang dahulunya adalah sebahagian daripada Kedah tetapi sejak ia dikuasai oleh Inggeris dan hingga sekarang ia merupakan salah satu daripada negeri-negeri Melayu. Tambah meyakinkan lagi ialah apabila Piagam Keadilan yang diperkenalkan dan dilaksanakan di Negeri-Negeri Selat itu lebih dikenali sebagai Piagam Keadilan Kedua. Ini memperlihatkan kepentingan Piagam Keadilan Pertama yang dilaksanakan di Pulau Pinang.

Sejajar dengan pengenalan dan pelaksanaan Piagam Keadilan (*Charter of Justice*) Kedua di Negeri-Negeri Selat, maka semua penduduknya tanpa mengira kaum dan bangsa tertakluk kepada undang-undang yang berasaskan kepada *English Common Law* ini. Fenomena di mana setiap kaum hanya tertakluk kepada hukum adat dan agama mereka sahaja seperti pada tahun-tahun awal penguasaan Inggeris dan juga semasa penguasaan Portugis dan Belanda hanya terbatas dalam soal diri dan keagamaan sahaja mengikut agama yang dianut. Bermula dari saat itulah mereka yang menduduki Negeri-Negeri Selat bertembung dengan satu perkara baru dan asing bagi mereka. Itulah juga titik mula masyarakat di negeri-negeri Melayu berhadapan dengan satu fenomena yang amat jauh berbeza dengan amalan kebiasaan mereka sebelum ini. Sejak pengenalan dan pelaksanaan Piagam Keadilan Kedua pada tahun 1826 di Negeri-Negeri Selat, pelbagai ordinan baru diperkenalkan dari semasa ke semasa untuk melicinkan perjalanan pentadbiran. Bermula dari saat itulah juga timbul satu perkara baru bagi masyarakat Islam khususnya iaitu istilah "undang-undang untuk orang Islam".

Agak berbeza dengan Negeri-Negeri Selat yang mengambil masa yang agak lama untuk melaksanakan undang-undang Inggeris,

sebaliknya di negeri-negeri Melayu, sebaik-baik sahaja Inggeris campur tangan, undang-undang Inggeris terus diperkenal dan dilaksanakan. Perkara ini jelas terjadi di Perak. Fenomena ini boleh dikaitkan dengan corak dan faktor kemasukan mereka ke negeri-negeri itu yang antara lainnya disebabkan ingin menjaga keamanan negeri tersebut yang kacau-bilau dengan masalah perebutan takhta dan pergaduhan antara kongsi-kongsi gelap Cina. Penguatkuasaan serta-merta undang-undang mereka itu dirasakan akan dapat mengatasi masalah-masalah berkenaan dengan segera walaupun taraf mereka hanya sebagai penaung sahaja. Bagi sultan dan pemerintah Melayu, mereka tidak dapat berbuat apa-apa dalam perkara ini kerana merekalah yang menjemput Inggeris untuk campur tangan dalam hal-ehwal negeri yang mereka kuasai selama ini. Tetapi boleh dikatakan juga bahawa raja-raja Melayu dan pembesar-pembesarnya tidak menjangkakan keterlibatan pihak Inggeris terlalu jauh hingga menyentuh soal perundangan. Ini jelas melalui peristiwa pembunuhan residen pertama Perak yang melibatkan Raja Abdullah sendiri walhal baginda telah diangkat menjadi Sultan Perak oleh Inggeris melalui Perjanjian Pangkor.¹⁰

Pelaksanaan undang-undang Inggeris di negeri-negeri Melayu ini bukanlah berdasarkan kepada Piagam Keadilan Kedua yang dilaksanakan di Negeri-Negeri Selat, sebaliknya, tiada sistem atau nama khusus bagi perundangan itu. Kerajaan Inggeris pada peringkat permulaan campur tangan hanya memperkenalkan undang-undang yang dirasakan sangat perlu sebagai menjamin keamanan negeri-negeri Melayu yang dinaunginya. Tiga perkara utama yang mendapat perhatian pihak Inggeris dan seterusnya menggunakan undang-undang mereka ialah:¹¹

1. Fenomena perhambaan. Kerajaan Inggeris telah memperkenalkan dan menguatkuasakan satu ordinan baru yang dinamakan Undang-undang Perhambaan (*Slavery Regulations*).
2. Sistem kerah. Kerajaan Inggeris telah memperkenalkan dan seterusnya melaksanakan satu undang-undang yang diberi nama Undang-undang Buruh Paksa (*Forced Labour Regulations*).

3. Sistem pembahagian tanah dan kutipan cukai tanah. Kerajaan Inggeris telah memperkenalkan satu undang-undang tanah yang dikenali sebagai Undang-Undang Tanah (*Land Regulations*).

Pengenalan undang-undang Inggeris dalam ketiga-tiga perkara ini telah memperlihatkan dengan jelas hakikat bahawa kerajaan Inggeris telah pun campur tangan dalam hal-ehwal adat Melayu. Ketika campur tangan masyarakat Melayu terutama kaum diraja masih lagi mengamalkan sistem perhambaan dan sistem tenaga buruh kerah atau paksa di kalangan golongan pemerintah apabila rakyat jelata diminta bekerja untuk raja dan keluarganya pada waktu-waktu tertentu secara percuma. Dari satu segi, pengenalan undang-undang ini memang baik kerana ia berkaitan dengan dasar kemanusiaan tetapi dari satu segi yang lain ia mencabar amalan kebiasaan golongan pemerintah Melayu. Biarpun tidak dinyatakan tarikh pengenalan kesemua undang-undang ini tetapi adalah dipercayai ia diperkenalkan selepas peristiwa pembunuhan J.W.W. Birch pada bulan November 1875.

Pengenalan undang-undang ini dipercayai atas tujuan untuk mengatasi masalah-masalah yang timbul berkaitan dengan ketiga-tiga perkara itu. Sayugia disebutkan di sini juga bahawa pengenalan undang-undang ini juga adalah selaras dengan pengenalan sistem birokrasi di negeri-negeri Melayu yang mewujudkan jabatan-jabatan tertentu untuk mengendalikan perkara-perkara tertentu seperti jabatan tanah, jabatan kerja raya dan sebagainya. Sebenarnya apabila sistem residen diperkenalkan dan Majlis Negeri ditubuhkan di semua negeri-negeri Melayu yang berada di bawah naungan Inggeris, secara tidak langsung pelaksanaan undang-undang Inggeris sudah bermula kerana Majlis Negeri itu bertindak sebagai badan perundangan yang berfungsi untuk membincang serta meluluskan undang-undang yang diusulkan.¹²

Walau bagaimanapun, pada peringkat itu masih terdapat aspek-aspek lain yang ditinggalkan untuk dikendalikan oleh hukum adat Melayu terutama pada hal-hal yang berkaitan dengan adat istiadat dan amalan-amalan agama Islam. Ini adalah sebagai menepati salah

satu syarat Perjanjian Pangkor dan perjanjian-perjanjian lain yang dimeterai dengan raja-raja Melayu terkemudian. Keadaan ini membezakan sedikit situasi perundangan di negeri-negeri Melayu jika dibandingkan dengan Negeri-Negeri Selat. Bagaimanapun, fenomena ini hanya bertahan beberapa tahun sahaja kerana selepas itu kerajaan Inggeris terus memperkenalkan beberapa undang-undang yang juga menyentuh hal-hal yang berkenaan. Kerana itulah Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Jones ketika memberikan komentarnya tentang pelaksanaan undang-undang Inggeris di negeri-negeri Melayu dan kaitannya dengan perjanjian yang ditandatangani dengan pemerintah Melayu berkata bahawa:

*Despite these clauses however, we find that in all the Malays States, the British directly or indirectly interfered with the Muslim law and its administration. The spread of British influence indirectly favoured the introduction of English law.*¹³

Jika mengikut pernyataan di atas, jelaslah bahawa kerajaan Inggeris memang berhasrat untuk memperkenalkan undang-undang mereka di negeri-negeri Melayu sebaik sahaja mereka campur tangan. Walaupun barangkali boleh dikatakan bahawa pengenalan undang-undang berkenaan bagi melicinkan pentadbiran mereka tetapi pada dasarnya ia menyentuh soal masyarakat Melayu itu secara langsung. Dan perkara ini boleh dilihat sebagai satu jalan bagi pihak Inggeris menguasai negeri-negeri Melayu secara langsung tetapi perlahan-lahan.

PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG INGGERIS DI NEGERI-NEGERI MELAYU

Pengenalan undang-undang Inggeris di negeri-negeri Melayu membawa sekali beberapa konsep perundangan yang baru bagi masyarakat Melayu khususnya. Antara konsep-konsep baru itu termasuklah badan kehakiman dan mahkamah keadilan. Dari segi istilah perundangan juga tidak kurang berbeza seperti istilah *ordinan*, *enakmen*, *majistret*, *hakim*, *juri* dan *pendakwaraya*. Oleh

kerana ia merupakan satu istilah yang tiada sebelumnya maka istilah-istilah itu kekal digunakan dalam bahasa Inggeris. Namun begitu dipercayai bahawa istilah-istilah sahaja yang berbeza tetapi fungsi dan peranan kesemua perkara itu tadi wujud dalam sistem perundangan Melayu lama.

Walaupun kerajaan Inggeris tidak dibenarkan mencampuri urusan peribadi masyarakat Islam, tetapi atas alasan untuk melicinkan pentadbirannya, mereka tetap memperkenalkan beberapa enakmen yang dikatakan sebagai undang-undang untuk orang Islam. Antara yang paling nyata ialah pada tahun 1885 apabila kerajaan Inggeris di Perak memperkenalkan Enakmen Pendaftaran Perkahwinan dan Perceraian Mohamedan dan diikuti dengan negeri-negeri Selangor, Negeri Sembilan, Pahang (1990), Perlis (1913), Johor (1914), Terengganu (1922), Kedah (1934) dengan nama Enakmen Mahkamah Syariah No. 109 dan di Kelantan (1938).¹⁴ Kesemua enakmen yang diperkenalkan ini berkaitan dengan pendaftaran perkahwinan dan perceraian serta hal-hal yang berkaitan dengannya. Ini bermakna sesiapa sahaja yang ingin berkahwin atau bercerai hendaklah mendaftarkan perkahwinan dan perceraian mereka kepada pihak pemerintah.

Dengan pengenalan dan pelaksanaannya di negeri-negeri Melayu, secara tidak langsung kerajaan British boleh disifatkan sebagai telah masuk campur dalam hal-hal yang bersifat peribadi bagi orang Islam. Walaupun pihak kadi masih lagi merupakan orang yang bertanggungjawab dalam urusan perkahwinan ini tetapi beliau diawasi oleh pegawai daerah bagi memastikan ordinan yang diperkenalkan itu dilaksanakan. Kadi sendiri dilantik oleh pegawai daerah yang mewakili kerajaan Inggeris. Selain daripada itu urusan pembahagian harta yang juga boleh disifatkan sebagai urusan peribadi telah diletakkan di bawah pengawasan pegawai daerah. Jika wujud kes yang berkaitan dengan perkahwinan, penceraian mahupun pembahagian harta, ia akan dibawa ke mahkamah untuk diadili mengikut undang-undang Islam.¹⁵

Begitu juga halnya dengan masyarakat Cina, jika timbul apa-apa kes yang berkaitan dengan perkara-perkara yang bersifat peribadi misalnya seperti dalam hal-hwal perkahwinan, pemba-

hagian harta dan lain-lain, apabila ia dibicarakan di mahkamah, mahkamah akan merujuk kes itu kepada hukum adat Cina untuk mencari jalan penyelesaiannya. Dari sini timbullah pula istilah undang-undang orang Cina. Walaupun masyarakat Cina telah lama menetap di negeri-negeri Melayu undang-undang Inggeris tidak digunakan dalam kes-kes yang disebutkan tadi. Inilah yang dikatakan bahawa setiap kaum di negeri-negeri Melayu tertakluk kepada undang-undang adat dan agama mereka sendiri kecuali dalam kes sivil dan jenayah.

Sebelum terbentuknya gabungan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, kerajaan Inggeris menghadapi kesulitan untuk merangka satu sistem perundangan yang lebih menyeluruh dan sesuai untuk semua negeri seperti yang mereka lakukan di Negeri-Negeri Selat kerana kedudukan mereka sebagai penaung. Tambah menyulitkan apabila timbul kes-kes sivil dan jenayah yang melibatkan orang Inggeris, mereka terpaksa dibicarakan di mahkamah Negeri-Negeri Selat, suatu keadaan yang merumitkan dan menelan belanja yang tinggi. Sehubungan dengan itu kerajaan Inggeris secara perlahan-lahan memperkenalkan beberapa akta atau kanun yang telah dipakai di Negeri-Negeri Selat untuk direalisasikan di negeri-negeri Melayu ini. Contoh yang boleh diambil di sini ialah Ordinan Kesaksian (*Evidence Ordinance*) yang dilaksanakan di Negeri-Negeri Selat telah diimplimenkan di Selangor pada tahun 1893 melalui Peraturanan Mahkamah (*Courts Regulation*). Ini diikuti setahun kemudiannya di Perak oleh *Order in Council No. 9*.¹⁶

Pengenalan enakmen-enakmen berkenaan membawa makna bahawa ia secara tidak langsung telah menggantikan hukum adat Melayu (*Malay Customary Law*) yang digunakan sebelum ini. Pengenalan undang-undang Inggeris secara berperingkat-peringkat ini sedikit sebanyak barangkali berkaitan dengan dasar kerajaan Inggeris yang tidak mahu tergesa-gesa kerana bimbang akan menerima tentangan daripada masyarakat Melayu secara keseluruhannya. Satu perkara yang penting di sini ialah bahawa dengan pelaksanaan akta-akta ini bolehlah dikatakan bahawa setiap negeri dalam gabungan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu mempunyai satu sistem undang-undang mereka masing-masing yang boleh juga

disebut sebagai perlembagaan negeri. Akta-akta ini pula selalu disemak dan dipinda mengikut keperluan semasa. Akta-akta yang telah dikemaskinikan dan yang telah dilaksanakan di negeri-negeri berkenaan kemudiannya dijadikan perlembagaan untuk Negeri-Negeri Melayu Bersekutu yang telah dibentuk pada tahun 1896.

Sehubungan dengan itu apabila Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dibentuk, kerajaan Inggeris berusaha untuk menyeragamkan sistem perundangan di negeri-negeri yang terlibat. Bagaimanapun ia tidak dapat dibuat sebaik sahaja gabungan itu dibentuk kerana pada peringkat itu kerajaan Inggeris masih lagi dalam proses memperkenalkan satu demi satu undang-undang Inggeris dalam perkara-perkara yang telah kita sebutkan tadi. Bagaimanapun, sebagai langkah pertama, kerajaan Inggeris telah memperkenalkan *Judicial Commissioner's Regulations* (Peraturan Pesuruhjaya Kehakiman) dan *Orders in Council* pada tahun 1896 untuk menggantikan Mahkamah Residen (*Courts of the Residents*) dan Majlis Raja-Raja (*Sultans Council*). Pesuruhjaya Kehakiman ini juga bertindak sebagai mahkamah rayuan bagi semua negeri yang terlibat.¹⁷ Pengenalan sistem kehakiman ini memang perlu disegerakan kerana ia berkaitan dengan sistem pentadbiran yang telah berubah apabila Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dibentuk dan juga untuk mengatasi kelemahan sistem yang terdahulu.

Sehubungan dengan pengenalan sistem ini, hakim dan majistret dilantik untuk menerajui badan-badan kehakiman ini. Kebanyakan mereka yang dilantik itu telah mendapat pendidikan dan latihan dalam sistem perundangan Inggeris dan mereka selalunya merujuk kepada undang-undang Inggeris jika tiada peruntukan perundangan yang bertulis dalam perkara yang diadili atau dihadapinya itu. Untuk melicinkan lagi sistem kehakiman ini, enakmen kehakiman telah diperkenalkan pada tahun 1905. Serentak dengan itu, Mahkamah Agung telah ditubuhkan bagi menggantikan Pesuruhjaya Kehakiman dan Mahkamah Majistret Kanan yang dimansuhkan.¹⁸ Begitu lah, kerajaan Inggeris sentiasa berusaha mengemaskinikan sistem perundangan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dari semasa ke semasa. Sebagai contohnya, Kod Prosedur Jenayah India (*The Criminal Procedure Code of India*) pula telah diperkenalkan di

kebanyakan negeri-negeri Melayu pada tahun 1900, Kanun Acara Jenayah diperkenalkan pada tahun 1902 sementara Kanun Keseksaan dan Akta Keterangan pula diperkenalkan pada tahun 1905 dan Kanun Prosedur Sivil diperkenalkan pada tahun 1918.¹⁹ Kebanyakan kanun yang diperkenalkan itu bermodelkan kanun yang dilaksanakan di India. Bagaimanapun ada juga yang khusus untuk negeri-negeri Melayu seperti Enakmen Tanah yang diperkenalkan pada tahun 1903,²⁰ Enakmen Pendaftaran hak milik dan lain-lain lagi.

Akhirnya, bagi menyeragamkan sistem perundangan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu ini, Enakmen Undang-undang Sivil Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (*Federated Malay States' Civil Law Enactmen*) telah diperkenalkan pada tahun 1937. Enakmen yang menyatukan kesemua kanun dan enakmen yang diperkenalkan sebelum ini merangkumi semua perkara kecuali pada perkara-perkara yang tertakluk di bawah undang-undang adat dan agama. Kerana itulah ditubuhkan mahkamah syariah, khusus untuk membicarakan kes-kes yang melibatkan undang-undang diri penganut Islam. Dengan pelaksanaan enakmen undang-undang sivil ini maka dengan secara rasminya, undang-undang Inggeris telah diperkenalkan dan seterusnya dilaksanakan di negeri-negeri Melayu berkenaan.

Di Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu pula, sistem perundangannya tidak seragam. Tidak banyak yang diketahui dari segi pelaksanaan undang-undang Inggeris di negeri-negeri berkenaan. Bagaimanapun, adalah dipercayai bahawa fenomena itu tidak begitu sama dengan yang dijalankan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu lantaran taraf atau kedudukan pihak Inggeris di negeri-negeri berkenaan tidak begitu kukuh. Dalam erti kata yang lain, kerajaan Inggeris tidak begitu berkuasa dalam tindak tanduknya di negeri-negeri berkenaan. Biarpun negeri-negeri itu, (Johor, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis) juga mempunyai seorang Penasihat Inggeris, tetapi kuasa mereka tidak sebesar dan seluas residen di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Tambahan pula negeri-negeri berkenaan juga mempunyai sistem perundangan mereka sendiri seperti Johor, Kelantan dan Terengganu. Kalau ada pun undang-

undang Inggeris yang dilaksanakan di negeri-negeri berkenaan, pastilah yang berkaitan dengan pentadbiran dan juga barangkali yang berkaitan dengan jenayah.

Sehingga meletusnya Perang Dunia Kedua, pelaksanaan undang-undang Inggeris berjalan seperti yang telah dibincangkan di atas. Kita sedia maklum bahawa apabila Inggeris kembali semula ke Tanah Melayu mereka cuba memperkenalkan dua jenis perlembagaan baru yang merubah wajah dan sistem politik negeri-negeri Melayu yang selama ini terpisah mengikut negeri masing-masing. Apabila penyatuan negeri-negeri ini menjadi kenyataan dengan terbentuknya Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948, maka tiada halangan lagilah bagi pihak Inggeris untuk melaksanakan undang-undang mereka di negeri-negeri lain (Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu). Bagaimanapun apabila timbulnya gerakan pemisahan daripada beberapa buah negeri terutama oleh Johor dan Kelantan, pelaksanaannya tertangguh. Hanya pada tahun 1951 barulah undang-undang sivil yang dilaksanakan di Negeri-negeri Melayu Bersekutu dapat dilaksanakan di negeri-negeri berkenaan. Lima tahun kemudiannya, diperkenalkan pula Ordinan Undang-undang Sivil (*Civil Law Ordinance*) untuk dilaksanakan di seluruh negeri-negeri Melayu, iaitu setahun sebelum Tanah Melayu merdeka. Apabila merdeka, kerajaan Tanah Melayu terus melaksanakan undang-undang ini yang merupakan sebuah undang-undang Inggeris. Undang-undang itulah juga yang menjadi asas kepada undang-undang yang dilaksanakan sehingga kini.

SISTEM PERUNDANGAN INGGERIS DI SABAH DAN SARAWAK

Sejarah pengenalan undang-undang Inggeris di Sabah dan Sarawak agak kabur. Sebelum kedatangan James Brooke di Sarawak dan sebelum kedatangan *North Borneo Chartered Company* di Sabah, setiap penduduk pelbagai suku kaum di kedua-dua negeri itu menggunakan hukum adat kaum masing-masing untuk mengendalikan kehidupan mereka. Dalam erti kata yang lain setiap etnik hanya tertakluk kepada hukum adat masing-masing sahaja. Keadaan ini juga melibatkan orang Cina di Sarawak. Oleh yang

demikian, tidak ada satu sistem perundangan yang khusus yang dilaksanakan di kedua-dua negeri itu walaupun Sarawak sebelum kedatangan Brooke sebenarnya berada di bawah kekuasaan kerajaan Brunei. Bagaimanapun, oleh kerana kerajaan Brunei adalah sebuah kerajaan Islam maka adalah dipercayai mereka melaksanakan undang-undang Islam khususnya untuk masyarakat Islam Sarawak.

Apabila Sarawak diserahkan kepada James Brooke, maka berlakulah sedikit perubahan dalam sistem perundangan yang dilaksanakan. James Brooke telah menyediakan lapan jenis undang-undang yang hendak dilaksanakan di tanah pemerintahannya itu. Antara lapan perkara itu termasuklah hal yang berkaitan dengan undang-undang jenayah, perdagangan dan kebajikan kaum Dayak.²¹ Undang-undang ini telah dicetak dalam bahasa Melayu pada tahun 1843.²² Ini bermakna bahawa kerajaan Brooke masih lagi meletakkan hukum adat setiap kaum sebagai undang-undang utama yang perlu dirujuk dalam hal-ehwal kehidupan kaum tersebut.

Sementara itu di Sabah pula, *North Borneo Chartered Company* merujuk kepada sistem perundangan Inggeris dalam urusan pentadbiran mereka. Dalam hal ini, mereka lebih merujuk kepada undang-undang yang digunakan oleh pihak Inggeris di Semenanjung. Barangkali mereka mempunyai hubungan yang agak baik dengan kerajaan Inggeris di semenanjung. Bagaimanapun, dengan pelaksanaan undang-undang ini, ia tidak bermakna bahawa syarikat itu telah mengetepikan undang-undang tempatan, sebaliknya undang-undang tempatan itu tetap dibenarkan untuk dilaksanakan di kalangan masyarakat berkenaan dan konsepnya tidak jauh berbeza seperti yang dilaksanakan di semenanjung. Itulah sahaja perkara yang boleh disebutkan tentang pelaksanaan undang-undang Inggeris di kedua-dua negeri itu. Tiada pula catatan tentang perkembangan sistem perundangan Inggeris yang diamalkan itu sehingga meletusnya Perang Dunia Kedua.

Apabila Sabah dan Sarawak diserahkan kepada kerajaan Inggeris selepas Perang Dunia Kedua, secara tidak langsung sistem pentadbirannya berubah mengikut acuan sistem pentadbiran di Semenanjung. Sabah dan Sarawak kini ditadbir secara langsung oleh kerajaan Inggeris. Bagaimanapun, dari segi pelaksanaan undang-

undang di kedua-dua negeri itu, kerajaan Inggeris tidak melakukan perubahan yang drastik. Sebaliknya, di samping tetap memperkenalkan sistem perundangan mereka, undang-undang tempatan dikanunkan dan dilaksanakan bersama. Pada tahun 1949, Sarawak mempunyai sistem perundangannya sendiri yang dinamakan *Sarawak Application of Law Ordinance* manakala di Sabah pula *Sabah Application of Law Ordinance* diperkenalkan pada tahun 1951. Adalah dipercayai bahawa kedua-dua jenis ordinan ini digunakan sehinggalah Sabah dan Sarawak merdeka melalui Malaysia pada tahun 1963. Ketika itu Sabah dan Sarawak tertakluk kepada sistem perundangan Malaysia yang bermodelkan sistem perundangan Inggeris. Ini bermakna bahawa undang-undang Inggeris hanya diperkenalkan secara rasmi di Sabah dan Sarawak selepas kedua-dua negeri itu diserahkan kepada kerajaan Inggeris selepas perang.

Nota Hujung

1. Ahmad Ibrahim & Ahilemah Joned, 1987. *The Malaysian Legal System* (Kuala Lumpur, DBP), hlm. 18.
2. *Ibid.*, hlm. 19.
3. *Ibid.* hal. 20.
4. Ahmad Ibrahim, 1995. *Mendekati Sejarah Undang-undang di Malaysia dan Singapura*. (Kuala Lumpur, DBP), hlm. 17.
5. M. B. Hooker, 1991. *Undang-Undang Islam di Asia Tenggara* (Kuala Lumpur, DBP), hlm. 98.
6. *Ibid.*, hlm. 21.
7. Ahmad Ibrahim & Ahilemah Joned, *op. cit.*, hlm. 21.
8. Ahmad Ibrahim, *op. cit.*, hlm. 25.
9. M. B. Hooker, *op. cit.*, hlm 99.
10. Sultan Abdullah telah dibuang negeri ke Pulau Seycelles bersama Ngah Ibrahim dan Laksamana Muhammad Amin. Lihat Hj. Buyong Adil, 1985. *Perjuangan Orang Melayu Menentang Penjajahan* (Kuala Lumpur, DBP), hlm. 177.

11. Ahmad Ibrahim & Ahilemah Joned, *op. cit.*, hlm. 25.
12. B. W. Andaya & L. Y. Andaya, 1983. *Sejarah Malaysia* (Kuala Lumpur, Macmillan Publishers), hlm. 201.
13. Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Joned, *op.cit.*, hlm. 27.p
14. Hamid Jusoh, 1992. *Kedudukan Undang-undang Islam dalam Perlembagaan Malaysia* (Kuala Lumpur, DBP), hlm. 25-26.
15. Banyak contoh kes yang melibatkan perbicaraan di mahkamah sivil. Contoh itu boleh dirujuk dalam tulisan Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Joned.
16. Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Joned, *op. cit.*, hlm. 27.
17. Ahmad Ibrahim, *op. cit.*, hlm. 86.
18. *Ibid.*, hlm. 87.
19. *Ibid.*, hlm. 111.
20. *Ibid.*
21. Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Joned *op. cit.*, hlm. 30-31.
22. Ahmad Ibrahim, *op. cit.*, hlm. 124.

Bahagian Keempat

AKTIVITI
SOSIAL
MASYARAKAT
MALAYSIA



Bab 11

Pendidikan Masyarakat Malaysia: Zaman Awal dan Perkembangannya Hingga ke Zaman Moden

DUNIA pendidikan Malaysia zaman silam tidak banyak diketahui sejarahnya, lantaran tiada catatan khusus tentangnya. Bukti-buktinya juga agak kurang. Bagaimanapun barangkali tidak wajar jikalau kita katakan bahawa zaman silam sunyi daripada pendidikan hanya kerana bersandarkan pernyataan awal tadi. Pendidikan mungkin ada tetapi bentuk atau sistemnya yang tidak dapat dikesan. Walau bagaimanapun pada abad-abad ke-18 dan 19 telah dapat dikesan satu sistem pendidikan yang diamalkan di kalangan masyarakat Melayu iaitu sistem pengajian pondok. Sistem pengajian pondok ini berkaitan dengan hal-ehwal pengajian Islam. Di samping itu muncul sistem pendidikan lain seperti sekolah rakyat dan madrasah.

Bab ini berhasrat untuk menyingkap kembali sejarah pendidikan zaman awal sejak mula ia dikesan di kalangan masyarakat Melayu berserta sistem dan coraknya. Sistem pendidikan itu disebut sebagai sistem pendidikan tradisional, kerana coraknya yang bersifat tempatan tanpa pengaruh sistem pendidikan yang diperkenalkan oleh dunia moden. Sebab itulah biarpun telah memasuki abad ke-19 dan 20, sistem pendidikan pondok dan sekolah rakyat masih diklasifikasikan sebagai sistem pendidikan tradisional berdasarkan

alasan-alasan tadi. Memang terdapat banyak perbezaan antara sistem pendidikan tradisional dengan sistem pendidikan moden. Antaranya ialah dari segi struktur organisasinya, pentadbirannya dan kurikulum atau mata pelajaran yang diajar.

Apabila dunia secara amnya memasuki ke era pemodenan, maka sistem pendidikan juga mengalami perubahan. Dunia pendidikan di Malaysia juga tidak ketinggalan lebih-lebih lagi apabila negeri-negeri di Semenanjung termasuk di Sabah dan Sarawak berada di bawah kuasa penjajah Barat. Agak keterlaluan jika dikatakan bahawa kuasa penjajahan yang telah membawa unsur-unsur baru dan moden dalam dunia pendidikan negeri-negeri berkenaan. Ini adalah kerana ada banyak unsur lain yang bertanggungjawab atas perkara tersebut, antaranya ialah peranan badan-badan agama Kristian, kaum yang berhijrah itu sendiri seperti kaum Cina dan atas daya usaha masyarakat Melayu yang tidak mahu ketinggalan dalam dunia pendidikan ini. Berkaitan dengan peranan yang dimainkan oleh pihak Inggeris, kita boleh katakan bahawa mereka bertindak sebagai penguatkuasa dan pelengkap kepada pelaksanaan sistem pendidikan moden ini.

LATAR BELAKANG SISTEM PENDIDIKAN ZAMAN AWAL

Sedikit sekali yang diketahui tentang sejarah awal pendidikan di negeri-negeri Melayu. Masalah kekurangan sumber dan maklumat tentang sejarah awal pendidikan masyarakat Melayu memang dirasakan oleh pengkaji-pengkaji yang mengkaji tentang perkara ini, contohnya seperti Prof. Awang Had Salleh,¹ seorang sarjana pendidikan yang ulung. Walau bagaimanapun, mereka, seperti Awang Had Salleh, Francis Wong Hoy Kee dan Rex Stevenson sepakat mengatakan bahawa pendidikan masyarakat Melayu sebelum kedatangan Inggeris memang wujud dan ia berorientasikan agama sama ada untuk mendalami ilmu-ilmu agama ataupun mendalami pengajian al-Quran. Sistem pendidikan seperti ini dipercayai bermula sejak kedatangan Islam ke negeri-negeri Melayu pada abad ke-14 Masihi yang tertumpu di Melaka. Sistem pendidikan ini dipelopori oleh

pendakwah-pendakwah Islam dari luar.² Antara bukti yang menunjukkan wujudnya pengajian bercorak seperti ini ialah pada peristiwa Sultan Mahmud yang ingin berguru dengan Maulana Yusof.³ Tidak hairanlah jika dikatakan bahawa pada abad ke-15 Masihi, Melaka telah menjadi pusat penyebaran dan pendidikan Islam. Sistem pendidikan seperti ini berkekalan sehingga abad ke-18 Masihi, malah hingga ke hari ini juga walaupun telah mengalami pengubahsuaian di sana sini sesuai dengan kehendak semasa.

Berasaskan kepada hakikat ini maka bolehlah dikatakan bahawa asas pendidikan masyarakat Melayu ialah pendidikan Islam. Dalam sistem pengajian yang biasa dikenali sebagai sekolah al-Quran ini ia diadakan di rumah-rumah persendirian (rumah guru berkenaan), tetapi jika jumlah pelajarnya ramai ia akan diadakan di surau-surau atau di masjid-masjid yang lebih besar. Boleh dikatakan bahawa sistem pendidikan agama seperti itu terdapat di seluruh Semenanjung. Bagaimanapun, di negeri-negeri utara Semenanjung (Kedah, Perak, Kelantan dan Terengganu) sistem pendidikan seperti ini dikenali sebagai sistem pengajian pondok atau ringkasnya sekolah pondok.⁴ Guru-guru dalam sistem pengajian ini biasanya dipanggil Syekh atau Syed (guru berketurunan Arab) dan Ustaz atau Haji bagi yang berketurunan Melayu.

Dalam sistem pendidikan seperti ini, kanak-kanak seawal umur tujuh tahun telah dihantar untuk belajar mengaji al-Quran. Pada peringkat ini mereka diajar membaca sahaja secara hafalan tanpa mengenal huruf apatah lagi kebolehan menulis. Bagaimanapun pada peringkat yang lebih tinggi, murid-murid akan diajar menulis dalam tulisan jawi seperti mana yang pernah dilalui oleh Abdullah Munsyi.⁵ Bagi kelas-kelas yang lebih besar seperti yang diadakan di masjid-masjid, lebih banyak mata pelajaran agama yang diajar, tidak setakat belajar membaca al-Quran dan belajar menulis. Mata pelajaran tersebut termasuklah ilmu fikah, tauhid, tasawuf dan sejarah Islam.⁶ Satu perkara yang ketara hasil daripada dunia pendidikan seperti ini ialah lahirnya tulisan jawi iaitu tulisan Arab yang disesuaikan dengan bahasa Melayu⁷ dan ia kekal hingga sekarang. Malah ia menjadi tulisan utama sebelum tulisan rumi diperkenalkan. Maka

tidak hairanlah juga apabila dikatakan bahawa terdapat banyak perkataan Arab dalam bahasa Melayu.

Sistem pendidikan yang diwarisi sejak zaman kerajaan Melaka ini mengalami pengubahsuaian selaras dengan perkembangan zaman, lebih-lebih lagi setelah kedatangan Inggeris. Malah banyak daripada sekolah al-Quran ini diubahsuai untuk ditukar kepada sekolah Melayu tajaan Inggeris. Sesuai juga dengan perkembangan zaman, tumbuh satu lagi bentuk pendidikan yang lain daripada sekolah al-Quran. Bentuk yang dimaksudkan itu ialah sekolah rakyat iaitu sekolah yang didirikan hasil usaha sekelompok masyarakat yang mahu mencari alternatif lain selain daripada sekolah al-Quran. Satu perkara yang penting di sini, ialah sudah ada kesedaran di kalangan masyarakat Melayu tentang pentingnya pendidikan untuk anak-anak mereka.

Kesedaran tentang kepentingan pendidikan semakin terserlah apabila dunia memasuki abad baru iaitu abad ke-20 apabila golongan peranakan yang lebih dikenali sebagai golongan reformis Islam telah mendirikan beberapa buah madrasah yang lebih formal untuk memberi peluang anak-anak tempatan menimba lebih banyak ilmu, bukan sekadar ilmu agama sahaja. Dengan terdirinya madrasah, kini masyarakat Melayu mempunyai lebih banyak alternatif untuk pendidikan anak-anak mereka sama ada dalam sistem pendidikan tradisional yang terdiri daripada sekolah-sekolah al-Quran (dikenali juga sebagai sekolah pondok di negeri-negeri sebelah utara), sekolah rakyat dan madrasah, ataupun dalam sistem pendidikan moden yang diperkenalkan oleh kerajaan Inggeris. Inilah yang dikatakan perubahan, walaupun dalam bentuknya yang masih tradisional tetapi ia masih mampu berubah mengikut peredaran dan kehendak semasa.

SISTEM PENGAJIAN PONDOK

Sejarah awal atau tarikh tepat kewujudan sistem pengajian pondok di Tanah Melayu begitu kabur. Walaupun Abdullah Haji Ishak menegaskan bahawa ia wujud sejak dari zaman kerajaan Melayu Melaka,⁸ tetapi pada hakikatnya ia bukanlah benar-benar menggambarkan sistem pengajian pondok kerana sistem pendidikan yang

diperkatakan itu tidak bersifat formal. Jadi sukarlah untuk menerima zaman tersebut sebagai zaman awal kemunculan institusi pondok. Walau bagaimanapun, pada abad ke-18 dan menjelang abad ke-19 telah wujud banyak pondok di Kelantan, Terengganu dan Kedah. Jadi bolehlah dikatakan bahawa sistem pendidikan pondok secara formal telah muncul secara rasminya pada abad ke-18, dengan rupa bentuk yang serba sederhana. Dikatakan bahawa sistem pengajian pondok di utara Semenanjung ini banyak dipengaruhi oleh sistem pengajian pondok yang berpusat di Aceh, Indonesia dan Patani di selatan Thailand. Institusi pondok memang tidak asing di kedua-dua tempat tersebut dan berkembang ke tempat-tempat lain termasuk di negeri-negeri utara Semenanjung melalui dua cara.

Pertamanya melalui usaha-usaha daripada orang yang pernah mendapat pendidikan pondok di Aceh atau Patani. Mereka datang ke Kedah misalnya dan membuka pondok di situ. Contohnya ialah Tuan Guru Haji Hussain Mohd Karim telah datang dan membuka sebuah pondok di Bohor, Kedah.⁹ Kedua, melalui anak-anak tempatan yang pernah belajar di pondok-pondok di kedua-dua tempat tersebut. Apabila pulang ke tempat asal mereka, mereka mendirikan pondok yang serupa untuk memberi peluang anak-anak tempatan lain menimba ilmu agama. Contoh yang boleh diambil daripada cara kedua ini ialah penubuhan pondok di Pulau Manis, Terengganu oleh Syeikh Abdul Malik bin Abdullah pada akhir abad ke-18. Beliau pernah mengaji pondok di Aceh.¹⁰ Bermula dari sini berkembang pesatlah institusi pondok di ketiga-ketiga buah negeri di utara Semenanjung itu. Memang satu perkara yang sukar untuk dijelaskan mengapa hanya di ketiga-tiga buah negeri itu sahaja yang terdapat sistem pengajian pondok. Barangkali kerana kedudukannya yang berhampiran dengan Patani. Bagaimanapun sebenarnya tidaklah begitu tepat jika dikatakan bahawa sistem pengajian pondok tidak terdapat di negeri-negeri lain. Sebenarnya pondok juga terdapat di negeri-negeri seperti di Perak dan Pulau Pinang tetapi bilangannya sangat sedikit, berbanding di ketiga-tiga buah negeri tadi. Pada satu-satu ketika bilangan pondok yang ada mencapai hingga ke angka 40 buah pondok misalnya di Kedah.

Menjelang abad ke-19 dan 20 lebih banyak pondok didirikan. Antara yang boleh disebutkan di sini ialah,¹¹ Pondok Haji Mat Shafie,

Losong, Pondok Haji Abbas, Tuk Jering, Pondok Tok Faqih, Kuala Berang dan Pondok Bukit Puteri, Besut. Semua pondok ini terletak di negeri Terengganu. Di negeri Kelantan terdapat Pondok Kubang Pasu, Pondok Tuan Padang, Pondok Padang Jelapang, Pasir Mas, Pondok Kenali, Kubang Kerian dan Pondok Bunut Payong, Kota Bharu. Sekolah Pondok Titi Gajah, Sekolah Pondok Langgar, Pondok Haji Othman bin Mohd Zain, Alor Gunchai, Pondok Lebai Teh, Pulau Kerengga, Alor Setar, Pondok Haji Abdullah bin Haji Ali, pantai Johor, dan Pondok Pokok Sena pula terdapat di negeri Kedah.

Biasanya jika di sesuatu kawasan itu telah didirikan pondok maka tiadalah usaha lain untuk mendirikan pondok lain, kerana falsafah mendirikan pondok bukanlah untuk bersaing tetapi lebih kepada memberi peluang anak-anak tempatan menimba ilmu pengetahuan agama. Oleh kerana kewujudan pondok-pondok ini atas usaha individu maka dari segi jangka hayat pondok-pondok ini memang tidak menentu, bergantung kepada situasi terutama pada para pengasasnya. Ada pondok yang mampu bertahan lama hingga berpuluh-puluh tahun tetapi ada juga yang hanya mampu bertahan selama dua tiga tahun sahaja. Jangka hayat sesuatu pondok itu banyak bergantung kepada sambutan masyarakat (ramai atau tidak murid-muridnya) dan juga guru-guru pondok. Ada kalanya sesebuah pondok itu mati bersama meninggalnya pengasas atau guru pondok berkenaan lantaran tiada pengganti yang sanggup meneruskan institusi tersebut. Walau bagaimanapun, institusi pondok terus berkembang dengan baik sebelum meletusnya Perang Dunia Kedua.

Dari segi sambutan masyarakat terhadap sistem pendidikan ini memang menggalakkan, lebih-lebih lagi pada abad-abad ke-18 dan 19. Masyarakat Melayu ketika itu memang tidak mempunyai banyak alternatif untuk memberi pendidikan bagi anak-anak mereka. Tambahan pula mereka memang suka anak-anak mereka diberi pendidikan agama. Jadi mereka beramai-ramai menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah pondok yang ada. Terdapat banyak sebab mengapa sambutan masyarakat terhadap pondok-pondok ini amat menggalakkan. Selain daripada minat masyarakat Melayu untuk memberikan pendidikan agama kepada anak-anak mereka dan tiada institusi pendidikan lain, pondok menjadi tumpuan kerana

untuk menimba ilmu agama di sini tidak memerlukan perbelanjaan yang besar kerana tiada yuran yang dikenakan kepada para pelajarnya. Bagi yang tinggal agak jauh, tempat penginapan disediakan. Dengan adanya kemudahan seperti ini, tentulah tiada apa-apa halangan untuk ibu bapa menghantar anak mereka belajar di pondok-pondok.

Sehubungan dengan itu, kebanyakan pondok menerima bilangan pelajar yang ramai dan terus bertambah dari hari ke hari. Bagi pondok yang kecil, bilangan pelajarnya boleh mencapai ke angka tiga ratus hingga tujuh ratus orang manakala bagi pondok yang besar, ia boleh mengambil pelajar sehingga ke angka 1200 orang. Mereka yang datang belajar tidak terhad kepada masyarakat tempatan sahaja malah ramai yang datang dari negeri lain di Semenanjung terutama yang tidak mempunyai institusi pendidikan seumpama itu, bahkan ada juga yang datang dari negara luar seperti Indonesia. Selain daripada bergantung kepada kecil atau besar sesuatu pondok itu, bilangan pelajar sesuatu pondok itu bergantung juga pada populariti atau kealiman pengasasnya dalam ilmu agama. Pondok yang masyhur lazimnya akan menjadi tumpuan contohnya Pondok Haji Hussain bin Haji Mohammad Nasir di Bohor, Kedah mempunyai pelajar lebih daripada enam ratus orang dan pondoknya lebih daripada tiga ratus buah.¹²

Dengan kemudahan penginapan disediakan, pelajar-pelajar pondok dikehendaki tinggal dan berkumpul di pondok-pondok yang didirikan di kawasan yang berdekatan atau di sekeliling rumah tuan guru yang boleh disifatkan sebagai asrama sekolah pada masa kini. Bezanya, selain daripada tidak dikenakan apa-apa bayaran, pondok-pondok ini lebih sederhana sifat dan kemudahannya berbanding asrama dan pelajar-pelajarnya pula bertanggungjawab sepenuhnya atas urusan harian di pondok-pondok tersebut termasuk hal-hal seperti makan minum dan kebersihan pondok. Pelajar-pelajar ini juga mempunyai tanggungjawab tertentu yang telah diperuntukkan kepada mereka selain daripada belajar misalnya pelajar-pelajar dikehendaki mengerjakan sawah, membelah kayu api dan membersihkan kebun milik guru mereka barangkali sebagai balasan kepada penginapan dan pendidikan percuma yang mereka nikmati.

Sesuai dengan sifatnya sebagai satu institusi pendidikan persendirian, tiada had umur yang dikenakan untuk belajar di pondok-pondok pilihan mereka. Begitu juga dari segi tempoh masa pengajian mereka. Ia bergantung kepada kemampuan pelajar. Bagi pelajar yang bijak dan cerdas, mereka hanya perlu mengaji dalam tempoh yang singkat (dua hingga lima tahun), tetapi bagi mereka yang agak lembap, mereka akan mengambil masa yang lebih lama. Tiada apa-apa halangan daripada tuan guru untuk murid-muridnya belajar lama mana pun, semuanya bergantung kepada murid-muridnya. Ternyata sistem seperti ini memberi fleksibiliti kepada masyarakat Melayu dari segi pendidikan agama khususnya. Sistem pengajian pondok ini agak unik sedikit kerana seperti yang telah disebut tadi, tiada sebarang yuran dikenakan. Walau bagaimanapun selepas Perang Dunia Kedua, sudah ada pondok yang mula mengenakan bayaran yuran tetapi dengan kadar yang sangat rendah. Kadar ini dikenakan bukan sebagai gaji tuan guru tetapi untuk menampung perbelanjaan mengurus pondok-pondok mereka. Sekolah pondok yang masih wujud sampai sekarang ini pun masih mengenakan kadar yuran bulanan atau tahunan tetapi dengan kadar yang sangat rendah.

Struktur pentadbiran sekolah pondok ini sangat mudah. Ia hanya diketuai oleh seorang guru yang mengajar bagi semua mata pelajaran. Bagaimanapun bagi pondok yang telah lama beroperasi, guru-gurunya akan dibantu oleh beberapa orang pembantu yang dipanggil sebagai Kepala Tala'ah.¹³ Pembantu-pembantu guru ini biasanya terdiri daripada pelajar-pelajar lama pondok berkenaan yang lebih alim daripada yang lain-lain dan boleh dipertanggungjawabkan untuk menyampaikan ilmu kepada murid-murid lain. Saiz pondok dan prestasinya serta bilangan pelajar menentukan pula bilangan pembantu-pembantu tuan guru. Kesederhanaan sistem pengajian pondok ini terus terserlah dari segi pakaian seragam yang sederhana asalkan menutup aurat. Kelazimannya pakaian murid-murid berwarna cerah atau putih, melambangkan keperibadian yang bersih. Peraturan atau disiplin pelajarnya berasaskan kepada

hukum-hukum agama sesuai dengan taraf pengajian agama di pondok-pondok berkenaan.

Walaupun jadual waktu belajar dalam sistem pengajian pondok ini panjang iaitu dari waktu subuh hingga ke malam tetapi kelengkapan belajarnya, terutama tentang perabot tidaklah setanding dengan sistem persekolahan lain. Sebaliknya mereka, termasuk tuan guru hanya duduk bersila atas lantai dengan memegang kitab-kitab yang berkenaan bersama sebatang pensel mengelilingi guru mereka semasa belajar. Dari segi jadual waktu belajar pula, walaupun nampak panjang tetapi diputuskan dengan aktiviti-aktiviti lain seperti aktiviti bersembahyang dan kerja-kerja harian yang lain. Pendeknya, pelajar-pelajar pondok di samping belajar teori, dalam masa yang sama mereka melakukan praktikal terutama yang berkaitan dengan ibadah. Jadi boleh dikatakan bahawa aktiviti pembelajaran mereka bercorak berterusan, hanya berhenti apabila tiba musim cuti yang mengambil kira musim menuai untuk membolehkan pelajar-pelajarnya mencari nafkah dan pada bulan Ramadan bagi membolehkan penumpuan diberi pada peribadatan.¹⁴

Sesuai dengan tarafnya sebagai sebuah institusi pendidikan menengah dan tinggi, kurikulum atau mata pelajaran yang diajar lebih tinggi dan mendalam daripada yang diajar dalam kelas-kelas al-Quran. Mata pelajaran yang diajar seperti bahasa Arab, Tauhid, Fikah, Sejarah Islam dan Tasawuf. Kaedah pengajarannya berbentuk hafalan dan tiap-tiap pelajaran yang diajar berasaskan kitab-kitab tertentu. Mata-mata pelajaran ini diajar bertepatan dengan matlamat sistem pengajian pondok untuk melahirkan mereka yang kaya dengan ilmu agama dan mampu menjadi ulama. Bagi lepasan pondok yang cemerlang, mereka boleh melanjutkan pelajaran hingga ke Mesir dan Arab Saudi. Ada juga yang terus belajar di pondok-pondok hingga dilantik sebagai pembantu guru. Bagaimanapun sistem penilaian prestasi bagi pelajar-pelajarnya agak kabur. Barangkali pencapaian pelajar-pelajarnya diukur melalui kemahiran menghafal dan memahami ilmu yang telah dicurahkan itu.

PENUBUHAN MADRASAH DAN PERKEMBANGANNYA

Memasuki abad ke-20, sistem pendidikan Islam mengalami perubahan. Perubahan-perubahan yang berlaku bukan pada setakat struktur pentadbiran tetapi juga dari segi bentuk, sifat serta kurikulumnya. Perubahan ini bukan bermaksud bahawa sekolah-sekolah pondok telah lenyap dan digantikan dengan institusi yang lain, sebaliknya institusi pondok tetap ada cuma alternatif pendidikan Islam yang lain kini bertambah dengan wujud satu lagi institusi pendidikan Islam iaitu madrasah. Madrasah ialah satu fenomena pendidikan Islam yang mula wujud pada awal abad ke-20 di Tanah Melayu. Sejarah penubuhan madrasah ini mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan segolongan orang Melayu pelbagai keturunan yang pernah ke Tanah Arab atau Mesir sama ada untuk menuntut ilmu agama ataupun melakukan lawatan ke sana pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20. Mereka ini kemudiannya terpengaruh dengan gerakan reformasi Islam yang sedang bergerak hebat di kedua-dua negara tersebut. Sebab itulah golongan ini biasa juga dikenali dengan golongan reformis Islam ataupun Islah Islam.

Sistem pendidikan madrasah yang didirikan itu sendiri menggambarkan kaitan tersebut kerana ia adalah sistem pendidikan yang dijalankan di kedua-dua negara berkenaan yang diusahakan oleh para reformis di sana. Memang banyak madrasah yang didirikan di sini adalah hasil usaha golongan Islah Islam ini. Contohnya Madrasah al-Masriyyah di Bukit Mertajam didirikan oleh Tuan Haji Salleh Masri seorang lepasan dari Mesir. Madrasah al-Hadi di Melaka dan Madrasah al-Masyhur al-Islamiyyah di Pulau Pinang diusahakan oleh Syeikh al-Hadi, yang pernah ke Mesir dan bergaul dengan para reformis. Ramai juga antara mereka mengajar di madrasah yang ada, contohnya Syeikh Tahir Jalaluddin pernah mengajar di Madrasah al-Masyhur dan Madrasah al-Haji Taib di Muar, Johor. Syeikh Tahir Jalaluddin tokoh gerakan Islah Islam yang begitu berpengaruh dan tidak perlu diperkenalkan lagi. Beliau pernah tinggal bertahun-tahun di Makkah.

Dari segi sejarah awal penubuhannya, sukar ditentukan madrasah manakah yang mula-mula sekali ditubuhkan di negeri-negeri

Melayu. Ada catatan yang menyebutkan seawal tahun 1905 telah terdiri sebuah madrasah di Sabak Bernam, Selangor. Madrasah itu dikenali sebagai Madrasah Awamiyyah yang diasaskan oleh Muhammad Aman bin Muhammad Rosdi.¹⁵ Bagaimanapun hasil pemerhatian pada perjalanan madrasah ini, ia lebih mirip kepada sistem pengajian pondok. Tahun 1906 pula merupakan tahun penubuhan Madrasah al-Masriyyah di Bukit Mertajam, Seberang Perai, Pulau Pinang. Pengasasnya ialah Tuan Haji Salleh Masri. Berdasarkan kepada struktur organisasi dan perjalanannya, bolehlah dikatakan bahawa madrasah ini adalah madrasah pertama yang didirikan dalam sejarah penubuhan madrasah di negeri-negeri Melayu kerana ia lebih menepati ciri-ciri sebuah madrasah. Walaupun ia diasaskan oleh Tuan Haji Salleh Masri tetapi perbelanjaan madrasah ini ditanggung oleh Tuan Haji Abbas,¹⁶ mentua beliau sendiri. Ketika dirasmikan, Madrasah al-Masriyyah mempunyai penuntut lelaki berjumlah 30 orang, suatu jumlah yang boleh dibanggakan bagi sebuah institusi pendidikan yang baru. Semakin hari madrasah ini semakin berkembang pesat dan mendapat sambutan yang sangat baik daripada masyarakat sekelilingnya, sehingga ia terpaksa dibesarkan dan kelolakan oleh satu jawatankuasa madrasah untuk memastikan pengendaliannya berjalan dengan lebih cekap. Tuan Haji Salleh Masri ialah Yang Dipertuanya, yang pertama. Buat pertama kalinya muncul satu sistem pendidikan Islam yang lebih tersusun organisasinya dan lebih formal.

Sejak tahun itu, semakin banyak madrasah yang ditubuhkan dari tahun ke tahun di serata negeri, ibarat cendawan tumbuh selepas hujan. Antara yang boleh disebutkan di sini ialah Madrasah al-Hadi di Melaka (1917), Madrasah al-Masyhur al-Islamiyyah, Pulau Pinang (1918) dan Madrasah al-Khairiyyah Kampung Parit Jamil, Muar Johor (1920). Pada tahun 1921 ditukar nama kepada Madrasah al-Haji Taib, Madrasah Muhammadiyah, Kelantan (1917), Madrasah Kampung Parit Baharu, Sabak Bernam, Selangor (1933), Madrasah Ehya Al-Shariff Gunung Semanggol, Perak (1934), Madrasah al-Islah, Kuala Tekol, Temerloh, Pahang (1936), Madrasah al-Khairiyyah, Pokok Sena, Seberang Perai (1935), Madrasah al-Alawiyyah, Arau Perlis (1934) dan Madrasah Khairiyyah Muhammadiyyah Air Molek, Melaka (1927/28).

Penubuhan madrasah, seperti juga pondok-pondok diusahakan oleh orang perseorangan mahupun sekumpulan orang. Tarafnya masih lagi sebagai institusi pendidikan persendirian tanpa bantuan daripada kerajaan. Bagaimanapun sistem pendidikannya lebih formal, lebih besar dan lebih tersusun organisasi pentadbirannya yang terdiri daripada lebih daripada seorang yang mengendalikan. Madrasah-madrasah ini membayar gaji kepada guru-guru yang mengajar. Jadual waktu belajar juga ditentukan dan ia tidak berlanjutan daripada subuh hingga ke malam seperti di sekolah-sekolah pondok. Sebaliknya ia bermula awal pagi selepas subuh, berakhir pada waktu petang. Walaupun tiada had umur bagi memasuki ke madrasah-madrasah ini tetapi ada pembahagian kelas mengikut sukatan pelajaran dan kebolehan pelajar. Kurikulum madrasah lebih teratur disertai dengan peperiksaan atau ujian sebagai penilaian terhadap prestasi pelajar-pelajarnya. Dari segi pembahagian kelas, ia tidak seragam bagi semua madrasah, sebaliknya terpulang kepada budi bicara pentadbiran madrasah tersebut. Tetapi yang pastinya terdapat dua peringkat pengajian iaitu peringkat rendah yang disebut peringkat *ibtida'i* dan peringkat menengah yang dikenali sebagai peringkat *thanawi*. Setiap pelajar akan melalui kedua-dua peringkat ini yang mengandungi beberapa kelas sebelum menamatkan pengajian dan memperoleh sijil.

Asas pendidikan madrasah ialah pendidikan Islam, bagaimanapun mata pelajaran umum turut diajar. Inilah antara perbezaan ketara yang wujud antara sistem pengajian pondok dengan sistem pendidikan madrasah. Mata pelajaran¹⁷ yang diajar ialah Tauhid, Fikah, Akhlak, al-Quran, Hadith, Tafsir, Tajwid dan Bahasa Arab dengan segala disiplinnya. Mata pelajaran umum pula ialah Ilmu Hisab, Ilmu Alam, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Di samping itu ada mata pelajaran pilihan yang diajar iaitu khutbah (latihan pidato) dan pertukangan tangan. Subjek yang sama diajar pada setiap peringkat dan kelas, yang berbezanya ialah dari segi kedalamannya. Namun begitu ada juga mata pelajaran lain yang diajar pada peringkat menengah seperti mata pelajaran Tasawuf. Dengan subjek-subjek yang boleh dikatakan lengkap untuk melahirkan lepasan madrasah yang alim dalam ilmu agama, mereka sebenarnya boleh

melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi seperti di Universiti al-Azhar di Mesir. Perkara ini tidak begitu sukar kerana selain daripada lepasan pendidikan Islam tempatan dan Nusantara, madrasah ini berusaha mendapatkan khidmat daripada alim ulama terkenal dari Makkah. Syeikh Tahir Jalaluddin yang pernah mengajar di beberapa buah madrasah ialah lepasan Universiti al-Azhar. Dengan kehadiran tokoh-tokoh ulama yang mahir dengan sistem pendidikan di kedua-dua tempat terkenal itu, sudah pastilah sistem pendidikan di madrasah-madrasah berkenaan boleh disesuaikan dengan keperluan sistem pendidikan kedua-dua tempat tersebut bagi membolehkan lepasan madrasah melanjutkan pelajaran di sana.

Secara umumnya, sambutan masyarakat terhadap madrasah-madrasah ini memang baik, lebih-lebih lagi bagi madrasah yang besar dan terkenal. Struktur organisasi yang baik, kemudahan pembelajaran yang lengkap dan perjalanan madrasah yang cekap merupakan antara saham yang menentukan sambutan masyarakat. Kehadiran tokoh-tokoh ulama yang terkenal dan disegani menjadi faktor pembantu. Jika kesemua faktor-faktor ini ada, sambutan yang akan diterima bukan setakat daripada masyarakat tempatan tetapi juga dari tempat-tempat lain sama ada dari negeri-negeri di Semenanjung mahupun dari Indonesia dan Thailand. Antara madrasah yang terkenal dan mendapat sambutan hangat ialah Madrasah al-Masriyyah, Madrasah al-Masyhur, Madrasah al-Khairiyyah Pokok Sena dan Madrasah Al-Ehya Al-Shariff Gunung Semanggol. Sambutan yang menggalakkan ini telah memaksa asrama-asrama dibina untuk menempatkan pelajar-pelajar yang datang dari luar.

Lahirnya madrasah demi madrasah saban tahun sejak awal abad ke-20 tidak bermakna institusi pondok tenggelam walaupun terdapat sekolah-sekolah pondok yang ditingkatkan menjadi madrasah. Sebaliknya institusi pondok masih tetap wujud dan terus berkembang kerana masih ada masyarakat Islam yang cenderung kepada sistem pengajian seperti itu. Kelahiran madrasah sebenarnya telah menambahgiatkan lagi perkembangan pendidikan di Malaysia pada abad ke-20 di samping institusi pendidikan yang diperkenalkan oleh pihak penjajah. Masyarakat Melayu menjadi lebih sedar tentang kepentingan pendidikan dan mempunyai pelbagai alternatif untuk

pendidikan anak-anak mereka. Bagi yang berminat dengan pendidikan Islam, mereka boleh memilih antara sekolah pondok dengan madrasah. Biar institusi mana pun yang dipilih, ia bakal melahirkan pelajar yang alim dalam ilmu agama. Satu perkara yang menarik tentang madrasah ialah, ia bukan sahaja melahirkan pelajar-pelajar yang berilmu tetapi juga menjadi pusat penyebaran pemikiran Islam yang cenderung ke arah aliran reformis malahan lebih daripada itu ada madrasah yang menjadi pusat gerakan beberapa pertubuhan politik. Antara yang paling menonjol peranannya dalam aspek ini ialah Madrasah al-Diniah dan Madrasah Maarif Ehya Al-Shariff Gunung Semanggol. Madrasah al-Diniah misalnya menjadi pusat gerakan parti politik sayap kiri seperti API dan AWAS.¹⁸

Bagaimanapun, kegemilangan dan perkembangan madrasah-madrasah ini terganggu dengan meletusnya Perang Dunia Kedua. Ada madrasah yang lumpuh perjalanannya, malah banyak madrasah yang terpaksa ditutup. Penutupan madrasah ini bukan sahaja bersabit dengan suasana negeri yang tidak begitu aman, tetapi yang lebih penting lagi ialah kerana faktor kewangan yang tidak mengizinkan untuk menampung keperluan pentadbiran madrasah-madrasah berkenaan. Fenomena ini bukan sahaja khusus bagi madrasah yang kurang terkenal tetapi melibatkan juga madrasah-madrasah yang terkenal seperti Madrasah al-Masriyyah. Apabila disebut tentang masalah kewangan, sebenarnya sebelum perang meletus lagi telah ada madrasah yang mengalami masalah kewangan yang meruncing akibat kemelesetan ekonomi dan memaksa ia diserahkan kepada kerajaan. Ini berlaku kepada Madrasah al-Haji Taib yang ditukar kepada sekolah Melayu pada tahun 1936.¹⁹ Bagi madrasah yang masih kekal, kebanyakannya diambil alih oleh kerajaan selepas merdeka seperti Madrasah al-Masyhur, Pulau Pinang, tetapi sifatnya sebagai sekolah agama tetap dikekalkan sebagaimana namanya yang kekal hingga sekarang.

SEKOLAH RAKYAT

Satu lagi institusi pendidikan yang boleh dikategorikan dalam sistem pendidikan tradisional ialah yang dinamakan sekolah rakyat. Statusnya masih kekal sebagai sebuah institusi persendirian atau

sekumpulan orang tanpa bantuan daripada kerajaan. Sayugia ditegaskan di sini bahawa tidak banyak yang diketahui tentang sejarah sekolah rakyat ini, sama ada dari segi sejarah awal penubuhannya mahupun dari segi perkembangannya. Apa pun, kemunculan sekolah rakyat ini adalah hasil usaha individu atau sekumpulan orang atas dasar mahu memberi peluang pendidikan kepada anak-anak tempatan. Walaupun sekolah rakyat ini digolongkan kepada institusi pendidikan tradisional tetapi ia berbeza dengan dua institusi pendidikan yang telah dibincangkan sebelum ini iaitu sekolah pondok dan madrasah. Perbezaan ketara ialah dari segi asas pendidikan. Sekolah pondok dan madrasah asas pendidikannya ialah pendidikan Islam, sedangkan bagi sekolah rakyat pendidikan Islam hanya menjadi salah satu subjek atau mata pelajaran yang diajar. Ini bertepatan dengan hasrat penubuhan sekolah rakyat, untuk memberikan pendidikan yang lebih bercorak umum kepada anak-anak Melayu. Peredaran masa dan kemunculan sekolah-sekolah Melayu oleh kerajaan Inggeris menjadi faktor utama penubuhan sekolah rakyat ini.

Sekolah rakyat dipercayai telah wujud sejak akhir abad ke-19 lagi. Ia ditubuhkan atas dasar ingin menyaingi penubuhan sekolah vernakular Melayu oleh kerajaan Inggeris. Ini bukanlah bermakna bahawa masyarakat Melayu menolak sekolah Melayu tajaan kerajaan Inggeris berkenaan, tetapi sebenarnya untuk kepentingan pendidikan anak-anak mereka. Tambahan pula pada peringkat awalnya, penubuhan sekolah Melayu tidak menyeluruh ke serata tempat malah lebih tertumpu di Negeri-Negeri Selat sahaja. Sehubungan dengan itu individu yang sedar tentang perkara ini merasakan perlu diadakan sekolah yang sama di tempat-tempat mereka, lalu berusaha untuk mendirikan sekolah-sekolah yang serupa. Malah sebelumnya, mereka telah meminta kerajaan Inggeris membuka sekolah Melayu di tempat mereka. Apabila kerajaan Inggeris tidak dapat menunaikan permintaan ini, maka mereka mendirikan sekolah rakyat ini. Sekolah ini dinamakan sekolah rakyat kerana penubuhan dan perjalanannya adalah atas usaha rakyat. Jadi, dengan adanya sekolah rakyat ini, anak-anak tempatan berpeluang belajar dan mendapatkan pendidikan. Atas dasar itulah

sekolah rakyat mencontohi kurikulum sekolah Melayu yang menekankan kemahiran 3M iaitu membaca, menulis dan mengira. Sehubungan dengan itu antara mata pelajaran yang diajar ialah Bahasa Melayu, Ilmu Hisab, Tawarikh dan Ilmu Alam. Namun dari segi kemudahan, ia jauh lebih daif daripada sekolah Melayu kerajaan.

Dari segi tenaga pengajarnya, mereka dilantik daripada kalangan masyarakat tempatan yang difikirkan berkebolehan mengajar mata pelajaran yang telah disebutkan tadi. Mereka tidak mempunyai latihan perguruan seperti guru-guru sekolah Melayu. Tetapi ada juga guru-guru yang dibekalkan oleh kerajaan di sekolah rakyat terpilih atas permintaan masyarakat setempat. Masalah tenaga pengajar tidak menghalang pertumbuhan sekolah rakyat di serata negeri. Bilangan yang tepat sekolah rakyat ini tidak dapat ditentukan kerana kekurangan maklumat tentangnya. Bagaimanapun sebagai contoh, di negeri Kedah pada tahun 1938 terdapat 24 buah sekolah rakyat dengan jumlah 1742 orang murid,²⁰ satu jumlah yang mengagumkan bagi negeri itu. Dipercayai bahawa di negeri-negeri lain perkembangan sekolah rakyat juga berjalan dengan pesat, kerana dari hari ke hari bilangan orang yang sedar tentang keperluan dan kepentingan pendidikan sentiasa bertambah.

Sekolah rakyat bukan setakat yang sama bentuknya dengan sekolah Melayu, sebaliknya ia juga mempunyai sekolah agama. Sekolah agama yang menekankan asas pendidikan Islam itu dikenali sebagai sekolah agama rakyat. Bagaimanapun banyak daripada sekolah agama rakyat ini dikenali sebagai madrasah. Ini adalah kerana dalam banyak hal ia menyerupai madrasah. Barangkali juga kerana pengaruh madrasah yang telah meluas menyebabkan sekolah agama rakyat dikenali juga sebagai madrasah. Sekolah agama rakyat ini bukan sahaja dikenali sebagai madrasah malah dinamakan dengan nama madrasah. Fenomena ini boleh dilihat di negeri Selangor dan Pahang.

Sebagaimana yang dialami oleh madrasah, menjelang kemerdekaan banyak sekolah rakyat yang telah diambil alih pentadbirannya oleh kerajaan. Kerajaan negeri mengambil alih sekolah agama rakyat manakala kerajaan persekutuan bagi sekolah rakyat biasa. Peng-

ambilalihan ini dibuat bagi mengelakkan sekolah rakyat berkenaan ditutup akibat masalah kewangan, maklumlah ia tidak mempunyai sumber kewangan yang tetap. Ia juga bersabit dengan hasrat kerajaan untuk menyediakan lebih banyak sekolah dan adalah lebih mudah mengambil alih sekolah yang telah sedia ada daripada membina sekolah baru yang akan melibatkan jumlah perbelanjaan yang besar.

SISTEM PENDIDIKAN ZAMAN AWAL DI SARAWAK DAN SABAH

Tidak banyak yang diketahui tentang sistem pendidikan di Sabah dan Sarawak pada zaman awal iaitu sebelum kedatangan Inggeris. Bagaimanapun, berbanding Sabah, sistem pendidikan zaman awal di Sarawak, terutama yang melibatkan masyarakat Melayu beragama Islam boleh dikenal pasti. Mengikut Sabihah Osman,²¹ sistem pendidikan tradisional orang Melayu Sarawak adalah berasaskan pengajian al-Quran. Situasi pembelajarannya saling tidak tumpah seperti di negeri-negeri Melayu di Semenanjung (kelas-kelas al-Quran). Sistem pendidikan ini dijalankan di kawasan petempatan orang Melayu seperti di Kuching dan juga kawasan pesisiran. Sistem pendidikan ini dikatakan mempunyai kaitan dengan kerajaan Kesultanan Brunei kerana sebelum kedatangan Brooke, Sarawak berada di bawah pengaruh kerajaan itu. Lanjutan daripada hakikat ini, golongan bangsawan Sarawak juga diberi pendidikan yang lebih baik bagi membolehkan mereka membaca dan menulis dalam tulisan jawi.

Satu lagi bentuk pendidikan yang ada ialah pendidikan tidak formal yang dipelajari menerusi perbuatan ibu bapa seperti bersawah, berladang dan juga menangkap ikan. Pendeknya, anak-anak mereka telah didedahkan dengan pengetahuan tentang alam pekerjaan sejak mereka kecil lagi. Pendidikan moral pula diberi menerusi cerita-cerita penglipur lara yang banyak berlegar tentang hikayat raja-raja, kisah putera puteri dan cerita-cerita rakyat.²² Diperkirakan sistem pendidikan serupa ini hanya berlegar di kalangan masyarakat Melayu sahaja.

Pendidikan di Sabah pada zaman sebelum kedatangan pihak Inggeris bersifat tekaan sahaja lebih-lebih lagi bagi masyarakat yang bukan beragama Islam. Ini adalah kerana, bagi masyarakat Islam mereka sekurang-kurangnya mempunyai pendidikan agama yang berlandaskan pengajian al-Quran seperti masyarakat Islam di tempat-tempat lain, lebih-lebih lagi ketika Sabah berada di bawah pemerintahan kerajaan Kesultanan Brunei.²³ Sistem pendidikan ini kemudian berkembang sehingga wujudnya madrasah. Bagi masyarakat peribumi yang lain, mereka dikatakan tidak mempunyai sistem pendidikan yang formal, sebaliknya pendidikan untuk anak-anak merupakan pendidikan yang berlaku secara tidak langsung seperti melalui tunjuk ajar daripada ibu bapa mereka dan juga melalui upacara atau perayaan-perayaan tertentu seperti perkahwinan, kematian dan pesta menuai padi.²⁴ Pendidikan secara formal hanya bermula apabila badan-badan gerakan agama Kristian mendirikan sekolah-sekolah persendirian pada akhir abad ke-19.

SEJARAH RINGKAS PENGENALAN SISTEM PENDIDIKAN MODEN

Kedatangan Inggeris telah memberi alternatif baru dalam dunia pendidikan di negeri-negeri Melayu tanpa mengira sama ada ia adalah atas usaha pihak kerajaan Inggeris sendiri mahupun orang perseorangan atau pertubuhan-pertubuhan sukarela. Yang penting-nya di sini, penduduk negeri-negeri Melayu tanpa mengira kaum mempunyai pilihan dalam memberikan pendidikan kepada anak-anak mereka. Kini mereka boleh memilih sama ada untuk memberikan anak-anak mereka pendidikan tradisional yang sedia ada ataupun memasukkan anak-anak mereka ke sekolah-sekolah dalam sistem pendidikan yang baru diperkenalkan kepada mereka. Sesungguhnya sistem pendidikan yang diperkenalkan oleh orang asing ini memang berlainan sama sekali dengan sistem pendidikan tradisional terutama jika dibandingkan dengan sistem pengajian pondok. Perbezaan antara dua jenis pendidikan ini ketara dalam setiap aspek sama ada dari segi formalitinya, struktur organisasi sekolahnya mahupun kurikulum yang diajar.

Sejarah pengenalan sistem pendidikan moden di Tanah Melayu dimulai dengan penubuhan sekolah Inggeris, Penang Free School di Pulau Pinang pada tahun 1816. Sekolah ini ditubuhkan atas daya usaha Reverend R.S. Hutching.²⁵ Sekolah ini bukanlah milik kerajaan Inggeris di pulau tersebut, sebaliknya ia adalah milik persendirian. Sejak dari itu banyakkah sekolah Inggeris yang didirikan oleh orang perseorangan ataupun pertubuhan-pertubuhan sukarela umpamanya pertubuhan dakwah Kristian terutamanya di Negeri-Negeri Selat. Keadaan yang sama juga berlaku di Sabah dan Sarawak apabila sekolah-sekolah Inggeris dibuka oleh badan-badan dakwah Kristian sebagai salah satu strategi mereka mengkristiankan penduduk tempatan. Kerajaan Inggeris hanya mula bergiat cergas dalam lapangan pendidikan ini pada tahun 1869 dengan mengambil alih sekolah-sekolah persendirian yang telah sedia ada di samping membuka sekolah-sekolah baru.²⁶ Biarpun campur tangan Inggeris agak lewat dalam lapangan pendidikan ini tetapi tidak dapat dinafikan bahawa tumpuan kerajaan Inggeris kepada perkembangan pendidikan Inggeris ini lebih ketara berbanding pendidikan lain.

Pengenalan kepada sistem pendidikan moden ini diteruskan dengan memperkenalkan sekolah Melayu atau disebut juga sekolah vernakular Melayu. Sekolah Melayu pertama yang dibuka ialah Sekolah Melayu Bayan Lepas, Pulau Pinang pada tahun 1855. Sekolah ini dipercayai milik persendirian. Sekolah Melayu hasil usaha kerajaan Inggeris hanya dibuka pada tahun 1875 di Kelang, Selangor oleh Residen pertamanya, J.G. Davidson. Bagaimanapun, ada juga bukti bahawa sejak tahun 1863, kerajaan Inggeris di Pulau Pinang melalui pegawai pendidikannya A.M. Skinner telah membuka beberapa buah sekolah Melayu di Seberang Perai iaitu di Bukit Tambun, Permatang Pauh dan di Penaga.²⁷ Ini bermakna bahawa kerajaan Inggeris di Pulau Pinang telah mengambil inisiatif lebih awal dalam memperkenalkan sistem pendidikan moden aliran Melayu. Sekolah Melayu yang dibuka oleh J.G. Davidson di Kelang itu barangkali merujuk kepada sekolah Melayu pertama yang dibuka oleh kerajaan Inggeris di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.

Di Sarawak, sebelum pembukaan sekolah Melayu kerajaan yang pertama pada tahun 1883, telah ada sekolah Melayu yang dibuka

oleh masyarakat setempat, bagaimanapun ia lebih mirip kepada sekolah agama. Sekolah pertama kerajaan diberi nama Sekolah Abang Kassim yang kemudiannya ditukar nama kepada Sekolah Kampung Jawa. Sekolah ini dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan Brooke dan mendapat sambutan yang baik daripada masyarakat sekitar. Di Sabah pula, kerajaan Chartered Company tidak begitu mengambil berat tentang pendidikan anak-anak jajahan mereka sebaliknya mereka hanya menyerahkan urusan sedemikian rupa kepada badan-badan dakwah Kristian. Hanya pada dekad 20-an abad ke-20 barulah dibuka sekolah Melayu di bawah kelolaan mereka iaitu di daerah Kota Belud, Papar, Keningau, Menumbok dan Sipitang. Ini bermakna perkembangan pendidikan Melayu di Sabah adalah yang paling lewat berbanding negeri-negeri lain.

Berkenaan dengan sekolah Cina, pada peringkat awalnya (abad ke-19) sekolah-sekolah ini dibuka oleh persatuan-persatuan pendakwah Kristian. Umpamanya dikatakan bahawa seawal tahun 1815 *London Missionary Society* telah membuka sebuah sekolah Cina di Melaka.²⁸ Tetapi ada juga yang menegaskan bahawa sekolah seumpama itu pertama kali dibuka di Singapura pada tahun 1829.²⁹ Berkenaan dengan pendidikan Tamil pula, ia dikatakan telah wujud sejak tahun 1834 di Singapura. Bagaimanapun, itu bukanlah sekolah tetapi pengajaran dengan menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar di Singapore Free School. Keterlibatan kerajaan Inggeris dalam kedua-dua jenis sekolah ini hanya bermula pada tahun-tahun 1920-an setelah menyedari bahawa anak kedua-dua kaum tersebut mesti diberikan pendidikan secara formal melalui kedua-dua jenis sekolah itu, lebih-lebih lagi kepada buruh-buruh ladang dan lombong. Sebelum ini hanya mereka yang berpendapatan tinggi dan tinggal di bandar-bandar besar sahaja yang dapat menghantar anak-anak mereka ke sekolah Inggeris. Dengan situasi ini, keadilan sosial dalam bidang pendidikan tidak dapat dijalankan. Bagaimanapun bertepatan dengan dasar mereka yang tidak memberikan perhatian dalam hal-ehwal pendidikan masyarakat imigran, keterlibatan kerajaan Inggeris ini sangat terbatas. Tidak ada sebuah sekolah pun yang dibuka oleh kerajaan Inggeris untuk kedua-dua kaum ini sehingga meletusnya perang.

Bertepatan dengan pembukaan lebih banyak sekolah terutama dalam aliran Melayu dan Inggeris, keperluan guru merupakan satu perkara yang sangat serius. Sebagai memenuhi keperluan tersebut, kerajaan Inggeris telah mendirikan beberapa buah maktab perguruan sebagai tempat untuk melatih bakal-bakal guru sebelum dihantar untuk mengajar di sekolah-sekolah tertentu. Maktab perguruan pertama yang dibina ialah Maktab Perguruan Melaka pada tahun 1901. Ini diikuti pula dengan sebuah lagi maktab di Matang, Perak pada tahun 1913. Kemuncak pembukaan maktab perguruan ini ialah pada tahun 1922 apabila Maktab Perguruan Sultan Idris (Sultan Idris Training College) di Tanjung Malim, Perak dibuka. Maktab-maktab perguruan yang telah disebutkan tadi hanya khusus untuk melatih guru-guru Melayu. Bagi bakal-bakal guru sekolah Inggeris pula, mereka menerima latihan di maktab-maktab lain yang beraliran Inggeris seperti Raffles College di Singapura.³⁰

SEKOLAH MELAYU DAN PERKEMBANGANNYA

Memandangkan masyarakat Melayu hanya dihidangkan dengan sistem pendidikan tradisional yang berteraskan agama dengan serba kekurangan ketika mereka mula sampai di Negeri-Negeri Selat, kerajaan Inggeris telah memutuskan untuk memperkenalkan sistem pendidikan yang lebih teratur, lebih formal dan lebih luas kurikulumnya mengikut perspektif mereka. Keputusan itu juga sesuai dengan tuntutan sebuah pergerakan sosial di England yang menuntut supaya kerajaan Inggeris menyediakan kemudahan pendidikan kepada anak-anak jajahan, sekurang-kurangnya pendidikan asas atas dasar perikemanusiaan.³¹ Tanpa mahu menjejaskan atau mengubah secara drastik sistem pendidikan tradisi, sekolah Melayu yang dibuka kebanyakannya adalah berasaskan sekolah al-Quran yang sedia wujud. Untuk melicinkan usaha-usaha memperkenalkan sekolah Melayu jenis ini, seorang inspektor sekolah telah dilantik untuk Negeri-Negeri Selat khususnya. Inspektor yang pertama ialah A.M. Skinner. Atas usaha beliau tiga buah sekolah Melayu telah berjaya dibuka di Seberang Perai, Pulau Pinang seperti yang telah disebutkan sebelum ini dan bertambah menjadi 16 buah pada tahun 1872. Perkembangan ini kemudiannya dilaksanakan di negeri-

negeri lain apabila campur tangan Inggeris secara langsung bermula pada tahun 1874.

(Di Sabah, walaupun penduduk Melayunya tidak ramai tetapi kerajaan Chartered Company menubuhkan sekolah Melayu untuk memberikan pendidikan secara percuma kepada kaum bumiputera kerana menganggap bahasa Melayu sebagai bahasa lingua franca.)³² Walau bagaimanapun, perkembangan sekolah Melayu di negeri itu agak perlahan kerana sikap kerajaan yang tidak berminat terhadap pendidikan kaum bumiputera. Sehingga tahun 1934 hanya terdapat 8 buah sekolah Melayu yang didirikan oleh kerajaan. Malahan kerajaan melalui jabatan pelajaran yang ditubuhkan pada tahun 1909 telah mengeluarkan satu garis panduan yang tidak membenarkan sekolah-sekolah Melayu didirikan di kawasan pedalaman atas alasan sukar untuk diawasi.³³ Oleh yang demikian dapatlah dibayangkan perkembangan pendidikan bagi anak-anak bumiputera Sabah di kawasan pedalaman.

Pengenalan sekolah-sekolah Melayu di Tanah Melayu bermula dengan niat yang murni iaitu untuk meningkatkan pengetahuan di kalangan anak-anak tempatan, tetapi kebolehan untuk mencapai matlamat tersebut sebenarnya sangat minimum. Tahap minimum ini nampak jelas apabila (sekolah Melayu hanya dihadkan pada peringkat sekolah rendah sahaja dan sehingga Tanah Melayu mencapai kemerdekaan) sekolah menengah Melayu masih tidak didirikan. Keadaan minimum yang dimaksudkan ini tampak lebih jelas lagi dari segi kemudahan dan juga dari segi kurikulum serta mata pelajaran yang diajar dan juga melalui kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh para pentadbir Inggeris tentang dasar pendidikan mereka di Tanah Melayu. Contohnya ialah kenyataan yang terkandung dalam Laporan Tahunan Negeri-Negeri Selat pada tahun 1903 seperti yang dipetik di bawah ini:

...memberikan pelajaran permulaan yang membolehkan orang kampung menyimpan catitan mudah, dan dengan demikian, melindungi dia dari penipu-penipu yang tidak bertimbang rasa yang di kalangan penduduk

bertcampur ini, sentiasa sahaja sedia untuk mengambil kesempatan dari kejahilan.³⁴

Satu lagi kenyataan yang cukup jelas menggambarkan niat sebenar kerajaan Inggeris memberi pendidikan kepada orang Melayu ialah kenyataan George Maxwell dalam Annual Report bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu 1920:

Tujuan kerajaan bukanlah hendak mengadakan segelintir pemuda yang berpendidikan baik, tidak juga sebilangan budak yang kurang terdidik, melainkan ialah untuk membaiki keadaan bilangan terbesar penduduk dan menjadikan anak Melayu atau petani seorang nelayan atau petani yang lebih cerdik daripada bapanya. Serta menjadikan ia mengerti, menerusi pelajarannya, bahawa peluangnya dalam hidup ini adalah sesuai dengan cara hidup di sekelilingnya.³⁵

Daripada pernyataan-pernyataan yang telah dipetik, jelas sekali matlamat pendidikan yang diberikan oleh kerajaan Inggeris kepada anak-anak tempatan. Mereka tidak langsung berniat untuk melahirkan anak-anak tempatan yang benar-benar terdidik dengan ilmu pengetahuan semasa bagi membolehkan mereka membaiki corak kehidupan mereka dengan memasuki sektor pekerjaan yang lebih baik. Barangkali kerajaan Inggeris telah mengambil iktibar tentang apa yang telah berlaku di negara jajahannya India apabila anak-anak tempatan yang telah diberi pendidikan tanpa batas telah bangkit menentang Inggeris. Kerajaan Inggeris bimbang perkara yang sama akan berlaku di Tanah Melayu jika pendidikan tanpa had diberikan. Kebimbangan ini jelas melalui ucapan Arthur Noel Kenion pada tahun 1915 yang mengingatkan tentang itu dengan katanya:

... awak boleh mengajar orang-orang Melayu awak itu, supaya mereka tinggal terus di sawah-sawah padi dan supaya mereka tidak hilang kemahiran dan kesenian

*dalam kerja-kerja menangkap ikan dan kerja-kerja hutan. Ajarkan mereka supaya memuliakan kerja buruh supaya mereka menjadi petani dan saya yakin awak tidak akan menghadapi kekacauan seperti yang terjadi di India akibat pelajaran berlebihan.*³⁶

Dengan matlamat dan falsafah pendidikan seperti ini, maka tidak hairanlah jika semangat perjuangan menentang penjajah menerusi semangat nasionalisme Melayu lambat berkembang. Jika ia muncul pun, bukanlah di kalangan anak-anak tempatan yang terdidik menerusi pendidikan Melayu, sebaliknya melalui pendidikan Islam, sama ada yang ditimba di negeri-negeri Melayu ini sendiri ataupun dari luar negeri. Ini terbukti jelas jika kita singkap semula sejarah perjuangan masyarakat Melayu menentang penjajah, ia dimulai oleh pergerakan Islah Islam sejak awal abad ke-20. Anak-anak tempatan yang mendapat pendidikan Melayu pula menampakkan semangat juang mereka hanya pada tahun-tahun 1930-an. Bagaimanapun bilangan mereka sangat kecil dan dipengaruhi pula oleh tokoh-tokoh pejuang kemerdekaan Indonesia di samping pengaruh gerakan Islah Islam. Dengan bilangan mereka yang kecil dan bersifat radikal, perjuangan golongan ini yang diketuai oleh tokoh seperti Ibrahim Yaakob tidak mendapat sokongan malahan simpati menyeluruh daripada masyarakat Melayu lantaran tahap kesedaran mereka yang kecil akibat dasar pendidikan pihak penjajah yang tidak mampu membuka mata dan telinga rakyatnya terhadap perkara-perkara yang berlaku di sekeliling mereka. Jadi, perjuangan golongan ini dengan mudah ditekan oleh pihak Inggeris. Maka sedikit sebanyak tercapai hasrat mereka.

Secara umumnya, kurikulum yang diajar di sekolah-sekolah Melayu berasaskan kepada tiga kemahiran utama iaitu membaca dan menulis dalam bahasa ibunda (tulisan Jawi) serta mengira. Bagaimanapun, ia diajar pada tahap yang sangat minimum, cukup untuk memenuhi keperluan asas sebagaimana yang dinyatakan di atas tadi. Pengajaran al-Quran tetap diteruskan tetapi hanya diajar pada sebelah petang oleh guru-guru agama yang dikenal pasti oleh masyarakat Melayu itu sendiri. Dipercayai bahawa ini adalah salah

satu strategi pihak Inggeris untuk menarik minat masyarakat Melayu menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah tersebut memandangkan keprihatinan masyarakat Melayu terhadap pengajian agama agak tinggi. Memasuki abad ke-20, barulah kemahiran membaca dan menulis dalam tulisan rumi diajar. Dari segi ini, boleh dikatakan bahawa masyarakat Melayu Sarawak lebih beruntung kerana sekolah Melayu di sana, di samping mengajar tiga perkara asas tersebut, murid-murid turut diajar dengan mata pelajaran Ilmu Alam dan Tawarikh dan yang lebih penting lagi mereka turut diajar Bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran tambahan.³⁷

Satu persoalan timbul di sini berhubung dengan kurikulum yang diajar di sekolah-sekolah Melayu ini dengan matlamat atau dasar yang telah disebutkan sebelum ini. Ia nampak bercanggah. Hasrat Inggeris adalah untuk melahirkan petani, pesawah dan nelayan yang lebih baik daripada sebelumnya. Ternyata walaupun itu matlamatnya, tetapi di sekolah-sekolah Melayu berkenaan murid-muridnya tidak diajar tentang kemahiran teknikal yang berkaitan secara langsung dengan tiga jenis pekerjaan berkenaan.³⁸ Jadi, bagaimana mereka boleh menjadi petani, pesawah dan nelayan yang lebih baik jika mereka tidak dibekalkan dengan ilmu yang berkaitan. Sebaliknya mata pelajaran yang diajar hanya sesuai untuk mereka yang ingin bekerja sebagai kerani atau budak pejabat, sedangkan bukan itu tujuan pelajaran diberikan kepada mereka. Kepincangan ini disedari sendiri oleh seorang pegawai Inggeris iaitu James Innes, Pegawai Pemungut Cukai dan Majistret daerah Langat, Selangor. Menurut Rex Stevenson, percanggahan antara matlamat dengan realiti pendidikan yang diberikan kepada anak-anak Melayu ini menunjukkan niat sebenar kerajaan Inggeris dalam lapangan pendidikan untuk anak-anak bumiputera.³⁹

Selaras juga dengan matlamat mereka, tumpuan pembukaan sekolah Melayu adalah di kawasan-kawasan luar bandar, kawasan petempatan majoriti orang Melayu, dengan harapan orang Melayu akan lebih mudah menghantar anak-anak mereka belajar di sekolah-sekolah berkenaan. Walau bagaimanapun, dengan kedudukannya yang jauh di pedalaman, kemudahan yang mampu diberikan sangat minimum. Kemudahan yang dimaksudkan itu termasuklah ke-

mudahan bangunan, peralatan pembelajaran dan kemudahan infrastruktur yang lain. Kebanyakan bangunan sekolah berdingkan kayu. Tidak hairanlah jika muncul penggunaan perkataan sekolah atap untuk menggambarkan pendidikan Melayu. Dengan tahap kemudahan yang minimum ini, sudah tentulah keselesaan semasa belajar tidak ada, dan inilah antara masalah yang dihadapi oleh dunia pendidikan Melayu selain daripada masalah-masalah lain seperti mendapatkan guru-guru yang berkelayakan untuk mengajar terutama sebelum maktab-maktab perguruan dibina untuk melatih guru.

Masalah paling besar yang dihadapi oleh sekolah Melayu untuk berkembang ialah dari segi sambutan daripada masyarakat Melayu itu sendiri. Pada awal pembukaan sekolah ini, sambutan daripada masyarakat Melayu sangat mengecewakan. Biasanya, pada majlis pembukaan sesebuah sekolah Melayu tajaan kerajaan, hanya seorang dua murid Melayu sahaja yang hadir.⁴⁰ Dengan sambutan yang sebegini dingin maka tidak hairanlah jika ada sekolah Melayu yang terpaksa ditutup hanya beberapa bulan setelah ia beroperasi. Contohnya sekolah Melayu di Jugra, Selangor yang terpaksa ditutup selepas tujuh bulan beroperasi. Banyak langkah telah diambil oleh kerajaan Inggeris untuk mengatasi masalah ini misalnya mewajibkan ibu bapa menghantar anak-anak mereka belajar di sekolah tetapi ia tidak mencapai perkembangan yang menggalakkan. Begitu juga di Sarawak, terdapat beberapa buah sekolah Melayu seperti di Betong dan Spaoh yang terpaksa ditutup akibat kemerosotan bilangan pelajar.

Hanya sekolah-sekolah Melayu yang terletak berhampiran bandar sahaja yang mendapat sambutan dan dapat bertahan lama. Walaupun sesebuah sekolah itu terdapat ramai murid yang berdaftar, tetapi bilangan kehadiran sehari-hari tidak pernah cukup malah kurang daripada setengah bilangan yang mendaftar. Selain itu timbul pula masalah-masalah lain yang memeningkan kepala pegawai-pegawai Inggeris yang mengendalikan sekolah-sekolah Melayu ini. Misalnya, didapati ada guru-guru Melayu yang tidak mengajar, sebaliknya menyuruh murid-muridnya membuat kerja-kerja harian seperti membelah kayu api dan menjual buah-buahan.⁴¹ Dengan keadaan

semacam ini sudah tentulah kita dapat menjangka sejauh mana pencapaian anak-anak Melayu menerusi pendidikan seperti ini. Secara tidak langsung, matlamat kerajaan Inggeris untuk tidak memberi terlalu banyak pendedahan kepada ilmu melalui pendidikan telah dibantu oleh masalah-masalah seperti ini.

Banyak perkara yang dibangkitkan oleh sama ada pegawai-pegawai Inggeris yang terbabit ataupun sarjana yang mengkaji tentang perkembangan pendidikan Melayu ini berhubung dengan sambutan dingin masyarakat Melayu terhadap sekolah-sekolah Melayu. Antaranya berkaitan dengan rupa bentuk atau corak pendidikan itu yang berasaskan pendidikan sekular. Masyarakat Melayu ketika itu sangat mementingkan pendidikan agama berbanding ilmu-ilmu duniawi, jadi mereka lebih gemar anak-anak mereka belajar di sekolah-sekolah al-Quran dan pondok. Tambahan pula mereka melihat bahawa pengasas sekolah-sekolah Melayu adalah orang Inggeris yang beragama Kristian, maka kebimbangan timbul dari segi agama anak-anak mereka akan tergugat kerana mereka sendiri tidak tahu apa yang diajar di sekolah-sekolah berkenaan. Sambutan dingin ini juga dikatakan berkaitan dengan matlamat pendidikan yang sering dilaung-laungkan oleh pegawai-pegawai Inggeris iaitu untuk melahirkan petani, pesawah dan nelayan yang lebih baik.

Bagi masyarakat Melayu yang tertutup, mereka tidak melihat pendidikan untuk matlamat tersebut sebagai satu keperluan kerana kehidupan yang telah dan sedang dilalui ini sudah mencukupi bagi mereka. Mereka juga merasakan bahawa pengetahuan yang diajarkan itu tidak perlu untuk anak-anak mereka biarpun dengan-nya anak-anak mereka boleh menceburkan diri dalam lapangan pekerjaan yang baru seperti kerani atau budak pejabat. Masyarakat Melayu Sarawak juga berfikirannya yang sama dan enggan menghantar anak-anak mereka ke sekolah yang dianggap sekular. Walau bagaimanapun, masalah ini tidak begitu ketara di Sarawak cuma pertambahan bilangan pelajar dari tahun ke tahun sahaja yang tidak meningkat. Biarpun begitu, kerajaan Brooke yang amat prihatin dengan kemajuan sekolah Melayu ini membuat siasatan terhadap pertambahan bilangan pelajar yang tidak memberangsangkan ini dan mengambil langkah yang dikira wajar untuk menanganinya.⁴²

Selain daripada beberapa punca yang telah disebutkan tadi, terdapat punca lain yang juga menjadi sebab. Antaranya ialah sikap guru-guru yang mengendalikan sekolah-sekolah berkenaan. Ada guru yang tidak bertanggungjawab dan cuba mengambil kesempatan dengan menyalahgunakan tenaga murid-muridnya seperti yang telah disebutkan di atas tadi sebagai contoh. Dengan adanya guru-guru seperti ini, pasti ibu bapa yang mahu anaknya diberi pendidikan akan berasa hampa atas apa yang terjadi dan tidak mahu menghantar anak mereka ke sekolah. Sikap sambil lewa guru-guru seperti ini terbukti apabila hanya dua atau tiga orang sahaja murid di sesebuah sekolah yang boleh membaca atau menulis daripada bilangan yang mendaftar seramai tiga puluh orang.⁴³ Walau bagaimanapun, kerajaan Inggeris yang menyedari kelemahan ini berusaha untuk mengatasinya dengan membekalkan guru-guru yang lebih terlatih dan berwibawa.

Satu lagi punca yang tidak kurang pentingnya berhubung dengan keengganan para ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke sekolah ialah atas desakan dan keperluan tenaga anak-anak mereka untuk bekerja di kebun-kebun bagi membantu keluarga menambah pendapatan. Jika anak-anak mereka dihantar ke sekolah, mereka akan kekurangan tenaga kerja yang boleh menjejaskan pendapatan mereka, jadi adalah lebih baik tidak dihantar anak-anak mereka ke sekolah sebaliknya lebih baik disuruh terus bekerja. Keengganan ini menjadi lebih kuat apabila diketahui bahawa anak-anak mereka yang dihantar ke sekolah untuk belajar disuruh pula bekerja untuk kepentingan guru-guru berkenaan.

Bagaimanapun, sambutan dingin masyarakat Melayu pada pendidikan ini tidak berkekalan, sebaliknya ia berubah kepada reaksi yang lebih baik lagi. Menjelang akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20, kesedaran tentang pentingnya pendidikan telah mula tersebar luas di kalangan masyarakat Melayu, terutama di negeri-negeri Melayu sebelah pantai Barat. Perubahan pada sikap masyarakat Melayu ini dapat dikesan melalui perkembangan dan pertumbuhan institusi pendidikan itu sendiri. Semakin hari bilangan sekolah yang dibuka bertambah bagi memenuhi keperluan pendidikan anak-anak Melayu. Malah yang lebih memberangsangkan lagi, pembukaan

sekolah-sekolah ini bukan sekadar atas arahan kerajaan Inggeris sahaja tetapi juga atas permintaan masyarakat Melayu itu sendiri. Memang terdapat segelintir masyarakat kampung tertentu yang membuat surat rayuan kepada kerajaan Inggeris agar membuka sekolah Melayu di tempat mereka. Ini jelas membuktikan kepada kita tentang perubahan sikap masyarakat Melayu pada pendidikan. Perubahan ini juga boleh dibuktikan dengan pertambahan bilangan pembukaan sekolah saban tahun di seluruh negeri.

Jika pada tahun 1872 hanya terdapat 16 buah sekolah dengan bilangan murid yang berdaftar hanya 596 orang, bilangan ini kemudian meningkat sedikit sepuluh tahun kemudiannya menjadi 85 buah sekolah dengan murid seramai 2230 orang. Peningkatan bilangan sekolah ini nampak lebih memberangsangkan selepas tahun-tahun itu. Pada tahun 1892 misalnya, bilangan sekolah telah meningkat naik hingga ke angka 189; bertambah 104 buah dan bilangan muridnya menjadi 7218 orang; bertambah hampir 5 ribu orang.⁴⁴ Bilangan ini terus meningkat apabila memasuki abad ke-20. Misalnya pada tahun 1906, bilangan sekolah Melayu dike-empat-empat buah Negeri-Negeri Melayu Bersekutu sahaja meningkat menjadi 231 buah sekolah dengan Perak mendahului senarai terbanyak iaitu sebanyak 122 buah. Bilangan murid di negeri-negeri berkenaan juga meningkat menjadi 13 479 orang pada tahun yang sama.⁴⁵

Perubahan sikap dan sambutan daripada masyarakat Melayu terhadap pendidikan ini berkait rapat dengan banyak perkara. Antara sebab utama perubahan sikap ini bersabit dengan peranan yang dimainkan oleh raja-raja Melayu dan kaum keluarga mereka. Didapati bahawa terdapat raja-raja Melayu dan kaum kerabatnya yang telah mula membangkitkan tentang kepentingan pendidikan untuk rakyat mereka lalu meminta residen masing-masing berbuat sesuatu ke arah itu. Kesedaran ini barangkali kerana mereka sendiri telah diberi pendidikan secara formal oleh kerajaan Inggeris jadi mereka juga sedar tentang kepentingan pendidikan. Sebagai contohnya, Sultan Idris Perak sering meminta residennya berusaha memperkembangkan pendidikan sekolah Melayu di Perak untuk rakyatnya. Begitu juga di Selangor, Raja Mudanya, Raja Sulaiman

telah mengambil inisiatif sendiri untuk membuka sebuah sekolah Melayu di Kuala Langat dengan menggunakan duitnya sendiri.⁴⁶ Keprihatinan baginda terserlah apabila melantik abang iparnya sebagai guru besar sekolah tersebut yang kemudiannya menjadi sekolah yang terbesar di daerah itu.

Menurut Rex Stevenson, perubahan sambutan masyarakat Melayu terhadap pendidikan bukanlah semata-mata datangnya daripada peranan keluarga diraja tetapi juga oleh kesedaran yang lahir daripada masyarakat Melayu itu sendiri atas beberapa perkembangan terbaharu dalam suasana kehidupan mereka.⁴⁷ Antara yang utama ialah peluang pekerjaan yang terbuka kepada lepasan sekolah Melayu untuk bekerja makan gaji dengan kerajaan sebagai kerani atau budak pejabat atau jawatan yang lebih tinggi bagi mereka yang berpeluang mendapat pendidikan hingga ke sekolah Inggeris. Status bekerja dengan kerajaan dipandang tinggi oleh masyarakat Melayu ketika itu, jadi para ibu bapa mula berminat untuk menghantar anak-anak mereka belajar di sekolah-sekolah Melayu dengan harapan anak mereka akan berjaya menjawat jawatan dengan kerajaan Inggeris. Status sosial mereka dalam masyarakat boleh meningkat dengan adanya anak-anak mereka yang bekerja dengan kerajaan. Dan sememangnya peluang mereka agak cerah kerana menjadi dasar Inggeris ketika itu untuk memberi jawatan dalam perkhidmatan awam kepada orang Melayu sahaja. Meskipun ia lebih terbuka kepada anak-anak golongan atasan, tetapi anak-anak Melayu yang lain masih berpeluang untuk mendapat jawatan dalam kerajaan walaupun jawatan yang lebih rendah. Kesedaran yang berkaitan dengan hal ini lebih ketara kepada masyarakat Melayu yang tinggal agak tidak jauh dari bandar kerana mereka lebih peka dengan apa yang berlaku berbanding masyarakat Melayu yang tinggal jauh di pedalaman.

Perubahan-perubahan pada corak kehidupan dan arus pemodenan yang mula melanda Tanah Melayu juga menjadi salah satu sebab kepada lahirnya kesedaran tentang kepentingan pendidikan untuk terus bersaing dan berjaya dalam hidup. Dengan latar belakang pendidikan yang lebih baik, peluang untuk maju lebih banyak terbuka berbanding dengan mereka yang tidak

berpendidikan. Di samping itu, tindakan kerajaan Inggeris memberikan biasiswa kepada anak-anak Melayu yang cemerlang dan berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke sekolah-sekolah Inggeris juga dikatakan menjadi punca masyarakat Melayu berubah sikap. Dengan adanya biasiswa seumpama ini, dapatlah ia mengurangkan beban kewangan ibu bapa yang terlibat dan peluang anak-anak Melayu belajar pada peringkat yang lebih tinggi terbuka dengan lebih luas lagi kerana seperti yang kita sedia maklum, rata-ratanya masyarakat Melayu bukan daripada golongan berpendapatan tinggi.

Telah disebutkan sebelum ini bahawa antara punca masyarakat Melayu enggan menghantar anak-anak mereka ke sekolah ialah masalah guru yang tidak terlatih dan tidak menjalankan tanggungjawab mereka dengan baik. Maka inilah juga yang menjadi salah satu sebab kepada bertukarnya sikap daripada enggan kepada sebaliknya. Apabila maktab-maktab perguruan berjaya dibuka, guru dan bakal guru dapat dilatih dengan lebih baik dan sistematik dalam bidang perguruan dan pendidikan. Kehadiran guru-guru terlatih di sekolah-sekolah ini membuatkan perjalanan dan suasana pembelajaran menjadi lebih teratur dan ibu bapa tidak akan merasa rugi menghantar anak-anak mereka ke sekolah kerana kemahiran yang diharapkan itu akan dapat dicapai oleh anak-anak mereka. Satu perkara lagi yang boleh dianggap penting sebagai satu dorongan kepada ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke sekolah ialah dari segi kurikulum yang diajar. Bermula pada awal abad ke-20, terdapat perubahan sedikit dari segi kurikulum ini. Jika sebelum ini kemahiran membaca dan menulis serta mengira diajar dalam tulisan jawi, tetapi sejak tahun-tahun berkenaan tulisan rumi diperkenalkan. Ini selaras dengan keperluan sektor perkhidmatan awam. Bermula dari detik itu kurikulum dalam sistem pendidikan Melayu sentiasa dipertingkatkan selaras dengan peredaran dan keperluan semasa.

Bertepatan dengan itu beberapa pembaharuan telah dilakukan oleh pihak Inggeris antaranya ialah dengan memperkenalkan pendidikan untuk anak-anak perempuan. Kemudahan pendidikan untuk mereka ini mula diperkenalkan pada tahun 1890 apabila dua

buah sekolah Melayu perempuan dibuka di Perak dan kemudian diikuti dengan pembukaan sebuah lagi sekolah perempuan di negeri Selangor pada tahun 1895. Walaupun sambutan masyarakat Melayu pada sekolah-sekolah jenis ini sangat dingin kerana rata-ratanya tidak melihat kepentingan anak-anak perempuan diberi pendidikan, tetapi kerajaan Inggeris terus menggalakkannya dengan membuka lebih banyak sekolah-sekolah seperti ini di merata-rata tempat walaupun ada yang terpaksa ditutup kemudiannya akibat tiada pelajar. Sekolah perempuan Melayu di Sarawak hanya berjaya dibuka pada tahun 1930 walaupun hasrat telah dikemukakan sejak akhir abad ke-19 lagi.⁴⁸ Dengan bilangan pelajar yang kecil sekolah yang diberi nama Sekolah Permaisuri ini terus kekal hingga meletusnya perang.

Dunia pendidikan Melayu telah banyak mengalami perkembangan sejak ia mula diperkenalkan oleh pihak penjajah. Namun ia tetap berdiri teguh atas landasan dasar dan matlamat penjajah memperkenalkannya. Sebab itulah perubahan-perubahan yang dilakukan mengambil masa yang lama dan berjalan dalam lingkungan yang sempit. Maka tidak hairanlah jika sistem pendidikan Melayu ini gagal membantu memperkembangkan minda masyarakat Melayu supaya peka dengan apa yang berlaku dalam realiti hidup mereka yang jauh ketinggalan dalam pelbagai aspek hidup berbanding kaum lain.

VERNAKULAR CINA DAN PERKEMBANGANNYA

Walaupun sejarah pendidikan orang Cina telah bermula seawal abad ke-19 tetapi oleh kerana ia lebih diusahakan oleh orang perseorangan dan pertubuhan dakwah Kristian, tidak dapat dipastikan sistem dan kurikulumnya. Sebelum kerajaan Inggeris campur tangan dalam memberikan pendidikan untuk masyarakat Cina, masyarakat ini telah mengambil inisiatif sendiri untuk memberikan pendidikan kepada anak-anak mereka. Walaupun sekolah-sekolah Inggeris telah dibuka di Negeri-Negeri Selat terutamanya, (negeri tumpuan masyarakat Cina) tetapi tidak mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat Cina. Sebaliknya, mereka membuka

sekolah-sekolah persendirian yang dibiayai sepenuhnya oleh mereka sendiri. Sekolah-sekolah ini menggunakan bahasa pengantar mengikut dialek masing-masing. Dari segi tarikh awal kewujudan sekolah seumpama ini, tidak dapat ditentukan, tetapi dipercayai bahawa ia telah wujud seiring dengan kewujudan masyarakat Cina yang kian bertambah bilangannya dari hari ke hari. Namun demikian, bilangan sekolah-sekolah yang wujud ini agak sukar untuk ditentukan kerana taraf persendiriannya. Kewujudan sekolah-sekolah persendirian Cina ini juga terdapat di Sabah dan di Sarawak.

Oleh kerana ia adalah sekolah-sekolah persendirian dan bebas daripada kawalan kerajaan Inggeris maka mereka juga bebas menentukan kurikulumnya. Ternyata kurikulum yang digunakan adalah berorientasikan kurikulum yang digunakan di sekolah-sekolah di negara China. Hal ini bukan sesuatu yang menghairankan kerana guru-guru yang mengajarnya pun adalah guru-guru yang didatangkan khas dari negara tersebut termasuk buku-buku teks rujukan mereka. Berdasarkan hakikat ini maka boleh dibuat andaian bahawa anak-anak masyarakat Cina yang belajar di sekolah-sekolah ini dihadangkan dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan tanah leluhur mereka yang mempunyai unsur politik dan propaganda dan berkait rapat pula dengan apa yang sedang berlaku di negara asal mereka. Perkara ini lebih ketara selepas berlakunya Revolusi 1911 di negara itu. Inilah sebenarnya yang menjadi punca utama kerajaan Inggeris mengawal dan seterusnya campur tangan dalam hal-ehwal pendidikan masyarakat Cina kerana ditakuti keadaan itu akan menjejaskan kestabilan politik di Tanah Melayu, lebih-lebih lagi telah nampak usaha-usaha Parti Komunis China untuk mengembangkan sayapnya ke Tanah Melayu melalui institusi pendidikan ini.

Mengikut Victor Purcell, terdapat tiga jenis sekolah Cina di Semenanjung sebelum kerajaan Inggeris mula campur tangan dalam institusi tersebut iaitu:⁴⁰

1. Sekolah yang dikendalikan oleh persatuan-persatuan tertentu. Biasanya ia berkaitan dengan komuniti atau penduduk daerah terbabit.

2. Sekolah-sekolah awam yang dikendalikan oleh seorang atau dua guru yang fungsinya tidak menepati ciri-ciri sekolah, sebaliknya mempunyai muslihat lain. Biasanya ia mempunyai muslihat kewangan yang dikumpulkan untuk tujuan tertentu.
3. Sekolah-sekolah persendirian yang dikendalikan oleh sekumpulan guru. Sekolah-sekolah ini mengenakan kadar yuran yang sangat minimum.

Dengan wujudnya sekolah-sekolah seperti ini maka kita boleh katakan bahawa masyarakat Cina tidak sunyi atau ketandusan pendidikan biarpun ia tidak berorientasikan keadaan semasa tempat mereka tinggal sebaliknya masih berkiblat kepada negara asal mereka. Maka sebab itulah perasaan cintakan Tanah Melayu sebagai tanah tempat kelahiran mereka bagi generasi yang lahir di sini sukar timbul kerana ia tidak dipupuk sejak dari bangku sekolah lagi. Jika diperhatikan kepada kesedaran tentang kedudukan mereka di Tanah Melayu pada tahun-tahun 1920-an, ia hanya datang daripada orang Cina kelahiran Negeri-Negeri Selat yang mendapat pendidikan Inggeris dan bukannya daripada mereka yang mendapat pendidikan daripada sekolah-sekolah yang telah disebutkan tadi.

Menyedari hakikat ini, kerajaan Inggeris bermula pada tahun 1920 telah mengeluarkan undang-undang bagi mengawal kegiatan sekolah-sekolah dan guru-guru yang terlibat. Kesemua sekolah yang diusahakan perlu didaftarkan. Kerajaan Inggeris tidak membuka sekolah-sekolah Cina yang baru dalam erti kata yang sebenarnya kerana mereka lebih berminat mengawal sekolah-sekolah yang telah sedia wujud. Barangkali juga pembukaan sekolah-sekolah baru akan melibatkan perbelanjaan yang lebih. Oleh yang demikian, kerajaan hanya menyediakan bantuan kewangan dalam bentuk geran yang khusus bagi sekolah-sekolah Cina ini. Geran ini akan diberikan kepada sekolah-sekolah yang memohon sahaja. Maknanya bantuan ini bukan secara automatik diberikan. Bagaimanapun bantuan ini memang dialu-alukan oleh masyarakat Cina kerana sekurang-kurangnya ia boleh meringankan beban kewangan mereka.

Reaksi masyarakat Cina bagaimanapun berlawanan dengan reaksi yang ditunjukkan oleh guru-guru sekolah berkenaan. Mereka dapat merasakan bahawa ini adalah satu cara bagi kerajaan Inggeris mengawal aktiviti pengajaran mereka, jadi mereka tidak bebas lagi mengajar perkara-perkara yang mereka suka dan fikirkan perlu untuk murid-muridnya. Sebab itulah pada peringkat permulaannya, tidak banyak sekolah Cina yang memohon geran ini kerana takut terikat dengan kerajaan. Tetapi apabila melihatkan faedah-faedah yang dinikmati oleh sekolah-sekolah yang mendapat geran tersebut dari segi kemudahan dan peralatan pelajaran, maka pada tahun-tahun 1930-an banyak sekolah yang memohon. Satu perkara yang perlu disebutkan di sini bantuan geran seperti ini hanya disediakan untuk sekolah-sekolah di Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu sahaja. Ketiadaan bantuan untuk sekolah-sekolah di negeri-negeri lain barangkali kerana jumlahnya yang tidak ramai berbanding di Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu ataupun mungkin sebab kekuasaan Inggeris di negeri-negeri terbabit sangat terbatas.

Sebenarnya kawalan menerusi bantuan kewangan dan kemestian pendaftaran tidak mencukupi untuk kerajaan Inggeris mengawal aktiviti sekolah-sekolah berkenaan. Ini adalah kerana kerajaan masih tidak campur tangan dalam hal menentukan guru-guru yang mengajar, kurikulumnya dan buku-buku teks yang digunakan. Dengan perkataan lain, ia masih sama cuma ia didaftarkan dengan kerajaan sahaja kini. Dengan itu, tingkah laku pelajar-pelajarnya tidak dapat dikawal seperti mana kerajaan mengawal pelajar-pelajar di sekolah Melayu dan juga Inggeris. Dan sememangnya disiplin pelajar sekolah Cina amat buruk akibat kurikulum dan teks-teks yang digunakan.⁵⁰ Pelajar-pelajarnya tidak menghormati guru-guru mereka, malah mereka berani melancarkan mogok seperti yang pernah dilakukan oleh pelajar-pelajar di dua buah sekolah Cina di Singapura pada tahun 1931. Di Tanah Melayu walaupun tetap berhadapan dengan masalah disiplin yang buruk, tetapi tidaklah sampai menimbulkan suasana yang tidak sihat. Bagaimanapun, ia tetap membimbangkan kerajaan.

Sudah menjadi dasar kerajaan China untuk tetap mengiktiraf orang Cina yang berada di mana juga di dunia ini dan di mana juga ia dilahirkan sebagai rakyat negara itu. Selaras dengan itu kerajaan China sentiasa mengambil berat tentang keadaan rakyatnya di luar negara termasuk tentang pendidikan yang dikehendaki selari dengan pendidikan di negara itu. Keadaan ini tambah menyulitkan dan kerajaan Inggeris sukar untuk berbuat sesuatu untuk menangani masalah ini di Tanah Melayu. Apabila komunis menguasai politik China, pengaruh itu juga cuba diperluaskan di kalangan rakyat China di seberang laut termasuk Tanah Melayu melalui pelbagai cara tidak terkecuali melalui pendidikan. Pemikiran dan tindak tanduk pergerakan komunis jelas terbayang melalui disiplin dan tingkah laku para pelajar sekolah Cina. Ini membayangkan betapa pengaruh itu telah berjaya diserapkan di kalangan para pelajar berkenaan. Maka tidak hairanlah jika dalam kesatuan-kesatuan sekerja Cina juga turut diresapi dengan pengaruh komunis ini.

Keadaan ini berlarutan hingga meletusnya Perang Dunia Kedua. Apabila kerajaan Inggeris kembali pada tahun 1945 dengan matlamat untuk menguasai secara langsung Tanah Melayu, maka barulah pengawalan secara rapi terhadap sekolah-sekolah Cina ini dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya. Lebih-lebih lagi apabila ramai di kalangan orang Cina yang mendapat pendidikan Inggeris terutamanya mula mengalihkan perhatian dan kesetiaan kepada Tanah Melayu sebagai tanah air. Ini dibantu pula dengan pengumuman kerajaan komunis China bahawa rakyatnya yang tinggal di luar negara bebas untuk memilih kerakyatan dan tidak terikat lagi dengan negara tersebut. Bermula dari saat itu, perjalanan sekolah-sekolah Cina berada sepenuhnya di bawah pengawasan kerajaan Inggeris. Dan ia terus mengalami perkembangan pesat dengan pembukaan lebih banyak sekolah yang lebih lengkap. Kurikulumnya juga telah disusun semula dengan berorientasikan Tanah Melayu. Bahasa Melayu menjadi antara mata pelajaran yang diajar selaras dengan kedudukannya sebagai bahasa rasmi. Ini juga sejajar dengan hasrat kerajaan untuk mewujudkan satu masyarakat yang bersatu di Tanah Melayu. Perhatian khusus diberikan kepada sekolah-sekolah Cina berdasarkan perbezaannya yang ketara pada masa lepas. Namun begitu masalah tetap timbul dari segi cara untuk

melaksanakan kurikulum yang menepati matlamat yang telah disebutkan tadi.

VERNAKULAR TAMIL DAN PERKEMBANGANNYA

Seperti juga sekolah Melayu dan sekolah Cina, sekolah vernakular Tamil juga bermula dengan wujudnya sekolah-sekolah persendirian yang diusahakan oleh pertubuhan dakwah Kristian ataupun oleh sekumpulan individu dalam sesuatu komuniti mereka. Namun begitu, kewujudan sekolah-sekolah ini jauh lebih terkemudian berbanding sekolah Melayu dan Cina di samping bilangannya juga yang jauh lebih kecil. Keadaan ini boleh dikaitkan dengan bilangan mereka yang jauh lebih kecil berbanding dengan kedua-dua kaum tadi. Oleh kerana tumpuan orang India lebih kepada estet-estet maka sekolah-sekolah kecil yang ada juga tertumpu di kawasan-kawasan tersebut sahaja. Dari segi tarikh tepat pembukaan sekolah-sekolah seperti ini sekali lagi tidak dapat ditentukan tetapi ia dipercayai mula beroperasi pada tahun 1870. Kerajaan Inggeris tidak begitu menghiraukan tentang perkembangan pendidikan masyarakat India kerana telah menjadi dasarnya untuk tidak campur tangan tentang kebajikan kaum pendatang seperti yang dialami oleh masyarakat Cina. Oleh yang demikian, seperti mana yang dihadapi oleh sekolah-sekolah Cina, begitulah juga dengan sekolah-sekolah Tamil yang terbiar dan tidak terurus sistem pendidikan mereka. Dalam keadaan begitu tidak banyak yang boleh diperkatakan berhubung dengan sekolah-sekolah ini terutama dari segi kurikulum yang diajar dan guru-gurunya pada waktu itu.

Apabila ada permintaan daripada kerajaan India supaya anak-anak buruh India diberi kemudahan pendidikan, kerajaan Inggeris telah menggubal satu akta buruh pada tahun 1923 yang mewajibkan pengusaha-pengusaha ladang dan estet mendirikan sekolah di ladang masing-masing jika terdapat sepuluh atau lebih kanak-kanak pada usia persekolahan iaitu antara umur enam hingga dua belas tahun. Implimentasi daripada akta ini menyaksikan pertumbuhan sekolah-sekolah Tamil dan boleh dikatakan di setiap ladang yang dihuni oleh ramai orang India pasti ada sekolah untuk anak-anak mereka. Pada peringkat ini kerajaan Inggeris masih lagi tidak campur tangan dan membiarkannya dikendalikan sepenuhnya oleh

pengusaha-pengusaha ladang terbabit. Oleh yang demikian tidak banyak perubahan yang berlaku pada sistem pendidikan Tamil hingga waktu ini dalam erti kata bahawa banyak masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah ini masih tidak dapat diselesaikan.

Sikap dan komitmen yang ditunjukkan oleh pengusaha-pengusaha ladang itu sendiri merupakan sebab utama mengapa tidak ada peningkatan yang memberangsangkan dalam perkembangan sekolah-sekolah Tamil ini. Kebanyakan mereka mendirikan sekolah-sekolah berkenaan hanya untuk mematuhi akta buruh 1923 di samping menjadikannya sebagai satu daya tarikan kepada orang India untuk datang dan bekerja di ladang mereka memandangkan ada kemudahan pendidikan untuk anak-anak mereka.³¹ Ini bermakna pembukaan sekolah-sekolah berkenaan bukanlah datang daripada kesedaran pengusaha-pengusaha ladang terbabit tentang betapa pentingnya pendidikan untuk anak-anak buruh mereka. Maka tidak hairanlah jika kebajikan dan sistem pendidikan di sekolah-sekolah berkenaan terbiar begitu sahaja kerana pengusaha-pengusaha ladang itu tidak berminat untuk mengambil tahu tentang apa yang berlaku di sekolah-sekolah berkenaan termasuk kemudahan fizikalnya yang amat daif dan boleh dikatakan tidak sesuai untuk sebuah sekolah.

Masalah yang paling menonjol dalam menilai sistem pendidikan Tamil ini ialah dari segi guru-guru yang mengajar. Berbanding guru-guru sekolah Cina yang didatangkan khas dari Tanah Besar, guru-guru yang mengajar di sekolah-sekolah Tamil ini kebanyakannya adalah mereka yang bekerja sebagai kerani, para kangani dan buruh-buruh yang celik huruf dan mereka menjadi guru secara separuh masa sahaja. Kemahiran sebagai pendidik memang tiada langsung pada mereka dan ini ditambah lagi dengan taraf mereka sebagai guru separuh masa, maka sudah tentulah dapat dibayangkan tentang komitmen mereka kepada pengajaran dan murid-murid yang diajar. Jadi, boleh dikatakan bahawa penyediaan pendidikan untuk anak-anak buruh Tamil seperti melepaskan batuk di tangga sahaja.

Walaupun kerajaan Inggeris sering mendesak para pengusaha ladang berkenaan berusaha menggajikan guru-guru sepenuh masa, tetapi ia sukar dipenuhi kerana boleh dikatakan tiada yang mahu

berbuat demikian. Kalaupun ada guru-guru terlatih dibawa dari India, tetapi komitmen mereka sangat mendukacitakan kerana mereka hanya menggunakan profesion perguruan ini sebagai batu loncatan untuk mendapat pekerjaan yang lebih baik pada masa hadapan.³² Masalah mendapatkan guru-guru yang benar-benar layak dan terlatih hanya dapat dipenuhi pada tahun 1937 apabila kerajaan Inggeris memberi ruang kepada bakal-bakal guru dilatih di maktab-maktab perguruan yang telah sedia ada. Namun ia dianggap satu tindakan yang lewat dan merugikan kaum India hingga S. Arasaratnam menganggap bahawa pendidikan Tamil sebelum tahun itu adalah sesuatu yang memalukan.

Situasi sebelum tahun 1937 ini melahirkan suasana yang tidak menentu dari segi mata pelajaran ataupun kandungan kurikulum yang diajar di sekolah-sekolah berkenaan. Murid-murid sekolah terbabit hanya diajar perkara-perkara asas sahaja seperti membaca, menulis rencana dalam bahasa mereka (Tamil), Ilmu Kira-kira dan Ilmu Alam pada peringkat yang lebih tinggi. Tinggi yang dimaksudkan di sini pada peringkat atau darjah yang lebih tinggi iaitu darjah empat dan darjah lima. Pendidikan Tamil hanya disediakan setakat sekolah rendah sahaja, paling tinggi darjah lima. Buku-buku teks yang digunakan dibawa daripada India, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris tidak diajar. Pendidikan yang agak rendah ini tidak banyak membantu masyarakat India untuk memajukan diri mereka untuk bersaing dengan kaum lain.

Maka tidak hairanlah jika kita dapati kebolehan masyarakat India dari segi pendidikan lebih rendah berbanding kaum lain. Menyedari hakikat ini, kerajaan Inggeris telah mengambil langkah-langkah perlu untuk memperbaiki keadaan pendidikan sekolah Tamil ini. Selain daripada melatih bakal-bakal guru di maktab-maktab perguruan yang sedia ada, kurikulum yang diajar juga telah dipertingkatkan dari semasa ke semasa sejajar dengan keperluan semasa. Contohnya kerajaan Inggeris telah mula memperkenalkan kurikulum yang menitikberatkan tentang kemahiran dalam bidang-bidang pekerjaan tertentu seperti pengusahaan tanah untuk pertanian di samping kemahiran perburuhan. Sekurang-kurangnya, mata pelajaran seperti ini akan dapat membantu anak-anak

masyarakat India mencari peluang yang lebih luas dalam bidang pekerjaan.

Demikianlah keadaannya sistem pendidikan untuk masyarakat India sehingga meletusnya Perang Dunia Kedua. Dengan sistem pendidikan yang sedemikian rupa, lepasan sekolah-sekolah ini tidak mampu untuk menzhahirkan rasa kesetiaan mereka kepada Tanah Melayu seperti juga yang terjadi pada lepasan sekolah Cina. Sistem persekolahan yang lebih berkiblat kepada negara asal itu hanya mengalami perubahan yang memberangsangkan selepas kerajaan Inggeris campur tangan secara langsung dalam hal-ehwal pendidikan untuk semua kaum selepas perang. Banyak perubahan yang telah dilakukan dalam usaha untuk melahirkan masyarakat India yang lebih baik taraf hidupnya dan menumpukan ketaatsetiaan mereka hanya kepada Tanah Melayu, sama seperti masyarakat Cina.

SEKOLAH INGGERIS

Sekolah Inggeris ialah institusi pendidikan moden terawal yang diperkenalkan oleh orang Inggeris di Tanah Melayu. Penang Free School adalah sekolah pertama yang dibuka kepada semua kaum dan agama. Sekolah ini diusahakan pembukaannya oleh seorang paderi tentera. Pada peringkat awalnya, urusan sekolah berkenaan dikendalikan secara bersama oleh kerajaan Inggeris di Pulau Pinang dengan gereja. Bagaimanapun, pada tahun 1920 pentadbiran dan kewangan sekolah ini dikendalikan sepenuhnya oleh kerajaan Inggeris. Sejak penubuhan Penang Free School, terdapat lagi dua buah sekolah seumpama itu, satu di Melaka (1826) dan satu lagi di Singapura (1834). Di samping itu terdapat beberapa buah lagi sekolah Inggeris yang dibuka, kebanyakannya diusahakan oleh persatuan pengembang-pengembang agama Kristian. Tidak hairanlah jika H. R. Cheeseman menegaskan bahawa perkembangan sekolah-sekolah Inggeris di Tanah Melayu selepas pertengahan abad ke-19 banyak bergantung kepada usaha persatuan pengembang agama Kristian⁵³ yang tidak mendapat halangan daripada kerajaan Inggeris. Sebaliknya mereka mengambil alih sekolah-sekolah yang telah sedia didirikan itu di samping tetap membuka sekolah-sekolah

baru terutama pada abad ke-20. Walau bagaimanapun kita dapati bilangan sekolah Inggeris yang didirikan itu tidak sebanyak sekolah Melayu ataupun Cina dan juga sekolah Tamil.

Penubuhan sekolah Inggeris di Sabah dan Sarawak tidak kurang juga hebatnya. Ini adalah kerana kedua-dua pemerintah di negeri-negeri itu tidak menghalang badan-badan agama Kristian mendirikan sekolah-sekolah seperti itu. Malahan di Sabah tanpa usaha badan agama ini perkembangan pendidikan di Sabah tidak akan menggalakkan akibat sikap kerajaan terhadap pendidikan³⁴ seperti mana yang telah disebutkan tadi. Walau bagaimanapun, oleh kerana sekolah-sekolah ini didirikan di kawasan pesisiran, maka manfaat yang dapat diambil daripada anak-anak kaum bumiputera yang tinggal di pedalaman sangat minimum.

Sementara itu di sekolah-sekolah Inggeris di Semenanjung, masyarakat Cina yang telah lama menetap di Tanah Melayu terutama di Negeri-Negeri Selat dan pegawai-pegawai Inggeris yang berkhidmat di Tanah Melayu merupakan pelanggan utamanya. Masyarakat Cina Negeri-Negeri Selat sikapnya agak berlainan dengan masyarakat Cina yang baru datang dan bekerja sebagai buruh di negeri-negeri Melayu pada abad ke-19 dan 20. Begitu juga dengan masyarakat Cina yang telah lama bermastautin di negeri-negeri Melayu yang lain. Mereka lebih cenderung menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah Inggeris. Faktor sekeliling, kewangan dan faktor lokasi dirasakan menjadi sebab kepada keadaan ini. Kebanyakan sekolah-sekolah Inggeris ini didirikan di kawasan bandar. Namun begitu tidak dapat dinafikan bahawa terdapat (segelintir anak-anak masyarakat India yang dihantar belajar di sekolah-sekolah ini.) Semestinya mereka adalah daripada orang yang berpendapatan tinggi.

Berkenaan dengan masyarakat Melayu pula, sebelum abad ke-20 memang tidak ada (ibu bapa Melayu yang mahu menghantar anak-anak mereka belajar di sekolah-sekolah Inggeris bukan sahaja kerana keadaan kewangan mereka yang tidak mengizinkan tetapi juga kerana kebanyakan daripada sekolah-sekolah tersebut adalah sekolah-sekolah yang ditadbir oleh persatuan agama Kristian.) Masyarakat Melayu tanpa mengira lapisan bimbang anak-anak

mereka akan menukar agama jika dihantar belajar di sekolah-sekolah berkenaan. Pegangan agama ketika itu sangat diutamakan oleh masyarakat Melayu secara umumnya. Walau bagaimanapun, kerajaan Inggeris yang menyedari perkara ini cuba mengambil beberapa langkah untuk menarik minat orang Melayu terutama daripada golongan aristokrat Melayu. Kerajaan Inggeris mahu melahirkan bakal-bakal pentadbir Melayu yang berpendidikan Inggeris. Kerana itulah juga Maktab Melayu Kuala Kangsar didirikan, namun ia agak terhad kepada anak-anak aristokrat Melayu sahaja.

Untuk masyarakat Melayu yang lain, beberapa langkah telah diambil. Buat permulaan kerajaan Inggeris telah membuka peluang kepada lepasan darjah tiga sekolah Melayu untuk melanjutkan pelajaran mereka ke sekolah-sekolah Inggeris. Biasiswa disediakan untuk tujuan ini terutama yang kurang mampu. Namun, masalah timbul dari segi umur pelajar-pelajar Melayu yang telah lebih berbanding pelajar lain kerana pelajar-pelajar Melayu telah menghabiskan masa dua atau tiga tahun di sekolah-sekolah Melayu terlebih dahulu. Masalah ini cuba diatasi melalui kelas-kelas khas yang diwujudkan dengan memberi tumpuan pada penguasaan dalam bahasa Inggeris. Selepas itu mereka boleh meneruskan persekolahan di sekolah-sekolah Inggeris dalam darjah yang lebih tinggi lagi bergantung kepada pencapaian mereka. Ada yang terus melompat hingga ke darjah empat, lima mahupun yang tertinggi iaitu darjah enam. Dengan kemudahan yang disediakan ini, dapatlah anak-anak Melayu selain daripada "keturunan yang baik-baik" ini belajar di sekolah-sekolah Inggeris yang sebelum ini dikuasai oleh kaum lain. (Untuk menarik lebih ramai pelajar Melayu melanjutkan pelajaran di sekolah-sekolah Inggeris, kemudahan penginapan telah disediakan kerana kita tahu bahawa sekolah-sekolah Inggeris kebanyakannya hanya terdapat di bandar-bandar besar sedangkan orang Melayu ramai yang tinggal di kawasan pedalaman.)

Oleh kerana sekolah Inggeris dibiaya dan dijaga sepenuhnya oleh kerajaan Inggeris maka dari segi kemudahan pembelajaran tidak menghadapi apa-apa masalah. Silibus atau kurikulumnya sentiasa dikaji dan ditingkatkan dari semasa ke semasa. Ini menjadikan

sistem pendidikan di sekolah-sekolah Inggeris lebih teratur dan terancang berbanding dengan sekolah Melayu, apatah lagi sekolah Cina dan sekolah Tamil yang terbiar tanpa pengawasan sewajarnya daripada kerajaan. Dengan sistem peperiksaan yang diadakan pada setiap tahun bagi setiap pelajar, hanya pelajar-pelajar yang benar-benar cemerlang sahaja yang akan dapat meneruskan pengajian mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Malah mereka boleh melanjutkan pelajaran mereka ke luar negeri, England terutamanya kerana sistem pendidikan di sekolah-sekolah Inggeris di Tanah Melayu diselaraskan atau mencontohi sistem pendidikan di negara mereka. Sebagai contoh, sistem peperiksaan diawasi oleh Universiti Cambridge di London. Sekolah-sekolah ini juga tidak menghadapi apa-apa masalah yang berkaitan dengan guru kerana guru-guru yang mengajar di sekolah-sekolah berkenaan adalah guru-guru yang terlatih lepasan maktab perguruan, malah ada guru yang diimport dari England sendiri.

Dengan keadaan yang serba lengkap ini, tidak hairan jika sistem pendidikan Inggeris ini berjaya melahirkan pelajar-pelajar yang cemerlang dan mampu memenuhi keperluan sektor pekerjaan dalam pelbagai bidang. Tapi malangnya tidak ramai ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah Inggeris biarpun ia tidak lagi ditadbir oleh persatuan pengembang agama Kristian. Di samping yuran yang agak mahal yang perlu dibayar dan kedudukan yang jauh dari rumah, tempoh pengajian yang agak lama untuk menghabiskan sesi persekolahan menjadi antara sebab orang Melayu tidak mahu menghantar anak-anak mereka ke sekolah itu kerana mereka berharap anak-anak mereka akan cepat memasuki bidang pekerjaan bagi meringankan beban kewangan mereka. Sebab itulah kelas-kelas khas yang diwujudkan untuk membolehkan anak-anak Melayu bersekolah di sekolah-sekolah Inggeris tidak begitu mendapat sambutan.

Kerajaan Inggeris berhasrat untuk memberi peluang pendidikan kepada anak-anak perempuan tanpa mengira kaum dan di sekolah apa pun. Namun sebagai satu cara untuk menarik minat masyarakat supaya menghantar anak-anak perempuan mereka ke sekolah, sekolah-sekolah perempuan telah dibuka. Seawal tahun 1890 telah

dibuka dua buah sekolah perempuan Melayu di negeri Perak diikuti oleh Selangor yang membuka sekolah yang sama pada tahun 1895. Sekolah-sekolah perempuan terus dibuka untuk membolehkan ibu bapa menghantar anak-anak perempuan mereka belajar. Walau bagaimanapun, sambutan daripada masyarakat sangat dingin kerana walaupun tidak dinafikan ada ibu bapa yang menghantar anak-anak perempuan mereka ke sekolah tetapi bilangan mereka sangat kecil. Ini adalah kerana hasrat kerajaan untuk memberi peluang pendidikan kepada anak-anak perempuan agak bertentangan dengan prinsip yang dipegang oleh masyarakat Melayu terutamanya.

Masyarakat Melayu dan Cina pada peringkat awalnya tidak melihat pendidikan sebagai sesuatu yang penting untuk anak-anak perempuan mereka. Sebaliknya mereka masih berpegang kepada prinsip bahawa anak-anak perempuan mesti tinggal di rumah membantu ibu bapa dengan melakukan kerja-kerja harian. Sambutan yang sangat dingin ini membuatkan beberapa buah sekolah perempuan terpaksa ditutup, misalnya sekolah perempuan di Kajang Selangor yang dibuka pada tahun 1886 terpaksa ditutup setelah berjalan selama hampir empat tahun apabila bilangan pelajar perempuan sekolah itu menurun setakat empat atau lima orang sahaja.⁵⁵ Sambutan yang dingin ini boleh digambarkan lagi dengan perangkaan yang menunjukkan bahawa kurang daripada 10 peratus iaitu hanya 6 peratus sahaja pelajar perempuan di semua sekolah daripada jumlah pelajar keseluruhannya pada tahun 1900.⁵⁶

Namun kerajaan Inggeris tetap tidak berputus asa dan terus menggalakkan orang Melayu terutamanya menghantar anak-anak perempuan mereka belajar di sekolah-sekolah yang telah didirikan. Malangnya sehingga tahun 1941, bilangan pelajar perempuan Melayu masih rendah. Ini berbeza dengan bilangan pelajar perempuan Cina yang telah meningkat sejak Perang Dunia Pertama. Pada tahun tersebut bilangan pelajar perempuan Melayu dicatatkan hanya 11 peratus sahaja daripada jumlah pelajar keseluruhan yang merangkumi Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Peratusan ini jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan jumlah pelajar perempuan Cina yang dicatatkan lebih kurang 30 peratus.

Nampaknya prinsip yang dipegang oleh orang Melayu berkenaan pendidikan untuk anak-anak perempuan tidak banyak berubah walaupun masa terus berubah dan Tanah Melayu telah mula memasuki era pemodenan.

PENUBUHAN MAKTAB PERGURUAN

Maktab perguruan merupakan satu institusi penting dalam melahirkan bakal-bakal guru yang akan dihantar mengajar di sekolah-sekolah. Guru-guru yang pernah dilatih di maktab-maktab perguruan sememangnya berbeza dalam banyak hal berbanding guru-guru yang tidak pernah mendapat latihan perguruan dan ini pernah kita sentuh ketika membincangkan tentang persekolahan Melayu sebelum ini. Dari segi sejarah penubuhannya, berbanding sekolah, penubuhan maktab perguruan mengambil masa yang lama untuk dilakukan. Hanya setelah timbul masalah yang berkaitan dengan penyediaan guru-guru di sekolah yang dilakukan secara "tangkap muat" sahaja, maka barulah ada usaha untuk menubuhkan maktab perguruan. Menubuhkan maktab perguruan bukanlah sesuatu yang mudah seperti mendirikan sekolah yang boleh dilakukan oleh orang perseorangan atau sekumpulan orang. Kerana itulah hanya apabila kerajaan bertindak barulah wujudnya maktab perguruan.

Bertambahnya bilangan sekolah hari demi hari menyedarkan kerajaan tentang kepentingan dan keperluan yang mendesak ke atas guru-guru yang baik untuk ditempatkan di sekolah-sekolah. Lebih-lebih lagi bagi memastikan dasar dan matlamat pendidikan berjaya dicapai. Oleh yang demikian pada tahun 1878, Sekolah Tinggi Melayu (*Malay High School*) di Singapura telah dinaikkan taraf menjadi maktab perguruan Melayu. Namun begitu hayat maktab ini tidak lama, hanya 17 tahun sahaja apabila pada tahun 1895 ia ditutup. Kemudian pada awal abad ke-20 (1900) sebuah lagi maktab perguruan telah ditubuhkan di Melaka atas usaha R. J. Wilkinson. Sebelum itu pada tahun 1898 telah dibuka sebuah sekolah latihan perguruan di Taiping, Perak bagi melatih guru-guru Melayu lelaki buat sementara waktu sebelum dibuka sebuah maktab perguruan yang lengkap. Bagaimanapun maktab-maktab ini dibuka khas untuk

melatih guru-guru Melayu yang akan ditempatkan di sekolah-sekolah di Negeri-Negeri Selat sahaja. Keadaan ini memaksa negeri-negeri lain mengambil inisiatif sendiri untuk menubuhkan maktab bagi melatih guru-guru mereka. Hasilnya tertubuhlah Maktab Perguruan Melayu Matang di Perak pada tahun 1913.

Enam tahun kemudiannya negeri Johor mengikut jejak yang sama dengan membuka Maktab Perguruan Melayu Johor di Johor Bahru. Sama seperti Maktab Perguruan Melayu Matang, maktab ini juga hanya dikhususkan kepada pelajar-pelajar dari negeri itu sahaja. Bagaimanapun, belum sampai 10 tahun ia berfungsi, ia diperintahkan tutup bagi membolehkan bangunan itu digunakan untuk pembukaan sebuah sekolah Inggeris iaitu English College (Maktab Sultan Abu Bakar). Tambahan pula Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC) di Tanjung Malim, Perak telah dibuka dan ia khusus untuk melatih guru-guru dari seluruh negeri untuk ditempatkan di sekolah-sekolah di seluruh negeri. Setakat ini maktab-maktab yang dibuka adalah khusus untuk melatih guru-guru lelaki sahaja. Bagi guru-guru perempuan hanya pada tahun 1935 barulah ada maktab khas untuk melatih mereka iaitu Maktab Perguruan Perempuan Melayu, Melaka.

Biarpun setakat ini telah banyak maktab perguruan dibuka tetapi oleh kerana pembukaan sekolah terus meningkat dari semasa ke semasa, maktab-maktab perguruan yang sedia ada tidak dapat menampung keperluan guru-guru. Ini kerana maktab-maktab yang sedia ada tidak mampu melatih bilangan pelajar yang lebih ramai. Oleh yang demikian, kerajaan Inggeris telah menyusun satu langkah lain. Mereka memilih lepasan sekolah rendah yang berjaya meneruskan pelajaran mereka sehingga ke darjah lima, enam atau tujuh untuk dilatih sebagai guru. Mereka akan dilatih dalam kelas khas yang dipanggil Darjah Pelatih selama tiga tahun dengan menduduki satu peperiksaan setiap akhir tahun. Namun begitu dalam masa yang sama mereka diminta terus mengajar di sekolah-sekolah. Jika mereka berjaya dalam peperiksaan berkenaan barulah mereka dihantar untuk dilatih selama dua tahun lagi di Maktab Perguruan Sultan Idris atau Maktab Perguruan Perempuan Melayu di Melaka.³⁷ Dengan langkah ini, masalah kekurangan guru yang terlatih akan

dapat diatasi kerana mereka tetap diberi latihan perguruan secara formal setelah menghadiri kelas-kelas latihan setiap hujung minggu sebelum dilatih sepenuhnya di maktab-maktab perguruan.

Tempoh latihan di maktab-maktab perguruan berbeza antara maktab sebelum diselaraskan oleh kerajaan. Ada yang melatih hanya setahun sahaja seperti di Maktab Perguruan Melayu Singapura, ada yang menetapkan tempoh selama dua tahun seperti Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka dan ada pula yang mencapai sehingga tiga tahun latihan seperti di Maktab Perguruan Melayu Johor. SITC juga menetapkan latihan selama tiga tahun kecuali bagi mereka yang pernah mengikuti kelas pelatih semasa mengajar sebelum ini. Dari segi kurikulum yang diajar di maktab-maktab perguruan ini, ia memang selari dengan kurikulum yang diajar di sekolah-sekolah. Oleh yang demikian mata pelajaran seperti pertanian asas dan pertukangan tangan adalah antara pelajaran yang mesti diikuti oleh para pelatih di samping mata pelajaran akademik seperti pengajaran agama, ilmu kira-kira, bahasa dan kesusasteraan Melayu, sejarah, ilmu alam, tulisan dan lukisan. Sebagai memenuhi kriteria untuk menjadi seorang guru, mata pelajaran kaedah mengajar menjadi salah satu subjek penting yang mesti diikuti. Dalam kes ini biasanya pelatih-pelatih maktab berkenaan diajar oleh guru-guru tempatan yang berpengalaman dan ada juga guru yang dibawa dari England. Guru-guru lepasan maktab-maktab berkenaan bukan sahaja ditugaskan di Semenanjung sahaja tetapi juga dihantar ke Sabah dan Sarawak kerana kedua-dua negeri itu tidak mempunyai maktab perguruan.

Sejarah penubuhan maktab-maktab perguruan untuk guru-guru sekolah vernakular Cina dan Tamil tidak diketahui dengan jelas. Seperti yang telah disebutkan sebelum ini, sehingga meletusnya perang, kerajaan Inggeris mengambil sikap tidak campur tangan secara langsung dalam kedua-dua institusi pendidikan tersebut. Jadi bukan menjadi tanggungjawab kerajaan Inggeris untuk menyediakan guru-guru bagi kedua-dua jenis sekolah itu. Tambahan pula guru-guru sekolah berkenaan kebanyakannya dibawa terus dari negara asal etnik tersebut. Bagaimanapun ada juga usaha-usaha diambil untuk melatih bakal-bakal guru lepasan sekolah di Sekolah

Tinggi Cina⁵⁸ untuk guru-guru Cina. Bagi guru-guru sekolah Tamil pula, hanya sejurus sebelum Perang Dunia Kedua barulah ada usaha untuk melatih mereka dalam bidang perguruan. Namun begitu corak latihannya tidak ubah seperti yang diberikan kepada guru-guru Melayu dan Cina iaitu mendapatkan latihan di sekolah-sekolah tertentu sambil terus mengajar. Hanya selepas perang, barulah bakal-bakal guru ini dilatih di maktab-maktab perguruan yang sedia ada.

Berlainan dengan guru-guru untuk sekolah Inggeris, usaha untuk melatih guru-gurunya lebih giat dilakukan seawal abad ke-19 lagi kerana kerajaan Inggeris memang mengambil berat tentang sekolah-sekolah Inggeris ini. Sebab itulah telah dibentuk satu jawatankuasa untuk menangani masalah guru-guru di sekolah Inggeris. Namun begitu, sebelum Universiti Malaya ditubuhkan pada tahun 1948 di Singapura, guru untuk sekolah Inggeris diambil daripada kalangan lepasan Universiti Hong Kong dan Kolej Raffles di Singapura. Dengan situasi ini tentulah masalah guru untuk sekolah-sekolah Inggeris tidak seserius masalah guru di sekolah Melayu, Cina dan Tamil. Bagaimanapun, masalah kekurangan guru yang berkelayakan untuk ditempatkan di sekolah-sekolah vernakular Melayu, Cina dan Tamil terus cuba diatasi melalui pembukaan lebih banyak maktab-maktab perguruan terutamanya selepas Tanah Melayu merdeka. Pembukaan lebih banyak maktab-maktab latihan perguruan ini juga berkait rapat dengan usaha kerajaan untuk mencari satu formula baru bagi memantapkan dasar pendidikan negara ke arah perpaduan semua bangsa yang menetap di negara ini.

PENDIDIKAN DI MALAYSIA: SATU PERBINCANGAN

Pendidikan adalah satu wadah penting dalam membentuk sikap dan keperibadian bangsa di sesebuah negara lebih-lebih lagi bagi sebuah negara yang mempunyai penduduk pelbagai kaum dan agama seperti Malaysia. Jika diamati tentang perpaduan masyarakat yang ada sekarang ini, ia sedikit sebanyak terkesan akibat sistem pendidikan pada zaman penjajah dulu. Corak pendidikan zaman penjajah yang memperlihatkan perbezaan-perbezaan yang wujud dalam sistem pendidikan untuk tiap-tiap kaum yang tinggal di Tanah

Melayu ketika itu langsung tidak membantu ke arah pembentukan sebuah bangsa yang bersatu dalam sebuah negara. Keadaan ini begitu ketara dalam sistem pendidikan kaum imigran yang hingga meletusnya Perang Dunia Kedua masih berkiblat ke negara asal masing-masing. Barangkali ini berpunca daripada andaian pihak berkuasa bahawa kedua-dua kaum tersebut hanya tinggal buat sementara waktu sahaja di sini dan akan pulang ke negara asal masing-masing selepas ini. Sebab itulah pihak Inggeris hanya tumpukan perhatian pada sistem pendidikan untuk orang Melayu sahaja di samping menjaga kebajikan sekolah-sekolah Inggeris. Namun apabila didapati tiada tanda-tanda untuk mereka pulang sehingga meletusnya perang, maka selepas mereka kembali pada tahun 1946, baharulah ada usaha di kalangan pihak Inggeris untuk menyeragamkan bentuk pendidikan untuk semua kaum, lebih-lebih lagi apabila pihak Inggeris sendiri telah mengambil keputusan untuk memberikan taraf kerakyatan kepada kaum imigran ini di bawah penggubalan Perlembagaan Malayan Union 1946 dan kemudiannya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Mengikut Haris Mohd. Jadi dalam bukunya bertajuk *Etnik, Politik dan Pendidikan*, dasar pendidikan kerajaan Inggeris ini memang tidak bersifat diskriminasi tetapi ia membawa kepada perpecahan kaum. Perpecahan kaum ini bukan sekadar terjadi antara kaum yang memang nyata seperti antara kaum Melayu dengan kaum Cina tetapi juga antara sesama kaum juga. Keadaan ini ketara kepada masyarakat Melayu sendiri yang memang telah kita ketahui mempunyai hierarki sosial mereka sendiri. Hierarki sosial ini semakin membentuk jurang yang lebar dengan pelaksanaan sistem pendidikan tajaan kerajaan Inggeris ini apabila mereka mengkhaskan satu-satu sekolah itu untuk anak-anak golongan raja dan aristokrat manakala sekolah vernakular Melayu yang serba daif adalah untuk anak-anak Melayu daripada golongan bawahan. Biasanya untuk anak-anak golongan atasan, mereka diberi pendidikan di sekolah-sekolah Inggeris. Wujudnya sistem pendidikan yang berasingan ini membuatkan wujudnya pengasingan yang nyata antara kedua-dua golongan dalam satu kaum. Sudah tentu keadaan ini akan mewujudkan

kan satu keadaan yang tidak sihat untuk perpaduan orang Melayu khususnya secara keseluruhan.

Keadaan ini juga berlaku kepada kaum lain apabila golongan yang lebih berada menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah Inggeris sementara yang berpendapatan rendah menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah persendirian yang tidak dikawal oleh kerajaan. Perbezaan yang wujud tidak setakat dari segi status sosial sahaja tetapi juga melibatkan pemikiran atau ideologi mereka terhadap Tanah Melayu. Mereka yang berpendidikan Inggeris, lazimnya kelahiran Negeri-Negeri Selat sudah boleh mengubah perasaan ketaatsetiaan mereka daripada negara asal kepada Tanah Melayu. Contoh tokoh Cina seperti ini ialah Tun Tan Cheng Lock. Manakala golongan yang mendapat pendidikan Cina atau Tamil sehingga meletusnya Perang Dunia Kedua masih lagi menumpukan ketaatsetiaan mereka kepada negeri asal mereka berikutan kurikulum yang diajar di sekolah-sekolah berkenaan seperti yang telah dibincangkan sebelum ini. Keadaan ini menimbulkan kesan yang negatif juga dari segi perpaduan antara sesama mereka. Keadaan yang tidak memberangsangkan ini berterusan sehingga Tanah Melayu berada di ambang kemerdekaan dan menjadi tanggungjawab kerajaan baru untuk menangani masalah yang bukan kecil ini.

Dalam keadaan sesama sendiri pun sudah wujud jurang, bagaimana pula hubungan dengan kaum lain. Inilah persoalan yang lebih besar untuk dibincangkan bersama. Seperti mana yang telah disebutkan tadi, pendidikan adalah salah satu cara terbaik untuk membentuk dan seterusnya menyuburkan semangat cintakan negara serta perasaan kekitaan antara kaum. Namun begitu, kerana latar belakang sistem pendidikan yang berbeza-beza antara satu-satu kaum, maka matlamat itu begitu sukar untuk dicapai. Sebenarnya, kerajaan Inggeris sebelum meninggalkan Tanah Melayu telah nampak masalah ini. Berikutan daripada itu mereka sendiri telah mengambil inisiatif untuk mengatasinya dengan menubuhkan beberapa jawatankuasa yang berfungsi untuk menyelidiki masalah pendidikan yang berbeza ini dan dalam masa yang sama mengutarakan pandangan dan cadangan bagi mengatasinya. Antara

jawatankuasa terawal yang dibentuk ialah Jawatankuasa Barnes pada tahun 1950.

Pengerusinya L.J. Barnes mengambil kesimpulan bahawa perpaduan boleh dicapai melalui pendidikan pada peringkat rendah lagi iaitu dengan mengutarakan pendidikan satu aliran yang dinamakan Sekolah Kebangsaan dengan menggunakan bahasa Melayu dan Inggeris sebagai bahasa pengantar. Serentak dengan itu sekolah-sekolah berasaskan kaum mesti ditutup untuk memastikan matlamat perpaduan negara dapat dicapai. Bagaimanapun, cadangan-cadangan seperti ini memang sukar untuk diimplimentasikan kerana setiap kaum belum bersedia untuk berbuat demikian. Malahan cadangan jawatankuasa itu telah mendapat bantahan hebat daripada kaum bukan Melayu sehingga kerajaan melantik pula satu lagi jawatankuasa untuk meninjau pendapat kaum lain terhadap sistem pendidikan. Hasilnya Penyata Fenn-Yu menyarankan agar dikekalkan sahaja sekolah-sekolah yang sedia ada dengan bahasa pengantar masing-masing. Sememangnya masalah pendidikan mendapat perhatian serius bukan sahaja kerajaan tetapi juga segenap lapisan masyarakat sehinggalah menimbulkan masalah untuk menetapkan satu dasar pendidikan yang jelas.

Maka tidak hairanlah jika masalah pendidikan ini berterusan hingga menjelang kemerdekaan Tanah Melayu. Tetapi itu tidak bermakna ia telah diketepikan begitu sahaja terutama oleh kerajaan Perikatan yang diberi peluang untuk mentadbir Tanah Melayu apabila menang dalam pilihan raya tahun 1955. Keprihatinan kerajaan Perikatan terhadap masalah pendidikan ini terserlah apabila Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Razak bin Hussein telah mengetuai satu jawatankuasa bagi mengkaji situasi pendidikan semasa. Hasilnya pada tahun 1956 mereka telah mengemukakan satu laporan yang lebih dikenali sebagai Laporan Razak. Jawatankuasa ini mencadangkan satu bentuk pendidikan yang menyeluruh. Bagaimanapun ia tidak membabitkan perubahan ketara pada sekolah-sekolah yang sedia ada. Ia tetap mengekalkan sekolah rendah Melayu, Cina, Tamil dan Inggeris yang menggunakan bahasa pengantar masing-masing. Sesuatu yang baru yang dikemukakan oleh jawatankuasa ini ialah dari segi satu sistem pendidikan sekolah

menengah yang sama untuk semua kaum. Ini bermakna tiada lagi sekolah berasaskan kaum dan menggunakan bahasa pengantar yang berbeza pada peringkat sekolah menengah. Untuk mengatasi masalah bahasa, akan diadakan kelas peralihan sebelum memasuki sekolah menengah terutama bagi murid-murid dari sekolah Cina dan Tamil. Sehubungan dengan itu diwujudkan satu jenis peperiksaan yang perlu diduduki oleh setiap murid pada peringkat tertentu (LCE/SRP dan MCE/SPM) untuk menentukan arah pendidikan yang seterusnya.

Nampaknya cadangan daripada jawatankuasa ini telah diterima pakai oleh kerajaan Perikatan dan hingga sekarang pun sistem pendidikan kita mewarisi cadangan tersebut walaupun sudah tidak seratus peratus lagi. Nampaknya hasrat untuk mewujudkan satu sistem pendidikan bersepadu melampaui sempadan perkauman masih tidak kesampaian hingga kini. Ibrahim Saad melihat Laporan Penyata Razak ini sebagai satu cadangan melangkah ke belakang dan tidak seberani cadangan Penyata Barnes.³⁹ Barangkali jika cadangan Penyata Barnes itu dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh, suasana pendidikan kita akan berlainan coraknya daripada yang ada sekarang ini dan tidak mustahil jika dikatakan bahawa perpaduan yang sebenar dapat diwujudkan di kalangan masyarakat Malaysia kerana ia disemai pada peringkat anak-anak lagi.

Kegagalan untuk mencapai hasrat tersebut boleh dikaitkan dengan beberapa masalah yang telah timbul sejak negara mencapai kemerdekaan lagi. Sudah pastilah ia berkait rapat dengan dasar dan sistem pendidikan sebelum merdeka. Mengikut Francis Wong Hoy Kee dalam bukunya *Perspectives: The Development of Education in Malaysia and Singapore*, terdapat beberapa masalah dalam pelaksanaan pendidikan bersepadu di Malaysia. Masalah-masalah itu berkait rapat dengan semangat nasionalisme, konsep Malayanisasi, masalah bahasa dan pendidikan peringkat universiti⁴⁰ yang memisahkan antara kaum. Perkara-perkara ini sebenarnya menyentuh secara langsung dengan keadaan kemajmukan masyarakat Malaysia. Dengan ketiadaan satu semangat nasionalisme yang satu yang membawa erti kesepaduan rasa kesetiaan hanya kepada negara ini sahaja diiringi perasaan kekitaan yang tinggi, sukarlah bagi satu

sistem pendidikan yang tunggal dapat dilaksanakan. Ini ditambah pula dengan wujudnya pelbagai bahasa dan cita rasa terhadap pendidikan untuk kaum masing-masing di peringkat yang lebih tinggi. Malahan perasaan takut kehilangan identiti kaum masing-masing yang menjadi penghalang utama kepada wujudnya satu sistem pendidikan yang berteraskan kepada satu bahasa sahaja. Haris Mohd. Jadi menambah bahawa isu pendidikan di negara ini memang tidak akan menemui jalan penyelesaiannya selagi dasarnya dipengaruhi kuat oleh dasar politik keetnikan yang mewarnai sistem politik negara ini.

Nota Hujung

1. Awang Had Salleh, "Sekolah Melayu, Sekolah Rakyat dan Pondok di Kedah." Konvensyen Sejarah Kedah (Alor Setar, Kedah) 1981, hlm. 6.
2. Francis Wong Hoy Kee, (1972) *Perspectives: The Development of Education in Malaya and Singapore*. (Kuala Lumpur, Heinemann Educational Books (Asia) Ltd.), hlm. 7.
3. W.G. Sheallabear, 1991 *Sejarah Melayu* (Petaling Jaya: Fajar Bakti), hlm. 151.
4. Rex Stevenson, (1975) *Cultivators and Administrators* (Kuala Lumpur, Oxford University Press), hlm. 7.
5. Abdullah Munsyi, 1953. *Hikayat Abdullah* (Jakarta: Djambatan), hlm. 18-23.
6. Abdullah Hj. Ishak, 1987. *Pengajian Pondok di Malaysia* (Tesis PhD yang tidak diterbitkan UM), hlm. 81-83.
7. M.A. Rauf, 1967. *Ikhtisas Sejarah Islam*. (Kuala Lumpur: Oxford University Press), hlm. 105.
8. Abdullah Hj. Ishak, *op.cit.*, hlm. 109.
9. Awang Had Salleh, *op.cit.*, hlm. 12. Tarikhnya tidak diketahui.
10. Abdullah Hj. Ishak, *op.cit.*, hlm. 109.
11. *Ibid.*, hlm. 110-114.
12. *Ibid.*, hlm. 115.
13. *Ibid.*, hlm. 128.
14. Awang Had Salleh, *op.cit.*, hlm. 6.

15. Md. Jani Nim, "Sekolah Agama Rakyat di Sabak Bernam hingga 1945": *Islam di Malaysia*. (Kuala Lumpur, Persatuan Sejarah Malaysia), hlm. 55.
16. Othman bin Bakar, "Haji Salleh Masri: Pengasas al-Masriyyah," *Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur, Persatuan Sejarah Malaysia), hlm. 66.
17. *Ibid*, halaman 67-68. Lihat juga tulisan Rahim bin Osman, "Madrasah Masyhur al-Islamiyyah" dalam buku yang sama, hlm. 81.
18. Mohd Sanim Hj. Mustajab. (1979) Gerakan Islam di Tanah Melayu 1906 hingga 1948, *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*. (K.L. Persatuan Sejarah Malaysia), hlm. 13
19. Samah Shariff, "Madrasah al-Haji Taib, Kampung Parit Jamil, Muar" *Islam di Malaysia* (K.L., Persatuan Sejarah, Malaysia), hlm. 95.
20. Awang Had Salleh, *op.cit.*, hlm. 11.
21. Sahibah Osman, 1990. *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak*. (K.L., DBP), hlm. 43.
22. *Ibid*, hlm. 45
23. K.M. George, 1981. "Historical Development of Education", *Commemorative History of Sabah* (Sabah State Government), hlm. 467.
24. *Ibid*.
25. Francis Wong Hoy Kee, (1972) *Perspectives: The Development of Education in Malaya and Singapore*. (Kuala Lumpur, Heinemann Educational Books (Asia) Ltd.) Hlm. 10.
26. Rex Stevenson, (1975) *Cultivators and Administrators* (Kuala Lumpur, Oxford University Press), hlm. 12.
27. Francis Wong Hoy Kee, (1975) *Educations in Malaysia* (2nd. Ed.) Kuala Lumpur, Heinemann Educational Books (Asia) Ltd.), hlm. 9.
28. *Ibid*, hlm. 11.
29. *Perspectives*, hlm. 8.
30. *Educations in Malaysia*, hlm. 16-19.
31. Awang Had Salleh, *op. cit*, hlm. 3.
32. Mohd. Nor Long, 1982. *Perkembangan Pelajaran di Sabah*. (Kuala Lumpur, DBP), hlm. 14.
33. *Ibid.*, hlm. 10.
34. Awang Had Salleh, *op. cit*. hlm. 1.

35. *Ibid*, hlm. 2.
36. *Ibid*, hlm. 3.
37. Sabihah Osman, 1990. *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak 1841-1941*. (Kuala Lumpur, DBP), hlm. 47-48.
38. Rex Stevenson, *op. cit.*, hlm. 25-26.
39. *Ibid*, hlm. 26.
40. *Ibid*, hlm. 119.
41. *Ibid*, hlm. 25.
42. Sabihah Osman, *op. cit.*, hlm. 49-50.
43. *Ibid*.
44. *Education in Malaysia*, hlm. 10.
45. Rex Stevenson, *op. cit.*, hlm. 112.
46. *Ibid*, hlm. 132.
47. Lihat bukunya hlm. 134-137.
48. Sabihah Osman, *op. cit.*, hlm. 61-62.
49. Victor Purcell, 1975. *The Chinese in Malaya*. (Kuala Lumpur, Oxford Universiti Press), hlm. 229.
50. *Ibid*, hlm. 231.
51. S. Arasaratnam, 1970. *Indians in Malaysia and Singapore*. (Kuala Lumpur, Oxford University Press), hlm. 179-180.
52. *Ibid*.
53. H.R. Cheeseman, "Education in Malaya 1900-1941", *Malaysia in History*, vol. 22. (May 1979), hlm. 127.
54. Mohd. Nor Long, *op. cit.*, hlm. 10-11.
55. Rex Stevenson, *op. cit.*, hlm. 92.
56. H.R. Cheeseman, *op. cit.*, hlm. 133.
57. *Perspectives*, *op. cit.*, hlm. 131.
58. *Ibid*, hlm. 13.
59. Ibrahim Saad, 1986. *Pendidikan dan Politik di Malaysia*. Kuala Lumpur, DBP, hlm. 52.
60. Lihat bukunya di hlm. 30-42.

Bab 12

Perkembangan Media Cetak Sejak Abad ke-19

MEDIA cetak seumpama surat khabar dan majalah memainkan peranan penting dalam sesuatu masyarakat. Ia bukan sahaja berfungsi sebagai alat penyampai maklumat atau melaporkan berita-berita tentang kejadian-kejadian yang telah berlaku sama ada di dalam atau luar negeri, tetapi ia juga penting dalam proses mencetus dan seterusnya memupuk kesedaran sosial dan politik di kalangan para pembacanya. Melalui paparan peristiwa yang berlaku, pendapat tentang sesuatu hal ataupun masalah-masalah yang disiarkan, ia mampu menjentik hati dan minda para pembaca untuk turut sama merasai atau memikirkan perkara yang sama. Maka dengan sebab itulah media cetak menjadi sebahagian daripada sumber sejarah malahan ia turut menjadi sebagai salah satu bidang kajian sejarah sosial yang penting. Ia menjadi semakin penting jika dikaitkan dengan peristiwa-peristiwa semasa yang berlaku dan juga aliran pemikiran semasa dalam sesuatu masyarakat.

Negeri-negeri Melayu tidak ketinggalan telah mengalami detik permulaan dan perkembangan media cetak yang memberangsangkan walaupun pada abad-abad yang agak lewat. Biarpun pengenalan teknologi percetakan ini dibawa dan dimulakan oleh orang luar sama ada orang Inggeris mahupun kaum imigran namun

tidak sedikit masyarakat tempatan yang bergiat cergas dalam lapangan persuratkhabaran ini, lebih-lebih lagi yang mempunyai kedudukan kewangan yang baik. Bermula di Negeri-Negeri Selat, aktiviti penerbitan media cetak ini kemudiannya tersebar ke negeri-negeri lain. Oleh kerana penduduk negeri-negeri Melayu pada kurun-kurun ke-19 dan 20 sudah majmuk sifatnya maka lahirlah media cetak dalam pelbagai bahasa. Uniknyanya sejarah surat khabar dan majalah yang muncul di negeri-negeri Melayu ini ialah apabila fungsi awalnya hanya melaporkan tentang berita dan peristiwa yang terjadi di serata tempat, akhirnya menjadi medan perbincangan kepada sesuatu topik yang khusus yang berkaitan dengan masyarakat setempat tanpa mengira bahasa. Tambah menarik apabila pengarang akhbar dan majalah berkenaan seperti memberi ruang seluas-luasnya kepada perkara itu. Ini sebenarnya dapat memberi gambaran kepada kita tentang betapa media cetak ini menjadi medium penting untuk menyampaikan maklumat mahupun pendapat.

SEJARAH AWAL KEMUNCULAN AKHBAR DAN MAJALAH PADA ABAD KE-19

Pengenalan media cetak kepada seluruh penduduk di Nusantara amnya dan Malaysia khasnya berkait rapat dengan kehadiran orang Eropah di dunia sebelah sini. Mereka telah memperkenalkan peralatan cetak-mencetak sekitar abad ke-19 dengan menerbitkan surat khabar pertama di Nusantara pada abad tersebut.¹ Pada ketika itu surat khabar lebih dikenali sebagai surat berita. Ini bermakna bahawa pelopor utama perkembangan media cetak di dunia sebelah ini ialah orang luar. Hakikat ini tidak perlu dihairankan kerana merekalah (orang Eropah) yang terlebih dahulu menguasai teknologi percetakan pada waktu-waktu itu. Negara Filipina merupakan negara Nusantara pertama yang diperkenalkan dengan teknologi percetakan seawal tahun 1593 apabila sebuah kitab soal jawab agama diterbitkan.² Ini kemudiannya diikuti oleh negara Indonesia pada abad berikutnya.

Di Malaysia, perkembangan media cetak terutama surat khabar bermula di Pulau Pinang. Pada tahun 1806 hasil usaha pencetak

berbangsa Inggeris, A.B. Bone, *The Government Gazette* buat pertama kalinya diterbitkan.³ Adalah dipercayai bahawa akhbar ini akhbar bercorak umum yang dimiliki oleh kerajaan. Sama ada secara kebetulan atau suatu keadaan yang memang telah dirancang, didapati kegiatan penerbitan akhbar di Tanah Melayu bermula dan berkembang baik di negeri-negeri yang diduduki oleh orang Inggeris iaitu di Negeri-Negeri Selat. Beberapa tahun selepas Inggeris berjaya menduduki Singapura, akhbar pertama berbahasa Inggeris telah diterbitkan iaitu *Singapore Free Press* pada tahun 1825. Dua tahun selepas Melaka diserahkan kepada kerajaan Inggeris oleh Belanda, terbit pula akhbar pertamanya *Malacca Observer*. Bermula dengan akhbar-akhbar pertama di negeri-negeri berkenaan, muncullah satu demi satu akhbar lain, tetapi setakat ini semuanya berbahasa Inggeris, bercorak umum dan diusahakan oleh orang Inggeris. Bagaimanapun akhbar berbahasa Melayu yang pertama akhirnya muncul juga di Singapura pada tahun 1876 iaitu akhbar *Jawi Peranakan*.

Di negeri-negeri Melayu yang lain oleh kerana Perak ialah negeri Melayu pertama yang dikuasai oleh Inggeris maka di negeri itulah terbitnya akhbar pertama. *Seri Perak* adalah akhbar pertama yang diterbitkan apabila muncul pada tahun 1893. Ia bukan sahaja akhbar pertama tetapi juga akhbar pertama berbahasa Melayu yang bercorak umum yang pertama diterbitkan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. *Seri Perak* kemudiannya diikuti oleh *Perak Pioneer* akhbar pertama berbahasa Inggeris yang diterbitkan pada tahun 1894. Selepas terbitnya akhbar ini, aktiviti penerbitan akhbar dan majalah kian rancak seiring dengan jatuhnya satu persatu negeri-negeri Melayu di bawah naungan kerajaan Inggeris. Di bawah ini disertakan jadual senarai penerbitan akhbar dan majalah mengikut urutan tahun untuk mengenal pasti akhbar-akhbar yang terbit di sepanjang abad ke-19 di negeri-negeri Melayu. (Lihat Jadual 12.1).

Perbincangan tentang akhbar dan majalah berbahasa Inggeris bukanlah bermakna bahawa tiada akhbar berbahasa Melayu yang bercorak umum diterbitkan pada abad ke-19. Namun, berbanding akhbar berbahasa Inggeris, akhbar berbahasa Melayu agak lewat diterbitkan. Hampir tujuh puluh tahun selepas akhbar bahasa

Jadual 12.1: Akhbar-akhbar Berbahasa Inggeris yang
Diterbitkan pada Abad ke-19

Nama/tajuk akhbar	Tahun terbitan	Tahun dihentikan	Negeri diterbitkan
<i>Prince of Wales Island Gazette</i>	1805	1827	Pulau Pinang
<i>Singapore Chronicle/ Commercial Register</i>	1823	Tidak pasti	Singapura
<i>Singapore Free Press</i>	1825	1860-an	Singapura
<i>Malacca Observer</i>	1826	1829	Melaka
<i>Pinang Register and Miscellany</i>	1827	1828	Pulau Pinang
<i>The Government Gazette of Prince of Wales</i>	1828	1830	Pulau Pinang
<i>Island, Singapore & Malacca Prince Of Wales Gazette</i>	1833	Tidak pasti	Pulau Pinang
<i>Singapore Free Press & Mercantile Adviser</i>	1835	Tidak pasti	Singapura
<i>Penang Gazette and Straits Chronicle</i>	1838	Tidak pasti	Pulau Pinang
<i>Malacca Weekly Register</i>	1839	Tidak pasti	Melaka
<i>The Straits Times and Singapore</i>	1845	Tidak pasti	Singapura
<i>Journal of Commerce</i>	1848	Tidak pasti	Tidak pasti
<i>Malacca Weekly News</i>	1872	Tidak pasti	Melaka
<i>Straits Chinese Herald</i>	1894	1894	Tidak pasti
<i>Perak Pioneer</i>	1894	1906	Perak
<i>Malay Mail</i>	1896	Tidak pasti	Tidak pasti

Inggeris terbit barulah akhbar bahasa Melayu terbit. Dalam pengkajian tentang sejarah kemunculan akhbar Melayu, akhbar *Jawi Peranakan* yang diterbitkan di Singapura pada tahun 1876 diiktiraf sebagai akhbar pertama. Akhbar bertulisan jawi ini diterbitkan atas usaha beberapa orang daripada golongan peranakan yang diketuai oleh Munsyi Mohd. Said bin Dada Muhyiddin.⁴ Usia akhbar ini agak panjang dan mampu bertahan sehingga tahun 1895, walaupun menurut Roff kandungan akhbar ini agak membosankan kerana dipenuhi dengan iklan dan hanya sedikit sahaja berita yang disiarkan.⁵ Namun begitu sumbangannya tidak boleh dipandang sepi kerana selepasnya terbit pula akhbar-akhbar lain seumpama *Seri Perak* pada tahun 1893. Jadual 12.2 menunjukkan senarai akhbar-akhbar Melayu yang bercorak umum yang terbit pada abad ke-19.

Jadual 12.2: Akhbar-akhbar Melayu pada Abad ke-19

Nama/tajuk akhbar/ majalah	Tahun terbitan	Tahun dihentikan	Negeri diterbitkan
<i>Jawi Peranakan</i>	1876	1895	Singapura
<i>Peredaran Shamsul Wal Kamar</i>	1877	Tidak pasti	Singapura
<i>Nujumu'l Fajar/Idaran Bintang</i>	1877	Tidak pasti	Singapura
<i>Sekola Melayu</i>	1888	1893	Singapura
<i>Peranakan</i>	1891	1891	Singapura
<i>Seri Perak</i>	1893	1895	Perak
<i>Bintang Timur</i>	1894	1895	Singapura
<i>Tanjung Penegeri</i>	1894	1895	Pulau Pinang
<i>Pemimpin Warta</i>	1895	1897	Pulau Pinang
<i>Jajahan Melayu</i>	1896	1897	Perak
<i>Warta Kerajaan Perak</i>	1897	1910	Perak

Jika diperhatikan pada Jadual 12.2 di atas, kita dapati sama hal-nya dengan akhbar berbahasa Inggeris, tempat akhbar Melayu

diterbitkan adalah negeri-negeri yang telah lama dikuasai oleh kerajaan Inggeris. Setakat tahun 1899 tiada akhbar diterbitkan di negeri-negeri Melayu yang lain. Satu perkara yang menarik berkenaan dengan akhbar-akhbar Melayu yang terbit ketika itu, didapati bukan semuanya hasil usaha orang Melayu atau peranakan, sebaliknya ada dua buah akhbar iaitu *Peranakan* dan *Bintang Timur* diterbitkan orang perseorangan dan persatuan orang Cina. Oleh kerana itu kedua-dua akhbar ini ditulis dalam tulisan rumi sementara yang lainnya dalam tulisan Jawi. Ini menunjukkan bahawa terdapat orang Cina, kaum baba khususnya yang berminat terhadap masyarakat Melayu dan ini terbukti apabila disiarkan satu rencana sepuluh siri dalam *Bintang Timur* yang bertajuk "Mengapa Melayu Layu" pada Oktober 1894.⁶ Rencana ini membincangkan tentang kelayuan masyarakat Melayu dalam beberapa aspek kehidupan dan mengupas dari sudut permasalahannya. Boleh dikatakan bahawa inilah julung-julung kalinya permasalahan masyarakat Melayu dibincangkan secara terbuka dalam media.

Seperkara lagi kita dapati, dalam keghairahan menerbitkan akhbar untuk tatapan umum, terdapat semacam unsur dengki dan iri hati antara sesama akhbar yang ada. Seawal tahun 1888 fenomena tuduh-menuduh antara akhbar Melayu telah muncul apabila tercetusnya perang pena antara akhbar *Jawi Peranakan* dengan *Sekola Melayu* yang baru terbit.⁷ Perang pena ini bukan yang berkaitan dengan sesuatu isu tetapi lebih kepada akhbar atau majalah itu sendiri. Boleh dikatakan bahawa ia berpunca daripada perasaan bimbang *Jawi Peranakan* iaitu akhbar yang telah lama terbit terhadap kemunculan akhbar baru yang boleh menggugat keutuhannya dari segi sambutan masyarakat. Sememangnya *Sekola Melayu* mendapat sambutan baik kerana harganya yang lebih murah.

Selain daripada akhbar berbahasa Inggeris dan Melayu terdapat juga akhbar-akhbar dalam bahasa Cina dan Tamil yang diterbitkan pada abad ke-19 Masihi. Malah seawal tahun 1815 telah terbit majalah bercorak agama dalam bahasa Cina pertama iaitu *The Chinese Monthly Magazine*. Majalah bercorak agama ini diusahakan oleh seorang paderi Inggeris; William Milne. Majalah ini dihentikan penerbitannya pada tahun 1822. Kemudian muncul pula akhbar

bulanan *The Universal Gazette* di Melaka.⁸ Akhbar harian pertama yang terbit pula ialah akhbar *Lat Pau* pada tahun 1881 di Singapura. Akhbar ini bertahan terbitannya hingga ke tahun 1932,⁹ satu jangka masa yang lama walaupun edarannya dalam pasaran tidak begitu memberangsangkan. Namun ia tetap diterbitkan atas dasar untuk memperkembangkan kebudayaan masyarakat Cina kerana dalam akhbar tersebut terdapat ruang-ruang tambahan bagi menyiarkan karya-karya sastera Cina tempatan.¹⁰ Selain daripada itu terdapat beberapa lagi akhbar yang diterbitkan selepas itu seperti *The Penang Sin Poe* pada tahun 1896.

Satu perkara yang menarik berkenaan dengan perkembangan akhbar-akhbar berbahasa Cina ini ialah kaitannya yang sangat rapat dengan perkembangan politik yang berlaku di negara Tanah Besar itu. Lebih menarik lagi kerana muncul akhbar-akhbar yang memihak kepada pihak-pihak yang bertelagah dalam soal politik di negara itu. Akhbar-akhbar berkenaan bagaimanapun bukan hasil terbitan masyarakat Cina tempatan sebaliknya diusahakan oleh orang Cina yang datang kemudian. Dipercayai bahawa mereka mahu mendapatkan sokongan dan simpati daripada masyarakat Cina seberang laut terhadap perjuangan politik mereka.

Akhbar berbahasa Tamil pula dipercayai telah terbit sejak tahun 1875 lagi. Akhbar pertama ialah *Singai Warthamani*¹¹ dan diikuti dengan akhbar-akhbar lain dalam jangka waktu yang terdekat. Antara yang boleh disebutkan di sini ialah akhbar mingguan *Ulagi Nesan*, *Singai Nesan* dan *Hindu Nesan* yang diterbitkan pada tahun 1877 diikuti oleh *Tejhabimani* (1896) di Perak dan *Pinanggu Warthamani* (1897).¹² Kebanyakan daripada akhbar ini menyiarkan perkara-perkara yang berkait rapat dengan masyarakat India di negeri-negeri Melayu. Pengarang-pengarangnya begitu mengambil berat soal pencapaian dan kemajuan masyarakat India dan sentiasa mengingatkan mereka tentang perlunya usaha yang bersungguh-sungguh ke arah itu. Terdapat juga berita-berita dari negara India dimuatkan dalam akhbar-akhbar ini tetapi tidak disifatkan sebagai sesuatu yang istimewa kerana ia dimuatkan bersama berita-berita dari luar negeri yang lain.

Dalam sejarah penerbitan akhbar dan majalah di Tanah Melayu pada abad ke-19, bukan sahaja terdapat akhbar-akhbar bercorak

umum tetapi banyak juga akhbar yang bercorak agama. Didapati bahawa sejak awal abad ke-19 terdapat pengembang-pengembang agama Kristian yang menerbitkan akhbar dan majalah dalam usaha untuk menyebarkan agama Kristian di kalangan masyarakat Melayu dan juga masyarakat imigran. Pihak yang telah banyak memainkan peranan menerbitkan akhbar-akhbar seumpama ini ialah *London Missionary Society* (Persatuan Mubaligh London). Atas hasrat yang disebutkan tadi pada tahun 1821 telah terbit majalah agama pertama di Melaka dalam dua versi, satu dalam versi bahasa Inggeris bertajuk *Malay Magazine* dan versi Melayunya diberi nama *Bustan Arifin* yang bermakna "Pengutip segala daripada jenis-jenis hikayat dan ilmu dan kepandaian dan warta dan sebagainya."¹³ Gigihnya usaha pengembang-pengembang agama Kristian ini menyaksikan terbitnya beberapa akhbar dan majalah agama lain dari semasa ke semasa. Jadual 12.3 menyenaraikan akhbar dan majalah bercorak itu pada abad ke-19 yang diterbitkan dalam bahasa Melayu.

Jadual 12.3: Akhbar dan Majalah Bercorak Agama pada Abad ke-19

Nama/tajuk akhbar/majalah	Tahun terbitan	Tahun dihentikan	Negeri diterbitkan
<i>Bustan Ariffin</i>	1821	1822	Melaka
<i>Taman Pungatawan</i>	1848	1851	Singapura
<i>Malay Gleaner (Pungutib segala remah pungatawan)</i>	1852	Tidak pasti	Singapura
<i>Cermin Mata</i>	1858	1859	Singapura
<i>Sahabat</i>	1895	1906	Singapura
<i>Pelajaran Sekolah Agama</i>	1896	1896	Singapura
<i>Warta Melayu</i>	1898	Tidak pasti	Singapura

Berdasarkan Jadual 12.3, didapati bahawa kebanyakan daripada akhbar dan majalah yang diusahakan oleh para mubaligh Kristian berpusat di Singapura. Hanya pada peringkat permulaan sahaja ia diterbitkan di Melaka. Bagaimanapun boleh dikatakan bahawa

perkembangan akhbar dan majalah bercorak agama ini menggalakkan kerana sepanjang abad itu di Singapura saja telah terbit enam akhbar dan majalah seumpama itu. Boleh diandaikan bahawa perkara ini terjadi kerana sambutan penduduk Singapura terhadap agama berkenaan lebih baik berbanding dengan di Melaka yang majoriti penduduknya orang Melayu. Jika akhbar dan majalah berorientasikan agama Kristian banyak diterbitkan tetapi tidak begitu halnya kepada agama Islam. Didapati bahawa sepanjang abad ke-19 tiada bukti tentang penerbitan akhbar atau majalah yang berorientasikan agama Islam. Hanya pada awal abad ke-20 sahaja akhbar dan majalah seperti itu muncul.

Dari segi isi kandungan akhbar dan majalah berkenaan, tidak banyak yang boleh diperkatakan. Mengikut Ahmat Adam, oleh kerana dunia Melayu ketika itu diselubungi dengan aktiviti perdagangan maka akhbar-akhbar yang terbit terutama akhbar berbahasa Inggeris lebih cenderung memperkatakan tentang hal-ehwal perdagangan dalam dan luar negeri.¹⁴ Hanya sedikit sahaja diselitkan berita-berita atau peristiwa-peristiwa yang berlaku di sana sini. Akhbar berbahasa Melayu pula sarat dengan iklan dan berita luar negeri. Isu-isu khusus jarang ditimbulkan. Akhbar dan majalah bercorak agama pula lebih cenderung memuatkan berita-berita tentang agama Kristian dan aktiviti-aktiviti yang berlaku berkaitan dengan agama itu. Namun, ada juga diselitkan berita-berita dan peristiwa-peristiwa lain yang berlaku.

Seperkara lagi jika kita perhatikan pada perkembangan akhbar dan majalah pada abad berkenaan, kita dapati bahawa hayat sesebuah akhbar dan majalah itu tidak lama, terutama akhbar berbahasa Melayu. Ada yang hanya mampu bertahan beberapa bulan sahaja seperti *Peridaran Syamsu wal kamar* dan *Nujum'l-Fajar/Idaran Bintang Timor*. Ada juga yang beredar dalam masyarakat selama setahun dua seperti *Seri Perak* dan *Tanjung Penegeri*. Akhbar Melayu yang paling lama bertahan ialah *Jawi Peranakan*; selama lebih kurang dua puluh tahun. Sebaliknya akhbar berbahasa Inggeris lebih berupaya bertahan lama seperti akhbar *Prince of Wales Island Gazette*, *Singapore Free Press* dan *Perak Pioneer*. Begitu juga dengan akhbar dan majalah berbahasa Cina. Namun, tidak dinafikan ada juga yang

hanya setahun dua usianya. Masalah utama pengusaha-pengusaha akhbar ini ialah mencari pelanggan. Dengan jumlah pembaca yang terlalu kurang tentulah penerbit-penerbit akan menghadapi masalah kewangan untuk menampung perbelanjaan penerbitan. Bukan itu sahaja, masalah juga dihadapi apabila bayaran langganan tidak dilunaskan. Kerana itulah banyak akhbar yang mati begitu sahaja, termasuklah juga akhbar-akhbar bercorak agama.

PERKEMBANGAN PERSURATKHABARAN ABAD KE-20

Abad ke-20 menyaksikan perkembangan penerbitan akhbar dan majalah yang lebih pesat. Lebih banyak akhbar dan majalah terbit silih berganti tanpa mengira bahasa. Ini menunjukkan kepada kita bahawa lebih banyak pihak yang berkemampuan terutama masyarakat tempatan untuk menerbitkan akhbar dan majalah. Secara tidak langsung ini juga menggambarkan kepada kita tentang perubahan sikap masyarakat Tanah Melayu terhadap media cetak dan peranannya pada waktu-waktu itu. Satu perkara lagi yang ketara dalam perkembangan persuratkhabaran ini ialah munculnya kepelbagaian jenis akhbar dan majalah yang diterbitkan itu. Jika pada abad ke-19 jenis atau corak akhbar dan majalah terhad kepada dua jenis sahaja iaitu yang bercorak umum dan yang bercorak agama (hanya agama Kristian sahaja), tetapi pada abad ke-20 ini muncul akhbar-akhbar yang berorientasi agama Islam, majalah untuk wanita, akhbar dan majalah bercorak ilmu pengetahuan, majalah humor, majalah hiburan dan majalah berorientasikan ekonomi dan perusahaan di samping akhbar-akhbar harian yang tumbuh bagai tumbuhnya cendawan selepas hujan.

PERKEMBANGAN AKHBAR DAN MAJALAH MELAYU BERCORAK UMUM

Seawal tahun 1900 telah terbit tiga buah akhbar Melayu. Dua daripadanya mati pada tahun itu juga iaitu *Lingkungan Bulan* dan *Bintang Timur*. Manakala akhbar *Chahaya Pulau Pinang* mampu bertahan hingga ke usia lapan tahun. Akhbar ini diterbitkan di Pulau

Pinang oleh Abdul Ghani Muhd. Kassim dan merupakan akhbar mingguan. Selepas kemunculan akhbar ini muncul lagi beberapa akhbar yang lain dan antara yang penting ialah akhbar *Utusan Melayu* yang terbit di Singapura pada tahun 1907. Akhbar yang diterajui oleh Mohd. Yunus Abdullah ini mampu bertahan sehingga tahun 1921.

Jadual 12.4: Akhbar-akhbar Melayu Terpilih Sebelum Perang.

Nama/tajuk akhbar/majalah	Tahun terbitan	Tahun dihentikan	Negeri diterbitkan
<i>Chahaya Pulau Pinang</i>	1900	1908	Pulau Pinang
<i>Utusan Melayu</i>	1907	1921	Singapura
<i>Lembaga Melayu</i>	1914	1931	Singapura
<i>Al-Hidayah</i>	1923	1926	Kelantan
<i>Chenderamata</i>	1923	1968	Perak
<i>Majalah Guru</i>	1924	1932	Selangor
<i>Edaran Zaman</i>	1925	1930	Pulau Pinang
<i>Suara Melayu/Malaya</i>	1926	1932	Pulau Pinang
<i>Malaya</i>	1926	1931	Pulau Pinang
<i>Lidah Benar</i>	1929	1935	Selangor
<i>Majalah Al-Kamaliah</i>	1930	1941	Kelantan
<i>Warta Malaya</i>	1930	1942	Singapura
<i>Fajar Sarawak</i>	1930	Tidak pasti	Sarawak
<i>Majlis</i>	1931	1955	Kuala Lumpur
<i>Suara Benar</i>	1932	1933	Melaka
<i>Tanah Melayu</i>	1933	1936	Singapura
<i>Lembaga Malaya</i>	1934	1941	Singapura/JB
<i>Warta Ahad</i>	1935	1941	Singapura
<i>Lembaga</i>	1935	1941	Singapura/J.B.
<i>Warta Jenaka</i>	1936	1941	Singapura
<i>Paspam - P.S.P.M.</i>	1938	1941	Pulau Pinang
<i>Utusan Melayu</i>	1939	1968	Singapura/K.L.
<i>Utusan Zaman</i>	1939	1968	Singapura/K.L.
<i>Mastika</i>	1941	1968	Singapura/K.L.

Ada antara akhbar dan majalah yang disenaraikan dalam Jadual 12.4 ini yang telah diberhentikan terbitannya pada satu-satu ketika dan kemudiannya diterbitkan kembali seperti majalah *Chenderamata*, akhbar *Suara Melayu*, *Lembaga Malaya* dan *Mastika*. Sebab pemberhentian penerbitan tidak diketahui tetapi ada juga yang terhenti akibat perang seperti majalah *Lembaga Malaya*. Terdapat juga akhbar dan majalah yang berpindah tempat terbitannya seperti yang dialami oleh *Lembaga Malaya* sendiri, *Utusan Melayu*, *Utusan Zaman* dan *Mastika*. Dipercayai bahawa kesemua akhbar dan majalah ini diterbitkan oleh satu syarikat penerbitan, iaitu Utusan Melayu Press kecuali *Lembaga Malaya*.

Kebanyakan daripada akhbar-akhbar ini menyiarkan berita atau pergolakan peristiwa yang terjadi dalam dan luar negeri bersama sedikit ulasan. Seperti akhbar-akhbar masa kini, akhbar-akhbar pada waktu tersebut juga mempunyai ruangan editorial (sekarang disebut ruangan lidah pengarang) yang memaparkan pendapat pengarang terhadap sesuatu peristiwa atau isu. Akhbar-akhbar ini juga mempunyai ruangan surat-menyurat yang menyiarkan surat para pembaca (sekarang dikenali sebagai ruangan forum pembaca). Satu perkara yang jelas ketara pada akhbar-akhbar ketika itu ialah sikap mereka terhadap peristiwa-peristiwa yang ada kaitan dengan kerajaan Inggeris. Akhbar-akhbar tersebut didapati tidak begitu berminat menyiarkan berita-berita atau peristiwa-peristiwa yang menyangkut secara langsung hubungan antara orang Melayu dengan kerajaan Inggeris. Ini boleh dilihat misalnya pada peristiwa-peristiwa kebangkitan orang Melayu menentang Inggeris secara bersenjata yang berlaku di Kelantan pada tahun 1915 dan Terengganu pada tahun 1928. Malah ada akhbar yang langsung tidak menyiarkan berita-berita seperti ini. Sama ada berita itu tidak sampai kepada mereka atau mereka tidak menganggap peristiwa-peristiwa tersebut sebagai suatu yang amat penting, itu satu persoalan yang lain. Namun, boleh dirumuskan bahawa akhbar-akhbar Melayu ketika itu mengambil sikap tidak mahu memusuhi kerajaan Inggeris dengan membuat liputan besar-besaran pada peristiwa-peristiwa seumpama itu yang menyentuh Inggeris secara langsung.

PERKEMBANGAN AKHBAR DAN MAJALAH MELAYU BERCORAK AGAMA

Jika pada abad ke-19 akhbar dan majalah yang bercorak agama hanya diusahakan oleh pengembang-pengembang agama Kristian sahaja tetapi abad ke-20 pula menyaksikan kemunculan akhbar dan majalah bercorak agama yang berkisar pada agama Islam. Kemunculan akhbar dan majalah bercorak demikian diasaskan oleh majalah popular *Al-Imam* yang terbit pada 22 Julai 1906. Biarpun majalah ini hanya sempat beredar di kalangan masyarakat selama dua tahun setengah sahaja tetapi ia telah meninggalkan kesan yang tidak sedikit kepada masyarakat Melayu/Islam daripada perspektif kesedaran sosial. Selain daripada itu kematian *Al-Imam* tidak bererti mati juga akhbar dan majalah seperti itu, malah ia sentiasa digantikan dengan akhbar dan majalah yang senafas dengannya. Antara yang boleh disebutkan sebagai contoh ialah surat khabar *Neracha*, majalah *al-Ikhwān* dan akhbar *Saudara* yang diterbitkan oleh mereka yang menerbitkan *al-Imam*.

Apabila disebut bahawa akhbar dan majalah yang diberikan di atas tadi senafas dengan *Al-Imam* ini bermaksud bahawa ia sama dari segi isinya iaitu cenderung ke arah perjuangan reformasi Islam, iaitu satu gerakan untuk memurnikan kembali ajaran Islam dalam usaha untuk mengembalikan kegemilangan Islam dan umatnya. Sebenarnya, isi akhbar dan majalah berkenaan memperlihatkan dengan jelas pengaruh gerakan reformasi Islam yang berpusat di Arab Saudi dan Mesir. Ini bukanlah sesuatu yang menghairankan kerana sebahagian besar daripada pengarang akhbar dan majalah berkenaan adalah mereka yang pernah menuntut ilmu agama di negara terbabit. Jadi, apabila mereka kembali ke tanah air, mereka bawa bersama asas-asas perjuangan gerakan tersebut dan menyebarkan di kalangan masyarakat Melayu/Islam melalui media cetak terbitan mereka.

Atas dasar itulah akhbar-akhbar dan majalah berkenaan berbeza berbanding dengan akhbar-akhbar dan majalah lain yang bukan sahaja bercorak umum malah yang bercorak agama juga. Sayugia dicatatkan di sini bahawa selain daripada akhbar dan majalah yang telah disebutkan tadi, muncul juga media cetak lain yang juga

berorientasikan agama Islam yang diterbitkan sama ada oleh individu tertentu mahupun oleh majlis-majlis agama dan sekolah-sekolah agama. Akhbar-akhbar dan majalah ini walaupun bernafaskan Islam tetapi ia memegang prinsip yang berbeza dengan majalah dan akhbar reformis Islam tadi. Malah pernah tercetus perang pena yang hebat dalam hal-hal agama antara kedua-dua kumpulan media cetak ini. Majalah pertama yang muncul dalam kumpulan ini ialah majalah *Pengasuh* yang diterbitkan pada 11 Julai 1918 oleh Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan. Berikut disertakan Jadual 2.5 yang menyenaraikan akhbar dan majalah bercorak agama pada abad ke-20 tanpa mengira aliran.

Jadual 2.5: Akhbar dan Majalah Bercorak Agama Abad ke-20

Nama/tajuk akhbar/majalah	Tahun terbitan	Tahun dihentikan	Negeri diterbitkan
<i>Al-Imam</i>	1906	1908	Singapura
<i>Neracha</i>	1911	1915	Singapura
<i>Majalah Al-Islam</i>	1912	Tidak pasti	Singapura
<i>Pengasuh</i>	1918	Tidak pasti	Kelantan
<i>Arjaa</i>	1925	Tidak pasti	Pulau Pinang
<i>Al-Ikhwan</i>	1926	1931	Pulau Pinang
<i>Saudara</i>	1928	1934	Pulau Pinang
<i>Semangat Islam</i>	1929	1931	Pulau Pinang
<i>Puncha Pertikaian Ulama Islam</i>	1929	1930	Pulau Pinang
<i>Al-Johoriah</i>	1932	Tidak pasti	Johor Bahru
<i>Pedoman Islam</i>	1935	Tidak pasti	Pulau Pinang
<i>Wihdatul Madaris</i>	1935	Tidak pasti	Pulau Pinang
<i>Al-Islam</i>	1936	Tidak pasti	Pulau Pinang
<i>Medan Al-Islam</i>	1936	Tidak pasti	Singapura
<i>Chahaya Islam</i>	1937	Tidak pasti	Singapura
<i>Suara Islam se-Malaya</i>	1941	Tidak pasti	Perak
<i>Seruan Ihya</i>	1941	1941	Perak

Sesuai dengan sifatnya sebagai surat khabar, akhbar dan majalah ini juga menyelitikan berita-berita dan peristiwa yang berlaku dalam dan luar negeri di samping membincangkan tentang hukum-hukum agama, memberikan nasihat-nasihat berunsur agama, membicarakan tentang dunia Islam dan umatnya yang ketinggalan dan mundur berbanding orang lain, cerita-cerita nabi dan rasul dan lain-lain lagi yang berkaitan dengan agama. Ruangan pembaca juga disediakan, di samping ruangan-ruangan yang biasanya ada dalam akhbar dan majalah lain seperti ruangan lidah pengarang. Terdapat juga akhbar dan majalah yang menyiarkan semula rencana-rencana yang pernah disiarkan sama ada dalam media terdahulu ataupun daripada media yang terbit di tempat lain misalnya di Mesir. Contohnya majalah *Al-Ikhwan* pernah menyiarkan semula rencana yang pernah disiarkan dalam majalah *Al-Imam*.

Berbanding akhbar dan majalah berorientasikan Islam, akhbar dan majalah yang berkaitan dengan agama Kristian didapati begitu merosot aktiviti penerbitannya pada abad ini berbanding abad sebelumnya. Sebelum meletusnya Perang Dunia Kedua, didapati bahawa hanya terdapat dua buah majalah bercorak ini yang diterbitkan. Kedua-dua majalah tersebut ialah *Pertandaan Zaman* yang terbit pada tahun 1912 dan *Buku Pelajaran Sekolah Sabat* yang diterbitkan pada tahun 1920. Kedua-duanya diterbitkan di Singapura dan sejarahnya tidak begitu jelas. Barangkali ini kerana jangka hayatnya yang terlalu singkat. Ini bermakna bahawa pada awal abad ke-20 hanya ada sebuah majalah agama Kristian yang beredar di pasaran iaitu majalah *Chermin Mata* sementara majalah dan akhbar yang lain yang diterbitkan pada abad ke-19 telah dihentikan penerbitannya pada abad itu juga. Masalah sambutan daripada masyarakat mungkin menjadi punca kepada keadaan ini kerana badan-badan agama Kristian ini mempunyai kedudukan kewangan yang baik jadi tidak mungkin masalah kewangan yang menjadi sebab.

AKHBAR DAN MAJALAH INGERIS ABAD KE-20

Jika dibuat perbandingan pada perkembangan penerbitan media cetak antara akhbar berbahasa Inggeris dengan akhbar berbahasa

Melayu pada abad ke-20 ini, ternyata mereka mengalami perkembangan yang berbeza. Berbeza yang disebutkan di sini dari segi bilangan akhbar yang terbit, jangka hayat dan kandungannya. Bilangan akhbar dan majalah berbahasa Inggeris yang terbit pada abad ini tidak banyak. Tetapi ini tidak bermakna bahawa perkembangannya merosot kerana kebanyakan akhbar yang terbit pada abad ke-19 masih terus hidup pada abad ke-20 seperti *Perak Pioneer* dan *The Malay Mail*. Ini berbeza dengan situasi akhbar berbahasa Melayu abad ke-19 yang boleh dikatakan semuanya mati pada abad itu juga kecuali *Warta Kerajaan Perak*. Jadi ini bermakna bahawa menjelang abad ke-20 telah ada banyak akhbar berbahasa Inggeris dalam pasaran. Barangkali ini yang menyebabkan tidak begitu banyak akhbar berbahasa ini diterbitkan pada abad ke-20. Walau bagaimanapun akhbar dan majalah baru tetap diterbitkan pada abad ini dan kini kebanyakannya diusahakan oleh penduduk tempatan.

Pada Jun 1903 akhbar *Straits Echo* dilancarkan penerbitannya di Pulau Pinang. Ini merupakan akhbar pertama yang terbit pada abad ini. Akhbar ini menjadi saluran atau wadah untuk menyuarakan kepentingan masyarakat Cina¹⁵ seperti akhbar-akhbar lain yang diterbitkan oleh kaum berkenaan. Setahun kemudian terbit pula akhbar *Times of Malaya and Planters and Miners' Gazette* di Ipoh. Daripada tajuk akhbar ini jelas kepada kita bahawa akhbar ini adalah akhbar bercorak perdagangan atau ekonomi terutama untuk syarikat-syarikat yang memiliki ladang dan lombong bijih timah. Jadi, tentulah akhbar ini menjadi saluran yang mewakili ahli-ahli perniagaan seumpama itu. Pada tahun 1938 akhbar ini bercantum dengan akhbar *Straits Echo* dan dikenali dengan nama *Straits Echo* dan *Times of Malaya*.

Kemunculan akhbar *Straits Echo* dan *Times of Malaya* kemudiannya diikuti dengan akhbar dan majalah lain. Antara yang terpenting ialah akhbar *Malaya Tribune* yang terbit pada tahun 1915 di Singapura. Penerbitan akhbar ini diusahakan oleh orang Eurasia untuk menyuarakan pendapat mereka. Barangkali golongan ini juga merasakan bahawa mereka patut mempunyai wadah tertentu untuk bersuara demi kepentingan mereka. Jadi, setakat ini itulah akhbar-akhbar utama berbahasa Inggeris yang beredar di pasaran Tanah

Melayu dan Singapura. Satu keistimewaan akhbar-akhbar ini ialah kemampuan mereka untuk terus bertahan malah berkembang pesat sehingga mampu mendirikan beberapa cawangan penerbitan di tempat-tempat lain seperti yang lakukan oleh *Malaya Tribune* apabila pusat penerbitannya terdapat di Kuala Lumpur, Ipoh selain Singapura sendiri menjelang dekad 1930-an. Menjelang tahun 1930-an mereka (*Pinang Gazette*, *Malaya Tribune*, *Straits Times*) mampu menerbitkan akhbar edisi Ahad. Keaktifan inilah yang membezakan antara akhbar-akhbar berbahasa Inggeris ini dengan akhbar-akhbar berbahasa lain. Fenomena ini barangkali boleh kita kaitkan dengan kedudukan kewangan mereka yang lebih kukuh dan pasaran yang lebih luas.

Dari segi kandungan, kebanyakan daripada akhbar-akhbar ini cenderung kepada menyiarkan berita-berita yang berkaitan dengan perdagangan dan perniagaan. Walau bagaimanapun ia tetap menyiarkan berita-berita lain di samping menyediakan ruangan-ruangan lazim seperti ruangan pendapat pembaca. Daripada penelitian Khoo Kay Kim terhadap akhbar-akhbar ini, beliau mendapati bahawa akhbar-akhbar ini dari segi kandungannya berita atau peristiwa yang dilaporkan lebih memberatkan kepada peristiwa-peristiwa yang ada kaitannya dengan kepentingan ekonomi kerajaan Inggeris walaupun ia berlaku di tempat-tempat atau di negara-negara lain. Sebagai contohnya, peristiwa Revolusi Thailand 1932 mendapat liputan secara besar-besaran oleh akhbar-akhbar berbahasa Inggeris malah kehidupan sehari-hari di Thailand selepas revolusi itu disorot dengan begitu teliti.¹⁰ Sebaliknya, akhbar-akhbar ini tidak berminat untuk menyiarkan berita-berita ataupun ulasan-ulasan tentang keadaan masyarakat tempatan terutama masyarakat Melayu. Keadaan ini boleh dikaitkan dengan kurangnya pembaca Melayu bagi akhbar ini, tambahan pula pendukung-pendukung akhbar ini bukan orang Melayu. Bagaimanapun akhbar-akhbar ini mula peka pada keadaan itu apabila terdapat pembaca-pembaca Melayu yang menegur "kepincangan" tersebut sejak tahun-tahun 1920-an.

AKHBAR DAN MAJALAH BERBAHASA CINA DAN TAMIL

Abad ke-20 menyaksikan keaktifan penerbitan dalam kedua-dua bahasa Cina dan Tamil. Perkembangan akhbar berbahasa Cina masih lagi bergantung kepada situasi politik di negara asal mereka dan menjadikan akhbar sebagai saluran utama untuk menyalurkan ideologi politik yang didukungnya. Misalnya, terdapat beberapa buah akhbar yang mendukung gerakan reformasi (Parti Pembela Raja). Antara yang popular ialah *The Union Times*. Sementara akhbar yang menyokong puak revolusi, Dr. Sun Yat Sen pula lebih banyak muncul di akhbar seperti *Chong Shing Yit Pao* yang diterbitkan di Singapura pada tahun 1907, *Harian Kuala Lumpur* (1909),¹⁷ *Xingzhou Chen Bao* (1909) dan *Nan Qiou Ri Bao* (1910). Akhbar yang diterbitkan di Kuala Lumpur diusahakan oleh orang Cina tempatan. Ini menggambarkan bahawa usaha pihak reformasi dan revolusi untuk mencari sokongan di kalangan masyarakat Cina seberang laut telah berjaya. Seperti yang pernah berlaku antara akhbar *Saudara* dengan *Lidah Benar*, maka berlaku juga perang pena yang hebat antara *The Union Times* dengan *Chong Shing Yit Pao*.

Mengikut Tang Eng Teik, perkembangan akhbar berbahasa Cina kemudiannya beralih arah kepada soal perniagaan dan perdagangan selepas kerajaan Manchu digulingkan pada tahun 1911.¹⁸ Akhbar-akhbar yang bercorak seperti ini diusahakan kebanyakannya oleh usahawan-usahawan tempatan yang antara lainnya untuk mengiklankan barangan keluarannya. Contohnya ialah akhbar *Nanyang Siang Pau* yang diterbitkan pada tahun 1923 oleh usahawan Tan Pah Kee. Begitu juga dengan akhbar *Sin Chew Jit Poh* yang diterbitkan oleh Aw Boon Haw pada tahun 1929. Kedua-dua akhbar yang berpusat di Singapura ini mengalami pasang surutnya mengikut arus perkembangan zaman, namun ia mampu bertahan sehingga ke zaman Jepun apabila semua akhbar Cina dihentikan penerbitannya. Akhbar ini kembali diterbitkan selepas pendudukan Jepun berakhir. Selain daripada Singapura, terdapat juga akhbar-akhbar berbahasa Cina yang diterbitkan di negeri-negeri lain seperti Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Ipoh, Kuching dan Sibu di Sarawak.

Akhbar berbahasa Tamil pada abad ke-20 memperlihatkan kecenderungan mereka kepada perkembangan politik tempatan terutama yang berkaitan dengan kebajikan kaum pekerja India. Akhbar-akhbar seperti *Wartamanan*, *Mahayudtha Samasaram*, *Nyanasoorian* dan *Janobhakari* yang diterbitkan pada awal kurun ke-20 tidak jemu-jemu memuatkan cerita dan berita tentang penindasan yang dialami oleh buruh-buruh India di ladang-ladang getah. Ini termasuklah peristiwa yang menimbulkan kekecohan seperti pembunuhan pengurus-pengurus ladang oleh buruh-buruh yang sudah tidak tahan ditindas.¹⁹ Selain daripada akhbar-akhbar yang disebutkan di atas tadi, terbit beberapa akhbar lagi pada tahun 1920-an dan 1930-an. Akhbar-akhbar yang terbit pada dekad-dekad itu agak radikal dan menyuarakan rasa tidak puas hati mereka terhadap layanan pihak Inggeris ke atas masyarakat India, dalam masa yang sama mereka mula menyatakan hasrat untuk menjadi rakyat Tanah Melayu. Ternyata terdapat perbezaan antara akhbar berbahasa Cina dengan yang berbahasa Tamil.

PERKEMBANGAN MEDIA CETAK DI SABAH DAN SARAWAK

Perkembangan media cetak di Sabah dan Sarawak tidak begitu dapat dipastikan. Bagaimanapun ada catatan tentang beberapa buah surat khabar yang diterbitkan di Sarawak seperti akhbar *Fajar Sarawak* yang diterbitkan pada tahun 1930, *Utusan Sarawak* pada tahun 1949 dan majalah *Kesedaran* pada tahun 1952. Ketiga-tiga media cetak ini diterbitkan dalam bahasa Melayu. *Utusan Sarawak* dan majalah *Kesedaran* diusahakan penerbitannya oleh Ikhwan Zainie yang akhirnya menceburkan diri dalam arena politik Sarawak selepas merdeka. Selain daripada akhbar berbahasa Melayu, terdapat juga akhbar berbahasa Cina yang diterbitkan sebelum Perang Dunia Kedua di Sarawak iaitu di bandar Kuching dan Sibu, dua kawasan petempatan orang Cina yang teramai di negeri itu. Akhbar-akhbar yang dimaksudkan itu ialah *Shen Won Kie Min Sing Pao* (1913), *Xin Min Ri Bao* (1927), *Yue Feng*, *Gujing Xinwen Rikan* (1937) dan *Harian Sarawak* (1937). Kesemua akhbar ini diterbitkan di Kuching. Sementara itu akhbar yang terbit di Sibu pula ialah *Berita Harian*

Sibu (1939) dan *Ejiong Sibu* (1939).²⁰ Kesemua akhbar harian dan mingguan ini terhenti penerbitannya apabila Jepun menduduki Sarawak.

Di Sabah, tiada apa-apa catatan tentang terbitnya akhbar atau majalah berbahasa Melayu begitu juga yang berbahasa Cina dan Tamil. Malahan tiada juga catatan tentang terbitnya akhbar atau majalah berbahasa Inggeris sebelum Perang Dunia Kedua. Sebenarnya keadaan ini adalah sesuatu yang agak menghairankan kerana dunia dewasa itu memang sudah biasa dengan media cetak dan peranannya dalam menyampaikan berita dan peristiwa yang berlaku. Barangkali tidak ada pihak yang berminat ke arah itu termasuk pegawai-pegawai Inggeris daripada Chartered Company dan juga masyarakat Cina yang menetap di Sabah. Hanya pada tahun 1948 barulah ada catatan tentang perkembangan media cetak di Sabah dengan terbitnya *North Borneo News* di Sandakan hasil usaha Donald Stephen kemudian diikuti dengan *Sabah Times* pada tahun 1952 yang diterbitkan di Kota Kinabalu. Selain daripada memuatkan berita dan peristiwa yang berlaku di Sabah, kedua-dua akhbar ini menjadi medan penggiat sastera untuk memperagakan hasil sastera masing-masing.²¹

ISU-ISU SOSIAL PENTING ABAD KE-20 DALAM MEDIA CETAK

Fungsi dan peranan media cetak lebih menonjol pada abad ke-20 ini bukan sahaja kerana kemunculannya yang lebih banyak tetapi juga kerana isu-isu yang dimuatkan dalam akhbar dan majalah berkenaan. Fungsinya sebagai alat sebaran am semakin ketara dengan pertambahan bilangan pembaca yang secara tidak langsung akan meningkatkan lagi kadar sasaran sebaran am berkenaan. Daripada kajian-kajian terhadap akhbar-akhbar popular sejak awal abad ke-20 sehingga sebelum Perang Dunia Kedua memang terdapat beberapa isu penting yang menjadi perhatian dan perbincangan hangat di kalangan media cetak pada waktu berkenaan. Antara isu yang hangat diperbincangkan ialah tentang kemunduran masyarakat Melayu/Islam dan kaitannya dengan pengamalan Islam mereka, pertelingkahan pendapat antara Kaum Tua dengan Kaum

Muda, kebanyakan pendatang asing dan tuntutan-tuntutan hak oleh mereka ke atas Tanah Melayu, kegiatan berpersatuan di kalangan orang Melayu dan hal-hal lain yang bersangkutan dengan masyarakat Melayu. Di kalangan masyarakat Cina, antara isu yang sering dibincangkan termasuklah yang berkaitan dengan politik di negara asal mereka serta hal-hal yang berkaitan dengan perniagaan, lebih kurang sama seperti akhbar bahasa Inggeris. Manakala bagi masyarakat India, isu penindasan buruh-buruh ladang sering diberikan tumpuan.

Masalah kemunduran dan kelayuan masyarakat Melayu mula diperkatakan seawal tahun 1894 oleh akhbar *Bintang Timur*. Namun begitu bermula pada tahun 1906 barulah ia menjadi satu isu yang mendapat perhatian umum apabila majalah bernafas reformis iaitu *al-Imam* mula memperkatakannya semula dalam setiap keluarannya. Dengan azam untuk membangunkan semula umat Islam/Melayu yang sesuai dengan tujuan penerbitannya iaitu:²²

*Untuk mengingatkan mana yang lalai,
dan menjagakan mana yang tidur;
dan menunjukkan mana yang sesat
dan menyampaikan suara yang menyeru
dengan kebajikan*

Al-Imam mengalihkan perhatian masyarakat terhadap keadaan diri mereka sendiri yang telah lama bergelumang dengan dunia kemunduran dan kebekuan berbanding kaum asing yang mendiami negeri-negeri Melayu. Kemunduran dan kebekuan masyarakat Melayu ini dilihat daripada semua aspek kehidupan dan sesuai dengan sifatnya sebagai majalah reformis, masalah-masalah tersebut dikupas dari sudut agama. Majalah ini menegaskan bahawa punca masalah tersebut ialah akibat sikap umat Islam terhadap Islam itu sendiri, sama ada lalai dan leka daripadanya atau mengamalkan Islam yang dicampuradukkan dengan amalan-amalan dan kepercayaan-kepercayaan khurafat yang bertentangan sama sekali dengan Islam, serta mengambil sikap menurut sahaja terhadap fatwa-fatwa ulama mazhab tanpa ada ikhtiar untuk berjihad apabila bertemu dengan cabaran-cabaran baru.

Sehubungan dengan itu, *Al-Imam* memfokuskan kritikan mereka kepada pihak-pihak yang dirasakan bertanggungjawab terhadap wujudnya masalah-masalah sedemikian rupa. Dua pihak yang menjadi sasaran kritikan dan kecaman mereka ialah golongan ulama Islam dan golongan pemerintah Melayu. Golongan ulama dipersalahkan kerana mengambil sikap tidak peduli pada pengamalan-pengamalan Islam yang berbaur unsur khurafat dan bidaah oleh umat Islam malah bersikap jumud dan beku kerana tidak mahu mengambil²³ kemajuan dunia. Sebaliknya hanya menumpukan perhatian pada ibadat-ibadat khusus sahaja dan melupakan urusan dunia kerana bercita-cita untuk mencari pangkat aulia dengan menjalankan suluk dan tariqat. Sikap seperti ini menurut *Al-Imam* menimbulkan tanggapan negatif tentang agama oleh generasi muda seperti katanya:²⁴

Menyangka-nyangkalah segala orang yang muda-muda sekarang ini bahawa adalah orang yang beragama itu iaitulah orang senantiasa duduk di dalam masjid dan khalwat, kerana ini larilah ia daripada agama itu dengan redha hatinya menanggung kerugiannya.

Pada golongan pemerintah dan pembesar-pembesar Melayu pula, mereka dikecam kerana bersikap terlalu mementingkan diri dan tidak begitu menghiraukan nasib orang Melayu walhal merekalah yang bertanggungjawab terhadap kemaslahatan dan kebajikan orang Melayu yang menjadi rakyat mereka. Maka sebab itulah orang Melayu terus ketinggalan dalam setiap lapangan hidup kerana kelalaian mereka yang asyik mengumpulkan harta kekayaan untuk diri dan kaum keluarga sendiri sahaja seperti mana kata *Al-Imam*:²⁵

Raja-raja kita lalai di dalam menafaat yang khusus bagi dirinya orang-orang besarnya membenarkan dia dan orang-orang kaya kita leka dengan menambah kekayaan maka tiada diambil sedikit tempoh bagi memikirkan faedah kaumnya.

Isu ini memang mendapat perhatian istimewa oleh *Al-Imam* dan ia dikupas dalam setiap bidang seperti dalam aspek pendidikan,

ekonomi (pekerjaan), politik dan moral. Sesuai dengan prinsip reformis dalam bidang agama, *Al-Imam* menyarankan jalan penyelesaian kepada masalah ini ialah dengan kembali kepada ajaran Islam yang sebenarnya (bersumberkan al-Quran dan as-Sunnah) dan meninggalkan perkara-perkara bidaah dan khurafat yang diamalkan selama ini di samping berusaha untuk memajukan diri dengan mengambil kemajuan dunia. Walaupun *Al-Imam* hanya sempat bertahan setakat bulan Disember 1908, tetapi isu berkenaan tetap terus mendapat perhatian akhbar dan majalah yang sealiran dengannya seperti majalah *Al-Ikhwan*, *Akhbar Neracha*, *Edaran Zaman* dan *Saudara*. Dalam akhbar dan majalah lain perkara ini juga disentuh atau diperkatakan tetapi tidak sehebat dalam media-media cetak yang disebutkan tadi, lebih-lebih lagi ia hanya termuat dalam ruangan surat kiriman pendapat pembaca sahaja.

Lanjutan daripada isu kemunduran masyarakat Melayu ini dan dihubungkan pula dengan peranan para ulama dan para pentadbir Melayu, timbul pula pertelingkahan antara pendukung akhbar-akhbar dan majalah seumpama ini dengan kedua-dua golongan tersebut. Pertelingkahan yang popular disebut sebagai pertelingkahan Kaum Tua, Kaum Muda bermula apabila kedua-dua golongan tersebut bangkit untuk mempertahankan diri mereka daripada kecaman yang dilemparkan kepada mereka. Kedua-dua golongan ini juga menggunakan ruangan-ruangan akhbar dan majalah untuk mengemukakan pendapat dan pendirian masing-masing. Inilah yang menjadikan pertelingkahan antara mereka berubah corak kepada jawab-menjawab apabila kedua-dua pihak saling balas-membalas kritikan di ruangan-ruangan akhbar dan majalah pilihan masing-masing. Akhbar yang sering digunakan sebagai medan perdebatan oleh golongan ulama dan pembesar tempatan ialah seperti akhbar *Utusan Melayu*, *Lembaga Melayu*, majalah *Pengasuh* dan *Lidah Benar*.

Pertelingkahan Kaum Muda dan Kaum Tua yang berlarutan hingga ke tahun-tahun 1940-an (sebelum meletusnya Perang Dunia Kedua) ini banyak berkisar pada soal-soal amalan agama. Antara perkara yang sering diperdebatkan ialah soal taklid buta pada fatwa-fatwa ulama mazhab, konsep qadak dan qadar dan amalan tariqat

dan suluk. Masing-masing mengemukakan pandangan dan alasan masing-masing untuk menegakkan pendirian masing-masing. Walau bagaimanapun dalam pertelingkahan ini, ia sedikit sebanyak telah menjejaskan pengedaran akhbar dan majalah bercorak Islah ini ke negeri-negeri tertentu akibat tindakan golongan ulama dan pembesar Melayu. Misalnya akhbar-akhbar ini dilarang edarannya di negeri Kelantan dan Perak. Nampaknya pertelingkahan ini telah melibatkan tindakan undang-undang daripada golongan Kaum Tua.

Bersangkutan dengan masalah kemunduran orang Melayu ialah kaum imigran yang bekerja di negeri-negeri Melayu sejak akhir abad ke-19. Usaha dan pencapaian kaum imigran yang telah menetap lama di negeri-negeri Melayu dalam bidang ekonomi dan pendidikan sering dijadikan kayu ukur untuk dibandingkan dengan keadaan masyarakat Melayu. Bertepatan dengan itu pula, sejak akhir tahun 1920-an, kaum imigran ini tanpa mengira sama ada orang Cina atau India, mula membuat tuntutan hak sebagai penduduk negeri-negeri Melayu daripada kerajaan Inggeris. Hak-hak yang dituntut itu termasuklah hak dalam politik. Tuntutan-tuntutan ini disuarakan terutamanya oleh orang Cina yang telah dilahirkan di Negeri-Negeri Selat. Tuntutan-tuntutan ini mula mendapat liputan yang hebat oleh pihak media cetak tanpa mengira bahasa dan aliran. Bagi akhbar dan majalah milik orang Melayu, mereka menyifatkan tuntutan-tuntutan tersebut sebagai sesuatu yang tidak patut dilayan oleh kerajaan Inggeris, kerana menyifatkan kaum imigran sebagai bukan penduduk tempatan.

Sebenarnya, tuntutan-tuntutan hak oleh kaum imigran itu dilihat sebagai suatu ancaman baru kepada kedudukan masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu yang telah sedia tertinggal di belakang masyarakat imigran dalam aspek ekonomi dan sosial akan terus tertinggal di belakang jika hak politik yang selama ini tidak dinikmati oleh kaum imigran diberikan kepada mereka. Bagi orang Melayu, pemimpin-pemimpin mereka khususnya, mereka sedar bahawa jika hak politik diberikan kepada kaum imigran ini, maka akan bertam-bahlah penguasaan mereka di negeri-negeri Melayu sebagaimana penguasaan mereka dalam ekonomi negeri-negeri Melayu. Kebimbangan ini terpancar apabila masyarakat imigran menuntut agar

Malayan Civil Service (MCS) dibuka kepada mereka, menuntut ditambahkan bilangan perwakilan mereka dalam Majlis Perundangan di samping tuntutan-tuntutan lain untuk kepentingan kaum masing-masing. Sebagai contohnya, dalam satu mesyuarat wakil-wakil India di Teluk Anson (sekarang Teluk Intan) pada 5 April 1931, orang India telah menuntut beberapa perkara daripada kerajaan iaitu:²⁶

1. Majlis Mesyuarat Negeri-Negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu diperbesarkan.
2. Ahli Majlis Mesyuarat patut ada wakil pihak India.
3. Ditambah bilangan pelajar dan biasiswa pada anak-anak India ke sekolah-sekolah Inggeris.
4. Undang-undang buang negeri tanpa bicara harus dibatalkan.
5. *Malayan Civil Service* patut dibuka kepada anak-anak bukan Eropah.
6. Persekutuan patut ada bantuan kepada yang tidak bekerja untuk majukan kedudukan orang India di negeri ini.

Akibat daripada tuntutan-tuntutan ini, pertelingkahan atau perang pena berlaku antara orang Melayu dengan kaum imigran ini. Perang pena ini melibatkan akhbar dan majalah Melayu tanpa mengira corak dengan akhbar-akhbar berbahasa Inggeris yang menjadi wadah bagi kaum asing. Antara akhbar yang terbabit ialah *The Malay Mail*, *Straits Echo*, *Lidah Kebangsaan* (akhbar orang Cina) dan *Malaya Tribune*. Isu tuntutan hak kaum imigran ini terus-menerus diperkatakan sehinggalah tercetusnya Perang Dunia Kedua. Akhbar berbahasa Tamil seperti yang telah disebutkan dahulu memang tidak sunyi daripada membuat tuntutan-tuntutan yang sama.

Serentak dengan isu tuntutan hak kaum imigran ini, terdapat pula akhbar yang mula menimbulkan isu supaya orang Melayu bersatu dengan menubuhkan persatuan atau pertubuhan Melayu yang dapat dijadikan alat penyampai untuk kepentingan masyarakat Melayu kepada kerajaan Inggeris. Akhbar-akhbar Melayu seperti

Idaran Zaman, *Saudara*, *Warta Malaya* dan *Majlis* begitu ghairah memperkatakan tentang pentingnya diwujudkan persatuan Melayu mencontohi Kesatuan Melayu Singapura (KMS) yang ditubuhkan pada tahun 1926. Seterusnya akhbar-akhbar ini terutamanya *Saudara* menyarankan dianjurkan satu kongres Melayu seluruh Tanah Melayu untuk membincangkan hal-ehwal masyarakat Melayu dalam semua aspek terutama politik bagi menangani masalah tuntutan hak kaum imigran.

Dalam usaha untuk mencapai matlamat tersebut, akhbar-akhbar terbabit sering mengutarakan kepentingan-kepentingan dan faedah-faedah yang bakal diperoleh melalui pertubuhan-pertubuhan seumpama KMS itu. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa penubuhan persatuan-persatuan Melayu sejak tahun 1937 hingga tahun 1941 adalah hasil usaha akhbar-akhbar berkenaan memberi kesedaran dan dorongan kepada masyarakat Melayu mengenainya. Bahkan mereka mengutarakan beberapa cadangan ke arah itu. Dorongan-dorongan yang diberikan menampakkan hasil walaupun mengambil masa yang lama, hampir sepuluh tahun. Misalnya kongres Melayu Semenanjung hanya dapat diadakan pada tahun 1938, setelah tujuh tahun *Saudara* menyarakannya. Apa pun yang pentingnya, ia menjadi kenyataan.

Demikianlah antara isu-isu penting yang mendapat perhatian media cetak sejak awal abad ke-20 hingga tahun 1941. Jika diperhatikan, isu-isu berkenaan saling kait-mengait antara satu sama lain dan berakarumbikan kepada masalah kemunduran masyarakat Melayu termasuklah dalam bidang ekonomi dan pendidikan. Walau bagaimanapun, perlu disebutkan di sini bahawa media cetak juga membuat liputan pada peristiwa semasa dalam dan luar negeri seperti peristiwa kejatuhan kerajaan Islam Turki Othmaniyah, ke-melesetan ekonomi dunia yang turut menjejaskan ekonomi Tanah Melayu dan dasar desentralisasi yang dijalankan oleh kerajaan Inggeris di negeri-negeri Melayu berkenaan.

PERKEMBANGAN MEDIA CETAK SELEPAS PERANG

Meletusnya Perang Dunia Kedua pada tahun 1941 menyebabkan semua akhbar dan majalah yang sedang beroperasi terhenti

penerbitannya berikutan kekalahan kerajaan Inggeris dan jatuhnya Tanah Melayu ke tangan Jepun. Namun begitu semasa pendudukan Jepun terbit juga beberapa buah akhbar dan majalah seperti akhbar *Penang Syimbun* (1942-1945), *Cahaya Timur* (1942), majalah *Matahari Memancar* (1942), *Chermin Hidup* (1942), *Semangat Asia* (1943-1944), *Fajar Asia* (1943) dan akhbar *Berita Malai* (1943-1945). Kebanyakan akhbar dan majalah yang terbit dalam tempoh pendudukan Jepun hayatnya tidak panjang. Akhbar dan majalah yang panjang hayatnya (1945) kebanyakannya diterbitkan oleh syarikat penerbitan Jepun seperti *Penang Syimbun*, *Semangat Asia*, *Fajar Asia* dan *Berita Malai*.

Selepas tamat tempoh pemerintahan Jepun dan British kembali semula, aktiviti penerbitan media cetak kembali aktif. Banyak akhbar yang terhenti penerbitannya berikutan perang telah diterbitkan semula seperti akhbar *Majlis*, *Utusan Melayu*, *Utusan Zaman* dan lain-lain lagi. Begitu pun, akhbar dan majalah yang baru terbit tidak kurang banyaknya, malah dari tahun ke tahun jumlahnya semakin bertambah. Yang paling ketara ialah penerbitan majalah yang pelbagai corak dan kandungannya. Berikutan banyaknya akhbar dan majalah yang terbit sejak tahun 1945, di sini hanya disebutkan beberapa akhbar yang penting dan kekal penerbitannya sehingga ke hari ini. Antara yang boleh disebutkan di sini ialah *Warta Negara* (1945-1969), majalah *Qalam* (1950-?), *Melayu Raya* (1950-1953) dan *Berita Harian* (1957 hingga kini). Akhbar-akhbar berbahasa Inggeris, Cina dan Tamil juga tidak ketinggalan mengikut arus, sama ada menerbitkan semula akhbar yang terhenti sebelumnya ataupun menerbitkan akhbar yang baru.

Sesuai dengan zaman penerbitannya, akhbar-akhbar selepas perang lebih menumpukan perhatian kepada peristiwa-peristiwa semasa yang berlaku. Oleh kerana pada tahun-tahun selepas perang kocakan politik di negeri-negeri Melayu lebih hebat maka akhbar-akhbar dan majalah yang ada juga hebat memperkatakannya. Antara perkara yang menjadi topik hangat ialah gagasan Malayan Union cadangan kerajaan Inggeris, penentangan orang Melayu terhadap cadangan Malayan Union dan penubuhan UMNO, gagasan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948, pergolakan politik dalam

UMNO, penubuhan parti-parti politik yang lain, soal kemerdekaan Tanah Melayu dan lain-lain lagi. Walaupun kelihatan di sini isu yang hangat diperbincangkan adalah isu politik tetapi media cetak sezaman tetap memperkatakan soal-soal lain dalam bidang ekonomi, pendidikan dan agama.

Dalam memperkatakan topik-topik yang telah disebutkan tadi, akhbar dan majalah berkenaan lebih cenderung untuk memperlihatkan pendirian masing-masing. Misalnya kebanyakan akhbar Melayu mempersoalkan tujuan kerajaan Inggeris mencadangkan Malayan Union dan menyokong sepenuhnya perjuangan UMNO menentang cadangan tersebut. Sehubungan dengan itu mereka kecewa dengan tindakan sultan-sultan Melayu menurunkan tandatangan sebagai mempersetujui gagasan tersebut. Antara akhbar yang jelas memperlihatkan pendiriannya tentang isu ini ialah akhbar *Warta Negara*.²⁷ Boleh dikatakan bahawa peranan akhbar yang begitu serius membincangkan perkara ini telah membuka minda rakyat tentang rancangan kerajaan Inggeris itu dan seterusnya bersamasama berganding bahu dengan pemimpin UMNO menentang gagasan tersebut. Ini hanya satu contoh tentang peranan besar yang dimainkan oleh media cetak dalam satu-satu isu yang timbul. Begitu-lah seterusnya sehinggalah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan.

Jadi jelaslah melalui sorotan sejarah tentang perkembangan media cetak sejak abad ke-19 hingga merdeka, tahap kesedaran masyarakat tentang kebajikan diri masing-masing dan seterusnya kesedaran tentang perubahan-perubahan yang berlaku di sekeliling mereka terserlah dalam media cetak yang beredar di pasaran. Media cetak pelbagai bahasa tidak syak lagi telah memainkan peranan penting bukan sekadar penyampai berita tetapi juga sebagai alat perantaraan untuk menyebarkan pendapat setiap isu yang timbul.

Nota Hujung

1. Ahmat Adam, 1992. *Sejarah dan Bibliografi Akhbar dan Majalah Melayu Abad Kesembilan Belas*. (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia), hlm. 19.

2. *Ibid.*
3. *Ibid.* hlm. 20. Prof. Khoo Kay Kim dalam kertas kerjanya bertajuk "English Newspaper in Malaya 1900-1941: History and Historiography" mencatatkan bahawa akhbar bertajuk *Prince of Wales Island Gazette* adalah akhbar-akhbar pertama yang terbit di Pulau Pinang pada tahun 1805. Lihat kertas kerjanya di hlm. 1.
4. A. M. Iskandar Haji Ahmad, 1980. *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka), hlm. 1.
5. W. R. Roff, 1967. *Sejarah Surat-surat Khabar Melayu* (Pulau Pinang: Saudara Sinaran.), hlm. 9.
6. Ahmat Adam, *op. cit.*, hlm. 72.
7. *Ibid.*
8. Tang Eng Tek, 1988. "Perkembangan Akhbar-akhbar Cina di Malaysia". *Akhbar dan Majalah di Malaysia* (Bangi: UKM), hlm. 93.
9. *Ibid.* hal. 97.
10. *Ibid.*
11. Krishnan Maniam, 1988. "Sejarah dan Perkembangan Akhbar dan Majalah India Sebelum dan Selepas Merdeka—Sumbangan serta Peranannya dalam Masyarakat India". *Akhbar dan Majalah di Malaysia* (Bangi: UKM), hlm. 190.
12. *Ibid.*, hlm. 191.
13. Ahmat Adam, *op. cit.*, hlm. 24.
14. *Ibid.*, hlm. 30-31.
15. Khoo Kay Kim, *op. cit.* hlm. 5.
16. *Ibid.*, hlm. 8.
17. Tang Eng Teik, *op. cit.*, hlm. 99.
18. *Ibid.*
19. Krishnan Maniam, *op. cit.*, hlm. 192.
20. Tang Eng Teik, *op. cit.*, hlm. 104.
21. Ungku Maimunah bt. Mohd. Tahir (1988), "North Borneo News and Sabah Times Wadah Sastera Melayu Moden di Sabah sebelum Merdeka", *Akhbar dan Majalah di Malaysia*. (Bangi, UKM), hlm. 233-234.
22. *Al-Imam*, 23 Julai 1906, hlm. 1.

23. *Ibid*, 1 Jun 1908.
24. *Ibid*, 23 Julai 1906, hlm. 19.
25. *Ibid*, 19 September 1906, hlm. 75.
26. *Saudara*, bil. 132, 25 April 1931, hlm. 1.
27. Lihat sikapnya dalam Ahmad bin Masjidin, 1984. "Malayan Union dari Kaca Mata Warta Negara", *Sejarah Masyarakat Melayu Modern*. (Kuala Lumpur, Persatuan Muzium Malaysia).

Bab 13

Aktiviti Berpersatuan: Sejarah Awal dan Perkembangan

PERSATUAN merupakan satu daripada elemen penting dalam sesebuah masyarakat, menjadi wadah atau penggerak kepada aktiviti-aktiviti tertentu dalam masyarakat. Persatuan boleh diumpamakan sebagai payung tempat orang ramai berkumpul dan bersatu untuk sama-sama menjalankan pelbagai aktiviti yang selaras dengan matlamat dan tujuan sesebuah persatuan itu ditubuhkan. Sehubungan dengan itu boleh dikatakan bahawa setiap masyarakat di dunia ini pernah dan akan melibatkan diri dalam persatuan atau kelab yang pelbagai corak dan aktivitinya, kerana ia merupakan satu aktiviti sosial dan politik yang penting. Tambahan pula memang telah dibuktikan bahawa aktiviti berpersatuan di kalangan masyarakat Malaysia telah memberi sumbangan yang tidak sedikit ke arah kewujudan perasaan kesedaran sebagai rakyat negara ini yang perlu bersatu.

Aktiviti berpersatuan yang ditumpukan dalam bab ini adalah pada persatuan-persatuan atau kelab-kelab yang menjalankan aktiviti sosial dan kebajikan sahaja. Sosial di sini bermaksud yang lain daripada politik dan ekonomi. Terdapat pelbagai jenis persatuan dan kelab yang boleh dikategorikan dalam aspek sosial ini. Antara yang boleh disebut di sini ialah kongsi gelap, kelab-kelab sukan, pasukan kepanduan, persatuan sahabat pena, persatuan belia,

persatuan wanita dan lain-lain lagi. Sehubungan dengan itu bab ini juga akan membincangkan tentang satu aspek yang penting dan yang memang berkait rapat dengan persatuan iaitu undang-undang atau akta pertubuhan. Munculnya akta pertubuhan di Malaysia bersabit dengan munculnya aktiviti berpersatuan terutama persatuan yang boleh dianggap tergolong dalam kategori persatuan sulit yang terlibat dengan aktiviti jenayah seperti kongsi gelap yang memerlukan undang-undang untuk mengawalinya.

Perbincangan terhadap persatuan-persatuan seperti ini bukanlah sekadar dari segi jumlah yang muncul tahun demi tahun tetapi ia juga mencakupi soal-soal lain yang lebih penting. Antaranya ialah daripada aspek matlamat, falsafah dan tujuan sesebuah persatuan itu ditubuhkan, para pendukungnya, arah alirannya, aktiviti-aktivitinya dan peranannya ke arah membentuk dan seterusnya memupuk kesedaran masyarakat dalam aspek-aspek tertentu seperti aspek pendidikan, ekonomi, agama, perpaduan antara sesama sendiri dan akhir sekali kesedaran politik. Perlu ditegaskan di sini bahawa ada antara persatuan yang umumnya tidak bercorak atau bermotifkan politik tetapi ia sebenarnya mampu menyemaikan benih-benih kesedaran tersebut melalui falsafah dan aktivitinya. Ini menjadikan peranan persatuan-persatuan seperti ini lebih penting dalam sejarah politik dan sosial Malaysia.

Melalui penyingkapan atau kajian terhadap persatuan-persatuan dan kelab-kelab yang muncul ini, kita akan dapat mengenal pasti arah aliran dan minat masyarakat pelbagai kaum di Malaysia dalam jangka-jangka waktu berkenaan. Misalnya kita akan dapat meninjau kembali minat dan perhatian masyarakat Cina sejak awal kedatangan mereka ke negeri-negeri Melayu daripada hanya mementingkan kelompok masyarakat mereka sendiri sahaja kepada hal-hal lain yang menyangkut kaum lain, dan begitulah seterusnya pada perubahan-perubahan yang dialami dari semasa ke semasa. Begitulah juga halnya dengan masyarakat Melayu, kita akan dapat lihat perubahan sikap mereka daripada tidak melihat persatuan sebagai sesuatu yang amat penting kepada diri mereka, telah berubah dan menunjukkan minat untuk menubuhkan persatuan yang pelbagai corak dan matlamatnya dan ia mula kelihatan setelah memasuki dekad 20-an pada abad ke-20.

SEJARAH AWAL AKTIVITI BERPERSATUAN DAN KEMUNCULAN AKTA PERTUBUHAN

Barangkali secara kebetulan atau memang seperti yang telah dirancang, atau mungkin juga lantaran arus dunia yang sedang menghala ke arah pemodenan pada abad ke-19, kita dapati setiap perubahan atau aktiviti bermula pada abad itu. Begitu jugalah halnya dengan aktiviti berpersatuan di Tanah Melayu. Bagaimanapun, aktiviti berpersatuan yang bermula pada abad ke-19 agak berlainan coraknya dengan yang muncul pada abad berikutnya. Berlainan di sini bermaksud berlainan dari segi nama dan fungsinya dalam masyarakat. Corak persatuan yang wujud pada abad ke-19 lebih cenderung kepada tujuan untuk menjaga kepentingan dan kebajikan puak atau kaum atau golongan tertentu sahaja. Corak ini sebenarnya menggambarkan persatuan-persatuan yang wujud di kalangan kaum imigran. Sememangnya satu hakikat yang tidak dapat dinafikan bahawa aktiviti berpersatuan bermula atau telah dipelopori oleh orang asing yang berhijrah ini terutama oleh masyarakat Cina kerana ia telah menjadi sebahagian daripada tradisi hidup mereka.

Walau bagaimanapun pernyataan ini bukanlah menunjukkan bahawa masyarakat Melayu tidak pernah berpersatuan atau tidak pandai berpersatuan tetapi ia tidak dapat dikesan kerana jika ada pun persatuan ia tidak didaftarkan secara rasmi lantaran tiada undang-undang yang menghendaki setiap persatuan didaftarkan secara rasmi sebelum kedatangan Inggeris. Keyakinan tentang adanya persatuan di kalangan masyarakat Melayu boleh kita buktikan dengan wujudnya persatuan kariah di setiap kampung, tetapi oleh kerana aktivitinya tidak meluas dan ia tidak didaftarkan maka sukarlah untuk dikesan pergerakan mereka. Begitu juga halnya dengan kegiatan perkumpulan agama yang merupakan satu perkara biasa khususnya bagi masyarakat Islam Pulau Pinang. Dan jika hendak diklasifikasikan pergerakan seumpama itu sebagai satu bentuk persatuan, ia agak sukar kerana sifatnya yang mengelirukan dan tidak begitu bertepatan dengan takrif persatuan sebaliknya lebih kepada pergerakan bercorak agama.

Apa pun, gerakan sosial masyarakat pendatang juga banyak yang tidak bersifat rasmi khususnya pada abad ke-19, tetapi dapat dikesan

sejarahnya hasil daripada tinggalan mereka dan juga kerana ia tercatat dalam rekod-rekod kerajaan Inggeris lantaran aktiviti-aktivitinya yang banyak melibatkan kerajaan Inggeris secara langsung. Malahan boleh dikatakan bahawa sejarah kewujudan akta pertubuhan di Malaysia berkait rapat dengan wujudnya persatuan-persatuan yang biasa dikenali sebagai kongsi gelap untuk persatuan berdasarkan kawasan tempat tinggal dan *huay kuan* untuk persatuan yang berdasarkan kelompok kekeluargaan yang wujud di kalangan masyarakat Cina.¹ Lebih daripada itu kita dapati bahawa kongsi-kongsi gelap ini ada yang berjaya menarik minat masyarakat Melayu untuk sama menyertainya. Antara kongsi gelap yang terkenal dengan penyertaan orang Melayu ialah yang dikenali sebagai Bendera Putih dan Bendera Merah yang wujud sejak abad ke-19 lagi di Pulau Pinang. Atas hakikat itulah maka tidak dapat tidak sejarah persatuan di Malaysia dimulai dengan perbincangan tentang kongsi-kongsi gelap yang menjadi sebahagian daripada budaya hidup masyarakat Cina hinggalah ketika berada di luar negara mereka pun, mereka masih tetap mengamalkannya.

Kongsi gelap Cina dikesan sejak awal abad ke-19 di Pulau Pinang seiring dengan banjiriran mereka pada abad tersebut. Pada abad itu telah wujud beberapa buah kongsi gelap ataupun *huay kuan*. Terdapat sembilan buah kongsi gelap yang juga disebut sebagai pakatan sulit (*secret societies*) yang wujud pada tahun 1829, iaitu Ghee Hin, Wah Sang, Choon Sin, Yeng San, Haoy San, Ho Seng, Yan Woh, Wye Chow dan Chong Chang. Namun begitu Victor Purcell menyebut bahawa hanya empat sahaja yang boleh dikatakan sebagai pertubuhan yang benar-benar memainkan peranan seperti kongsi gelap iaitu Ghee Hin, Wah Sang, Hoy San (Hai San) dan Ho Seng manakala persatuan lain iaitu Choon Sin, Yeng San, Yan Woh, Wye Chow dan Chong Chang adalah pertubuhan yang berdasarkan kedaerahan.² Maksudnya di sini, aktiviti kelima-lima persatuan ini tidak mencerminkan sebuah pakatan sulit. Walau apa pun tanggapan yang dibuat tentang pakatan sulit atau kongsi gelap ini yang pentingnya di sini, peranan persatuan atau pertubuhan sangat mustahak bagi masyarakat Cina kerana mereka berusaha untuk menubuhkan sebuah organisasi yang dapat menjaga kepentingan mereka di rantau orang.

Jika kita perhatikan fungsi pakatan sulit ini atau organisasi lainnya, ia memang benar-benar untuk menjaga kepentingan kaum yang mereka wakili. Kita pun sudah tahu bahawa di kalangan masyarakat Cina mereka mempunyai kelompok sendiri berdasarkan kawasan petempatan, bahasa yang mereka gunakan mahupun kelompok berdasarkan kekeluargaan. Maka sebab itu tidak hairanlah jika ada banyak pertubuhan yang berdasarkan daerah yang berbeza di negara China walaupun bahasa percakapan mereka sama. Contohnya, kumpulan Ghee Hin, Ho Seng dan Hai San adalah kumpulan masyarakat Kantonis manakala Wah Sang adalah terdiri daripada orang Hakka. Ada antara kumpulan-kumpulan ini kemudiannya bersatu membentuk sebuah pakatan sulit yang besar dan kuat. Contohnya apabila kumpulan Wah Sang dibubarkan dan ahli-ahlinya diserap ke dalam kumpulan Hai San dan kemudiannya kumpulan ini bersatu pula dengan pakatan sulit bernama Toh Peh Kong iaitu sebuah kumpulan yang muncul pada tahun 1844.³ Kumpulan ini kemudiannya menjadi sebuah kumpulan yang besar dan hebat malah digeruni kumpulan lain.

Walaupun kesemua pakatan ini adalah pakatan kaum Cina tetapi atas kepentingan untuk menjaga kebajikan kaum masing-masing, mereka tidak teragak-agak untuk bermusuh dan bergaduh antara satu sama lain. Mereka juga sanggup melakukan perbuatan-perbuatan jenayah seperti merompak, memeras ugut dan membunuh. Inilah yang menjadikan kumpulan kongsi gelap ini mendapat perhatian daripada kerajaan Inggeris. Dalam sejarah telah tercatat beberapa peristiwa kekacauan dan siri pergaduhan yang berlaku antara sesama kongsi gelap ini. Antara yang boleh disebutkan di sini ialah yang berlaku di Pulau Pinang pada tahun 1867 dan di Perak antara tahun 1862 hingga tahun 1873. Pergaduhan juga pernah berlaku di Melaka dan Singapura. Pergaduhan yang berlaku antara mereka bukanlah merupakan pergaduhan yang kecil tetapi besar hingga melibatkan kehilangan banyak nyawa bahkan ada yang disifatkan sebagai perang seperti yang berlaku di Perak antara kumpulan Ghee Hin dengan Hai San yang juga dikenali sebagai kumpulan Toh Peh Kong di Pulau Pinang. Pergaduhan itu dikenali dalam sejarah sebagai Perang Larut. Begitulah hebatnya aktiviti

pakatan-pakatan sulit ini hingga menimbulkan suasana yang tidak aman di negeri-negeri terbabit dan ia dikatakan menjadi salah satu sebab mengapa kerajaan Inggeris campur tangan dalam hal-ehwal politik negeri-negeri Melayu setelah sultan dan pembesarnya tidak berupaya mengawal keadaan.

Betapa besarnya pengaruh pakatan sulit ini boleh digambarkan dengan hakikat bahawa ia telah berjaya menarik minat sebahagian daripada orang Melayu khususnya di Pulau Pinang untuk menjadi ahli kumpulan berkenaan. Pernah dicatatkan bahawa pada awal dekad 1850-an terdapat seramai kira-kira dua ratus orang lelaki Melayu daripada sebuah kampung menjadi ahli kumpulan Ho Seng.⁴ Fenomena ini boleh memberi gambaran kepada kita bahawa masyarakat Melayu memang berminat menyertai persatuan lebih-lebih lagi jika persatuan itu mampu memberi perlindungan dan menjaga kepentingan mereka biarpun ia bukan daripada budaya hidup mereka. Maka kerana itulah agaknya persatuan yang bercorak kariah kampung tidak begitu digemari kerana dari satu segi ia tidak menjamin perlindungan harta benda dan nyawa untuk ahli-ahlinya kerana sifatnya yang sangat sederhana dan berdasarkan agama semata-mata. Namun ini hanyalah andaian semata-mata.

Dari segi organisasi kongsi gelap ini, memang agak sukar untuk diketahui kerana sifatnya sebagai sebuah pakatan sulit. Sesiapa yang menjadi ahlinya dikehendaki bersumpah mengaku taat setia dan tidak akan membocorkan rahsia organisasi dan kegiatan kumpulan yang disertainya. Ini memang tidak menghairankan kerana kebanyakan daripada kumpulan kongsi gelap ini terlibat dengan kegiatan jenayah seperti yang telah disebutkan tadi, jadi kegiatan mereka sentiasa menjadi intipan pihak polis. Bagaimanapun, sudah tentulah organisasi ini mempunyai struktur pentadbiran mereka sendiri yang tersusun dan diketuai oleh seseorang yang berpengaruh dan mampu mengendalikan sebuah persatuan yang mempunyai unsur jenayah. Boleh dikatakan bahawa peranan dan pengaruh kongsi gelap ini memang besar malahan ada di kalangan pembesar-pembesar Melayu yang sanggup menjalinkan hubungan dengan kongsi-kongsi gelap ini untuk kepentingan dan keselamatan perniagaan mereka khususnya walaupun tidak menjadi ahlinya secara rasmi.

Memandangkan keterlibatan secara meluas kongsi-kongsi gelap ini dengan kegiatan jenayah hingga mencetuskan suasana yang tidak aman, maka pihak Inggeris telah merangka satu undang-undang yang mewajibkan setiap persatuan atau pertubuhan didaftarkan pada tahun 1854 sebagai satu langkah untuk mengawal kegiatan kongsi-kongsi gelap ini secara tidak langsung. Undang-undang yang diaktakan di Singapura ini bertujuan untuk mendaftarkan kongsi-kongsi gelap di samping atas tujuan lain. Dengan adanya undang-undang ini mudahlah kerajaan Inggeris mengawal aktiviti setiap persatuan termasuk pakatan sulit ini walaupun pada peringkat awal kesannya tidak seberapa. Sekurang-kurangnya persatuan yang bergerak secara haram akan mudah dikenal pasti. Dengan ini bermulalah sejarah akta pertubuhan di Malaysia. Ini adalah kerana selepas penguatkuasaan akta tersebut, kerajaan Inggeris di Pulau Pinang terus merangka akta demi akta dengan tujuan mengawal kegiatan kongsi-kongsi gelap ini dan ia sampai ke kemuncaknya apabila Akta XX: (*An Act for the Better Preservation of the Peace*) dirangka selepas meletusnya rusuhan paling hebat antara kongsi gelap Ghee Hin dengan Toh Peh Kong pada tahun 1867 di Pulau Pinang. Akta ini telah menggariskan tujuh tujuan utamanya digubal iaitu:⁵

1. Membuat pendaftaran bagi semua persatuan.
2. Mengadakan tindakan pencegahan terhadap semua bentuk atau upacara sumpah persatuan (kongsi gelap).
3. Mendenda ketua kumpulan yang didapati bersalah.
4. Ketua sama sebagaimana pengikutnya adalah bertanggungjawab ke atas apa-apa kesalahan.
5. Denda yang berat dikenakan bagi sesiapa yang menggunakan kekerasan/paksaan atau ugutan ke atas orang lain.
6. Denda yang berat dikenakan bagi sesiapa yang memaksa seseorang lain menganggotai sesebuah persatuan (kongsi gelap).
7. Peluang terjadinya konflik perlu diminimumkan dengan mencegah *public processions* atau "perarakan awam" daripada diadakan.

Jelas sekali akta yang digubal ini adalah bertujuan untuk mengawal aktiviti kongsi gelap khususnya dan seterusnya menjaga ketenteraman awam. Bagaimanapun kita dapat lihat di sini bahawa aktiviti berpersatuan tidak mendapat apa-apa bantahan ataupun halangan daripada pihak Inggeris. Lebih-lebih lagi kerajaan Inggeris memang sedar tentang budaya hidup masyarakat Cina yang bergantung kepada persatuan berbentuk kongsi gelap ini. Dengan situasi ini aktiviti berpersatuan terus berkembang dan bertukar corak dan fungsinya memasuki abad ke-20.

Undang-undang yang digubal khusus untuk mengendalikan persatuan-persatuan yang ingin ditubuhkan sentiasa disemak dan dipinda mengikut keperluan semasa. Akhirnya pada tahun 1889 kerajaan Inggeris telah mengemukakan satu lagi ordinan yang dinamakan *The Societies Ordinance 1889* yang menghendaki semua persatuan tanpa mengira bentuk dan corak mendaftar dengan kerajaan. Ordinan yang bermula di Negeri-Negeri Selat ini kemudiannya dikuatkuasakan secara berperingkat-peringkat ke negeri-negeri Melayu yang lain. Sejak adanya ordinan ini, segala kegiatan persatuan dapat dikawal dengan lebih baik. Ordinan ini terus dikekalkan sehingga ke hari ini dengan beberapa pindaan di sana sini mengikut keperluan semasa. Contohnya ordinan ini telah dipinda pada tahun 1951 bagi memberi kuasa kepada Pendaftar Pertubuhan untuk menolak permohonan mana-mana pertubuhan yang mempunyai hubungan dengan mana-mana parti politik di luar negara.⁶ Pindaan demi pindaan itu akhirnya membuahkan sebuah akta baru pada tahun 1966 yang dikenali sebagai Akta Pertubuhan 1966. Akta ini kemudiannya mengalami pindaan lagi pada tahun 1981 menjadi Akta Pertubuhan (pindaan) 1981 dan ia berkuatkuasa sehingga ke hari ini.

Berbalik kepada aktiviti berpersatuan ini tadi, sayugia diingatkan di sini bahawa pada abad ke-19 aktiviti berpersatuan bukan hanya terhad pada aktiviti kongsi gelap Cina semata-mata tetapi juga telah wujud beberapa persatuan yang lebih bercorak sederhana. Konsepnya masih sama iaitu untuk melindungi kepentingan dan menjaga kebajikan satu-satu kelompok yang diwakilinya. Antara persatuan yang boleh disebutkan di sini sebagai contoh ialah *Penang Straits*

Chinese British Associations yang ditubuhkan pada tahun 1898 di Pulau Pinang. Persatuan ini dianggotai oleh masyarakat Cina yang tinggal di Negeri-Negeri Selat terutamanya yang berpendidikan Inggeris. Tujuan persatuan ini ditubuhkan adalah untuk memperingkatkan pendidikan tinggi dan teknikal di kalangan masyarakat Cina di negeri berkenaan. Dengan sifatnya yang sangat sederhana persatuan ini mendapat sokongan baik daripada kerajaan Inggeris berbanding kongsi gelap. Bentuk persatuan lain yang wujud ialah *Trade Guilds* iaitu persatuan yang lebih mirip kepada kesatuan sekerja tetapi lebih kecil keanggotaannya di samping hanya terhad untuk satu-satu jenis pekerjaan sahaja. *Trade Guilds* ini berfungsi untuk menjaga kebajikan ahli-ahlinya daripada saingan peniaga-peniaga lain. Apa pun keadaannya, sekali lagi kita lihat di sini masyarakat Cinalah yang nampaknya begitu aktif berpersatuan berbanding kaum lain.

Kegiatan berpersatuan di kalangan masyarakat Melayu memang agak kabur meskipun dikatakan bahawa sejak sebelum abad ke-20 lagi masyarakat Melayu "telah membuktikan bahawa mereka mengerti dan faham bagaimana hendak bergiat dalam pertubuhan-pertubuhan sungguhpun rata-rata orang Melayu itu bertapak di desa lebih ramai daripada mereka yang berada di bandar-bandar".⁷ Dikatakan juga bahawa di Johor telah ditubuhkan sebuah pakatan yang berbentuk persatuan yang diberi nama Pakatan Belajar dan Mengajar Pengetahuan Bahasa sementara di Singapura pula telah muncul Persatuan Adab dan pertubuhan-pertubuhan kebajikan, sukan dan pelajaran.⁸ Bagaimanapun, amat malang sekali kerana tiada maklumat lanjut yang boleh diketengahkan berhubung dengan kedua-dua persatuan sama ada dari segi aktivitinya mahupun keahliannya. Satu perkara yang boleh dikatakan ialah bahawa kedua-dua persatuan ini nampaknya hanya menitikberatkan soal bahasa, pengetahuan, kebajikan dan sukan sahaja. Biarpun begitu yang pentingnya di sini, kesedaran ke arah berpersatuan telah wujud di kalangan masyarakat Melayu dan ini sesuai dengan peribahasa bersatu teguh, bercerai roboh.

AKTIVITI BERPERSATUAN ABAD KE-20

Menjelang abad ke-20, aktiviti berpersatuan menjadi lebih aktif lebih-lebih lagi pada persatuan bercorak sederhana dan disenangi oleh pihak Inggeris. Pada abad ini aktiviti berpersatuan tidak lagi tertumpu hanya kepada masyarakat Cina, sebaliknya semua kaum yang tinggal di Tanah Melayu telah bergerak aktif. Walau bagaimanapun, bentuk persatuan yang wujud itu masih lagi bersifat perkauman dengan mengutamakan kaum masing-masing sahaja. Kita dapati kerajaan Inggeris sendiri begitu menggalakkan anak jajahannya tanpa mengira kaum melibatkan diri secara aktif dalam persatuan yang sederhana, barangkali ini untuk mengelakkan mereka terlibat dalam kegiatan yang tidak sihat yang boleh menggugat kerajaan Inggeris itu sendiri. Dorongan ini nampaknya telah menggalakkan lahirnya banyak persatuan dalam pelbagai bentuk dan corak. Ada persatuan bercorak agama, pasukan sukarela, kepanduan, sukan, wanita dan lain-lain yang boleh dikatakan berasal atau bermula dari England dan Eropah.

Manifestasi daripada galakan demi galakan daripada kerajaan Inggeris itu maka lahirlah persatuan *Young Men Christian Association* (YMCA) pada tahun 1905 diikuti oleh persatuan sukarelawan St. John Ambulance pada tahun 1908. Dua tahun kemudiannya muncul pula pasukan Pengakap yang pertama dan diikuti oleh pasukan Pandu Puteri pada 1917.⁹ Jika kita perhatikan kepada nama-nama persatuan yang muncul ini, kesemuanya berasal dari England atau Eropah dan ia merupakan pertubuhan sosial yang berkisar pada soal agama dan kebajikan. Apabila dikatakan ia berasal daripada kedua-dua tempat itu maka sudah tentulah pula ia diperkenalkan di Tanah Melayu oleh orang yang juga berasal dari sana. Apa pun coraknya dan dari mana pun datangnya, yang penting aktiviti berpersatuan di Tanah Melayu pada abad ke-20 lebih menjurus kepada pergerakan-pergerakan sosial dan kemasyarakatan yang memang digemari dan digalakkan oleh kerajaan Inggeris. Secara tidak langsung situasi ini menggambarkan bahawa kerajaan Inggerislah yang telah mencorakkan rupa bentuk persatuan yang wujud ketika itu. Bagaimanapun, bagi pertubuhan yang melibatkan masyarakat Melayu ia lebih cenderung ke arah politik dalam masa

jangka panjang. Dalam masa yang sama kita tidak boleh menafikan terus kewujudan kongsi-kongsi gelap Cina kerana adalah dipercayai bahawa ia terus wujud dan bergerak secara rahsia.

PERGERAKAN BELIA

Sejarah berpersatuan pada abad ke-20 dipercayai bermula dengan pergerakan belia yang ditandai dengan penubuhan YMCA kerana adalah jelas bahawa walaupun ia adalah sebuah pertubuhan agama ia boleh diiktiraf sebagai sebuah pertubuhan belia kerana keahliannya adalah di kalangan para belia beragama Kristian. Satu perkara penting lagi didapati bahawa meskipun YMCA adalah pertubuhan bercorak agama yang mementingkan penyebaran agama Kristian di kalangan penduduk Tanah Melayu sebagai agenda utama mereka, tetapi banyak juga daripada aktiviti-aktiviti persatuan ini yang terarah kepada hal-hal sosial lain seperti memperluaskan sistem pendidikan Inggeris, menjalankan kegiatan sukan bagi YMCA sendiri. Terdapat juga kegiatan-kegiatan seperti kelas-kelas tarian, kelas memasak dan sebagainya yang berbentuk aktiviti kebajikan yang dikendalikan oleh *Young Women Christian Association* (YWCA) iaitu sebuah pertubuhan khas untuk belia wanita Kristian yang ditubuhkan pada tahun 1914. Aktiviti-aktiviti seperti ini dipercayai mampu menjadi daya penarik kepada orang luar untuk menyertai persatuan mereka di samping mengeratkan lagi hubungan antara sesama ahli.

Persatuan-persatuan ini dapat bergerak dengan aktif kerana ia mendapat sokongan yang baik daripada pegawai-pegawai Inggeris yang kebanyakannya beragama Kristian. YMCA dan YWCA bukan sahaja mendapat sokongan moral tetapi juga mendapat bantuan kewangan daripada kerajaan Inggeris untuk menjalankan aktiviti-aktiviti mereka. Sebagai contohnya pada tahun 1907 YMCA telah mendapat sejumlah tiga ribu ringgit daripada kerajaan yang kemudiannya ditambah menjadi lima ribu ringgit sepuluh tahun berikutnya.¹⁰ Keadaan kewangan persatuan itu bertambah mantap dengan adanya derma-derma daripada orang perseorangan. Sayugia disebutkan di sini bahawa dengan bentuk dan coraknya yang

sebegitu, persatuan ini berjaya menarik minat kalangan pegawai-pegawai Inggeris dan para isteri mereka yang sedia dimaklumi mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh. Persatuan-persatuan ini menjadi tempat untuk mereka menghabiskan masa lapang dengan aktiviti-aktiviti yang diadakan. Untuk itu mereka tidak lokek untuk menghulurkan bantuan dalam bentuk wang ringgit. Jadi tidak hairanlah jika dikatakan bahawa kedua-dua persatuan berkenaan mampu hidup dan bergerak atas sokongan padu daripada ahli-ahlinya kerana keutuhan sesebuah persatuan bergantung kepada sokongan ahli-ahlinya sama ada dari segi sokongan moral mahupun kewangan.

Aktiviti penyebaran agama oleh YMCA dan YWCA di kalangan masyarakat Cina dan India membuahkan hasil yang baik dan terbukti melalui bertambahnya jumlah penganut agama itu di kalangan kedua-dua kaum berkenaan. Kejayaan ini mendorong munculnya dua buah pertubuhan yang menyerupai YMCA iaitu *Young Men's Indian Association* dan *Chinese Young Men Christian Association* yang ditubuhkan pada tahun 1927. Kedua-dua pertubuhan ini menyerupai YMCA dari segi format dan rangka kerjanya. Dengan adanya pertubuhan-pertubuhan ini maka lebih mudahlah bagi mereka untuk terus menjalankan aktiviti dakwah di kalangan kaum yang diwakilinya. Secara tidak langsung pergerakan belia berasaskan agama telah pun wujud di kalangan kedua-dua kaum itu.

Ketandusan pergerakan belia di kalangan masyarakat Melayu tidak lama kerana pada tahun 1916 di Johor Bahru telah wujud sebuah persatuan yang boleh dikategorikan sebagai persatuan belia berdasarkan namanya iaitu Persekutuan Keharapan Belia. Malangnya sekali lagi tidak ada maklumat lanjut tentang persatuan ini. Sebelas tahun kemudiannya iaitu pada tahun 1927 ditubuhkan pula sebuah kelab belia yang diberi nama *New Club*. Ia ditubuhkan di Pasir Putih Kelantan. Matlamat kelab ini ialah untuk menggalakkan pemuda-pemuda setempat bergiat dalam bidang penulisan dan kebudayaan. Kelab ini turut menerbitkan sebuah majalah yang diberi nama *Terot*. Bagaimanapun kelab ini dianggap tidak begitu penting¹¹ kerana bentuk dan coraknya yang sangat terhad juga

kerana keahliannya yang tidak ramai serta peranannya yang tidak meluas. Selepas kemunculan kelab ini, muncul pula sebuah kelab lain juga di Kelantan yang diberi nama Putera Club. Ia ditubuhkan pada tahun 1928. Kelab ini diusahakan penubuhannya oleh dua orang belia dari Kelantan iaitu Asaad Shukri Haji Muda dan Abdul Kadir Adabi. Kelab ini juga menerbitkan majalahnya sendiri yang diberi nama *Putera*. Tidakkah begitu pasti arah dan aliran kelab ini tetapi apa yang jelas ahli kelab ini giat menulis rencana-rencana yang bercorak semasa dan agak sensitif lebih-lebih lagi apabila dikaitkan dengan keadaan masyarakat Melayu yang lemah dan terkebelakang berbanding kaum lain. Akibatnya majalah *Putera* yang menjadi medan penulisan mereka telah ditahan penerbitannya. Ini menunjukkan bahawa Putera Club ini cenderung kepada hal-hal politik dan sosial semasa masyarakat Melayu.

Sudah semacam menjadi satu trend atau kelaziman apabila muncul satu atau dua persatuan/kelab maka akan muncul pula yang lain. Pada tahun 1931 muncul sebuah lagi persatuan belia bernama Setiawan Belia. Persatuan ini juga lahir di negeri Kelantan.¹² Empat orang belia Melayu yang dikenal pasti sebagai penggerak utama kepada penubuhan persatuan ini ialah Asaad Shukri, Abdul Kadir Adabi, Nik Yusuf Hilmi dan Hassan Fikri. Dua daripada mereka nampaknya memang pernah terlibat dengan penubuhan kelab sebelum ini. Oleh yang demikian, tidak hairanlah jika dikatakan bahawa persatuan ini mempunyai nafas yang sama dengan Kelab Putera yang disifatkan sebagai sebuah pertubuhan berbau politik. Sebenarnya nasib yang dialami oleh Kelab Putera turut juga dirasakan oleh Setiawan Belia apabila pertubuhan itu dituduh radikal menyebabkan beberapa orang pemimpinnya pernah ditahan oleh pihak kerajaan.

Corak dan arah aliran persatuan ini agak kabur begitu juga aktivitiinya, tetapi dicatatkan bahawa antara aktivitiinya ialah dalam projek-projek persuratan dan kebudayaan.¹³ Walau bagaimanapun, sebelum sempat aktiviti-aktiviti itu dijalankan, ia telah menghadapi tindakan daripada kerajaan kerana disyaki sebagai sebuah gerakan politik bawah tanah. Dalam keadaan yang sedemikian rupa, sukarlah bagi persatuan ini untuk bergerak dan menjalankan aktivitiinya

meskipun aktiviti-aktivitinya hanya berlegar dalam hal-hal persuratan dan kebudayaan sahaja. Namun begitu, memang tidak boleh dinafikan bahawa sejauh ini persatuan-persatuan belia yang wujud di kalangan belia Melayu cenderung kepada permasalahan semasa masyarakat Melayu yang disifatkan sebagai sebuah masyarakat yang tertinggal dan tertindas akibat dasar kerajaan kolonial. Kerana itulah hasil tulisan mereka yang disiarkan dalam majalah dan akhbar tempatan lebih tertumpu kepada hal-hal yang seperti itu. Ini tentunya mengundang rasa tidak senang di kalangan pihak pemerintah. Bagaimanapun, persatuan ini tetap wujud dan berubah pula namanya menjadi Persekutuan Setiawan Belia.

Pada tahun 1929 muncul sebuah persatuan baru yang diberi nama Ikatan Pemuda Pelajar yang ditubuhkan atas inisiatif Ibrahim Hj. Yaakob dan beliau mengetuainya sendiri. Persatuan ini ditubuhkan untuk pelajar-pelajar Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC). Menurut Hussein Mohamed dengan tertubuhnya persatuan ini ia menjadi satu lagi gelanggang untuk belia-belia Melayu bergerak aktif dalam pergerakan sosial dan politik Melayu. Tanggapan ini adalah sesuatu yang tidak menghairankan kerana penggerak utama persatuan ini memang dikenali sebagai seorang aktivis politik yang radikal kemudiannya melalui Kesatuan Melayu Muda (KMM) yang ditubuhkan pada tahun 1936. Walaupun tidak dapat dijelaskan tentang aktiviti dan falsafah serta matlamat persatuan Ikatan Pemuda Pelajar ini tetapi tentunya ia berkaitan dengan aktiviti mereka sebagai pelajar maktab perguruan Melayu yang sedar tentang suasana sosial masyarakat Melayu pada waktu itu yang mundur dalam pelbagai aspek hidup.

Dalam keadaan seperti ini boleh dikatakan bahawa di kalangan masyarakat Melayu belum wujud sebuah persatuan belia yang benar-benar bercorak persatuan belia yang memperjuangkan isu-isu sosial dan kebajikan masyarakat Melayu. Persatuan yang wujud seperti Setiawan Belia dan Kelab Putera walaupun pada asasnya bertitik tolak kepada isu-isu sosial masyarakat Melayu, tetapi apabila isu-isu berkenaan menyentuh tentang nasib dan masalah yang menimpa masyarakat Melayu, ia terarah menjadi isu politik dan kerajaan Inggeris juga menganggapnya demikian walaupun tiada kritikan

jelas yang ditujukan kepada mereka. Lantaran itulah persatuan ini tidak dapat bergerak secara aktif akibat kecurigaan yang timbul pada pegawai pemerintah terhadap dasar dan tujuan pertubuhan berkenaan. Kecurigaan ini bertambah lagi terhadap pertubuhan belia yang bermotifkan politik seperti Kesatuan Melayu Muda. Walaupun telah muncul beberapa buah persatuan belia khususnya di kalangan masyarakat Melayu seperti yang telah disebutkan tadi, tetapi bilangannya masih terlalu kecil dan terhad. Ketandusan persatuan belia ini berterusan sehingga meletusnya perang pada tahun 1941.

Selepas perang didapati persatuan bercorak belia mula dikembangkan semula dalam erti kata yang sebenarnya. Pada tahun 1948 telah ditubuhkan sebuah pertubuhan yang penting dan kekal hingga ke hari ini iaitu Gabungan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung (GPMS). GPMS ini asalnya ialah sebuah kesatuan pelajar di Victoria Institution yang kemudiannya dikembangkan lagi menjadi Kesatuan Persuratan Penuntut-penuntut Melayu Kuala Lumpur pada tahun 1946. Kesatuan ini terus dikembangkan kepada Kesatuan Penuntut Melayu Selangor setahun selepas itu sebelum menjelma menjadi GPMS. Tumpuan kesatuan ini adalah lebih kepada perjuangan bertemakan pendidikan sesuai dengan keahliannya yang terhad kepada pelajar sahaja. Sesuai dengan status dan fungsinya sebagai sebuah persatuan gabungan, banyaklah persatuan-persatuan penuntut negeri berada di bawah naungannya. Dari segi aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan, tiada maklumat yang dapat dikedengahkan. Namun begitu adalah dipercayai bahawa GPMS merupakan sebuah pertubuhan yang aktif dan penuh dengan aktiviti-aktiviti yang bersesuaian dengan sifatnya.

Selain daripada GPMS, terdapat banyak lagi pertubuhan-pertubuhan belia yang telah ditubuhkan di serata tempat tanpa mengira sama ada ia bercorak kedaerahan, kenegerian atau kebangsaan. Betapa banyaknya persatuan-persatuan belia yang muncul tergambar apabila kerajaan Inggeris mengambil keputusan merestui pembentukan sebuah majlis belia bagi menyelaraskan pertubuhan-pertubuhan belia yang wujud. Majlis yang ditubuhkan di Pulau Pinang pada September 1950 itu diberi nama Majlis Belia Malaysia (MBM). Penglibatan kerajaan dalam hal-ehwal pertubuhan belia

ini lebih terserlah dengan penubuhan Persatuan Kelab-kelab Belia Malaya (MAYC) pada Januari 1954. Persatuan ini berfungsi mengumpulkan kelab-kelab belia seluruh Malaya bersatu di bawahnya sebagai ahli. Kelihatan di sini bahawa kerajaan berhasrat untuk menjadikan kelab-kelab belia yang banyak di serata tempat menjadi lebih bersifat kebangsaan apabila disatukan di bawah satu persatuan. Atau barangkali juga untuk memudahkan mereka mengawasi pergerakan dan aktiviti kelab-kelab belia berkenaan kerana pada waktu-waktu itu perjuangan ke arah kemerdekaan sedang rancak membara di kalangan rakyat terutama orang Melayu. Bagaimanapun, dikatakan bahawa kebanyakan kelab-kelab belia yang ada pada waktu itu hanya menumpukan perhatian kepada kegiatan sukan, kebudayaan dan seni tari dalam aktiviti-aktiviti mereka.

PERSATUAN WANITA

Tumbuhnya pergerakan atau persatuan di kalangan kaum wanita adalah seiring dengan majunya mereka dalam bidang pelajaran. Ramai yang mendapat pendidikan mulai sedar tentang perlunya mereka mempunyai persatuan untuk bergerak dan menyumbang bakti kepada masyarakat seperti kaum lelaki. Sehubungan dengan itu lahirlah YWCA untuk bersaing dengan YMCA. YWCA boleh diiktiraf sebagai persatuan wanita yang pertama lahir dalam sejarah pergerakan wanita Malaysia biarpun ia diusahakan oleh wanita kaum pendatang dan bukan anak tempatan. Tetapi kemudiannya persatuan ini berusaha untuk cuba memikat wanita daripada masyarakat tempatan khususnya wanita Melayu untuk menyertai mereka sebagai ahli dan turut sama menyertai aktiviti-aktiviti anjuran mereka selain daripada matlamat dakwah mereka.

Wujudnya persatuan seperti YWCA ini sedikit sebanyak telah membuka minda wanita Melayu yang berpendidikan khususnya untuk berusaha menubuhkan persatuan yang serupa di kalangan mereka. Hasilnya, muncullah persatuan wanita yang pertama di kalangan mereka iaitu Kesatuan Guru-guru Perempuan Melayu (*Malay Women Teachers Union*) yang diasaskan oleh Hajah Zain binti Suleiman (Ibu Zain) pada tahun 1929 di Johor. Sesuai dengan nama dan keahliannya, kesatuan ini mempunyai matlamat:

*to improve the knowledge of its members, to bring closer the ties of friendship between its members, and to protect the religion and self-respect of its members.*¹⁴

Kemudian, persatuan yang agak serupa muncul di Melaka pada tahun 1938. Sekurang-kurangnya dengan adanya persatuan-persatuan ini, kaum wanita berkenaan mempunyai ruang untuk menjalankan aktiviti mereka.

Sejak itu persatuan wanita tumbuh agak giat dalam pelbagai bentuk dan coraknya, kalaupun ia tidak ditubuhkan sebagai sebuah persatuan tersendiri, ia wujud sebagai satu bahagian daripada persatuan besar lain. Situasi ini boleh kita lihat pada Kesatuan Melayu Singapura yang menubuhkan bahagian wanitanya pada tahun 1940 dan diikuti oleh Kesatuan Melayu Negeri Sembilan. Pada tahun yang sama juga telah ditubuhkan Persatuan Wanita Melayu Johor (*Malay Ladies Associations*) yang menumpukan perhatian pada aktiviti-aktiviti seperti kelas masak-memasak dan kelas menjahit. Namun begitu ada juga pergerakan wanita yang bergiat cergas dalam aktiviti-aktiviti sukarelawan khususnya ketika perang dunia apabila ada antara persatuan wanita yang membantu tentera British yang sedang berperang dengan tentera Jepun dari segi keperluan perubatan dan pakaian. Daripada maklumat ini kita boleh katakan bahawa persatuan-persatuan wanita yang terlibat dengan aktiviti seperti ini adalah persatuan yang menunjukkan sikap berbaik-baik dengan kerajaan Inggeris malah lebih daripada itu sebenarnya ada antara persatuan ini yang diterajui oleh isteri-isteri pegawai Inggeris.

Boleh dikatakan bahawa pergerakan wanita melalui persatuan dan kelab agak lewat tumbuh dan hanya giat pada akhir-akhir dekad 30-an dan awal dekad 40-an. Pertumbuhan ini terbantut apabila perang meletus. Hanya selepas berakhirnya perang barulah pergerakan wanita dapat bernafas semula. Ketika itu persatuan yang wujud tidak terbatas kepada satu-satu kaum atau golongan sahaja seperti yang berlaku sebelum perang dahulu dan ia juga tidak terbatas kepada persatuan-persatuan bercorak sosial sahaja malah

buat pertama kalinya telah wujud satu gerakan politik melalui sebuah persatuan iaitu Angkatan Wanita Sedar (AWAS) salah satu daripada parti komponen Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) yang berhaluan kiri.

Kegiatan wanita dalam persatuan bercorak sosial selepas perang masih lagi dipelopori oleh wanita asing sama ada wanita kaum pendatang atau isteri-isteri pegawai Inggeris. Seterusnya atas usaha wanita kaum pendatang (Cina), Kesatuan Wanita (*Women's Union*) telah ditubuhkan pada Disember 1945 yang keahliannya walaupun terbuka untuk semua kaum tetapi didominasi oleh kaum wanita Cina. Kesatuan ini menitikberatkan tentang masalah sosial yang muncul di kalangan kaum wanita seperti masalah pelacuran dan juga pendidikan untuk wanita. Sebulan kemudian ditubuhkan pula Persatuan Wanita Pulau Pinang (*Penang Women's Associations*) yang menitikberatkan soal pendidikan untuk kaum wanita. Tahun-tahun berikutnya muncul beberapa lagi persatuan wanita yang kebanyakannya diusahakan oleh wanita Cina. Di kalangan wanita India, mereka tidak ketinggalan untuk turut sama bergiat dalam persatuan. Pada April 1946 terdapat sebuah persatuan yang aktif iaitu *Indian Women's Association* (Persatuan Wanita India). Malangnya tidak dapat dikesan siapakah pendukung kepada gerakan-gerakan ini. Manakala persatuan yang diterajui oleh isteri-isteri pegawai Inggeris pula boleh dilihat pada usaha yang dilakukan oleh Lady Gent yang menubuhkan *Women's Service League* (Liga Perkhidmatan Wanita) pada Oktober 1946. Pertubuhan ini terlibat dengan kerja-kerja membaik pulih keadaan sosial masyarakat Malaysia secara keseluruhannya selepas mengalami peperangan.¹⁵ Keahliannya yang meliputi isteri-isteri pegawai kerajaan tanpa mengira kaum di seluruh negeri, memudahkan kegiatan yang berbentuk kebajikan ini dijalankan.

Pergerakan wanita Melayu melalui persatuan selepas Perang Dunia Kedua nampaknya tidak begitu memberangsangkan lebih-lebih lagi bagi wanita yang tinggal di Semenanjung. Tidak ada catatan tentang penubuhan mana-mana persatuan wanita yang baru sehingga memasuki dekad 50-an kecuali AWAS. Namun begitu bagi

wanita Melayu yang tinggal di Singapura, mereka begitu giat menubuhkan beberapa badan kebajikan wanita. Contoh yang boleh diambil ialah pertubuhan *Malay Womens Welfare Association* (Persatuan Kebajikan Wanita Melayu) yang ditubuhkan pada Oktober 1947 yang diketuai oleh Zahara binti Mohamed Noor. Ini diikuti dengan penubuhan dua buah lagi persatuan yang diusahakan oleh Khadijah binti Mohamed Sidek iaitu Persatuan Kaum Ibu Singapura dan Himpunan Kebajikan Wanita Indonesia Malaya (*Indonesian and Malayan Womens Welfare Association*). Kedua-dua persatuan ini menitikberatkan soal kebajikan kaum wanita dan sering menganjurkan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan dunia wanita.

Walaupun dikatakan bahawa tiada catatan tentang penubuhan persatuan wanita yang baru di Semenanjung, tetapi tidak dinafikan bahawa ada perkembangan yang memberangsangkan pada persatuan yang telah muncul sebelum perang dahulu. Ini terjadi contohnya pada Persatuan Kaum Ibu Selangor yang muncul pada tahun 1945. Persatuan ini berasaskan kepada persatuan wanita yang muncul pada tahun 1940. Persatuan inilah yang kemudiannya berkembang membentuk Persatuan Kaum Ibu UMNO, iaitu salah satu bahagian pertubuhan terbesar orang Melayu. Ini menunjukkan bahawa persatuan kaum ibu berkenaan cenderung kepada hal-ehwal politik biarpun ia tidak seaktif pertubuhan UMNO itu sendiri. Kecenderungan ini bertepatan dengan keahlian kumpulan ini yang rata-ratanya terdiri daripada isteri-isteri orang Melayu yang berkhidmat sebagai kakitangan kerajaan. Apabila suami-suami mereka terlibat dalam persatuan bercorak politik seperti UMNO maka mereka terdorong untuk melibatkan diri sama melalui persatuan kaum ibu. Oleh yang demikian, dapatlah dikatakan bahawa keahlian persatuan wanita ini sangat terbatas dan terhad pada batas status dan pekerjaan suami-suami mereka. Dengan kata lain, wanita yang tinggal di kawasan luar bandar dan mempunyai suami yang bukan kakitangan kerajaan mempunyai peluang yang sangat tipis untuk aktif dalam persatuan-persatuan sosial seperti ini, apatah lagi kalau mereka tidak berpendidikan langsung.

PERSATUAN-PERSATUAN LAIN

Selain daripada persatuan belia dan wanita, terdapat lagi beberapa jenis persatuan yang muncul di kalangan masyarakat Malaysia sebelum dan selepas perang. Persatuan-persatuan itu ada yang bercorak umum seperti persatuan kebajikan dan ada juga yang bersifat khusus yakni cenderung kepada satu-satu perkara misalnya kesatuan sekerja yang khusus untuk pekerja kelab sukan yang lebih tertumpu kepada kegiatan sukan dan kelab kebudayaan yang lebih menumpukan perhatian pada hal-ehwal seni budaya. Persatuan atau kelab sukan dan kebudayaan seperti persatuan bola sepak, tenis, catur dan kriket telah wujud sejak awal abad ke-20. Kebanyakan mereka yang menjadi ahli kelab-kelab sukan ini adalah daripada golongan aristokrat Melayu dan pegawai-pegawai kerajaan sahaja.

Seperti yang telah disebutkan pada awal perbincangan ini tadi, memasuki abad baru, kaum pendatang masih lagi mendahului penduduk peribumi dalam aktiviti berpersatuan, maka di sini perbincangan akan dimulakan dengan persatuan-persatuan yang wujud di kalangan mereka dengan mengambil kira dari sudut kronologi peristiwa. Imigran Cina yang memang telah biasa dengan fenomena persatuan ini seakan tidak dapat memisahkan diri dengannya. Jika diperhatikan kembali kepada perbincangan tentang persatuan belia dan wanita, merekalah yang mendahului kaum lain. Begitu jugalah dalam persatuan-persatuan yang bercorak umum ini. Kesatuan sekerja misalnya hanya mula diperkenalkan kepada masyarakat Melayu dengan kehadiran kaum imigran ini. Ia bermula dengan kesatuan-kesatuan sekerja yang kecil sejak abad ke-19 lagi dan kemudiannya berkembang menjadi kesatuan sekerja yang lebih besar dan bercorak umum yang muncul pada tahun-tahun 1920-an. Umum di sini bermaksud kesatuan yang merangkumi semua jenis pekerjaan.

Suasana dan keperluan pembelaan sebagai buruh yang mencabar telah mendorong buruh-buruh ini menubuhkan kesatuan sekerja dan mungkin juga bagi menggantikan tempat kongsi-kongsi gelap yang tidak jauh berbeza peranannya tetapi tidak disukai oleh kerajaan Inggeris. Perkembangan kesatuan-kesatuan sekerja dan keberkesanannya dalam membela nasib para buruh Cina telah

menarik buruh-buruh India untuk turut sama menubuhkan kesatuan sekerja mereka juga. Melalui kesatuan-kesatuan sekerja inilah lahirnya kesatuan-kesatuan sekerja yang lebih besar seperti *Pan Malayan General Labour Union* (PMGLU), *Malayan Trades Union Congress* (MTUC), *Pan Malayan Federations of Trades Union* (PMFTU) dan Kongres Kesatuan Pekerja dalam Perkhidmatan awam (CUEPACS). Ada antara kesatuan-kesatuan sekerja ini bersifat radikal dalam falsafah perjuangannya menuntut kebajikan para pekerja yang menjadi ahlinya. Biasanya mereka akan melancarkan mogok umum yang akhirnya mencetuskan rusuhan. Kesatuan-kesatuan sekerja seperti PMGLU dan PMFTU ini sering dikaitkan dengan komunis (PKM) dan akhirnya diharamkan pada tahun 1948 apabila darurat meletus. Hanya kesatuan sekerja yang bersifat sederhana sahaja yang dibenarkan bergerak seperti MTUC dan CUEPACS yang masih bergerak sehingga ke hari ini.

Bagi masyarakat India pula, secara umumnya aktiviti persatuan yang wujud di kalangan mereka lebih kepada persatuan bercorak agama dan kasta serta kebudayaan. Ini agak berbeza dengan persatuan di kalangan masyarakat Cina yang lebih berasaskan daerah dan dialek pertuturan mereka. Bagaimanapun, maklumat dan sumber tentang penubuhan, perkembangan dan kegiatan pertubuhan-pertubuhan di kalangan masyarakat India sebelum perang sangat terbatas, samalah seperti masyarakat Melayu. Cuma pernah dicatatkan bahawa terdapat beberapa buah pertubuhan sosial di kalangan masyarakat India di serata negeri, antaranya ialah *Panthar Sangam*, *Sanathana Sabha* (Hindu Konservatif), *Selangor Maruthu War Sangam*, *Adi Dravida Sangam*, *Nadar Paripalana Sangam* (Pelindung Kaum Nadar), *Indian Reading Room*, *Young Men's Indian Association* (YMIA) yang ditubuhkan oleh M. K. Ramachandran seorang pekerja dan reformis sosial, *Indian Printers Association*, *Indian Coastal Association* dan *Selangor Indian Association*.¹⁰ Persatuan-persatuan ini dipercayai telah ditubuhkan dalam abad ke-20 ini.

Lima persatuan pertama daripada senarai di atas dipercayai persatuan yang berasaskan kepada agama dan kasta. Contohnya *Adi Dravida Sangam* yang juga ditubuhkan oleh M. K. Rama-

chandran adalah bertujuan menjaga dan memperjuangkan nasib kasta terendah yang dikenali sebagai kasta Harijans (*untouchables*).¹⁷ Manakala lima persatuan selepasnya pula adalah dipercayai pertubuhan sosial yang bercorak umum dan cenderung kepada memperjuangkan kebajikan kaum India secara keseluruhannya. Persatuan yang bercorak seperti ini yang kemudiannya cenderung ke arah politik terus mendapat tempat dengan munculnya *Malayan Indian Association* pada tahun 1932. Persatuan ini ditubuhkan atas daya usaha G. V. Thaver. Ini merupakan persatuan terawal yang melibatkan keahlian yang tidak terbatas kepada keturunan dan daerah mahupun negeri. Yang lebih menariknya berkenaan persatuan ini ialah dari segi matlamat ia ditubuhkan iaitu untuk menjaga kebajikan kaum India Tanah Melayu dalam menghadapi persaingan dengan kaum India dari India.¹⁸ Jelas di sini menunjukkan bahawa kaum India yang telah tinggal lama di Tanah Melayu mula merasakan bahawa kehadiran kaum yang sama bangsa dengan mereka dari negara asal mereka telah menimbulkan ancaman pada kebajikan mereka di Tanah Melayu. Barangkali juga mereka telah mula merasakan bahawa Tanah Melayu adalah tempat tinggal mereka kini dan kesetiaan mereka tertumpah di negeri ini, bukan lagi India. Apa pun, yang pentingnya di sini masyarakat India di Tanah Melayu sudah mulai bersatu tanpa mengira kasta dan mula menyedari tentang pentingnya persatuan sebagai payung untuk berteduh dan memperjuangkan nasib mereka sendiri. Bermula dari detik inilah munculnya pertubuhan-pertubuhan yang terarah kepada matlamat politik seperti *Central Indian Association of Malaya* (CIAM) dan *Malayan Indian Congress* (MIC).

Bagi masyarakat Melayu sendiri, sebelum wujudnya pertubuhan belia dan wanita yang telah dibincangkan sebelum ini, telah wujud beberapa jenis persatuan yang tidak begitu dimaklumi sejarah, corak dan matlamatnya. Antara yang boleh disebutkan di sini ialah Persekutuan Indra Kayangan yang ditubuhkan di Alor Setar pada tahun 1918, Persekutuan Perbahathan Orang-orang Muslim di Muar pada tahun 1919, Persekutuan Guru-guru Melayu dan Persekutuan Guru-guru Islam yang ditubuhkan pada 1920-an dan *Pan Malayan Malay Literary Society* pada tahun 1924.¹⁹ Tidak banyak yang

diketahui tentang persatuan Persekutuan Indra Kayangan dan Persekutuan Perbahathan Orang-orang Muslim terutama dari segi corak dan matlamatnya. Manakala bagi Persekutuan Guru-guru Melayu dan Persekutuan Guru-guru Islam ia lebih terarah kepada membincangkan tentang masalah yang dihadapi oleh masyarakat Melayu, masalah pendidikan orang Melayu dan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengatasi masalah-masalah berkenaan.²⁰ *Pan Malayan Literary Society* pula ditubuhkan atas daya usaha Zainal Abidin Ahmad (Za'aba) untuk mempertingkatkan bahasa dan kesusasteraan Melayu. Persatuan ini kemudiannya ditukar nama kepada Persekutuan Kemajuan Pengetahuan pada tahun berikutnya. Ia bertukar nama berikutan pertukaran kepimpinan dan mungkin juga kerana matlamatnya ialah untuk bahasa Melayu.

Selain daripada persatuan-persatuan yang telah disebutkan di atas terdapat satu lagi persatuan yang penting yang dirasakan perlu dibincangkan di sini iaitu Persatuan Sahabat Pena Se-Malaya (PASPAM). Persatuan ini mempunyai sejarah yang agak panjang dari segi asal mula ia ditubuhkan dan kesannya bukan sedikit ke arah perpaduan masyarakat Melayu seluruh Tanah Melayu. Malah boleh dikatakan bahawa persatuan ini adalah merupakan persatuan pertama dalam sejarah masyarakat Melayu yang dapat menggabungkan atau menyatukan orang Melayu daripada seluruh negeri sebelum Perang Dunia Kedua. Persatuan ini mempunyai kaitan yang rapat dengan akhbar *Saudara*, sebuah akhbar milik Syed Syekh Al-Hadi seorang tokoh reformis dan modenis Islam yang tidak asing lagi dalam sejarah Malaysia. Ia bermula apabila salah seorang pembaca akhbar berkenaan yang bernama Ariffin Ishak memberi cadangan agar diwujudkan satu ruangan khas bagi membolehkan pembaca-pembaca yang lain menyumbangkan hasil tulisan mereka yang memberi manfaat kepada pembaca lain. Hasil daripada cadangan yang dipersetujui oleh akhbar tersebut, pada Mac 1934, ruangan itu diwujudkan. Ruangan ini kemudiannya bertukar menjadi ruangan sahabat pena, satu ruangan bagi para pembaca untuk berkenalan, bertukar alamat dan bertukar-tukar buah fikiran tentang sesuatu perkara.

Memandangkan sambutan hangat yang diberikan terhadap ruangan sahabat pena ini maka pada April 1934 Persaudaraan

Sahabat Pena pun diwujudkan dengan keahlian yang dibuka kepada orang muda dari seluruh negeri. *Saudara* tetap menjadi medan mereka bertukar-tukar pendapat bahkan telah direka satu rencana pengenalan untuk setiap ahli kelab tersebut. Dengan matlamat untuk menjalinkan hubungan antara satu sama lain di samping memperkembangkan sastera dan persuratan Melayu, Persaudaraan Sahabat Pena terus mendapat sambutan yang menggalakkan daripada para belia Melayu hingga keahliannya meliputi Sabah, Sarawak dan Singapura selain daripada negeri-negeri di Semenanjung sendiri. Dari segi bilangan, ia terus meningkat hingga mencapai angka ratusan malah dalam masa setahun sejak ia ditubuhkan telah mencapai lebih daripada seribu orang.²¹ Persaudaraan Sahabat Pena ini juga buat julung-julung kalinya telah berjaya menarik ahli-ahlinya bersatu ketika mengadakan perjumpaan pertama di Taiping Perak pada November 1934. Buat pertama kalinya satu perjumpaan bercorak kebangsaan diadakan yang mempertemukan belia-belia Melayu Muslim dari serata negeri. Perjumpaan yang dipanggil persidangan ini kemudiannya menjadi acara tahunan. Pada tahun 1935 diadakan di Kuala Lumpur manakala tahun 1936 diadakan di Pulau Pinang pula. Pada waktu itu (1937) keahliannya telah mencapai ke angka sepuluh ribu orang, satu angka yang sangat memberangsangkan ketika itu.

Kepesatan dan sambutan yang begitu menggalakkan daripada masyarakat Islam terhadap Persaudaraan Sahabat Pena telah menimbulkan tuduhan bahawa ia adalah sebuah pertubuhan sulit menyerupai kongsi gelap Cina kerana dipercayai bahawa pertubuhan ini mempunyai motif politik yang diselindungi dengan kegiatan persuratan. Kerajaan Inggeris sendiri menaruh rasa curiga terhadap pertubuhan ini. Bukanlah sesuatu yang menghairankan jika tuduhan seperti itu dilontarkan kepada Persaudaraan Sahabat Pena memandangkan terdapat kalangan pemimpinnya orang yang terlibat dengan gerakan Islah Islam seperti Syed Alwi al-Hadi dan Syeikh Abdullah al-Maghribi. Tambahan pula dalam ruangan sahabat pena *Saudara* berkenaan sering keluar rencana-rencana yang berkaitan dengan keadaan masyarakat Melayu yang serba kekurangan di samping cadangan-cadangan untuk mengatasinya.

Kebimbangan bahawa ia mungkin diharamkan mendorong para pemimpinnya memohon pengecualian pendaftaran di bawah Ordinan Persatuan dengan menggunakan nama Persaudaraan Sahabat Pena Malaya (*The Brotherhood of Friends of the Pen*) dan diluluskan pada Mei 1935.²² Dengan kelulusan ini maka dapatlah persatuan ini bergerak bebas tanpa sebarang kecurigaan dan tuduhan. Ini juga telah membolehkan persatuan ini menubuhkan lebih banyak cawangan dan menjelang tahun 1937 boleh dikatakan bahawa hampir setiap negeri mempunyai cawangannya.

Selain daripada perjumpaan tahunan yang diadakan, Sahabat Pena mempunyai banyak aktiviti lain yang dijalankan. Sejajar dengan matlamatnya yang antara lain untuk memperkembangkan bahasa dan kesusasteraan Melayu, Sahabat Pena telah menerbitkan majalah bulanan bernama *PASPAM* edaran khusus untuk ahli-ahlinya. Boleh dikatakan bahawa banyak aktiviti persatuan ini bertumpu kepada hal-ehwal penerbitan buku dan majalah berbentuk sastera dan sejarah. Untuk mendekatkan ahli dengan persatuan ini, pengerusi Persaudaraan Sahabat Pena sering melawat pejabat cawangannya di seluruh negeri untuk bertemu dan berbincang dengan ahli-ahlinya tentang persatuan dan matlamatnya. Menjelang tahun 1940, tumpuan persatuan ini mula beralih kepada hal-hal yang cenderung ke arah politik orang Melayu khususnya. Pada ketika itu bilangan ahlinya telah mengecil dengan begitu hebat sekali daripada jumlah kira-kira dua belas ribu orang kini hanya tinggal lebih kurang empat ribu orang sahaja. Barangkali ini bersangkutan dengan aktiviti dan matlamat yang telah beralih arah atau juga akibat krisis dalaman yang berlaku. Aktiviti persatuan ini terhenti apabila meletusnya perang dan Tanah Melayu jatuh ke tangan tentera Jepun.

Dalam pada itu, persatuan ini mengalami sedikit kegoncangan akibat krisis darah keturunan pada peringkat kepimpinan. Krisis dalaman ini ketara antara mereka yang berketurunan Jawi Peranakan (campuran Melayu-India) yang disebut juga sebagai DKK (Darah Keturunan Keling) dan keturunan Melayu Arab yang disebut juga sebagai DKA (Darah Keturunan-Arab) dengan yang berketurunan Melayu tulen. Ketua cawangan dan jawatankuasa persatuan di Pulau Pinang kebanyakannya didominasi oleh mereka yang berketurunan

sama ada DKK atau DKA sementara di kebanyakan cawangan lain oleh orang Melayu. Krisis ini berpunca daripada luar persatuan terutamanya apabila timbul masalah takrifan Melayu yang dibangkitkan oleh beberapa pihak seperti Abdul Rahim Kajai. Krisis ini telah menjangkit dan merebak apabila timbul rasa tidak puas hati dan tidak percaya kepada kepimpinan kedua-dua darah keturunan ini. Akibat daripada krisis ini berlaku peletakan jawatan beberapa ahli jawatankuasa persatuan, antaranya Syed Alwi sendiri dan Syeikh Abdullah al-Maghribi. Peletakan jawatan ini melegakan sedikit krisis tersebut dan bermulalah dominasi sepenuhnya oleh orang Melayu pada persatuan itu. Bagaimanapun krisis yang berlaku tidak melumpuhkan aktiviti persatuan ini seperti yang telah dijelaskan di atas tadi tetapi sedikit sebanyak menjejaskan hala tuju dan aktivitiinya.

Aktiviti berpersatuan di Sabah dan Sarawak tidak dapat diselidiki akibat masalah kekurangan bahan. Walau bagaimanapun adalah diyakini bahawa aktiviti ini tidak terkecuali wujud di kedua-dua negeri tersebut lebih-lebih lagi di Sabah kerana telah diketahui bahawa pada awal dekad 1950-an, *Kadazan Cultural Association* (KCA) telah ditubuhkan yang mengutamakan perkembangan kebudayaan kaum Kadazan. Walaupun penubuhannya boleh dikatakan agak lewat tetapi yang pentingnya di sini, kesedaran ke arah persatuan telah wujud di kalangan rakyat Sabah umumnya dan kaum Kadazan khususnya dan ia menjadi titik tolak kepada pertubuhan-pertubuhan politik pada tahun-tahun 1960-an. Di Sarawak, sebelum tertubuhnya parti-parti politik pada tahun-tahun 1960an, tiada catatan tentang adanya pertubuhan sosial. Masyarakat Sarawak sememangnya agak unik kerana pemerintah-pemerintahnya yang terdiri daripada keluarga Brooke amat prihatin dalam memastikan bahawa masyarakat tradisi Sarawak tidak dicemari dengan unsur-unsur luar. Kerana itulah barangkali kegiatan berpersatuan tidak sampai kepada mereka.

Menjelang kemerdekaan lebih banyak persatuan-persatuan sosial yang ditubuhkan mentelah pula ia tidak mendapat apa-apa halangan daripada kerajaan. Namun untuk menyenaraikannya di sini adalah sesuatu yang tidak mungkin. Yang pentingnya kesedaran untuk

bersatu di bawah payung pertubuhan tertentu telah begitu bersemarak di kalangan masyarakat Malaysia dengan kesedaran bahawa jika mereka bergerak secara berkumpulan adalah lebih bermanfaat daripada bergerak secara bersendirian dalam apa-apa perkara sekalipun. Kini pertubuhan-pertubuhan yang dikenali sebagai pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan atau NGO memainkan peranan yang penting dalam menyuarakan tuntutan-tuntutan tertentu yang dirasakan perlu untuk kebaikan masyarakat secara keseluruhan.

Nota Hujung

1. Hussein Mohamed, 1983. "*Asal mula Akta Pertubuhan di Malaysia: Satu Catatan Ringkas*", Malaysia Dari Segi Sejarah, bil. 2. Hlm. 162.
2. Victor Purcell, 1967. *Chinese in Malaya*. (Kuala Lumpur, Oxford University Press), hlm. 157.
3. *Ibid.*
4. Mahani Musa, 1991. "Pakatan Sulit di Negeri-negeri Utara Pantai Barat Semenanjung Tanah Melayu, 1821-1930-an". Universiti Sains Malaysia. (Tesis yang tidak diterbitkan), hlm. 71.
5. Hussein Mohamed, *op. cit.*, hlm. 163.
6. *Ibid.*, hlm. 165.
7. Rahmat Saripan, Kegiatan-kegiatan Awal yang Berbau Politik dan Tumbuhnya Kesatuan Melayu Singapura, JEBAT bil. 1, 1971/72, hlm. 55.
8. *Ibid.*
9. Hussein Mohamed, *op. cit.*
10. Hussein Mohamed, 1986. *Gerakan Belia di Malaysia*. (Kuala Lumpur, Gateway Publishing House Sdn. Bhd.), hlm. 121.
11. Alias Mohamed, 1983. *Gerakan Sosial & Politik Kelantan*. (Kuala Lumpur, Insular Publishing House Sdn. Bhd.), hlm. 68.
12. Dari segi tarikh sebenar kemunculan persatuan ini menimbulkan keraguan kerana Hussein Mohamed memberikan tarikh 1926 iaitu ia lebih dahulu ditubuhkan berbanding Putera Club. Lihat bukunya di halaman 133 & 134.

Manakala Alias Mohamed memberikan tarikh 1931 iaitu tiga tahun selepas Putera Club ditubuhkan. Lihat kajiannya di hlm. 69.

13. Alias Mohamed, *op. cit.* hlm. 69.
14. Lenore, Manderson (1980). *Women, Politics and Change: The Kaum Ibu UMNO Malaysia, 1945-1972*. (Kuala Lumpur, Oxford University Press), hlm. 51.
15. *Ibid.*, hlm. 53.
16. Usha Mahajani, 1973. *The Role of Indian Minorities in Burma and Malaysia*. (Connecticut, Greenwood Press Publisher), hlm. 120.
17. *Ibid.*
18. *Ibid.*, hlm. 121.
19. W.R. Roff, 1994. *The Origins of Malay Nationalism*. (Kuala Lumpur, Oxford University Press), hlm. 184.
20. *Ibid.*, hlm. 185.
21. *Ibid.*, hlm. 214-216.
22. *Ibid.*

Bibliografi

- A.M. Iskandar Haji Ahmad, 1980. *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*. Kuala Lumpur: DBP.
- Abdul Hadi Hj. Hassan, 1963. *Sejarah Alam Melayu, penggal II*. Singapura: Malaya Publishing House Ltd.
- Abdul Kadir Hj. Muhammad, 1996. *Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: DBP.
- Abdul Rahman Haji Abdullah, 1985. *Asia Tenggara Tradisional: Politik dan Kebudayaan*. Kuala Lumpur: Teks Publishing.
- _____, 1989. *Islam dalam Sejarah Asia Tenggara Tradisional*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pena Sdn. Bhd.
- _____, 1987. *Pemikiran Islam Masa Kini*. Kuala Lumpur: DBP.
- _____, 1992. *Gerakan Tradisional Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbitan Kintan.
- Abdullah Haji Ishak, 1987. *Pengajian Pondok di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. (Tesis PhD. yang tidak diterbitkan)
- Abdullah Munshi, 1953. *Hikayat Abdullah*. Jakarta: Djambatan.
- Abdullah Siddik, 1975. *Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Abu Hassan Sham & Mariyam Salim, 1995. *Sastera Undang-undang*. Kuala Lumpur: DBP.
- Ahmad Ibrahim, 1995. *Mendekati Sejarah Undang-undang di Malaysia dan Singapura*. Kuala Lumpur: DBP.
- Ahmad Ibrahim & Ahilemah Jones, 1987. *The Malaysian Legal System*. Kuala Lumpur: DBP.
- Ahmad Masjidin, 1984. "Malayan Union dari Kaca Mata Warta Negara", *Sejarah Masyarakat Melayu Modern*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Ahmat Adam, 1992. *Sejarah dan Bibliografi Akhbar dan Majalah Melayu Abad Kesembilan Belas*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Alias Mohamed, 1986. *Gerakan Sosial Politik Kelantan*. Kuala Lumpur: Insular Publishing House Sdn. Bhd.
- Amarjit Kaur, 1990. "Working on the Railway: Indian Workers in Malaya, 1880-1957", *The Underside of Malaysian History*. Singapore: Singapore University Press.
- _____, 1984. "An Historical Study of Transport in Malaya", *Historia*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- _____, 1991. "Semenanjung Tanah Melayu Abad ke-19: Satu Tinjauan Ekonomi", *Masyarakat Melayu Abad ke-19*. Kuala Lumpur: DBP.
- Aminuddin Baki, 1966. "The Institution of Debt Slavery in Perak", *Peninjau Sejarah*, Jld. 1, no. 1.
- Andaya & Andaya, 1983. *Sejarah Malaysia*. Petaling Jaya: Macmillan.
- Arasaratnam, S., 1970. *Indian's in Malaya and Singapore*. Bombay: Oxford University Press.
- Arnold, T.W. 1965. *The Preaching of Islam*. Lahore: M. Ashraf.
- Arseculeratne, S.N., 1991. *Sinhalese Immigrant in Malaysia and Singapore 1860-1990*. Colombo: K.V.G. De Silva & Sons.

- Awang Had Salleh, 1980. *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya*. Kuala Lumpur: DBP.
- _____, "Sekolah Melayu, Sekolah Rakyat dan Pondok di Kedah". Konvensyen Sejarah Kedah 1981, Alor Setar, Kedah.
- Bird Isabella, 1992. *The Golden Chersonese*. Singapore: Oxford University Press.
- Blythe, W.L., 1953. *Historical Sketch of Chinese Labour in Malaya*. Malayan Branch Royal Asiatic Society.
- Chai Hon Chan, 1967. *The Development of British Malaya 1896-1909*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Chandra Muzaffar, 1988. *Kebangkitan Semula Islam di Malaysia*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Cheah Boon Kheng, 1991. "Feudalisme Melayu, Ciri-ciri dan Pensejarahannya" (Syarahan Perlantikan Profesor). Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Cheeseman, H.R., 1979. "Educations in Malaya 1900-1941", *Malaysia in History*, vol.22. Persatuan Sejarah Malaysia.
- Crawford, J., 1967. *History of Indian Archipelago*, vol. 11. London: Frank Cass.
- Daniel J. Rabindra, 1992. *Indians Christians in Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Tamil Annual Conference, Methodist Church.
- Fleming J.R., 1968. "Singapore, Malaysia and Brunei: the Church in a Melting Pot", *Christ and Crisis in Southeast Asia*. New York: Friendship Press.
- Francis Wang Hoy Kee, 1972. *Perspectives: The Development of Educations in Malaysia and Singapore*. Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd.
- _____, 1975. *Educations in Malaysia* (2nd. Ed.) Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd.
- Ghazali Basri, 1992. *Christian Mission and Islamic Da'wah in Malaysia*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

- _____, 1999, *Gerakan Kristian*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- George K.M. 1981. "Historical Development of Educations", *Commemorative History of Sabah*. Sabah State Government.
- George V. 1992. "The Mar Thoma Church", *Christianity in Malaysia: A Denominational History*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Gideon Chang, 1992. "The Lutheran Church of Malaysia and Singapore", *Christianity in Malaysia: A Denominational History*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Ginsburg, N. & Chester E. Robert Jr. 1958. *Malaya*. Seattle: University of Washington Press.
- Gullick, J.M., 1970. *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: DBP.
- _____, 1987. *Malay Society in the Late Nineteenth*. Singapore: Oxford University Press.
- _____, 1988. *Kuala Lumpur 1880-1895*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Hall, D.G.E., 1987. *Sejarah Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: DBP.
- Hamid Jusoh, 1992. *Kedudukan Undang-undang Islam dalam Perlembagaan Malaysia*. Kuala Lumpur: DBP.
- Hamzah Sendut, 1964. "Urbanization", *Malaysia: A Survey*. London: Frederick A Praeger.
- Haris Mohd. Jadi, 1990. *Etnik, Politik dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: DBP.
- Hooker M.B., 1972. *Adat Laws in Modern Malaya*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Hooker M.B., 1991. *Undang-undang Islam di Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: DBP.
- Hussein Mohamed, 1983. "Asal Mula Akta Pertubuhan di Malaysia: Satu Catatan Ringkas", *Malaysia dari Segi Sejarah*, bil. 2.

- Hussin Mutalib, 1990. *Islam and Ethnicity in Malay Politics*. Singapore: Oxford University Press.
- _____, 1993. *Islam in Malaysia: From Revivalism to Islamic State*. Singapore: Oxford University Press.
- Hwa Yung & Robert Hunt, 1992. "The Methodist Church", *Christianity in Malaysia: A Denominational History*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Hwang Wei-Tjang, 1992. "The Baptist Church in West Malaysia", *Christianity in Malaysia: A Denominational History*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Ibrahim Saad, 1986. *Pendidikan dan Politik di Malaysia*. Kuala Lumpur: DBP.
- Ismail Abdul Rahman, 2000. *Gerakan Gereja Katolik di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail Hamid, 1988. *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: DBP.
- Jackson, J.C., 1976. *Sarawak*. Kuala Lumpur: DBP.
- Kennedy, J., 1970. *A History of Malaya*. London: MacMillan.
- Khasnor Johan, 1984. *The Emergence of Modern Malay Administrative Elite*. East-Asian Historical Monographs. Singapore: Oxford University Press.
- Khazim Mohd. Tamrin, 1987. *Orang Jawa di Selangor: Penghijrahan dan Penempatan 1880-1940*. Kuala Lumpur: DBP.
- Khoo Kay Kim, March 1974. "Malay Society 1914-1920s", JSEAS, vol. 5 no. 2.
- _____, 1984. *Negeri-negeri Melayu Pantai Barat 1850-1873*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- _____, 1988. "English Newspaper in Malaya 1900-1941", *Akhbar dan Majalah di Malaysia: Sejarah dan Perkembangannya*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- _____. 1991. *Malay Society: Transformation & Democratisation*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Krishnan Maniam, 1988. "Sejarah dan Perkembangan Akhbar dan Majalah India Sebelum dan Selepas Merdeka: Sumbangan serta Peranannya dalam Masyarakat India", *Akhbar dan Majalah di Malaysia: Sejarah dan Perkembangannya*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Lee Kam Hing, 1992. "The Christian Brethren", *Christianity in Malaysia: A Denominational History*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Lee Yong Leng, 1965. *North Borneo (Sabah)*. Singapore: Eastern Universiti Press.
- Liaw Yock Fang, 1976. *Undang-undang Melaka*. The Haque.
- Loh Soon Choy, 1992. "The Evangelical Free Church", *Christianity in Malaysia: A Denominational History*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Mahajani, U. 1973. *The Role of Indians Minorities in Burma and Malaysia*. Connecticut: Greenwood Press Publisher.
- Mahani Musa, 1991. "Pakatan Sulit di Negeri-negeri Utara Pantai Barat Semenanjung Tanah Melayu, 1821-1930-an", (tesis sarjana yang tidak diterbitkan) Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Manderson, L. 1980. *Women, Politics and Change: The Kaum Ibu UMNO Malaysia 1945-1972*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Maxwell W., 1884. "Law and Customs of the Malays with Reference to the Tenure of Land", JMBRAS vol. 13.
- Mc Gee, T.G., 1965. *Population: A Preliminary Analysis, Malaysia: A Survey*. London: Frederick A Praeger.
- McNair J.E., 1972. *Perak and the Malays*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Md. Jani Naim, "Sekolah Agama Rakyat di Sabak Bernam hingga

1945", *Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia. (tt)

Mohammed Yusoff Ismail, 1993. *Buddhism and Ethnicity: Social Organization of a Buddhist Temple in Kelantan*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.

Mohd. Amin Hassan, 1992. "Asas Perkembangan Ekonomi Tanah Melayu: Bijih Timah dan Getah", *Malaysia: Warisan dan Perkembangan*. Kuala Lumpur : DBP.

Mohd. Nor Long, 1982. *Perkembangan Pelajaran di Sabah*. Kuala Lumpur: DBP.

Mohd. Sarim Hj. Mustajab & et.al (Peny.). 1988. *Akhbar dan Majalah di Malaysia: Sejarah dan Perkembangannya*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

_____, 1979. "Gerakan Islah Islam di Tanah Melayu 1906 hingga 1948", *Malaysia: Sejarah dan Proses Kembangan*. Kuala Lumpur: Persekutuan Sejarah Malaysia.

Nabir Hj. Abdullah, 1976. *Madrasah Maarif Ihya Al-Shariff Gunung Semanggol 1934-1959*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

_____, 1990. "Imperialisme Budaya: Peranan Mubaligh Kristian di Tanah Melayu dan Singapura Sebelum Merdeka", *Kolonialisme di Malaysia dan Negara-Negara Lain*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.

Nagata J., 1984. *The Feflowering of Malaysian Islam*. Vancouver: University of British Columbia Press.

Newbold T.J., 1971. *A Political and Statistical Account of the British Settlement in the Straits of Malacca*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Nordin Selat, 1978. *Remungan*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Norhalim Hj. Ibrahim, 1993. *Adat Perpatih, Perbezaan dan Persamaan dengan Adat Temenggung*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.

Northcott M.S., 1922. "Two Hundred Years of Anglican Mission", *Christianity in Malaysia: A Denominational History*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.

Ongkili J.P. 1985. *Nation-building in Malaysia 1946-1974*. Singapore: Oxford University Press.

- Othman Bakar, "Haji Salleh Masri: Pengasas Al-Masriyyah", *Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia. (tt)
- Paul J., 1992. "The Evangelical Church in Malaysia and Singapore", *Christianity in Malaysia: A Denominational History*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Purcell V. 1967. *The Chinese in Malaya*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Rahim Osman, "Madrasah Masyhur Al-Islamiyah", *Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia. (tt)
- Rahmat Saripan, "Kegiatan-kegiatan Awal yang Berbau Politik dan Tumbuhnya kesatuan Melayu Singapura", *JEBAT*, bil. 1 (1971/72).
- Rimmer J. & Lisa M. Allen (ed.), 1990. *The Underside of Malaysian History*. Singapore: Singapore University Press.
- Roff W.R., 1967. *Sejarah Surat-surat Khabar Melayu*. Pulau Pinang: Saudara Sinaran.
- Roff W.R., 1994. *The Origins of Malay Nationalism* (2nd. Ed.) Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Roxborough J., 1992. "The Roman Catholic Church", *Christianity in Malaysia: A Denominational History*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- _____, "The Presbyterian Church", *Christianity in Malaysia: A Denominational History*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Sabihah Osman, 1990. *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak*. Kuala Lumpur: DBP.
- Samah Shariff, "Madrasah Al-Haji Taib, Kampung Parit Jamil Muar", *Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia. (tt)
- Sandhu K.S., 1969. *Indians in Malaya*. London: Cambridge University Press.
- Saw Swee Hock, "Urbanization in West Malaysia 1911-1970", *Towards A Modern Asia*.
- Sheallabear W.G., 1991. *Sejarah Melayu*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Stevenson R., 1975. *Cultivators and Administrators*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

- Swettenham Frank, 1984. *Malay Sketches*. Singapore: Graham Brash (Pte) Ltd.
- Syed Hussin Al-Attas, 1991. *Mitos Peribumi Malas: Imej Orang Jawa, Melayu dan Filipina dalam Kapitalisme Penjajah*. Kuala Lumpur: DBP.
- Syed Mohd. Naquib Al-Attas, 1969. *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago*. Kuala Lumpur: DBP.
- Tan Eng Tek, 1988. "Perkembangan Akhbar-akhbar Cina di Malaysia", *Akhbar dan Majalah di Malaysia: Sejarah dan Perkembangannya*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tham Seong Chee, 1977. *Malays and Modernization*. Singapore: Singapore University Press.
- Tregonning K.G., 1967. *A History of Modern Sabah*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Vlekke B.H.M., 1967. *Nusantara: A History of Indonesia*. Kuala Lumpur.
- Wilkinson R.J., 1908. *Papers on Malay Subject; Law*, part 11, *The Ninety Nine Law of Perak* (ed. J. Rigby). Kuala Lumpur: Federations Malays States.
- _____, 1909. *Papers on Malay Subject; Law*, part 11. Kuala Lumpur: Federations Malays States.
- Yab Beng Ling, 1989. "Stratifikasi Sosial dan Masyarakat Melayu", *Masyarakat Melayu: Struktur, Organisasi dan Manifestasi*. Kuala Lumpur : DBP.
- Zainah Anwar, 1987. *Islamic Revivalism in Malaysia*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Zainal Abidin Wahid, 1983. "Power and Authority in the Melaka Sultanate: The Traditional View", *Melaka*, jld. 1.

Akhbar/Majalah

- Al-Imam* 23 Julai 1906, 19 Sept. 1906 & 1 Jun 1908.
- Saudara* 25 April 1931.

Biodata



AZMAH ABDUL MANAF dilahirkan di Kota Tinggi, Johor Darul Takzim pada 24 April 1962. Mendapat pendidikan awal di Kota Tinggi, Johor dan kemudian di Johor Bahru. Melanjutkan pelajaran di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang pada peringkat ijazah pertama pada tahun 1983 dan diteruskan sehingga mendapat ijazah sarjana dalam bidang Sejarah. Mula bertugas sebagai guru Sejarah di Pusat Pengajian Luar Kampus Universiti Sains Malaysia pada tahun 1991 dan dilantik sebagai pensyarah pada tahun 1994 di Bahagian Sejarah Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh. Belum pernah menerbitkan buku. Buku *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia* ini merupakan karya pertama beliau.